YB. DATO' SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Bacaan Doa.

[Doa dibacakan oleh Tuan Setiausaha Dewan Undangan Negeri]

I. BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - DOA

YB. DATO' SPEAKER

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, di atas meja ada dibekalkan Notis Dewan berkenaan dengan tambahan Kertas Dewan Bil.14 Tahun 2021, Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Hutan dan satu lagi Notis Dewan berkenaan pindaan maklumat pada Buku Bajet 2022 iaitu pada rajah di muka surat 3 – Anggaran Hasil, Terimaan Bukan Hasil (22.0%) dan pada rajah di muka surat 5 – Anggaran Peruntukan Pembangunan Mengikut Sektor Pentadbiran dan Lain-Lain (10.20%).

Yang kedua, berkenaan pematuhan SOP. Semua Ahli Yang Berhormat dipohon mematuhi SOP yang telah ditetapkan semasa hadir ke Persidangan Dewan pada kali ini. Perkara yang perlu diberi perhatian ialah semasa makan dan minum di Aras 4 di mana hanya seramai 10 orang sahaja boleh berada di tempat makan pada satu-satu masa. Perkara yang ketiga ialah semasa masuk ke tandas hanya dibenarkan 2 orang sahaja yang boleh masuk pada satu-satu masa samada tandas lelaki ataupun tandas perempuan. Jangan duduk bersembang dekat antara satu sama lain dan tidak boleh berkumpul terlalu ramai pada satu-satu masa. Ini teguran daripada KKM. Perkara yang keempat Buku Ucapan Bajet 2022. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat dan ketua-ketua jabatan sekalian. Untuk kali ini Ucapan Bajet 2022 tidak lagi disediakan dalam bentuk buku. Semua Ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan teks ucapan melalui bar code yang akan diedarkan selepas sidang dewan pada hari ini iaitu di luar dewan.

Perkara yang kelima, untuk makluman YB. Yeoh Keng Chuan dari Kulim tidak dapat hadir pada sidang ini kerana doctor menasihatkan beliau berehat di rumah. Yang keenam YB. Azman Nasrudin juga tidak hadir pada hari ini dan hari esok kerana beliau menjadi kontak rapat positif covid. Yang Berhormat akan hadir hari selasa selepas swab test dilakukan.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha Dewan.

II. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan Kertas-Kertas Dewan oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya pohon membentangkan Kertas-Kertas Dewan yang berikut seperti di meja Ahli-Ahli Yang Berhormat :-

Kertas Dewan Bil. 10 Tahun 2021	-	Anggaran Perbelanjaan Tahun 2022.
Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2021	-	Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Tahun 2022.
.		
Kertas Dewan Bil. 12 Tahun 2021	-	Anggaran Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Tahun 2022.
Kertas Dewan Bil. 13 Tahun 2021	-	Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Tahun 2019 dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 Aktiviti Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah.
Kertas Dewan Bil. 14 Tahun 2021	-	Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Tahun 2022.

Sekian, Terima Kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri Tahun 2022 dibacakan buat kali pertama

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

[Bacaan Kali Pertama]

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan Rang Undang-Undang tersebut, dukacita dimaklumkan ianya tidak sempat disiarkan di dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan 65, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. Oleh kerana Rang Undang-Undang ini mustahak diadakan dengan segera, maka kebenaran Yang Berhormat Dato' Speaker telah pun diambil menurut sepertimana yang dikehendaki oleh Peraturan Dewan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama " Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan bagi tahun 2022 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu" itu dibacakan bagi kali yang pertama.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan bagi tahun 2022 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu".

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR
[Bacaan Kali Kedua]

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Kedua di dalam Persidangan Dewan ini juga.

YB. DATO' SPEAKER - SILAKAN

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Kedua dan dengan ini sukalah saya membuat sedikit sebanyak penjelasan mengenai Bajet Negeri Kedah bagi Tahun 2022 yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

III. UCAPAN BAJET NEGERI 2022 DIBENTANGKAN OLEH YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR KEDAH DARUL AMAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bismillahirohmanirrohim.

Alhamdulillahi Robbil Alamin. Wassolatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya'l Walmursalin, Saidina Muhammadin Sallallahu Alaihi Wassalam, Wa'ala Alihi Washohbihi Ajmain.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Ketua-ketua Jabatan, hadirin yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmatnya, kita dapat berada di dewan yang mulia ini sempena Persidangan Bajet 2022.

Suasana persidangan pagi ini lebih ceria kerana Kedah telah beralih ke Fasa Empat (4) dibawah Pelan Pemulihan Negara (PPN). Secara keseluruhannya, semua aktiviti boleh dilakukan dengan pematuhan kepada *Standard Operating Procedure* (SOP). Saya menyeru agar seluruh ahli masyarakat sentiasa berhati-hati menjaga diri dan keluarga masing-masing melalui kehidupan dalam tempoh Endemik COVID-19.

Kerajaan negeri melangkah ke tahun 2021 dengan semangat membara untuk mencergaskan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat berikutan pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2020. Pelbagai program yang dirancang menerusi Bajet 2021 mula dilaksanakan. Namun, pelaksanaan program telah tertangguh berikutan serangan Gelombang Ketiga COVID-19 pada bulan Jun tahun 2021.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan COVID-19 yang telah memberi kesan kepada kehidupan. Semua aktiviti ekonomi dan urusan harian masyarakat telah terjejas.

Alhamdulillah, syukur kita kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana telah memberikan kekuatan dan kesabaran kepada seluruh warga Kedah dalam mengharungi ujian COVID-19 ini.

Kerajaan negeri bersama semua jabatan negeri dan persekutuan termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kesihatan Negeri Kedah (JKNK) dan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah berpadu tenaga menguruskan pandemik COVID-19. Keutamaan kerajaan ialah melaksanakan progam pencegahan penularan COVID -19 dan menguruskan rawatan kepada pesakit yang disahkan positif COVID -19 dilaksanakan secara teratur. Pada masa yang sama juga, kerajaan melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di setiap daerah telah menguruskan Program Bantuan dalam bentuk barangan keperluan harian dan bantuan Bakul Makanan.

Sehingga 10 November 2021, Kedah merekodkan 151,905 kes positif COVID-19 dengan 2,024 kes kematian. Kerajaan telah memperhebatkan program vaksinasi kepada penduduk dewasa melalui CITF Daerah. Bilangan penduduk dewasa yang lengkap divaksinasi iaitu menerima dua (2) dos adalah seramai 1.3 juta orang ataupun 86.3%.

Kerajaan negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, Jabatan Negeri dan Persekutuan, GLC, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), syarikat-syarikat swasta, Jawatankuasa Kariah Masjid dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah sama-sama mengembeling tenaga menjayakan usaha mencegah penularan COVID-19.

Dengan kerjasama semua, bantuan kepada golongan terkesan dapat disampaikan secara terus dan telus. Sehubungan itu, program vaksinasi di Negeri Kedah dapat disempurnakan dengan cepat.

COVID-19 - PAKEJ BANTUAN KERAJAAN NEGERI

Kerajaan negeri tidak menjangkakan pandemik COVID-19 akan berlarutan sehingga tahun 2021. Bajet 2021 tidak menyediakan peruntukan khusus untuk sebarang bentuk bantuan COVID-19. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan mengutamakan rakyat, kerajaan telah menggunakan peruntukan luar jangka dan terpaksa menangguhkan beberapa program lain bagi menampung keperluan ini. Sejumlah RM32.4 juta dalam bentuk pakej bantuan kepada golongan yang terkesan. Bantuan meliputi:

- Bantuan tunai,
- Bantuan barang keperluan asas,
- Pinjaman mudah kepada golongan penjaja, peniaga kecil dan usahawan,
- Bantuan pembiayaan *swab-test* kepada penyedia perkhidmatan penghantaran makanan.

Bantuan kepada penduduk yang terlibat dengan PKP dan PKPD sepanjang tahun 2021 telah disalurkan melalui PKOB di Pejabat Daerah dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sejumlah 100 ribu bakul makanan telah diedarkan sehingga Oktober 2021.

Untuk tahun 2021 juga, kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM750 ribu bagi bantuan keperluan lampin pakai buang dan susu formula kepada keluarga yang kehilangan pendapatan dan tidak mampu untuk menyediakan barangan ini.

Selain itu, Lembaga Zakat Negeri Kedah telah memberikan sumbangan bantuan barangan makanan, peralatan perubatan, bantuan tunai, elaun kepada sukarelawan, dan peralatan kepada pelajar untuk pembelajaran atas talian berjumlah RM49.8 juta.

PROGRAM PEMULIHAN EKONOMI DALAM TEMPOH PANDEMIK COVID-19

Bantuan Khemah dan Peralatan Asas Penjaja

Bantuan khemah dan peralatan kepada penjaja dan peniaga kecil serta mereka yang terputus pendapatan telah dibuat melalui Pusat Khidmat DUN pada bulan Julai 2021. Sejumlah 100 buah khemah dan peralatan asas perniagaan seperti meja lipat telah diedarkan. Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM1.242 juta bagi memastikan kelangsungan ekonomi mereka ini tidak terjejas sepanjang pandemik COVID -19.

Kerajaan negeri juga melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menyediakan tapak niaga yang bersesuaian dan mewujudkan zon bebas niaga untuk membantu golongan penjaja dan peniaga kecil.

Pengecualian Bayaran dan Moratorium

Selain bantuan dalam bentuk tunai dan barangan, kerajaan negeri telah memberi inisiatif berkaitan bayaran cukai dan bayaran perkhidmatan kerajaan kepada pihak yang terkesan dengan PKP seperti berikut:-

- Kerajaan negeri telah memberikan pelanjutan tempoh perlaksanaan kadar 7.5% cukai hiburan kepada pengusaha taman tema di Langkawi selama dua (2) tahun bermula 1 Jun 2021.
- Pengecualian sewaan kantin di premis milik kerajaan negeri turut diberikan kepada pengusaha kantin yang terkesan.
- Selain itu, pengurangan bayaran lesen hiburan turut diberikan kepada pengusaha dan operator aktiviti hiburan yang terkesan berdasarkan permohonan.
- Penyewa Skim Perumahan Milik Kerajaan diberikan penangguhan bayaran sewa selama 1 bulan bermula 1 Jun 2021.
- Pengecualian bayaran sewa premis kerajaan bagi kategori rumah kedai milik Bahagian Perumahan selama satu (1) bulan.
- Pemberian pengurangan sewa sebanyak 50% kepada penyewa bangunan Kerajaan Negeri Kedah dibawah seliaan Jabatan Pertanian Negeri Kedah.

KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN

PRESTASI HASIL 2021

Sehingga 11 November 2021, jumlah terimaan hasil adalah sebanyak RM631.68 juta iaitu 87.73% daripada anggaran hasil tahun 2021 sebanyak RM720 juta.

Prestasi terimaan hasil tahun 2021 adalah lebih baik berbanding prestasi tahun 2020 yang berjumlah RM560.66 juta, dengan pertambahan terimaan hasil adalah RM71.02 juta. Walaupun Negeri Kedah berada didalam tempoh PKP dan urusan di kaunter tidak dapat dibuat, usaha kutipan hasil telah dibuat secara atas talian melalui aplikasi dan portal kutipan hasil yang telah dibangunkan. Usaha ini memudahkan urusan pembayaran cukai dan mendapat sambutan menggalakkan daripada pembayar cukai.

Pentadbiran tanah mencatatkan terimaan hasil sebanyak RM450.29 juta, Jabatan Perhutanan merekodkan terimaan sebanyak RM16.64 juta dan Hasil Pelbagai berjumlah RM162.09 juta. Terimaan hasil daerah agak rendah dengan kutipan berjumlah RM2.66 juta ini adalah kesan daripada PKP kerana banyak aktiviti ekonomi tidak dapat beroperasi.

Terimaan hasil pentadbiran tanah menunjukkan prestasi yang baik berikutan pertambahan bayaran cukai tanah semasa, bayaran tunggakan cukai tanah, terimaan premium tanah semasa dan bayaran *levi swaping* tanah.

Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Negeri

Sehingga 2 November 2021, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatatkan lebihan sebanyak RM170.04 juta.

Perolehan Kerja Cabutan Undi Secara Atas Talian

Bagi meningkatkan ketelusan dalam urusan perolehan kerajaan, kaedah perolehan secara cabutan undi atas talian telah dilaksanakan. Langkah ini telah mendapat sambutan yang positif di kalangan kontraktor G1 dan G2. Pada tahun 2021 Cabutan Kerja Undi telah dibuat sebanyak empat (4) Fasa iaitu Fasa Pertama pada 28 Februari 2021 dan 1 Mac 2021, Fasa Kedua pada 27 April hingga 29 April 2021, Fasa Ketiga pada 25 Julai 2021 dan Fasa Keempat pada 20 Oktober 2021.

Bagi tahun 2021, bilangan keseluruhan projek yang dijalankan di dalam Cabutan Kerja Undi Tahun 2021 adalah sebanyak 1,598 projek dengan nilai keseluruhan berjumlah RM145 juta.

PRESTASI PERBELANJAAN 2021

Sehingga 11 November 2021, Perbelanjaan Mengurus Negeri adalah berjumlah RM469.07 juta. Prestasi perbelanjaan tahun 2021 adalah 58.7% berbanding anggaran keseluruhan perbelanjaan berjumlah RM798.8 juta. Prestasi perbelanjaan jabatan negeri adalah lebih rendah disebabkan perintah kawalan pergerakkan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2021.

Adaptasi norma baru dalam perkhidmatan terutamanya berkaitan perkhidmatan jabatan kerajaan turut memberi kesan dan penjimatan dalam perbelanjaan. Tahun 2021 merupakan tahun awal pelaksanaan dan pembangunan sistem kearah pendigitalan perkhidmatan. Mesyuarat atas talian adalah norma baru dalam urusan pentadbiran jabatan, perubahan ini dilihat memberikan impak dalam mempercepatkan proses kerja dan menjimatkan kos perbelanjaan mesyuarat dari segi dokumentasi secara fizikal.

Perancangan perbelanjaan pembangunan negeri tahun 2021 telah diluluskan untuk dilaksanakan secara sukuan tahun, bagi menjamin pelaksanaan projek dapat disempurnakan mengikut jadual. Walaubagaimanapun, disebabkan PKP jadual pelaksanaan projek telah terjejas menyebabkan sektor pembinaan tidak dapat beroperasi, bekalan bahan binaan tidak mencukupi dan pelaksanaan projek-projek ini terpaksa dinilai semula kerana kos telah bertambah. Penilaian semula projek bernilai besar dan pelaksanaan terpaksa dibawa ke tahun hadapan.

Prestasi Bayaran

Walaupun dalam tempoh PKP, kebanyakkan jabatan kerajaan tidak dapat beroperasi secara penuh dengan seratus peratus kehadiran, prestasi bayaran baucer jabatan negeri telah mencapai 93.27% bayaran dalam tempoh tujuh (7) hari, 6.55% bayaran dalam tempoh 14 hari dan hanya 0.18 peratus% dalam tempoh melebihi 14 hari. Kerajaan negeri juga komited untuk mencapai sasaran sifar bayaran melebihi 14 hari.

Rizab Kerajaan

Sehingga 2 November 2021, simpanan tetap kerajaan negeri adalah sebanyak RM660.31 juta, dijangkakan berakhir pada 31 Disember 2021. Setelah selesai bayaran tanggungan dan penyelesaian bil-bil, Kerajaan dijangka masih mempunyai simpanan tetap sebanyak RM510.31 juta.

Kedudukan Hutang

Seperti semua sedia maklum, Perjanjian Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Kedah telah berjaya ditandatangani pada 4 Mac 2021. Ini adalah hasil kerja keras kerajaan menyelesaikan beberapa perkara yang tertangguh didalam proses rundingan selama tujuh (7) tahun.

Kerajaan Persekutuan telah memulakan pelarasan hapuskira pinjaman bekalan air berjumlah RM701.49 juta.

Dengan hapuskira pinjaman bekalan air luar bandar tersebut, pinjaman bekalan air Kerajaan Negeri Kedah telah berkurang daripada RM1.786 bilion kepada RM1.133 bilion. Baki pinjaman berjumlah RM1.133 bilion ini diambil alih oleh Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB).

Apabila selesai proses ambil alih baki pinjaman bekalan air oleh PAAB, baki pinjaman Kerajaan Negeri yang belum selesai adalah berjumlah RM793.23 juta merangkumi pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah, pinjaman Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKNK) dan pinjaman pelbagai.

Prestasi Kemajuan Projek Keutamaan Negeri

Pada tahun 2021, disebalik kesuraman ekonomi global disebabkan oleh penularan pandemik COVID-19, kerajaan negeri telah berjaya menarik pelaburan keseluruhan sebanyak RM43.6 bilion merangkumi RM42.5 bilion dalam sektor pengilangan, RM1.1 bilion dalam sektor perkhidmatan dan industri utama.

Pelaburan tahun 2021 telah menunjukkan peningkatan dan menjadikan Negeri Kedah berada di tangga pertama di kalangan negeri-negeri di Malaysia. Antara pelaburan utama pada tahun ini telah disumbangkan melalui pelaburan dalam bidang tenaga boleh diperbaharui iaitu Risen Solar Technology Sdn Bhd.

Ini diikuti oleh syarikat Munzing Malaysia Sdn. Bhd sebanyak RM55 juta, dan syarikat SP Mega Mineral Sdn. Bhd. sebanyak RM29 juta dan beberapa lagi syarikat lain. Pelaburan ini telah membuka peluang pekerjaan sebanyak 4,417 pelbagai jawatan yang bakal dinikmati oleh rakyat Malaysia secara amnya dan Kedah secara khususnya.

Pada tahun 2022, kerajaan negeri berpandukan Teras Kemakmuran Ekonomi di bawah Pelan Pembangunan Negeri Kedah 2035 (KEDAH2035) telah menyasarkan beberapa lagi syarikat-syarikat ternama yang akan memilih Kedah sebagai destinasi pelaburan utama pada tahun 2022. Antara kawasan yang berpotensi bagi pelaburan baharu di Negeri Kedah adalah Kedah Rubber City (KRC), Kulim Hi Tech Park (KHTP), Kedah Science and Technology Park (KSTP), Special Border Economic Zone (SBEZ), Kulim International Airport (KXP), Kawasan Perindustrian Bukit Selambau, Gurun Industrial Park dan Kawasan Industri Padang Meha.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) turut memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur bagi kawasan-kawasan perindustrian. Pada tahun 2021, peruntukan sebanyak RM6.61 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membaikpulih infrastruktur kawasan industri di Negeri Kedah.

Pemajuan Kawasan IndustrI di Kulim Hi-Tech (KTPC)

Susulan daripada peningkatan aliran masuk pelaburan ini, Kerajaan negeri telah bersetuju bagi melaksanakan pembesaran Kulim Hi-Tech Park (KHTP) Fasa 4A dan Fasa 5 dengan keluasan 695 ekar bagi menampung permintaan daripada pelabur. Jangkaan peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan daripada projek pembesaran ini dijangka dapat mewujudkan sejumlah 15,000 peluang pekerjaan baharu kepada penduduk setempat terutamanya di Negeri Kedah.

Selain itu, bagi mempercepatkan proses kelulusan Kebenaran Merancang dan Bangunan, Kerajaan Negeri melalui projek perintis oleh Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), Kedah telah memperkenalkan Permit Pembinaan Ekspress atau E10 yang mampu memproses kelulusan dalam tempoh 10 bulan sahaja.

PRESTASI RMK-11

Rancangan Malaysia ke-11 yang bermula pada tahun 2016 sehingga 2020 peringkat Negeri Kedah telah diperuntukan sejumlah RM1.15 billion merangkumi lapan (8) Jabatan Pembangunan. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaaan bagi RMK-11 Negeri Kedah adalah berjumlah RM512.8 juta atau 44.58%.

Prestasi agak rendah disebabkan kerajaan negeri terkesan dengan pandemik COVID-19 terutama pada tahun akhir pelaksanaan RMK-11 pada tahun 2020. Prestasi perbelanjaan keseluruhan terjejas disebabkan perkara ini.

BAJET 2022

Bajet 2022 dirangka sebagai usaha kerajaan untuk memulihkan, mencergaskan dan merangsang kegiatan ekonomi tempatan. Cadangan-cadangan bajet daripada 30 Jabatan Negeri, 19 Badan Berkanun Negeri (BBN), 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 4 GLC termasuk sesi *engagement* yang telah diadakan dengan semua YB. EXCO dan YB. ADUN kerajaan negeri telah diterima dan dipertimbangkan.

Dapatan maklumat dan pandangan daripada orang awam juga diperolehi khasnya berkaitan cadangan pemulihan aktiviti perniagaan mikro dan keperluan prasarana desa yang dibuat melalui media sosial (Facebook).

Kesimpulannya, pelbagai pihak mengharapkan kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi memenuhi keperluan yang diminta. Kerajaan mencadangkan Bajet 2022 berdasarkan pepatah melayu "Berilah kail, jangan ikannya". Begitu juga pepatah cina ada menyebut "Bila beri seseorang ikan, anda memberinya makan sekali, tetapi bila kita ajar dia memancing, anda memberinya makan seumur hidup".

MATLAMAT BAJET

Bajet 2022 dirangka berdasarkan tiga (3) teras utama iaitu:

i. Pemangkin dan Pemulihan Aktiviti Ekonomi
ii. Peningkatan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Rakyat
iii. Pendigitalan Perkhidmatan dan Kecekapan Tadbir Urus

Rakyat terkesan dengan pandemik COVID-19 yang telah berlaku hampir dua (2) tahun. Kesan kedukaan dari segi emosi dan fizikal perlu dilihat secara mendalam dan bantuan dalam mengubat kedukaan ini perlu seimbang. Kerajaan negeri peka dan telah merancang perbelanjaan dalam Bajet 2022 ini bagi membantu memulihkan dan mensejahterakan rakyat Negeri Kedah.

Peruntukan bagi pembangunan secara fizikal, peruntukan dalam bentuk bantuan bagi pemulihan ekonomi dan peruntukan dalam bentuk sokongan sosial disediakan secara seimbang dan menyeluruh bagi memastikan setiap golongan rakyat mendapat manfaat.

Bajet 2022 berpaksikan Pelan Pembangunan Kedah 2035. Beberapa inisiatif pelan ini akan dimulakan pelaksanaannya pada tahun 2022 memenuhi tema ekonomi, tema rakyat dan tema alam.

Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan projek pembangunan yang terkandung didalam Bajet 2021 tetapi tertangguh ekoran pelaksanaan PKP.

Kerajaan negeri menghargai dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan berkenaan pengumuman bantuan peruntukan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan dan pemuliharaan alam di dalam Bajet 2022 yang dibentangkan di sidang dewan rakyat baru-baru ini. Peruntukan yang diluluskan ini adalah bagi menangani hakisan pantai di Pantai Merdeka dan projek penyelenggaraan infrastruktur pelancongan di Lembah Bujang, Merbok.

Kerajaan negeri juga diberi peruntukan sebanyak RM20 juta bagi melaksanakan projek khas dibawah komponen jaminan sumber makanan, pelancongan serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

TEMA BAJET

"KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA" adalah tema Bajet Tahun 2022 dengan fokus kepada elemen keseimbangan dalam perbelanjaan bagi membolehkan semua pihak "PAKAT-PAKAT MEGHASA" limpahan rezeki yang Allah S.W.T kurniakan kepada bumi Kedah yang bertuah ini.

TERAS BAJET

TERAS 1- PEMANGKIN DAN PEMULIHAN AKTIVITI EKONOMI
Kecemerlangan Infrastruktur Dan Utiliti

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kerajaan beriltizam untuk memulihkan aktiviti ekonomi tempatan dengan pantas melalui projek-projek infrastruktur dan utiliti. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM444.6 juta atau 33%.

Inisiatif baharu pada tahun 2022 adalah untuk menyediakan kemudahan parit dan longkang di kampung-kampung di semua daerah. Sejumlah RM7.2 juta disediakan bagi maksud ini.

Peruntukan yang besar disediakan bagi menaiktaraf jalan raya negeri. Kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM60.4 juta kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi menyiapkan projek menaiktaraf Jalan Suka Menanti dan memulakan pembinaan Jalan Kota Sarang Semut ke Pekan Pendang yang tertangguh pada tahun 2021.

Lain-lain kemudahan jalan serta pembaikan jalan dan jambatan di semua daerah yang melibatkan 91 projek secara keseluruhannya.

Sebanyak empat (4) jambatan yang akan dinaiktaraf bagi kemudahan orang ramai. Jambatan tersebut ialah Jambatan Sungai Kura di Daerah Padang Terap, Jambatan Sungai Getah di Daerah Kuala Muda, Jambatan Sungai Chepir di Daerah Sik dan Jambatan Sungai Pendang di Daerah Pendang. Kesemua projek-projek ini akan ditender pada awal tahun 2022.

Fenomena banjir adalah merupakan masalah yang dihadapi saban tahun. Banjir kilat dan kejadian air pasang besar memberikan kesan kepada penduduk di kawasan rendah dan menyebabkan kerosakkan harta benda dan kawasan pertanian. Kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM4.5 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir melibatkan Pengkalan Lebai Man, Kajian Induk Saliran Jitra Utara, Kampung Siam/Sungai Seluang dan Sungai Perik Mukim Kurong Hitam.

Pengurusan tebatan banjir turut mengutamakan program kerja-kerja naiktaraf sistem saliran di kawasan berikut:

- Alor Wisma, Daerah Kota Setar,
- Sungai Kob di Daerah Kulim,
- Kampong Teloi Tua di Jeneri, Daerah Sik, dan
- Sungai Teluk Yu di Daerah Langkawi.

Kerajaan juga prihatin dengan isu bekalan air yang dihadapi oleh penduduk di beberapa kawasan seperti Kuala Kedah, Kuala Sanglang, dan Merbok. Bagi memenuhi permintaan ini, kerajaan negeri sedang melaksanakan lima (5) projek loji rawatan air. Kemajuan fizikal semasa di tapak ialah 4% dan kerajaan akan memastikan projek-projek ini akan disiapkan mengikut jadual.

Dua (2) projek menambah baik bekalan air untuk Pulau Langkawi juga sedang dilaksanakan. Kemajuan pelaksanaan Projek Naik Taraf Sistem Pengepaman Padang Mat Sirat, Langkawi telah mencapai 25% dan dijangka siap pada tahun 2022.

Kerajaan juga akan menjalankan kerja-kerja pembaikan paip dasar laut sedia ada dari Tanah Besar ke Pulau Langkawi dengan anggaran kos sebanyak RM50 juta. Pelaksanaan projek ini dijangka pada tahun 2022.

Pembiayaan projek-projek yang saya sebutkan ini adalah daripada peruntukan secara geran dan pinjaman daripada kerajaan persekutuan. Keseluruhan peruntukkan tahun 2022 berjumlah RM308.14 juta.

JAMINAN PENGELUARAN SUMBER MAKANAN

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan pengeluaran sumber makanan tidak terjejas. Keseimbangan antara kemudahan infrastruktur dan pengurusan dalam bekalan sumber makanan hendaklah seimbang. Melalui kemudahan infrastruktur, kerajaan negeri telah merancang program peningkatan sistem pengairan dan saliran bagi penanaman padi skim dan luar skim yang telah memperuntukkan sejumlah RM4.63 juta melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Bagi melahirkan usahawan tani yang kompetitif dengan penggunaan teknologi pertanian moden, dan dapat keluar dari kaedah pertanian tradisional, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM6.86 juta. Program pertanian ini meliputi sektor pembangunan industri padi, industri buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang, tanaman industri dan komoditi berpontensi.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian turut memberikan khidmat sokongan teknikal dan pengembangan pertanian dan pembangunan produk industri asas tani.

Jabatan Pertanian Negeri Kedah akan meneruskan dan menambahbaik pelaksanaan enam (6) program utama yang telah berjaya pada tahun 2022 iaitu:

- Pembangunan Harumanis Kedah,
- Program Durian Kampong Premium,
- Pembangunan Kopi Kedah,
- Pembangunan Melon Kedah,
- Pembangunan Nanas Tanah Mineral Kedah (MD2).
- Pembangunan Teknologi IOT (*Internet of Things*) dalam pertanian.

Perbadanan Menteri Besar Kedah pula akan menerajui pertanian bernilai dan berimpak tinggi. Dua (2) projek akan dilaksanakan iaitu pusat penetasan dan asuhan benih ikan di Pulau Langkawi dan tanaman integrasi kelapa, betik, dan melon di Bukit Kura, Daerah Padang Terap melibatkan pelaburan sebanyak RM5 juta.

Peruntukan sejumlah RM6.06 juta telah diperuntukan kepada Jabatan Veterinar Negeri Kedah bagi memenuhi keperluan program pembangunan industri ternakan melalui pembangunan industri ruminan dan bukan ruminan, pembangunan program kompetensi penyelidikan dan bimbingan usahawan ternak. Kesedaran tentang keperluan melahirkan usahawan ternak yang kompetitif dan memenuhi persijilan MyGAP, GVHP, HALAL, MeSTI dan GMP akan menjadi antara program keutamaan dibawah pembangunan usahawan ternak dibawah Jabatan Veterinar.

PENINGKATAN FASILITI DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN

Kerajaan negeri berbangga kerana Pulau Langkawi telah dipilih sebagai gelembung pelancongan (*Bubble Tourism*) pertama di negara ini. Keputusan ini telah berjaya membantu aktiviti ekonomi di kalangan pengusaha pelancongan.

Bagi memajukan sektor pelancongan domestik ke seluruh Negeri Kedah, kerajaan akan memperluaskan kemudahan prasarana pelancongan dan pemuliharaan bangunan warisan dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.

Negeri Kedah kaya dengan flora dan fauna. Khazanah ini yang terletak di Kawasan Hutan Lipur dan Kawasan Hutan Simpan akan dimajukan sebagai sektor baru Eko-Pelancongan. Sebanyak RM3.2 juta disediakan bagi tujuan ini.

Bagi perancangan pembangunan produk pelancongan Negeri Kedah secara berstruktur dan teratur, sejumlah RM0.475 juta telah disediakan dibawah PLAN Malaysia. Tumpuan kajian adalah melibatkan perancangan pembangunan semula kawasan rekreasi Titi Hayun – Batu Hampar di Daerah Yan dan kawasan pelancongan jajaran gua di Daerah Baling.

PROMOSI PELABURAN

Jalinan kerjasama erat antara kerajaan negeri, Kulim Technology Park Corporation, Invest Kedah, dan MIDA telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam menarik pelaburan luar ke dalam Negeri Kedah seperti yang telah dimaklumkan pada awal ucapan ini. Mengambil kira prestasi ini, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM1 juta bagi program promosi pelaburan luar negara dan RM1 juta turut disediakan untuk pelaburan dalam negeri. Dengan itu, keseluruhan peruntukan bagi promosi pelaburan berjumlah RM2 juta.

Kerajaan negeri mengalu-alukan pelaburan oleh anak syarikat kerajaan negeri dan pihak swasta. Permodalan Kedah Berhad (PKB) telah menjalin usahasama dengan Open Road Asia Sdn. Bhd. untuk membangunkan Projek Open Road Asia International Circut di Bukit Malut, Langkawi. Seluas 186 ekar tanah milik PKB akan dibangunkan dengan komponen litar lumba kereta mewah, gudang penyimpanan kereta mewah, ruang pameran, hotel, kondominium dan pusat perniagaan. Projek yang bernilai RM4.8 bilion akan bermula pada awal tahun 2022.

Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) menjalin usaha sama dengan pelabur tempatan untuk memajukan projek berikut:

i. Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam Fasa 2A dengan kos pembangunan RM130 juta.
ii. Projek pembangunan kediaman dan komersial di Sungai Petani dengan pelaburan RM250 juta.
iii. Projek pembangunan *GAIA Sanctuary* di Tanjung Sawa, Langkawi bernilai RM320 juta**.**

Kerajaan negeri akan memberikan kerjasama penuh dan memastikan pelaburan ini dapat direalisasikan.

USAHAWAN DAN EKONOMI DIGITAL

Untuk tahun 2021, sejumlah RM2.85 juta telah disediakan kepada 640 peniaga dan usahawan kecil. Mereka telah menikmati faedah suntikan modal dalam bentuk pinjaman mudah yang disalurkan melalui Unit Pembangunan Usahawan Negeri Kedah (UPUK). Melalui program ini, golongan terbabit dapat membangunkan semula perniagaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Meneruskan usaha ini, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM1 juta melalui Skim Pinjaman Mikro Kredit Sejahtera pada tahun 2022.

PKP telah melahirkan ramai usahawan digital. Bagi meningkatkan lagi dan menambah bilangan usahawan digital, sejumlah RM1 juta disediakan bagi Program Usahawan Digital. Program dalam bentuk kursus dan seminar serta pendedahan bagi perniagaan secara digital melalui media sosial, *content writing*, video pemasaran digital, dan *business coaching* atas talian.

Kerajaan merancang membangunkan platform aplikasi perniagaan atas talian yang menghimpunkan produk usahawan Negeri Kedah secara maya.

Pada tahun 2021, Puan Azizah Binti Saad, dari Kampung Raja, Jitra, Kedah telah menerima manfaat bantuan daripada Tabung Wanita Sejahtera dalam membantu perniagaan kuih tradisional. Usaha bantuan ini akan diteruskan pada tahun 2022 bagi membantu lebih ramai usahawan wanita keluar dari kepompong kemiskinan dan membantu mereka berdikari.

Sejumlah RM310 ribu juga turut disediakan dibawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk pembangunan kompetensi, penyelidikan, dan bimbingan usahawan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

TERAS 2- PENINGKATAN KUALITI HIDUP DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Kerajaan akan meneruskan program-program bantuan kepada golongan terjejas pendapatan bagi memastikan kelangsungan hidup mereka. Sejumlah RM39.8 juta disediakan bagi maksud ini.

Peruntukan YB. EXCO dan YB. ADUN telah ditambah sebanyak RM50 ribu setiap DUN bagi menyantuni keperluan masyarakat di DUN masing-masing.

Buat kali pertama, kerajaan menyediakan peruntukan khas kepada YB. Speaker sebanyak RM50 ribu bagi memperkasakan fungsi Speaker.

Peruntukan sebanyak RM50 ribu disediakan kepada setiap DUN bagi melaksanakan pembaikan kecil dibawah Program Desa Sejahtera. Melalui peruntukan ini, YB. ADUN boleh membantu golongan miskin seperti menggantikan atap rumah yang bocor, membaiki kerosakkan bilik air atau dapur atau menggantikan lampu yang rosak.

Program Bantuan Beras Sejahtera yang dimulakan sejak Januari 2021 telah memberi manfaat kepada 56 ribu keluarga miskin. Untuk tahun 2022, kerajaan negeri menyediakan sejumlah RM3.24 juta iaitu pertambahan sebanyak RM1.08 juta. Melalui langkah ini, setiap DUN akan menghulurkan bantuan kepada lebih ramai penerima.

Kerajaan sedar bantuan khairat kematian sebanyak RM350 bagi setiap kematian adalah tidak mencukupi untuk membiayai kos pengurusan jenazah, terutama kepada mereka yang kurang berkemampuan. Cakna dengan keadaan ini, kerajaan negeri mencadangkan untuk menambah kadar bantuan khairat kematian kepada RM500 bagi setiap kematian. Jumlah peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM3 juta untuk tahun 2022.

Mengikut Dasar Kemakmuran Bersama dan Pelan Pembangunan Kedah 2035, tidak ada lagi kawasan yang terpinggir daripada arus pembangunan. Kerajaan akan menyediakan kemudahan prasarana di kawasan terbabit untuk menggalakkan pembangunan pada masa hadapan.

Kerajaan meneruskan pemberian peruntukkan bantuan mengurus Pusat Khidmat DUN yang berjumlah RM3.768 juta untuk tahun 2022. RM8,000.00 disediakan untuk DUN Kerajaan dan RM2 ribu disediakan untuk DUN Pembangkang setiap bulan.

Peruntukkan berjumlah RM1 juta disediakan untuk Program Anakku Sejahtera. Program ini dilaksanakan sejak tahun 2021 dengan kerjasama SSPN.

Bagi memperkasa agenda membantu golongan rentan, kerajaan akan meningkatkan bantuan melalui JKM. Sejumlah RM24.82 juta disediakan untuk bayaran bantuan am bulanan, bantuan bencana, bantuan pusat aktiviti warga emas, bantuan pusat aktiviti kanak-kanak dan rumah orang-orang tua.

Selain itu, kerajaan meneruskan bantuan berjumlah RM2 juta kepada keluarga yang menguruskan dan menjaga pesakit terlantar. Sebanyak RM0.5 juta ringgit pula disediakan untuk bantuan membeli peralatan perubatan kepada pesakit miskin. Peruntukan bantuan ini boleh dipohon melalui empat (4) buah hospital di negeri Kedah. Iaitu:

- Hospital Sultanah Bahiyah (HSB),
- Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH),
- Hospital Kulim, dan
- Hospital Sultanah Maliha, Langkawi.

PENDIDIKAN DAN BANTUAN PENDIDIKAN

Bidang pendidikan diberi keutaaman bagi melahirkan insan cemerlang. Peruntukan sebanyak RM28 juta disediakan kepada Lembaga Maktab Mahmud. Selain kos operasi, peruntukan ini akan digunakan untuk menyelenggara kemudahan akademik, pembangunan sahsiah pelajar dan aktiviti kokurikulum.

Projek pembangunan semula Maahad Tahfiz Sains Darulaman Kulim (MTSD) Fasa Satu (1) yang dirancang pada tahun 2021 akan mula dilaksanakan pada tahun 2022. Reka bentuk bangunan yang meliputi bangunan akademik, pentadbiran asrama puteri, makmal sains dan lain-lain kemudahan telah siap dan akan ditender pada Disember ini.

UniSHAMS

Kerajaan mendapati pengurusan UniSHAMS berjaya memulihkan kedudukan kewangan yang positif melalui pengurusan kewangan yang cekap dan pertambahan bilangan pelajar. Kerajaan meneruskan pemberian peruntukan operasi kepada UniSHAMS sebanyak RM9.2 juta berbanding tahun 2021 sebanyak RM9.5 juta. Selain itu, kerajaan terus menanggung bayaran balik pinjaman pembangunan kampus UniSHAMS di Kuala Ketil sebanyak RM20 juta setahun.

Kerajaan menerima permintaan daripada kalangan pelajar supaya kemudahan asrama disediakan. Pada tahun 2021, UniSHAMS telah menyiapkan pelan pembangunan asrama pelajar melalui kerjasama kerajaan dan swasta. InshaAllah perkara ini akan dimuktamadkan pada tahun 2022.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah

Usaha kerajaan mempromosikan budaya membaca di kalangan penduduk negeri Kedah seiring dengan era digitalisasi telah menjadi kenyataan. Bangunan Fasa satu (1) Kedah Digital Library telah mula beroperasi pada tahun 2021. Bangunan Fasa dua (2) akan siap pada Ogos 2022. Pelbagai kemudahan berkaitan maklumat secara atas talian dengan suasana yang tenang dan dikelilingi landskap yang cantik disediakan untuk kemudahan pengunjung di Kedah Digital Library.

Kerajaan juga akan menambah baik 44 buah perpustakaan desa sediaada dengan menyediakan kemudahan ke arah perpustakaan digital.

Sejumlah RM6.3 juta disediakan bagi maksud pengurusan semua perpustakaan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah.

IQDAR

Kerajaan berbangga dengan sambutan dikalangan pelajar untuk melanjutkan pelajaran tahfiz di IQDAR. Perancangan kerajaan adalah untuk melengkapkan kemudahan prasarana termasuklah membina bangunan asrama pelajar. Bantuan kos pengurusan juga disediakan sebanyak RM3.5 juta kepada IQDAR. RM400 ribu turut disediakan bagi kerja-kerja baikpulih bangunan sediaada asrama pelajar IQDAR.

INSPIN

Sepanjang tempoh PKP, INSPIN berjaya menganjurkan pelbagai kursus secara atas talian kepada peserta dari dalam dan luar jabatan negeri Kedah. Kerajaan akan terus memberi bantuan operasi sebanyak RM0.5 juta dan meneruskan kerja-kerja baikpulih bangunan yang telah dimulakan suku tahun ketiga tahun 2021.

PENDIDIKAN ISLAM

Selaras dengan usaha memartabatkan pendidikan islam, kerajaan menyediakan RM5.3 juta bagi membiayai kos operasi 141 buah Tadika Islam yang melibatkan 1,664 orang murid dan 124 orang guru.

Kelas KAFA yang dikendalikan oleh 440 orang guru akan menerima peruntukan sebanyak RM1.208 juta. Kerajaan akan terus menaik taraf kelas-kelas pendidikan rendah Islam pada setiap tahun. Untuk tahun 2022, kerajaan negeri menyediakan RM0.5 juta bagi maksud tersebut.

Pinjaman pendidikan dan biasiswa kecil telah ditambah sebanyak RM0.4 juta yang akan memanfaatkan seramai 200 orang pelajar. Bantuan kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT dan pemberian bantuan kepada tiga (3) buah Sekolah Cina Persendirian diteruskan seperti tahun lalu.

Bilangan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang menyambut saranan kerajaan supaya berdaftar semakin bertambah, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta bantuan *one-off* kepada 200 buah SAR. Tambahan sebanyak RM500 ribu berbanding tahun 2021.

Kerajaan sedar masih terdapat SAR yang berhasrat untuk berdaftar tetapi menghadapi kekangan memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan. Bagi membantu mereka, kerajaan menyediakan sejumlah peruntukan bagi kerja-kerja naiktaraf bangunan bagi memenuhi syarat pendaftaran.

CORDOBA OF KEDAH

Usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan Islam di negeri ini melalui konsep *Cordoba of Kedah*. Pada awal November yang lalu, kerajaan telah menganjurkan bengkel *Cordoba of Kedah* yang telah dihadiri oleh kalangan cerdik pandai dan pakar pendidikan Islam. Satu pelan tindakan pelaksanaan program *Cordoba of Kedah* akan diadakan yang akan menjadi garis panduan mulai tahun 2022.

Kemudahan dan kebajikan pelajar Negeri Kedah yang melanjutkan pelajaran di Mesir terus dijaga. Kerajaan negeri menyediakan kemudahan penginapan di tiga (3) blok asrama. Untuk tahun 2022, kerajaan memperuntukkan RM1 juta bagi kos baikpulih dan selenggara asrama ini.

AGAMA ISLAM

Kecemerlangan institusi masjid sentiasa diberi keutamaan sama ada dari segi aspek prasarana fizikal ataupun pengurusan. Bagi tahun 2022, kerajaan memperuntukkan RM3.5 juta kepada Majlis Agama Islam (MAIK). RM11.6 juta bagi pembayaran elaun pegawai masjid di 578 masjid dan RM0.5 juta untuk tabung pegawai masjid.

Sebanyak RM3 juta akan digunakan untuk menaik taraf masjid dan surau. Kerajaan merancang untuk membina lima (5) buah surau baharu pada tahun 2022.

Institusi Kehakiman Syariah memainkan peranan penting kepada kehidupan umat Islam di negeri ini. Berikutan pertambahan kes setiap tahun, kerajaan merancang untuk membina Bangunan Mahkamah Tinggi Syariah di Daerah Kuala Muda melalui Bajet 2021. Pemilihan tapak telah dimuktamadkan dan kerja-kerja perancangan projek ini akan dimulakan tahun 2022 dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

PEMBANGUNAN SUKAN

Sebuah Kompleks Sukan Daerah Kuala Muda akan dibangunkan pada tahun 2022 secara berperingkat. Tapak untuk projek ini telah selesai dibuat pengambilan tanah. Komponen utama pembangunan projek ini ialah membina padang bola sepak dan padang sukan ragbi.

Selain itu, kerajaan akan menyalurkan peruntukan baik pulih dan menaiktaraf fasiliti sukan sedia ada. Sebanyak RM10 juta diperuntukan kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) untuk membangunkan atlet dan melahirkan bakat baru bagi mewakili negeri kedah di Sukan SUKMA pada tahun hadapan.

Negeri Kedah juga tidak ketandusan bakat di kalangan belia. Kerajaan yakin bakat-bakat ini boleh digilap untuk berjaya di peringkat antarabangsa. e-Sukan adalah antara satu (1) bidang baru dalam pembangunan sukan negeri. Mengambil contoh pencapaian cemerlang peserta e-Sukan Malaysia di Romania baru-baru ini yang berjaya membawa pulang hadiah bernilai RM21.7 juta, telah memberi inspirasi dan contoh positif kepada ramai belia di Negeri Kedah yang menaruh minat tinggi kepada e-Sukan.

Bagi mengembangkan pertumbuhan e-Sukan, kerajaan akan membantu dalam bentuk penganjuran pertandingan bagi mencungkil bakat belia dalam bidang ini. Selain itu, bantuan *one-off* akan diberikan kepada Persatuan e-Sukan Malaysia Kedah.

Belia adalah pemimpin di masa hadapan. Bakat kepimpinan mereka perlu digilap selaras dengan keperluan negeri. Untuk itu kerajaan akan membentuk para pemimpin belia melalui Program Bakat Kedah Sejahtera yang memberi penekanan kepada keseimbangan sahsiah, ekonomi, dan ilmu pengetahuan.

ALOR SETAR BANDARAYA SEJAHTERA

Alor Setar sebagai ibu negeri akan terus dimajukan sebagai Bandaraya Sejahtera. Rancangan tempatan Daerah Alor Setar 2035 telah menggariskan bentuk pembangunan yang lestari dan berdaya huni. MBAS bersama jabatan-jabatan terlibat akan menambah baik aspek lalu lintas yang lancar, persekitaran yang bersih dan indah, komuniti yang selamat dan kawasan perniagaan yang tersusun. Bagi tahun 2022, kerajaan negeri menyediakan peruntukan kepada beberapa jabatan negeri bagi melaksanakan program ini.

KEMAMPANAN ALAM SEKITAR

Pemuliharaan khazanah alam menjadi keutamaan kepada kerajaan. Penekanan diberi kepada aspek pengurusan hutan dan sumber air yang mampan. Kedua, perkara ini merupakan komoditi penting yang perlu dikekalkan.

Sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi kos pengurusan Lembaga Sumber Air Negeri, iaitu pihak berkuasa yang mengawal selia pengurusan dan pengekstrakkan sumber air mentah dalam pelbagai sektor ekonomi. Bagi menyediakan bekalan air mentah yang mencukupi pada masa hadapan, kerajaan negeri telah memohon peruntukan khas daripada kerajaan persekutuan untuk membina Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) di Sungai Muda.

Jabatan Hutan pula disediakan sebanyak RM1.5 juta bagi perbelanjaan pengurusan sumber hutan, RM1.35 juta untuk pembangunan dan pemulihan hutan simpan, RM300 ribu bagi maksud pengeluaran benih hutan dan sebanyak RM150 ribu untuk Program Perhutanan Sosial.

Sepanjang tahun 2021 ini, Negeri Kedah menerima taburan hujan yang tinggi dan telah menyebabkan banjir kilat dibeberapa daerah khususnya kawasan sepanjang sungai dan kawasan yang rendah.

Sebagai langkah pencegahan, kerajaan menyediakan RM2.6 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melaksanakan program pemuliharaan sungai, pemulihan kerosakan akibat banjir, pembangunan sistem hidrologi dan pemantauan alam sekitar. Antara projek yang bakal dilaksanakan adalah membina stesen Tolok Banjir Telemetri di Alor Setar, Sungai Petani, dan Gurun.

Sebanyak RM750 ribu akan dibelanjakan untuk penyelenggaraan kolam takungan dan saliran mesra alam dibeberapa lokasi seperti Kampong Tok Sedau di Pendang, Ambangan Heights di Sungai Petani dan Serdang. Projek seperti ini akan memberi faedah kepada penduduk setempat yang sering terdedah kepada banjir.

TERAS 3- PENDIGITALAN PERKHIDMATAN DAN KECEKAPAN TADBIR URUS

PENDIGITALAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Mengadaptasi perubahan untuk meningkatkan efisiensi perkhidmatan jabatan negeri dan mematuhi norma baharu dalam perkhidmatan awam disebabkan PKP, kerajaan negeri telah memulakan langkah awal dalam merealisasikan pendigitalan perkhidmatan. Pembangunan beberapa aplikasi secara *in-house* oleh Bahagian Teknologi Maklumat Negeri Kedah dengan kerjasama Jabatan Pengguna. Antara sistem yang dibangunkan adalah sistem iDaftar, iUJKT, iPerolehan, iBayaq, iJanji, iSara dan iPendaftaran.

Sistem iDAFTAR dibangunkan untuk membolehkan kontraktor dan pembekal yang berhasrat mengambil bahagian dalam Perolehan Kerajaan berdaftar dengan Kerajaan Negeri Kedah. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada kontraktor layak untuk menyertai proses perolehan secara Sebut Harga, Tender, dan lantikan Perunding. Sistem iDaftar telah mencatatkan sebanyak 30,651 proses transaksi dan mendapat kutipan hasil sebanyak RM1.395 juta.

Berdasarkan data transaksi, sistem iBAYAQ adalah merupakan sistem yang paling berjaya setakat ini dalam menyediakan platform bayaran atas talian bagi pembayaran cukai tanah, bayaran perumahan, bayaran pinjaman Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPNNK) dan bayaran pendaftaran kontraktor. Sehingga Oktober 2021, bilangan pengguna yang berdaftar sebanyak 13,728 pengguna dengan jumlah kutipan sebanyak RM9.2 juta.

Sistem iJanji pula bertindak sebagai portal hub urusan temujanji atas talian bagi pelbagai perkhidmatan Jabatan Kerajaan Negeri Kedah untuk memastikan SOP dalam pelaksanaan pengurusan jabatan dipatuhi dan pada masa yang sama, urusan transaksi dapat disempurnakan mengikut tempoh piagam pelanggan yang ditetapkan. Sistem ini digunakan oleh Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah, 12 buah Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Kedah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan akan diperluaskan secara berperingkat ke semua jabatan negeri.

Pengurusan secara manual sebelum ini telah menyebabkan berlaku beberapa kes kelewatan bayaran elaun. Sistem iSara dibangunkan bagi mengautomasikan bayaran elaun guru KAFA dan elaun pegawai masjid. Sistem ini telah menyelesaikan isu kelewatan bayaran elaun kepada 3,206 guru KAFA dan 2,564 pegawai masjid di seluruh negeri Kedah, mengurangkan kos pentadbiran dan meningkatkan kecekapan pengurusan bayaran. Bayaran elaun berjaya dibuat sebelum 30 haribulan pada setiap bulan mengikut jadual.

Bagi tahun 2021, sejumlah RM1.5 juta telah dibelanjakan bagi maksud menyediakan kemudahan mesyuarat secara atas talian dan kemudahan peralatan kerja atas talian kepada Jabatan Negeri. Peruntukan yang dibelanjakan ini akan dapat mengurangkan kos pengurusan mesyuarat, dokumentasi secara fizikal dan kos perbelanjaan berkaitan tuntutan lain yang berkaitan. Kerajaan akan meneruskan mesyuarat secara atas talian di tahun hadapan.

Pada tahun 2022, sejumlah RM9.6 juta disediakan bagi memantapkan usaha kerajaan negeri menuju pendigitalan perkhidmatan kerajaan. Keseluruhan sistem yang dibangunkan seperti yang dinyatakan sebelum ini akan ditambahbaik dan diintegerasikan ke dalam satu sistem bersepadu.

Kerajaan negeri telah menyediakan sejumlah RM3.5 juta bagi pembangunan sistem hasil bersepadu yang menyediakan aplikasi terimaan hasil untuk semua jabatan pemungut hasil Negeri Kedah. Dari semua terimaan tersebut, maklumat-maklumat yang berkaitan akan dimasukkan ke dalam pangkalan data sistem hasil secara bersepadu.

Ini memudahkan pemantauan terimaan hasil semua jabatan secara komprehensif meliputi semua jenis hasil negeri. Sistem ini akan meringkaskan dan mendigitalkan prosedur pengurusan perakaunan negeri dengan integrasi sistem sediada iaitu iSPEKS.

Sejumlah RM6 juta diperuntukkan bagi menaiktaraf prasarana Kedah Net, Pembangunan Aplikasi Kedah Digital, langganan talian, bayaran lesen, pengurusan portal atas talian dan bekalan peralatan ICT bagi semua jabatan Negeri Kedah. Sejumlah RM100 ribu disediakan di bawah PLAN Malaysia bagi pembangunan Sistem Geospatial Negeri.

Aplikasi iPendaftaran akan mula digunakan disemua pejabat tanah mulai 1 Disember 2021. Kemudahan ini akan membolehkan orang ramai melalukan urusan permohonan carian persendirian, carian rasmi, urusan pertukaran maklumat hakmilik, dan permohonan borang Kanun Tanah Negara secara atas talian.

Kerajaan negeri mengambil langkah untuk mempercepatkan kelulusan permohonan pembangunan tanah bagi menyokong pembangunan negeri. Kerjasama telah dijalin dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) membangunkan aplikasi iUJKT. Pelaksanaan aplikasi ini berjaya memendekkan tempoh proses kelulusan permohonan pembangunan tanah daripada tiga (3) tahun kepada 90 hari.

KOMPETENSI TADBIR URUS

Mendepani cabaran era digital dalam perkhidmatan awam, kerajaan perlu mengambil langkah bagi mengimbangkan penyampaian perkhidmatan dan kehendak rakyat untuk mendapat perkhidmatan yang cepat dan berkesan. Perbelanjaan mengurus jabatan negeri yang meliputi emolumen, perkhidmatan dan bekalan, dan lain-lain kemudahan penjawat awam negeri diperuntukkan sejumlah RM465.6 juta.

Pecahan bagi perbelanjaan emolumen kepada hampir lima (5) ribu penjawat awam termasuk lantikan tetap, kontrak dan anggota pentadbiran yang terdiri daripada YAB. MB, EXCO dan ADUN adalah berjumlah RM281 juta.

Tanggungan bulanan bagi pengurusan jabatan melibatkan perkhidmatan dan bekalan, utiliti, kawalan keselamatan, khidmat mencuci, penyelenggaraan, sewaan dan lain-lain tuntutan berkaitan kemudahan penjawat awam adalah berjumlah RM184.6 juta.

NAIK TARAF KEMUDAHAN DAN FASILITI KERAJAAN

Suasana kerja yang kondusif memberikan keselesaan kepada kakitangan dan pelanggan. Kerajaan menetapkan polisi supaya semua bangunan kerajaan disenggara dan dinaiktaraf bagi menambah nilai aset tak alih. Peruntukan bagi kerja-kerja menaiktaraf bangunan dan fasiliti jabatan-jabatan negeri diperuntukkan sebanyak RM33.09 juta. Projek naiktaraf pada tahun 2022 adalah melibatkan bangunan Wisma Negeri yang menempatkan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah, Bangunan Wan Mat Saman yang diduduki oleh Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Pejabat Daerah dan Tanah Sik dan Pokok Sena, membaik pulih beberapa bangunan rasmi kerajaan dan bangunan milik kerajaan di seluruh Negeri Kedah.

Institusi penghulu yang menjadi penghubung antara rakyat dan pentadbiran tidak diabaikan. Pada tahun 2021, empat (4) buah pejabat penghulu telah dibina iaitu Pejabat Penghulu Mukim Pinang Tunggal di Kuala Muda, Pejabat Penghulu Mukim Ayer Putih di Pendang, Pejabat Penghulu Mukim Padang Perahu di Kubang Pasu dan Pejabat Penghulu Mukim Langgar di Kota Setar.

Pada tahun 2022, kerajaan bercadang membina empat (4) buah pejabat penghulu yang baharu akan dibina di Mukim Padang Lalang di Kota Setar, Mukim Kurong Hitam di Padang Terap, Mukim Sungai Ular dan Mukim Padang Meha di Daerah Kulim.

ASET DAN ALATAN KERJA

Kecekapan tadbir urus sesuatu jabatan berkait rapat dengan kemahiran kakitangan dan disokong dengan kemudahan peralatan kerja yang terkini. Sehubungan itu, sejumlah RM11.55 juta disediakan kepada pelbagai jabatan negeri bagi pembelian aset dan peralatan kerja melibatkan pembelian alat ukur, kenderaan, jentera, kelengkapan pejabat dan lain-lain aset bernilai kecil.

Keseluruhan peruntukan bagi Teras 3 – Pendigitalan Perkhidmatan dan Kecekapan Tadbir Urus ini melibatkan RM600.84 juta. Peruntukan ini diharapkan akan dapat memberikan faedah kepada rakyat dan pentadbiran kerajaan dalam meningkatkan hasil, memberikan sistem penyampaian yang cekap, cepat, berkesan dan penuh berintegriti.

BAJET 2022

Mengambil kira kedudukan kewangan semasa, kemampuan kutipan hasil negeri, keperluan perbelanjaan kerajaan dan kehendak rakyat, Bajet 2022 disediakan untuk kita bangkit semula mendepani cabaran bagi merealisasikan "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua".

ANGGARAN HASIL 2022

Anggaran hasil tahun 2022 mengambil kira semua punca hasil dan data-data patut kutip berteraskan punca kuasa sediada dan peraturan-peraturan yang sedang digunapakai.

Bagi tahun 2022, kerajaan negeri menganggarkan Anggaran Hasil sebanyak RM725 juta. Daripada jumlah ini, Hasil Cukai merupakan penyumbang terbesar sebanyak RM335.91 juta atau 46.33%, diikuti Hasil Bukan Cukai berjumlah RM224.56 juta atau 30.97% dan RM164.53 juta atau 22.69% adalah daripada Terimaan Bukan Hasil.

Pecahan hasil mengikut kategori seperti berikut:

- Pertama - Hasil Tanah adalah sebanyak RM490.01 juta
- Kedua – Hasil Pelbagai Jabatan sebanyak RM193.97 juta
- Ketiga - Hasil Hutan sebanyak RM27.51 juta
- Keempat - Hasil Daerah sebanyak RM13.51 juta

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS 2022

Bagi Bajet 2022, saya mohon mencadangkan peruntukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM815.22 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM103.04 juta adalah diperuntukkan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Dibawah peruntukan perbelanjaan mengurus, pecahan peruntukan adalah seperi berikut:

- Perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM84.42 juta.
- Perbelanjaan Perbekalan sebanyak RM730.79 juta.

Anggaran perbelanjaan ini adalah meningkat sebanyak RM16.34 juta atau peningkatan sebanyak 2.04% berbanding tahun 2021. Kenaikkan pada perbelanjaan ini adalah sebagai merealisasikan teras bajet dan perancangan yang telah dibuat.

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2022

Saya juga memohon mencadangkan peruntukan bagi Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM218.31 juta bagi tahun 2022. Peningkatan ketara sebanyak RM17.41 juta adalah bagi memastikan pembangunan yang seimbang keseluruh Negeri Kedah dan memastikan perancangan projek yang tidak dapat diselesaikan akibat COVID-19 disempurnakan. Peningkatan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah sebanyak 8.66% berbanding tahun 2021.

ANGGARAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN 2022

Bagi Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Tahun 2022, saya mencadangkan peruntukan berjumlah RM8.96 juta, peningkatan sebanyak 10.6% berbanding tahun 2021. Menyokong bajet kerajaan persekutuan dari segi pelaksanaan *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) bagi memulih dan memelihara sumber biodiversiti, kerajaan negeri turut menyediakan peruntukan bagi tujuan tersebut.

ANGGARAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR 2022

Saya mohon mencadangkan peruntukan sejumlah RM308.14 juta dipermasukkan sebagai peruntukan dibawah Kumpulan Wang Perbelanjaan Bekalan Air. Daripada keseluruhan jumlah ini, sejumlah RM173.12 juta adalah dalam bentuk Geran Peruntukan Persekutuan berganti balik dan sejumlah RM135.02 juta daripada Kumpulan Wang Pinjaman. Peruntukan ini disediakan bagi meneruskan usaha kerajaan menyediakan bekalan air terawat yang berkualiti, bersih dan mencukupi bagi memenuhi keperluan permintaan air yang meningkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Keseluruhan peruntukan perbelanjaan kerajaan negeri melibatkan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM1.35 billion.

Bajet 2022 mengambil kira anggaran hasil, perbelanjaan mengurus dan kumpulan pembangunan defisit tahun 2022 dianggarkan pada 12.44% atau RM90.22 juta.

PENUTUP

Tahun 2021 menyaksikan pelbagai cabaran dan dugaan yang melanda Negeri Kedah. Seluruh jentera pentadbiran awam negeri sentiasa berkerjasama dan memberi komitmen yang tinggi semasa pengurusan bencana ketika krisis pandemik COVID-19.

Penglibatan jentera awam negeri bagi menguruskan PKOB, PPV, PKRC dan PICK telah memudahkan pelbagai penyaluran bantuan, program imunisasi COVID-19 kebangsaan, kemudahan fasiliti dan peralatan kepada program yang dirancang oleh kerajaan persekutuan dan negeri.

Terkini pula, kerajaan negeri menghadapi bencana banjir di beberapa daerah disebabkan hujan lebat luar jangka dan fenomena air pasang besar. PKOB Daerah diaktifkan 24 jam dan beberapa Pusat Pemindahan Sementara telah dibuka bagi membantu mereka yang ditimpa musibah.

Kerajaan melihat penjawat awam tetap menunaikan amanah dan tanggungjawab walaupun suasana kerja yang terhad dalam PKP. Hasilnya, semua urusan kerajaan tetap berjalan lancar dan kutipan hasil negeri telah meningkat.

Bagi menghargai sumbangan dan pengorbanan penjawat awam negeri, kerajaan bersetuju meluluskan bantuan khas kewangan sebanyak RM1 ribu seorang kepada semua penjawat awam dan anggota pentadbiran negeri.

Kerajaan berharap pemberian ini dapat menyuntik semangat semua penjawat awam negeri untuk terus meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Kerajaan Persekutuan baru-baru ini telah mengumumkan pemberian sekali bayar kepada Pegawai Masjid, Guru Takmir dan Guru KAFA. Kerajaan negeri akan turut memanjangkan pemberian bantuan ini kepada Pegawai Masjid lantikan negeri.

Dari Kuah ke Jeneri,
Beli suasa di Suka Menanti,
Selesai sudah pembentangan kali ini,
Tahun hadapan saya bentang lagi.
Insya-Allah.

Sekian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi mematuhi Peraturan 68(2) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, maka perbahasan di atas Rang Undang-Undang ini saya tangguhkan sehingga esok pagi supaya perkara-perkara yang dibangkitkan tidak bertindan-tindih. Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat merangkumkan perkara-perkara yang menyentuh Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri 2022, Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Tahun 2022 dan Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2022 ketika membahaskan Ucapan Bajet 2022.

Dalam membahaskan Rang Undang-Undang ini Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sahaja. Mana-mana perkara yang telah pun disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain tak usahlah diulangi lagi.

Dalam perbahasan esok, saya peruntukan masa 40 minit kepada ketua pembangkang dan ketua backventures manakala Ahli-Ahli Dewan yang lain saya peruntukan 20 minit seorang. Kalau boleh kita nak bagi kredit lah kepada orang yang dapat mematuhi masa. Kalau boleh setakat seminit tu bolehlah diterima. Kita bagi hadiah kepada orang yang patuh masa.

Sekarang Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok.

Sekian, terima kasih.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 10.30 pagi]

[Sidang Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]

YB. DATO' SPEAKER

Bismillahirahmanirahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Buah ciku buah sawa,
Dipetik Pak Wan dibuat halwa,
Harini hari kedua Dewan disambung semula,
Wanita pantang kawin dua, silakan setiausaha baca doa.

I. BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - DOA

YB. DATO' SPEAKER

Pagi ni YB. Bukit Selambau minta kebenaran saya untuk dia menghadiri satu upacara agama dan beliau akan hadir pada pukul 2.30 petang nanti. Urusan seterusnya, setiausaha.

II. PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi Pertanyaan – Pertanyaan Mulut.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan yang pertama, YB. Alor Mengkudu.

1. YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI [ADUN ALOR MENGKUDU]

Pohon maklumat berkaitan hutan di Negeri Kedah seperti berikut:-

a) Keluasan hutan keseluruhan.
b) Keluasan hutan simpanan kekal yang telah digazet.
c) Keluasan tanah hutan yang diceroboh.
d) Skop kerja-kerja pemeliharaan dan penyenggaraan hutan termasuk jumlah perbelanjaan pada tahun 2018, 2019 dan 2020.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Assalamualaikum wbt. YB. Dato' Speaker, mohon jawapan soalan nombor 1.

YAB. DATO SERI MENTERI BESAR

YB. Dato Speaker, nak pantun boleh?

YB. DATO' SPEAKER

Haha silakan! Saja saya mengalu – alukan lah kalau Ahli – Ahli Yang Berhormat nak selit pantun dua kerat, empat kerat. Jangan lebih daripada 6 kerat!

YAB. DATO SERI MENTERI BESAR

Buah ciku buah sawa,
Dipetik Speaker dibuat halwa,
Terima kasih Alor Mengkudu yang bertanya,
Sila dengarkan jawapan saya.

Terima kasih Yang Berhormat Dato Alor Mengkudu. Bagi soalan no satu, maklumat berkaitan hutan di kedah. Bagi soalan A keluasan hutan keseluruhan Hutan Simpan Kekal 341,895.95 hektar. Cadangan Hutan Simpan Kekal 2,514 hektar. Tanah kerajaan yang masih berhutan 455.14 hektar. Jadi, keseluruhan kawasan hutan 344,895.95 hektar.

Soalan (b) keluasan hutan sepenuh kekal telah diwartakan adalah seluas 341,895.95 hektar.

Soalan (c) keluasan tanah hutan yang telah diceroboh. Melalui rekod Jabatan Perhutanan 3,428 hektar. Skop kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan hutan termasuk jumlah perbelanjaan mengikut tahun 2018, 2019 dan 2020 adalah seperti berikut. Sejumlah RM2,549,600.00 telah dibelanjakan pada tahun 2018 untuk kerja- kerja pembangunan hutan iaitu kerja penanaman kawasan mengaya, restorasi hutan, tanaman bakau, rawatan pokok bakau, inventori hutan sebelum dan selepas tebangan, mengukur dan mencuci sempadan Hutan Simpanan Kekal, penyelenggaraan Taman Eko Rimba dan pembinaan tapak semaian serta bahan tanaman.

Pada tahun 2019 sejumlah RM4,860,800.00 telah dibelanjakan untuk kerja kerja pembangunan hutan iaitu penanaman kawasan mengaya, restorasi hutan, tanaman bakau, rawatan pokok bakau, inventori hutan sebelum dan selepas tebangan, mengukur dan mencuci sempadan Hutan Simpanan Kekal, peyelenggaraan Taman Eko Rimba, Penubuhan Petak HCVF dan pembinaan tapak semaian serta bahan tanaman. Bagi tahun 2020, kerja kerja yang telah saya sebutkan tadi kerajaan telah membelanjakan RM 4,850,000.00 untuk kerja kerja yang disebutkan bagi soalan (d) Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Terima kasih Yang Berhormat Jeneri. Soalan tambahan saya adalah mengenai hutan ini, kita buat pemuliharaan dan penyelenggaraan, apakah hutan adakah kerajaan mempunyai satu index kualiti ataupun satu penarafan hutan sebagai sasaran kepada memelihara hutan.

Sebagai contoh, ada tanah hutan tak dak hutan. Dia tu taraf dia apadia? Ada tanah hutan yang tak ditanam dengan pokok - pokok hutan, tanam pokok lain. Adakah dia dikira hutan? Jadi mesti ada satu penarafan ataupun satu index seperti samada index kualiti udara ka yang di buat oleh kerajaan supaya dapat mengetahui sasaran sebenarnya dalam konteks pemeliharaan hutan. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YAB. DATO SERI MENTERI BESAR

Terima kasih Alor Mengkudu. Yang kita sedia maklum bahawa selain daripada pemuliharaan dan pengekalan kawasan hutan. Sasaran bagi negara kita ialah 50% muka bumi Malaysia ini diliputi hutan sekarang ini masih pada peringkat 48%. 2% lagi lah maknanya tanah – tanah yang masih tidak berhutan akan dihutankan.

Jadi, usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ialah menanam 100 juta pokok dengan sasaran 100 ribu pokok setahun dan kita di Kedah juga telah mengambil langkah – langkah yang sama. Isu yang kedua, yang berkaitan adalah tentang tanah jabatan hutan tetapi tak ada hutan. Ini telah berlaku puluhan tahun lamanya yang kita sifatkan sebagai penerokaan kawasan tanah – tanah hutan untuk dijadikan penempatan. Banyak di Kedah ini. Ada di Peri, ada di Sik, ada di Padang Terap, ada di Langkawi sendiri pun dan berkaitan hal ini saya telah pun membuat keputusan, kerajaan telah pun membuat keputusan bagi tanah – tanah Jabatan Perhutanan yang telah didiami menjadi kampung.

Saya rasa zaman Alor Mengkudu pun sama ada pendirian tersebut tetapi tak sempat untuk dilaksanakan ialah kita mencabut keluar dan diganti dengan tanah – tanah lain yang masih berhutan. Antara kampung – kampung yang telah dilawati yang kita periksa sungguh – sungguh memang tanah – tanah ini memang tanah Jabatan Perhutanan tetapi telah menjadi kampung begitu lama. Sudah beberapa generasi. Masalah yang timbul ialah apabila meninggal generasi pertama, tanah itu tak dapat dipusakakan, menjadi perebutan di kalangan bukanlah berebut sangat bukan la saya kata depa berebut tapi isu yang tak dapat diselesaikan di kalangan rakyat ialah mewarisi tanah itu. Tanah itu tidak dapat dipusakakan walaupun mereka telah tinggal disitu begitu lama. Keputusan kerajaan adalah mencabut keluar lot-lot kediaman bukan kebun bukan dusun. Lot – lot kediaman supaya rakyat kita ada rumah untuk diberikan surat hak milik dan tapak itu digantikan di tapak lain kepada Jabatan Perhutanan.

Untuk tanaman – tanaman, saya difahamkan oleh Jabatan Perhutanan, ada 7 spesis yang dibenarkan untuk dibuat Ladang Hutan Ganti di Semenanjung Malaysia tetapi tidak sama antara negeri – negeri. Ada spesis yang telah ditanam di Kelantan mendapat kebenaran. Ada spesis yang disenaraikan kepada kita tetapi sebenarnya belum lagi dapat di klasifikasikan sebagai Ladang Hutan Ganti yang dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan. Antaranya polonia. Polonia ini banyak orang disarankan untuk tanam sebagai tanaman hutan ganti spesis kayu lembut yang boleh dituai selepas 7 tahun untuk dibuat kertas. Tetapi polonia belum lagi digazetkan tanaman yang dibenarkan untuk spesis hutan ganti. Albizia contohnya adalah spesis tanaman yang dibenarkan tetapi dia lambat besar. Orang kampung saya panggil petai belalang pasai dia spesis petai belalang tapi dia lambat besar. Ada tananaman durian yang popular sekarang ni. Durian pada masa ini tak ada lagi negeri – negeri yang membenarkan sebagai tanaman hutan ganti tetapi ditanah begitu banyak kerana hasilnya lebih baik berbanding ladang hutan ganti daripada spesis lain yang membekalkan kayu sebaliknya durian ni dia membekalkan buah. Selepas beberapa tahun ladang-ladang hutan ganti ini akan dituai dan untuk diambil kayu. Tetapi durian, dia 30 tahun baru produktif. Dia boleh sampai 50 tahun. Mungkin lepas 30 tahun kalau ikut giliran hutan biasa ini 30 tahun boleh membalak semula. Kalau musim durian lepas 30 tahun mungkin boleh ditebang tapi mungkin jadi petimbangan pada masa tu mungkin durian masih lagi produktif dan harganya mungkin lebih mahal. Jadi, saya akan mendapatkan petunjuk atau nasihat daripada Majlis Tanah Negara apakah spesis-spesis lain yang masih dibenarkan, yang akan dibenarkan sebagai tanaman ladang hutan ganti walaupun durian tidak membekalkan kayu dalam tempoh singkat 7-10 tahun tapi durian juga boleh membekalkan kayu dalam tempoh yang panjang mungkin 30 atau 50 tahun.

Ini belum ada keputusan di pihak kerajaan negeri, InsyaAllah Alor Mengkudu sedikit masa lagi kita akan dapat jawapan. Sasaran ataupun matlamat kita ialah hutan memberi hasil yang terbaik sebagai hutan. Di pihak kerajaan yang memerlukan hasil-hasil baru juga boleh diterokai, apakah durian akan dibenarkan dalam ladang hutan ganti, kita harap dibenarkan untuk menyelamatkan kuasa-kuasa hutan yang telah diteroka begitu lama dan ditanam durian tetapi belum ada satu keputusan yang rasmi dari sudut undang-undang apakah durian boleh diklasifikasikan sebagai ladang hutan ganti. Terima kasih YB. Dato' Speaker

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih Yang Berhomat Speaker. Soalan pada jeneri, pada tak silap Oktober yang lalu, jeneri merasmikan persidangan pengarah-pengarah..(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Soalan biar ringkas dan padat!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik. Jadi, difahamkan kerajaan kedah telah kembali memperolehi sijil pengurusan hutan yang sebelum itu sijil itu tak dapat ataupun digantung. Jadi, mungkin pihak Jeneri boleh memaklumkan kepada kita kenapa sebelum itu ataupun sebelum 1 Oktober itu sijil kelulusan hutan Negeri kedah digantung dan bila ia digantung. Terima kasih.

YAB. DATO SERI MENTERI BESAR

Terima kasih Sungai Limau. Soalan ni agak teknikal tapi saya telah menerima semula sijil pengurusan hutan di Kedah yang telah ditarik pada…

YB. DATO' SPEAKER

Yang Berhormat Jeneri.. Dato Speaker!

YAB. DATO SERI MENTERI BESAR

Dato' Speaker! Lupaa! Minta maaf Dato' Speaker! Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah menerima semula Sijil Pengurusan Hutan Negeri Kedah pada bulan yang lepas. Sijil ni telah ditarik pada 2019 kerana tidak mengemukakan Laporan EIA kepada projek-projek yang dilaksanakan di dalam kawasan hutan simpan terutamanya projek ladang hutan.

Alhamdulillah, selepas diberi semula sijil-sijil ini kita akan pastikan semua projek-projek yang akan dibangunkan berkaitan ladang hutan mematuhi semua kriteria – kriteria yang diletakkan di bawah piawaian antarabangsa. Pertubuhan Kayu-Kayan Tropica Antarabangsa, International, International Tropical Timber Organization (ITTO) iaitu badan yang mengendalikan standard kayu kayu yang boleh dieksport di negara luar kerana oleh kerana ada pelanggaran di beberapa negeri alhamdulillah kita bersedia untuk mematuhi semua peraturan-peraturan yang ditentukan dan sijil itu telah dikembalikan dan saya harap sijil tu akan berkekalan di Kedah kerana kita bertekad akan menguruskan hutan kita sebaik mungkin. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih! Soalan no 2!

2. YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR
[ADUN BANDAR BAHARU]

Kerajaan Negeri Kedah hendaklah memperkemaskan perancangan pembangunan dan kaedah pelaksanaan terbaik bagi merangsang ekonomi agar pertumbuhannya dapat dipertingkatkan sebagai persediaan menghadapi pasca wabak Coronavirus (Covid-19).

Pohon dinyatakan :-

a) Apakah perancangan kerajaan negeri dibawah Kedah Invest selain daripada usaha MIDA untuk menarik pelaburan luar langsung (FDI) dan pelaburan domestik langsung (DDI) ke Kedah?

b) Adakah terdapat apa-apa inisiatif atau pengecualian cukai bagi menarik minat pelabur untuk datang melabur di Kedah?

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, siakap kedah viral dasyat sekali, pohon jawapan no 2 pagi ini. Terima kasih!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan nombor 2 daripada Bandar Baharu adalah seperti berikut. Sekarang ini saingan amat sengit sekali untuk mendapatkan pelaburan di Negeri Kedah. Kita bersaing dengan jiran kita yang terdekat terutamanya dalam bidang sektor E&E (electrical dan electronic) dalam masa yang sama kita juga bersaing dengan negara- negara di luar daripada Malaysia untuk mendapatkan pelaburan. Dengan itu, Kedah perlu menawarkan kelebihan-kelebihan ataupun 'competitive edge' dengan izin bagi menarik pelabur. Dalam jangka masa lebih satu tahun lalu kelebihan dan kekuatan kita sehingga memperolehi begitu baik sekali dengan memperolehi jumlah pelaburan tertinggi dalam sejarah RM43 billion.

Bagi menjawab soalan mengenai apakah perancangan kerajaan negeri, saya akan sebutkan satu persatu perancangan kita yang Insya-Allah kita akan laksanakan. Pertamanya, memperkukuhkan dan memperkemaskan lagi apa yang telah kita lakukan dan ditambah baik. Kita dah buat elok dah, tahun ini pelaburan bertambah begitu tinggi sekali tetapi kita nak perbaiki lagi.

Keduanya, menaiktaraf dan membina infrstruktur kawasan-kawasan tertentu infrastruktur prasarana seperti Bukit Selambau yang menjadi satu potensi yang besar untuk pelaburan. Memang infranya tidak begitu baik, kita akan tambah baik bagi menarik pelabur. Terutamanya tahun 2020, kita dapat RM4 juta untuk buat infra di Bukit Selambau dan juga tempat lain. Tahun ini 2021 kita mendapat RM6 juta lebih daripada MIDA untuk kita baik pulih infrastruktur atau membina infrastruktur yang baru. Di Bukit Selambau saja 2021 ini kita dapat RM4 juta .

Seterusnya, mempromosi dengan lebih agresif lagi kawasan-kawasan perindustrian yang baru disamping kita bergantung dengan KHTP. Kita juga nak lebih agresif lagi mempromosi kawasan-kawasan baru seperti Kedah Rubber City di Padang Terap. Baru baru ini pun sudah ada pelabur yang besar yang sudah pun sign dan bayar duit. Hong Seng Industries yang akan melabur RM3 billion untuk sebuah kilang, nama dia Nitril Butadiena Lateks (NBL) latexs getah tiruan. Sebenarnya, 70% daripada pengeluaran glove dalam Malaysia adalah berasaskan latexs tiruan. Lepas Rubber

City kita juga ada SBEZ Northern Gateway itupun sedang rancak. Kemudian, kita ada Kedah Science and Technology Park. Seterusnya, kita akan membina dan memperkukuhkan lagi hubungan yang sedia rapat dengan agensi- agensi kerajaan pusat seperti MIDA, NCER dan sebagainya. Dan MIDA sebagai sebuah pusat agensi yang bertanggungjawab terhadap pelaburan adalah sebagai sebuah agensi pusat yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaburan adalah window kepada pelaburan dan jangan kita lupa MIDA ini kekuatan dia adalah insentif. Dia bagi macam- macam insentif. Kalau mereka tak bagi mungkin pelabur-pelabur itu tidak akan datang di Negeri Kedah. Engagement yang berterusan akan kita lakukan dengan MIDA dan juga agensi-agensi pusat dan saya sebagai EXCO Pelaburan, MIDA ini top priority.

Seterusnya ini amat penting ya.. 'talent pool' YB. Bandar Baharu. Tenaga kerja, ini adalah satu daripada cabaran besar bukan sahaja bagi Malaysia, khususnya Negeri Kedah ini. Sekarang ini sebab pelaburan begitu banyak masuk dalam Negeri Kedah, syarikat-syarikat bersaing untuk mendapatkan tenaga kerja mahir dan dalam masa 3 tahun yang akan datang lebih daripada 15 ribu pekerja teknikal diperlukan termasuk engineer, technician dan sebagainya. Ini adalah satu yang amat penting untuk talent pool ini. Saya sedang berusaha dan baru-baru ini pun kita dah buat satu MOC 'Memorendom Of Cooperation'. Antara UNIKL dan KTPC untuk kita buat program talent pool ini dengan mereka. Di samping itu, kita punya pusat-pusat latihan teknikal seperti KISMEC, KTECHNO, termasuk jugak Kolej KEDA akan kita naikkan taraf supaya mereka dapat membekal tenaga pekerja teknikal yang diperlukan. Seterusnya promosi pelaburan dalam bentuk seminar……

YB. DATO' SPEAKER

YB. Guar Chempedak, kita seolah olah kita limit la. Nak jawab satu soalan tu 3 minit sahaja! Kita cuba jadikan 3 minit

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Dia pasal banyak!

YB. DATO' SPEAKER

Cuba compress kan jadi 3 minit!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Kemudian, kita nak adakan dialog ini kita dah buat berterusan dengan persatuan-persatuan, pengilang seperti FMM dan juga KITA. Kita juga berhasrat untuk menyediakan 'Blue Print' mengenai dasar pelaburan bagi Negeri Kedah. InsyaAllah kita juga akan memberikan latihan-latihan untuk pegawai-pegawai Invest Kedah untuk mereka lebih berupaya dalam mendepani cabaran dan permintaan semasa dalam persaingan yang begitu hebat.

Alhamdulillah setakat ini kelulusan tanah kita amatlah cepat dan dalam Mesyuarat EXCO kita tak dak backlog. Saya sebutkan tadi tentang talent pool dah sebut. Yang lain-lain lagi, saya juga nak sebut di sini yang ini teramat penting ya mengenai E-10, oleh seorang captain of industries dengan izin. Disebut tadi dalam satu majalah yang terkenal, dia kata emulate Kedah and give approvals fast, says industry captain. Pertama kali dalam sejarah mereka ikut cara Kedah. Dia kata kalau kita tak buat cara Kedah, kita akan kalah dalam persaingan untuk mendapatkan pelabur-pelabur khususnya E&E daripada Negeri Kedah.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Guar Chempedak yang kita tau dalam era pandemik sebanyak 121 projek telah diumumkan yang mana bernilai RM43.5 billion pelaburan masuk ke kedah dan meletakkan Kedah sebagai tempat pertama negeri pertama dalam Malaysia menyumbang 60% pleaburan di dalam negara dan apakah kekuatan kita? Apakah rahsia kita selain mempunyai penggiat dan juga ahli-ahli selain daripada EXCO Pelaburan dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, apakah rahsia dan kekuatan Kedah menarik pelabur yang banyak ini dalam era pandemic covid-19. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum wbt. Jawapan bagi soalan tambahan daripada Bandar Baharu. Bukan sahaja Bandar Baharu duk tanya, semua orang duk tanya. Bukan saja Negeri Kedah, seluruh Malaysia duk tanya macam mana Kedah boleh dapat sampai RM43 billion pelaburan dalam masa 6 bulan yang lalu.

Pertamanya pada pemerhatian saya, kerja berpasukan yang amat kuat di kalangan semua stakeholders (pemegang taruh) dalam menarik pelaburan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, EXCO-EXCO dan juga pengurusan KTPC, Majlis Perbandaran Kulim, PTG, Pejabat Tanah Daerah, dan semua yang terlibat. Ia marupakan satu pasukan yang saya perhatikan amat kukuh pada masa ini. Dan ini akan kita perkukuhkan lagi.

Seterusnya, ialah kita juga menjalin hubungan yang rapat dengan MIDA. MIDA ini dia window atau tingkap kepada pelabur nak masuk Malaysia. Kalau kita tak ada hubungan rapat dengan MIDA, jadi dia pun kadang-kadang orang mai tanya depa hantaq pi negeri lain lah bukan dekat Kedah.

Seterusnya, usaha meyakinkan pelabur bagi Negeri Kedah ini untuk menentukan Negeri Kedah menjadi satu destinasi yang terbaik untuk mereka melabur dengan pulangan baik. Kita perlu memberikan respon yang pantas. Kalau buat enquiry, kita kena jawab cepat tak boleh duk tunggu tunggu sebab time is money. Dan ini termasuk syarikat-syarikat utiliti yang cekap dan berkesan seperti SADA. Kalau kita pelabur apa yang kita perlukan daripada kerajaan negeri ataupun agensi-agensi kerajaan negeri. Kita perlukan hubungan yang baik dengan kerajaan negeri, kita perlukan sokongan dalam pelbagai bidang. Utiliti seperti air, elektrik dan lain-lain mesti cukup. Kalau tak cukup kilang tak mau masuk. Di Kulim Hi-Tech Park kita ada sebuah syarikat 'Nur Power'. Ia membekalkan tenaga elektrik di situ. Kemudiannya gas telekomunikasi dan lagi satu mereka tanya kalau dia nak melabur umpamanya syarikat yang besar iaitu AT&S, dia nak melabur sampai RM8.5 billion itu yang sudah pun pecah tanah dan memang dah melabur.

Soalan nombor 2 ditanya ialah adakah kita cukup 'talent pool', tenaga mahir teknikal. Kalau kita tidak memberikan jawapan yang meyakinkan mereka mungkin pull out. dan persaingan untuk mendapatkan AT&S ke Kulim Hi-Tech Park ini bukannya persaingan di Malaysia sahaja tetapi banyak lokasi di seluruh dunia. Sebab akhirnya mereka memutuskan untuk melabur di Kulim Hi- Tech Park kerana, satu dia nampak semua yang telibat dalam meluluskan segala step-step ini adalah begitu professional khususnya KTPC. Saya nak ucapkan tahniah kepada KTPC, mereka amat professional dan mereka juga memberikan keyakinan yang tinggi kepada pelabur – pelabur.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Guar Chempedak, panjang lagi ka?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Saya cakap sikit saja! Setengah minit! Begitu juga yang ini amat penting Dato' Paduka Speaker. Talent Pool juga kita bekerjasama dengan UNIKL dan sebagainya. Berdasarkan apa yang telah kita laksanakan, Negeri Kedah insyaAllah akan menjadi sebuah Hub E&E dalam Malaysia dalam masa terdekat. Terima kasih!

YB. DATO' SPEAKER

Jitra! Saya tak bercadang nak bagi soalan tambahan kerana cukup panjang.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Panjang tapi tak menjawab soalan! Lepas itu sebab itu saya nak kena tanya balik!

YB. DATO' SPEAKER

Jitra nak tanya jugak ka?

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ya! Soalan tambahan!

YB. DATO' SPEAKER

Ya.. ringkas dan padat! Silakan!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Tadi Yang Berhormat Guar Chempedak ada sebut mengenai Nur Power, jadi saya nak tanya adakah kapasiti Nur Power tu telah ditambahkan dan kalau tidak adakah dibenarkan untuk industri di KTPC ataupun KHTP itu menggunakan bekalan tenaga daripada TNB. Itu soalan pertama.

Yang keduanya ialah peluang pekerjaan yang disediakan tambahan 15,000 katanya tadi, apa persiapan yang dibuat oleh kerajaan negeri supaya kita pastikan bekalan tenaga kerja yang mahir dapat kita tawarkan kepada industry-industri yang baru ini.

Yang ketiganya mungkin Guar Chempedak pun sedia maklum bahawa baru-baru ini lebih dari 136 negara bersetuju untuk mengamalkan cukai minimal global pada tahap 15%. Jadi, soalan daripada Bandar Baharu tadi ialah berkenaan jugak mengenai pengecualian cukai. Jadi, kaedah pengecualian cukai ini tidak lagi berkesan kerana amalan cukai minimal global 15% ini. Jadi, adakah Kedah bersedia untuk menawarkan insentif-insentif baharu untuk menarik pelabur-pelabur ini kerana insentif cukai tidak boleh digunakan untuk menarik semua produk. Terima kasih!

YB. DATO' SPEAKER

Baik! Terima kasih Jitra.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Speaker yang ini tak lama. Sat ja! Soalan pertama Nur Power. Nur Power ini dia punya kapasiti yang dia dapat lesen 440 megawat. Sekarang ni depa beroperasi separuh daripada kapasiti iaitu 220 megawat. Oleh kerana permintaan yang begitu tinggi dan terus meningkat, Nur Power akan tambah lagi kapasiti dia. InsyaAllah dalam masa terdekat 350 megawat itu pun mungkin dalam 3, 4 tahun akan datang, tak cukup boleh tambahkan lagi. Tapi InsyaAllah ia akan dapat dilaksanakan. Kemudian berhubung dengan talent pool, apa yang kerajaan negeri lakukan, saya dah sebut tadi dalam menjawab soalan Bandar Baharu. Kita dah buat MOC UNIKL KTPC, ini peringkat diploma dan degree. Jadinya, engineer, jurutera dan juga technician. Itu juga kita akan buat. Di samping itu juga, kita tidak boleh bergantung saja kepada UNIKL kita juga kena juga berhubung dengan universiti-universiti berdekatan dalam masa terdekat seperti UNIMAP dan sebagainya. Tapi eventually dalam perancangan kita, kita nak UNIKL menjadi sebuah universiti yang akan membekalkan tenaga kerja, jurutera dan juga technician bagi permintaan industri dalam Negeri Kedah. Kita mesti laksanakan. Disamping itu, untuk operator yang berkemahiran kita akan melaksanakan program yang lebih rapi dengan pusat pusat Latihan seperti yang saya sebutkan tadi KISMEC, KTECHO dan Kolej KEDA. Mengenai baru-baru ni 136 negara bersetuju untuk nak bagi pengecualian cukai 15% atau kurang 15%. Ini perkara yang baru, yang perlu kita teliti dengan rapi dan sebenarnya bila bercakap mengenai cukai ini dia banyak kita bergantung pada kerajaan pusat, kerajaan persekutuan, Kerajaan Negeri Kedah sendiri kita tak boleh nak turun cukai sendiri dan sebagainya ataupun bagi pengecualian dan sebagainya. Ini akan kita kaji dan InsyaAllah kita akan dapat jawapan yang sebaik baiknya dalam masa terdekat. Terima kasih Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 3, YB. Lunas tak hadir jadi kalau Anak Bukit tanya pun tak ada orang nak jawab. Jadi, kita ….

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Dak, bukan tak tau, dari kelmarin lagi kata harini Lunas tak boleh hadir takkan sapa yang lain tak boleh ambik alih.

YB. DATO' SPEAKER

Ok..Silakan Anak Bukit!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Baik! Terima kasih! Soalan saya nombor 3 mohon jawapan ringkas padat supaya memaksimakan bilangan soalan dijawab di dalam Dewan ini, terima kasih.

3. YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH
[ADUN ANAK BUKIT]

Para petani MADA merungut ketiadaan benih padi MR297 bagi musim penanaman 2/2021. Pohon dinyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan masalah yang sama tidak berulang saban tahun?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Dato Speaker…

YB. DATO' SPEAKER

Ya silakan!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih Anak Bukit. Apakah peranan yang dimainkan oleh kerajaan negeri bagi memastikan masalah benih padi MR 297, yang jadi ketiadaan benih untuk beberapa musim ini. Faktor yang menyebabkan berlaku kekurangan benih padi sah di pasaran yang seterusnya menyebabkan kelewatan

aktiviti tanaman padi adalah kecenderungan pesawah yang memilih sesuatu varieti sahaja. Bagi musim penanaman musim utama 2021 (2/2021), kecenderungan pesawah di Kawasan Muda adalah untuk mendapatkan varieti MR 297 kerana persepsi memberi pulangan hasil yang tinggi berbanding varieti yang lain.

Secara umumnya benih padi di pasaran adalah mencukupi sekiranya tidak wujud kecenderungan monovarieti ini. Penanaman padi secara monovarieti adalah tidak digalakkan kerana akan mendedahkan kepada serangan perosak dan penyakit dalam skala yang besar. Keadaan ini dikhuatiri akan menjejaskan hasil penanaman padi pesawah. Justeru, pesawah adalah dinasihatkan untuk memilih varieti selain daripada varieti MR 297 yang terdapat di pasaran bagi mengelakkan kesan monovarieti selain daripada kelewatan penanaman. Langkah-langkah berikut telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi isu benih secara keseluruhannya iaitu yang pertama penetapan dasar yang berkesan bagi mengurangkan implikasi pembekalan benih padi sah setiap musim. Pada tahun 2021, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melantik 12 pengeluar benih dan 13 pemborong untuk menambahbaik aspek pengeluaran, pengedaran, pengagihan dan pemasaran benih padi sah.

Selain dari itu juga, penetapan harga siling benih padi sah kepada RM35.00 di peringkat peruncitan bagi satu beg telah dibuat bagi mengawal manipulasi harga benih padi di pasaran.

Yang kedua, melaksanakan kawalan dan penguatkuasaan di semua rantaian pembekalan benih padi sah. Kerajaan melalui Bahagian Kawal Selia Padi Beras dan agensi MADA melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan memanipulasi harga dan sebagainya. Pemantauan berkala turut dilaksanakan di peringkat pengeluar dan pemborong, makmal pemprosesan dan juga lokaliti PPK oleh pihak MADA. Mempertimbangkan untuk meningkatkan keluasan skim ladang benih bagi varieti MR 297 dan lain-lain varieti berdasarkan penyelarasan permintaan dan penawaran di seluruh negara.

Yang kelima, mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama pihak pengeluar yang beroperasi di dalam Kawasan Muda bagi menyelaraskan perihal berkaitan seperti keperluan benih mengikut fasa, varieti tersedia, status penanaman dan sebagainya.

Yang keenam, Hebahan dan pemakluman mengenai perubahan dasar di peringkat nasional kepada semua organisasi peladang meliputi insentif program terkini, struktur dan peranan yang dimainkan oleh pengeluar, pemborong dan peruncit serta mekanisme pelaksanaan program.

Yang ketujuh Melaksanakan program pengembangan berterusan melalui aktiviti seperti kempen pematuhan jadual tanaman serta penggunaan benih padi sah. Peladang turut diingatkan agar mengelakkan penanaman secara monovarieti dan memilih alternatif benih padi lain yang ada di pasaran bagi mengelakkan kelewatan serta kesan penyebaran wabak dan penyakit.

Terima kasih Yang Berhormat Dato Speaker.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YAB. Jeneri yang tolong jawab bagi pihak Lunas. YB. Dato' Speaker sebenarnya pada ketika petani kawasan mada nak mula menanam itu sudah tentula mereka suka pada benda yang telah terbukti. Baik dan sebab itu MR 297 menjadi kegemaran lah yang the preferred variety. Pada ketika itu bila mintak 297 takdak, mereka dihulurkan dengan benih 219 yang mana pada 10 oktober, MARDI dah keluarkan satu surat menyatakan 219 setelah 10 tahun dikeluarkan dia telah mula rentan kepada penyakit karah dan ulat batang, ini yang ditolak pada ketika itu kepada petani, mintak 297 takda 219 ada. Dan sekarang ni apabila 219 dah habis dibeli, depa tak ada choice lani 297 dah berlambak di pasaran. Jadi, adakah ini taktik untuk nak perabis 219 yang masih lagi ada dalam bekalan dan sebagainya. Terima kasih la Jeneri sebut tadi tindakan jangka panjang yang cuba dibuat tapi masalah benih yang dikehendaki petani ini tak sudah sudah. Bukan baru jadi setahun dua tapi dah lama. Jadi, apakah tindakan kerajaan negeri. Betul banyak benda ini ialah MAFI tapi kerajaan negeri boleh membantu supaya petani tidak menghadapi masalah ni dan ya saya faham monovarieti adalah sesuatu yang sangat tidak digalakkan tetapi 'im sure there is a way out'. Terima kasih

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih Yang Berhormat Anak Bukit. Terima kasih Berhormat YB. Dato' Speaker. Saya telah pun bercakap dengan pihak MADA untuk memohon, MADA sendiri yang menjadi pengeluar benih dan kita sendiri yang control jumlah dan kadar dan harga kerana banyak pengeluar yang diberi hak untuk mengeluarkan padi benih. 12 syarikat itu dia tak ada petak pun, dia pun pi kutip rata ja. Dia pi kutip di seri jangkang, dia pi kutip di sana buat benih. Kita tak tau benih tu sebenarnya kualitinya tara mana. Bagi pandangan Kerajaan Negeri Kedah ialah MADA patut 'produce' sendiri benih padi yang sesuai ditanam dalam Kawasan Mada dan di Luar Kawasan Mada di Negeri Kedah.

Saya harap langkah-langkah ini boleh segera di beri kebenaran ataupun keputusan. MADA, dia ada kawasan sawah padi dah, dan dia ada petak dan dia boleh control masa mana nak lepas air, masa mana nak produce benih, benih apa yang sesuai dengan suasana dan cuaca di Kedah ini. Saya harap perkara ini dapat dilaksanakan oleh pihak MADA dan MAFI beri kebenaran kepada MADA untuk sebagai pengeluar anak benih. Terima kasih Yang Berhormat Anak Bukit.

YB. DATO' SPEAKER

Duk jauh sangat tak nampak pun. Kuala Ketil silakan!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Dato' Speaker, (audio kurang memuaskan, perbahasan tidak dapat direkod) termasuklah yang saya katakan ini ialah antaranya MADA sendiri, kemudian pertama padi dan juga kilang beras di Merbok, kuota yang besar ini adalah pada pertama padi dan juga di Merbok. Jadi apabila berlakunya kelewatan ini, kita meminta pandangan kerajaan bagaimanakah mereka tidak boleh membuat satu perkiraan dalam setahun tu berapa musim, berapa keperluan, kita minta pandangan kerajaan bagaimana cara kita nak bagitau supaya depa ini lah pengeluar padi benih sah yang banyak. Sepatutnya mereka mesti ada perkiraan untuk musim-musim yang seterusnya.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Kuala Ketil. Masih lagi tentang kuota pengeluar benih padi diberikan kepada kilang – kilang, kilang beras yang tiada petak. Saya mengulangi gesaan saya supaya MADACORP di bawah MADA diberi kuota yang lebih besar supaya ada 'economy of skill' untuk mengeluarkan benih padi. Kerana benih padi selain daripada untuk bekalan beras, dia sebenarnya perniagaan satu rantaian dan saya bimbang perkara – perkara ini dikawal oleh kartel dalam rangkaian perniagaan. Kementerian Pertanian, MAFI khususnya dan agensi-agensi yang berkaitan harus mengeluarkan diri seperti mana pesawah – pesawah kita telah usaha supaya mereka dapat keluar daripada sistem padi punca dimana pesawah – pesawah terbelit di dalam hutang yang begitu panjang dalam sistem padi punca bunga yang dikenalkan oleh usahawan – usahawan yang memberi hutang kepada petani – petani bunganya meningkat sampai 700% dalam sektor industri. Bekalan benih padi ini juga kita harap kementerian dapat memastikan operasi ataupun urusan bekalan dan pengeluaran benih-benih padi dapat dikeluarkan daripada kartel-kartel yang begitu lama berleluasa dalam sektor pertanian.

Saya harap perkara-perkara ini dalam dunia baru ekonomi sekarang ini dimana orang telah tau banyak perkara yang tak dapat disembunyikan lagi. Kita harap sektor yang berkaitan dengan petani dapat bebas daripada cengkaman orang yang menghisap darah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih! Soalan no 4!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih Dato Speaker, pat pat siku lipat, soalan no empat!

4. YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT
[ADUN SUNGAI LIMAU]

Banyak aduan diterima daripada pengguna jalan kampung, jalan pertanian dan jalan MADA di kawasan Sungai Limau yang terjejas akibat kerosakan jalan.

Pohon dinyatakan:-

Apakah usaha kerajaan dalam memudahkan urusan pembaikan jalan jalan ini oleh kerana semakin hari semakin ramai pengguna menggunakan jalan tersebut kerana jalan ini telah menjadi jalan utama penduduk kampung?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih kepada YB. Adun Sungai Limau yang mengajukan soalan. Bismillahirahmanirahim. Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri sentiasa mengambil berat akan keperluan dan penggunaan jalan jalan tersebut. Tindakan telah diambil agensi kerajaan bagi memastikan perlaksanaan pembaikkan jalan-jalan kampung dan jalan – jalan pertanian termasuk di bawah MADA. Antaranya kerajaan negeri melalui peruntukan MARRIS telah meluluskan sejumlah peruntukkan di bawah Pejabat Daerah Yan bagi kerja – kerja penurapan semula dan pembaikan di 31 jalan di Kawasan Dun Sungai Limau melibatkan peruntukan sebanyak RM2,332,360. Selain daripada itu, peruntukan MARRIS juga telah disalurkan kepada JPS bagi kerja-kerja menaiktaraf pembaikan jalan pertanian di 17 jalan di Daerah Yan melibatkan peruntukan sebanyak RM1,228,414,40 dan pihak MADA juga turut melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan melibatkan 9 km jalan MADA di Dun Sungai Limau melibatkan peruntukan sebanyak RM85,938. Itu sahaja.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Pertamanya, jalan-jalan MADA ni banyak didalam Negeri Kedah. Dicadangkan untuk peratusan, kerajaan negeri mengadakan peratusan di setiap DUN-DUN ataupun PBT yang ada kawasan MADA supaya jalan-jalan dapat diselenggara dengan teratur. Kita tak mau ada yang dapat ada hat tak dapat. Jadi, penjadualan itu penting. Jadi, mohon kepada pihak EXCO untuk perancangan yang telah pun ditetapkan oleh pihak kerajaan selepas daripada ini, bagaimanakah untuk memastikan jalan—jalan tersebut dapat diselenggara dengan baik.

YB. DATO' SURAYA BT YAACOB

Terima kasih di atas soalan tambahan Adun Sungai Limau. Kita menyedari bahawa MADA mempunyai panjang jalan yang agak tinggi terutama di kawasan-kawasan padi dan untuk itu kerajaan negeri bersetuju untuk menyenaraikan jalan-jalan MADA di bawah sistem maklumat rekod jalan raya MARRIS.

Ini satu tindakan yang sungguh baik dan menambah nilai untuk jalan-jalan ini. Dan untuk itu, sebagai contoh di Yan telah dilakukan penaiktarafan jalan MADA melalui sistem MARRIS untuk tahun ini 199,870 untuk jalan CRBD5 Mukim Sala Besar dan sedang dilaksanakan. Malah, seperti di Jerlun sejumlah RM1.1 juta saya rasa telah dibelanjakan. Kos projek RM1.6 juta panjang jalan 16 km, status sedang dilaksanakan. Di Pendang, RM1.1 juta telah dilaksanakan sebenarnya. Jadi, untuk tahun depan kita akan meneruskan projek menyenaraikan jalan-jalan MADA di bawah sistem MARRIS ini. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan Anak Bukit!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih Dato Speaker. Terima kasih Sungai Tiang dan saya sangat bersetuju untuk jalan-jalan MADA ini segera yang dah cukup syarat dimasukkan dalam MARRIS sebab nanti saya akan sentuh dalam perbahasan nanti antara sebab ya saya faham Sungai Limau. Saya di Anak Bukit pun serupa. Jalan-jalan utama yang nak masuk ke kampung ialah jalan ban MADA. Jadi, yang boleh kita buat bawah jalan kampung yang selepas Jalan MADA itu baru masuk ke kampung.

Jadi, kalau yang ini tidak diambil alih dan saya akan sentuh lagi kenapa MADA tidak dapat jalankan kerja penyelenggaraannya kerana dipotong belanja mengurusnya. Jadi, saya mohon agar secara sistematiknya segera semua jalan-jalan MADA yang cukup syarat untuk dimasukkan ke dalam MARRIS, dimasukkan segera supaya dapat kita tambah lagi kita punya contribution daripada Pusat untuk jalan-jalan MARRIS dan dapat kita selenggarakan dengan baik. Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BT YAACOB

Kerajaan mengambil maklum Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih! Soalan no 5!

YB. DATO' DR ISMAIL BIN SALLEH

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, Pulau Langkawi ada 5, saya pohon jawapan soalan nombor 5.

5. YB. DATO DR. ISMAIL BIN SALLEH
[ADUN PENGKALAN KUNDOR]

Pohon dinyatakan:-

a) Apakah status terkini Tabung Penyakit Kronik?

b) Berapakah jumlah peruntukan tahunan kepada tabung ini?

c) Berapakah jumlah yang telah digunakan sepanjang tahun 2021?

d) Apakah kategori bantuan yang telah diberikan?

YB. DATO' SPEAKER

Pengkalan Kundor lain kali hat "ma" belakang tu cari la buah kurma ka buah delima ka. Silakan!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Pengkalan Kundor yang telah mengemukakan soalan berhubung dengan tabung penyakit kronik. Tabung Bantuan Pesakit Kronik Negeri Kedah Darul Aman telah diwujudkan pada tahun 2019 dan pertukaran nama tabung kepada Tabung Bantuan Perubatan Sejahtera (BPS) Negeri Kedah Darul Aman selaras dengan mesyuarat Pemantauan Tabung Pesakit Kronik Negeri Kedah Darul Aman (TPK) 2020 yang telah diadakan pada 03 November 2020. Tabung masih ada tapi nama ubah la sikit dan diberi peruntukan yang diterima oleh Hospital dan juga Klinik Kesihatan adalah seperti berikut. 2019 Hospital Sultanah Bahiyah RM300,000.00 Hospital Sultan Abdul Halim RM100,000.00 Hospital Kulim 100,000.00 Pusat Kesihatan tidak ada. Dan 2020 Sultanah Bahiyah RM200,000.00 turun sikit. Sultan Abdul Halim100,000.00 Kulim RM100,000.00. 2021 Sultanah Bahiyah RM150,000.00 Sultan Abdul Halim RM100,000.00 Hospital Kulim RM100,000.00 dan Pusat Kesihatan Pendang RM50,000.00 jumlah semua Hospital Sultanah Bahiyah RM 650,000.00 Hospital Sultan Abdul Halim RM300,000.00 Hospital Kulim RM300,000.00 dan Klinik Kesihatan Pendang RM50,000.00 kemudian peruntukan yang telah dibelanjakan.

Untuk 2019 Sultanah Bahiyah RM 104,758.00 Hospital Sultan Abdul Halim RM16,375.00 Hospital Kulim RM100,000.00 untuk 2020 Sultanah Bahiyah RM431,623.20 Hospital Sultan Abdul Halim RM117,185.67 Kulim RM77,549.83. Untuk 2021 Sultanah Bahiyah RM 96,662.85 Hospital Sultan Abdul Halim RM139,340.80 Hospital Kulim RM25,975.00 dan Pusat Kesihatan Pendang RM990.00 jumlah semua untuk Hospital Sultanah Bahiyah RM633,044.05, Hospital Sultan Abdul Halim RM272,901.47 Hospital Kulim RM203,524.83 dan Pusat Kesihatan Pendang RM990.00. Untuk jenis-jenis bantuan yang diberikan adalah peralatan perubatan terutama sekali orang yang patah lah! Kemudian, operation mata, kanta dalam matan dan bantuan-bantuan perubatan yang lain seperti 'crunches' dan sebagainya. Kemudian, bantuan susu untuk mereka yang tidak mampu. Kemudian, ada juga kita bagi tambang untuk mereka yang tidak dapat pergi ke hospital kerana tidak ada dana. Itulah sedikit sebanayak jawapan kepada soalan nombor 5 dari Pengkalan Kundor.

Sekian, terima kasih Dato' Speaker.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan tambahan Dato Speaker! Latar belakang kepada penubuhan tabung ini adalah untuk menampung mereka – mereka yang telah mendapat bantuan daripada tabung perubatan daripada federal tapi masih tidak cukup. Setelah beberapa tahun saya kira masih ramai lagi yang tidak tahu adanya tabung bantuan ini. Apabila kita deal ke bawah mereka mencari-cari dimanakah bantuan yang perlu diperolehi setelah mereka mendapat bantuan daripada TBP-Tabung Bantuan Perubatan Federal. Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan negeri yang akan diambil ataupun telah diambil untuk memastikan bahawa maklumat ini sampai kepada golongan sasar. Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih Pengkalan Kundor, Dato Speaker. Sebenarnya, kita menyediakan maklumat ini di bahagian sosial di hospital. Pegawai khidmat social, kemudian kita menghebahkan kepada pakar-pakar di dalam ward sendiri terutamanya kepada mereka yang dealing dengan pesakit-pesakit yang memerlukan peralatan perubatan. Yang ketiganya kita juga menghebahkan kepada jururawat-jururawat yang berhubung dengan pesakit sentiasa. Kemudian, di pusat kesihatan. Kita juga telah menyediakan peruntukan ini untuk Pusat Kesihatan di Padang Serai dan juga di Pendang pada tahun lepas. Malangnya di Padang Serai ataupun Kulim untuk Pusat Kesihatan ni mereka tidak memberi respon yang baik.

Kemudian, begitu juga di Hospital Langkawi. Hospital Sultanah Maliha, Langkawi begitu juga kita membuka peluang untuk mereka tetapi oleh kerana masalah untuk membuka akaun di Hospital Sultanah Maliha sampai sekarang mereka tidak dapat peruntukan ini untuk kita salurkan. Jadi, hebahan-hebahan di Hospital kepada kakitangan kesihatan dan juga di pusat-pusat kesihatan sentiasa kita perlu mereka hebahkan kepada pesakit-pesakit dan juga mereka yang memerlukan. So itu lah ada pesakit-pesakit yang nak pergi mendapatkan rawatan tidak ada tambang pun, kita beri peruntukan kepada mereka. Terima kasih Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Kuala Ketil!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Tokai, boleh saya dapat perincian jenis-jenis sakit yang layak mendapat bantuan di hospital tersebut? Sakit- sakit yang boleh mendapat peruntukan tu?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Dato' Speaker terima kasih Kuala Ketil. Sakit apa pun boleh dapat! Pergi hospital ja bagitau tidak mempunyai kewangan dana. Pegawai khidmat sosial akan dealing dengan mereka ini, berhubung dengan mereka ini dan dia akan buat sedikit siasatan untuk yang betul-betul memerlukan. Kita akan memberi bantuan InsyaAllah sampai susu anak kalau tak dak pun boleh InsyaAllah kita akan bagi.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih! Soalan no 6!

6. YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI
[ADUN TANJUNG DAWAI]

Tapak Tamadun Tertua Asia Tenggara, Sg. Batu telah dikenali umum.

Pohon dinyatakan:-

a) Apakah status terkini tapak berkenaan?

b) Apakah cadangan pembinaan kompleks di tapak tersebut?

c) Apakah peranan kerajaan negeri untuk menjayakan tapak tersebut sebagai destinasi pelancongan sejarah?

d) Apakah peranan kerajaan negeri memperkenalkan tapak tamadun tersebut di peringkat domestik dan antarabangsa?

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Mohon jawapan untuk soalan no 6.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tanjung Dawai. Tentang Tapak Tamadun Tertua Asia Tenggara Sungai Batu. Mohon nyatakan status terkini. Tapak Arkeologi Sungai Batu yang terletak di daerah Kuala Muda, Mukim Bujang itu merangkumi Lot PT1900 dan PT1901. Ia adalah Hak Milik Kerajaan Persekutuan yang telah dibuat pengambilan pada 7 Disember 2011 dengan bayaran berjumlah RM 13,258,089.69 melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Jabatan Warisan Negara (JWN) telah dinamakan sebagai agensi pengguna selaku pentadbir tapak tersebut. Tapak ini diselenggara dan dijaga sepenuhnya oleh JWN melalui Jabatan Warisan Negara Zon Utara. Di sini juga, terdapat Pejabat Lapangan JWN yang menempatkan pegawai JWN untuk memantau tapak serta pegawai keselamatan yang menjaga dan memastikan tapak ini terpelihara disamping menguruskan kehadiran pelawat dan penyelidik di tapak ini.

Sementara itu, melalui peruntukan perundangan di bawah (Akta645) iaitu subseksyen 67 (1), Tapak Arkeologi Sungai Batu ini telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan pada 28 November 2017 melalui no warta P.U (A) 364. Ia merupakan pengiktirafan tertinggi di peringkat kebangsaan. Pewartaan di bawah (Akta 645), adalah untuk memastikan Tapak Arkeologi Sungai Batu dilindungi di bawah instrument perundangan Negara serta dapat mengekalkan signifikannya.

Bagi proses mendapatkan pengiktirafan UNESCO, kajian lanjut masih dijalankan bagi mengenalpasti kriteria yang bersesuaian serta perlu mematuhi garis panduan ketat yang ditetapkan oleh pihak UNESCO.

Soalan (b), cadangan pembinaan komplek di tapak tersebut. Pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah memohon peruntukan di bawah Projek Fizikal Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4,RMK-11) untuk projek Pembangunan Kompleks Tapak Warisan Arkeologi Sungai Batu, Kedah Darul Aman. Sebanyak RM10 juta telah diluluskan untuk pembinaan Pusat Penyelidikan Arkeologi, pusat sumber, menaiktaraf bumbung-bumbung shelter dan fasiliti lain di tapak. Namun begitu, projek tersebut terpaksa ditangguhkan sementara bagi menyediakan perancangan yang lebih menyeluruh bagi mencapai objektif yang disasarkan untuk dipertimbangkan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. MOTAC komited untuk merealisasikan hasrat ini demi kepentingan khazanah warisan Negara dengan mengangkat sekali lagi permohonan peruntukan sebanyak RM50 juta melalui Projek Fizikal Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP2, RMK-12). Permohonan ini meliputi

kerja-kerja bagi kemudahan pelancongan dan pentadbiran di tapak tersebut. Kemudahan tersebut terdiri daripada bangunan utama dan sokongan seperti pembinaan ruang galeri, makmal, mini auditorium, pejabat pentadbiran, menaiktaraf shelter sedia ada dan sebagainya yang dijangka akan menambahkan lagi bilangan pelawat serta melindungi artifak in-situ di tapak tersebut. Bagi Pihak Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dengan Kerjasama daripada pihak Jabatan Warisan Negara, Pusat Penyelidikan Universiti Sains Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia cawangan Negeri Kedah serta agensi dan jabatan kerajaan sentiasa mempromosikan Tapak Tamadun Tertua Asia Tenggara Sungai Batu sebagai pelancongan sejarah disebabkan oleh sejarah serta bukti-bukti penemuan yang terdapat di kawasan tersebut. Satu kertas kerja atau dossier telah siap tetapi perlu disemak dan dibincangkan terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada panel penilai. Kerajaan Negeri Kedah bersama Jabatan Warisan Negara ada memohon sejumlah peruntukan kepada pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) bagi tujuan infrastruktur untuk keselesaan serta keselamatan pelancong. Selain itu juga, Pihak Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Kedah Tourism Sdn. Bhd, serta beberapa agensi dan jabatan kerajaan giat mempromosikan pelancongan di Tanah Besar termasuklah Tapak Tamadun Tertua Asia Tenggara Sungai Batu sebagai salah satu destinasi wajib dikunjungi.

Sebelum Pandemik Covid-19 melanda dunia, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman giat mempromosikan produk-produk serta tempat-tempat menarik di Negeri Kedah Darul Aman di peringkat antarabangsa. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut. Pertama mengadakan business matching bagi tour operator dan tour guide dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Singapore dan lain-lain lagi. Menyertai pameran-pameran pelancongan seperti MATTA Fair PWTC, Kuala Lumpur, PATA Travel Mart, World Travel Market dan pelbagai la. Mengadakan Familiarisation (FAM)Trip bersama blogger, influencer serta tourism players bagi mempromosikan Negeri Kedah khususnya Tapak Tamadun Tertua Asia Tenggara Sungai Batu. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya Dato Speaker, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jeneri bahawa Tapak Tamadun itu belum dapat pengiktirafan daripada UNESCO lagi. Apa yang disebutkan oleh mantan Pengarah Pusat Arkeologi Global yang mengetuai kajian di tapak tersebut iaitu Profesor Dato DR. Mokhtar. Antara sebab yang membolehkan tapak itu masih belum diiktiraf oleh UNESCO ialah ada jalan orang kampung di tengah-tengah tapak tamadun itu dan tapak laluan itu dicadangkan di tukar ke tanah yang dimiliki oleh

pihak kerajaan tapi tapak itu tanah itu diduduki oleh orang kampung dan ada timbul polimik beberapa bulan yang lalu berkaitan cadangan kerajaan negeri untuk membuat laluan orang kampung. Apakah solusi dan juga yang dicadangkan oleh pihak kerajaan bagi menyelesaikan masalah perkaitan jalan dan juga penduduk yang berada di atas tanah milik kerajaan di sebelah tapak tamadun itu? Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Terima kasih Tanjung Dawai. Kerajaan telah membuat keputusan untuk membina jalan kampung di sempadan antara Lot 1900 dengan Lot sebelahan dimana ada penghuni-penghuni termasuk di atas tapak cadangan jalan ni ialah kontena yang menempatkan peralatan para pengkaji. Ini yang jadi polimik sebenarnya. Dan orang yang tak faham isu ini dia akan kata kerajaan negeri ini nak langar tapak kajian tu. Sebenarnya kontena tu du katas tpak yang termasuk sikit Lot sebelah Lot tanah kerajaan negeri yang dicadangkan sebagai elaimen jalan yang akan dibina masuk ke tapak itu. Sebenarnya perkara itu tidak benar. Kita akan mintak para pengkaji ni alih sikit kontena dia. Alih sikit saja supaya laluan jalan tu daripada atas tapak Jabatan Warisan ni dapat pindah masuk ke tanah kerajaan negeri. Ini usaha yang dibuat oleh kerajaan negeri untuk menjamin usaha-usaha untuk mendapatkan pengiktirafan daripada pihak UNESCO ke atas tapak tersebut dapat disegerakan. Itu lah berkaitan jalan tersebut Tanjung Dawai. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Kubang Rotan, silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Berkenaan dengan Tapak Warisan Sungai Batu Terawal Asia Tenggara ini memang isu ini terlalu begitu lama. Mungkin pihak kerajaan negeri mungkin boleh perhati pasai zaman kami dahulu iaitu padal awalnya kita berbincang dengan pihak MOTAC dijanjikan kita mendapat RM20 juta. Dalam RM20 juta tu lah dia buat kelulusan RM10 juta last sekali RFM10 juta tu pun tak tau kemana. Zaman itu jadi isu. Jadi, saya mengharapkan pihak kerajaan negeri mengambil benda ni serious. Teknikal-teknikal jalan yang seperti disebut oleh Tanjung Dawai tadi, isu teiknikal tetapi kita nak benda ni disegerakan.

Jadi, orang-orang yang memperjuangkan isu Sungai Batu ini kita takut lama-lama dah banyak rungutan isu yang berlaku dan sebagainya depa pun satgi lama-lama down, saya rasa pasai tak salah saya Pulau Pinang dah berjaya berbanding depa lagi lambat berbanding kita tetapi depa dah berjaya. Kita ini awal tetapi kita masih lagi dalam pengamatan. Terima Kasih.

YAB. DATO SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Speaker terima kasih. Kubang Rotan saya telah menyebut beberapa kali di dewan ini tentang Tapak Tamadun Asia Tenggara di Sungai Batu lebih awal daripada Candi Borobudur abad yang ke-11. Kita 700 tahun sebelum masihi yang tertua di Asia Tenggara lebih awal dari Angkor Watt lebih awal daripada Borobudur yang mana kesemua ikon-ikon pelcancongan sejarah di negara-negara jiran kita itu mendapat pulangan yang banyak dalam sektor pelancongan kepada negara mereka. Kita memang berhasrat untuk mengangkat Tapak Tamadun Asia Tenggara di Sungai Batu ini tetapi saya telah mendapat taklimat daripada pihak-pihak terbabit khususnya Professor Dato' Dr. Mokhtar bahawa usaha-usaha yang lebih banyak daripada menampakkan tuyere itu sahaja. Sekarang ni yang banyak tu tuyere tu lah. Tuyere ini Bahasa Francis. Ada satu kampung memang ditemui dua tuyere di Perancis itu tempat tu dinamakan Tuyere tetapi di Sungai Batu ada sejuta. Tetapi dah ada nama Sungai Batu tak mungkin lah ditukar sungai tuyere lah noh di Sungai Batu tu. Tetapi usaha untuk evacuate kapal yang ditemui oleh para pengkaji ada kapal di kawasan paya tu yang terendam.

Dulu ini itu laluan sungai. Kapal tu karam disitu. Usaha untuk evacuate dua kapal tu sahaja, untuk pelihara keaslian kapal tu dia takleh diangkat dia kena dikorek digali dengan berus. Takleh korek pakai excavator pasai dia punya tiang itu boleh patah jadi kena gali pakai berus. Ini lah usaha-usaha yang dibuat oleh para pengkaji. Saya bagi pihak kerajaan sangat menghargai semua usaha-usaha kesabaran menggali dengan berus yang dijalankan oleh para pengkaji dan Jabatan Kajian daripada USM. Usaha untuk evacuate kapal itu sahaja perlu kos RM100 juta, kos untuk membangunkan pusat pelancongan ini terlalu tinggi dan saya telah bercakap dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Ismail Sabri tentang perkara ini masa lawatan dia ke Merbok masa Kepala Ayer baru ni, saya lalu jalan tu saya kata ini Tapak Tamadun Awal Asia Tenggara, YAB. Perdana Menteri perlu ambil peluang kesempatan ini untuk kita bangunkan kerana ia lebih awal daripada Borobudur dan Angkor Wat dan dia telah memberi perhatian yang serious dan dia kata kemungkinan kita boleh bekerjasama dengan pihak swasta untuk membuat PFI kerana kos yang terlalu tinggi dan kita buat perkongsian lah kepada usaha membangunkan Tapak Tamadun Asia Tenggara ini pada masa depan dan saya akan follow up Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri, ada syarikat-syarikat yang berminat untuk evacuate bahan-bahan sejarah, meneroka lebih banyak ruang dan tinggalan-tinggalan, monument-monument untuk kita jadikan Sungai Batu sebagai tapak perlancongan sejarah setanding dengan Borobodur dan Angkor Wat.

YB. DATO' SPEKAER

Terima kasih YAB. Jeneri. Urusan seterusnya Setiausaha.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya.

III. PERBAHASAN DI ATAS UCAPAN BAJET 2022 SECARA DASAR

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Perbahasan di atas Ucapan Bajet 2022 secara dasar.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan di atas ucapan Bajet Tahun 2022 oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman, saya pohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat agar dapat merangkumkan sekali Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri 2022, Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Tahun 2022 dan Anggaran Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Tahun 2022 dan menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah sahaja. Sehubungan dengan itu, saya juga berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak mengulangi perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat lain. Sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan. Saya menjemput YB. Alor Mengkudu, 40 minit sahaja.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh. Salam Sejahtera. Saya mohon izin untuk tidak pakai mask YB. Dato' Speaker. Alhamdulillahirobbil A'lamin Wabihi Nasta'in Wassolatu Wassalamu'Ala Asyrofil Anbiya' Iwal mursalin Wa'ala Alihi' Wasohbihi Aj'main. Wa-Ta'āwanū 'Alal-Birri Wat-Taqwā, Wa-Lā Ta'āwanū 'Alal-Ithmi Wal-'Udwāni. Surah Al-Maidah Ayat Ke-2. "Dan bertolong-tolonglah antara kamu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan dan janganlah kamu tolong menolong dalam perkara kejahatan dan permusuhan.

YB. Dato' Speaker, tahniah kerana dianugerahkan bintang kebesaran, Speaker. YAB. Dato' Seri Menteri Besar juga, tahniah. Yang Berhormat Exco-Exco, Adun-Adun samada kerajaan atau pembangkang, ketua-ketua jabatan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian, berucap dan membahaskan bajet 2022 yang telah pun dibentangkan oleh YAB. Jeneri pada pagi kelmarin dan juga tahniah ini kali kedua kepada YAB. Jeneri dah bentang dah nampak elok sikit dari sebelum ini sebab dah ada pengalaman dan juga yang pentingnya saya nak ucapkan tahniah kepada pasukan yang menyediakan bajet di bawah Pejabat Kewangan Negeri kerana sepanjang saya berada di Dewan ini mereka tak pernah gagal, tak pernah berlaku bajet ditolak. Mereka adalah pasukan yang mempunyai pengalaman dan mungkin terdapat pegawai-pegawai yang khusus dan cukup professional dalam menyediakan bajet atau pengalaman yang lama sudah tentulah bajet ini yang sambung menyambung dan saya harap tidak ada apa-apa kebimbangan kalau berlaku tukar kerajaan pun, orang itu juga yang sedia bajet pun, kalau tukar MB pun orang tu juga! Pasukan menyediakan bajet ini cukup professional tanpa mengira siapa kerajaan, tanpa mengira siapa parti politik yang memerintah tanpa mengira sapa MB, mereka menjalankan tugas dengan cukup dedikasi yang akhirnya matlamat adalah untuk menjadikan kerajaan dapat memberi perkhidmatan kepada rakyat dengan sebaik mungkin.

Kita dalam suasana yang ada sekarang, kita merasakan seolah-olah politik ini sepatutnya sudah stabil selepas melalui beberapa tempoh yang berlaku pertukaran di sana sini tapi akhirnya masih tak stabil juga sehingga masih berlaku di Melaka tukar lagi kerajaan dan kita terpaksa hadapi lagi pilihanraya dan ada negeri lagi duk cabar-mencabar, silap tak silap jatuh lagi satu, pilihanraya negeri satu lagi, dia boleh berlaku duk cabar, yang duk cabar ini sama-sama parti kerajaan pula tu, bukan pembangkang, pembangkang tu dah tak fikir dah nak kerajaan kalau kita duk kira nak hadapi satu pilihanraya, kalau kerap sangat tukar kerajaan sebenarnya dia menjadi kerajaan itu tidak cekap, tidak berkesan dan mengganggu pentadbiran. Itu sebenarnya kesan daripada pertukaran kerajaan dan kita juga berharap dan menunggu-nunggu satu akta anti-lompat, yang ini melibatkan semua yang ada ini ahli-ahli ini adalah ahli politik. Kita masih di peringkat nasional, peringkat parlimen antara pihak kerajaan dan pihak pembangkang dalam suatu MoU, bahawa satu akta anti-lompat akan digubal, akan diluluskan mungkin Insya-Allah pada masa hadapan akan menjadikan kerajaan itu cukup lebih stabil. Cuma persoalan yang timbul itu kadang kadang tu dia tak lompat tetapi dia tak sokong ketua kerajaan itu. Yang itu dia nak kategori macam mana tak tau, dia tak lompat parti itu tapi dia kata kami tak mau sokong. Dia masih kekal yang itu depa nak buat macam mana tak tahulah!

Tapi dari kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat ini kadang-kadang dia tu, dia tak boleh duduk sebelah pembangkang, dia kena duduk sebelah kerajaan bila-bila pun, yang itu ada juga, dia tukar juga! Jadi, kita harap isu politik ini dapat diselesaikan kalau yang menang, menanglah jadi kerajaan yang kalah, kalahlah! Terimalah hakikat bahawa rakyat tolak! Itu sebenarnya satu sikap yang perlu diamalkan oleh ahli-ahli politik dan parti-parti politik. Kalau menang, menanglah! Kalau kalah, kalahlah! Tunggu pilihanraya akan datang pula supaya tempoh lima tahun itu dapat digunakan dengan sebaik mungkin.

Seterusnya, kita masih lagi berada dalam suasana pandemik covid-19, masih lagi belum lagi diisytihar endemik dan ada cadangan nak keluarkan daripada pandemik kepada endemik tapi belum lagi diisytiharkan dan sekarang ini pun, jangkitan masih lagi turun dan sekitar 5,000 hingga 6,000 lagi, nak turun bawah 1,000 ini payah YB. Dato' Speaker, dia turun 4,000, dia naik 5,000 dia naik balik 6,000. Kita sudah pun masuk ke fasa yang keempat Kedah ini, fasa keempat fasa terakhir tapi masih lagi dalam zon pandemik lagi, tak bebas lagi! Kedah pun duduk dalam sekitar 400 orang sehari, masih lagi tak menurun angka itu. Ertinya dalam keadaan sekarang, banyak sektor-sektor telah pun dibuka. Apabila sudah dibuka, kita sedia maklumlah rakyat mula keluar, yang terkurung lama dia mula keluar, tapi SOP masih dikekalkan mungkin masih pakai pelitup muka, tapi dalam konsep nak buat 'distancing' itu saya tak boleh Nampak berlaku sekarang, masalah distancing penjarakan bila dah ramai payah nak berlaku penjarakan. Jadi, beramai-ramai pergi melancong, pergi pasar-pasar, keluar sana sini, pergi restoran, makan dan sebagainya.

SOP itu sukar untuk dilaksanakan apabila melibatkan pihak ramai. Pada masa sekarang, kita masuk terutamanya kerajaan tak boleh nak tunggu sampai diisytiharkan bebas pandemik covid-19 baru nak mula buat pemulihan, sekarang ini dah mula pemulihan dah. Bila kita buka saja mula pemulihan. Jadi, peringkat pusat telah pun mengambil langkah-langkah pemulihan terutamanya melibatkan sektor-sektor yang terjejas teruk pelancongan, dan juga sektor-sektor perniagaan, perkhidmatan, restoran, makanan dan sebagainya. Jadi, kesan ekonomi terutamanya tempoh 2 tahun akibat pandemik covid-19 ini sangat besar. Kita mungkin ratusan billion kita hilang, kita rugi, kalau disebut pelancongan ada kenyataan yang saya baca tak silap saya adalah RM90 billion itu isu pelancongan saja yang terjejas itu tak kira lagi isu perkhidmatan, kehilangan pekerjaan 500 hingga 600 ribu orang daripada Kumpulan M40 turun jadi B40 juga ratus ribu yang turun. Pertumbuhan ekonomi jadi negative. Kalau dalam Pelan Pembangunan Kedah ini, yang Kedah sahaja, pertumbuhan ekonomi 2020 -1.7%, dah minus 1.7%.

Jadi, kesan sangat besar, oleh sebab itu di peringkat nasional ditubuhkan satu Jawatankuasa Khas Pelan Pemulihan Negara yang dipengerusikan oleh bekas Perdana Menteri yang lalu dan Jawatankuasa Khas ini dianggotai oleh pelbagai sektor bukan sahaja di pihak kerajaan tetapi di sektor-sektor swasta bukan parti kerajaan juga ada dalam jawatankuasa pemulihan ini kerana untuk memberi pandangan dan nasihat kepada kerajaan dalam tindakan. Ertinya kerajaan di peringkat nasional mengambil sikap terbuka untuk mendengarkan pandangan supaya pelan-pelan yang dibuat oleh kadar itu mengenai sasaran dan menyediakan satu strategi yang berkesan untuk keluar daripada krisis pandemik ini. Jadi, mereka telah mengadakan mesyuarat dan mengesyorkan banyak perkara di peringkat nasional. Saya nak ambil kesempatan di peringkat negeri ini, supaya kerajaan negeri saya syor dah, kerajaan negeri menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Pelan Pemulihan Peringkat Negeri, kerana peringkat negeri ini lebih rapat dengan akar umbi dengan rakyat yang mana jawatankuasa khas ini akan menasihati kerajaan dalam tindakan-tindakan dan kerajaan supaya mencapai sasaran yang dianggotai oleh bukan sahaja jentera kerajaan tetapi pihak swasta yang mewakili sektor-sektor pertanian, yang mewakili sektor-sektor perumahan, peniaga-peniaga dan juga Bahagian Pendidikan pun terkesan serta persatuan-persatuan ibu bapa supaya dapat membincangkan pelan pemulihan ini dan memberi pandangan dan segera kita dapat membuat pemulihan. Jadi, kerajaan akan dapat pandangan dan kami di pihak pembangkang sepertimana di peringkat nasional sedia untuk menyertai bersama sekiranya dijemput untuk jawatankuasa khas ini di peringkat negeri supaya sama-sama kita fikir satu isu bersama, isu rakyat.

Menyentuh tentang Bajet 2020, saya cuba meninjau tengok Bajet 2020 dan sempat saya catitkan iaitu kalau dari segi anggaran hasil 2020 adalah RM702 juta dan yang berjaya kita dapat kutip ialah RM620 juta dan tahun 2021, anggaran hasil ialah RM720 juta duk di peringkat RM700 juta lagi yang dapat kita kutip sehingga 11 November 2021 sepertimana ucapan YAB. Jeneri. Pada tahun 2022, RM725 juta kalau dilihat anggaran hasil ini, ianya sebenarnya lari tak jauh dalam masa 3 tahun dan masih lagi bersekitar RM700 juta dan kutipan kita pun masih lagi belum ada satu lonjakan dalam konteks hasil. Dalam konteks anggaran perbelanjaan juga, ia akan dikawal oleh anggaran hasil mungkin lebih, belanja mengurus RM759 juta (220), RM799 juta (221), RM815 juta (222). Dari segi belanja mengurus ini, selalunya ada defisit dah dia lebih daripada pendapatan tetapi dia duk meningkat defisit. Tahun 2020 deifisit kita 8%, tahun 2021 naik 11%, tahun 2022 ialah 12.4%, duk meningkat.

Walaubagaimanapun, menjadi kebiasaan kerajaan negeri sebenarnya tak seperti di nasional, dulu pun saya pernah sebutkan. Kita berbelanja mengikut kemampuan walaupun ada defisit, berapa pun defisit tetapi perbelanjaan masih dikawal mengikut kemampuan maksudnya masih dibawah daripada pendapatan sebenar kerana kita di peringkat negeri tak membuat apa-apa pinjaman, berbeza di peringkat pusat apabila dia bajet, memang dia nak belanja betul dan kalau tak cukup pendapatan sebenar dia akan buat pinjaman. Jadi, kementerian-kementerian di peringkat pusat, bila dia tengok ada bajet, dia siap untuk membelanjakan bajet itu macam mana pun mesti disediakan peruntukan jarang berlaku tak disediakan, kalau tak cukup dia akan masuk dalam pinjaman tapi kita kalau dilihat pada tahun 2021, kita hanya belanja RM469 juta, dengan pendapatan tahun 2021 sehingga 11 November 2021, RM631 juta. Oleh kerana pandemik, kita hanya belanja sebenarnya 58% sahaja daripada bajet yang diperuntukan. Kira-kira hampir separuh. Mungkin kerana pandemik dan saya tengok di sini ada saving dekat-dekat RM160 juta tak dibelanjakan pada tahun ini. Jadi, ianya menyebabkan simpanan kita meningkat sampai RM600 juta lebih yang kita dapat simpan.

Saya merujuk kepada ucapan YAB. Jeneri, para 148 hingga 154 yang saya rujuk, iaitu disebut keseluruhan jumlah anggaran mengurus campur pembangunan hutan dan juga bekalan air RM1.35 billon, ketiga-tiga itu. Ini sebenarnya tidak menganggu cuma saya nak buat pembetulan sikit di sini mungkin overlook saja tidak menganggu pembentangan bajet. Sebenarnya bukan RM1.35 billion tapi RM1.25 billion. Ketiga-tiga itu tidak boleh dicampur semua sekali sebab pada belanja mengurus itu ada RM104 juta itu dibawa masuk dalam pembangunan, kalau masuk yang itu RM100 juta dia kira dua kali, YB. Guar Chempedak faham lah sebab dia duk urus yang itu. Jadi, sebenarnya dalam belanja mengurus dia ada dalam B.07 muka surat 21 sebenarnya sumbangan daripada situ tu dia belanja dah masuk dah di pembangunan. Jadi, dia tak jadi dua kali dah, itu saja tapi tidaklah menyebabkan bajet ini nak perbetul kira-kira, ini ucapan saja, RM1.25 billion.

Yang kedua, pada para 1.30 peruntukan pendigitilan perkhidmatan kerajaan RM96.6 juta. Ini adalah satu proses yang berterusan dan masuk juga dalam Pelan Pembangunan 2035 iaitu satu langkah yang sampai masa dan cukup diperlukan supaya dipertingkatkan pendigitilan sistem pentadbiran kerajaan ini supaya lebih cekap dan mengikuti arus dunia yang ada sekarang ini dan mungkin banyak lagi 'improvement' daripada masa ke semasa yang perlu dibuat. Mungkin RM96.6 juta ini mungkin permintaan itu mungkin lebih daripada ini, oleh kerana had yang ada.

Untuk meningkatkan kerajaan ini tidak dapat tidak, pendigitilan perkhidmatan ini perlu dibuat dengan lebih meluas lagi supaya sesuatu urusan pentadbiran itu dapat diurus dengan lebih cekap berbanding dengan urusan konvensional, tak payah lagi buka fail, pi cari data dia, tapi di hujung jari ada yang dapat tau dah maklumat itu. Macam di Pejabat Tanah terutamanyalah, bukan sahaja pembayaran sekarang, saya pun dah bayar pakai online dah, cukai tanah bayar online dah, lebih mudah sekarang ini, semua online dia akan menjadi lebih cekap tak payah lagi duk buka semak, begitu juga perkara-perkara lain tak payah pi buka fail, Pejabat Agama contohnya, kalau nak tau dia ni anak dara ka, janda ka, duda ka, sekarang itu boleh jawab, tak boleh sapa tipu dah lani, kalau sudah masuk dalam data lah, dia boleh check seberapa segera macam carian rasmi tanah lah, orang ini pun. Walaupun Dato' Speaker kata orang perempuan tak suka, suka tak suka ini peraturan, boleh semak!

Jadi, ini akan jadi lebih cekap, masjid, tau dah masjid ni apadia, sapa tok imam, fakta semua ada. Jadi, pendigitilan ini sebenarnya membantu urusan, kalau boleh pentadbiran kita di antara yang maju adalah Singapura yang maju dalam menggunakan teknologi ini dan baru ini saya kerap pi Shah Alam, pi tengok! Kadang kala bawa kereta, dia parking di sana, bukan pakai kupon, kita beli kupon di situ, kita pi sekali lama-lama kupon itu expired, berapa banyak dah kita susah. Sekarang ini kita pakai apps saja, kita letak saja kereta di situ, kita bayar pakai apps, jadi parking tak dak dah. Bila dia mai periksa ini, dia buka saja, nombor kereta ini ada tak dalam sistem. Kita di Kedah tak buat lagi. Jadi, ianya dah masuk dalam sistem. Itu cakap pasal parking lah, tak cakap pasal benda-benda lain, jadi sebenarnya banyak membantu, pentadbiran, pengurusan, urusan dengan rakyat, macam mana saya katakan yang lepas-lepas ini kita nak tambah rumah, dalam kawasan perumahan yang perlu kebenaran, buat plan hanya nak tambah itu sikit saja tapi tak boleh jawab segera, apabila ada sistem boleh jawab dah. Dia klik loan rumah ini, sekian dia tau dah rumah ini. Duduk macam mana rumah ini, adakah rumah ini ada title ka, ada kelulusan ka apa, dia tau dah kesemua. Jadi, pakcik tunggu sat, kami bagi surat jawapan tak payah tunggu lama. Kalau nak buat passport pun tunggu la tu dapat, dulu sebulan baru dapat sekarang la tu dapat! Pasal pendigitilan ini lah.

Jadi, saya amat berharap supaya peruntukan ini digunakan sebaik mungkin untuk meningkatkan. Di antara perkara-perkara yang di sebut dalam ucapan adalah pada tahun 2021 kita tiada peruntukan khusus untuk bantu covid ini, ertinya kerajaan gunakan perbelanjaan luar jangka banyak juga iaitu RM32.4 juta, atas bantuan-bantuan yang disenaraikan di dalam peruntukan. Tapi covid masih berterusan setakat ingatan saya mungkin saya silap. Untuk tahun 2022 tak disebut, tang mana duduk bantuan covid itu, duduk di bawah yang mana? Dan berapa jumlahnya? Dulu kita guna luar jangka, kalau luar jangka ini bahaya juga, kalau mari banjir besar,

guna luar jangka juga lah! Luar jangka ini satu benda tapi bantuan covid ini kita dah tau dah kena sedia untuk covid. Sekarang masih lagi ada keperluan, yang itu saya nak tanya juga lah di mana duduk dan berapa sebenarnya anggaran peruntukan untuk mangsa-mangsa covid ini. Bantuan-bantuan covid ini untuk 2022.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Alor Mengkudu ada 15 minit lagi.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Terima kasih. Saya kena percepatkan lah! Di antara perkara-perkara yang saya nak bangkitkan juga yang mungkin sekarang tak boleh masuk adalah mungkin masa hadapan yang boleh difikirkan juga. Tadi ada sebut pasal jalan mini tar di kawasan-kawasan Mada, kita kerajaan saya lihat mula memikir, ini aduan daripada orang ramai! Saya pun banyak tempat saya pi tengok, dia sekarang ini kita buat jalan mini tar dalam bendang, kampung mungkin kurang masalah, dalam bendang dia ada mini tar masuk, mini tar dia lalu atas tanah sendirian, atas tanah kerajaan, ianya tidak ada rizab, orang duk buat duk bertambah di dalam. Tiap-tiap rumah ada sebiji dua biji kereta itu biasa lah! Mini tar itu boleh lalu satu saja. Jadi, dia duk banyak dah di dalam itu, yang menggunakan jalan utama. Ini mini tar itu macam jalan utama mini tar, yang masuk rumah-rumah kita tak kira lah! Dan tuan-tuan yang tanah di tepi mini tar ini, bila nak bersih tanah dia duk cangkul jalan itu. Lama-lama jalan itu duk koi sempit. Ada kes yang diminta yang ini difikir yang ini sampai ke peringkat kena 'aquire' dah tanah ini. Kereta duk banyak dalam itu. Jadi, ini masalah yang sedang dihadapi dan apabila kita nak perluaskan oleh pihak ICU, nak minta kerajaan dia tak nak bagi, dia tanah depan mungkin duk tang lain, dia tak duk di dalam. Kes macam ini banyak berlaku. Trafik, kereta bertambah banyak, jalan tak boleh selisih, jalan yang sempit pun bertambah sempit. Jadi, bila bubuh tar, bubuh sampai di rubin, tar itu sampai luruh jatuh jadi akhirnya jalan itu akan menjadi masalah kepada pengguna. Jadi, mungkin selepas daripada ini, ada mungkin jalan-jalan tertentu yang menghadapi masalah ini perlu di ambil perhatian. Sampai pukul berapa YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

10.55 pagi!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

10.55 pagi, ok! Isu alam sekitar, minggu lepas kita mungkin di Malaysia ini tak berapa ambil berat alam sekitar kerana mungkin tak berapa terasa sangat, industri kita masih lagi belum cukup besar dan kepadatan kita tak setinggi negara lain seperti India dan China. Isu alam sekitar ini adalah isu yang sangat global dan sangat menarik perhatian ketika ini. Minggu lepas satu persidangan perubahan cuaca, 'climate change conference' yang dianjurkan oleh United Nations di Glasglow yang dipanggil COP 26 baru sahaja tamat kelmarin dulu di mana perbincangan mengenai 'climate change' ini adalah perbincangan yang dilihat bahawa ancaman kepada dunia ataupun kesan kepada dunia secara global ini sangat besar. Ada negeri-negeri akan tenggelam oleh kerana paras air naik dan kita pun tidak terkecuali di pantai kita, laut kita kalau tiada Ban Mada, sebenarnya air dah lepas masuk dah dalam bendang kita ini. Air laut sudah lebih tinggi daripada daratan. Alor Setar ini sudah pun dibawah paras air sebab itu di dalam tempoh 23 tahun lepas satu projek telah pun dibuat saya ingat sekitar RM40 juta terpaksa di 'pump' kan air apabila paras tinggi iaitu Sungai Raja dan di permukaan di depan Hospital Lama dan dibuat satu terusan yang lebih besar, kalau tidak Alor Setar ini, Pekan Rabu, Derga dan semua di situ tenggelam. Kemudian, ada cadangan lebih daripada 10 tahun lepas, sekitar dalam RM200 juta supaya ditambah baikkan konsep untuk mengepam ini sebab masih lagi terdapat kawasan-kawasan di sungai-sungai itu terus secara langsung tanpa ada 'gate' seperti di Tanjung Bendahara yang baru ini tenggelam, air sungai naik, taman-taman di situ tenggelam, tiada 'gate'. Begitu juga di sebelah Wan Mat Saman, mana ada 'gate' dia 'direct' masuk. Bila paras naik, tenggelam. Bila paras laut naik, terpaksa kita tutup empangan, air nak turun tak boleh sebab paras laut lebih tinggi maka paras sungai akan naik, air sungai akan masuk ke tempat rendah. Jadi, sudah ada satu cadangan untuk menyelamatkan Alor Setar ini lebih kurang RM200 juta, dulu puluh tahun dulu dah bincang tetapi kerana ini perlu peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Tapi sekiranya berterusan dan tidak diambil satu tindakan, rakyat ya lah, rumah taman ini air masuk banyak, dia masuk sikit pun cukuplah. Malam dia masuk, lepas itu dia turun. Masuk ini, kita sebagai wakil rakyat nak pi jenguk tak berapa berani lah, dengan kita-kita dia marah. Dia bukan kira kerajaan kata kerajaan, air masuk rumah ini, dia kata duk buat apa wakil rakyat ini? Kita nak buat apa, air masuk dalam rumah. Jadi, saya nak ambil perhatian kepada kerajaan tengok balik kes isu…(YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Alor Mengkudu, YB. Dato' Speaker. Berkenaan dengan 'climate change' ini yang disebutkan oleh YB. Alor Mengkudu. Sememangnya kita tahu bahawa kita masih ketinggalan di peringkat negara kita Malaysia dan juga peringkat negeri. Apakah peranan pihak kerajaan mungkin Alor Mengkudu bersetuju ataupun tidak, berkenaan cadangan iaitu kita tahu 'climate change' ini seorang anak iaitu Greta Thunberg yang berumur 16 tahun berasal dari Sweden, yang bergerak satu dunia untuk berjumpa dengan semua pemimpin-pemimpin dunia memperjuangkan 'climate change'. Jadi, setakat mana pihak kerajaan negeri untuk melihat sejauh mana perjuangan 'climate change' ini untuk dibincangkan di peringkat sekolah lagi ataupun 'leadership program' berkenaan dengan Youth Climate Ambassadors (YCA) Leadership Program yang mana pernah diadakan di negara-negara luar tapi mungkin di negara kita belum lagi. Adakah di pihak kerajaan negeri ini untuk memastikan bahawa kita ada satu pendidikan untuk anak-anak di sekolah dan bagaimana kita cuba memberi 'educate' kita punya masyarakat ataupun komuniti di peringkat kawasan-kawasan Dun dan sebagainya untuk melihat bahawa yang ini cukup penting sebab itu UUM telah mengadakan program tersebut.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Terima kasih. Saya bersetuju bahawa kesedaran ini perlu menyeluruh tapi di Malaysia ini masih kurang berbanding dengan rakyat negara lain dan kalau negara kita sangat berkaitan rapat dengan hutan sebab itu saya tanya soalan kes hutan itu. Kita di Kedah ini ada 36% hutan, 1/3 hutan di Kedah.

Selain daripada kita simpan hutan untuk bekalan air, pertanian, minuman dan Mada sebenarnya masih perlu 30% lagi sebab tanam dua kali kepada bekalan daripada empangan. Ianya tidak cukup. Ertinya isu mengenai hutan ini adalah isu yang sangat serius walaupun saya tengok peruntukan kecil sebab itu perlu ada satu kaedah indeks dan perlu kesungguhan dalam menjaga hutan ini sebab kesannya itu sangat besar dan kita sedia maklum hutan ini bukan sahaja air tapi dia membekalkan oksigen daripada hutan itu sebab itu dunia ini sangat bimbang apa sahaja yang berlaku di Brazil, amazon itu, dia kira nak ambil hasil tapi kesannya pada dunia. Jadi, saya sangat bersetuju supaya kerajaan tak putus asa sepertimana kerajaan berjaya dapat selesaikan potong pinjaman air RM700 juta lebih, hutan ini kerajaan pusat kena subsidi kepada kita sebab tiada pilihan YB. Jeneri. Kalau letak RM100 juta pun, RM200 juta sebab kut mana pun hutan ini perlu dipelihara tak dak pilihan, dan juga kita perlu pelihara juga makanan yang ada di Mada.

Jadi, ini pada tahun 2019 di bawah YB. Jitra, kita dapat RM200 juta tapi dapat 'one off'. Sepatutnya RM200 juta tiap-tiap tahun kena bagi kepada Kedah ini. Kalaulah sekiranya kita dapat RM200 juta seronok jadi kerajaan. Daripada RM700 juta jadi RM900 juta, banyak benda yang kita boleh buat jenuh juga lah dengan keadaan Kedah ini. Jadi, yang ini mesti daripada gaduh dengan Pulau Pinang, kita kira dengan Pusat, YAB. Jeneri tak apa lah nak berkelai, berkelai pi lah! Jadi, yang ini sebenarnya patut sangat dan telah diberi cuma nak tiap-tiap tahun saja RM200 juta bagi kat kita. Ada 3 minit lagi! Saya nak bangkit seterusnya adalah mengenai Sekolah Kebangsaan Bukit Meriam, ini pendidikan, Exco Pendidikan pun tau dan Adun Pantai Merdeka pun tau. Mereka panggil saya sebagai ketua pembangkang, mungkin mereka hilang nak mengadu kat sapa, mereka panggil saya. Wakil ibu bapa ini, saya pun kenal mereka. Mereka ini pun bukan parti saya, parti kerajaan. Hampa mengadu kepada kerajaan lah, parti hampa. Depa kata "tak payah pi lah pasal dah cakap dengan Dato' Ketua Pembangkang, minta tolong bangkit sat. Sekolah Kebangsaan Bukit Meriam ini ditutup, ada 147 orang pelajar nak kena pindah di satu sekolah 7km daripada situ. Jadi, mereka ini menghadapi satu kesusahan maklumlah nak kena pi hantar, budak-budak itu pi jalan kaki ke sekolah, lepas ini tak boleh jalan kaki dah! 7km jauh! Saya nak katakan mereka itu betul ka tak betul, saya tak kiralah hujah itu, saya pun tak dengar di pihak kerajaan macam mana hujah tetapi mereka sebenarnya tidak convince YAB. Jeneri dengan alasan kerajaan itu sebab apa pindah itu. Mereka tidak convince, ini mungkin satu kaedah bagaimana nak mengendalikan masalah rakyat dan penjelasan-penjelasan yang diberi itu kena cari satu penyelesaian yang agak baiklah bagi mereka.

Saya sebenarnya bersedia juga kalau YAB. Jeneri nak dengar apa hujah daripada JKR ini sebenarnya puncanya daripada JKR. JKR kata bukit itu tak selamat. Sekolah ini 100 tahun lebih dah, depa kata batu seketul saja dengan pokok tumbang tak kan terus tak selamat kut! Duk 100 tahun lebih dah dan sekolah baru pernah dibuat di tepi itu. Dulu tak fikir ka sekolah itu, baru buat saja! Saya sebenarnya nak juga dengar juga hujah yang kata tak selamat itu macam mana? Kajian-kajian JKR! Kalaulah terpaksa pindah pun, berapa lama nak pindah kena jawab kepada mereka. Sekolah baru ada juga cadangan nak buat bila. Jadi, dia banyak soalan yang mereka bangkit, yang kerajaan sebenarnya ini masalah nak uruskan isu rakyat lah dan kalaulah sekiranya mereka terpaksa pi juga, perbelanjaan mereka akan meningkat! Daripada dia tak kena duit, dia dengan ada 2, 3 anak, dia nak kerja, nak pi hantar, nak pi ambil, isu ini nak kena selesai kalau terpaksa juga lah! Saya pun bersedia juga untuk melihat kalau tidak ada halangan daripada kerajaan untuk berhubung dengan JKR, ini bukan ada rahsia teknikal apa pun, ini nak lihat dari segi teknikal sebenarnya sebab apa yang jadi tak selamat, takat mana kajian itu.

Adakah ada jalan penyelesaian untuk jadikan ianya selamat dan kosnya berapa? Jadi, itu saja yang saya nak bangkit tanpa saya menyatakan satu keputusan itu betul atau tidak betul, kita tak tau sebab baru dengar sebelah pihak! Tapi saya bawa ke sini. Jadi, saya nak menepati masa supaya YB. Dato' Speaker, walau ada satu dua lagi, tapi tak apa lah kut bagi rakan-rakan lain akan bangkit isu-isu. Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih kepada semua.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih sangat-sangat kepada YB. Alor Mengkudu dikira mematuhi masa. Silakan YB. Sungai Limau. 40 minit juga!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Alhamdulillah Rabbil Alamin Wabihi Nasta'in A'la Iyaumiddin Asyhadualla' Illa'ha Illa'Allah Wa'asyhadu Anna'muhammadan Abduhu Wa Rasuluh Allahumma Salli Ala Sayyidina Muhammad Wa Ala Alihi Wasahbihi Ajma'in Amma'Baq.

Saya juga ingin ambil ayat yang dibacakan oleh YB. Alor Mengkudu tadi, Yang Berhormat Dato' Speaker firma Allah swt. Wa-Ta'āwanū 'Alal-Birri Wat-Taqwā, Wa-Lā Ta'āwanū 'Alal-Ithmi Wal-'Udwāni. Sadakallahul Azim. Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam kebaikan dan taqwa dan janganlah kamu tolong menolong dalam perkara yang membawa kepada dosa dan permusuhan.

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker yang beri peluang saya untuk berbahas atas pembentangan bajet yang telah pun dibentangkan oleh Amat Berhormat Dato' Seri Jeneri kelmarin kepada kita untuk Bajet 2022, Kerajaan Negeri Kedah. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan dalam ucapan perbahasan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada YAB. Jeneri, YB. Dato' Speaker, Yang Berhormat Exco dan juga ketua-ketua jabatan yang telah pun diberikan anugerah darjah kebesaran oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang bawa gelaran Dato' Seri kepada Yang Amat Berhormat Jeneri dan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga Exco yang telah pun diberikan anugerah serta ketua jabatan.

YB. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan semua sidang hadirin-hadirat yang dikasihi sekalian. Bajet yang telah pun dibentangkan kepada kita kelmarin YAB. Jeneri, kami merakamkan ucapan tahniah mewakili backventures daripada kerajaan atas kemampuan yang mempersembahkan bajet yang komprehensif dan menyeluruh, langkah perlu yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menghadapi pasca covid pada tahun 2022. Kita juga merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh pegawai-pegawai yang terlibat dalam merangka bajet ini yang sudah pasti bajet yang mempunyai tiga teras dan kita yakin ianya akan membantu memberi impak yang terbaik khususnya dalam membangunkan negeri dan juga mensejahterakan rakyat Negeri Kedah dengan teras yang pertama pemangkin dan pemulihan ekonomi, teras kedua peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat, teras yang ketiga pendigitalan perkhidmatan dan kecekapan tadbir urus. Insya-Allah ketiga-tiga teras ini bukan hanya dijadikan sebagai bahan bacaan untuk pertuturan tetapi ia menjadi sebagai satu panduan kepada kita semua dalam melaksanakan agenda bajet yang telah pun dibentangkan kelmarin oleh YAB. Jeneri.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada YB. Alor Mengkudu, Ketua Pembangkang yang dalam perbahasan beliau tadi kita melihat seolah-olah semua yang dibentangkan oleh pihak kerajaan ini mempunyai asas yang baik, pembahagiannya dari sudut belanja mengurus, dari sudut belanja pembangunan, pembangunan hutan dan sebagainya. Inilah yang telah pun diberikan beberapa alasan sokongan oleh ketua pembangkang. Saya di pihak beckventures kita rakamkan ucapan terima kasih dan bila ketua dah bagi satu kredit yang terbaik kepada kerajaan dan mungkin rakan-rakan yang lain di pihak pembangkang juga akan melakukan perkara yang sama dan saya pun mungkin 40 minit yang diberikan oleh YB. Dato' Speaker itu saya tak kan gunakan secara maksimum sebab semuanya dah dipersetujui oleh Ketua Pembangkang.

YB. Dato' Speaker, dalam pembentangan bajet kelmarin YAB. Menteri Besar telah pun bentangkan kepada kita suatu prestasi pendapatan negeri yang pada 11 November telah pun mencapai 87% dan saya yakin kita masih lagi ada tempoh sebulan setengah untuk kita kejar anggaran yang telah pun kita tetapkan RM720 juta untuk 2021 mungkin kita tak mampu untuk mencapai keseluruhan tetapi kalau mencapai lebih ataupun 90%, ia juga merupakan satu pencapaian yang terbaik yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan pencapaian ini juga bukan kerja Menteri Besar dan Exco secara berseorangan tetapi kerana kesepaduan kerja antara kepimpinan negeri dan pegawai tadbir yang turut sama melaksanakan tugas, tanggungjawab sehinggalah kerajaan negeri mencapai apa yang telah pun diperolehi pada hari ini.

Maka kita melihat gandingan yang mantap antara kepimpinan negeri dan juga pegawai tadbir, saya simpulkan dan nak senaraikan di sini 10 perkara yang kita boleh banggakan sepanjang tempoh 2021 yang masih lagi kita berada pada tahun ini.

Yang pertama, kutipan hasil yang menghampiri dan boleh lebih daripada 90% Insya-Allah pada penghujung tahun 2021. Yang kedua, jumlah pelaburan di Kedah yang tertinggi berbanding negeri-negeri yang lain, dalam tempoh 6 bulan 2021 ini kita telah pun memperolehi pelaburan berjumlah RM43.6 billion seperti data yang telah pun direkodkan di MIDA.

Yang ketiga, di saat pandemik covid yang dihadapi oleh rakyat, kerajaan negeri menyediakan bantuan kepada rakyat yang dilaksanakan di PKOB – Pusat Kawalan Operasi Bencana di peringkat daerah-daerah dan seluruh negeri yang telah pun mampu untuk membantu dan meringankan bebanan rakyat yang berhadapan dengan faktor ekonomi ataupun kesihatan serta program pemulihan yang dilaksanakan oleh kerajaan sepanjang tempoh pandemic covid.

Yang keempat, prestasi bayaran baucer yang telah pun disebutkan oleh pihak Yang Amat Berhormat kelmarin kurang daripada 14 hari yang menunjukkan kestabilan kewangan negeri dan juga kecekapan pegawai dalam melaksanakan tugasan.

Pencapaian yang kelima, rizab kerajaan negeri yang mencecah RM660.31 juta merupakan satu pencapaian yang tertinggi berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Yang keenam, kedudukan hutang negeri yang terendah hanya RM701.49 juta selepas penstrukturan hutang dan pemindahan asset kepada PAAB.

Ketujuh, pemberian projek melalui cabutan undi melibatkan 1,598 projek bernilai RM145 juta menjadi tanda aras ketelusan dan juga kecekapan pentadbiran negeri.

Yang kelapan, menyelesaikan isu bekalan air dengan projek menaiktaraf 5 loji rawatan air yang dalam peringkat pelaksanaan setelah ia tertangguh sebelum ini.

Yang kesembilan, meneruskan projek berimpak tinggi dan menyelesaikan banyak isu-isu teknikal yang berkaitan projek-projek bersangkutan.

Yang kesepuluh, melancarkan Pelan Pembangunan Kedah 2035 dengan tema Kedah Sejahtera dan Berdaya Huni.

Ini 10 perkara yang menunjukkan beberapa pencapaian dan kita yakin banyak lagi yang dapat kita perolehi ataupun kita dapat ambil daripada pembentangan bajet yang dikemukakan oleh YAB. Jeneri kelmarin.

Sidang hadirin, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dikasihi sekalian, suka untuk saya memulakan perbahasan selepas daripada menyebut 10 pencapaian yang telah pun dicapai oleh negeri kita dalam pembentangan yang telah pun dikemukakan kelmarin. Saya ingin menyentuh tentang satu perkara yang telah pun disebut oleh YAB. Jeneri iaitu Pelan Pembangunan Kedah 2035. Yang Berhormat Dato' Speaker kita melihat bahawa Pelan Pembangunan Kedah 2035 ini adalah juga merupakan suatu usaha dan juga mempunyai hala tuju jelas kepada pentadbir seluruh rakyat apa yang akan kita usahakan dalam tempoh 15 tahun yang akan datang dengan misi mentransformasikan pembangunan ekonomi negeri dengan mengambil kira faktor ekonomi rakyat dan alam sekitar ke arah sebuah negeri yang berpendapatan tinggi melalui pembangunan ekonomi yang holistik serta berpadanan dengan eko-sistem sosial budaya dan agama menjelang 2035. Inilah misi yang telah pun diletakkan dalam kerangka Pembangunan Kedah, Pelan Pembangunan Kedah 2035 dan kita yakin usaha ini dengan dirangka dengan 6 teras di bawah 3 tema iaitu tema ekonomi, tema rakyat dan tema alam serta mempunyai 6 objektif yang utama.

Izinkan saya untuk membacakan keenam-enam objektif tersebut. Yang pertama meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui eko-sistem perniagaan dan industri yang komprehensif. Kedua, memperkasakan penyediaan infrastruktur, utiliti dan kemudahan asas kepada rakyat. Ini juga sedang dilaksanakan antaranya projek menaik taraf 5 LRA. Ketiga, menerapkan nilai budaya dan hubungan sosial di kalangan masyarakat majmuk. Yang keempat, meningkatkan kecemerlangan modal insan dikalangan melalui pembentukan dan pembangunan masyarakat secara menyeluruh. Yang kelima, membentuk budaya kerja kelas pertama di kalangan penjawat awam. Yang keenam, memperkasakan pertumbuhan Pembangunan Lestari dan mampan. Ia merupakan objektif yang kita yakin usaha ini hanya mampu untuk dicapai untuk dicapai apabila keseluruhan pegawai-pegawai tadbir, keseluruhan pentadbir-pentadbir dikalangan ahli-ahli politik dan masyarakat serta rakyat seluruhnya memberikan kerjasama penuh dalam kita merealisasikan hasrat Kedah Sejahtera Berdaya Huni.

YB. Dato' Speaker, kami amat yakin di peringkat di peringkat Adun-Adun Kerajaan dengan misi serta strategi dan inisiatif yang telah pun dirancang untuk memastikan bahawa perancangan ini dapat dicapai dan saya boleh ambil sebagai satu contoh antara teras satu kemakmuran ekonomi. Sasaran yang telah pun di sebut dalam buku Kedah 2035 ini untuk kemakmuran ekonomi. Yang pertama, sasarannya ialah ada enam inisiatif utama, ada 4 strategi, sasaran yang pertama 55% pertumbuhan KDNK setahun.

Kedua, RM10 bilion pelaburan masuk setahun, alhamdulillah untuk tahun ini dalam tempoh separuh tahun kita telah pun mencapai RM43 bilion, kita telah pun melebihi anggaran ataupun sasaran dan kita mengharapkan pada tahun-tahun yang hadapan, paling kurang minimum RM10 billion pelaburan yang masuk dalam Negeri Kedah.

Yang ketiga, yang ingin dicapai 8 juta kemasukan pelancong menjelang tahun 2035. Pandemik Covid ini menjejaskan pelancongan kita dan kita mengharapkan dalam tempoh kehadapan 2022 apabila penyakit ini semakin berkurangan, sektor ekonomi, sektor pelancongan kembali di buka kita perlu ada satu garis panduan, usaha yang jitu dan sistematik bagi memastikan bahawa pelancong menjadikan Malaysia ataupun secara lebih khusus Negeri Kedah sebagai tempat untuk mereka lawati dan mencapai 8 juta menjelang 2035 dan yang keempat 20% kawasan penanaman padi dijalankan secara estet. Kita tidak meminggirkan padi yang menjadi asas kepada sumber ekonomi kebanyakan rakyat di Negeri Kedah. Inilah beberapa contoh dan teras satu yang kita boleh lihat dalam buku yang telah pun dibekalkan dan kita rak amkan ucapan terima kasih kepada BPEN Bahagian Perancang Ekonomi Negeri yang telahpun membentangkan kepada seluruh Adun-Adun termasuk juga Adun-Adun Pembangkang cuma yang hadir pada hari tersebut ialah ketua pembangkang yang lain mungkin kerana keuzuran tapi inisiatif yang baik yang telah pun diambil oleh pihak BPEN untuk memberi faham bukan hanya kepada pegawai-pegawai tadbir tetapi juga kepada ahli-ahli politik supaya apa yang dirangka ini ia akan merentasi siapa sahaja yang menjadi kerajaan cuma kita mungkin kalau nak memperbaiki pada masa-masa yang akan datang melalui hasil daripada kajian-kajian ataupun perkara-perkara yang perlu untuk diperbaiki pada masa yang akan dating.

Oleh itu, saya harapkan kepada kita semua khususnya ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai untuk peka dengan apa yang telah pun dirancang di peringkat kerajaan negeri dan Pelan Pembangunan Kedah ini merupakan suatu yang perlu untuk sama-sama kita berikan sokongan dan Bajet 2022 merupakan bajet yang menyokong kepada usaha, kepada Pelan Pembangunan Kedah 2035. Inisiatif serta perancangan kerajaan negeri dan yang dibentangkan dalam bajet ini, Insya-Allah akan menjadi pemacu kepada perancangan Kedah 2035 dan kami rakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) yang menjadi urusetia induk yang bertanggungjawab melaksana dan memantau pelaksanaan Pelan Pembangunan Kedah 2035. YB. Dato' Speaker…(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Dato' Speaker, saya ingin bertanya kepada YB. Sungai Limau adakah YB. Sungai Limau sedar bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat di pihak pembangkang ini tidak dimaklumkan ataupun kalaupun dijemput diberikan notis yang terlalu pendek untuk menghadiri penerangan mengenai perancangan Kedah 2035 sepertimana yang disebutkan bukannya kami tidak hadir dengan alasan uzur dan sebagainya.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik! Terima kasih kepada Yang Berhormat Jitra, mungkin perkara tu sebab yang hadir YB. Alor Mengkudu, ketua pembangkang hadir dan kita pun tak tahu alasan daripada yang berhormat-yang berhormat tak hadir dia sebab tulah saya kata uzur Bukan saya kata sebab saja-saja nak boikot atau sebagainya.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Speaker, untuk makluman YB. Sungai Limau kami menerima notis sehari tak sampai 24 jam untuk hadir ke taklimat tersebut. Saya rasa kerajaan perlu ikhlas untuk jemputan pada masa akan datang. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baiklah kita yakin perkara itu akan diambil tindakan yang sewajarny. Terima kasih kepada Jitra dan juga kepada Kota Darul Aman. Dalam membahaskan bajet teras kedua peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Kelmarin kita mendengar banyak inisiatif dalam langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan negeri dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Saya juga pada pagi ini menyambut baik perkara yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Jeneri iaitu hasrat kerajaan negeri untuk tak memperbaharui lesen premis judi dan juga menghadkan jualan arak pada tahun 2022. Maka kita melihat ia merupakan satu langkah yang baik bahkan langkah yang amat baik diambil oleh pihak kerajaan dalam memastikan bahawa kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat dapat kita maksimumkan.

Firman Allah swt. di dalam al-quran yang semua kita pernah dengar Auzubillahiminashaitanirajim. Yā ayyuhallażīna āmanū innamal-khamru wal-maisiru wal-anṣābu wal-azlāmu rijsum min 'amalisy-syaiṭāni fajtanibụhu la'allakum tufliḥụn.

Wahai orang-orang yang beriman sesungguhnya ara,k judi dan penyembahan serta tenung nasib merupakan najis daripada amalan syaitan maka hendaklah kamu jauhi moga-moga kamu menjadi orang-orang yang berjaya.

Inilah hasrat yang saya kirim didambakan oleh seluruh mereka yang beriman untuk sama-sama kita memastikan bahawa minuman arak dan judi ini yang membawa pelbagai jenis masalah sosial dan juga jenayah di kalangan masyarakat kita dapat kita atasi dengan langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan khususnya tidak meneruskan untuk renew dengan izin lessen-lesen premis dan juga premis judi pada tahun hadapan. Pernah dulu saya berbahas ataupun bersama-sama Dengan Bakar Arang berada di sebelah sana sama-sama kita meminta kepada pihak kerajaan pada waktu itu untuk menghadkan aktiviti ataupun aktiviti perjudian dan juga arak ini kerana ia melibatkan masalah sosial dalam negara kita. Silakan YB. Bakar Arang! (YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB.Sungai Limau! Terima kasih YB. Speaker. Saya sendiri pun tak judi dan saya pun tidak berapa suka dengan judi malah saya pada penggal yang lepas bersama-sama dengan rakan-rakan dan bersama dengan PAS juga, kita di sini. Sayalah yang paling lantang dan ke depan untuk membantah judi haram yang berada di dalam Kedah ini dan masa itu lah kita membantah kerajaan BN pada masa itu yang mengeluarkan lesen hiburan keluarga kepada pengusaha judi haram yang beroperasi, bertopeng dengan lesen hiburan. Akan tetapi keputusan yang diumumkan oleh Menteri Besar semalam yang ingin mengharamkan premis loteri ataupun nombor ekor, Toto ka Magnum ka, yang berada di Kedah yang berlesen ini. Saya anggap ini satu keputusan yang kurang baik, dan tidak baik sebab ini hanya akan menguntungkan pengusaha-pengusaha judi haram sahaja sebab apa saya kata macam ini sebab sehingga sekarang kerajaan tidak mampu untuk menyelesaikan.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Nak berbahas ka nak tanya?

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Mencelah kan! Bagi pandangan kan! Boleh?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ohh..panjang dah tu.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Saya habiskan secepat mungkin boleh?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ya..sila! Sila!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Saya rasa ini hanya menguntungkan lesen judi haram sahaja sebab bila mereka tidak ada tempat untuk yang berlesen, yang sah pada undang-undang di Malaysia dan sudah 30 hingga 40 tahun sudah ada di Malaysia dengan sah dan hanya untuk pelanggan non muslim sahaja, ini kedai-kedai premis yang berlesen ini dan hanya i think tak lebih 30 atau 40 unit sahaja di Malaysia sejak tahun 1985, tidak ada pertambahan lesen baru untuk kedai nombor ekor ini, dan padahalnya untuk judi haram ini, pelanggannya kita sama-sama tau lah bukan sahaja non muslim yang beli, semualah kita pun tau dulu kita banteras judi haram itu banyak muslim juga yang kunjung. Saya rasa itulah yang kurang cerdik untuk kita haramkan sesuatu yang di undang-undangkan. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, teruskan perbahasan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Bakar Arang!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Soalan saya! Sat saja!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Tanya soalan saja! Ya..baik!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Speaker, saya mohon YB. Sungai Limau bila YB. Sungai Limau kata menyokong apa yang dicadangkan oleh kerajaan. Saya difahamkan kerajaan membuat keputusan sebab judi ini menjadi punca keruntuhan institusi keluarga. Adakah data-data tersebut, boleh minta YB. Sungai Limau dapatkan persoalan tersebut dan kita perlukan data untuk kita tunjukkan mana yang sebenarnya pengaruh. Adakah judi haram yang disebutkan oleh Bakar Arang ataupun judi-judi yang lain yang kita dapati? Sebenarnya, judi ini banyak termasuk judi e-game dan sebagainya dan banyak lagi. Jadi, pohon Sungai Limau minta data tersebut.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih kepada YB. Bakar Arang, terima kasih kepada YB. Derga yang minta data-data. Tadi, saya bacakan ayat al-quran yang merupakan perintah daripada Allah saya yakin Pengkalan Kundor, saya yakin Kubang Rotan saya yakin dengan Jitra dan semua setuju dengan saya bahawa judi ini merupakan perkara yang Allah Subhanahu Wa Ta'ala haramkan dan ini merupakan satu perkara yang ingin dilaksanakan oleh pihak kerajaan pertamanya mungkin kita sebut masalah-masalah yang lain isu-isu sosial dan berbangkit tetapi asasnya untuk mendapat pahala adalah dengan melaksanakan sesuatu perkara itu kerana perintah Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Jadi, saya mengajak kepada semua adun-adun yang mungkin yang semualah yang menyokong tindakan kerajaan negeri ini untuk sama-sama kita bangun bagi kita melahirkan kejituan kita dalam usaha untuk Al-Amru Bil Ma'ruf Wan Nahyu Anil Mungkar. Baik, terima kasih. Pengkalan Kundor pun dah bangun, Kubang Rotan pun dah bangun, rata-rata Adun pun dah bangun!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, nak bagi pencelahan tak?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Tadi saya cadang pendek saja nak berucap nih. Silakan YB. Jitra!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya nak ucapkan tahniah kepada Sungai Limau dan juga Kerajaan Negeri Kedah di atas pengumuman yang dibuat semalam. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan negeri berhasrat untuk terus menghubungkan sahaja bawah Negeri Kedah Darul Aman ini adalah Negeri Islam hanya untuk masyarakat muslim sahaja?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Kita sebagai sebuah negara masyarakat majmuk dan perkara itu menjadi asas dalam perlembagaan negara kita juga negeri kita. Saya tak pastilah kalau ada judi ini dibolehkan oleh agama-agama yang lain ataupun masyarakat yang bukan Islam merasakan judi ini baik untuk mereka sedangkan kita semua sedia maklum bahawa ia merupakan satu perkara yang diakui oleh semua dalam sosialnya akibat jenayahnya yang boleh berpunca daripada perkara-perkara yang kita sebutkan tadi. Jadi, tadi pun saya dah berikan jadi YB. Derga, YB. Kota Darulaman nanti boleh bertanya kepada Exco yang terlibat dalam jawapan nanti.

Saya hanya ingin membahaskan apa yang telah pun disebutkan oleh YAB. Jeneri daripada, kelmarin kita menyambut baik usaha ini dan kita mengharapkan seluruh rakyat Negeri Kedah juga menyambut baik perkara ini menjadikan Kedah sebuah negeri yang bebas judi. Tujuan kita untuk meningkatkan kualiti hidup dan juga kesejahteraan rakyat seluruhnya. (YB. Kota Darulaman mencelah)

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga dan YB. Kota Darulaman, setiap Adun ada diperuntuKkan masa yang sesuai. Saya harap dapat peruntukan masa itu untuk berbahas.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Speaker, yang ini masanya untuk kita berbahas di Sidang DUN.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ya.. ini saya pulangkan balik kepada YB. Sungai Limau. YB. Sungai Limau bagi dak?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Speaker, nanti masa YB. Derga, YB. Kota Darul Aman boleh bahas insya-allah kita amat terbuka untuk mendengar pandangan daripada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kami juga merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak kerajaan yang telah meneruskan pelbagai program kesejahteraan untuk rakyat dalam Bajet Kerajaan 2022.

Pertamanya, dengan meningkatkan bantuan khairat kematian daripada RM300 yang dinikmati pada hari ini dan juga kerajaan sebelum daripada ini kepada RM500. Kalau kita ingat YB. Speaker, RM500 ini merupakan suatu perkara yang dikemukakan oleh zaman Almarhum Tan Sri Ustaz Azizan menjadi Menteri Besar atas nama bantuan Kafalah RM500, kerajaan selepas daripada itu turunkan kepada RM300, alhamdulillah pada tahun 2022 kita telah mengembalikan kepada RM500 dan kita harapkan semoga bantuan ini akan dapat membantu serba sedikit keluarga si mati untuk menguruskan kematian ahli keluarga mereka dan tanda simpati kerajaan kepada keluarga.

Yang keduanya, meningkatkan jumlah bantuan beras sejahtera yang dinikmati pada tahun 2020, 50 pack! Tahun 2021, 100 pack setiap Dun dan pada tahun 2022 kepada 150 pack setiap Dun dan penambahan sebanyak 600 setahun menjadikan jumlah setahun untuk setiap Dun kita boleh bantu kepada 1,800 orang penerima yang akan menerima manfaat keluarga mereka, isteri dan juga anak-anak mereka.

Bantuan Awal Kemasukan Ke IPT, Bantuan Anakku Sejahtera, Bantuan Pembaikan Rumah daripada peruntukan kerajaan negeri kalua sebelum ini dalam Mesyuarat Fokus Group di peringkat daerah-daerah, permohonan untuk pembaikan rumah ini ada pada agensi-agensi persekutuan. Alhamdulillah dalam bajet yang dikemukakan 2022 ini Insya-Allah kerajaan negeri juga berusaha untuk memberikan peruntukan bagi bantuan ini supaya lebih ramai rakyat kita khususnya B40 ataupun yang miskin dan miskin tegar ini yang berada dalam senarai nama eKasih untuk dibantu dalam pembaikan kecil dan memperbaiki rumah mereka dan juga peruntukan-peruntukan yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang menyentuh tema ini juga, tema kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat ini, saya ingin menyuarakan hasrat daripada penduduk-penduduk kampung kita, daripada ibu ayah kita yang berada di pedalaman, yang berada di sektor industri padi dan juga penoreh getah. Kita melihat hari ini walaupun dalam keadaan pandemik covid ini mungkin mereka yang menoreh getah, harga getah mahal tapi satu jangka masa yang akan datang, kita bimbang harga getah hari ini kalau tak silap sekilo RM3.15, harga skrap sekilo kebiasaannya bawah RM2.00 sebelum covid.

Jadi, kita mengharapkan kepada kerajaan walaupun ia merupakan bidang tugas kerajaan persekutuan tetapi kita di Negeri Kedah merupakan pengeluar beras utama negara lebih kurang 35% hingga 40%, beras dibekalkan oleh petani-petani di Negeri Kedah. Kita melihat pada hari ini dengan input padi, racun, baja yang semakin tinggi seolah-olah semua kos pertanian, walaupun kerajaan sebut ada subsidi tetapi bila berlaku peningkatan input padi ini, harga baca, harga racun, vitamin dan sebagainya semua semakin tinggi seolah-olah semua itu ditanggung oleh petani sendiri. Harga yang ada sekarang adalah RM1,200 per tan, harga siling maknanya pihak kilang tak perlu untuk berlumba-lumba nak tarik perhatian petani-petani mai jual dekat dia, sebab itulah harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Jadi, kita mengharapkan dengan apa yang berlaku pada hari ini, tadi disebut oleh YB. Anak Bukit, nak dapat anak benih pun payah, tunggu waktu dan sebagainya. Waktu murah semua pakat menabur baru ada. Jadi, isu-isu ini isu yang berpanjangan maka kita mengharapkan di samping kerajaan mengambil langkah kawalan bagi membantu petani-petani kita, kita juga mengharapkan supaya pihak kerajaan dapat memikirkan untuk meningkatkan harga padi ini kepada 1,401 tan dan 1,401 itu adalah harga lantai YB. Anak Bukit bukan harga siling sebab bila kita sebut harga lantai maka pihak kilang dia boleh untuk meningkatkan harga yang dia nak beli, petani kita boleh menjadi tuan kepada padi dia sendiri. Dia boleh pilih mana yang sesuai untuk dia dengan harga yang ditawarkan untuk dia jual padi dia, dan bagi penoreh-penoreh getah, hari ini tiada satu harga yang diletakkan untuk menjaga penoreh-penoreh kita maka kita minta kepada kerajaan negeri untuk menyampaikan hasrat meletakkan harga lantai ataupun harga getah itu pada kadar RM3.50, hari ini baru RM3.15 kalau RM3.50 kita yakin ia mampu untuk bukan sahaja memberikan kualiti kehidupan kesejahteraan rakyat tetapi Insya-Allah kita dapat mengeluarkan ramai penduduk di Negeri Kedah, petaninya, penorehnya daripada miskin tegar ataupun miskin ini kepada mereka mendapat kehidupan yang lebih baik. Jadi, ….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, masa sebenar sudah habis!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Habis dah!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya bagi masa 2 minit lagi untuk landing!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, terima kasih kepada YB. Speaker. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan dalam bajet kelmarin pun YAB. Menteri Besar dalam teras dua ini untuk kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat iaitu kemampanan alam sekitar dan pagi tadi dalam soalan Alor Mengkudu dan soalan tambahan daripada kami Yang Amat Berhormat telah pun menyebut bahawa kita telah pun memperolehi sijil pengurusan hutan pada 01 Oktober 2021 apabila kita mengurus hutan, mengurus pembalakan dengan cara yang baik maka sistem penilaian dan pengesahan untuk pensijilan ini yang dibuat melalui pengauditan oleh pihak penilai bebas ketiga dan sijil berkaitan akan dikeluarkan oleh Badan Persijilan yang diiktiraf yang telah pun disebutkan oleh Menteri Besar pagi tadi iaitu Pertubuhan Kayu Kayan Tropika Antarabangsa maka apabila kita telah pun memperolehi sijil ini kita mengharapkan kita dapat pertahankan sijil ini yang telah pun digantung, kita difahamkan pada Mei 2019, jadi kita tak tau lah Jitra pada waktu itu sebut tak mau tebang balak kerana digantung atau kerana alasan lain tapi digantung pada Mei 2019 dan diperolehi semula pada 01 Oktober 2021 dan kepentingan sijil pengurusan hutan ini maka produk-produk berasaskan kayu adalah sah dan memenuhi permintaan pasaran antarabangsa, pengurusan hutan diantara hutan simpan adalah cekap dan mampan maknanya kita urus hutan dengan baik. Hari itu Gurun kata tebang kut belah Gurun, belah Gunung Jerai, tak dak! Kita urus Hutan Kedah dengan baik dan menjadi bukti untuk mendapatkan 'greenlane dan market estability' terhadap produk-produk kayu yang dieskport di pasaran antarabangsa dan yang terakhir Yang Berhormat Speaker saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kedah kerana kita dipilih pelabuhan di Yan dan kawasan Sungai Limau di Pulau Bunting untuk ship to ship (dengan izin) sejauh 10km dan perkara ini sedang dirangka dan kita minta supaya isu alam sekitar, kerajaan berikan perhatian supaya tidak berlaku pencemaran dan yang keduanya supaya memberikan perhatian kepada nelayan-nelayan pantai yang menangkap ikan di kawasan itu, kita bimbang takut 10km itu nelayan tak boleh nak hampiri.

Jadi, kita harap perkara itu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dan saya menyokong ucapan bajet Yang Berhormat Jeneri pada kelmarin dan moga-moga kita doakan pembentangan bajet ini diikuti dengan tindakan yang proaktif kita dapat untuk menyampaikan segala bantuan-bantuan kepada seluruh rakyat Negeri Kedah Insya-Allah. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Speaker.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sungai Limau. Seterusnya saya persilakan YB. Anak Bukit.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Asssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah Wassolatuwassala Mu'ala Rasulillah. Terima kasih atas peluang yang diberikan untuk berbahas. Terdapat persoalan-persoalan yang akan saya bangkitkan yang saya rasa mungkin tak perlu dijawab lah dalam sidang ini cuma saya mohon supaya dijawab secara bertulis nanti kerana saya tidak berhajat untuk berada di Dewan untuk mendengar penggulungan nanti, untuk memberi perhatian dalam sesi bajet yang sedang dibincangkan di Parlimen Malaysia.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya 'frontliners' yang mempertaruhkan nyawa, masa, tenaga bagi sama-sama mengekang pandemik ini. Takziah buat semua keluarga yang kehilangan ahli keluarga akibat covid, semoga dipelihara kita semua dalam mengharungi pandemik ini dan yang mungkin telah bertukar menjadi endemik yang kita perlu menerima bahawa covid-19 ini 'is here to stay' dan kita perlulah mengadaptasikan kehidupan kita dan mengambil kira semua ini. Masa 20 minit untuk diperuntukan tidak lama berbanding dengan persoalan yang akan dibangkitkan dan begitu juga dengan isu-isu yang dalam kawasan yang juga saya ingin utarakan mengambil kesempatan dalam perbahasan ini.

Saya mula dengan persoalan berkait dengan ucapan bajet lah oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin. Bermula dengan para 17 ucapan, iaitu pengecualian bayaran moratorium disebut pengecualian sewaan kantin premis milik kerajaan diberikan persoalan saya berapa lama? Penyewa bagi skim perumahan milik kerajaan diberi penangguhan selama 1 bulan bermula 1 Jun 2021, persoalan saya tangguh sebulan sajakah? Padahal lockdown yang kita hadapi terlalu lama yang menyebabkan mereka tak ada pendapatan pada ketika itu.

Jadi, kalau moratorium di peringkat pusat dulu pun, diberikan selama enam bulan kemudian di review semula dan sebagainya dan sewa premis rumah kedai milik bahagian perumahan juga satu bulan. Jadi, saya mohon untuk dilihat balik perkara ini kerana ini akan memberikan sedikit kelegaan kepada mereka yang terkait di dalam pandemic ini yang menghadapi permasalahan.

Para 20 menyebutkan sehingga 11.11.2021 pentadbiran tanah berjaya mengutip RM450.29 juta dan saya nak ucapkan tahniah kepada Dato' PTG dan juga team dia kerana mengutip RM450.29 juta. Saya duk prepare banyak jugalah duk tengok tentang 'big ticket item' yang ada ini dan tak tahu prestasi 2021 sehinggalah disebut oleh Yang Amat Berhormat kelmarin ini. Jadi, kalau kita tengok 'the four big ticket items' dalam kutipan hasil 2021 ini, minta izin buka mask noh! Iaitu cukai tanah berulang RM207.2 juta, tunggakan cukai tanah RM67.8 juta, premium tanah RM139.8 juta, denda lewat bayaran cukai RM20.7 juta jadi kesemuanya berjumlah RM435.5 juta dan berjaya dikutip RM450.29 juta. Ini pencapaian yang melebihi target saya kirakan! Ataupun sebenarnya kut ada ni saya nak tanya ada 'one off payment' berangka besar yang diterima di luar jangka kita mungkin federal terhutang nak bayar premium tanah yang mereka ambil di Negeri Kedah ka apa ka? Lama dah tak bayar tiba-tiba turun mai seketul menyebabkan kita boleh capai tapi apa pun kalau ini prestasinya kita ucapkan tahniah dan pentadbiran tanah ini merupakan agensi yang menghasilkan hasil kepada kerajaan negeri yang paling besar. Daripada RM700 juta, lebih RM450 juta daripada tanah sahaja is more than 50% jadi, ini perlu kita kekalkan. Jadi, ini yang saya nak tanya tadi kut-kut ada 'bullet payment' yang turun yang tak sepatutnya sampai tiba-tiba sampai yang menyebabkan pencapaian sedemikian rupa. Bersangkutan dengan hal ini juga, saya nak tanya cadangan penambahan hasil negeri yang dicadangkan oleh YAB. Jeneri, walaupun dia tak dak dalam ini, saya ingat dia duk dengar dalam bilik dia. Yang dia telah sebut dan cadangkan ketika dia jadi ketua pembangkang, dia sebut dia nak tambah? Ya lah! Sapa pun kita di sini kita nak supaya kerajaan negeri hasil bertambah. Bila hasil bertambah bukan kita nak simpan supaya reserved kita banyak, kita nak belanjakan balik kepada rakyat yang sebenarnya banyak kita nak belanja lagi.

Dulu YAB. Jeneri cadang untuk memastikan tanah-tanah persendirian kalau kita daripada Simpang Kuala, kita nak pergi ke Kota Sarang Semut tu, kita akan jumpa banyak kawasan-kawasan industri sebelah kiri kita itu yang macam-macamlah mereka buat perniagaan dan sebagainya dan beliau mencadangkan dan ini bukan satu cadangan baru masa saya ingat Pengkalan Kundor, masa tu Pengkalan Kundor di sebelah sana, kemudian Pengkalan Kundor la, saya dan sebahagian yang ada di sini pun memang begini telah dicadangkan dulu supaya pastikan bahawa mereka yang duk 'enjoy' cukai tanah pertanian tapi duk berniaga supaya kita tukar dan dapatlah hasil yang lebih kepada kerajaan negeri. Ini dicadangkan oleh YAB. Jeneri, saya nak tanya adakah ini telah pun dilaksanakan? Dulu boleh cadang pasal kita ketua pembangkang, sekarang kita dah jadi Menteri Besar, saya nak tanya sama ada benda ni telah pun dilaksanakan oleh beliau! Kemudian, dia juga cadang supaya setiap batang tiang TNB yang dipacak atas tanah kerajaan dikenakan cukai katanya

di mana, di Kelantan kena satu tiang RM10, kira tengok berapa banyak tiang duk ada! Kena buat jawatan khas pula, pengira tiang TNB di Negeri Kedah lepas itu kali dengan RM10, ini untuk mendatangkan hasil. Saya nak tanya adakah benda ni dilaksanakan oleh YAB. Jeneri, dan kemudian YAB. Jeneri juga cadang dan ini juga bukan cadangan baru untuk mengenakan cukai kepada tanah yang dijadikan highway bermula daripada Bukit Kayu Hitam sempadan Danok sampailah kepada Sungai Muda sepanjang itu semua oleh kerana PLUS berniaga, dia kutip tol, kita lalu dia kenakan tol, untuk kutip yang ini jadikan dia ada cukai yang dia nak kena bayar kepada kerajaan negeri untuk menambahkan hasil. Jadi, saya nak tanya sama ada ini telah pun dilaksanakan.

Para 22, akaun hasil yang disatukan telah mencatat lebihan RM170 juta, kita tiap-tiap tahun bercakap tentang bajet defisit tapi akaun hasil yang disatukan mengikut disini ada lebihan RM170 juta. Jadi, saya nak minta penjelasan adakah ini berlaku kerana banyak benda yang dirancang tak boleh nak buat bukannya hasil tu tiba-tiba dia naik besar sangat sampai ada lebihan tapi benda yang nak kita belanja kan tak boleh dibelanjakan, kerana PKP ataupun ada penjelasan yang lain yang menyebabkan ada catatan lebihan RM170 juta.

Para 29, 2.11.2021 simpanan tetap kerajaan ada RM660 juta dan dijangka setelah selesai akhir tahun ini tolak tanggungan yang lain dan sebagainya nilai FD adalah RM510.3 juta. Jadi, bagaimana pertanyaan saya rizab kerajaan boleh bertambah sedangkan bajet kita bajet deficit. Jadi, mohon penjelasan dari mana reserve yang bertambah ini daripada daripada mana dia mai? Mungkin ada sekali tu Perdana Menteri dulu bagi RM200 juta 'one off' pada 2019, kut lepas tu abah kau pun bagi lagi RM400 juta ke apa ka menyebabkan 'reserve' kita bertambah saya mohon penjelasan!

Para 32, baki pinjaman bekalan air yang diambil alih oleh PAAB sebanyak RM1.133 trillion, soalan saya berapa banyak kos pajakan aset air tahunan yang perlu dibayar oleh SADA yang sebelum ni tak perlu bayar tapi bila PAAB dah ambil alih hutang-hutang itu setelah dibuang projek bekalan air luar bandar macam disebutkan di atas oleh Menteri Besar. Jadi, bila dia ambil alih yang ini makanya aset-aset air itu perlu dibayar pajakan sebab dia dah ambil so SADA nak guna sebagai operator SADA nak kena bayar. Soalan saya berapa banyak yang perlu dibayar oleh SADA selepas ini?

Dan 'how will it impact' dengan izin kos operasi SADA adakah SADA masih mampu mencatatkan keuntungan ataupun setelah dekat LSAN pun dia nak kena bayar pasal dia 'extract' air yang negeri punya, kemudian dekat PAAB dia nak kena bayar pajakan penggunaan aset air ini, adakah SADA will be still dalam keadaan yang untung

ataupun sebenarnya dah nak jadi merah. Kalau nak jadi merah adakah kerajaan negeri bersedia untuk bincang dengan SADA agar tarif air ini di dikawal ataupun dibuat macam mana supaya tidak membebankan rakyat. Para 33…(YB. Suka Menanti mencelah)

YB. DATO' HJ. ZAMRI BIN YUSUF

YB. Tuan Speaker, YB. Anak Bukit, saya ingin mohon sikit penjelasan ketika Anak Bukit Sebut pasal pengurangan hutang negeri kepada federal, hutang air khususnya, ketika tahun 2018 hutang air RM1.8 bilion kemudian ketika itu sedang berhutang ataupun tengah proses hutang baru sekitar RM1 bilion untuk lima loji itu. Jadi, maknanya RM1.8 bilion campur RM1 bilion lah, tapi alhamdulillah rundingan 2019 kita dengan federal ketika itu YAB. Anak Bukit pun Timbalan Menteri Kewangan, kita berjaya membincangkan mengenai alasan tentang projek luar bandar dan sebagainya. Jadi, dikurangkan hutang RM1.8 bilion itu kepada RM1.13 bilion.

Kemudian, yang RM1 bilion hutang itu pun, bila dirunding daripada 5 projek, 4 dipersetujui untuk jadi geran kepada kerajaan negeri dengan syarat kita selesai migrasi pada hujung 2019 dan Alhamdulilah pada bulan Disember 2019, kita selesai migrasi, tandatangan dijangka pada bulan Mac 2019, tapi sebab PKP masa itu jadi terhalang proses itu. Jadi, saya mohon pengesahan daripada bekas Timbalan Menteri Kewangan ini cerita 2019 tentang pengurangan hutang tu. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Ya, saya pun sempat sat, 2 bulan duduk di Kementerian Kewangan memang ini antara isu yang bukan saja Negeri Kedah, bagi negeri-negeri yang lain pun maknanya kita merasa adalah tanggungjawab kerajaan untuk pastikan kalau dia jadikan hutang tetapi merupakan bekalan ataupun services bekalan air luar bandar yang bukan memberikan keuntungan pun kepada operator airi ini. Jadi, sepatutnya benda tu di dikirakan sebagai geran dan bukannya sebagai pinjaman. Saya ingat seperti yang diterangkan oleh Suka Menanti tu sebab benda tu memang dah ditetapkan sedemikian cuma atas PKP benda itu terhalang sebentar dan kemudiannya telah disambung balik selepas ini.

Saya teruskan dengan para 33, baki pinjaman kerajaan negeri yang ditolak baki pinjaman bekalan air di ambil oleh PAAB itu ialah tinggal RM793.2 juta. Saya mohon 'breadkdown' hutang-hutang ini ya! YAB. Jeneri sebut perumahan Perumahan Awam, PKNK. PKNK ini bukan biasanya saya tahu bukan PKNK berhutang untuk diri dia, dia berhutang bagi pihak si KHTPC Corporation, untuk buat pengambilan tanah

buat apa Fasa 4 A5 dan sebagainya. Jadi, saya mohon pecahan htang-hutang yang ada itu. Para 36, saya mohon disenaraikan pelaburan-pelaburan baru YB. Guar cempedak di SBEZ dan KSTP, kedua-duanya di Bukit Kayu Hitam dan sekarang ni disebut ada lagi pula nak buat kawasan industri baru iaitu Bukit Kayu Hitam Fasa 2A. Jadi, mohon mendapat pelaburan-pelaburan baru itu, sila senaraikan.

Para 77, saya nak tanya macam mana Modus Operandi Skim Pinjaman Mikro Kredit Sejahtera ini berapa banyak jumlah yang telah dikeluarkan? berapa ramai penerima? bagaimana prestasi bayaran balik? adakah dia menggunakan model sepertimana Amanah Ikhtiar Malaysia? Adakah ianya menggunakan 'peers' sebagai tekanan untuk pastikan semua kena bayar hutang dan sebagainya, mohon penjelasan!

Para 85, Program Desa Sejahtera RM50 ribu setiap Dun, nak tanya ini semua Dun dapat ka? Kalau dapat, adakah yang duduk di sebelah sini pun akan dapat sama dan kami diberikan hak untuk menentukan tang mana nak perbaiki rumah, perbaik dapur dan sebagainya. Jadi, yang ini pun saya nak tanya walaupun ada sedikit macam pengurusan hat sebelah ini dapat RM2,000, sebelah sana dapat RM8,000 dan saya harap tidak ada perlu tandatangan MoU dan sebagainyalah untuk benda-benda ini diberikan.

Kemudiannya, saya nak meringkaskan, saya pun masa pun tak banyak dah apa yang disebutkan oleh Sungai Limau tadi itu juga menjadi sebahagian daripada perbahasan saya! Pokoknya ialah kos operasi penanaman padi semakin meningkat macam Sungai Limau sebut padahal harga belian padi dan juga subsidi harga padi kekal di takuk lama. Jadi, bila duk naik, upah mesin naik semualah, lani pakai dron semua lagi, dan input pertanian, benih tadi yang sepatutnya dikawal sepatutnya RM35 sekampit nak jadi RM42, racun yang ada satu, nanti habaq jadi lain pula1!

Dulunya, RM230.00 untuk 20 liter naik RM386.00! Ada satu lagi jenis racun yang satu liter dulu RM22.00 lani naik RM56.00. Jadi, semua kos semakin meningkat tapi harga belian padi kekal sedemikian. Jadi, maknanya bila semua ini berlaku pendapatan bersih petani semakin mengecil tambah pula dah kalau dia kecil-kecil, katalah serelong bersih katalah serelong bersih boleh RM350.00 dia buat 120 relung ok lah tapi kalau buat 2 relung setengah, serelung setengah lepas tu sewa pula tu nak boleh banyak mana?

Jadi, saya minta supaya kerajaan negeri juga kena mainkan peranan untuk 'pressure' sebab hat ni nak buat keputusan dari segi harga lantai ka, siling ka, ialah di peringkat pusat saya ini perlu diambil kira supaya memastikan bahawa sektor penanaman padi ini terus kompetitif dan orang nak buat dan kita juga nak kena cari

jalan, tak ada cara lain melainkan semua 'small farm holding' ini perlu kita 'integrate' jadi kawasan yang lebih luas, buat secara estet tetapi pastikan bahawa yang akan manafaat ini bukan 'the big corporation' tetapi maknanya mereka itu akan dapat lebihan daripada ini bila dibuatkan secara estet.

Kemudian, juga berkaitan adalah MADA, saya juga bangkit benda di Parlimen peruntukan belanja mengurus MADA yang biasanya RM111 juta pada tahun 2021 dan dicadangkan pada tahun 2022 diturunkan menjadi RM91 juta 'short fall of' RM20 juta untuk belanja mengurus padahal daripada bila turun daripada RM111 juta ke RM91 juta fixed cost mereka, gaji, emolument dalam RM61 juta yang tu tak boleh buat apa dah!

Jadi, daripada RM50 juta baki kalau dulunya RM111 juta tolak RM20 juta tinggal lagi RM30 juta, yang tu duk jadi yang Sungai Limau duk komplen untuk tambun ban pasal jalan rosak lani, YB. Tuan Speaker, saya ingat di Pantai Merdeka, kut ok kut! Tapi kut belah kami ini parit dan tali air yang dulunya diberi untuk pembersihan 3 ke 4 pusingan setahun, lani tak dak apa dah maknanya petani kena buat sendiri. Jadi, sebab apa kita bukan marah dekat MADA pasal apa tarik ini nak buat macam mana, dia punya selimut pendek, 'complain', nyamuk hurung kut kepala, tarik kepala, hurung kaki, tarik kaki hurung kut kepala! Jadi, yang ini saya minta supaya oleh kerana MADA ini biasanya Pengerusi MADA ini ialah MB tapi MB bagi dekat kawan baik dia Ahli Parlimen Sik, yang kita sama-sama kenallah supaya kena honggaq kuat sikit lah. Kita tiada 'choice' jalan ladang ini tuan-tuan, macam tadi saya sebutkan Sungai Limau pun tanya tadi, nak masuk pergi ke kampung kita kena lalu jalan ladang dulu, nak suruh buat jalan bubuh tar semua, MADA kata tak boleh! Kami tak ada untuk nak upgrade bagi jadi Jalan Tar. Jadi, caranya jadikan dia sebagai Jalan MARRIS 'upgrade' kepada itu, dan selepas itu maknanya kita boleh dapat dah peruntukan tahunan untuk membuat 'maintenance' pada perkara tersebut.

Jadi, saya mintalah supaya kerajaan negeri memainkan peranan untuk pastikan bahawa MADA diberikan balik hak belanja mengurus dengan lebih baik. (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Anak Bukit….

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Ya..ya..! YB. Tuan Speaker, isu kawasan sikit.

YB. TIMBALAN SPEAKER

2 minit saja lagi na!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Ya..ya! Nak landing dah ni! Nak landing pun, kena ambil lajak sikit! Ini kesejahteraan yang YAB. Jeneri duk sebut. Rakyat paling tidak ini pun biarlah ada sekeping tanah yang kita boleh bina buat rumah! Tadi, dijawab oleh YAB. Jeneri atas soalan daripada YB. Alor Mengkudu tanah hutan yang orang buat penempatan nak cabut keluar. Saya ada dua kes dan sudah tentu saya ingat banyak lagi kes.

Yang pertamanya ialah di Kampung Baru Wang Tepus bersebelahan dengan Perkampungan KEDA, tahun 1985 YAB. Jeneri dia pakai seluar pendek lagi. Tahun 1985, Tan Sri Osman Arof pada ketika itu MB bagi hak mlik kekal kepada mereka lepas itu mereka nak kena mohon. Tahun 1985, sampai lani masih tak boleh nak diproses. Alhamdulillah baru ini, atas inisiatif kami di Kubang Pasu, Allahyarham Encik Zainizam Zainal, Semoga Allah merahmati beliau, PTD kita yang meninggal dunia di Kubang Pasu, dia pun turun sekali bagi briefing dekat ni, macam mana nak buat! Kita pun bagilah sikit sumbangan RM7,000.00 untuk Pejabat Tanah, pakai theodolite untuk ukur semula dan apa semua, saya yakin bahawa pihak PTG katanya pun sedang pun angkat, tapi yang duk menjadi persoalannya ialah kerana tanah itu ialah tanah kawasan padang ragut, Pengarah Veterinar pun ada di sini! Jadi, nak ragut apa kalau tengok tang tu. Di Kg. Bukit Pulau Kerengga, YB. Tuan Speaker! Bendang yang saya ingat ini, saya jadi Adun Anak Bukit tahun 2002, sebelum daripada itu orang duk buat bendang saya ingat mungkin 20, 30 tahun dah, tak boleh nak diproses kerana proses cabut keluar dia sebagai kawasan padang ragut tak boleh dibuat! Buat bendang berapa lama dah?

Jadi, saya mohon lah YAB. Jeneri, tolong tengok sat dua kes yang saya ada dan mungkin ada kawan-kawan kita yang lain bukan apa nak bagi tanah sekangkang kera kat depa supaya yang tanah kerajaan kemudian jadi tanah milik mereka, depa nak kena bayar premium mula tu, lepas tu tiap-tiap tahun nak kena bayar cukai tanah, naik lagilah hasil kita. Jadi, tolonglah tengok sat benda ni dan akhirnya sekali lalu saja saya juga minta sedikit penjelasan daripada MB, YAB. Jeneri pasal apa duk tak duk baru-baru ini Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah BDB letak jawatan serta merta dan diikuti oleh pengumuman berhentinya Managing Director tu, dia umum awal sama sehari lah letak jawatan itu! dengan letak jawatan itu pasal apa? Tolong habaq lah dan akhirnya ialah mohon juga negeri memberi sokongan untuk 'pressure'

sikit di pusat ni agar kita tidak 'ratify' perjanjian CPTPP. Saya ingat yang ini zaman muda-muda dia pun duk berjuang pasal benda yang macam ini, terlalu banyak negatif dari positif kalau kita 'ratify'. 'Sign – sign' dah tapi kita tak 'ratify' lagi. Jadi tak boleh nak dikuatkuasakan lagi CPTPP ini, satu 'free trade agreement' antara beberapa belas negara di Rantau Pacific ini supaya kita fikir betul-betul. Saya tau di Pusat pun ada pertelagahan antara Unit Perancang Ekonomi dengan Pihak MITI, tetapi harap negeri juga boleh ambil peranan untuk pressure supaya fikir betul-betul sebelum kita tandatangan sebab kesan 'ratification' itu adalah terlalu tinggi. Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Speaker yang telah memberikan sedikit masa lebih sikit dalam ucapan bajet pada kali ini. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Anak Bukit! Sengaja saya lebihkan masa kerana peluang Anak Bukit ini jarang. Dalam isu yang dibangkitkan isu rakyat setempat. Seterusnya saya persilakan YB. Bayu. Silakan!

YB. TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN IDRIS

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Jeneri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi sekalian. Bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker yang memberikan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2022.

Tahniah diucapkan kepada YAB. Menteri Besar dan kepimpinan negeri yang dapat membentangkan suatu bajet yang saya lihat, yang saya perhatikan, yang agak menyeluruh, yang komprehensif terutamanya dalam usaha kita untuk ke arah pemulihan ekonomi kita akibat Covid-19 yang memberikan tumpuan khusus terutamanya untuk membantu golongan B40, golongan miskin, golongan yang berpendapata rendah selari dengan slogan yang kerajaan kita Negeri Kedah, Negeri Kedah tempat orang miskin berteduh dan tempat orang kaya berbakti.

Yang Berhormat Speaker, di kesempatan ini juga saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Jeneri, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Bukit Kayu Hitam, Ketua-Ketua Jabatan di atas Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Aminul Karim Sultan sallehuddin Ini almarhum sultan Badlishah kepada Yang Amat Berhormat Jeneri,

Dato' Seri dan Dato' kepada yang lain-lain. Yang Berhormat Speaker, kita telah melalui fasa fasa yang mencabar dalam kita mendepani ancaman penularan Covid-19 bagaimanapun dengan berkat kerja kuat, pengembelingan tenaga yang bersama dari semua pihak sama ada dari pihak Kementerian Kesihatan, 'fronliner' kita pada APM, RELA dan banyak lagi agensi-agensi yang terlibat insya-allah kita boleh mampu, kita telah bergerak beralih kepada fasa yang ke-4 dan kita juga telah berjaya untuk mencapai 86.3% program vaksinasi dari 1.3 juta penduduk rakyat Kedah. Dalam hal ini, Pusat Khidmat Wakil Rakyat juga banyak membantu dalam kerja-kerja membantu penduduk-penduduk yang terjejas dalam covid, membantu PKOB, membantu program vaksinasi, program outreach vaksinasi dengan menyediakan berbagai-bagai bantuan seperti penyediaan tempat, penyediaan khemah dan juga lain-lain bantuan yang telah kita berikan. Jadi, kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih khusus kepada 'frontliner' kita yang berkerja sepanjang masa demi menjamin keselamatan kita bersama.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga suka untuk untuk membahaskan tentang prestasi kutipan hasil kita bagi tahun 2021 yang kita semua sebut, kita nampak bahawa sehingga 11 November 2021 kita telah mencapai RM631.6 juta yang dalam lingkungan 87.3%. Kita yakin dan kita percaya prestasi kutipan ini, kita yakin dan kita percaya bahawa jumlah kutipan yang kita memberansangkan ini ialah berkat kerja kuat, berkat kerja bersungguh-sungguh daripada semua pihak daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat dan sokongan daripada semua dan mudah-mudahan usaha ini dapat kita dipertingkatkan lagi dan harapan kita untuk kita dapatkan target untuk kita dapat target unjuran yang kita berikan iaitu RM720 juta untuk pendapatan tahun 2021 Insya-Allah tercapai dan ini merupakan satu pencapaian agak terbaik yang pernah kita saksikan bila mencapai tahap pencapaian 100% daripada unjuran yang kita berikan walaupun dalam keadaan suasana ekonomi kita, dalam suasana negara kita dilanda masalah ekonomi global iaitu Covid-19 merencatkan pertumbuhan ekonomi.

Yang Berhormat Speaker, kalau kita meneliti daripada pencapaian hasil daripada kerajaan yang kita dapat kutip sebanyak RM631.6 juta tadi, 71% adalah hasil daripada Jabatan Perhutanan yang membuat kutipan RM450.29 juta, pencapaian ini mungkin disebabkan ialah mudahnya sistem pembayaran cukai yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam sistem digital sekarang ini iaitu e-bayar dan sebagainya menyebabkan kutipan kita bertambah dan mencapai sasaran. Walaubagaimanapun, suka saya sebutkan di sini bahawa hasil kutipan kita boleh kita pertingkatkan lagi, boleh kita jana lagi dengan kita memperbanyakkan tanah, kita memperbanyakkan dan mempermudahkan pemberian hak milik kepada penduduk-penduduk. Insya-Allah dengan pemberian hak milik tanah- tanah kerajaan yang ada, yang diduduki

oleh penduduk-penduduk lebih daripada puluhan tahun mungkin daripada generasi yang terdahulu lagi, kita dapat hasil daripada premium dan juga hasil daripada cukai tanah yang berulang, yang setiap tahun kita kena bayar dan Insya-Allah yang merupakan memberikan pendapatan kepada kerajaan.

Saya nak menyeru kerja-kerja ataupun usaha untuk memberikan geran hak milik kepada penduduk-penduduk ini, kita terutamanya bagi kawasan-kawasan yang di pinggir-pinggir hutan, di kawasan hutan simpan. Mohon pihak-pihak yang berkenaan supaya melihat semula terutamanya penduduk-penduduk kita yang tinggal lebih daripada 15 tahun supaya mereka ini diberikan peluang untuk mendapatkan geran hak milik, untuk mereka duduk di tanah-tanah seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat pagi tadi. Begitu juga dengan pemberian hak milik tanah, pemberian permit kepada penduduk-penduduk, kita hendak supaya penduduk-penduduk ini duduk dalam keadaan yang sah di tanah- tanah kerajaan ataupun di dalam kawasan hutan simpanan.

Jadi, kita memberikan pemberian permit sebagai bayaran kepada pihak kerajaan untuk mendapatkan hasil daripada tanah kerajaan yang kita sewakan dan yang kita berikan permit dalam hati. Walaubagaimanapun di kesempatan ini juga saya nak sebut tentang bayaran premium bagi untuk mendapatkan geran tanah, aduan daripada penduduk kita lihat bahawa apabila penduduk mendapat hak milik tanah perlu membawa harga premium yang dikenakan kepada penduduk adalah sangat tinggi dan ianya tidak mampu untuk penduduk-penduduk terutamanya orang miskin untuk membayar, untuk mendapatkan geran hak milik. Jadi, kita minta kerajaan kaji balik mungkin sebelum ni bayaran kita rendah tapi akhir-akhir ini bayaran premium untuk hak milik sangat tinggi. Kita mohon pihak kerajaan mengkaji semula dan memberikan pertimbangan kursus kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

YB. Tuan Speaker, kalau kita lihat kepada bajet kita, kalau lihat kepada perkembangan hasil kerajaan negeri, hasil pembalakan semakin menurun dengan ketiadaan kawasan baru balak yang diluluskan dan usaha kerajaan untuk mewartakan Ulu Muda sebagai Taman Negeri dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035, sudah pasti ia menjejaskan hasil kerajaan negeri. Jadi, kita perlu mencari sumber baru untuk menjana ekonomi kerajaan negeri dan saya nampak bahawa sektor ataupun industri pelancongan merupakan satu alternatif yang boleh kita ketengahkan untuk mendapatkan sebagai hasil. Daerah Baling yang beridentitikan eko-pelancongan dan Daerah Yan yang beridentitikan pelancongan desa merupakan satu inisiatif yang terbaik yang tidak hanya menumpukan kepada Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan. Jadi, alhamdulillah dalam Pelan Pembangunan 2035, Daerah Baling dan Daerah Yan sebagai sektor pelancongan yang diberikan tempat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih banyak dalam pembentangan bajet baru ini peruntukan 0.475 juta yang diumumkan termasuk membangunkan dan meletakkan jajaran gua-gua di sepanjang Gunung Pulai dan Baling dan juga di Titi Hayun, Yan sebagai satu peruntukan yang boleh merancakkan pertumbuhan yang boleh memperbaiki sektor pelancongan di kawasan-kawasan yang berkenaan, boleh mampu menggamit pelancong-pelancong datang ke kawasan yang berkenaan dengan adanya peruntukan tambahan, peruntukan untuk kita perbaiki kemudahan-kemudahan yang ada di kawasan ataupun tempat-tempat yang disebutkan tadi. Jadi, kita perlu mengambil manafaat yang ada dengan aset dan keindahan semulajadi yang ada di tempat yang berkenaan seperti di Baling, di Bayu dengan keindahan gunung-ganang yang ada dengan gua gua yang menarik, dengan panorama yang mengkagumkan, dengan ketenangan air sungai yang jernih, pasti menggamit pelancong datang ke tempat untuk mencari ketenangan selepas kita 'stress' buat kerja dan sebagainya. Insya-Allah kita dapat menyediakan kemudahan ini untuk menyambut kedatangan pelancong-pelancong dan atas itu saya bagi pihak penduduk mengucapkan terima kasih.

Begitu juga, saya nak sebut tentang satu produk pelancongan yang ada di Bayu, Baling iaitu Gua Komunis, kalau kita tengok sepanjang jalan ada 'sign board' ada papan tanda tulis Gua Komunis tapi saya sayang Gua Komunis ini sampai hari ini, tak dimajukan! Kalau kita pergi ke Simpang nak masuk Gua Komunis, kita akan tengok ada Balai, ada tempat kutipan sewa nak masuk tapi di dalam itu, tak ada! Jadi, kita difahamkan baru ini Pihak Pejabat Daerah telah memohon peruntukan sebanyak RM15 juta untuk bangunkan Gua Komunis ini, jadi kalau Gua Komunis ini dapat dibangunkan, dapat sokongan daripada pihak kerajaan negeri Insya-Allah ia satu lagi sebagai satu tempat pelancongan yang menarik, yang boleh mampu menggamit pelancong-pelancong datang ke Daerah Baling, ke Daerah Bayu khususnya.

Jadi, sebelum kita sampai ke Gua Komunis itu, kita lalui sepanjang hutan yang jaraknya lebih daripada 3 kilometer untuk sampai ke Gua Komunis. Ada cadangan alangkah baiknya di situlah selalunya tempat keluarnya gajah-gajah, itu yang tempat yang berlakunya tangkapan gajah untuk dibawa keluar, ada cadangan untuk kita apa salahnya, apabila kita datang melancong ke Gua Komunis, kita melihat pusat tempat pemeliharaan gajah yang kita dapat kita cadangkan dibuat di kawasan berkenaan. Jadi, untuk untuk makluman YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dah 3 ekor gajah dah untuk tahun 2021 dikeluarkan daripada kawasan berkenaan untuk dihantar ke Pahang keluar daripada situ. Jadi, apa salahnya kita memikirkan kita ambil kawasan itu sebagai kawasan tempat pemeliharaan gajah.

Jadi, orang kata apa sebelum semalam ini saya mimpi pasal gajah, jadi hari ini saya cakap pasal gajah. Cerita sikit no! Semalam ini bukan naik gajah, naik gajah tu dah biasa! Saya bertemu dengan sekumpulan gajah lebih bukan 30 hingga 40 ekor! Dalam gajah ramai-ramai itu, ada gajah yang paling besar, gajah menjadi ketua kepada kumpulan itu dan gajah ini boleh cakap dan gajah ni pula boleh cakap melayu, dia minta YB. tolong bagitahu dalam Dewan esok, ha..hari ini lah! Jangan pindahkan keluarga kami daripada sini, dah tiga ahli keluarga kami dah dipindahkan daripada sini. Jadi, kami nak minta YB. tolong bagi tahu hari ini, di Dewan yang mulia ini, jangan pindah kami dan kami sayang keluarga kami, kami ada lebih daripada 30 keluarga, 30 ekor gajah yang ada di sini untuk kami bersama. Jadi, saya pun lepas itu, sebelum berpisah dengan gajah-gajah itu, menangis-nangis, berpeluk-peluk lepas itu, orang perempuan gerak, bangun sembahyang subuh, nak pergi Sidang Dewan, tengok-tengok tadi duk peluk, peluk bantal bukan duk peluk belalai gajah!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bayu, masa sebenar sudah habis!

YB. TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN IDRIS

Haa…? Tak kan masa dah habis?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Masa sebenar dah habis, saya biar saja cerita gajah itu sebab saya nak dengar!

YB. TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN IDRIS

Sikit lagi! Sikit lagi!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Nak tanya sikit? Nak tanya gajah juga, gajah yang itu duk tang mana?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Silakan YB! Seminit lagi!

YB. TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN IDRIS

YB. Tuan Speaker, kesempatan ini saya nak sebut dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035, strategi memperkukuhkan pengurusan risiko dan bencana, inisiatif dalam pembinaan rancangan tebatan banjir. Banjir, jalan-jalan rosak di sini, jambatan titi rosak, pembentung musnah, penduduk-penduduk tidak dapat keluar terputus hubungan, tebing, parit carok, sungai runtuh terputus hubungan. Contohnya, di Kampung Padang Cik Mat, tebing cerun runtuh menimbulkan sebahagian rumah, di Kampung Padang Sadang, rumah dihanyutkan air, di Kampung Batu 7. Ini merupakan bencana yang berlaku kepada penduduk dalam banjir besar yang berlaku pada baru-baru ini. Jadi, untuk itu kita memohon pembaikan segera kepada infra-infra yang ada, yang melibatkan 136 jenis kerosakan yang memerlukan peruntukan besar, yang memerlukan peruntukan segera demi kesejahteraan hidup penduduk-penduduk yang terlibat.

Jadi, dalam ini saya ada buat senarai, senarai kerosakan infra akibat perubahan monsun baru ini bagi Daerah Baling pada tahun 2021. Kalau kita nak senaraikan ini tindakan kepada Pihak Pejabat Daerah tindakan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, PKLB, ICU dan terutamanya Jabatan Pengairan dan Saliran, lebih daripada 34 projek yang perlu diberikan perhatian, yang perlu diberikan penambahbaikan. Jadi, YB. Tuan Speaker, banyak lagi, saya silap cerita bab gajah tadi tu jadi panjang. YB. Tuan Speaker, bagi memperkasakan penyediaan infrastruktur, utiliti dan kemudahan asas kepada rakyat yang merupakan objektif teras Pelan Pembangunan Kedah 2035 dalam Bajet 2022, peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Jadi, saya nak sebut satu sikit lagi, YB. Tuan Speaker, kita nak minta supaya pembinaan 5 loji air itu dapat disiapkan mengikut jadual. Dalam pemerhatian kita loji air Sungai Limau progress untuk menyiapkan nampak perlahan. Kita bimbang kita takut sampai Oktober 2023 nanti, Projek Air Sungai Limau tak siap, jadi kita tak ada jawapan lagi kepada rakyat, kita nak bagitau rakyat, sekarang ini rakyat sebut masalah air, kita kata tunggu siap loji air Oktober 2023, bila 2023 kita tak mampu menyiapkan loji air berkenaan, kita tak ada lagi jawapan untuk kita sebut kepada rakyat tentang tanggungjawab kita dalam menyelesaikan masalah, kesejahteraan hidup rakyat dalam isu bekalan air.

Jadi, saya rasa masa pun sudah tamat jadi saya pun nak cuba pantun juga lah. Dah semua pantun! Pantun saya :

Siakap Gelama Ikan Tenggiri,
Sedap DiMasak Kari,
Jom Pakat-Pakat Perhati,
Apa Yang Saya Bahas Di Sini.

Saya pohon menyokong Bajet 2022 ini. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Seterusnya, saya persilakan YB. Gurun. Silakan!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, mendengar ucapan YAB. Jeneri, kita melihat bagaimana Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang telah pun dibentangkan oleh kerajaan itu memberikan paksi kepada ucapan. Jadi, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan khususnya pentadbir-pentadbir yang berjaya merangkakan pelan pembangunan ini cuma yang saya nak sebut YB. Speaker ialah supaya kita semua menerima bahawa pelan ini harus menjadikan 'guideline' kita Pelan 2035 ini harus menjadi 'bible' kita' harus menjadi kitab kita dan harus diterjemahkan oleh semua orang supaya kerajaan mana pun lepas ini, walaupun lepas Julai ini akan ada perjanjian baru, YB. Guar Chempedak. Kerajaan mana pun yang perintah tetapi haruslah kita sama-sama membawa obor ini agar rakyat di bawah tidak teraniaya. Apabila kerajaan merancang maka ia harus mempunyai paksi-paksinya dan saya yakin apa juga yang termaktub di dalam pelan ini, ianya sesuatu yang indah dan lebih indah lagi kalau kita dapat terjemahkan dalam bentuk realitinya.

Sebab itu, Yang Berhormat Speaker, saya mohon juga supaya dengan adanya pelan ini bukan sahaja ianya dalam bentuk tercetak dan tersimpan tetapi juga haruslah semua masyarakat samada pegawai-pegawai kerajaan, KCS ataupun kerajaan federal malah guru-guru dan juga pensyarah-pensyarah di universiti-universiti dan institusi pemimpin-pemimpin politik seperti kita ataupun mereka yang di bawah NGO-NGO, pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga, pemain-pemain industri harus dimaklumkan bahawa Kerajaan Kedah mempunyai satu dokumen dan dokumen ini akan menjadi pemandu kepada kita. Jadi, sudah tentulah dengan adanya dokumen ini kita takkan lari maka tidaklah menjadi suatu yang mendukacitakan apabila

kerajaan lain ambil alih selepas ini dia berubah pula, dia kona pula, dia kata yang itu kerajaan Pimpinan PAS buat tak mahu pakai, jadi kami kerajaan baru, kami nak buat yang lain pula dan akhirnya kita akan menghabiskan masa dan akhirnya apa juga usaha yang telah pun khususnya dibawa oleh Ketua Pentadbir kita, 'State Secretary' kita, dan juga semua mereka yang terlibat dalam perancangan sia-sia belaka. Saya sebut ini YB. Dato' Speaker kerana saya melihat bahawa kita ialah satu-satu negeri yang mempunyai potensi yang luar biasa, bagaimana kita lihat Kedah ini mempunyai 'accessability' bagaimana dalam kedudukan kita amat-amat strategik, kita mempunyai jalan yang baik, malah kalau dibandingkan dengan negeri lain kita mempunyai di antara negeri yang jalan kita cukup baik malah ada jalan yang 'utilize' pun, jalan 'highway' besar tetapi 'under utilize' itulah yang berlaku dalam diri kita.

Yang keduanya, dalam kedudukan strategik kita yang amat baik, kedudukan kita dari segi geografik, kedudukan yang strategik bagaimana kita ada di utara kita ada Thailand, yang dalam keadaan ekonomi Thailand, kewangan Thailand lebih jauh, lebih tinggi daripada kita, sekarang ini hampir 30% up. Jadi, kita akan menjadi daya tarik untuk membawa pelancong daripada Thailand ke sni dan kita mempunyai Pinang walaupun Jeneri duk bergaduh dengan Pulau Pinang tetapi 'like it or not', limpahan pelancong-pelancong yang lebih daripada 30 juta setahun boleh dimanfaatkan untuk datang ke sini dan mereka mempunyai airport yang jauh lebih efisien dari segi flight begitu juga dengan pelabuhan di mana ini ialah di antara kemudahan yang kita dapat ambil.

Begitu juga dengan produk pelancongan yang saya akan sebut secara khusus sebentar lagi dan kita sebuah negeri yang mempunyai hutan yang cantik, yang masih lagi malah bakau kita kawasan saya, kawasan Sungai Petani, kawasan Tanjung Dawai, Pantai Merdeka ini kita ada 'among the others' bakau dalam dunia. Jadi, ini ialah kawasan-kawasan yang berada dalam kawasan kita.

Di samping itu, Yang Berhormat Speaker kita melihat bagaimana Pelan Pembangunan Kedah ini juga menyaksikan bagaimana perancangan yang telah disusun khususnya kemakmuran ekonomi teras pertama, kita lihat bagaimana telah pun dirancangkan supaya kita akan mencapai 5.5% pertumbuhan KDNK dan kita mengharapkan RM10 bilion pelaburan masuk pada tahun 2035 dan kita akan mencapai 8 juta kemasukan pelancong pada tahun 2035 dan Insya-Allah 20% kawasan menanam padi kita dijalankan secara estet.

Saya nak sebut di sini Yang Berhormat Speaker, bagaimana dalam merancangkan ini semua kita nak minta bagaimana 'empowerment' boleh kita lakukan, bagaimana kita boleh perturunkan kuasa-kuasa dan juga tanggungjawab kepada kita semua.

Insya-Allah, seperti YB. Bayu katakan tadi, dia juga mimpikan gajah bercakap Melayu, saya dengar Ahli Parlimen dia juga mimpi gajah tapi dia cakap Tamil itu beza! Ahli Parlimen dia mimpi gajah, tapi gajah tu cakap Tamil tapi Bayu mimpi gajah tapi gajah itu cakap Melayu! Baling dan Bayu, dia serentak lah tu! Jadi, maknanya kedua-dua tu yang cakap Melayu dan Tamil itu mengesahkan sekiranya kita mempunyai wawasan, keberanian untuk membangunkan negeri bersama-sama, 'doesn't matters' hari ini YAB. Jeneri jadi Menteri Besar, esok mungkin orang lain jadi Menteri Besar, hari ini kami duduk sebelah sini, esok mungkin kami duduk sebelah sana but 'it's doesn't matter' yang pentingnya rakyat. Akhirnya rakyat yang akan mendapat kesenangan, daripada perbahasan kita, daripada pendapat-pendapat kita, tukar-tukar fikiran kita sebab itu saya masih mengatakan bahawa jadikanlah buku ini satu panduan yang jelas supaya buku ini setelah kita, saya ingat berpuluh kali wawancara dan wacana telah dibuat dan begitu juga dengan pihak yang terlibat khususnya pegawai-pegawai tadbir kita yang bekerja siang dan malam, Saya kira kalau ini betul-betul dipegang Insya-Allah akan menjadi kenyataan.

Yang Berhormat Speaker, saya nak menyebut tentang pertanian! Kita ialah jelapang padi maksudnya kalau jelapang kita ini tak bertambah apa yang akan berlaku ialah import makanan akan bertambah cumanya saya nak bertanya kepada kerajaan di samping kita menjadi pengeluar padi, dalam keadaan tanah kita subur, adakah kita tidak terfikir, ada tak bahan-bahan lain selain daripada padi tetapi ianya hasil pertanian yang boleh kita eksportkan, yang boleh kita jadi pengeluar terbesar. Contohnya, nangka, saya difahamkan di antara pokok buah-buahan yang cukup subur khususnya di kawasan kita di sebelah selatan ini, tanahnya amat sesuai ditanam dengan nangka tak kiralah nangka madu, nangka tidak bermadu dan sebagainya malah saya tengok di tempat saya dan tempat Speaker sendiri, di Tikam Batu, bagaimana orang usahakan nangka dan akhirnya nangka itu diantara nangka yang paling baik maknanya kalau kita dapat usahakan supaya nangka di antara buah-buahan yang boleh ditanam secara komersial.

Kita estetkan nangka ini saya yakin Kedah akan menjadi bukan saja pengeluar padi, malah pengeluar nangka sebab nangka ini YB. Speaker dia waktu masak pun Belantek boleh makan. Lani sekilo RM12.00 dah Belantek! Yang depa kupas itu pulur tak dak! Sekilo RM12.00, 3 tahun dulu RM7.00, sekarang dah naik RM12.00. Tapi masa dia muda pun dia boleh buat kerepek, maknanya mahal! Dan dia tak dak musim, dia boleh keluar sepanjang tahun dan satu pokok dia boleh tumbuh, satu pokok dia hidup cukup panjang! Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan melihat bagaimanakah disamping kita menjadi pengeluar padi, kita juga mengeluarkan buah-buahan yang lain yang boleh kita eksportkan. Disamping itu juga, kita harus melihat bagaimana di Sik, di Parlimen bercakap tentang padi organik dan telah pun terbukti

ada 'researcher-researcher' seluruh dunia berkhemah di Sik sekarang dan terbukti hasil yang dikeluarkan oleh padi organik ini menjadi perhatian dunia tapi apakah, mungkin Anak Bukit tak dak di sini tapi saya mencadangkan supaya negeri mengambil ini sebagai projek negeri supaya kita 'promote' kan padi organik ini dan bukan sahaja yang padi organic, non-chemical, tidak menggunakan chemical sebagai baja tetapi organik makna benda yang ditunggu-tunggu di dunia ini sekarang untuk masalah kesihatan.

Seterusnya YB. Speaker ialah tentang pelancongan. Saya kira di antara negeri, Saya baru balik dari Melaka, baru balik ni baru sampai, berkempen. Pasal penjajaran baru lah ni! Apa yang berlaku Jeneri percaya tak? Tak dak pasal pun orang pi Melaka sebenarnya, tapi kita jumpa setiap malam, beribu orang di Melaka, tak kempen hari itu pun ramai. Pi tengok sebelah sungai, di sungai itu kotor kut, dulu ini kat Kg. Morterm ini jamban duduk di sebelah sungai, bila ada idea pemimpin ada idea, dia boleh convert daripada Pekan tak ada apa pun tetapi dia main dengan kebersihan, Melaka adalah diantara bandar yang paling cun sekali, jalan belakang dia boleh pegang tangan, boyfriend, girlfriend, suami isteri, berani pegang tangan secerah-cerahnya, bersih cerah dan macam-macam makanan ada! Baru ini saya pi satu kedai, kedai dia nama kedai kunyit, ikan goreng kunyit, sotong kunyit, kemudian daging kunyit, semua kunyit! Kedai masakan kunyit, maknanya orang 'que' pasal nak makan masakan kunyit. Ini ialah ideas, bisnes is about ideas! Pelancongan is about ideas macam Bayu kata tadi, kita ada apa? Kita ada gunung! Di Kedah ni satu-satunya negeri yang kita ada semua! Kita ada pulau, 99 pulau di Langkawi, di Yan, kita ada 3 tasik besar. Kita ada gunung, Gunung Jerai dan gunung-gunung yang lain, kita ada pulau! Kita ada tasik, kita ada gunung, kita ada lembah yang cantik! Kita ada sungai! Kita ada pantai, kita ada gua, tetapi pasal apa kita miskin? Why? Soalannya diasuh 'many elements in the kitchen to produced food but you do not have a good cooks!'

Kita tidak ada tukang masaj yang dapat duduk dan fikir apa nak buat dengan ini ingredients yang ada! Ada ulam,ada ketam,ada macam-macam tapi tak boleh duduk sekali pikiaq apa yang kita nak buat dengan ingredients yang ada dalam dapur! Ini masalahnya! Jadi, saya mencadangkan bajet yang telah pun diberikan oleh kerajaan yang amat sedikit, yang kita peruntukan untuk pelancongan ini 'it is chicken feed' nak promote sebab itu YB. Speaker, di Melaka Exco Pelancongan tu Exco Kanan, dia sama taraf dengan Exco Tanah ini sebab apa dia meletakkan 'importants priorities' di atas sebab pelancongan ini ialah di antara industri yang tak payah banyak duit! Kena banyak otak! What you needs brain it's not money, bagaimana kita convert kan pemikiran kita ini untuk gain, untuk jadikan duit ! 'You convert ideas in the realities' maknanya kalau kita ada idea, duduk bincang, malah gajah boleh cakap Tamil, gajah

boleh bercakap Melayu! Kalau ada idea! Kita ada Gua Komunis, macam-macam, sebab itu YB. Kuah jangan fikir macam duit saja YB. Kuah! It is about ideas! Bincang dengan industri-industri, bincang dengan investors from Taiwan, from China, from Europe! Orang di luar sana nak tengok kehidupan kita apatah lagi dalam keadaan yang unik, kita ada hutan, kita ada sungai, kita ada pulau, ini orang nak mai, orang-orang Arab nak lari daripada musim panas ke tempat , orang Eopah nak mai tetapi dia nak mai, dia pi tengok di Telaga Batu pun kita tak tahu YAB. Jeneri. Orang habaq tamadun tertua, nak masuk tu pun nak kena pakai gerek, kalau nak pi dengan kereta pun tak lepas.

Jadi, ini problem-problem yang kita ada! Sebab itu saya mencadangkan supaya kerajaan memperuntukkan tambahan duit kepada ideas ini, buat seminar! Panggil universiti-universiti buat seminar, apa lagi yang kita tak buat dalam pelancongan ini! Apa lagi yang kita perlukan dan ramai pemain-pemain industri yang mahu melabur di negeri, kita buka pintu! Kita kena buka 'because' ini ialah kita seperti gadis sunti yang belum disentuh! Berilah peluang untuk jejaka-jejaka di luar sana mengambil bahagian. Jadi, saya mencadangkan harus YB. Kuah mengadakan agresif untuk promoted, saya yakin dunia akan tau apa yang ada di Kedah! Mereka akan datang malah orang Thailand baru ini ada cadangan jumpa saya, orang-orang dari China, bila dia sebut Kedah dia kata Kedah ini dimana? Saya sebutlah di sini, di sini! Dia katalah 'why not' kami boleh buat 'direct flight' daripada contohnya China ke Alor Setar, seterusnya Alor Setar ke 'a few branches' contohnya di Thailand ataupun di Pulau Pinang dan sebagainya. Jadi, sekarang ini, mereka datang ke Pulau Pinang, daripada China ke Pulau Pinang, Pulau Pinang ke Thailand, dia 'by pass' kita. Akhir sekali, YB. Speaker saya nak cakap pasal….(YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Gurun, boleh celah sikit!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ok, boleh, Kota Siputeh silakan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Speaker! YB. Gurun, setuju tak sekarang ini kita tengok kawasan-kawasan seperti tasik dan sebagainya penuh dengan sampah dan rumput panjang dan sebagainya, jadi macam mana pelancong nak tertarik datang ke Negeri Kedah ini? Apa masalah dengan e-Idaman dan sebagainya yang berkaitan dengan kebersihan ini?

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Sebab itu saya kata yang ini, buku ini kena jadi pegangan kita semua, cikgu sekolah kena pegang buku ini, ketua kampung kena pegang buku ini, semua! Bila buku ini ditulis dilastrasikan kecintaan kita akan jauh lebih beza sebab bila dia belek yang ini, semua orang 2.1 juta rakyat Negeri Kedah ada buku ini bayangkanlah! Pagi-pagi dia tengok, besarnya Kedah ini, Kedah lawanya! Bubuh dengan grafik yang cantik, dia saying negeri dia sebab dia tahu apa yang ada di Negeri Kedah! Sekali kita tanya cikgu sekolah, dia pun tak tau ada apa di Negeri Kedah ini? Lepas itu, bila kawan-kawan ia nak mai melawat, dia tanya "Jo, aku nak mai Kedah 4 hari", hang boleh bawa aku melawat dak? Pening kita! Habis kuat nasi kandarlah! Lepas itu tak tau dah nak pi ke mana sebab kalau kita kalau ada yang ini, kalau kita dokumenkan kalau kita jadikan ia satu yang menjadi pegangan kita semua sebab itu di Thailand YB. Spekaer, di Thailand saya tengok satu hari di Southern Thailand, saya pi makan di tempat itu! Pagi-pagi bagaimana orang bersampan di tasik dia, pagi-pagi mereka akan bersampan dan kutip sampah di tasik mereka, 'empowerment' orang kampung sanggup turun tak payah panggil Majlis Perbandaran, sebab mereka rasa mereka sayang sungai mereka, mereka sayang tasik mereka! Jadi, inilah yang patut kita buat, dua malam yang lepas YB. Speaker, bila duduk di Kota Melaka, kalau saya berjalan di belakang jalan belakang Alor Setar, saya naik bimbang, yang pertama takut orang kata saya cari pondan, yang kedua, tikus sama besar dengan anak kucing!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Gurun, 2 minit lagi!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ya! Jadi, sedangkan ini yang tak terjadi tempat lain, jadi saya ingat yang pentingnya saya masih mengatakan bawa harus ada kecintaan yang luar biasa dan kecintaan ini kena dimaklumkan dalam bentuk-bentuk khususnya.

Akhir sekali, adalah di kawasan Gurun! YB. Speaker, di Gurun ini hujan pun tak ada ai, musim kering pun tak dak air. Masa hujan depa kata tak boleh pasang paip, pasal ada problem dengan air. Jadi, saya haraplah masalah air ini ingat semua orang dah bawa kita kena fikir 'think outside the box' di samping kita nak buat lain, kena fikir alternative-alternatif lain, 'why not' kita gunakan underground water, kadang-kadang kita boleh gunakan juga telaga! Walaupun banyak perbincangan berkenaan ini tetapi saya masih ingat Jeneri pun ingat, saya pun ingat kecil-kecil dulu kita

minum air telaga saja! Mandi pun air telaga! Jadi, harus ada alternatif sementara kita nak tunggu yang empangan besar macam Bayu kata pada tahun 2035, baru nak mai air di tempat dia, kita perlu fikir juga bagaimanakah masalah orang kampung ini dapat diselesaikan? Tanjung Dawai dengar dah 3, 4 kerajaan dah jatuh, naik turun, naik turun, naik turun, air di Tanjung Dawai tak selesai juga! Jadi, saya ingat kita kena 'think outside the box'.

Yang keduanya ialah masalah lalat! Saya tak tahu tempat lain lah, berjuta, lalat ini duduk ni, banyak lalat daripada nasi! Di Gurun, kalau kita pi, buka-buka saja tudung periuk, lalat tu lebih banyak daripada nasi! Jadi, saya tak tau apa masalahnya? Jadi, saya mintalah jabatan kerajaan khususnya Jabatan Kesihatan tengok apa masalah sebenarnya?

Akhir sekali ialah tentang kawasan, baru-baru ini cerita bab budak sembelih mak di Gurun. Ini masalah besar, masalah dadah sebab itu saya mohon pihak keselamatan khususnya polis supaya kita ada di Gurun itu cuma ada Pondok Polis yang ada YAB. Jeneri pun tahu duk dulang balik kan! Kita ada dua saja anggota di situ tapi kita ada balai polis yang besar, under utilized. Saya memohon pihak kerajaan kalau boleh fikirkan saya dah tulis surat kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri supaya kita 'upgrade' kan, supaya Pondok Polis di Gurun itu dinaikkan taraf dia kepada balai polis yang mempunyai kelengkapan cukup, bukan sahaja anggota tetapi juga aset dan last sekali ialah tentang gelap! YAB. Jeneri pun duk balik sampai di Jentayu tu naik takut pasal situ hantu banyak pasal dia gelap, saya pun lepas 11.30 malam tak berani dah, tang tu sampai Batu 5 tu gelap sungguh-sungguh! Jadi, saya ingat dah 2 tahun dah janji kata nak boh lampu tepi jalan tapi lampu tak ada sampai hari ini! Jadi, kalau tang Jentayu tu memang keras sungguh! Jadi, saya mintalah supaya boh la lampu no! Bajet pun ada tahun ini, Insya-Allah. YB. Speaker, terima kasih saya ucapkan. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Gurun! Silakan YAB. Menteri Besar!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan dibawah Peraturan 12(1) (a) - Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, bahawa sidang dewan pada pagi ini disambung pada jam 2.30 petang selepas ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Speaker, saya mohon menyokong cadangan itu.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh YAB. Menteri Besar tersebut. Masa ada 4 minit lagi, jadi saya persilakan YB. Ayer Hitam. Lepas ini sambung balik, masa 4 minit!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillahi Rabb'il A'lamin Wassalatu Wassalamu A'la Asrofil Am'biya Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in Robbisrohli' Sodri Wayasirli Amri Wahlul Uqdatan Min Lisani Yafqahu Qauli. Subhanaka La'Ilmalana I'lla Ma'Allamtana Inna'ka Antal Alimul Hakim La'Hawla Wala' Quwwata' I'lla Billahil'ali Lil'Azim Amma' Baq.

Terima kasih YB. Dato' Speaker, Terima kasih YAB. Menteri Besar, YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, YB. Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha, Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan, Agensi Kerajaan, Yang Dihormati Para Pegawai Dewan seterusnya yang dikasihi para pemerhati yang mengikuti persidangan ini samada secara fizikal mahupun secara maya di luar sana. Alhamdulillah sama-sama kita panjatkan rasa syukur kita yang tidak terhingga kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan seru sekalian Alam, Tuhan yang telah mengizinkan kita pada hari ini untuk terus hidup untuk sama-sama kita menunaikan tanggungjawab kita sebagai hambaNya dan juga menaikkan tanggungjawab kita sebagai Khalifah dalam mengatur urus makhluk di atas muka bumi ini.

Terima kasih YB. Speaker yang memberi laluan pada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini setelah dinafikan hak yang sama pada sidang lepas lantara SOP yang ketat dikenakan pada semua Ahli Dewan untuk sidang pertama pada 2 bulan yang lepas. Sekalung tahniah kepada YAB. Menteri Besar yang telah memberikan satu ucapan pembentangan bajet 2022 pada pagi semalam yang pada saya cukup penuh dengan keyakinan dan bersifat futuristic, yang menetapkan satu bajet yang boleh kita terima sambutan ataupun cabaran daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu kita pakat merasa sorang sikit Insya-Allah.

Bagi saya ini satu bajet yang berpijak di bumi yang nyata dengan mengambilkira situasi semasa negeri dan negara kita yang masih berada dalam era permulaan kepada pemulihan setelah kita diuji dengan pandemik Covid-19 yang melanda bukan sahaja negeri kita Malaysia bahkan di seluruh dunia dan satu bajet yang disusuli dengan perancangan yang jitu dan munasabah berdasarkan kemampuan kerajaan yang terhad dalam mencorak perjalanan sosial ekonomi negeri pada tahun hadapan dan tahun akan datang.

Untuk sekian kalinya, bajet masih lagi berada dalam bajet defisit untuk tahun depan kita berhadapan dengan defisit lebih kurang 12.4% aktiviti ataupun dalam angkanya lebih kurang RM90.2 juta berbanding dengan RM720 juta yang diunjurkan pada tahun hadapan. Namun, berdasarkan kepada perbelanjaan yang berjimat dan berhemah, pihak kita menghadapi bajet defisit tahun lepas ataupun tahun 2021, saya yakin dan percaya…(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Ayer Hitam, kita berhenti dulu nah! Nanti kita sambung balik!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Kita tamatkan ucapan untuk sesi pagi ini Insya-Allah kita sambung lagi pada jam 2.30 petang. Sekian, Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Ayer Hitam. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita tangguh dulu Dewan. Dewan akan disambung semula pada jam 2.30 petang, terima kasih.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari]

[Sidang Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang]

YB. DATO' SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Dewan disambung semula. YB. Ayer Hitam!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya menyambung perbahasan tengahari yang tertangguh kerana berhenti rehat tadi. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, pegawai kerajaan negeri dan seluruh ketua-ketua jabatan serta penjawat awam yang telah bertindak selari dengan kepimpinan kerajaan negeri dalam berbelanja dan mengurus bahagian dan sektor masing-masing sesuai dengan keupayaan kewangan kerajaan negeri yang terhad melalui amalan kerja yang pantas, yang telus, berhemah dan berintegriti di mana semua ini akan mengurangkan kebocoran dan pembaziran dalam pengurusan dan perbelanjaan. Walaupun masih ada kelemahan di sana sini, saya berkeyakinan kita mampu untuk mengatasi segala kepincangan jika kita berpadu tenaga dan keazaman yang tinggi untuk sama-sama meletakkan kepentingan rakyat sebagai suatu yang perlu kita utamakan dalam menangani permasalahan difisit Belanjawan 2022 yang disebut sebentar tadi.

YB. Dato' Speaker, saya tidak bercadang untuk mengulang apa yang disebutkan oleh YB. Anak Bukit dan YB. Sungai Limau tentang masalah pesawah dan sebagainya dan mengambil kira ucapan mereka sebagai ucapan saya juga mewakili Ayer Hitam yang sekarang ini musim awal penanaman padi yang melibatkan pesawah-pesawah berhadapan dengan masalah awalnya dengan masalah kekurangan benih padi yang sah, kemudian diikuti sekarang ini dengan air yang melimpah, tidak surut, yang mengendalakan proses penanaman padi yang menuntut kepada suatu tindakan yang bersepadu oleh pihak-pihak yang berkenaan khususnya pihak MADA untuk mencuci parit-parit yang selama ini telah dipenuhi oleh rumput yang banyak, yang panjang dan sungai yang cetek, sehinggakan air tidak dapat mengalir dengan baik menyebabkan anak padi yang tumbuh tenggelam dan mengakibatkan petani-petani kerugian kerana terpaksa mengulang dua tiga kali menabur untuk menghasilkan anak benih padi baharu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Bajet 2022 dirangka pada masa kerajaan kita berada dalam tahun awal pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke 12 dan juga Pelan Pembangunan Kedah 2035. Tentulah Bajet 2022 ini mengambil kira roh dan inti pati kedua-dua perkara yang besar itu. Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang mempunyai 6 teras utama sudah tentu tidak dikesampingkan dalam Bajet 2022. Salah satu temanya ialah iaitu Teras 4, memfokuskan kepada keseimbangan moral, keseimbangan modal insan dan bakat. Salah satu terasnya iaitu yang mementingkan kepada modal insan dan bakat mempunyai beberapa strategi yang perlu dilaksanakan. Antaranya adalah memperkasakan ekosistem pendidikan negeri dan dua daripada enam strategi ini ialah membentuk pusat kecemerlangan Islam Kedah serta pembangunan hub pendidikan agama, pondok dan tahfiz. Hal ini menyokong kepada merealisasikan gagasan dasar ataupun besar kerajaan negeri yang berteraskan ilmu iaitu "Cordoba of Kedah". Alhamdulillah, pada 1 November yang lalu saya berkesempatan bersama-sama dengan lebih 50 orang pakar pendidikan dan pencinta Islam dalam satu bengkel yang diadakan di Raia Hotel yang membincangkan secara khusus tentang pelaksanaan Cordoba of Kedah. Daripada bengkel itu kita keluar dengan beberapa resolusi untuk dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang menyentuh tentang strategi, inisiatif dan juga sasaran yang perlu dicapai oleh kerajaan melalui Cordoba of Kedah untuk memungkinkan gagasan ini akan mencapai matlamatnya yang InsyaAllah akan meletakkan negeri kita sebagai negeri yang mementingkan ilmu dan amal yang baik berseiringan yang berorientasikan ekonomi dan yang lainnya. Saya suka mencadangkan supaya satu peruntukan khusus ataupun kolum khusus diperuntukkan dalam Bajet 2022 supaya Cordoba of Kedah ini diletakkan sebagai keutamaan untuk dilaksanakan pada tahun 2022 yang merupakan tahun pertama InsyaAllah, mengorak langkah kepada menjayakannya.

YB. Dato' Speaker, jalan raya sama ada jalan persekutuan, jalan negeri, jalan kampung atau jalan ladang merupakan pemangkin yang besar kepada kemajuan ekonomi sesebuah negeri atau negara. Terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah mengangkat jalan ladang di kawasan MADA di seluruh Negeri Kedah untuk diletak di bawah pengurusan kerajaan negeri. Sejauh 474 kilometer atau kurang lebih 155 batang jalan ladang di kawasan MADA telah diangkat untuk diletakkan di bawah pengurusan kerajaan negeri. Hal ini akan memberikan satu kelegaan kepada rakyat di sana yang sekarang ini masih lagi dibelengu atau digeruni dengan jalan-jalan yang berlubang, yang rosak, yang 'qeban' setelah sekian lama tidak diselenggara dengan baik oleh pihak MADA kerana peruntukan yang terhad untuk mereka baikinya. Saya bersetuju dengan YB. Anak Bukit tadi yang menyebut tentang kita perlu meletakkan pengurusan jalan ladang di bawah pengurusan kerajaan negeri dan Alhamdulillah telah pun diangkat dan diletakkan.

Saya juga berterima kasih kepada kerajaan yang telah memulakan kerja-kerja membaiki jalan-jalan di kawasan Ayer Hitam, sudah dibaiki di Pida 2, Pida 4, InsyaAllah pada masa akan datang di Pida 5, Kepala 20 dan sebagainya di bawah pengurusan JPS dan Pejabat Daerah di bawah peruntukan MARRIS, InsyaAllah. Cuma masih banyak lagi jalan-jalan yang perlu keutamaan, jalan Pida 8, Pida 6, Matang Bonglai Besar, Matang Bonglai Kecil, Pida Matang Mahang, Pida Matang Bongor, Jalan Padang Tui, Gandai hingga ke kampung-kampung yang berhampiran dengan laut di Kuala Jerlun perlu diberi kutamaan supaya rakyat di sana dapat menggunakannya dengan baik kerana walaupun jalan ladang ini merupakan jalan yang digunakan oleh pesawah untuk turun ke padang tetapi sekarang telah menjadi jalan kampung. Di sepanjang jalan pida-pida itu telah tumbuh kampung-kampung dan semakin berkembang kampung-kampung ini dan kampung-kampung ini dihuni oleh mereka yang bukanlah semuanya bekerja di sawah, sebahagiannya besarnya bekerja di sektor ekonomi yang lain, peniaga ataupun sektor perkhidmatan dan sebagainya yang memerlukan jalan yang baik untuk mereka berurusan setiap hari. Sekarang keluarga-keluarga ini dah semakin berkembang, mereka mempunyai kenderaan yang elok-elok, yang cantik-cantik dan sudah tentulah jalan yang rosak ini menimbulkan masalah kepada mereka untuk mereka lalui pada setiap hari. InsyaAllah dengan peruntukan yang diletakkan oleh kerajaan di bawah pengurusan kerajaan negeri, saya yakin dan percaya jalan ini dari semasa ke semasa akan dibaiki dan menambah baik kepada penggunaan rakyat seluruhnya, InsyaAllah.

YB. Dato' Speaker, YAB. Menteri Besar ada memaklumkan bahawa kemajuan fizikal semasa bagi 5 LRA ialah 4% dan memberi jaminan bahawa kerajaan akan memastikan projek-projek ini disiapkan mengikut jadual. Dalam jawapan kepada soalan bertulis saya untuk Sidang pada kali ini kerajaan memaklumkan untuk Projek LRA Pelubang, kemajuan fizikal projek sebenar pada 25 Oktober yang lalu telah mencapai 3.11% berbanding kemajuan dirancang 3.10% iaitu 0.01% lebih awal daripada jadual. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Bina Darul Aman Berhad, kontraktor yang bertanggungjawab dengan Projek LRA Pelubang ini atas prestasi yang cemerlang ini. InsyaAllah jika kita teruskan prestasi ini atau tingkatkannya sasaran kerajaan untuk projek ini siap pada Mei 2024 akan menjadi kenyataan bahkan mungkin dapat diawalkan lagi. Saya juga difahamkan bahawa projek pembinaan LRA Pelubang ini datang bersama beberapa pakej sokongan yang akan memastikan masalah bekalan air di Daerah Kubang Pasu dan Kota Setar dapat diatasi dengan sepenuhnya. Saya difahamkan pakej penggantian dan pemasangan paip baharu yang lebih besar dan lebih moden akan dilaksanakan serentak dengan pembinaan loji yang memungkinkan masalah tekanan air yang rendah di beberapa tempat di kawasan Kota Setar dan Kubang Pasu dapat diatasi supaya loji rawatan air disiapkan pada tahun 2024.

Saya amat berharap agar kerja-kerja penggantian dan pemasangan paip baharu ini disegerakan bagi memberi sedikit kelegaan dalam masa terdekat ini sebelum kelegaan sepenuhnya dapat dirasai mereka pada tahun 2024. Rakyat di Pida 2, Pida 3, Pida 4, Pida 5 dan Pida 6 di Ayer Hitam, juga Pida 10, Pida 11, Pida 12 di kawasan Kota Siputeh pasti akan berasa syukur dan berterima kasih jika hal ini disegerakan kerana pada masa ini mereka sangat terkesan dengan masalah tekanan air yang rendah dengan terpaksa berjaga lewat malam atau bangun awal dinihari untuk menadah air yang mengalir perlahan.

YB. Dato' Speaker, Jabatan Perangkaan Malaysia Kedah melaporkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) untuk Negeri Kedah bagi tahun 2020 menurun sedikit kepada RM46.0 billion berbanding dengan RM46.9 billion bagi tahun 2019. Hal ini bukanlah suatu yang janggal kerana semua negeri di Malaysia mencatat penurunan KDNK masing-masing bagi tahun 2020 berikutan ujian pandemik Covid-19 dan ini membawa kepada penurunan KDNK perkapita rakyat Negeri Kedah dari RM22,341 pada tahun 2019 kepada RM22,166 pada tahun 2020. Namun, angka ini telah menolak Kedah untuk menduduki tangga yang ketiga dari bawah dalam senarai KDNK perkapita negara setelah sekian lama kita menghuni tangga kedua terbawah selepas Kelantan. InsyaAllah tahun 2020 kita berada di atas Sabah dan Kelantan dan berharap InsyaAllah tahun-tahun akan datang peningkatan berlaku untuk meletakkan Kedah di tempat yang lebih selesa setanding dengan negeri-negeri yang lebih maju di Malaysia ini. Saya yakin dengan kegigihan kepimpinan YAB. Menteri Besar sekarang yang telah mencari dan membawa pelaburan masuk ke Negeri Kedah akan membantu meningkatkan lagi KDNK Negeri Kedah dan juga KDNK perkapita rakyat Negeri Kedah. Bukanlah suatu yang menjadi impian kosong ataupun fatamorgana di padang pasir, impian kita untuk meletakkan Negeri Kedah setanding dengan negeri maju yang lain berdasarkan kepada pendapatan ataupun KDNK perkapita rakyat ini.

Oleh itu, semua pihak sama ada daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang, pihak swasta dan sebagainya perlulah berganding tenaga dan usaha untuk sama-sama kita memastikan hasrat kita untuk bersaing ataupun berada lebih tinggi daripada sekarang ini menjadi kenyataan, InsyaAllah.

YB. Dato' Speaker, namun begitu KDNK hanya merujuk kepada mengukur angka aktiviti ekonomi semata-mata, merangkumi sektor perkhidmatan, pembuatan, pertanian, pembinaan serta perlombongan dan pengkuarian. Saya suka menarik perhatian Ahli Sidang sekalian dan kita juga memberi perhatian kepada cukai dan ukuran yang lebih luas iaitu kepada indeks kesejahteraan rakyat agar kesejahteraan ekonomi yang rancak dibina dapat diimbangi dengan kesejahteraan sosial yang diperhebat dari semasa ke semasa.

Kita boleh menggunakan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) untuk mengukur dan meningkatkan kesejahteraan rakyat kita yang dinilai berdasarkan kepada 14 komponen ekonomi dan sosial yang terdiri daripada 5 komponen ekonomi dan 9 komponen sosial. 5 komponen ekonomi yang dinilai dalam IKRM ini ialah pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan serta persekitaran kerja di samping 9 komponen sosial yang lebih besar iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan juga keluarga. Untuk rekod, bagi tempoh tahun 2000 hingga 2019, indeks IKRM meningkat sebanyak 21.0 mata kepada 121 mata pada tahun 2019 berbanding 100 mata pada tahun 2000. Namun begitu, peningkatan kesejahteraan sosial tidak setara dengan kesejahteraan ekonomi tetapi kesejahteraan ekonomi berlaku peningkatan sebanyak 31.8 mata berbanding 14.9 mata untuk kesejahteraan sosial. Saya tidak ada angka untuk indeks kesejahteraan harian di Kedah tapi saya merasakan angkanya tidak berbeza di antara negeri-negeri di Malaysia ini. Cuma kita harap penekanan kepada kesejahteraan sosial diberi perhatian yang besar oleh kerajaan supaya kita tidak mahu berlaku ketidakseimbangan di antara kesejahteraan ekonomi dan sosial yang mungkin menyebabkan rakyat kita ataupun masa depan kita bergantung sangat-sangat kepada ekonomi, mengabaikan kesejahteraan sosial yang boleh menyebabkan keluarga ataupun masyarakat kita tidak seimbang yang menjurus kepada perkara-perkara yang boleh menyebabkan kemerosotan nilai sosial di Malaysia dan negeri kita ini.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Ayer Hitam, masa sebenar sudah tamat!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

YB. Dato' Speaker, YAB. Menteri besar juga dalam ucapan bajetnya semalam telah menekankan kepada perlunya satu peningkatan dalam pengurusan pentadbiran kerajaan dan memastikan perkara-perkara yang kita tawar kepada rakyat dapat direalisasikan dengan baik. Saya menyerulah kepada semua pihak terutamanya pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam setiap sektor dan bahagian masing-masing untuk meningkatkan hasil kerja, meningkatkan keazaman bekerja kita untuk sama-sama majukan negeri kita, InsyaAllah untuk mencapai sepertimana tema yang disebut oleh YAB. Menteri Besar dalam ucapannya dan tema bajet tahun ini, "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua" benar-benar belaku, bukan satu slogan yang disebut begitu sahaja, InsyaAllah.

Terima kasih juga kepada YB. Gurun tadi yang menjelaskan panjang lebar tentang Kedah 2035 yang merupakan satu perancangan yang hebat, yang merangkumi atau mengandungi 3 RMK, 12, 13 dan 14 dan InsyaAllah jika kita betul-betul hayati dan kita laksanakan atau mungkinkah rakyat kita pada tahun 2035 hidup dalam sejahtera dan menyintai negeri kita untuk sama-sama memajukan negeri kita, InsyaAllah.

YB. Dato' Speaker, saya suka untuk menutup ucapan saya dengan satu pantun yang juga merupakan jawapan kepada pantun YAB. MB dalam bajet beliau,

Beli sarapan di Suka Menanti,
Singgah Jitra membeli dokong,
Jika tuan bentang lagi,
InsyaAllah saya akan menyokong.

Jadi, saya menyokong Pembentangan Bajet 2022 bagi tahun ini, InsyaAllah bersama-sama kita menjayakannya. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam. Terima kasih YB. Ayer Hitam. YB. Jitra!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahi robbil 'alamin wassola tuwassala mu'ala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in.

YB. Dato' Speaker, saya juga mewakili Jitra ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan Pembentangan Bajet Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2022 yang telah disampaikan kelmarin oleh YAB. Jeneri. Saya mulakan dengan memberi pengakuan bahawa untuk membuat satu bajet ini satu perkara yang bukan mudah. Antara cabaran yang dihadapi oleh seorang Menteri Besar dan rakan-rakan mungkin dari Pejabat Kewangan ialah bagaimana untuk mengimbangi antara hasil dengan perbelanjaan. Sejak sekian lama Kedah mengalami keadaan defisit kewangan dan kaedah yang kita gunakan ialah sentiasa untuk berbelanja kurang daripada apa yang disasarkan dan itu cara kita untuk mengatasi daripada defisit ini menjadi satu masalah yang lebih besar.

Walaupun begitu, apabila kita kurangkan perbelanjaan, antara kesan yang berlaku ialah bahawa perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan yang bertujuan untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat contohnya dalam infrastruktur, usaha-usaha untuk pertumbuhan ekonomi dalam negeri kita ini agak tak kesampaian kerana penjimatan yang kita buat atas sebab defisit yang kita hadapi. Oleh sebab itu, saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini adalah untuk tekankan mengenai bagaimana kerajaan negeri mungkin boleh pertimbangkan cara-cara untuk meningkatkan hasil. Saya ingat setahun yang lepas kita mendengar YAB. Jeneri pernah menyebut mengenai *Rare Earth Elements (REEs)* walaupun pada kenyataan awalnya beliau memberi satu angka yang luar biasa tetapi kemudiannya beliau membetulkan kenyataan tersebut. Saya ingin tekankan soal REEs ini adalah satu cadangan yang perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya. Kita tahu bahawa perlombongan galian ini satu kerja yang susah, ianya memberi kesan kepada alam sekitar tetapi kalau ianya dilakukan menggunakan teknologi terkini, saya sangat yakin bahawa ianya boleh menghasilkan pendapatan yang tinggi bagi sebuah negeri seperti Kedah yang mempunyai hasil yang rendah berbanding dengan negeri-negeri yang ada minyak contohnya. Kita tahu bahawa contoh yang ditunjukkan oleh negara seperti China yang merupakan negara pengeksport *Rare Earth Elements* yang paling besar di dunia, mereka juga merupakan negara pengguna REEs ini dan tentunya mereka juga menghadapi macam-macam masalah di peringkat awalnya kerana pencemaran udara, pencemaran sumber air, kerosakan kepada alam sekitar, tetapi lama kelamaan mereka mengatasi masalah itu dengan menggunakan teknologi terbaru antara lain 'in situ leaching' ataupun proses larut resap. Saya ingat ini pun telah disentuh oleh YAB. Jeneri sebelum ini. Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri Kedah memberi perhatian yang serius bagaimana kita boleh mengeksploitasi satu khazanah ataupun sumber asli yang mampu menjana pendapatan yang tinggi bagi Negeri Kedah yang pada ketika ini pendapatannya sangat-sangat rendah.

Seperkara lagi ialah mengenai industri perkayuan kita. Isu pembalakan ini sentiasa dibangkitkan, ada yang menyokong dan ada yang tidak menyokong. Tetapi saya baru balik dari Johor dan sekali lagi saya diperingatkan rakan-rakan di sana mengenai industri perabot di mana kawasan seperti Muar mengeksport perabot daripada hasil kayu atapun hasil hutan sampai ke Amerika Syarikat. Malah, perabot yang dijual di gedung-gedung besar seperti Sales Walmart datangnya dari Muar. Malah saya ingat yang di IKEA pun silap-silap juga buatan dari Malaysia. Maksudnya kita perlu lihat bagaimana kita nak pastikan nilai tambah itu paling tinggi apabila kita mengeksploitasi sumber ataupun hasil hutan yang agak terhad sumbernya. Kita tak maulah sekadar kita membalak kemudian proses menjadi 'plywood' dan itu yang kita eksport.

Kita nak sebaik-baik mungkin kita wujudkan satu zon sektor perabot daripada kayu kayan ini supaya nilai tambahnya maksima dan apa yang kita eksport itu adalah produk yang sudah pun siap. Saya ingat sewaktu saya duduk di sana suatu ketika dahulu (tempat YAB. Menteri Besar) dan YAB. Jeneri duduk di tempat YB. Alor Mengkudu (tempat Ketua Pembangkang) dan saya belajar daripada apa yang YAB. Jeneri bangkitkan iaitu berkenaan dengan satu agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah UNDP sebenarnya yang diberi nama REDD dan sekarang ini dah ada REDD+. Boleh tanyalah dengan YAB. Jeneri, dia lebih arif dalam hal ini. Saya mengambil pengajaran daripada cadangan beliau dan berkesempatan untuk berjumpa dengan wakil-wakil daripada UNDP yang menguruskan REDD ini. Jadi, saya ingin bertanya adakah kerajaan sekarang juga membuat usaha-usaha untuk menjalankan segala cadangan yang dikemukakan oleh REDD sekarang ini REDD+, supaya apa juga hasil ataupun tindakan yang kita ambil untuk memulihara dan memelihara hutan kita ini masih dapat menjana pendapatan bagi Negeri Kedah kita melalui cadangan-cadangan yang diselaraskan oleh REDD ini.

Satu perkara yang saya nak sentuh ialah mengenai Taman Teknologi Kulim. Kita perlu lihat apa kelebihan yang kita di KHTP ini. Salah satu daripada kelebihannya iaitu industri 'wafer fabrication', pembuatan semiconductors. Pada ketika ini, lebih-lebih lagi selepas berlaku pandemik Covid-19 yang melanggar seluruh dunia, wujud satu masalah bekalan yang tidak mencukupi bahan semiconductors ini. Jadi, kita tahu di KHTP itu saja tak kurang daripada 3 kilang besar iaitu Silterra, *Infineon* dan *AIC Semiconductors.* Ini sebenarnya memberi kelebihan kepada Negeri Kedah. Saya ingin mencadangkan supaya kita beri perhatian bagaimana kita boleh membangunkan sektor sokongan untuk semiconductors contohnya dalam kerja-kerja 'design' sirkit ataupun cips supaya dinilai tambah lagi di Kulim Hi-Tech Park itu kerana bahan asasnya iaitu semiconductors sedia wujud si sana. Saya rasakan bahawa inilah antara caranya kita boleh menyumbang secara langsung dalam membangunkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat tempatan kita yang mahir dalam kerja-kerja 'design' ini bagi sektor ataupun industri besar pembuat telefon bimbit, tablet dan sebagainya. Untuk makluman semua, saya ingat ramai pun dah tahu semua alat-alat yang kita gunakan setiap hari ini kalau tidak kerana *s*emiconductors dengan cips ini maka tentunya mereka tak boleh berfungsi. Jadi, sekarang *ini* kita dapati saiz cips itu semakin hari semakin mengecil serta penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh banyak syarikat-syarikat besar di luar sana yang sebenarnya menjana pasaran yang lebih besar setiap hari. Jadi, kita pun mendengar di Malaysia sekarang ini pun kita berminat untuk menceburkan diri dalam bidang 5G. Jadi, saya harap KHTP dan Kerajaan Kedah khususnya boleh memainkan peranan untuk menarik lebih banyak lagi syarikat-syarikat melabur dalam sektor ini khususnya dari kalangan syarikat tempatan kalau tidak pun dengan syarikat-syarikat asing.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai maklum balas yang saya terima daripada 'malim' di Gunung Jerai. Mereka menyatakan bahawa ada sesuatu yang tak kena di atas puncak gunung. Saya bangkitkan perkara yang sama pada Sidang yang lepas di mana kita ada empangan semulajadi yang pecah akibat daripada hujan yang lebat. Jadi, tidakkah boleh sesuatu dilakukan selain daripada bahan-bahan atau alat-alat pengesan, 'sensors' yang saya dimaklumkan sudah pun dipasang tetapi tidakkah boleh kita pastikan bahawa sebelum empangan itu dah sampai tahap boleh pecah itu air dapat disalurkan supaya ia tidaklah memberi tekanan yang tinggi di atas menyebabkan bahaya kepada penduduk di kaki gunung. RM80 juta telah diumumkan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku tetapi kebelakangan ini YB. Dato' Speaker, kita lihat bahawa kejadian-kejadian berkait dengan bencana alam ini semakin menjadi-jadi mungkin kerana 'global warming' (pemanasan sedunia).

Seperkara lagi saya ingin bertanya ialah mengenai litar lumba di Sungai Petani. Kita sudah mendengar pengumuman mengenai satu 'circuit' yang nak dibina oleh pihak swasta di Bukit Malut di Langkawi tetapi yang diusahakan oleh kerajaan sebelum ini dengan peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kerajaan Persekutuan ialah satu litar lumba yang telah diluluskan saya ingat 3 penggal yang lepas, dari zaman YAB. Pekan lagi. Jadi, itu satu janji yang dibuat oleh kerajaan, sudah beberapa kali kita berpilihanraya, anak-anak muda masih menuntut supaya janji ini ditunaikan dan zaman Pakatan Harapan dulu kita dah mulakan usaha itu. Jadi, saya harap kerajaan negeri tidaklah terus membatalkan projek ini.

Saya juga ingin bertanya sekali lagi, apa perkembangan terbaru mengenai pengambilan tanah KXP? Jadi, bila saya tanya soalan ini pada bulan 9 yang lepas katanya bulan 11 ini akan ada satu perkembangan ataupun satu pengumuman besar yang nak dibuat dengan kemasukan mungkin RM2 billion daripada pihak yang ingin bekerjasama dengan KXP. Jadi, saya ingin bertanya, sudahkah wang itu dimasukkan dalam kantung kerajaan negeri. Sebentar tadi kita mendengar ucapan daripada YB. Anak Bukit, YB. Anak Bukit juga ada sedikit sentuh mengenai CPTPP. Saya telah menghadiri satu taklimat oleh Thirt Wold Network (TWN) yang mendedahkan pelbagai masalah berkait dengan CPTPP ini yang juga akan memberi kesan kepada kerajaan negeri. Zaman saya dulu perkara ini ada dibincangkan tetapi kita ketika itu belum lagi faham apa agaknya impak kepada kerajaan negeri dan negeri kita sendiri. Antara lain ialah berkenaan dengan perolehan syarikat-syarikat berkait dengan kerajaan ataupun GLC dan juga pendedahan kerajaan negeri kepada saman oleh syarikat-syarikat asing sekiranya ada dasar-dasar baru yang nak kita buat yang akan ditafsir sebagai usaha untuk menyekat keupayaan mereka untuk berniaga dan ini telah berlaku di banyak negara yang telah menandatangani perjanjian ini.

Ketika itu kita dimaklumkan tak kurang daripada 9 undang-undang negeri kita perlu dipinda untuk menyesuaikan keadaan kita di sini pada perjanjian CPTPP ini. Di peringkat nasional kalau tak silap saya lebih 20 undang-undang yang perlu dipinda. Jadi saya ingin bertanya, adakah kerajaan negeri bersedia untuk menghadapi cabaran ini?

Berkenaan dengan Jitra, kawasan saya sendiri ada permintaan supaya kawasan-kawasan ataupun ruang perniagaan khususnya untuk anak-anak muda disediakan kerana selepas kita masuk fasa keempat ini sudah banyak kelonggaran untuk mereka berniaga tetapi ruang perniagaan itu agak terhad. Jadi, saya mohon bagi pihak mereka di kawasan Jitra ini kalau boleh kerajaan negeri mengarahkan pihak Majlis untuk menyediakan ruang-ruang yang sesuai untuk tujuan tersebut. Selain itu, ada juga rungutan mengenai penyelenggaraan mini tar lebih-lebih lagi setelah kawasan di sebelah utara ini menghadapi banjir ataupun bah. Baru-baru ini pun air besar jadi banyak daripada jalan-jalan kita termasuk mini tar ini rosak. Harapannya ialah kerajaan negeri akan memberi peruntukan yang secukupnya untuk selenggara jalan-jalan tersebut.

Banyak juga kawasan-kawasan yang masih lagi menghadapi masalah perkhidmatan internet. Jadi, bila kita minta supaya anak-anak kita buat PdPR walaupun saya faham sekolah akan dibuka tak lama lagi tapi mereka masih lagi menggunakan tablet untuk tujuan ekses kepada kerja-kerja rumah dan sebagainya. Jadi, saya harap kerajaan negeri boleh berurusan dengan sesiapa juga lah baik SKMM ataupun syarikat-syarikat telco yang lain untuk pastikan bahawa perkhidmatan jalur lebar pada tahap yang terbaik khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Akhir sekali YB. Dato' Speaker, saya mendengar ucapan daripada YB. Sungai Limau tadi dan saya ingin menyatakan di sini bahawa kita memang faham dan kita juga antara orang yang beriman, saya suka juga mengingatkan kita semua termasuk diri saya sendiri. Dalam Al-Qu'ranul *Karim* sendiri dalam Surah Al-Bagarah ayat 188; Allah Subhanahu Wata'ala berfirman mafhumnya, *"Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu iaitu memberi rasuah kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya".*

Jadi, takrifnya kalau ikut kitab Al-Ma 'Uswah, Al-Fiqhiyah, Al-Khalwatiyah, 22 sekarang 220, rasuah itu ditakrif sebagai, "sebarang pemberian bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan". Selain daripada itu, daripada junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w, sebuah hadis daripada Tauban

RadiAllahu 'Anhu yang bermaksud, "*Rasulullah s.a.w melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantara yang bersifat penghubung antara kedua-duanya*". Saya juga meneladani apa yang telah disampaikan oleh YB. Sungai Limau dengan mengingatkan kita semua ajaran agama kita sendiri iaitu selain daripada apa yang telah YB. Sungai Limau bangkitkan salah satu perkara yang sangat-sangat dilaknati oleh Allah ialah amalan rasuah, salah guna kuasa, kleptokrasi dan sebagainya, Jadi saya rasa bahawa segala benda yang nak kita buat yang telah dibentangkan oleh YAB. Jeneri ini susah untuk kita jayakan sekiranya kita tidak serius memerangi amalan-amalan salah laku dan salah guna kuasa yang boleh menjejas segala juga aspirasi dan cita-cita kita bersama. Jadi, saya mohon sekiranya kita ini antara yang beriman dan kita percaya bahawa amalan rasuah ini satu perkara yang wajib ditolak oleh semua, saya ingin menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat baik daripada pembangkang mahupun pihak kerajaan malah juga tak kurang pentingnya ketua-ketua jabatan yang hadir dalam Dewan ini untuk bangun sebagai tanda sokongan kita kepada segala usaha untuk memerangi rasuah. Sila bangun, saya mohon!

YB. DATO' SPEAKER

Speaker kena bangun tak?

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Speaker saya anggap memang dah tolak rasuah dah, tak pa! (sambil ketawa) Terima kasih banyak-banyak!

YB. Dato' Speaker, saya ingin mengakhiri….dah habis pun masa. Saya doakanlah agar Negeri Kedah Darul Aman kita ini sentiasa makmur dan sejahtera. Saya tahu ini bukan satu perkara mudah kerana saya pernah duduk di kerusi itu dan saya tahu apa yang dihadapi oleh YAB. Jeneri. Yakinlah bahawa pihak kami pun sedia membantu sekiranya diberi peluang untuk memastikan negeri kita ini aman lagi makmur. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam. Terima kasih YB. Jitra kerana mematuhi masa. Walaupun masa 20 minit YB. Jitra guna, tapi YB. Jitra dapat mengeluarkan 12 point. Ahli-Ahli Yang Berharmat, saya catit tau…kalau orang bercakap ni Speaker bukan ada kena mengena, ini saya catit 12 point. Kita mahu guna masa yang efisien. Silakan YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, para pentadbir kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan yang sangat komited selaku agen pelaksana dasar, wakil media, para pemerhati seterusnya Sidang Dewan yang saya sayangi sekalian.

Alhamdulillah, sekali lagi Bandar Baharu diberi kesempatan untuk membahaskan bagi menyatakan sokongan berkenaan dengan Bajet Negeri Kedah 2022 yang telah dibentangkan memperlihatkan keterangkuman selaras dengan persekitaran kita sekarang ini iaitu norma baru dan menghadapi cabaran ekonomi yang baru dengan landskap yang baru serta yang tidak menentu pada masa hadapan. Sekali lagi saya ingin mengucapkan sekalung ucapan tahniah di atas pembentangan daripada YAB. Dato' Seri Menteri Besar bersama dengan pasukan pentadbiran kerajaan khususnya YB. Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato' Pegawai Kewangan dan semua pegawai-pegawai kerajaan yang telah membentuk satu bajet yang hebat. Selalu biasanya kita tau bajet ini hasil, bukan hasil, cukai, pelaburan, unjuran pendapatan, perolehan, perbelanjaan mengurus, bekalan dan sebagainya. Tetapi dalam era pandemik ini kita kena bangunkan atau kita kena bentukkan satu bajet yang agak luar biasa yang mana kita tau pembukaan ekonomi pada skala besar dengan kebebasan, dah boleh rentas negeri, boleh beroperasi kilang-kilang, di mana kita Kedah ni banyak ketinggalan dan terjejas akibat ekonomi di dalam pandemik Covid-19. Tetapi pelaburan kita Alhamdulillah, tahniah saya ucapkan kepada jentera pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah dan hari ni pun YB. Dato' Wira Guar Chempedak ada sampaikan 'face mask' daripada salah satu pengilang Melayu Kedah di Sungai Petani. Terima kasih Idea Have Care Sdn. Bhd. tahniah!

Kita tau asas kita di dalam Negeri Kedah iaitu pertanian, pelancongan dan pelaburan iaitu 3 sektor utama yang mana kita perlu juga satu lonjakan daripada sektor-sektor yang besar ni. Bandar Baharu ingin membawa kita semua YB. Dato' Speaker berkenaan dengan Gig Ekonomi. Gig Ekonomi di apadia? Iaitu satu sumber pertumbuhan ekonomi yang baru yang mana perubahan landskap dalam ekonomi satu dunia mempengaruhi, nak susun balik semula kegiatan ekonomi dan juga pekerjaan. Di Malaysia ketika ini ada 4 juta yang menyertai ekonomi gig ini, semasa dan selepas pandemik. Kalau sebelum pandemik setengah juta saja tetapi setelah pandemik gig ekonomi ini berkembang dengan hebatnya dan menjadi trend yang mana meningkat daripada golongan orang muda terutamanya duk online-online perniagaan ni, selepas tu suri rumah, pesara pun boleh buat perniagaan, ibu tunggal, golongan kurang upaya, yang mana banyak yang juga buat dua kerja.

Selain daripada buat kerja 'work from home' mereka juga menyertai gig ekonomi ini yang mana hasil pendapatan isi rumah bertambah dengan gig ekonomi ini. Yang ini saya nampak suatu sektor yang penting yang berkembang juga dalam Negeri Kedah. Saya minta dan saya mohon supaya gig ekonomi ini diberi kelonggaran dan tidak sepatutnya berdepan dengan regulasi yang ketat, regulasi kerajaan, polisi kerajaan yang ketat. Contoh saya bagi di mana kadang-kadang kita nampak gig ekonomi ini iaitu peniaga-peniaga kecil ini, peniaga-peniaga mikro, duduk di dataran, duduk di tepi jalan. Contoh saya bagi di Serdang, Makcik Salbiah di Dataran Serdang, Kak Umi duk jual cucoq jagung di Parit Nibong dan buat COD, di mana kita bagi keterbukaan dan kelonggaran kepada mereka supaya mereka boleh melangsungkan, memudahkan mereka dalam menjalankan kegiatan ekonomi ataupun perniagaan mikro mereka ini. Kita berharap juga polisi-polisi seperti pinjaman mudah dipermudahkan. Habaq kata pinjaman mudah tapi tak mudah pun, susah nak dapat! 'Submit' saja (dengan izin) YB. Dato' Speaker, tapi susah nak lulus.

Jadi, pinjaman mudah, sokonglah kegiatan gig ekonomi ini, peniaga-peniaga mikro ini dengan memudahkan segala caranya. Regulasinya mudah, pinjamannya mudah, kemudahan-kemudahan yang diminta contoh hari tu dapat khemah, dimudahkan. Saya nampak kalau struktur 'listtick' bagi gig ekonomi ini kita juga sambut dan sediakan mereka dengan keperluan perlindungan sosial, PERKESO banyak buat dah, SPS, KWSP, insurans sosial dan mungkin kerajaan negeri boleh mewujudkan Tabung Kebajikan gig ekonomi ini. Dan juga saya mohonlah, tadi pun YB. Anak Bukit ada sentuh berkenaan dengan moratorium, takkan sebulan saja. Jadi, permudahkan gerai-gerai Majlis ni bagi moratorium yang lebih, bagi diskaun-diskaun yang lebih kepada peniaga-peniaga mikro ini. Kita juga melihat agensi seperti UPUK ataupun Kedah Digital Centre dapat diperkasakan dengan memberi peruntukan kepada 2 agensi ini untuk membantu penggiat ekonomi gig di Negeri Kedah.

Saya juga melihat berkenaan dengan jajaran projek ekonomi berimpak tinggi. Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada YAB. Jeneri sebab beliau tak mengamalkan konsep 'scrape off' (dengan izin) dalam pelaksanaan dasar dan juga semua projek-projek ikonik dan juga projek impak tinggi.

Jadi, saya nampak kelangsungan, continuity (dengan izin) YB. Dato' Speaker, Pelan Pembangunan Kedah 2035 ini diteruskan walaupun siapa saja juga menjadi Menteri Besar, siapa juga menjadi pentadbir tetapi Pelan Pembangunan Kedah ini dapat dilaksanakan dan dijayakan. Saya memuji lah YAB. Dato' Seri Jeneri kerana tidak mengamalkan konsep 'scrape off' ini, InsyaAllah. Kita tau banyak projek-projek ikonik yang telah dibentangkan dalam bajet kelmarin dan antaranya salah satu disebut KXP. Tadi pun YB. Jitra ada tanya apadia progress tanah dan sebagainya tapi saya tak nak

melihat kepada KXP, saya rasa kita kena setkan 'minds' kita sebagai orang Kedah ni untuk memperjuangkan lebih besar daripada KXP itu iaitu Kedah Aerotropolis di mana KXP ini adalah satu komponen yang kecil sahaja, dekat dalam perancangan yang besar Kedah Aerotropolis ini. Kedah Aerotropolis ini pembangunannya lebih besar, lebih holistik, lebih bersepadu untuk wilayah utara tetapi Kedah adalah utamanya, Kedah adalah orang kata pelaksana dan juga tempat untuk menjayakannya. Sebab kita ni strategik, Kedah, kita negeri yang strategik, pintu masuk IMTGT dan kita mempunyai potensi dari segi lokasi yang kita cadangkan itu sebagai satu hub yang besar untuk ASEAN. Saya ingin membawa satu fokus yang besar untuk Kedah Aerotropolis ini iaitu sebagai hub logistik dan kargo antarabangsa. Bukan semata-mata kita nak buat landasan kapal terbang saja kan, nak bawa orang ke sini ke sana tetapi sebagai hub logistik dan kargo antarabangsa di mana lebih 40% hasil kita daripada industri-industri dalam Negeri Kedah dan juga utara ini kita tak dapat pendapatan tu. Tanyalah kepada Kastam Kedah pun tak boleh nak bagi data yang mana berapa pendapatan, berapa 'income' negeri kita yang didaftarkan daripada keluaran kargo-kargo industri kita yang mana banyak menggunakan Pulau Pinang contohnya banyak menggunakan fasiliti-fasiliti keluar yang mana terus ke KLIA, terus ke Singapore, terus ke Thailand yang mana kita kehilangan pendapatan.

Jadi, kita fokuskan yang utama masalah pendapatan yang kita hilang ini diselesaikan dalam Kedah Aerotropolis dengan mewujudkan hub lojistik dan kargo antarabangsa sebagai hub 'maintenance', 'repair' dan 'overhaul' MRO (dengan izin) YB. Dato' Speaker, juga hub haji dan umrah dan di mana komponen yang kedua pentingnya selain daripada KXP dalam Kedah Aerotropolis itu adalah SLAM, yang mana projek Sidam Logistik, Aerospace dan manufacturing hub (dengan izin) YB. Dato' Speaker, merupakan satu projek yang sangat-sangat strategik yang progressnya dibawa oleh NCIA ini memang dah nampak, dah lulus pun, bajetnya pun dah ada yang mana akan menyumbang pelaburan swasta sebanyak RM18.1 billion yang menyediakan seramai 24,951 peluang pekerjaan yang mana keberkaitannya dia dengan kargo hub ini iaitu SLAM ini akan beri tumpuan kepada sektor pembuatan bernilai tinggi, logistik dan juga aero angkasa. Ini merupakan satu pelengkap bersama untuk menjayakan Kedah Aerotropolis ini.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya juga melihat kepada ekonomi harian rakyat yang terjejas yang mana kita tau banyak tempat yang terjejas dengan banjir, dengan bencana alam, tanah runtuh, ribut, air pasang, kepala air dan sebagainya banyak tempat, kita dikejutkan dengan banyak fenomena dan tak terlepas juga daripada Bandar Baharu ni yang memang kita tau dekat dengan sungai yang mana banyak ekonomi-ekonomi kecil ini, gig ekonomi, mikro ekonomi, terjejas daripada bencana-bencana ini. Jadi….(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bandar Baharu, sekejap ya. Encik Zaidi, mana Pembantu Dewan, tak dak ka? Haa…ada, tak nampak! Sambung semula YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, yang mana saya nak bagitau berkenaan dengan banjir ni. Banjir di mana kita dah ada 'hot spot-hot spot' dia dah, kita tau kat mana hujan sejam lebih, dua jam lebih kita tau dah 'hot spot' di mana banjir. Contoh saya bagi di Bandar Baharu tu di rumah Mak Ndak di Kampung Batu 16, rumah Mat Aris Azizi di Kampung Padang ni sedia-sedia saja banjir kalau hujan lebih dari sejam. Jadi, takkanlah setiap kali hujan kita nak pi bawa beras, setiap kali hujan kita nak pi bawa beras. Kita nak mohon bahawa ada satu kajian RTB ka, kajian saliran yang merangkumi keseluruhan masalah ini untuk menyelesaikan supaya tidak terjejas ekonomi harian rakyat kita. Sebab kalau hujan depa tak boleh pi kerja, kalau hujan rosak perabot, kalau hujan rosak rumah. Jadi, banyak rangkaian ekonomi yang terjejas disebabkan bencana-bencana ini. Jadi, saya mohon untuk JPS melihat perancangan ini.

Dan, kalau dah habaq Bandar Baharu YB. Dato' Speaker, dalam pelan pembangunan negeri itu Bandar Baharu tu duk bawah sekali nampak apa? Nampak apa? Nampak durian…betul tak? Jadi, durian Kulim dan juga Bandar Baharu ini memang dah sinonim dah memang kalau nampak orang Bandar Baharu ni kira nampak macam buah durian lah muka, kan? Untuk durian ini kita duk habaq pelancongan, pelancongan ni duk tuummmpulah dekat Langkawi, tumpu sampai gelembung-gelembung tu sampai gelembung dah Langkawi sarat dah, hantaq dekat Langkawi tu sarat dah fasiliti dia duk buat gelembung-gelembung di sana. Tapi takpa lah YB. Dato' Speaker ada kat sana.

YB. DATO' SPEAKER

Haa…Ingatkan cemburu…

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Daaakkk!! Ni hat sihat. Jadi, kita nak juga Langkawi pun ada pelancongan yang hebat tetapi bawa mailah contoh ke Bandar Baharu ni. Kita di dekat Bandar Baharu ada 6 syarikat utama, ni pelabur ni, kita duk habaq pelabur Kulim Hi-Tech Park, kita duk habaq pelabur semikonduktor lah, ENA lah berjuta-juta, berbilion-bilion tapi kita

tak nampak pelabur dalam pertanian ni. Dalam seluruh Negeri Kedah ada 32 pelabur setakat ini untuk pertanian yang mana 6 yang besar tu di Bandar Baharu, haaa…untuk durian. Untuk durian, 6 syarikat ini ia menyumbang RM7. 9 juta untuk durian saja, itu baru kira nampak kasar saja, belum lagi hat yang lain-lain tu. Tapi kerajaan bagi bantuan kepada seluruh Bandar Baharu ada 12 lokasi untuk durian hat besaq ni penyumbang kepada Malaysia rasanya yang terbesar pengeluar durian terbesar di Malaysia ini merangkumi 490 hektar tanah dekat Bandar Baharu tu untuk duri hitam, musang king, macam-macam lah durian. Jadi, apakah kerajaan punya perancangan? Saya tak nampak dalam pelan pembangunan itu disediakan satu pelan pembangunan yang lengkap berkenaan dengan industri durian Kedah khususnya di Bandar Baharu sebab kalau orang tanya, nak mai beli durian pun keluar-keluar tol, tang mana nak cari buah durian tempat jual, tak dak satu 'one stop centre' pun (dengan izin) YB. Dato' Speaker yang jual durian. Kalau YB. Dato' Speaker selalu pi Medan, hari tu YB. Dato' Speaker cerita, durian ada bila-bila musim kat satu tempat tu kan, ada saja tapi Bandar Baharu ni habaq saja Daerah Durian tapi kat mana? Nak kena pi kat dusun tu, qagaih punya lah tinggi naik bukit-bukit tu. Jadi, belum ada fasiliti-fasiliti yang lengkap dan tak dak fokus ekonomi yang nampak untuk menjana 'focus group' durian ini dalam Daerah Bandar Baharu.

Saya berterima kasih Pejabat Daerah mewujudkan Jawatankuasa Pertanian Daerah yang mana kami selalu bincang tetapi kalau kami bincang tidak disambut oleh kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan untuk dijayakan tak ke mana lah dan kita berharap juga supaya banyak pelabur-pelabur pertanian akan datang lagi di dalam Negeri Kedah dan juga khususnya Bandar Baharu.

Saya juga melihat kekuatan kita dalam Negeri Kedah ini iaitu makmal teknikal yang kita ada di Kulim Hi-Tech Park iaitu KBioCorp yang mana makmal teknikal ni ia boleh bantu kita untuk tingkatkan hasil pertanian. Sokongan teknikal ni saya harap semua agensi-agensi kerajaan ni guna lah 'especially' tadi banyak membangkitkan berkenaan dengan padi. Kita tau dak, kita ada buat dak 'soil profiling, soil test' untuk tanaman-tanaman kita dalam Negeri Kedah ni.

Sebab kalau kita tak dak data untuk tanah tu YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, macam mana kita nak tau berapa baja, baja apa, berapa air, air yang macam mana, berasid, beralkali, macam mana kita nak janakan yale (dengan izin) untuk tanaman-tanaman kita ini. Jadi, kena ada data-data itu semua dan gunakan makmal teknikal milik penuh kerajaan ini untuk bantu kita dan jadi makmal sokongan kepada ramai lagi pelabur-pelabur dalam pertanian dalam Negeri Kedah. Saya juga berharap Pelan Pembangunan 2035 ini akan mewujudkan lebih banyak penggunaan IOT dalam pertanian. Saya tau dalam bajet ada dimasukkan tetapi tak

nampak lagi IOT untuk durian. Haa..tak nampak lagi IOT dan saya bertanya Jabatan Pertanian belum ada lagi IOT untuk tanaman durian ini. Kita tau ada IOT dalam tanaman melon, saya ada di Selama tanaman melon, guna CCTV nak pantau semua, itu belum cukup lagi. Kita berharap kerajaan melihatlah berkenaan dengan perkara ini.

Saya juga berharap Perumahan Rakyat ni YB. Dato' Speaker, sebab kalau kita kurang rumah, jadi banyak generasi-generasi kita pindah untuk mendapatkan perumahan. Saya berharap Bandar Baharu ini adalah keperluan yang sangat mendesak sekarang ini, keperluan asas sekarang ini perumahan rakyat. Sebab kalau ada rumah, ada tanah pun di Bandar Baharu sekarang ini memang tak cukup dah. Memang kita bincang setiap kali mesyuarat focus group orang nak rumah, orang nak baik pulih rumah, orang nak rumah orang nak baik pulih rumah. Jadi, kita minta komitmen kerajaan untuk membuat satu perancangan perumahan rakyat yang lebih bersepadu, apakah keperluan setiap daerah itu terutamanya mailah buat dulu kat Bandar Baharu ni memang tak cukup rumah, ada tanah tapi tak cukup rumah, tak dak rumah. Memang kita dah mohon bertahun-tahun dah untuk perumahan rakyat. Kalau perlu kerajaan wujudkan Lembaga Perumahan untuk buat secara komersial satu 'mapping' perancangan bersepadu perumahan rakyat ini buatlah Lembaga Perumahan pun. Kalau tak cukup Bahagian Perumahan buat Lembaga Perumahan yang satu entiti yang lebih besar melihat kepada keperluan perumahan rakyat ini.

Akhir sekali YB. Dato' Speaker, berkenaan dengan pendigitalan perkhidmatan dan juga kecekapan tadbir urus. Saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada jentera pentadbiran terutamanya YB. Dato' Pegawai Kewangan yang telah meletakkan bajet ICT saya ingat paling banyak untuk tahun ini. Sebab dah terkesan semasa pandemik semua pakat nak guna online, semua pakat nak guna ICT, semua pakat nak guna internet sebab google meet Mesyuarat Tindakan Daerah, google meet Mesyuarat Fokus Group google meet, Mesyuarat Covid *google meet,* sampai kadang-kadang DO cakap pun putus-putus. Kami kat rumah line kuat, tapi dekat Pejabat Daerah line tak kuat, tak dengar, tak tau cakap apa. Nak habaq kata Covid tu ada 40 orang kena positif, duk dengar macam 14 orang.

Terima kasih kepada kerajaan kerana meletakkan RM9.6 juta untuk pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatan dan kecekapan tadbir urus pada kali ini. Saya cukup seronok bila ada pembangunan sistem hasil bersepadu pun dah RM3.5 juta, yang naik taraf KedahNett ni saya mohonlah supaya Pejabat Daerah, Majlis Daerah diberi line internet yang 'dedicated broadband' terus kepada Pejabat Daerah ni. Kesian kepada Pejabat Daerah nak buat mesyuarat online YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan dan saya berharap pendekatan kita yang proaktif dalam bajet ini, saya yakin kita punya gemblengan tenaga antara ahli politik, pimpinan pentadbiran kerajaan negeri dan juga semua disambut baik oleh orang ramai, masyarakat di luar itu akan menjayakan bajet kita pada kali ini. Jadi, saya memuji lah bahawa ekonomi digital yang diberikan keutamaan dalam bajet ini dah nampak, dapat membantu Kedah untuk menghasilkan hasil baru kepada kerajaan negeri.

Seterusnya bajet ini juga….(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Saya ingat nak 'landing' dah!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

'Landing' dah! 'Landing' dah! Bajet ini juga nampak mengarah meningkatkan peluang taraf hidup kita sendiri, pendapatan, ruang, berekonomi, usaha niaga dalam kalangan rakyat tempatan dan lebih praktikal kerana memasyarakatkan ekonomi dalam ruang lingkup 'prison' yang secara norma baru dalam pandemik dan andemik yang baru agar Kedah dapat berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan negeri yang lain.

YB. Dato' Speaker serta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, saya tutup perbahasan saya dengan pantuan 'Cindia' yang berbunyi,

Tertinta tamadun bernama Kedah,
Bandar Baharunya di hujung negeri,
Memakmur ekonomi menjadi wadah,
Barulah sejahtera nikmat dirasai.

Bandar Baharu pohon menyokong. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Bandar Baharu, saya dapat petik 9 point. Lepas ni…YB. Derga. Silakan!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Dato' Speaker. YAB. Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, hadirin dan hadirat sekalian. Terima kasih YB. Dato' Speaker di atas kesempatan yang diberikan kepada saya mewakili Derga untuk turut membahaskan Bajet 2022 yang dicadangkan oleh YAB. Dato' Seri Jeneri.

Pergi belajar si pemuda yang gagal,
Balik tanahair nak sumbang tenaga,
Belanjawan Kedah dibentang meriah,
Namun sayang masih takdak kerja.

YB. DATO' SPEAKER

Hebat! Hebat!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih. Saya ingin merujuk kepada ucapan Bajet 2021 yang dibentangkan oleh YAB. Jeneri pada tahun lepas di Dewan yang mulia ini di para 18 muka surat 16 di mana YAB. memaklumkan bahawa ancaman pandemik Covid-19 diramal akan berlanjutan sehingga tahun 2021. Itu ramalan yang dibuat pada tahun 2021. Tetapi dalam Bajet 2022 para 11 muka surat 3, YAB. Jeneri mengatakan sebaliknya iaitu kerajaan negeri tidak menjangkakan pendemik Covid-19 akan berlarutan sehingga tahun 2021. Ini satu kenyataan yang tidak konsisten dan Bajet 2021 memang tidak menyediakan peruntukan khusus untuk sebarang bentuk bantuan Covid-19 kecuali menggunakan bajet luar jangkaan dan apa yang dimaksudkan kenyataan yang bertentangan ini yang saya nak tanyakan. Adakah kerajaan negeri sedar atas kelemahan mereka dan ketidakcekapan mereka dalam pengurusan pandemik Covid-19 ini? Mungkin seperti apa yang disebutkan oleh YB. Jitra tadi memang susah berada di tempat itu (merujuk tempat YAB. Menteri besar) tetapi saya rasa kita perlu nyatakan dalam Sidang Dewan yang mulia ini semua ADUN Pembangkang pun pernah menegur dan memberi cadangan supaya kita tengok dengan serius perkara tersebut.

Ini mungkin satu sifat dalih demi melepaskan kekangan kerajaan kita untuk menjalankan amanah dan tugas mereka untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat yang hidup semakin susah dan mencabar. Begitu juga untuk hari ini YB. Dato' Speaker, seperti pantun pada mukadimah tadi, pada pertimbangan saya belanjawan ini memang dibentangkan dengan jelas, yang tersusun dengan meriah, dengan

angka yang gagah supaya nampak gah di mata semua tetapi memang tidak sentuh juga kesakitan rakyat yang khususnya perlu diubati segera. Kita tahu kita akan terus berada dalam keadaan PPN 4 ini dan kita akan hidup bersama covid dan sekiranya kita meninjau apa yang berlaku di luar negara mungkin covid ini akan datang bila-bila masa. Jadi, apakah tindakan, apakah peruntukan yang kita sediakan dan saya berharap kontena jenazah tak cukup ini tidak berulang lagi pada masa akan datang. Yang ini kita doakan bersama-sama YB. Dato' Speaker.

Sekali lagi kita nampak YAB. Jeneri mengulangi lagi laporan pelaburan dan projek-projek yang berimpak tinggi, itu memang nyata diusahakan bukan pada masa sekarang tetapi dari dulu saya ingat semasa YB. Jitra menjadi Menteri Besar pun kita telah sebutkan tentang pelaburan ini tetapi itu untuk jangka panjang dan kita lihat beribu-ribu peluang pekerjaan disediakan 15,000, 4,000. Tapi itu bila, adakah sekarang? Tak boleh. YB. Dato' Speaker, jika menurut jawapan yang diberikan kepada saya bulan September yang lalu iaitu soalan 58 muka surat 112, "bilangan rakyat yang hilang pekerjaan melibatkan premis di bawah PBT adalah seramai 16,769 orang". Yang ini hanya untuk PBT. Bagaimana sektor-sektor yang lain? Menurut Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah, bilangan penganggur di Negeri Kedah pada tahun 2020 ialah 39.9 ribu iaitu 5.6% daripada keseluruhan penganggur di Malaysia dan bilangan ini meningkat 51.7% berbanding 26.3 ribu orang penganggur yang direkodkan pada tahun 2019. Pada suku kedua tahun 2021 sahaja bilangan penganggur di Negeri Kedah adalah seramai 38.8 ribu orang, meningkat 10.2% berbanding dengan suku sebelumnya. Jadi, kita nampak pengangguran semakin meningkat. Apakah usaha kerajaan dalam bajet ini untuk memastikan mereka diberi 'kail' seperti yang dicadangkan oleh YAB. Jeneri dan bukan 'ikannya'. Rakyat akan mati kelaparan sekiranya menunggu projek mega siap. Apakah perancangan serta merta kerajaan untuk menyelesaikan isu pekerjaan dan sara hidup harian mereka? Kita difahamkan mengikut apa yang disebutkan oleh YAB. Menteri Besar bahawa kerajaan melalui Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan "zon bebas" ataupun tapak perniagaan yang sesuai tetapi berapakah bilangannya dan di manakah tempat tersebut untuk beroperasi. YB. Tokai, adakah yang ini masih lagi sesuai untuk dijalankan mengikut SOP yang ditetapkan oleh KKM dalam tempoh PPN ataupun selepas ini di mana kita perlu hidup bersama dengan covid. Sekiranya kita hanya biarkan penjaja berniaga di tepi jalan, ini mungkin boleh membawa masalah-masalah yang berlainan. Masalah kesihatan, kebersihan, gangguan kesesakan jalan raya dan sebagainya.

Adakah cadangan PBT supaya menyediakan tempat yang lebih luas contohnya seperti pasar malam, pasar pagi, pasar siang dan sebagainya mungkin beroperasi di tempat yang sempit dan kecil tak cukup sekiranya kita nak menghadapi ataupun hidup dalam norma baru. Jadi, apakah tindakan PBT dalam keadaan ini dan adakah bajet digunakan untuk pembangunan di kawasan-kawasan tersebut?

Baru-baru ini bila berlaku banjir di kawasan Derga, saya nampak penjaja di Pasar Penjaja menjaja di atas banjir, tapak yang banjir di tepi jalan manakala Pasar Cowboy atau Pasar Penjaja ada tempat parkir yang luas tapi petang takdak orang guna. Bolehkah kita sarankan kepada pihak MBAS supaya mereka gunakan tapak ini, tempat letak kereta yang tak digunakan pada sebelah petang dijadikan tempat menjaja sementara untuk waktu waktu petang. Contoh-contoh ini mungkin kita boleh pertimbangkan supaya memberi lebih ruang yang besar untuk peniaga-peniaga berniaga dengan segera. Di samping itu, saya berharap MBAS dan JKR dapat melihat dan mengkaji masalah penjaja dan lalu lintas di Jalan Datuk Kumbar di depan Taman Intan dan Taman Nakishah di mana kawasan itu menjadi tumpuan orang ramai dan memang ramai penjaja tetapi masalahnya ialah keselamatan pengguna jalan raya dan juga penjaja di situ.

YB. Dato' Speaker, menambah peluang pekerjaan ini tak semestinya kita tunggu untuk pelabur kilang masuk. Kita nampak kita memang ada banyak peluang di sini dan bagaimana kita nak tambahkan nilai dan salah satu yang disarankan oleh YB. Jitra, kita ada industri pertanian, ada industri makanan berasaskan pertanian, industri pelancongan agro yang ada di Kedah yang memang tadi pun disebut oleh YB. Gurun, ini peluang-peluang yang ada. Bagaimana kita nak pastikan anak-anak kita diberi peluang untuk usahakan bidang ini. Mungkin peruntukan ini perlu ditambah bukan sedikit seperti yang diperuntukkan terutama untuk memastikan rakyat terutamanya yang hilang pekerjaan, gagal universiti ataupun pemilik tanah untuk menceburi dalam bidang pertanian sebab pertanian ini merupakan satu perniagaan juga, dari dulu sampai sekarang semua orang sokong. Jadi apakah strategi Kedah supaya kita menggalakkan mereka menceburi dalam bidang pertanian ini? Ada tanah yang terbiar kosong, telah menjadi hutan. Jadi, apakah tindakan kerajaan terhadap tanah-tanah seperti ini? Bolehkah kerajaan bersama-sama dengan pemilik untuk menggalakkan orang supaya mengusahakan tanah-tanah yang terbiar tersebut? Kita nampak seperti tadi disebutkan oleh YB. Anak Bukit, ada peneroka tetapi tidak ada tanah, ada yang nak usahakan tetapi tak diberikan peluang.

Saya rasa kerajaan mungkin boleh sediakan satu dasar yang lebih mesra kepada semua rakyat untuk usahakan semua tanah-tanah yang terbiar supaya mereka mempunyai peluang pekerjaan dan untuk mendapatkan sara hidup seperti yang

dikatakan beri 'kail' bukan 'ikan' kepada mereka. Yang takdak modal bolehlah berikan modal yang takdak tanah aturkan untuk pajak tanah ka, sewa tanah ka dan sebagainya kepada mereka sebab pertanian ni boleh memberikan 'cash flow' yang cepat untuk dapatkan sara hidup.

Berbalik kepada teks ucapan YAB. Jeneri di para 17 sama juga. Saya sokong apa yang dicadangkan oleh YB. ADUN Anak Bukit, pandemik kita lalui berbulan-bulan tetapi tawaran atau pengecualian bayaran emolumen hanyalah untuk satu bulan, saya rasa itu memang tak cukup dan tak patut. Saya nak syorkan supaya memandangkan kedudukan kewangan kerajaan negeri sekarang ini lebih mantap bersama-sama dengan PBT adalah sesuai untuk menggalakkan dan membantu para peniaga yang memulakan pekerjaan mereka maka rebat cukai contoh lesen-lesen boleh dibuat selama 6 bulan atau satu tahun untuk tahun 2022 supaya membantu mereka dari segi aliran tunai. Ini adalah salah satu cadangan untuk bantu mereka.

YB. Dato' Speaker, di para 31 dan 32 dinyatakan Kerajaan Persekutuan telah memulakan pelaksanaan hapus kira pinjaman bekalan air sejumlah RM701.49 juta kemudian hapus kira kita kena bagi RM1.33 million. Tetapi saya nampak angka ni kurang, ada perbezaannya di mana dari RM1.786 billion kepada RM1.133 billion ialah RM0.653 billion perbezaannya. Jadi, saya minta penjelasan di atas perkara itu kenapa ada pebezaan di atas angka tersebut. Sama juga di sini kita nampak dari segi pendidikan Islam di para 102 dan di para 105. Selaras dengan usaha memartabatkan pendidikan Islam, kerajaan menyediakan RM5.3 juta bagi membiayai kos operasi 141 buah tadika Islam yang melibatkan 1,664 orang murid dan 124 orang guru. Kita mempunyai 141 buah tadika tapi hanya ada 124 orang guru. Adakah seorang guru jaga 2 tadika? Jika kita bahagikan satu tadika hanya ada 11 orang murid.

Saya ingin minta penjelasan juga berbanding dengan 105 di mana RM1 juta diperuntukkan untuk 2 buah sekolah agama rakyat. Jadi, minta penjelasan YAB. Jeneri terhadap angka-angka tersebut kenapa berlaku perbezaan ataupun salah kira dan sebagainya. Di sini juga saya berharap YAB. boleh menerangkan kerana pendidikan adalah satu isu yang diutamakan oleh semua rakyat dan patut peruntukan untuk sekolah Menengah Cina Persendirian dan sekolah rendah boleh juga diperuntukkan di dalam bajet ini dan ditambahkan untuk sekolah-sekolah tersebut.

Seperkara lagi dalam tempoh PPN dan semasa banjir kilat ini, kita nampak Bomba Sukarela banyak turun untuk membantu rakyat daripada segi sanitasi, pembersihan dan membantu rakyat. Jadi, saya juga syorkan supaya Bomba Sukarela sebagai satu NGO mendapat perhatian daripada YAB. dan kerajaan kita supaya diberi juga

sumbangan atau peruntukan untuk mereka menampung sebab mereka memang tiada peruntukan dari mana-mana pun. Mereka bekerja secara sukarela dan mereka terpaksa menampung dan mengharapkan derma daripada pihak swasta untuk menampung kos kenderaan mereka. Kerajaan patut memberi bantuan kerana mereka memang membantu bomba kita untuk menjaga rakyat.

Satu lagi ialah untuk bantuan perumahan. Saya tak nampak apa-apa peruntukan untuk bantuan perumahan sama ada daripada segi 'maintenance' dan sebagainya di mana kos binaan semakin meningkat. Jadi, apakah tindakan pihak kerajaan? Untuk banjir, kali ini bukan saja banjir kilat, air pasang naik pun menjadikan ramai penduduk terkesan. Kawasan Derga yang biasa tidak ada banjir kilat berlaku juga air pasang dan menyebabkan mereka terpaksa dipindahkan. Tetapi kawasan Derga mungkin kekurangan dan tak serius dan kurang diberi perhatian. Saya difahamkan JPS telah melakukan satu kajian untuk banjir di Bandaraya Alor Setar tetapi kekurangan peruntukan untuk melaksanakan pembaikan. Saya masih ingat lagi semasa YB. Jitra semasa penggal pertama menjadi Menteri Besar pernah melawat Derga dan mengumumkan bahawa keperluan untuk menyelesaikan masalah ini memerlukan RM260 juta. Mungkin angka itu besar sangat tetapi yang ni patut disediakan ataupun digerakkan oleh kerajaan negeri untuk membantu Bandaraya Alor setar kerana banjir ini bukan saja menyusahkan rakyat malah merosakkan harta benda rakyat semua.

Satu lagi di kawasan saya ada satu Titi Liverpool. Saya difahamkan Titi Liverpool ni hanya ada 2 sahaja di Kedah yang mempunyai sejarah kerana bahan itu diimport dari Britain sebelum perang dan dibina di situ tapi telah rosak dan tidak dikendalikan. Kita pun tak pasti jabatan mana yang berkaitan, jadi saya minta YAB. tengok balik sama ada di bawah pelancongan ka, di bawah MBAS ka, di bawah Pejabat Daerah ka untuk memastikan Titi Liverpool ini dibaiki kerana ia adalah titi yang kecil dan digunakan oleh penduduk Kampung Tanjung Sakan untuk ke sekolah, anak-anak kita ke sekolah, memang rosak sangat. Ini adalah apa yang telah berlaku di kawasan saya.

Untuk isu kecekapan urus tadbir pendigitalan. Di sini saya nak ucapkan tahniah tapi saya difahamkan mungkin dalam proses untuk tambah baikan di mana contoh membuat carian di mana kita perlu lagi ambil masa untuk pergi membuat temujanji dulu, selepas sebulan atau dua bulan baru hantar kemudian dapat buat carian dan ambil satu tempoh masa yang panjang lagi.

Saya berharap selepas pendigitalan patut dibuat secara online seperti i-bayaq dan sebagainya terus buat carian tersebut di atas. Saya boleh beri contoh saya pernah pergi ke satu negara di mana pendaftaran mereka buat seperti ATM, satu mesin, letak IC kamu dan mesin akan keluarkan semua hak milik hartanah kamu ada dan apa urusan yang nak dibuat di ATM mesin tersebut. Jadi urus tadbir boleh dibuat dalam tempoh satu hari atau dua hari. Manakala di Singapore….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga, saya nak ingatkan masa 2 minit lagi.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

24 kan?

YB. TIMBALAN SPEAKER

2 minit lagi!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Sebelum pukul 4. Ok! UTC di sini kita 'combine'kan semua jabatan dalam satu bangunan tetapi di situ dalam satu komputer uruskan 20 jabatan punya kerja. Mai buat IC di situ, buat passport mai buat di situ. Jadi, konsep pendigitalan ini mungkin kita boleh ambil contoh untuk kita tambah baik pada masa akan datang. Satu isu yang dibincangkan tadi adalah kemungkinan PBT mempunyai kewangan yang kukuh maka ada cadangan supaya lesen 'premises' untuk kedai-kedai bernombor ekor tidak akan diperbaharui pada tahun depan. Saya amat kesal dengan kenyataan media yang dibuat oleh YAB. Dato' Seri Jeneri sebab adakah YAB. melihat kesan daripada tindakan tersebut? Sebab ia tak selari dengan kelulusan yang diberikan oleh Persekutuan iaitu Persekutuan telah memberi kelulusan. Adakah kerajaan memberi satu 'signal' atau gambaran negatif kepada pelabur yang telah mendapat kelulusan di Faderal tetapi mai ke negeri ini ia adalah satu kerajaan yang lain. Itu salah satu. Kita perlu tengok balik kenapa wujud ada yang berlesen kerana kita nak cegah yang tak berlesen, nak cegah yang haram, kurangkan yang haram. Kalau tak salah saya kebanyakan judi nombor ekor dan sebagainya berpunca dari mengumpul dana untuk bantu pendidikan, sukan seperti sport toto untuk sukan dan kita namakan 'guild welfare' kalau tak silap saya dulu semua ini untuk kebajikan, ini untuk pendidikan dan sebagainya.

Pendidikan, kebajikan dan sukan, semua dari dana-dana ini. Jadi, adakah kita nak jadi seperti "kacang lupakan kulit"? Ini adalah salah satu sumbangan besar untuk bantu kita bergerak. Bila perkara ini berlaku, adakah dengan pengumuman ini akan menyebabkan peniaga tersebut terpaksa tanggung kos, pengangguran akan berlaku, hilang pekerjaan, ini sangat memberi kesan. Kita perlu tengok balik apa yang mungkin berlaku terhadap judi haram. Sebenarnya yang yang meruntuhkan institusi kekeluargaan memang kita terima hakikat antara salah satu sebab tetapi adakah data yang mengatakan yang berlesen ini yang merosakkan ataupun yang tak berlesen. Kita ada e-games, banyak e-games. Kita terima banyak masalah e-games yang menyebabkan lebih ramai yang bergaduh, cerai dan sebagainya. Kita juga ada 'stock market', baru-baru ni ada seorang 'remiser' yang membunuh diri disebabkan oleh kejatuhan market. Satu lagi, dulu I pernah nak belajar main golf, syarat untuk bermain golf mula-mula masuk padang, mereka kata, "you kalau kalah perlu membayar RM300 atau RM500.00". Adakah itu juga judi? Itu bukan judi tapi rasuah.

Tadi YB. Jitra kata kita kena membasmi, tempat untuk kita berkenalan dan tempat untuk kita dapatkan projek melalui 'sport game'. Kita nampak apa yang berlaku di Kedah Kelab. Adakah YAB. Jeneri nak mulakan contoh, tengok balik Kedah Kelab, apa yang berlaku di Kedah Kelab. Saya rasa perkara ini tak waras kerana 'perception negative' terhadap suasana perniagaan di Negeri Kedah. Saya berharap perkara ini dapat ditarik balik dan dipastikan peniaga-peniaga yang berurusan di Negeri Kedah ini diteruskan secara aman dan damai. Jika dasar baru itu lain cerita tapi yang ini sudah sedia ada janganlah bagi mereka menanggung kos-kos lebihan. Sudah cukuplah ramai penganggur, adakah kita nak tambah lagi penganggur? Sama juga di Bandar Alor Setar, kita sudah lama kedai menjadi kosong. adakah kita nak tambah lagi jumlah kedai menjadi kosong? Itu saja yang saya nak berbahas di sini.

Akhir sekali saya nak sentuh tentang bekalan air. Saya ucapkan terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh SADA tetapi antara jawapan tersebut yang diberikan SADA bab air tersebut…..(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga, masa sudah tamat…

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Last! Last!. Sebab air tersebut telah berkarat. Jadi, saya minta peruntukan untuk tukar paip tersebut dan bukan paip itu dikenakan untuk dibayar oleh rakyat sendiri. Akhir sekali,

Dari Alor Setar ke Putrajaya,
Singgah Juru tengok kereta,
Sekianlah sudah perbahasan saya,
Pandangan dan teguran pohon diterima.

Sekian saja, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Derga. Seterusnya saya persilakan YB. Belantek.

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Auzubillahiminassyaitonirrajim. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahi robbil álamin wassola tuwassala mu'ala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul uddatan millisani yafkhohu khauli.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya mulakan yang dirahmati YB. Tuan Speaker, seluruh barisan pengurusan dan pentadbiran kerajaan negeri, Exco-Exco dan keseluruhan ADUN dan juga ketua-ketua jabatan. Alhamdulillah, saya dahulukan dengan meletakkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana kesempatan yang mutakhir petang ini dapat juga sedikit sebanyak saya diberi keizinan untuk menyentuh sedikit tentang kedudukan belanjawan kerajaan negeri yang dibentangkan pada pagi semalam. Alhamdulillah, bagi kita Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri belanjawan ini merupakan nyawa di dalam pentadbiran dan pengurusan. Kita dilantik untuk melaksanakan amanah selama mana amanah itu kita laksanakan, selama mana itulah ianya wujud sebagai sebuah nyawa yang hidup. Tapi jikalau kita tak ada kesungguhan di dalam menentukan keadaan tersebut, maka kita ditakdirkan sebagai manusia yang cukup malang kerana tidak memahami kedudukan apa yang disebutkan bajet dalam menentukan pentadbiran kerajaan setiap tahun dibincangkan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Eh! Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, minta maaf, ingat duk ceramah tengah padang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, ADUN-ADUN, lebih-lebih lagi YB. Speaker dan barisan pentadbiran, saya ingin melafazkan sedikit tentang apa yang dibentangkan oleh YAB. Dato' Seri Mohamad Sanusi Mohd Nor yang juga Menteri Besar kita dan merupakan kali kedua pembentangan dalam sejarah pentadbiran negeri.

Pada peringkat pertama pembentangan, kalau dibandingkan dengan pembentangan yang kedua, saya rasakan satu jurang ada perbezaaan tentang kehebatannya dan apabila kita perhatikan perbahasan yang berlaku pada hari ini respon terhadap pembentangan tadi diperakui oleh ramai di kalangan ADUN-ADUN dan juga daripada kalangan pihak pembangkang. Ini merupakan satu asas yang diberi untuk memupuk satu kekuatan dalam menentukan kemajuan dan pembangunan Negeri Kedah itu sendiri. Kalau andainya apa yang telah disebut di dalam Dewan ini kita terjemahkan dalam pelaksanaan kerja buat kita dalam pengurusan pentadbiran pada semua peringkat, InsyaAllah kita dengan mudah menempah kejayaan. Saya berkeyakinan dengan pembentangan yang ada hari ini kita dapati asas yang cukup kukuh untuk menentukan pembangunan yang kita cita-citakan.

Begitu juga usaha untuk memberikan kebahagiaan, kesejahteraan kepada rakyat sebagai satu yang kita sebutkan sentiasa "Kedah Negeri Pencipta Sejahtera" bermula dari dahulu, sekarang hidup balik. Nawaitu kita untuk menyatakan bahawa kesejahteraan itu kita nak jayakan dalam proses pentadbiran kerajaan negeri hari ini dan di dalam apa yang disampaikan itu kita yakin, InsyaAllah. Tapi apa yang disampaikan dalam pembentangan tadi ia berlaku untuk menentukan keseluruhan peringkat akan merasai nikmat-nikmat kalau kejayaan itu tercipta sama ada peringkat pembangunan negeri itu sendiri mahupun dalam bentuk kesihatan yang kita hadapi baru-baru ini hingga sekarang hampir 2 tahun dan juga dalam keadaan kedudukan rakyat yang sedang menderita dengan kemiskinan. Begitu juga dalam bentuk pengajian, pendidikan dan sebagainya, petani-petani dan penoreh kesemua peringkat disebutkan di dalam pembentangan ini untuk kita sebagai pembela dalam menentukan maruah pentadbiran kita. Jangan ada kali ini disebut sebagai pimpinan terleka dengan kedudukan masyarakat di bawah. Ini yang ingin saya nyatakan di dalam pembentangan yang perlu kita buat satu ikrar dan satu nawaitu yang perlu diperkukuhkan. Dalam menentukan kedudukan pentadbiran atau pelaksanaan kerja buat yang saya ingin sentuh sedikit lagi ialah apa yang ada kaitan dengan rakyat yang boleh memberi impak kepada rakyat yang boleh memberi impak sama kepada kerajaan.

Itu kita perlu wujudkan dalam pentadbiran hari ini. Contohnya kalau diperhati di dalam kedudukan di tempat saya, di kawasan hulu, DUN Belantek yang paling besar di Negeri Kedah, DUN yang paling kaya dengan kemiskinan, yang paling kaya dengan sumber kekayaan negeri, luasnya tanah, banyaknya air, banyaknya balak, ialah Belantek. Hari ini orang kampung yang tidak ada kewangan sebenar dia berusaha untuk mendapatkan tanah bagi membuat tapak rumah. Dia pergi kaki bukit, dia tebas-tebas, dia tebang-tebang, dia tak taulah sampai masuk sempadan Jabatan Hutan ka, masih lagi tanah rizab ka dia tak tau. Apabila buat rumah, dia nak buat kediaman dia, tempat cari makan dia, tempat hidup dia, bagi sama selesa bagi mereka yang ada rumah walau tak serupa rumah banglo tetapi sekadar mampu. Perkara ini bukan berlaku di Belantek saja bahkan berlaku di kawasan Bayu, Pedu. Saya rasa kerajaan perlu cari satu tindakan, kita cari satu rumusan untuk macam mana kaedah yang perlu kita buat supaya mereka ini dapat memiliki tanah dan kerajaan pun mendapat impak yang baik dengan kedudukan pemberian tanah-tanah yang rakyat duduk dengan tidak berbayar apa pun kepada kerajaan hari ini. Kadang-kadang dia takut juga kalau orang luar masuk kawasan dia lari atas bukit. Kita bawa beras nak bagi kepada mereka, lari. Pasal apa? Takut Pegawai Hutan ka, Pejabat Tanah ka, ini ada rakyat seperti itu. Sebab itu kalau di Sik saya minta lah supaya dibuat satu kajian cari kaedah-kaedah yang boleh untuk memberikan infak kepada rakyat-rakyat yang terpinggir. Kerana apa? Kerana kalau kita telah meletakkan asas untuk meletakkan kemajuan Kedah untuk pembangunan Insan sehingga 2035 tidak ada lagi masyarakat yang perpinggir. Bila kita letakkan dasar macam tu, makna kata kita kena buat satu penerokaan ke kampung-kampung pedalaman di mana kemiskinan itu wujud. Kita cari di mana masalah-masalah yang ada pada mereka tersimpul keadaannya, kita cuba rungkaikan barulah peringkat kesejahteraan itu sampai ke tahap rakyat yang di bawah. Sebab itu saya tengok dalam pembentangan ini ada kaitan dengan benda yang cukup indah dan cukup cantik, InsyaAllah.

Saya ingin sebutkan lagi di dalam usaha kita untuk mempertingkatkan kemajuan negeri yang tersebut dalam pembentangan ini saya ingin mengambil sedikit kesimpulan apa yang telah disebut oleh YB. Jitra tadi iaitu kita memperkuatkan dasar kita ialah Al-Quran dan Hadis, YB. Jitra menyebut, begitu juga kawan-kawan yang lain. Kalau kita benar-benar ikhlas serta jujur dalam menentukan bukan hanya sekadar kita sebut penolakan rasuah rasuah, kita semua sekali ada tanggungjawab dan peranannya, kita perlu muhasabah diri kita itu sendiri. Kalau kita bekerja dengan jawatan sekarang, kerja mana-mana jawatan sekali pun, sama ada guru, sama ada polis, sama ada tentera, mana-mana jawatan semua sekali buatlah kerja, kita bekerja, kita terikat dengan jabatan kerana kita menjawat jawatan tersebut.

Macam hari ini kita bekerja dengan Kerajaan Negeri Kedah, kita terikat dengan Kerajaan Negeri Kedah, sama ada mati, kita tidak boleh pisahkan diri dengan Kerajaan Negeri Kedah. Boleh terima? Haiii…Pakat diam belaka! Kita bekerja dengan Kerajaan Negeri Kedah yang dibayar gaji kepada kita, gaji diberi kepada kita sebagai pekerja, ia akan jadi darah daging kita di atas kerja kamu yang ditakdirkan oleh Allah antara kerja dengan jabatan tersebut walau apa saja jabatan. Bukan sekadar diri saja yang diberikan rezeki tadi, bahkan ia bercambah dengan isteri, ia berkembang kepada anak-anak sekali dan bukan hanya keluarga kita sahaja yang boleh menumpang di atas dasar kerja tadi yang diberikan oleh kerajaan negeri, kita boleh beli motor, beli kereta dengan duit gaji tadi, kita boleh beli rumah, kita boleh pergi melancong dan pergi ke Mekah menunaikan haji ataupun umrah dengan hasil ketetapan Allah meletakkan menjawat jawatan dalam kerajaan negeri. Kita ada masa ruang untuk gembira, kesejahteraan, keseronokan dan kebahagiaan sehinggakan kita berhenti kerja ikrar kita dengan kerajaan negeri tetap berterusan apabila diberikan pencen. Kita boleh beli rumah, takdir telah menentukan sebegitu rupa, sehingga kita pencen, sehinggalah kita mati malah isteri kita menerima apa yang telah diberikan oleh Allah melalui tugas kita sebagai seorang pekerja Negeri Kedah. Kalau kita faham macam ni, cuba muhasabahkan kembali diri kita, adakah kita jujur dan ikhlas dalam pentadbiran. Dengan menentukan kedudukan kerja hari ni, sama ada mahukah kita terlibat dengan rasuah, salah gna dan sebagainya. Eh! Kalau kita faham macam ni, perpaduan yang disebut oleh YB. Jitra dan yang saya sebut tadi bahawa kalau kita tidak ada ruang untuk meletakkan diri kita sama ada berdasarkan agama ataupun rupa bangsa, maka keikhlasan dan kejujuran itu menentukan kebahagian di dalam urus tadbir negeri ini, begitu juga dengan apa yang kita buat.

Sebab itu kalau diletakkan landasan-landasan yang baik dan meletakkan usur-unsur keagamaan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah maka itu perlu disokong. Bila respon dari pihak pembangkang tadi menunjukkan bahawa respon kita mengharam itulah yang boleh menambahkan dan melewatkan usahasama untuk meletakkan Kedah untuk berjaya pada tahun 2035 nanti, InsyaAllah. Inilah saranan saya sempena dengan kedudukan yang mentadbir kerana banyak dah orang bercakap, saya duk fikir nak bercakap apa pulak. Orang terakhir, orang di hujung-hujung. Jadi, saya minta dalam keadaan sekarang bersepadu lah dalam menentukan kemajuan dan hasrat yang tersirat di dalam pembentangan tadi, InsyaAllah kita akan berjaya bersama.

Saya ingin menyentuh sedikit dalam bentuk LRA dan keperluan yang saya perhatikan bahawa dalam sejarah telah belaku banjir Empangan Gubir dan dalam sejarah belum pernah belaku, hanya tahun lepas, Gubir kemarau sampai kereta boleh masuk ke dalam, keliling. Satu kalian perlu dibuat ataupun tindakan percepatkan untuk perbetulkan kesilapan apa yang telah berlaku.

Saya perhatikan pada mata kasar bahawa yang berlaku lebih banyak pasirnya di dalam tu sehinggakan bila kemarau tidak berapa kuat sekali pun ia boleh kemarau. Yang pentingnya harus sedar, Gubir ia menyara air kepada Tasik Pedu. Kalau ia kering, tak lama Pedu pun kering, habis Kedah sampai Perlis, sawah-sawah akan menghadapi masalah. Sekarang apabila hujan dalam masa yang cepat melimpah air di Gubir, sekarang tengah duk melimpah. Jadi, satu petaka yang akan berlaku. Kalau masalah padi yang kita duk bincangkan hari ini masalah padi benih, masalah racun dan sebagainya, saya tak faham nombor berapa disebutkan tadi saya pun dah pening bukan ada bab padi. Tapi kalau berlaku tidak ada air yang boleh menyara kedudukan tanaman padi, masalah. Sebab itu saya rasakan bahawa keperluan untuk buat siasatan, kajian sejauh mana kedalaman air yang wujud dalam empangan tadi kalau berasaskan kepada pasir. Itu yang berlaku di kawasan saya, sebab itu saya kena bercakap, usaha-usaha untuk pastikan dan mempercepatkan dan saya pun telah sebutkan dalam Majlis Tindakan Daerah dan sebagainya.

Juga saya nak sebutkan sedikit, bila sebut sukan, saya pun berminat juga kerana tidak ada orang sebut, tadi ada sekali sukan, saya rasa Bandar Baharu ka mana tak taulah. Sukan Negeri Kedah, ni orang tua dah (sambil merujuk diri beliau) zaman Khalid Din dulu main takraw. Kalau dulu disebut takraw saja kelab yang terhebat di Malaysia. Saya lupa dah apa nama..Oh! Adnan Saidin, sebut Adnan Saidin dari Perlis sampai ke Sabah semua kenal siapa dia Adnan Saidin, negeri mana dia mari. Tapi hari ni Kedah di luar pagar ka, di luar gelanggang ka orang tak hairan dah. Sayang! Kalau tempat tu biasanya dia timbul kebaikan dan kejernihan kita kena gilap semula untuk dinaikkan sinarannya, InsyaAllah. InsyaAllah kita akan dapat balik takraw daripada kalangan rakyat Negeri Kedah. Dulu Pendang hebat, orang Pendang perlu bangkit.

Begitu juga saya mengharapkan daripada kerajaan hari ini iaitu oleh kerana di Sik diletakkan sebagai satu sudut agama dengan hasrat PM, menjadikan di Sik itu sudut agama kerana banyak pondok, sekolah-sekolah agama dan sebagainya dan saya mencadangkan bahawa kalau bolehlah, kalau saya bincang pun dengan Exco, YB. Kuah supaya diwujudkan 'Islamic Tourism' di mana ia merupakan satu suasana tempat untuk dilawati kerana di sana bukan hanya sekadar pondok-pondok dan bermacam-macam kuliah, membaca kitab tetapi orang boleh lihat apa sebenarnya

yang ada di pondok. Bagaimana seorang yang kental kekuatan imannya, di manakah mereka-mereka ini, di mana kuliah-kuliah mereka ini, di manakah ilmu-ilmu yang mereka perolehi, menjadi satu sandaran kepada rakyat untuk menilai dan melihat. Kalau jadi lah macam itu di pondok, bukan menggunakan satu projek yang besar, sekadar wujud untuk membawa mereka-mereka di luar sampai ke dalam pondok, boleh tidur di sana, boleh berehat di sana.

Kita buat resort sikit ka apa ka, boleh mereka dengar kuliah ketika masa kuliah dan mereka boleh bergaul dengan masyarakat pondok semasa sepanjang mereka di sana. Bukan hanya ditumpukan kepada pondok-pondok di Sik malah pondok-pondak di seluruh negeri yang ada pondok hari ni yang sebelum ini ada pondok yang telah mati pondoknya. Kita cuba usaha untuk meningkatkan kerana itu asas modal insan manusia, kerana itulah membentuk insan dan ihsannya manusia. Jadi, satu ruang pembangunan yang baik bukan hanya kebendaan yang kita lahirkan dalam bentuk pembangunan suatu bentuk tapi dijangkakan pentadbiran kita ini dalam bentuk sama ada dalam bentuk duniawi mahupun ukhrawi. Kalau kita boleh bentuk dalam 2 kaedah tersebut, maka kita adalah pentadbir yang menjayakan dalam duniawi dan ukhrawi ini. Ini kerja-kerja untuk menguatkan dan memajukan struktur.

Satu lagi yang ingin saya sebutkan. Masa habis dah ka?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Masa sebenar habis dah!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Habis dah? Habis dah, tak benar pun tak pa!

YB. TIMBALAN SPEAKER

1 minit boleh Yang Berhormat!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Saya minta lah, dalam Negeri Kedah ini kita tak mau kehilangan tokoh-tokoh yang disanjung suatu ketika dahulu tak kiralah tokoh itu di kalangan politik, sama ada tokoh itu di kalangan manusia yang berjuang untuk pendidikan dan sebagainya, apa saja yang diperjuang sebagai seorang tokoh, kita mesti peringatkan dia dan menjadikan kesedaran untuk rakyat. Di Sik ada seorang yang boleh diletakkan begitu

rupa iaitu Yang Berbahagia Dato' Shahnon Ahmad yang telah meninggal di Pulau Pinang. Bila saya terima satu rombongan daripada pihak sasterawan dari Kuala Lumpur baru-baru ini yang YAB. Dato Seri Menteri Besar hadir, saya mendengar persembahan mereka tentang sasterawan dan peranan Dato' Shanon Ahmad ini bukan hanya sekadar di Kedah, bukan di Malaysia saja bahkan keseluruhan dunia dan modulnya telah diubah, bahasa-bahasa luar negara, dari Rusia dan Australia termasuklah filem dan sebagainya.

Tokoh ini tokoh pendidikan, apa salahnya kalau kerajaan beri sedikit ruang untuk membina satu muzium di Sik dan jika ada tokoh-tokoh di sebelah lain kita wujudkan satu galeri supaya orang faham inilah tokoh negara, tokoh negeri di peringkat Kedah supaya rakyat tidak mudah lupa dan rakyat masih ingat apa yang mereka perjuangkan. Begitu juga kita besok, kalau kita ditakdirkan sampai tahap menjadi seorang tokoh kita mungkin dihargai oleh anak cucu cicit kita.

Sekadar itulah YB. Speaker, yang boleh disampaikan walaupun ada lagi ruang yang nak bercakap tapi keizinan masa sekadar itu. Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Belantek. Sekarang saya persilakan YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB. Tuan Speaker, terima kasih. Sebelum saya mula sebab masa sampai pukul berapa?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Sampai 4.30!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Sampai 4.30, tak cukup sambung besok?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Tak cukup sambung besok!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Itulah, saya pun tak pandai nak…7 minit pun saya tak tau nak macam mana. Nak 'break' saya punya ucapan pun tak tau nak kata apa. Salam sejahtera dan terima kasih kepada YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk berbahas….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bakar Arang, kita beri ruang kepada YAB. Dato' Seri Menteri Besar.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ok!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah peraturan 12(1)(b) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada petang ini dihentikan pada jam 4.30 petang selepas ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari tadi.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar. Silakan YB. Bakar Arang, sampai jam 4.30 minit petang!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Berapa?

YB. TIMBALAN SPEAKER

4.30 minit petang, 3 minit!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ok. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Ialah, sempat YAB. Jeneri masuk untuk usul, kalau tidak tak taulah kita boleh sampai lagi lewat ka. Lama tak dak di Dewan sebab ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berbahas termasuk dari sana dan sini, banyak

point-point yang dibangkitkan tapi hari ini macam YAB. Jeneri sibuk, kebanyakan masa tak ada di dalam Dewan, YB. Sidam lagi tak dak macam satu hari tak sampai 2 jam, sepanjang hari pun tidak ada di dalam Dewan, tak tau lah, sibuk apa.

Terima kasih. Saya rasa kali ini dalam Bajet 2022 saya rasa yang penting ialah bagaimana memastikan Negeri Kedah kita menjadi satu negeri macam apa yang dikatakan dalam tema bajet lah kualiti hidup rakyat kena baik, ekonomi kena baik dan khususnya dalam zaman pandemik ini saya rasa yang paling penting ialah yang pertamanya sudah tentu kesihatan rakyat kita lah. Yang kedua ialah ekonomi kita, kita kena pulihkan. Saya rasa ini adalah dua benda yang paling penting.

Di dalam Kedah pun saya rasa kita kena tau apakah keunikan negeri kita berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Saya rasa dalam negeri kita satu negeri yang tak macam Selangor, tak macam Penang, kita ada keunikan kita ataupun pro and cont ataupun kebaikan daripada satu negeri yang saya rasa khususnya dalam zaman pandemik ini negeri kita akan muncul sebagai satu negeri yang lebih baik, lebih selesa kepada orang-orang khususnya dalam zaman pandemik ini. Sebab apa? Sebab saya masih ingat lagi dulu Baling terpilih sebagai "daerah yang paling bahagia" di seluruh Malaysia. Kenapa? Kerana, seluruh Negeri Kedah ini dengan kehijauannya, dengan alam sekitarnya, kalau tidak ada pandemik pun kita boleh hidup dengan bahagia, saya rasa selesa dan sihat. Saya rasa dengan pandemik ini kita perlu fokus kepada nak pastikan rakyat kita sihat dan rakyat kita dapat pendapatan yang lebih. Saya rasa dengan ini kita perlu memberi fokus yang lebih kepada ekopelancongan iaitu 'ecotourism'. Sebab dalam zaman pandemik ini orang bukan pergi melancong ke tempat yang 'crowded', bukan pergi ke 'shopping mall' ataupun disko, tetapi orang nak memilih untuk pergi ke tempat-tempat yang semulajadi, pergi 'camping' ka yang ada 'sosial distancing' yang mencukupi dan juga boleh menikmati keindahan semulajadi. Sektor ini adalah sektor yang berkembang pesat khususnya saya ingat selepas pembukaan kebanyakan tempat yang menarik sudah 'fully book' sehingga ke bulan Disember. Tetapi adakah kerajaan negeri dalam bajet kita memberi fokus yang secukupnya untuk membina infrastuktur yang secukupnya untuk memastikan tempat kita menjadi menarik dan akan menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Kedah.

Say baca dalam Bajet 2021 dan Bajet 2022. Dalam Bajet 2021 yang dibentangkan pada tahun lepas memperuntukkan RM4 juta untuk infrastruktur pelancongan bagi kemudahan pelancongan. Pada tahun depan kita diperuntukkan RM3 juta sahaja.Untuk ecotourism ataupun untuk hutan kita peruntukkan RM4.55 juta pada tahun ini, tahun 2021 dan kita hanya peruntuk sebanyak RM3.2 juta sahaja untuk tahun depan. Kita pun tidak mendapat apa-apa laporan walaupun tahun lepas punya

bajet lebih jelas memberi penjelasan bahawa akan mengadakan penambahbaikan di banyak tempat, di banyak daerah. Tetapi untuk tahun ini bajet itu hanya menulis angka sahaja tetapi tidak memberi 'detail' RM3 juta ini akan menambah baik di kawasan mana ka, di mana tempat yang akan dibuat benda-benda ini.

Tahun lepas punya peruntukan itu sebab selalunya memberi pengumuman sahaja tetapi kita tidak mendapat satu laporan 'progress report' bagaimana yang diumumkan tahun lepas. Untuk tahun ini adakah sudah siap dibuat sebab semua itu kita tengok dalam laporan hanya angka saja, berapa angka diperuntukkan saja tetapi tidak ada satu 'details' untuk memperjelaskan pengumuman-pengumuman yang diumumkan pada tahun lepas dan sekarang sudah siap ka, sudah belanja ka dan dibelanja di mana. Saya harap kerajaan boleh memberi penjelasan yang lebih 'detail' bagaimana bajet pada tahun ini yang RM3 juta, yang RM3.2 juta itu nak 'improve' ataupun nak mempertingkatkan infrastruktur di mana, nak bua 'ecotourism' di mana. Eh! Lagi satu minit!.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Boleh 'landing' dah!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih. Itulah, saya harap dalam masa yang lebih banyak saya akan sambung esoklah sebab…teruskan saja. Ok! Ok! Saya rasa kita perlu bagi sokongan yang lebih banyak sebab saya ambil contoh di Pulau Songsong. Di sana sehingga sekarang 'toilet' di sana, fasiliti, bilik mandi tidak dibaik pulih ataupun tidak di'upgrade'. Bagaimana kita nak menarik pelancong pergi ke sana kalau kita tak baik pulih infrastruktur-infrastruktur ataupun kemudahan-kemudahan di sana.

Oklah, saya rasa saya akan sambung esok dan terima kasih kepada YB. Tuan Speaker.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bakar Arang, terima kasih kepad semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian pada hari ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi besok. Terima kasih.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang]

[Sidang Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]

YB. DATO' SPEAKER

Bimillahirahmanirahim assalamualaikum w.b.t dan selamat pagi. Dewan disambung semula. Kita mulakan dengan bacaan doa.

I. BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Bacaan Doa!

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya!

II. SESI PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi pertanyaan – pertanyaan mulut!

YB. DATO' SPEAKER

Kita mulakan dengan Pedu!

7. YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN
[ADUN PEDU]

Berhubung sistem pengairan dan saliran.

Pohon dinyatakan:-

a) Apakah rancangan terkini pengairan dan saliran yang terdapat dalam DUN Pedu?

b) Berapakah bajet yang digunakan untuk maksud (a) di atas, jika ada?

c) Berapakah kos selenggara pengairan di Bukit Sena bagi tahun 2018 hingga 2021?

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato Speaker, pohon jawapan nombor 7.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Speaker. Bismillahirahmanirahim assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih kepada Adun Pedu diatas soalan dan untuk jawapan (a) dan (b) pada tahun 2021 JPS Kedah telah melaksanakan projek menaiktaraf dan meningkatkan infrastruktur pengairan dan saliran yang terdapat dalam DUN Pedu. Antara projeknya adalah kerja – kerja Membaiki Tebing Sungai di Sungai Charok Jelutong, Barokhas. Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Pengairan dan Saliran Luar Skim di Jln Kg. Bendang Pong. Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Pengairan dan Saliran Luar Skim di Kampung Bukit Ular. Kerja-kerja Menyelenggara Charok Kg. Pong Manis. Kerja-kerja Menyelenggara Charok Sawah-Lancor Baungor, Kampung Barokhas. Kerja-Kerja Membaikpulih Sistem Perpaipan Serta Kerja Berkaitan Di Skim Pengairan Bukit Sena. Kerja-Kerja Menyelenggara Struktur Pengairan Dan Perpaipan Serta Kerja Berkaitan Di Skim Pengairan Bukit Sena dan juga akhirnya adalah Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kolam Takungan Banjir Di Kampung Kuala Tekai (KEDA Bukit Kura) keseluruhannya berjumlah RM474,690.00 dan untuk kos menyelenggara pengairan di Bukit Sena pada tahun 2018 hingga 2021. Pada tahun 2018, RM523,300.00. Tahun 2019 RM133,250.00 dan pada tahun 2020 RM110,165.00.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Soalan tambahan dia, adakah perancangan JPS untuk menambahbaikan selenggara – selenggara di kawasan – kawasan yang berisiko banjir pada tahun hadapan?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

JPS sedar ada beberapa masalah kawasan yang agak sensitif kepada hujan lebat dan akan berlaku banjir dan untuk tahun 2022, JPS Kubang Pasu/Padang Terap telah mencadangkan beberapa projek termasuklah untuk kajian plan induk saliran dan tebatan banjir Padang Kerasek, Naka dan juga kerja pemuliharaan sungai untuk

mengurangkan risiko banjir di sungai Padang Terap Kampung Padang Gelanggang dan antara yang penting juga yang perlu dilaksanakan dan dicadangkan adalah program pembangunan kolam takungan banjir di KEDA Bukit Kura dan keseluruhannya akan melibatkan belanja lebih kurang RM1.4 juta tetapi kita mengharapkan agar kesemua cadangan projek ini akan dapat dipertimbangkan oleh kerajaan dalam mengikut kepentingan projek – projek tersebut. Itu sahaja!

YB. DATO' SPEAKER

Silakan Suka Menanti!

YB. DATO' HJ. ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih Yang Berhormat Dato Speaker. Saya melihat Kedah ni terdapat beberapa Kawasan mudah banjir sekitar 300 lah Kawasan mudah banjir seluruh Kedah. Jadi saya ingin tahu tentang perancangan yang dirancangkan bagi tahun 2021 yang dilaksanakan pada tahun 2021 dan perancangan tahun 2022 yang dimasukkan dalam bajet ni berapa sasaran Kawasan mudah banjir yang dijangka dapat diatasi.

Yang keduanya, sebahagian besar kawasan banjir ini akan diatasi bila diselesaikan ataupun dilengkapkan pembinaan projek mega rancangan tebatan banjir. Dikira satu, dua, tiga khususnya di Pendang. Jadi, sejauh mana progress pembinaan kawasan ini pembinaan RTB ini membantu kita untuk mencegah Kawasan mudah banjir ini. Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berhormat Dato Speaker saya harap jawapan saya nanti, saya akan jawab Suka Menanti nanti di dalam pergulungan saya kerana ia mengenai perancangan JPS untuk mengatasi banjir dan aspirasi JPS pada tahun 2022.

YB. DATO' SPEAKER

Boleh! Suka Menanti nah tunggu pergulungan tu. Jawapan ada dalam tu. Soalan nombor 8.

8. YB. ENCIK TAN KOK YEW
[ADUN DERGA

Pandemik ini mempercepatkan keperluan capaian Internet yang lebih baik untuk memenuhi keperluan pendidikan, pekerjaan dan kehidupan harian.

Pohon dinyatakan:-

a) Bajet 2022 dan tindakan segera kerajaan untuk mempertingkatkan capaian internet di seluruh negeri?

b) Apakah status pembangunan 5G di Langkawi dan "Smart City" Kulim?

c) Apakah perancangan terdekat Kerajaan Negeri untuk meluaskan rangkaian 5G ke tanah besar Kedah?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Norma baru atas talian, pohon jawapan nombor 8!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dari Derga ke Bukit Pinang, dalam Parlimen yang sama. Walaupun soalan senang, demi kepentingan bersama InsyaAllah. Bagi mempertingkatkan tahap kesinambungan serta kualiti pengalaman perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara InsyaAllah.

YB. DATO' SPEAKER
Bukit Pinang diorang tak jelas nak dengar! Boleh buka mask!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Bagi mempertingkatkan tahap kesinambungan sistem jalur lebar iaitu digital dia ada dua fasa insyaAllah. Fasa pertama bermula pada September 2020 dan berakhir pada penghujung tahun 2022 dan juga tumpuan diberi pada sekarang iaitu kenaikan taraf upgrade semua Menara iaitu 1,612 menara akan di upgrade pada 4G walaupun sekarang 2G dan 3G.

2G akan dikekalkan sebagai backup untuk bagi handphone yang tidak ada yang lebih pada whatsapp la. 3G akan dihapuskan pada penghujung 2021 InsyaAllah. Dan untuk kepentingan negara akan beralih kepada 5G InsyaAllah tahun depan. Jadi, Negeri Kedah merancangkan iaitu plan jendela iaitu kita pada tahun ini saja, sesi fasa pertama iaitu 134 menara dan sekarang ini iaitu kita telah upgrade kan daripada 1,612 menara, kita telah upgrade 1,377 menara dan semua kalau boleh yang ada cooper cable kita akan upgrade kan kepada fiber optic iaitu sebanyak 76,474 fiber optic akan diupgrade kan dan sekarang ni 46,000 lebih kita telah upgrade kan. Banyak lagi kalau nak jelaskan satu – satu.

Jadi, soalan (b) secara umumnya teknologi 5G akan diperkenalkan seluruh Malaysia iaitu pada tahun depan yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi Multimedia iaitu kita bekerjasama dengan Digital National Berhad dengan SKMM dikolabrasikan untuk memastikan 5G di upgradekan pada tahun depan iInsyaAllah. Seterusnya, iaitu di Langkawi statusnya 5G ni saya nak sebutkan sikit la walaupun pilihan peringkat awal pelancaran 5G tapi sekarang ini masih lagi tidak dapat spectrum daripada SKNM. Walaupun di Langkawi telah ada semua tapi masih ada kekangan – kekangan sebab nak lancarkan 5G memang sukar sebab walaupun saya tengok di port Langkawi dia memang ada 5G disitu tetapi yang asasnya di TM belakang Pejabat Daerah iaitu centralized 5G tetapi masih lagi ada kekangan untuk jadi imposment apabila berlakunya satu – satu kes jenayah contohnya macam saya pi dengar taklimat di balai polis. Dia sebut pernah berlaku satu kecurian handphone di Langkawi. Boleh dapat detect tetapi kita tak dapat detect seterusnya penjenayah itu berada di mana selepas 2 hari. Dapat detect pertama kali tapi apabila dia pi di hotel – hotel yang lain tidak ada kesinambungan sebab ada kekangan sebab camera dia amat sukar sebab camera dia mahai walaupun sekarang ini di Jeti Langkawi, kita ada satu camera untuk memastikan pelancong yang hadir di Langkawi datang Langkawi sama ada berapa ribu orang sehari dan boleh detect antara wanita dan lelaki.

Tapi selepas itu tidak ada kesinambungan sebab oleh kerana pihak SKMM tidak bagi spectrum mana – mana pihak. Sepatutnya untuk impostmen satu – satu kes jenayah iaitu polis lah yang berkuasa. Walaubagaimanapun pihak bandaraya memastikan parking – parking kita dapat detect tetapi oleh kerana ada kekangan – kekangan untuk memasang camera tu amat mahai. Itu lah sedikit sebanyak InsyaAllah saya dapat gulung lepasni banyak lagi. Kalau nak sebut satu – satu memang panjang la scenario dia. Terima kasih

YB. DATO' SPEAKER

Soalan tambahan!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tuan Speaker yang (c) tu. Okay soalan tambahan saya, tadi Bukit Pinang sebut pasal Menara untuk internet ini. Jadi, sekarang soalan saya ialah sekarang ini ada ka masih lagi lantikan satu kontraktor yang monopoli untuk buat kerja tersebut atau terbuka untuk semua. Yang kedua, ha itu soalan satu.

Yang kedua, saya difahamkan Menara yang dibina tanpa kelulusan ataupun mematuhi piawaian perancangan PBT jadi apakah tindakan yang telah dibuat dan apa akan dibuat dan bagaimana kita nak pastikan pembinaan ini tak terhalang dengan cadangan tersebut.

Yang ketiga, yang tadi sebutkan ada ratus – ratus Menara akan dibina dimana ka. Adakah dalam kawasan atau luar kawasan ka kawasan bandar. Boleh ka jika tak da dulu bagi bertulis dimana ka tempat tersebut. Adakah coverage ini membawa ke tempat yang selalu diutarakan oleh Bandar Baharu kata tak ada line. Selalu saya pi Bandar Baharu seolah – olah masuk hutan. Yang tu contohnya, jadi nak minta tanya tersebut

Jadi, tadi Yang Berhormat Bukit Pinang ada kata 5G akan mula tahun depan manakala kita tengok jawapan tadi untuk Langkawi 5G pun Dato' Speaker, Langkawi 5G pun tak bergerak lagi kan. Yang tu yang rancang tahun 2019 tak silap saya. Jadi, bilakah 5G akan betul – betul sampai kat Kedah. Lagi satu jawapan tadi yang soalan saya Smart City Kulim dimana kita nampak Kulim dan PBT Hi-Tech agak mendekat dan sebahagian Hi- Tech Kawasan industrial Hi- Tech ini bahagian di jaga oleh Kulim. Jadi, jika 5G tak cukup dekat situ, maka mungkin dia akan menjadikan infrastruktur tak cukup untuk tarik lagi pelabur asing yang Guar Chempedak kata nak capai RM10 billion, RM20 billion, RM30 billion kan. Jadi, apakah bagaimana kerajaan negeri nak pastikan apa yang dicadangkan ini dapat dilaksanakan secepat mungkin supaya kita dapat yang tu.

Soalan seterusnya ialah sebab kenapa yang ini penting, sebab sekara ini selepas covid ni PDPR banyak bukan PDPR tapi 'work from home' pun sama. Jadi, kita perlukan internet ini supaya capaian menyeru kepada semua rakyat dan kita punya anak – anak tak terpengaruh.

Jadi saya nak tanya juga ada ka apa – apa cadangan untuk memberi alat peranti ataupun sebab dalam semasa covid tu kita dapati ada orang tak dapat daftar sejahtera sebab depa tak ada handphone. Apa usaha kerajaan dalam bajet ini untuk membantu rakyat juga untuk pastikan mereka hidup bersama perkembangan IT ini dan juga alat peranti ada. Sekian saja.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan YB. Derga, saya ucap tahniah la kepada YB. Derga sebab dia amat prihatin kepada rakyat. Jadi, saya nampak memang kita dalam perancangan Kementerian Komunikasi Multimedia. InsyaAllah dengan kerjasama Digital National Berhad dengan SKMM untuk melancarkan Kedah memang kita tidak dapat menafikan bagi Kedah khususnya iaitu mensasarkan persediaan liputan umum iaitu 5G pada tahun 2023.

Untuk meliputi keseluruhan internet di Kedah ni saya sebut selagi mana kita tak dapat upgradekan semua cable yang ada di Kedah kepada fiber optic selagi itu tidak dapat internet yang jalur lebar yang terbaik iaitu 4G. 4G ni memang sepatutnya dah cukup tak perlu 5G. Dia sebab dari segi speed dia dari segi mbps memang laju la. Contoh di Wisma sendiri memang laju. Macam contoh di setiap bilik exco kita ada 800 mbps. Dari segi speednya lebih berkilatlah. Jadi, menunjukkan InsyaAllah saya berkeyakinan apabila kita upgradekan kepada semua fiber optic, Kulim setakat sekarang itu memang daya tarikan pelabur iaitu Kulim kesuluruhannya *fiberized di Kulim Fiber* Optic. Itulah salah satu sebab pelabur nak datang ke Kulim, tidak dapat system jalur lebar yang tak baik, saya berkeyakinan pelabur pun takmau. Ini lah salah satu sebab Kulim ini kita mensasarkan smart city yang akan dilancarkan InsyaAllah. Kita dah ready cuma tak sampai seperti mana kementerian sebut kerjasama dengan Digital National Berhad iaitu pada tahun 2023 dan InsyaAllah pada perkembangan 2035 akan sampai 100% sasar yang disasarkan.

Keseluruhan yang saya sebut lagi kalau kita dapat upgrade 1, 612 menara ini kepada 4G saya berkeyakinan sistem jalur lebar di seluruh negara akan meliputi keseluruhannya. Ketika itu InsyaAllah sekurang – kurangnya saya berkeyakinan 134 menara disiapkan dalam sistem jendela ini penghujung 2022 InsyaAllah, saya yakin kekangan – kekangan itu tidak akan berlaku lagi. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Ya! Tak sah lah kalau Bandar Baharu tak tanya!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Yang Berhormat Dato' Speaker terima kasih Yang Berhormat Bukit Pinang soalan tambahan saya, tahniah la saya rasa seronok bila digital Langkawi, Digital Kedah diteruskan. Memang tak ada scrap off oleh kerajaan untuk projek yang sebelum ini. Terima kasih. Saya juga nak bertanya berkenaan dengan upgrading dengan izin untuk kedah net semoga pejabat – pejabat daerah dapat difokuskan dalam lingkaran kedah net tersebut dan bagaimana memperkasakan Integrated Common Center di Pejabat Daerah Langkawi untuk pengendalian dan juga pemantauan keseluruhan digital Langkawi tersebut kerana kita bimbang fasiliti yang hebat 5G di Pejabat Daerah itu akan menjadi wild elephant dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, apakah usaha kerajaan untuk betui – betui fully utilize sebab masa pandemic covid ini comman center tu memang dah kita siapkan selepas kita buat digital Langkawi tu, disiapkan fasiliti yang memang boleh detect pelancong landed dengan izin di lapangan terbang, di jeti memang kita ada artificial intelligent semua all in fully detected. Jadi, kalau tak diperkasakan lagi fungsi comman center integrated di pejabat daerah di Pulau Langkawi itu tidak berjaya lah agenda digital Langkawi kita dan saya ingin mencadangkan juga kepada Yang Berhormat, sikit lagi Yang Berhormat Dato' Speaker supaya memperkasakan Jawatankuasa Infrastruktur Telekomunikasi supaya kebanyakan Menara yang kita nak upgrade ini dia adalah sillo maksudnya ikut telcos Jadi kita mesti kerajaan mesti buat satu polisi di bawah OSA mungkin di bawah SSK sebagai OSA untuk sharing telcos sharing dengan semua menara ini supaya capaian tu dapat ditingkatkan dengan lebih cepat. 5G tadi Yang Berhormat Derga bagitau 5G tak semestinya kita kena ready 5G infrastruktur kita duk habaq saja pasai 5G tapi kalau peranti kita itu, telefon kita tu boleh dapat sampai 3G pun takguna ada fasiliti infra 5G kalau telefon boleh dapat 3G saja pun dah cukup dah. 3G dengan 4G kan. Jadi, untuk capaian internet yang broadband tu saja kalau boleh diselaraskan di bawah jawatankuasa infrastruktur untuk kerajaan tingkatkan capaian internet itu. Terima kasih

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Yang Berhormat Dato' Speaker dan InsyaAllah, terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Baharu. Kedah ni memang kita centralized kita tetapkan 3 telco yang terbesar untuk memastikan kita ada OSA dan mana – mana telco atau mana – mana company nak labur di Kedah dia mesti share dengan 3 company yang kita tetapkan. Itu untuk memudahkan kita dan juga kita InsyaAllah mana – mana menara di seluruh Kedah kita cuba pastikan akan ada pemutihan di seluruh menara sebab kita dapati banyak menara – menara yang sekarang ini masih lagi illegal masih menara haram.

Tetapi kita akan lantik satu syarikat untuk memutihkan semua menara – menara yang ada di Kedah InsyaAllah dan juga saya berkeyakinan apabila Menteri Komunikasi multimedia telah melancarkan untuk memastikan Kedah informasi seluruh negara dengan kerjasama Digital National Berhad dengan SKMM dan kolabrasi dengan kerjasama yang lain untuk memastikan pelancaran 5G di seluruh negara iaitu pada tahun depan iaitu disebut oleh Menteri dan InsyaAllah saya sebut tadi iaitu pada tahun 2023 InsyaAllah Kedah akan terbaik dan juga masih sekarang tak dapat menafikan iaitu 5G di Langkawi memang telah buat satu TM telah melaburkan hampir 50 juta yang saya dapat maklumat dan sekarang masih ada kekangan – kekangan SKNM tidak mahu menyerah spectrum iaitu lessen besar untuk siapa yang monopoli di seluruh Langkawi. Ini lah yang jadi kekangan – kekangan. Tapi saya nampak untuk memastikan untuk impostmen di Langkawi satu jenayah atau satu kes, hanya polis sahaja yang berkuasa walaupun centralized 5G tu ada di belakang pejabat daerah Langkawi tetapi untuk melakukan satu – satu untuk memastikan hubung kait dengan 5G tu mesti kita nak monitor satu – satu masalah atau satu – satu jenayah mestilah dia ada connection di seluruh Langkawi sebab saya tanya celcom di Langkawi Port, saya tanya satu camera berapa? Sampai sut dia tak berani jawab. Masih bila Timbalan Menteri turun saya tanya lagi satu camera berapa dia tak mau jawab sebab kita tau satu camera dia amat rahsia la. Ini lah satu kekangan yang sampai sekarang SKNM belum tak bagi spectrum lagi siapa yang akan memonopolikan 5G dalam Langkawi. Tapi saya berkeyakinan apabila Menteri Komunikasi Multimedia buat statement dia akan memastikan 5G di seluruh negara pada tahun hadapan insyaAllah. Sekian terima kasih.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Dato' Speaker. Ni bukan soalan ni satu boleh dak bagi maklumat sikt. Tapi nak tanya jugalah tentang Menara. Itu pasai Menara. Proses pemutihan Menara dan penjelasan yang ditanya oleh Bandar Baharu, seingat saya 2019 hujung ataupun 2020 memang ada keputusan dan perbincangan tersebut dengan SKMM dan sebagainya dan memang ada satu keputusan untuk memastikan pemutihan itu dilakukan di PBT. Jadi, ini satu ingatan kita. Mungkin boleh mintak Tokai bagi carikan dan bagi jawapan tersebut. Proses pemutihan tersebut dan piawaian tersebut. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Ya terima kasih! Soalan nombor 9 Gurun!

9. YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[ADUN GURUN]

Bandar Gurun dan kawasan sekitarnya sentiasa diganggu dengan kehadiran lalat dalam jumlah yang banyak sepanjang tahun. Ini telah mengakibatkan kesihatan penduduk terganggu dan perniagaan kedai makan terjejas.

Pohon dinyatakan:-

Adakah kerajaan bercadang mengkaji sebab kehadiran lalat yang banyak dan apakah tindakan yang akan diambil bagi menyelesaikan masalah ini?

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan Gurun nombor 9. Terima kasih

YB. DATO' SPEAKER

Sidam. Ya?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ni saya jawab!

YB. DATO' SPEAKER

Ya Tokai!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Dalam dewan ni pun ada lalat ni. Bukan setakat di Gurun ja. Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Adun Gurun. Masalah lalat masalah semua, Kanda Gurun nak makan pun tak senang. Berbagai alat dan kaedah kita guna, agar penyakit tidak menyerang.

Betui Dato' Othman noh, Dr. Othman! Jabatan Kesihatan Negeri Kedah sentiasa bertindak terhadap aduan kacau ganggu lalat yang mendatangkan masalah kepada penduduk terutamanya di Gurun la noh! Khususnya di Gurun, Kedah di Jeniang. Cadangan aktiviti kawalan dan pencegahan akan diberikan kepada penduduk untuk mengurangkan populasi lalat sehingga tidak menjadi kacau ganggu berdasarkan isu di lokasi berkenaan. Kehadiran lalat di kawasan Gurun berpunca dari kawasan penternakan ayam dan kawasan pengumpulan najis ayam disebut tinja ayam. Biasanya masalah lalat akan bermusim mengikut aktiviti di ladang-ladang ayam.

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri hanya memberikan cadangan untuk mengawal lalat kepada para penternak dan tidak mempunyai kuasa. JKN takda kuasa sebenarnya dan dari segi peruntukan perundangan dan perlesenan. Masalah lalat di lokasi penternakan ayam akan lebih terkawal sekiranya penternak mengikut SOP yang ditetapkan dan kawalan lalat sebenarnya dijalankan oleh di Kawasan Gurun MPSPK (Majlis Pembandaran Sungai Petani) mengikut jadual dan lokasi masalah yang berlaku. MPSP juga telah mengambil tindakan terhadap aduan – aduan yang dilaporkan. Dua siri lawatan ke ladang ternakan ayam daging telah dilakukan bersama Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Jabatan Alam Sekitar serta Pejabat Tanah dan Daerah di Sungai Petani, di kawasan ladang ternakan ayam di Padang Lembu. Penternak ladang tersebut telah dinasihat oleh pihak Jabatan Veterinar untuk mengambil langkah kawalan lalat dan kawalan kebersihan kawasan ladang ayam. Untuk makluman Gurun juga, inisiatif Plan Malaysia kita telah mengadakan satu krangka untuk mengawal tumbuhan ladang – ladang ternakan ayam ini dan dinasihatkan supaya mereka lebih berganjak kepada ladang ayam secara tertutup sebab ladang ayam tertutup ni dia lebih dapat mengawal pembiakan lalat – lalat di Kawasan ladang tersebut. Dia ada kaedah – kaedah yang akan kita bincangkan. Tak silap saya minggu depan kita akan bincang lagi. Dua minggu lepas kita dah bincang dan telah lantik satu consultant untuk melihat cara – cara mana ternakan ladang ayam secara tertutup ini boleh memberi keuntungan dan faedah kesihatan secara jangka panjang. Walaupun permulaannya harganya mahal tetapi kesannya lebih baik keuntungan dia. Akhirnya, akan memberi keuntungan yang lebih kepada pengusaha ladang ayam tersebut. Itu jawapan kepada Gurun. Terima kasih YB. Dato' Speaker!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Dato' Speaker, penduduk di Gurun ini dia ada sengsara berganda. Sengsara berganda. Air pun tak ada lalat pun banyak. Tu dia panggil sengsara berganda. Tokai, problem yang kita ada ini bukan 2 tahun Tokai. Saya ingat Jeneri pun faham sebab Jeneri jiran kita. Berapa tahun dah. Jadi, kita nak promot perlancongan. Kita sebut suruh orang mai. Jadi, problem yang kita ada ini selagi, seperti Tokai kata tadi masalah diantara puncanya ialah ternakan ayam, pusat ternakan ayam dan najis ayam. Problem yang kita ada Dato' Speaker ialah kita membiarkan program penternakan ayam ni secara konvasional dan konvasional ini dibuat pada tahun 70-an, 80-an tapi bila masuk tahun 2000 ni saya rasa ada kaedah – kaedah yang boleh dibenarkan. Jadi, saya harap Tokai boleh mempercepatkan apa juga kaedah untuk kita ternak ayam secara commercial satu yang keduanya lebih sophisticated sebab negeri lain banyak dah buat. Jadi untuk kita promotkan perlancongan sementara kita juga nak sebutkan bahawa negeri kit ani terhindar daripada masalah kesihatan sebab Dato' Speaker, saya terus terang la, kalau orang nak mai makan di Gurun ini walaupun sedap macam mana pun, dia ada masalah. Pasai lalat banyak sungguh – sungguh khususnya waktu tuai la. Selepas saja ayam tu diambil, taik ditinggal. Taik ayam tu terlalu banyak. Jadi, saya ingat harus lah kerajaan memikirkan bagaimana kita menempatkan kilang – kilang tertentu di tempat – tempat macam Bukit Selambau dan sebagainya kita harus kena gazet untuk kawasan ternakan ayam saja dah mungkin menjadikan ternakan ayam ni satu industri yang besar – besaran tetapi dengan kawalan yang jelas supaya masalah ni tidak berlarutan. Dah berpuluh tahun dah. Terima kasih Dato' Speaker. Agak agak Tokai bila kerajaan ada cadangan untuk menempatkan mereka ni sebagai satu tempat yang lebih terkawal daripada segi lalat. Terima kasih Dato' Speaker!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Gurun yang begitu prihatin terhadap pengusaha dan juga pengguna serta penduduk. YB. Dato' Speaker, macam saya sebut tadi la minggu lepas kita dah ada perbincangan, ada lantik consultant untuk menilai dan melihat di negeri – negeri lain dan minggu depan kita akan ada lagi perbincangan berhubung dengan kaedah garis panduan penternakan unggas. Unggas ini dia termasuk ayam, ayam kampung, ayam tiru, itik dan merpati. Ha.. itu unggas yang termasuk dalam kerangka perancangan kita dan kita telah meihat kawasan – kawasan yang nampaknya lebih kurang menimbulkan masalah lalat. Satu kaedah yang disyorkan adalah penternakan secara tertutup ni la.

Dia ada 'buffer zone' dengan kawasan perumahan. 500 meter dengan kawasan perumahan. Kalau ladang tertutup ini 200 meter dengan k awasan perumahan. Jadi, pembiakan lalat berkurangan dan disyorkan supaya mereka juga menggunakan EM. EM untuk mengurangkan. Dia menghasilkan bakteria, bakteria ini mengurangkan bau najis lalat itu. Saya biasa ambik najis lalat cium memang tak ada bau. Sungguh. EM punya kerja. Sejenis bakteria mengurangkan bau najis. Bila kurang bau najis tinja ayam tu lalat pun kurang datang ke kawasan penternakan ayam tersebut. Jadi, itu kaedah – kaedah dia insyaAllah akan kita gunakan dan minggu depan kita akan bincang semula kaedah ini dan insyaAllah saya rasa masalah ini akan kita cuba percepatkan. Target time frame itu saya tak dapat nak pastikan tetapi ini yang sedang kita lakukan di kedah la. Kita akan mencapai satu keadaan dimana Kawasan Gurun dan kawasan – kawasan yang lain berdekatan dengan ladang ayam ni akan berkurangan masalah lalat ni. Terima kasih Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Ada soalan lain? Takda? Kalau takda, soalan nombor 10! Tapi Kulim tak hadir, jadi kita skip ke nombor 11 Bayu.

11. YB. TUAN HJ. ABD. NASIR BIN IDRIS
[ADUN BAYU]

Pohon dinyatakan apakah usaha pihak kerajaan bagi memperkasakan peranan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dalam melancarkan pengurusan dan pentadbiran di peringkat DUN dan kampung/komuniti?

YB. TUAN HJ. ABD. NASIR BIN IDRIS

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon penjelasan soalan nombor 11.

YB. DATO' USTAZAH SITI ASHAH BINTI GHAZALI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Bayu. Ini lah jawapan bagi jawapan no 11. Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) merupakan barisan hadapan pihak kerajaan negeri dalam membantu memajukan pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar. Oleh itu, pelbagai usaha telah dijalankan bagi memperkasakan peranan mereka.

Pertamanya, setiap Pengerusi, Setiausaha dan Biro – Biro JPKK telah diperuntukkan elaun kewangan untuk sedikit sebanyak membantu mereka menjalankan tugas yang telah diamanahkan ke atas bahu mereka. Pejabat Daerah sebagai jabatan kerajaan yang bertanggungjawab menguruskan mereka turut mengadakan pelbagai siri kursus dan bengkel bagi melengkapkan JPKK dengan maklumat & ilmu yang berkaitan dengan pengurusan komuniti kampung.

Selain itu, Pejabat Daerah juga menyediakan pelbagai alat – alat keperluan asas pejabat untuk kegunaan rasmi JPKK bagi membantu rakyat yang memerlukan pertolongan mereka. Selain itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan agensi – agensi di bawahnya sentiasa mengadakan siri – siri kursus, seminar dan bengkel terutamanya secara atas talian bagi memastikan JPKK terdedah dengan pelbagai maklumat bermanfaat untuk kegunaan masyarakat luar bandar. KPLB juga turut mengadakan Program Mentor Menti di antara JPKK. 3 JPKK di daerah Padang Terap terlibat di mana JPKK menti akan dibimbing dan dibantu dalam pelbagai aspek terutamanya aspek pengurusan. Hal ini akan menggalakkan perkongsian ilmu sesama JPKK.

Akhir sekali, JPKK juga diberi peranan besar oleh Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) di peringkat daerah dalam bidang pengurusan pandemik iaitu untuk membantu menghebahkan info berkenaan program vaksinisasi. Mereka juga dibantu untuk menggerakan perkhidmatan vaksinisasi bergerak atau setempat bagi memudahkan penduduk kampung mendapatkan suntikan vaksin. Tanggungjawab ini boleh membantu mereka memahirkan diri untuk menguruskan program – program kerajaan di peringkat luar bandar. Sekian.

YB. DATO' SPEAKER

Bayu!

YB. TUAN HJ. ABD. NASIR BIN IDRIS

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya peranan dan tanggungjawab besar yang dimainkan oleh JPKK kita sangat besar. Pelbagai penghragaan ataupun pengiktirafan kepada mereka. Adakah kerajaan tidak bercadang, kerajaan tidak berhasrat untuk menyalurkan peruntukan kepada JPPK kita.

Yang kedua, jumlah JPKK yang ada sekarang ni belum memadai. Adakah kerajaan bercadang untuk tambah jumlah bilangan JPKK.

Yang ketiga, adakah kerajaan juga bercadang untuk menaikkan elaun yang dibayar kepada JPKK. Sekarang ini dibayar sebanyak RM500. Duit kertas ja duit minyak pun tak cukup. Adakah kerajaan bercadang menambah elaun JPKK dan soalan yang kedua apakah hasrat dan harapan kerajaan dalam memastikan peranan JPKK di peringkat bawah ini dapat diperkasakan ataupun dapat diberikan peranan yang lebih besar. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Merbau Pulas, kita ini live ni kita punya jawapan. Ramai JPKK yang duk tunggu nak dengar ni di seluruh negeri kedah ini!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Hahaha yaa. Pertama tentang peruntukan. Peruntukan ni pada tahun 2021 memang ada peruntukan. Tetapi disebabkan program kegiatan JPKK tapi disebabkan pandemic covid, peruntukan itu tidak dapat diberi sebab nak buat program pun tak boleh. Tetapi peruntukan untuk 2022 ada dan bulan Januari mula kita salurkan kepada JPKK sepertimana peruntukan tahun 2021 akan kita salurkan mulai Januari.

YB. DATO' SPEAKER

Merbau Pulas boleh dak buka mask!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Nak bercakap pun tak berapa selesa kan, jadi peruntukan itu akan ada untuk 2022 dan akan disalurkan mulai Januari ini la untuk kegiatan JPKK. Seterusnya jumlah bilangan itu telah ditetapkan oleh pihak semasa kerajaan pakatan harapan dahulu. Jadi, kita akan bawa bincang semula dengan Menteri yang ada untuk kita melihat kembali lah penambahan. Setakat hari ini jumlah yang sedia ada itu lah yang kita pakai untuk 2022. Mengenai elaun, elaun juga dibayar oleh pihak kementerian pembangunan luar bandar, kita akan berbincang semula dengan mereka untuk kenaikan, mungkin tahun ini. Wallahu'alam. Jadi, hasrat dan peranan ini adalah terima kasih kepada Adun Bayu yang begitu bersungguh – sungguh dan prihatin terhadap JPKK kita alhamdulillah. Pelbagai usaha telah pihak kerajaan jalankan bagi memperkasakan peranan JPKK di seluruh Negeri Kedah. Besar harapan kerajaan supaya JPKK sentiasa menjadi mata dan telinga kerajaan supaya tiada masalah isu kesusahan rakyat tertinggal.

Tidak dicakna oleh pihak kerajaan. Dekatnya hubungan mereka dengan penduduk desa amat memudahkan penyaluran maklumat dari rakyat untuk mengambil tindakan oleh pihak kerajaan. Pada bajet kali ini 2022, kita ada 50,000 setiap Adun untuk Program Desa Sejahtera. Saya rasa peranan ini lah boleh dimainkan oleh JPKK supaya rakyat di peringkat dalam setiap dun itu tidak tertinggal untuk mendapat apa – apa bantuan daripada kerajaan.

Selain daripada itu, kita juga percaya JPKK kita sentiasa mengambil berat terhadap pembangunan infrsatruktur asas di komuniti masing – masing. Besar harapan kita supaya JPKK boleh turut turun padang dan mencadangkan pembaikan mana – mana kemudahan asas yang telah rosak seperti mini tar, titi, dewan serta pagar. Pagar masjid. Apa – apa lah keperluan asas kepada rakyat. Dalam membiasakan diri dalam tempoh endemic, kita mengharapkan JPKK masih aktif menyebar luas kepentingan pematuhan SOP oleh penduduk desa. Jangan kita alpa kerana kitalah sebagai pemimpin di komuniti yang bertanggungjawab untuk menunjukkan contoh tauladan terbaik bagi mengharungi tempoh endemik serta meneruskan kehidupan bersama – sama covid-19. Kita juga meletakkan harapan kepada JPKK untuk sentiasa mencari penduduk yang masih terbelenggu dengan kemiskinan di komuniti masing – masing. Bawa la berbincang dengan Penghulu Mukim supaya rakyat kita yang susah ini mendapat pembelaan sewajarnya dari pelbagai agensi kerajaan swasta dan mana – mana NGO.

Akhir sekali, JPKK juga diharapkan untuk sentiasa memastikan keselamatan penduduk kampung terutamanya semasa kedah sedang diuji dengan ujian bencana banjir yang sedang berlaku banyak menguji kemahiran kita sebagai pemimpin masyarakat. Bagaimana kita berurusan dengan pelbagai agensi kerajaan seperti bomba, PDRM dan ATM. Selain itu, pertolongan kita bersama JKM dan Pejabat Daerah sedikit sebanyak boleh meringankan beban penduduk yang sedang ditimpa musibah. Sekian.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan tambahan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Alang – alang dah takda orang. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya tengok JPKK ni memang selalu jadi isu dan permasalahan di peringkat bawah ni. Contohnya JPKK kerajaan Pakatan Harapan dengan JPKK di kerajaan yang sedia ada. Masalahnya kadang – kadang orang tak kenal di kampung ni. Macam kita takda maklumat. Jadi orang kampung last sekali pakai pusat khidmat la tempat dia.

Jadi, kalau boleh cadangan kita ada satu signboard yang menunjukkan gambar – gambar MPKK ataupun JPKK ka apa – apa ka sebab bila kerajaan bertukar di pertengahan jalan itu dia jadi sukar untuk orang kampung. So saya rasa mungkin cadangan kepada Merbau Pulas. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Terima kasih Kubang Rotan. Memang lah apabila biasa dengan orang lama, tapi orang kampung tak kenal lagi yang baru jadi dia akan rujuk kepada yang lama. Yang lama boleh la bagi rujuk balik kepada orang yang baru. Kalau dapat maklumat. Nak kenai tu kalut juga. Jadi kita akan insyaAllah dengan cadangan yang baik tu kita akan cuba maklumkan untuk adakan signboard la letak muka JPKK. Sekarang ni muka sapa yang ada dekat signboard. Muka A dun. Lepaisni kita letak muka JPKK pulak InsyaAllah. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 12!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Salam sejahtera selamat pagi Dato' Speaker. Mohon jawapan untuk soalan nombor 12. Terima kasih!

12. YB. ENCIK OOI TZE MIN
[ADUN BAKAR ARANG]

Pada bulan September 2021, Menteri Alam Sekitar menyatakan pencemaran udara di Sungai Petani berpunca daripada kilang haram yang menjalankan aktiviti peleburan logam.

Pohon dinyatakan maklumat terperinci dan tindakan yang telah diambil?

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Bakar Arang. Jawapan untuk soalan nombor 12 oleh Adun Bakar Arang. Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan penahanan operasi kelengkapan di bawah Seksyen 38(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap premis tersebut.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar juga telah mengeluarkan Perintah Larangan di bawah Seksyen 34AA, Akta Kualiti Alam Sekeliling supaya pemilik premis berkenaan menghentikan aktiviti yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 kerana syarikat tersebut beroperasi tanpa mendapat kelulusan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) terlebih dahulu.

Selain itu, kertas siasatan juga telah disediakan dan dikemukakan untuk tindakan pendakwaan di mahkamah. Sehingga kini, syarikat berkenaan masih belum mengemukakan laporan EIA bagi tujuan kelulusan sebelum operasi. Terima kasih.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih Sidam dan Dato' Speaker. Soalan tambahan saya ialah, sebab ini kita baca dari surat khabar di bawah Menteri sendiri, Menteri Alam Sekitar. YB Tuan Ibrahim yang mengeluarkan kenyataan katanya "pencemaran udara di Sungai Petani" ini bulan September. Baru sahaja 2 bulan lepas. Pencemaran udara di Sungai Petani berpunca daripada kilang haram yang menjalankan aktiviti pelaburan logam. Soalan saya ialah isu ini sudah lama dan kenapa masih tidak dapat diselesaikan.

Soalan kedua ialah, apakah tahap pencemaran yang dinyatakan oleh Menteri sebab sebagai orang Sungai Petani, penduduk Sungai Petani kita bimbang apakah tahap pencemaran dia. Index pollution dia berapa? Kawasan mana yang terjejas sebab Sungai Petani besar. Kilang tu dimana? Berapa kilang yang terlibat yang dikategori sebagai kilang haram yang melakukan pencemaran, berapa kilang dimana mereka dan Kawasan mana yang terjejas dan juga harap dinyatakan juga sebab yang buat pencemaran ini kadangkala bukan sahaja kilang haram, kilang berlesen pun berkemungkinan melakukan pencemaran. So, adakah berapa kilang sila nayatakan.

Kalau boleh nyatakan sekali dengan nama syarikat mereka dan sepanjang satu tahun ini berapa kilang haram yang telah ditutup. Kilang haram yang berkaitan dengan pelaburan logam ataupun yang membuat pencemaran kitar semula plastik juga telah pun ditutup oleh kerajaan. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB Bakar Arang. Saya rasa jawapan dia memang soalan dia panjang la. Saya pun nak record pun mengambil masa sikit. So, saya rasa isu untuk pencemaran udara saya rasa bukan setakat hanya 1 tahun saja dia sudah sambung mungkin 4, 5 tahun.

So, kebanyakan memang ada satu fakta juga dengan akta semua yang komprehensif so saya rasa bukan hanya Jabatan Alam Sekitar sahaja, saya rasa kita ada sama dengan PBT iaitu MPSP tapi kita akan bagi you fakta tentang apa yang index total dia berapa? Kita akan bagi, nama – nama kilang ada dekat sini. Ini untuk pelaburan logam saja. Kalau nak plastic, kita kena permintaan PBT untuk dapatkan yang ada license takda license ada beberapa lagi. So mungkin lepas ini penggulungan kajian tempatan kita akan minta dengan kerajaan tempatan untuk dapatkan senarai selanjutnya. Dan saya rasa banyak soalan saya akan tapi untuk index yang kita boleh provide ia tak sampai 2020 sampai 2021 kita akan bagi untuk Jabatan Alam Sekitar tentang index – index. Apa yang index for whole one year also can. Saya akan provide also apa index yang ada. So ya memang kita tak boleh menafikan banyak kilang – kilang. Sekarang kita pun faham juga ada setengah kilang walaupun kita sudah gazet banyak tempat macam Bukit Selambau. Kerajaan sekarang cukup prihatin kepada industri Bukit Selambau yang sedang ada untuk recycle plastic. Tapi ada setengah – setengah mungkin kita masih pantau lagi dengan ketatkan penguatkuasaan. Kita akan monitor dengan lebih baik. Makesure pencemaran udara including pencemaran air kita kena kurangkan dekat kerajaan negeri. Itu sahaja!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB. Dato' Speaker, saya rasa saya tidak puas hati la dengan jawapan yang diberi oleh Sidam!

YB. DATO' SPEAKER

Takpa. Sidam akan buat jawapan …..(YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Sebab soalan yang saya tanya sudah boleh disediakan jawapan sebab saya sudah memberi soalan satu bulan yang lepas. Bertanya tentang maklumat terperinci dan tindakan yang diambil. Kalau pasal pencemaran, index pencemaran, index pollution berapa pun tak boleh disediakan untuk dijawab dalam dewan. Kilang mana? Berapa kilang? Kawasan mana pun tak boleh dijawab. Jawapan tadi hanya kata JAS telah pun mengeluarkan perintah larangan sebab kilang ini tak memenuhi EIA ini jawapan terlalu general. Sudah beri. Ini bukan dalam soalan tambahan tetapi soalan saya yang dihantar kepada Dun tetapi tidak menyediakan satu jawapan yang munasabah la kita kata. Mohon Dato' Speaker, mohon bagi jawapan la.

YB. DATO' SPEAKER

Sidam boleh bagi jawapan bertulis yang detail dak?

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Saya akan bagi bertulis lah.

YB. DATO' SPEAKER

Bakar Arang, you akan dapat slip jawapan bertulis yang detail!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Saya nak tau index pollution berapa kalau di Sungai Petani? Kita bimbang sebab saya penduduk Sungai Petani. Berapa index yang dikatakan oleh Menteri katanya pencemaran udara di Sungai Petani sangat serius dan berpunca dari kilang haram.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Dalam ni tak tanya index pun. Mintak jawapan bertulis.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Maklumat terperinci!

YB. DATO' SPEAKER

Tak apa Bakar Arang!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

You nak maklumat terperinci actually takpayah naik angin sangat. You rilek saja.

YB. DATO' SPEAKER

Sidam! Sidam!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Kita bukan nak lawan!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Bagi la jawapan yang munasabah sikit!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Average you average dia tak sampai 60. So nak jawapan lebih teliti kita akan provide. Takkan kita nak tipu you tak mau bagi you. Selepas ini you boleh press dekat media cakap apa yang saya boleh cakap kat sini. Tapi saya akan provide you. You cakap dengan saya baik – baik apa yang sepatutnya saya akan bagi! Dewan Yang Mulia ini kita tak mau gaduh – gaduh bukan mai tempat untuk main politik. Kita untuk settle isu – isu untuk rakyat. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Okay Sidam. Sidam you bagi jawapan bertulis. Ada soalan lain? Tak ada? Tak ada kita boleh ….

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Belakang ni

YB. DATO' SPEAKER

Mana – mana?

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Dato' Speaker!

YB. DATO' SPEAKER

Kuala Ketil selalu tertinggal jauh. Lindung!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Besar macam ini tak nampak lagi tak taula. Yang Berhormat Sidam tarik nafas, boleh na! Soalan tambahan saya Yang Berhormat Sidam, masih berkaitan di pencemaran di Sungai Petani. Kita dihebohkan baru – baru ni sebelum ini la tentang beberapa kilang yang beroperasi sisa pepejal yang mendatangkan pencemaran. Jadi, kita pernah dapat maklumat sebelum ni akan dipindahkan ke Bukit Selambau. Jadi, saya nak tanya Sidam, berapakah kilang yang telah dipindahkan ke Bukit Selambau dan yang telah beroperasi di Bukit Selambau? Kilang – kilang yang berkaitan pencemaran udara dan juga yang berkaitan dengan pemprosesan sisa pepejal tersebut.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih Kuala Ketil. Ya untuk Jabatan Alam Sekitar, kita makesure that index pollution terutama dekat Sungai Petani, dia purata dia tal sampai tahap 60 API so yang jawapan saya cukup jelas, tapi ada yang beberapa kilang yang sudah pindah ke Bukit Selambau atau sedang mohon. Dia ada satu data yang latest punya saya rasa kita kena tanya KerajaanTempatan la untuk dapat nama yang teliti. Okay terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih Sidam. Soalan nombor 13!

13. YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA
[ADUN KUALA NERANG]

Pohon dinyatakan:-

a) Bilakah Pencawang Masuk Utama (PMU) di Kedah Rubber City (KRC) akan dibina dan bilakah ianya dijangka siap?

b) Apakah status terkini rancangan membina LRA yang baharu dan menaik taraf Loji Air sedia ada di Padang Sanai. Bilakah ianya akan dibina dan dijangka siap?

c) Bilakah kilang pertama di KRC akan mula dibina dan bilakah ianya akan mula beroperasi?

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Speaker mohon jawapan nombor 13!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum w.b.t Yang Berhormat Dato' Speaker, ni jawapan saya untuk soalan nombor 13. (a) Kerja – kerja pembinaan PMU dan kerja – kerja yang berkaitan termasuk overhead lines, dijangka akan bermula pada Mei 2022 dan dijangka siap pada November 2023. (b) Berhubung dengan bekalan air, perbincangan dengan pihak SADA bagi mencari pendekatan terbaik bagi bekalan air KRC telah diadakan pada 20 Oktober 2021. Hasil perbincangan adalah seperti berikut. Meningkatkan kapasiti LRA sedia ada di Padang Sanai daripada 50mld kepada 60mld melalui program menaiktaraf loji yang sedia ada iaitu dengan pemasangan 4 units submersible pump dan kerja – kerja yang berkaitan yang anggaran kosnya ialah RM8 juta. Kalau semua berjalan lancar akan dimulakan pada Januari 2022 dan dijangka InsyaAllah akan siap pada Oktober 2023. Lebih kurang sama dengan bekalan elektrik. Dengan peningkatan kapasiti LRA iaitu daripada 50 ke 60 mld dia mampu membekal 14 mld bagi fasa satu KRC kerana peruntukan sedang saya usahakan InsyaAllah. Kerajaan persekutuan atau agensi di bawahnya akan membantu InsyaAllah.

Seterusnya jawapan bagi soalan nombor 3 (c) bilakah kilang pertama di KRC akan mula dibina dan bilakah ianya akan mula beroperasi. Kilang pertama yang akan dibina di KRC iaitu kilang pengeluaran Nitrile butadiene Latex (NBL), bahan mentah untuk membuat sarung tangan. Yang mana kita semua sedia maklum 70% sarung tangan yang dikeluarkan ke negara kita dibuat dengan Nitrile Latex ini iaitu Latex tiruan. Pelaburnya ialah Syarikat Hong Seng Industries Sdn Bhd dengan pelaburan sejumlah RM3 billion. Pembinaan dijangka bermula akhir 2022 dan dijangka mulakan operasi pada pertengahan 2024. Majlis Pecah Tanah telah diadakan baru – baru ni secara virtual oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di sebuah hotel pada 1 November yang lalu. Sekian.

YB. TUAN HJ. MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan pohon jawapan pohon penjelasan alhamdulillah projek KRC telah berjalan lancar…..

YB. DATO' SPEAKER

Buang mask!

YB. TUAN HJ. MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Barangkali boleh diberikan penjelasan kenapa projek ini tidak dapat dijalankan sebelum ini dengan lancar dan sempurna. Mengambil masa yang begitu lama untuk disediakan bekalan air dan tenaga elektrik yang menjadi keperluan asas untuk sesuatu projek mega terutamanya.

Yang kedua ialah mungkin boleh dihuraikan manfaat yang boleh diperolehi oleh rakyat di Padang Terap khasnya hasil daripada perlaksanaan projek KRC. Yang terakhir ialah saya difahamkan pengambilan tanah untuk jajaran kabel TNB ini sudah di peringkat pewartaan dan soalan saya ialah apakah kerajaan berkeyakinan bahawa proses pengambilan ini akan selesai dan boleh diserahkan ataupun pihak TNB memulakan pembinaan cable untuk jajaran cable TNB ke KRC pada Januari 2022. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ini jawapan saya kepada soalan tambahan daripada Kuala Nerang. Sebenarnya projek Kedah Ruber City ini pemajunya ialah NCIA. Kerajaan negeri sebagai pemudahcara. Tapi akhirnya pemudahcara jadi macam pemaju jugak. Buat segala – gala. Dan apa yang berlaku lepas saya dilantik semula menjadi EXCO Pelaburan Industri oleh Yang Berhormat Jeneri, saya panggil mesyuarat dan saya tanya apa kemajuan terkini mengenai bekalan air dan elektrik. Air tak ada elektrik pun tak mula lagi. Saya pun heran tapi saya tak mau menuduh ataupun mengata kat sapa – sapa yang pentingnya kita move forward dengan izin. Itu yang penting bagi saya. Jadi, saya pun tubuhkan jawatankuasa 'task force'. 'Task force' untuk dua perkara. Bekalan air dan elektrik. Pertama, bekalan elektrik. Saya dapat maklumat daripada Tenaga Nasional dan saya tanya bila nak siap ini. TNB kata tak mula lagi. Ia akan mengambil 5,6 tahun untuk menyiapkan.

Kita dah buat promosi untuk tarik pelabur. Jadi, saya kata tak boleh. Ia perlu dipercepatkan. Saya berjumpa dengan Yang Berhormat Dato' Seri Mahathir Khalid, Pengerusi TNB dan mintak tolong beliau.

Jadi, saya tubuhkan satu jawatankuasa khas task force tanah dan juga dengan TNB sekali. Dah tiga empat kali mesyuarat, begitu juga dengan bekalan air. Sat ada sat tak dak. Sat kata tunggu Pelubang, Pelubang pun kita tak tau bila lagi. Rubber City ini kilang nak masuk dah jadi kita tubuhkan task force dan tenaga elektrik ini dia bukan benda yang mudah. Jarak dari Tanjung Pauh ke KRC ialah 38km. Ia melibatkan 248 lot tanah dalam Daerah Kubang Pasu, Kota Setar, Daerah Padang Terap dan ia bukan satu benda yang mudah.

Pembangunan ekonomi amat bergantung kepada industri. Pertamanya, perolehan setiap tahun dari tukar jenis tanah dari pertanian kepada industri. Kemudian, kena bayar cukai tanah. Cukai industri, pihak lebih tinggi daripada cukai pertanian. Pada tahun 2016, kita naikkan cukai tanah industri. Dan ini memberikan hasil RM90 juta kepada kerajaan negeri. Majlis Tempatan pula dapat perolehan dari kebenaran merancang dan cukai pintu tahunan. Seterusnya, pengilangan akan mewujudkan peluang pekerjaan. Orang Padang Terap dan orang dari daerah lain pun boleh dapat kerja di KRC. KRC juga akan memberi limpahan ekonomi kepada perniagaan disitu. Orang berniaga makan, orang buat kedai, buat perumahan dan sebagainya dan limpahan ini amat besar sekali. Itulah jawapan saya dan Bandar Baharu pun sama jugak lah kan. InsyaAllah dengan izin Allah taala kita akan Berjaya dalam projek kita ni. Sekian saja Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Boleh tanya?

YB. DATO' SPEAKER

Silakan Derga!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Tahniah jugak Yang Berhormat Guar Chempedak. Dari melahirkan KRC. Bila dengar jawapan dari Guar Chempedak ni seolah-olah balik tahun 2014 masa itu berbincang pasai KRC dan perancangan KRC dan sebagainya, jadi i tak faham kenapa perancangan ini sampai bila tukar juga kerajaan itu masih lagi Guar Chempedak yang jadi task force dalam team untuk menjaga KRC. So semua perancangan Dato' Guar Chempedak patut tau la. Soalan saya ini, selain daripada yang kata tadi TNB tu dan air itu, i ingat pelabur juga, semasa perancangan tu pelabur juga khuatir telekomunikasi disitu. Antara internet yang sangat diperlukan untuk pelabur.

Yang kedua, jalan. Jalan untuk transportation ke pelabuhan – pelabuhan yang buat pun faham. Jadi progress ini dan cadangannya bagaimana, ini infrayang diperlukan. Yang ketiga, tempat kediaman untuk pekerja – pekerja dan berkaitan pekerja ni, bilangan pekerja skill yang diperlukan dan dimana pekerja ini akan datang sebab yang penting i nak bagi Kuala Nerang yang dia pernah tanya, YB. Kuala Nerang pernah tanya apakah faedah ataupun peluang pekerjaan kepada orang tempatan Kuala Nerang. Jadi, berapa bilangan Kuala Nerang akan jadi pekerja dalam kilang yang melabur disini.

Yang kedua, implikasi ataupun harga getah, sebab kita tau penoreh getah ni semua di bawah B40. Jadi antara projek ini yang disebut oleh Guar Chempedak semasa itu yang saya ingat adalah bantu untuk menaikkan taraf hidup rakyat penoreh getah. Jadi, apakah jaminan terhadap pemberian susu getah dan sebagainya. Ada kekhuatiran juga daripada pelabur pasal kualiti dan bekalan, susu getah dan sebagainya perlukan untuk industri tersebut. Jadi saya pohon Guar Chempedak perjelaskan yang ni.

Yang satu lagi soalan tambahan ialah Syarikat Hong Seng beli dengan 102.6 ekar tanah, saya nak tau apakah adakah ini pajakan, berapa tahun, sampai bila ataupun tempoh selama – lamanya? Dan berapa harga tanah tersebut yang ditawarkan kepada kepada Hong Seng. Sekian saja.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ni soalan tambahan yang paling panjang. Pertama, berhubung dengan internet telekomunikasi Yang Berhormat Dato' Speaker. Masalah inilebih mudah daripada air dan elektrik. Kita dah panggil dah semua ni. Gas pun takda masalah. Yang kita masalah yang dua tadi. Kita berikan fokus dan tubuhkan task force.

Yang kedua, mengenai jalan raya. Jalan raya ini amat penting. Kalau orang tengok lani jalan nak pi KRC sekerat sahaja iaitu sampai Pokok Sena, kita ada four lane dan saya dimaklumkan juga oleh Yang Berhormat Dato' Seri dan juga YB. Menteri Luar Bandar bahawa tanah tu dah selesai dah, dah ambik dah. Cuma kita nak buat jalan. So masalah dia chicken dan egg. Bila kilang dah banyak jalan akan dibuat. Four lanes terus sampai ke Rubber City sama yang macam kita buat Kulim Hi-Tech Park yang dulu. Dedicated Highway untuk projek seperti ini. Itu yang kedua.

Ketiga mengenai pekerja. Saya amat yakin pekerja yang akan bekerja disitu adalah pertamanya anak tempatan Padang Terap, dan juga daerah – daerah yang lain. Jangan bimbang. Saya yakin kita tak kan ambik, takkan terpaksa ambik pekerja asing daripada Thailand ataupun daripada mana – mana. Sebab very simple. Orang Kedah ni very simple. Dia tak mau kerja jauh. Sungai Petani pun bagi dia jauh. Pi Penang pun jauh. Masalah satgi tok sakit, orang buat kenduri baca Yassin nak kena ada. Contoh terbaik ialah Continental Tyres di Mergong, Syarikat Jerman dengan 2,000 lebih pekerja, 98% anak Kedah. Ada la sikit – sikit orang Perlis. ACM pengeluar sayap boeing, kapal terbang, 98% anak tempatan. Adalah orang Perlis sikit kat situ. Tak apa lah kita tolong Perlis.

Yang tu for sure kita tak worry about pekerja. Kemudian dari segi perumahan, selalunya perumahan ni dia datang selepas kita majukan industri. Dimana – mana berlaku macam tu. Di Petaling Jaya ka di Hi-Tech Park ka, bila industri dah mula orang dah mula kerja, dan permintaan untuk rumah akan ada. InsyaAllah itu kita akan selesaikan. Tak ada masalah yang tu.

Kemudian, pendapatan penoreh getah. Yang ini yang saya selalu sebut kita banyak tentang bila kita nak buat rubber city maka harga getah asli kita akan naik. Dia bukan nak menyelesaikan masalah getah, rubber city ini Dato' Paduka Speaker. Bukan nak selesaikan masalah ini. Tetapi kita nak mewujudkan pekerjaan dan menaikkan ekonomi negeri dan tempatan, bukan untuk rubber. Harga getah, harga getah ini ditentukan oleh pasaran antarabangsa. Kita tak boleh tetapkan rubber ini. Dia mengikut permintaan dan bekalan. Itu selesai. Jadi, bab pekerja penoreh getah ini, kita tak boleh selesai masalah penoreh getah. Ini miss conception yang perlu kita perbetulkan kepada rakyat kita di sana. Jangan kata rubber city buat harga getah kena naik. Harga getah ni naik apabila pasaran antarabangsa itu dia punya permintaan tinggi. Bukan takat rubercity ni. Tak boleh. Kita tak boleh kecuali kita nak subsidies harga getah oleh kerajaan. Satu lagi Hong Seng nak buat Nitril Latex, itu bukan getah asli, nitril tapi kita terima. Ini rubber dan juga polimer. Dia dari segi pajakan macam seperti biasa, pajakan ini 60 tahun la. Industri macam di Kulim Hi-Tech Park, di Sungai Petani sama la 60 tahun. Memang 60 tahun.

Dari segi harga, Yang Berhormat Dato' Speaker, yang itu kita tak boleh habaq. Pasai yang ni rahsia kita punya strategi untuk menarik anchor tenant di Kedah Rubber City. Itu sahaja jawapan saya. Sekian terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Ooo takleh habaq noh. Takpa – takpa, yang takleh habaq, toksah habaq. Yang ni 'business strategy'. Okay kita sudah selesai kepada sesi pertanyaan mulut. Urusan seterusnya setiausaha.

YB. DATO' SPEAKER

Ok, kita telah selesai sesi pertanyaan mulut. Urusan seterusnya Setiausaha.

III. SAMBUNGAN PERBAHASAN UCAPAN BAJET 2022 SECARA DASAR

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan perbahasan ucapan Bajet 2022 secara dasar sehingga selesai.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan YB. Bakar Arang. Kelmarin 'tekan' banyak mana dah?

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Kelmarin 7 minit tapi tak boleh nak fokus.

YB. DATO' SPEAKER

Oklah! Oklah! 6 minit, sambung lagi.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

15 minit lagi ka?

YB. DATO' SPEAKER

Ya, 15 minit!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ok, 15 minit tak pa! Salam sejahtera, terima kasih YB. Dato' Speaker. Ya, kita sambung perbahasan untuk Bajet 2022. Tahun ini kita dapat buku bajet macam ini (sambil menunjukkan buku bajet) dalamnya QR Code saja, tahun lepas adalah, di'print'kan.

Sebelum mula saya 'just' nak habaq la… ini perkara tak banyak muka surat, kalau boleh bagilah kita boleh simpan, yang tahun-tahun lepas kita selalu simpan.

Yang ni, yang tebal-tebal (sambil merujuk kepada Buku Penyata Rasmi) tak dapat 'soft copy', ini bajet lagi banyak kertas YB. Dato' Speaker. Kalau boleh kertas-kertas jawapan soalan lisan dan soalan bertulis dan Penyata Rasmi kita boleh dapatkan 'soft copy' lah dan ucapan ni kalau boleh diberilah 'hard copy', tak banyak muka surat, 50 muka surat saja.

Semalam saya telah pun menyentuh ekopelancongan ada potensi yang besar di Negeri Kedah, tambahan pula bukan sahaja di Kedah ini kita mempunyai alam sekitar yang cantik, ditambah pula dengan pandemik Covid-19 ini, pelancong-pelancong lebih cenderung pergi ke aktiviti yang lebih selamat supaya tidak dijangkiti covid dan kita pun telah tengok dalam bajet tahun 2021 (tahun ini) semasa pembentangan ada kata ada peruntukan RM4.55 juta diberi kepada Jabatan Perhutanan untuk membangunkan baik pulih taman ekorimba di beberapa tempat, Sungai Sedim, Lata Bukit Hijau, Lata Mengkuang, Titi Hayun dan Bukit Wang. Namun, kita tidak mendapat apa-apa laporan 'progress'nya RM4.5 juta ini bagaimana dibelanjakan, bina apa benda dan kita nak taulah kalau RM4.5 juta ini dananya besar. Kalau boleh kita nak satu hasil atau impak yang besar kepada tempat-tempat ini supaya kemudahan baik dan boleh menarik pelancongn. Sama juga bajet yang dibentang tahun lepas untuk tahun ini 2021 ada RM4 juta diberi untuk naik taraf Muzium Padi, pembangunan ekopelancongan di Baling di jajaran Gunung Baling, di rangkaian gua-gua. YB. Bayu, hari tu kita pergi, Gua Sireh, Gua Kelambu, Gua Jepun, RM4 juta telah diperuntukkan untuk tahun ini. Bagaimanakah perbelanjaannya, apakah hasilnya, adakah sudah menjadi cantik di Baling sana? Kita nak tau sebab kalau tidak, setiap tahun kita bentang sahaja di dalam Sidang DUN Bajet tetapi 'next year', tahun ini bentang pula RM3 juta diberi kepada kemudahan frasarana pelancongan, RM3.2 juta bagi kepada Perhutanan untuk ekopelancongan lagi. 'So' kalau setiap tahun bentang tapi kita nak tau juga apakah progressnya, apakah hasilnya, kita pun harap tempat-tempat ini ada impaknya.

Di sebalik kita nampak ada bajet, tetapi kita pun dengar aduan daripada industri ataupun penduduk bahawa seperti semalam saya kata di Pulau Songsong seperti tandas, bilik mandi, tidak dapat dibina, tidak dapat dibaik pulih dan kalau pelancong pergi sana, tak dak satu tempat yang elok untuk mandi, untuk tandas, ia menjadi susah. Saya difahamkan ada yang kata kalau nak bina tandas di sana perlu RM200 ribu sebab nak ikut spek JKR. Saya tak taulah kalau RM200 ribu kerajaan patutlah belanja kalau boleh menarik pelancongan.

Tapi kalau tak dak RM200 ribu, saya cadang, buatlah yang 'simple' sebab itu pun ekopelancongan, kita buat dalam hutan, janganlah buat macam tandas seperti RNR highway. Kita buatlah ikut lebih natural punya 'style', 'simple' sikit tempat dinding cukup. Yang penting RM80 ribu pun boleh siap, RM50 ribu pun siap dah. Saya rasa kita perlu maksimumkan sumber yang kita ada supaya kita boleh memaksimumkan impaknya juga. Buatlah yang lebih 'ecofriendly', lebih murah. Saya rasa bukan saja di Pulau Songsong tetapi di Sik, di Yan, di Baling dan banyak tempat kita boleh menaik taraf. Sekarang banyak penggemar perkelahan, camping juga, buatlah fasiliti yang

simple sahaja, kemudahan bilik mandi, ada air sudah cukup, depa bawa khemah sendiri pergi berkelah di sana. Saya rasa kita perlu memandang potensi untuk kita wujudkan lebih banyak tempat seperti ini.

Dalam ucapan Bajet 2021 juga YAB. Menteri Besar juga kata nak wujudkan hub basikal, laluan basikal di Daerah Kuala Muda dari Sungai Petani ke Tanjung Dawai ke Pantai Merdeka, ke kaki Gunung Jerai tetapi sehingga sekarang saya tidak nampak lagi lah ada laluan khas itu kecuali adalah turapan jalan baru di beberapa tempat. Saya rasa jika boleh buatlah laluan khas untuk penunggang basikal bukan hanya di situ, banyak tempat lagi lah. termasuk kita pergi ke Sik, kawasan Jeneri juga di Tasik Beris, banyak tempat yang menarik kalau kita ada satu laluan khas untuk penunggang basikal. Saya pasti kita akan dapat menarik ramai pelancong basikal dari luar Kedah untuk datang berbasikal di Kedah.

Dalam melawan covid ini juga, saya rasa kita perlu ada imunisasi badan yang kuatlah. Cukup kita haritu ambil 2 dos vaksin, sekarang nak ambil dos ketiga lagi untuk tambahan. Saya tidak taulah nanti adakah setiap 6 bulan kita perlu ambil satu dos lagi vaksin sampai bila-bila masa. Tapi saya rasa yang pentingnya ialah kita jaga kesihatan kita, kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada vaksin. Yang paling kuat ialah imunisasi badan kita dan juga bukan saja perlu jaga makan, perlu bersenam, kita perlu persekitaran yang bersih, udara yang segar, itu lebih penting dan kita perlu mengekalkan kehijauan di kawasan kita.

Tadi kita berbincang tentang alam sekitar. Saya rasa ini sesuatu yang juga sangat dibimbangkan oleh rakyat sebab kalau YB. Sidam kata tadi indeks kita tidak lebih 60. Kalau tidak lebih 60 saya kira itu biasa lagi, kira normal lagi kalau ikut perbandaran seperti Sungai Petani, Penang, tidak lebih 60 itu biasa, kalau sampai 80, 90 baru tinggi. Tetapi kenyataan ini keluar daripada mulut Menteri Alam Sekitar bahawa katanya ada pencemaran udara di Sungai Petani dan disebabkan oleh kilang haram. Kita pun tau kilang haram sudah lama, dulu pun kita bersungguh-sungguh nak membanteras dan nak menutup mereka dan juga mengambil tindakan yang keras.

Kenapa sehingga sekarang kerajaan diambil alih oleh pihak sana sudah pun hampir 2 tahun kenapa tidak selesaikan lagi dan kita sangat bimbang apakah tahap pencemaran yang berlaku sebab menteri sendiri yang memberikan kenyataan. Kita perlu tahu kilang mana yang menyebabkan perkara ini dan berapa kilangkah yang telah ditutup dan bagaimana pencemaran itu sebab menteri kata ia daripada peleburan logam. Kalau pencemaran daripada peleburan logam, jauh lebih toksid daripada industri-industri lain sebab yang ini memang 'havy industry' yang perlukan EIA. Kita tengok kalau kilang haram pun tidak dapat diselesaikan, kilang haram pun

tidak dapat diambil tindakan yang keras, apatah lagi judi haram yang kita katakan semalam. Adakah kerajaan mampu untuk membanteras juri haram ini? Judi haram sekarang bukan saja secara fizikal, termasuk judi online. Bukan saja kalau kita tidak dapat membanteras judi haram, semalam kita tengok berita lagi ada Menteri, Timbalan Menteri kata Kerajaan Persekutuan, ni kerajaan yang sama dengan tuan-tuan di sana, dia kata nak melesenkan judi atas talian ini, nak melesenkan judi online ini, nak mencukaikan mereka. Saya pun rasa kuatir lah, tapi di sini kita nak haramkan kedai nombor ekor yang berlesen yang pakcik, makcik ni pi beli saja, orang muda seperti saya dan ke bawah tak dak dah, kawan saya pun tak dak, tanya 10 orang, 10 orang tak pergi beli nombor ekor dah, itu pun makcik-makcik dua tiga ringgit pergi dating sahaja. Di sini nak haramkan nombor ekor berlesen, sana kata nak bagi lesen kepada online judi. Saya rasa ini sangat pelik. Saya cuma nak tegaskan sekali lagi lah, negara ini Malaysia, Kedah satu masyarakat majmuk, kita hidup harmoni tak ada masalah sepanjang masa ini. Saya harap kita boleh kekalkan keharmonian ini, kehidupan, kebebasan, hak kehidupan orang-orang bukan muslim janganlah kita pergi sekat, janganlah kita pergi sekat….(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Boleh mencelah?

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Saya tak dak masa dah.

YB. DATO' SPEAKER

Potong masa you!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ayooo!! Cepatlah! Cepat!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Sikit saja. Adakah YB. Bakar Arang mengharapkan keharmonian itu dapat wujud dengan perjudian?

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Sorry, sekali lagi?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Adakah YB. Bakar Arang merasakan keharmonian, kebaikan dapat wujud dengan aktiviti perjudian?

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Bukaaaann….Saya tak kata kita jangan pergi sekat apa yang sudah pun lama diamalkan di Malaysia ini. Janganlah kita kata 'actually' di Malaysia ini sudah sangat baik, kita sudah sekat banyak, nombor ekor ini sudah lama ada di Malaysia, itu pun sikit-sikit saja. Ada orang beli saham, itu bukan judi katanya, itu melabur. Tapi kalau kamu rugi di pasaran saham, ataupun untung di pasaran saham, itu amoun lagi besar daripada pergi beli nombor ekor. Kita pun ada BSN itu juga macam 'lucky draw' beli sijil, itu juga bukan judi. Tetapi konsep dia adalah sedikit-sedikit persamaan. Saya rasa bukannya kita kata itu judi besar ka apa, tapi kita sudah 'hide'kan di Kedah kita hanya ada 45 kedai nombor ekor saja yang berlesen, 20 daripada Toto, Magnum 13, dan Pharma Chai 12. Itu saja yang ada. Ya!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Bakar Arang, terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ingat mungkin kita semua setuju soal agama tak galakkan judi, saya ingat yang ini semua boleh bersetuju dan faham. Jadi, kita bukan bela atas judi tersebut. Tapi saya rasa yang penting ialah sebab tindakan yang nak kurangkan judi ini, adakah YB. Arang bersetuju satu pendidikan supaya anak kita seperti YB. Bakar Arang kata anak muda kurang berjudi tapi mereka mungkin berjudi di dalam saham lah. Kita orang tua ni bukan berjudi pun tapi orang tua kita mungkin main sedikit mahjong untuk kurangkan takut sakit orang tua. Itu satu.

YB. Dato' Speaker, saya nak tanya YB. Bakar Arang tau tak ada mesin slot di Kedah Club di mana YAB. MB menjadi pengerusi. Adakah mesin slot tersebut telah ditutup dulu sebelum kita haramkan yang lain? Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Tadi semua agama tak galakkan judi, betul kan? Setuju? Oh! Ok.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Dato' Speaker, sorry. Saya rasa yang ni YB. Sungai Limau boleh kita sama-sama bincang pasal agama sebab setiap agama persamaan itu semua ada. Tapi mungkin kita tak dak asimilasi ataupun tak dak satu pertembungan bersama. Saya bersedia sekiranya YB. Sungai Limau ingin berbincang di luar tak pa, mengikut pemahaman agama masing-masing . Agama kita pun tak kata boleh berjudi dan itu satu hobi bagi orang tua sahaja. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bakar Arang cuma boleh buat 'conclusion' saja. Masa ada 1 minit lagi.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Boleh bagi 2 minit lagi? Yang pertama saya sangat setuju, pendidikan itu penting. Kita sudah sekat tetapi sedikit kebebasan untuk mereka mengamalkan kebudayaan ataupun target kehidupan yang selama ini diwujud lah. Saya rasa pendidikan itu lebih penting, kita pun tidak haramkan rokok, rokok pun tidak baik. 'I think' agama pun tidak menggalakkan tetapi kita tidak haramkan seterusnya. Banyak lagi lah termasuk pemakaian, tudung pun kita tak haramkan terus, kita tetap memberikan pendidikan. Itu lebih baik melalui pendidikan lah saya rasa. Itulah kebebasan bukan kita kata nombor ekor, penggunaan alkohol ka. Betul, kalau agama tidak menggalakkan tetapi budaya. Kalau kamu pergi ke Sabah dan Sarawak, pergi ke pedalaman, orang asli, budaya mereka….(YB. Tanjung Dawai mencelah)

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN GHAZALI

YB. Bakar Arang, sikit saja! Sikit saja!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Tak dak masalah saya rasa saya 'just' 'landing' saja lah.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN GHAZALI

Sikit saja! Sikit saj!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Saya tak bagi! Saya tak bagi! Kalau YB. Dato' Speaker bagi masa, saya bagi.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN GHAZALI

3 perkataan saja! 3 perkataan!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Tak boleh! Tak boleh! Saya habiskan lah, nanti ada peluang untuk perbahasan lagi. Ok? Saya ingin menegaskan, kita harap kita boleh kekalkan keharmonian ini. Hari ini kalau boleh janganlah mengharamkan kedai nombor ekor yang berlesen, kita tidak tau besok nanti haramkan benda lain lagi, nanti langsung tidak boleh jual alkohol ka, atau benda-benda lain. Saya rasa kita satu masyarakat majmuk, saling hormat menghormati, ada benda orang muslim tidak boleh lakukan, undang-undang sudah dinyatakan tidak boleh melakukan, kalau melakukan itu salah tapi ada perkara orang bukan muslim buat dan saya harap ini diberi satu kebebasan sebab apa-apa ajaran agama pun mengajar kita untuk menghormati orang lain dan kita sama-sama melindungi orang lain walaupun kita mungkin tidak buat perkara itu tetapi kita mempertahankan hak dia untuk melakukan perkara yang boleh dilakukan selain dia tidak mencederakan orang lain.

Itu saja perbahasan saya, sekali lagi terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Sekarang saya menjemput YB. Pedu!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahi robbil 'alamin wassola tuwassala muála asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in.

YB. Dato' Speaker, Yang dihormati YAB. Dato' Seri Menteri Besar, yang diraikan semua Exco-Exco, ADUN-ADUN, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian. Alhamdulillah, pada pagi ini saya dapat bersama-sama untuk membahas Bajet 2022 yang telah dibentangkan oleh

YAB. Dato' Seri Menteri Besar pada hari Ahad yang lalu. Di sini saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada YAB. Dato' Seri dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan yang telah berusaha dengan secara langsung dan tidak langsung untuk menguruskan kewangan negeri yang begitu drastik sekali untuk membangunkan Negeri Kedah ini. Jadi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua yang berusaha sedaya upaya untuk membantu negeri dan rakyat di Negeri Kedah ini. Saya merasakan inilah tahun pertama Kerajaan Negeri Kedah dapat mengutip hasil yang begitu banyak dan dapat menyimpan duit deposit yang begitu tinggi, rasanya RM600 juta lebih. Inilah satu sejarah walaupun dikatakan 'Tok Lebai" yang memerintah, tak boleh buat apa. Alhamdulillah, inilah keberkatan yang telah Allah anugerahkan kepada kerajaan negeri dan rakyat di Negeri Kedah ini khasnya.

YB. Dato' Speaker, pada hari ini saya ingin membahaskan mengenai ekonomi yang merupakan satu teras yang telah direncanakan oleh Kerajaan Negeri Kedah. Jadi, yang pertamanya saya nak mencadangkanlah kepada setiap jabatan kerajaan yang memiliki tanah yang banyak contohnya Jabatan Haiwan, ada padang ragut yang luas, ada Jabatan Bomba yang tanahnya begitu luas, masih ada tanah tapi hutan rimba, dia buh pagar, dia tinggal begitu saja pasal perancangan untuk membina bangunan tak tau tahun bila lagi. Jadi, di sini saya mencadangkan kepada semua lah mana-mana jabatan yang dia boleh buat sendiri ataupun diberi kepada Jabatan Zakat ka, GLC ka, apa ka yang boleh membantu untuk menarik rakyat-rakyat miskin ini bekerja di tapak tersebut. Contohnya ambil tanah Bomba lah, tanah Bomba yang kosong ada keluasan berpuluh-puluh relung, carilah rakyat-rakyat miskin setempat untuk bekerja di tanah kosong yang ada tu. Contohnya tanamlah pisang ka, ubi kayu ka, boleh juga buat kerepek hujan-hujan ni, pisang nangka ka. Jadi, itu sedikit sebanyak boleh membantu rakyat miskin yang ada di kawasan itu. Jadi, secara tak langsung rakyat-rakyat miskin ini kalau musim la dia tak boleh menorah, tak boleh motong, bolehlah dia bekerja di situ walaupun bergaji hari, ikutlah secara mana yang taukeh itu dapat membantu rakyat-rakyat miskin ini.

Contohnya Jabatan Pertanian di Gajah Mati, Pokok Sena, tanah yang begitu luas, rakyat-rakyat miskin ini beri tanah seorang satu lot, pakat tanam sayur, tanam jagung lah, tanam ubi lah. Jadi, itulah hasil pendapatan untuk masyarakat yang miskin yang tak dak pekerjaan pada musim-musim begini boleh membantu. Apabila kita buat macam tu, tanah tak jadi lah tempat-tempat yang tak seronok lah. Yang keduanya dapat memanfaatkan harta yang ada.

YB. Dato' Speaker, yang keduanya masalah tanah lah. Sekarang ini kerajaan negeri dapat RM400 berapa puluh juta tu daripada hasil tanah. Di sini, saya mencadangkanlah kepada kerajaan untuk mempermudahkan urusan tanah

contohnya tanah ada 6 relung, pak dia nak bagi kepada anak 3 orang ka, 4 orang ka, supaya permudahkan. Sekarang ni bukan dia payah, kos dia terlalu tinggi, pasal menggunakan juruukur swasta. Di kampung nu ada seorang, tanahnya ada 3 relung setengah, nak bahagi kepada 4 beradik, hat seorang tu dia ada lebih kurang 25,564 kaki persegi, habuan dia. Tapi apabila panggil juruukur dan buat untuk proses semua itu memakan belanja RM18,300.00. Jadi, dahlah susah, nak kena RM18,000 pakai tak pecah bahagian. Jadi, tak pecah lah bahagian pasal RM18,300.00, duit ada beratus-ratus saja. Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan membincangkan sikit perkara ini supaya masa ke depan, pak nak bagi kepada anak nak pecah bahagian untuk dapat sikit seorang satu geran tu senang, kalau geran duk kat abang sulung nanti kawan ni tak bayar hasil, kawan nu tak bayar hasil, lama-lama dia akan masam muka walaupun adik beradik. Adik beradik zaman la ni lain sikit, tapi zaman dulu dia lain sikit. Tapi apabila berbelas-belas ribu, dia tak akan jadi pecah bahagian, kemungkinan tanah tu apabila pak mati, dia akan jadi pusaka. Apabila jadi pusaka, ia akan melibatkan, nak kena faraid. Jadi, masa tu ia akan timbulkan lagi banyak masalah untuk menyelesaikan tanah tadi. Saya rasa perkara ini akan berlarutan sehingga bila-bila, dari awal nak pecah bahagian tak dak duit, selepas tu jadi pusaka, selepas pusaka nak kena faraid, benda tu rasanya sampai ke bila tidak akan selesai tanah tu. Jadi, saya mohonlah kepada kerajaan untuk mengambil perhatian, bahagian tanah-tanah yang berlaku seperti itu.

Yang ketiganya YB. Dato' Speaker, ini masalah buah 'moktan' lah pulak. Buah moktan ni pun ada duit juga, bukan saja Durian Musang King dan Duri Hitam di Bandar Baharu saja. Contoh pada tahun 2021, peniaga-peniaga tak dapat berniaga seperti sebelum pandemik Covid-19 ini. Pada tahun ini berlaku lambakan buah, tak kira lah buah moktan ka, buah cempedak ka, dokong ka, langsat ka, semua jadi lambakan. Di sini saya ingin mencadangkan supaya kerajaan ambil inisiatif buat kilang balik macam dulu, dulu buat di Sungai Petani. Tapi rasanya tak berapa betullah buat di Sungai Petani tu pasal buah-buah moktan tak banyak pun, ada lima enam buah sepokok saja.

Saya mencadangkan supaya kerajaan dapat membina kilang mengetin, buat macam buah laici tu, buang biji dia YB. Dato' Speaker, buh dalam tin, kemudian kita boleh pasarkan. Satu tin tu kita buat dulu rasanya RM5. RM5 ada berapa biji saja buah moktan. Contohnya di Padang Terap, di Sik, Daerah Baling, Daerah Pendang, semua kawasan buah. Buah moktan ni sepokok pun 500 kilo, 1 tan, kalau pokok hat jenis 'menyayup' nu dia kena 1 tan lah pasal pokok dia tinggi apa semua, hat tu boleh tebang. Saya nak bagi contoh baru-baru ini, buah musim hari tu, saya dan 'team' Khidmat Wakil Rakyat DUN Pedu ambil inisiatif, kesian dekat orang kampung mai tengok buah duk luruh depan rumah, merah depan rumah, nak makan tak larat

makan. Jadi, kami ambil inisiatif buat 'group' untuk ambil buah ni bawa ke setiap kawasan yang tak dak buah rambutan. Dianggarkan lebih kurang 30 tan, saya dan 'team-team' untuk buat program, sayang ke buah tu kan. Jadi, hantar ke kawasan-kawasan yang tak dak buah. Kalau ada kilang walaupun harganya tak mahal macam Durian Musang King tapi apabila benda ni ada, pendapatan orang dusun pun ada, orang susah boleh bekerja di kilang pun ada, jadi pakat boleh merasa seorang sikit untuk menikmati ekonomi yang ada di Negeri Kedah ini.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Pedu. Buah moktan hat Pedu tu pun sampai di Sungai Limau, cuma mungkin tak sampai ke Ayer Hangat YB. Dato' Speaker. Terima kasih kepada YB. Pedu. Cuma tentang pertanian ini, sudah pasti ia ada satu pelan yang panjang, saya rasa sebelum-sebelum ini dibuat yang menggalakkan rakyat untuk tanam pokok pelam, ada yang suruh tanam buah moktan, ada yang tanam macam-macam. Jadi, sudah pasti kita harap apabila kempen tanaman itu, minta rakyat tanam dia ada satu jangka panjang yang tidak terhenti, mungkin YB. Pedu dan kita harap jabatan-jabatan yang ada perancangan yang sedemikian memikirkan bukan hanya buah untuk dijual biasa, untuk makan di peringkat kampung tetapi macam yang dicadangkan oleh YB. Pedu, mengetin ka dan semasa saya mengaji di Mesir dulu YB. Dato' Speaker, buah moktan di sana sekilo RM32 dijual di sana, tapi la ni tak taulah lama dah kita tak pi. Terima kasih YB. Pedu.

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Terima kasih kepada YB. Sungai Limau. Saya bersetuju dengan pandangan YB. Sungai Limau apabila disebut di Mesir 1 kilo RM32, bukan 1 tin. Ha, sekilo 32 rial ka 32 ringgit? Jadi, kalau di sana RM32, itu sekilo kalau kita tin setengah kilo, la bukan belas ringgit, mungkin 20 ringgit YB. Dato' Speaker na? Jadi, apabila kita boleh produkkan barang-barang tempatan kita InsyaAllah masyarakat kita dapat menikmati.

Masalah keempatnya, haa…ni masalah juga, masalah satu Negeri Kedah yang berlaku. Masalah ni tak dapat diatasi lama sangat dah. Jadi, saya cadangkan kepada jabatan yang berkenaan lah, ini masalah babi dan kera. Babi dan kera ini memusnahkan segala-gala tanaman, kalau tanam pisang pagi, malam sat gi tengok tak dak dah, kalau tanam kelapa sawit, kalau kelapa sawit ni babi dengan kera makan pucuk, kalau pisang, bangun pagi esok tinggai lubang saja dah, pokok pisang tak dak dah. Perkara ini berlarutan dah lama. Jadi, apakah cadangan daripada jabatan untuk selesaikan masalah ini? Kalau setakat petua tu tak larat petua dah,

rambut kut kedai gunting ni kira habis berguni-guni dah, tapi tak dapat menyelesaikan masalah ini. Hal ini berlaku ke atas orang yang miskin, orang yang ada tanah setengah relung nak tanam kut tepi rumah. Kalau tanah orang kaya-kaya tak pa dia boleh pagar 'chain link', pagar dawai, boleh beli generator yang guna pagar karan bubuh keliling, binatang sampai, tendang pagar karan, tak boleh masuk, jadi selamatlah tanaman dia. Ni kita baca kepada masyarakat yang miskin lah tapi dia nak tanam, dia bukan pemalas, dia rajin tapi lama-lama dia jadi orang malas, tanam pagi ni malam esok tengok tak dak dah, tanam pula esok, lusa tak dak. Jadi, duk berebut duk maki dengan binatang-binantang ini lah. Saya tak taulah kalau macam sebelah Bandar Baharu ni kera tak makan pokok buah durian pasal duri hitam apa dia tak berani kan, tapi sebelah kami ni ada durian yang 'lekeh-lekeh' saja, durian jantung pisang apa ni sampaikan waktu nak tua tu dia ambil peram dah. Jadi, saya mengharapkan sungguh-sungguh lah kepada jabatan yang berkenaan carilah jalan macam mana untuk mengatasi masalah babi dan kera ini, hat lain tu tak berapa kalut sangat, kalau kerbau lembu tu dia cari tali campak, ikat, tambat di pokok dia tak masuk dah.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Dato' Speaker, boleh na? YB. Pedu, saya bersetuju pasal masalah kera ni menjadi masalah utama di Pedu. Saya mohon pertimbangan YB. Pedu, di tempat saya pun macam tu juga kera banyak. Adakah kera ni mungkin, saya nak bertanya Jabatan Perhilitan lah, adakah mungkin kera ni dibawa dari kawasan bandar, dilepaskan di kawasan kita ataupun Pedu yang lebih banyak hutan. Apa pandangan YB. Pedu?

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Tak reti nak jawab ooo…(sambil ketawa). Pasal kera tu ada 4 kaki, nak tambat tak boleh, buh pukat kut bawah dia naik kut atas pokok, tapi hat tu kena bincang secara teliti lah untuk mengatasi masalah dia. Kera ni bagus-bagus semua, hat jahat-jahat tak dak. Kera hat duk ada kut sebelah kita YB. Dato' Speaker bawa 'terbey' pun dia tak lari dah, dia tak macam kera dulu-dulu. Kerana dulu-dulu kalau kami sebelah Pedu panggil getah geluk, buh getah pun dia lari dah. La beli harimau hat RM50 ka RM100 pun tak jadi apa dah, sekali dengan rimau-rimau tu dia bawa lari (sambil ketawa).

YB. DATO' SPEAKER

2 minit lagi YB. Pedu!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Aih! Banyak 2 minit tu, ada seminit saja ni. Yang terakhirnya lah mohon kepada kerajaan tengok-tengoklah sebelah Pedu dan Naka tu, bunyi Pekan Naka, dari dulu sampai la Pekan Naka tu tak dak apa yang dirancang oleh kerajaan. Kalau kita semak dari Pejabat Daerah, Perancangan 2045 baru ada perancangan untuk Pedu ni.

YB. DATO' SPEAKER

Jangan tengok Speaker, tengok sana, tengok YB. Pedu nu!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yaa..YB. Dato' Speaker, YB. Pedu, tadi pun soalan yang dijawab oleh YB. Guar Chempedak tentang KRC yang berada di Padang Terap walaupun dalam Kuala Nerang YB. Dato' Speaker, tapi Pedu sebahagian daripada Padang Terap. Mungkin boleh diambil kesempatan tempoh yang ada ni untuk Pejabat Daerah merangka dan merancang keperluan masa depan daripada sudut perumahannya, dari sudut sekolahnya, dari sudut apa sajalah keperluan rakyat supaya perancangan daripada KRC itu dan yang lain-lain program 4P kerajaan ini dapat dimanfaatkan secara teratur khususnya di peringkat Padang Terap sendiri. Jadi, mohon pandangan daripada YB. Pedu.

YB. DATO' SPEAKER

Ada seminit lagi YB. Pedu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, YB. Pedu, tadi duk sebut banyak kali sangat Bandar Baharu ni. Jadi, saya pun nak tanya, adakah YB. Pedu bersetuju di mana kalau pertanian ni kita habaq lah Padang Terap moktan ka apa ka, Bandar Baharu durian ka, kalau kita duk habaq hat tu saja tak dak sangatlah 'spillover' ataupun impak kepada rakyat kita, ekonomi harian rakyat tu tak lah banyak. Betul dak? Bersetuju tak YB. Pedu bahawa kita perlukan pelaburan yang banyak untuk pertanian ni. Maksudnya pertanian ni jangan habaq pertanian saja, produk tu saja tapi kita nak kerajaan untuk dapatkan lebih banyak pelaburan. Kalau kat Bandar Baharu ada RM7 juta lebih dekat RM8 juta untuk durian, kita nak pula dekat Padang Terap ni untuk moktan lebih lagi daripada tu, pelaburan-pelaburan yang dibawa oleh kerajaan. Jadi, barulah kita boleh

pindahkan ekonomi tu daripada pelaburan hat Hi-Tech saja duk pikiaq, pertanian pun kita boleh bangga untuk pelaburan-pelaburan yang dibawa oleh kerajaan. Setuju tak YB. Pedu?

YB. DATO' SPEAKER

YB. Pedu, masa tamat dah!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Baru nak 'start' ni (sambil ketawa). Jadi, saya setuju pandangan daripada YB. Bandar Baharu supaya buah-buahan ni buatlah satu pelaburan yang begitu 'smart' untuk menarik minat daripada rakyat-rakyat tempatan. Kalau musim la ni tak boleh motong, boleh tanam pokok durian ka, pokok moktan ka, petai ka, semua jadi duit. Petai pun buh dalam tin la ni RM5 jugak, kalau pi jual kut belah KL nu sepapan 3 ringgit, 4 ringgit.

Yang YB. Sungai Limau cadangkan tadi ni saya setujulah supaya kerajaan dapat melihat di sebelah pinggiran antara Pedu dengan Padang Sanai tu dia tak jauh. Kalau buat perumahan untuk kakitangan macam YB. Guar Chempedak kata tadi beribu-beribu pekerja, kalau 2,000 pekerja bermakna 2,000 buah rumah, kalau kata semua tak duduk pun 1,500 buah rumah YB. Bukit Pinang na, kali dengan 5 orang, takkan dia tak dak anak bini, kali dengan 5 orang berapa ribu. Maknanya kita kena buat sekolah dan bermacam lagi. Mintaklah tempias itu turun ke sebelah Naka tu sikit. Kalau duk lungguk di sebelah sana nanti tak dak tempat nak duduk pulak kan, mai longgok di sebelah Pedu sikit. Saya nak sambung sikit hat Pekan Naka tadi takdan habis. Pekan Naka ni……(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Pedu, masa tamat dah!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Ok. Di Naka ni minta lah perhatian sikit, kalau ikut perancangan Pejabat Daerah tu 2045, lambat sangat lagi. Pi tengoklah bagi ada market ikan ka, ni market ikan pun tak dak. Sekarang ni YB. Dato' Speaker ,penjual ikan berniaga di bawah pokok pukul 5 saja.

YB. DATO' SPEAKER

Sungguh ka tu?

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Ya, sungguh, kena pi tengok la. Jual di bawah pokok pukul 5 saja. Sebelum nak tutup ni saya ada sedikit pantun.

YB. DATO' SPEAKER

Haa…pantun, boleh!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Boleh na?

Hari ni pi tikam nombor sepuluh,
Esok pi tengok naik nombor sebelas,
Habis duit titik peluh,
Taukeh judi yang balas.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Pedu. Saya menjemput YB. Suka Menanti.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Dato' Speaker di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama terlibat membahaskan Bajet 2022 yang akan menjadi satu pemangkin kepada pembangunan Kedah dan juga seterusnya. Alhamdulillah YB. Dato' Speaker, saya ingin memulakan dengan sepotong ayat daripada kalam Ilahi daripada Surah Al-Baqarah Ayat 141;

Auzubillahiminassyaitonirrajim

Tilka ummatun qad khalat lahaa maa kasabat wa lakum maa kasabtum wa laa tus'aluuna 'ammaa kaano ya'maluun.

Ini sebagai peringatan untuk saya.

"Mereka itu adalah satu umat yang telah lalu, sebagai sejarah mereka. Bagi mereka balasan apa yang telah mereka usahakan dan bagi kamu pula balasan apa yang kamu usahakan dan kamu tidak akan diminta ataupun ditanya atau dipertanggungjawabkan tentang apa yang telah mereka lakukan".

YB. Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada YAB. Jeneri dan seluruh pasukan khususnya pegawai-pegawai kanan yang telah menyediakan Bajet 2022 ini. Daripada pemerhatian saya, daripada angka yang disediakan kelihatan banyak ruang penjimatan, banyak ruang penjimatan yang sangat memungkinkan untuk pengurangan defisit bagi 2022. Walaupun diletakkan satu defisit angka yang tinggi, saya yakin pengurangannya ada sangat banyak kemungkinan. Malah bila melihat kepada rekod pengurangan perbelanjaan yang dilakukan bagi 2021 sekarang ini, juga saya dapat melihat dan menjangkakan bahawa Laporan Kewangan 2021 nanti akan ditutup dengan surplus bukan lagi defisit, dengan sekitar RM30 juta surplus bagi 2021. Saya lihat kepada perangkaan sebab saya mengikuti perbelanjaan malah saya bertanya soalan tentang perbelanjaan P.04, P.06, P.09, P.011 dan sebagainya. Saya menjangkakan akan menjadi surplus, tapi ini bukanlah surplus kali pertama dalam tempoh 10 tahun, inilah surplus yang mungkin kali yang kedua sebagai turutan kepada surplus yang telah pun berlaku sebagai rekod kewangan bagi tahun 2019. Tahun 2019 telah mencatatkan rekod pendapatan RM778 juta, perbelanjaan RM624 juta dengan surplus ataupun lebihan RM154 juta.

Itu bekal kita bawa pada tahun 2020. Rekod dalam ni juga menunjukkan tahun 2019 berbanding tahun 2018, kalau wang tunai dan pelaburan 2018 ada RM74 juta, tahun 2019 wang tunai dan pelaburan ada RM320 juta. Saya harapkan 'treck' ini akan dilalui bagi tahun 2021 ini dan juga 2022 kepada rekod yang akan dicapai kemudian.

Ini adalah satu tahniah dan juga pengurusan yang baik yang menyerlahkan rakan saya daripada Jeneri pada kali ini.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Suka Menanti, nak tanya, adakah yang dimaksudkan oleh YB. Suka Menanti 2019 tu apabila Kerajaan Negeri Kedah kita menerima peruntukan khas daripada YAB. Perdana Menteri pada waktu itu sebanyak RM200 juta. Adakah itu yang dimaksudkan surplus itu kerana kita dapat peruntukan khas RM200 juta itu?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok, YB. Dato' Speaker, apa yang saya sebut ni adalah rekod, pakat bacalah. Pada tahun itu pelbagai rundingan diadakan, bermacam cara termasuklah seperti kadar sewa Pulau Pinang yang dulunya RM10,000 dibincang diberikan alasan dan penghujahan, juga kita dapat tambahan malah pelbagai perkara tambahan lain. Yang pentingnya program dan projek itu tidak dikurangkan sebanyak-banyaknya melainkan dilaksanakan secara efisien.

Jadi, saya beralih daripada tajuk sekarang, tajuk utama kita iaitu Covid-19 ni juga saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua 'frontlines' beruniform dan tidak beruniform, dengan pematuhan warga Kedah juga yang cukup tinggi dalam kita memerangi Covid-19 ini yang mana kita boleh masuk ke Fasa 4 sekarang, Fasa 4 Pemulihan. Penghargaan saya juga termasuk kepada Mercy Malaysia yang telah membantu vaksinasi di rumah kepada mereka yang uzur di DUN Suka Menanti. Itu penghargaan khas kepada Mercy Malaysia. Pada masa yang sama juga saya ingin mengucapkan salam takziah kepada ahli keluarga yang hilang insan tersayang yang menjadi korban kematian Covid-19 di Kedah ini yang mengikut rekod kita bilangan mencecah 2,045 orang sehingga 16 November 2021. Dalam pada itu, kita juga berjaya mencatat rekod vaksinasi yang telah mencapai imuniti kelompok bagi Negeri Kedah ini di mana dewasa 18 tahun ke atas saya tengok rekod semalam 88.5%, remaja 12 hingga 17 tahun 94%.

Jadi, yang saya nak cuba dapatkan jawapan daripada pihak kerajaan ini adalah baki mereka ini yang belum mendapat vaksinasi di Kedah ini kalau kita tengok dewasa 18 tahun ke atas sekitar 180,000 jika mengikut rekod yang ada dalam Covidnow itu dan juga bagi remaja 12 hingga 17 tahun sekitar 12,000. Jadi, apa yang kita nak buat dengan mereka ini, bagaimana kita nak kempen untuk dapatkan sokongan supaya mereka ini tampil untuk mendaftarkan vaksinasi, ini jumlah yang besar. Demi untuk kita mengajak dan kempen mereka ini turut keluar iaitu sekitar 180,000 dewasa dan 12,000 remaja ini, saya nak peringatkan kita lah sebagai pemimpin masyarakat, pemimpin politik, pemimpin kerajaan ini kita harus jagalah, janganlah kita selalu buat kenyataan seolah-olah kita tidak percaya kepada kemampuan vaksin itu, kita jangan

buat kenyataan seolah-olah kita meremehkan imuniti kelompok itu. Sebab kemampuan vaksin yang lindung diri, lindung semua, kemudian kemampuan imuniti kelompok itu adalah perkara yang sangat asas dalam kita menangani Covid-19 ini. Cuma saya lihat kadang-kadang pemimpin kita suka buat, tujuannya mungkin untuk menakutkan orang supaya jangan berani sangat mendedahkan diri di luar tetapi kadang-kadang terlajak sampai nampak macam seolah-olah tidak percaya kemampuan imuniti kelompok dan Covid-19. Tapi saya nak juga pendekatan selain daripada pendekatan biasa, buka untuk 'walk in' untuk orang datang ambil vaksin ini, saya harap ada pendekatan lebih serius sebab untuk menghabiskan 180,000 dewasa ini dengan kadar macam kelmarin baru 154 orang saja tampil, kita perlukan lebih daripada 200 hari YB. Dato' Speaker, untuk habiskan mereka ini mendapatkan vaksin.

Yang kedua, dalam kita menangani Covid-19 ini, saya lihat dalam topik yang besar ialah kita kena serius lah sebab di Kedah ni kadar positif untuk beberapa minggu akhir ni masih lagi sekitar 400 ke 500 dia jadi macam 'berneney', orang kampung kata apa YB. Dato' Speaker, berneney, dia punya penyakit hat tak mau nak lega tu. Sebab apa? Sebab kita kena serius tengok sikit bagi ruang ini, bukan kita nak kena belanja banyak tapi saya tengok kita berbangga bila kadar penggunaan ICU rendah, ok hebat! Kadar penggunaan hospital rendah, hebat! Tapi kadar penggunaan PKRC kalau rendah, bagi saya tak hebatlah, kalau ada kes, kalau kosong tak pa. Kes harian 300 tapi kadar penggunaan PKRC yang kita dah belanja menyediakan katil dan sebagainya sekitar 800 kapasiti hanya digunakan 255 kelmarin dulu, 258 kelmarin. Kenapa tidak kita gunakan kapasiti yang ada ini untuk kita betul-betul tangani Covid-19 ini sebab kita duduk di Kedah, kita taulah orang kita, rumah ni bukan bilik lebih daripada orang, orang lebih daripada bilik. Jadi, kuarantin di rumah ni bukanlah satu pendekatan yang sesuai bila kita ada kemampuan untuk bawa mereka ini ke pusat kuarantin. Jadi, saya harap diambil kira tengok perkara ini.

Kemudian saya ingin beralih kepada tajuk kewangan Negeri Kedah dan hutang sebagai asas kepada kita untuk melihat Bajet 2022 ini. Yang pertamanya saya ingin sebutkan ialah pada ketika 2018 dulu, hutang pinjaman bekalan air adalah sekitar RM1.8 billion dan sedang dalam proses tambah hutang pula pada masa itu hampir RM1 billion yang melibatkan 5 loji bekalan air dan juga Pusat Pengepaman Padang Mat Sirat. Potensi hutang pada ketika itu adalah RM2.8 billion. Namun perbincangan, rundingan secara bersiri yang dilakukan sepanjang 2019 itu berjaya kita capai kesepakatan dengan pihak kementerian dan Putrajaya untuk memotong pinjaman tadi atas alasan rundingan kita bahawa ianya alasan manfaat kepada luar bandar, berjaya dipotong RM0.7 billion menjadikan hutang ketika itu tinggal RM1.1 billion. Kemudian rundingan juga diteruskan dengan secara yang lebih komprehensif

proposal menyeluruh disediakan maka kita juga dapat komitmen ketika 2019 ialah Putrajaya bersetuju menyalurkan geran sekitar RM1.2 billion kepada Kedah untuk bekalan air yang melibatkan 4 loji rawatan air, 2 projek NRW dan juga bekalan air untuk Langkawi. Jadi, ini antara rekod yang telah pun ada, malah rundingan ketika 2019 juga berjaya memuktamatkan proses migrasi dan memeterai perjanjian pada Mac, 2020. Namun, ditakdirkan PKP serta ''Langkah Sheraton'' maka proses tandatangan itu tertangguh. Yang tu telah menjadi sejarah yang diketahui umum oleh semua.

Namun, apa yang saya nak sebutkan di sini ialah penamatan, kemudian juga dirundingkan ataupun diusahakan penamatan konsesi loji 30 tahun yang membebankan rakyat itu telah dimulakan proses 'due diligence' dan proses 'auditing', 'missing' dan pengurusan bermula pada akhir 2019 untuk pengambilalihan itu. Dalam kes ini saya ingin bertanya pihak kerajaan khususnya dalam ucapan YAB. Jeneri yang menyebutkan tentang perlu menyediakan RM50 juta untuk proses pembaikan paip sub marine ke Langkawi. Adakah ini satu keperluan baru, sama ada pinjaman ataupun dalam bentuk pinjaman dapat balik ataupun dalam kes ini mengguna pakai keuntungan sebab selepas konsesi ini kita telah mula menerima keuntungan bersih yang lebih besar. Sebab kalau sebelum ini kita menanggung sekitar RM30 juta setahun membayar kepada konsesi tetapi sekarang ini kita dah ada balik duit tu. Saya mungkin nak dapatkan penjelasan tentang penggunaan air ataupun saluran bekalan air ke Langkawi itu. Seterusnya saya nak sampaikan satu 'efficiency' yang ada kepada sistem bekalan air di Kedah ini yang mana pada ketika itu kita bincangkan tentang beberapa penggunaan maksima sumber tenaga yang ada dalam SADA itu supaya kita dapat efisienkan kutipan. Saya dapat lihat kemajuannya pada tahun 2019 daripada kutipan 'standart'nya RM270 juta setahun telah pun dapat dinaikkan kepada RM310 juta. Ini merupakan kemajuan kutipan yang tanpa perlu naikkan tarif air.

Jadi, saya nak ingatkan sekarang ini ialah kalau 2019 kita bersama dengan konsesi yang membebankan itu, kita berjaya membuat kutipan yang lebih baik tanpa perlu naik tarif air, saya nak ingatkan supaya janganlah mengambil langkah mudah tahun 2022 ini dengan menaikkan lagi tarif air di Kedah untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar hanya nak menampung RM50 juta nak 'repair' sub marine paip yang disebutkan dalam ucapan Bajet 2022 itu.

YB. Dato' Speaker, boleh teruskan ya? Saya ingin beralih kepada tanggungan-tanggungan yang terpaksa ditanggung oleh SADA tadi, itu sebagai asas pada ketika 2018, 2019 nak menunjukkan bagaimana pemulihan itu boleh berlaku dan yang pentingnya tidak perlu naik tarif air, itu yang saya nak sebutkan, yang saya nak tekankan walaupun ketika itu kita tanggung hutang sekitar RM8 juta daripada kos sewa lori 2017 yang belum dibayar pada 2018 dan jua pada akhir 2018 jumpa lagi, ada meter lektrik yang tak pernah dibaca semenjak kerja-kerja baik pulih Loji Kulim Hi-Tech tu yang mana jumlahnya lebih daripada RM10 juta yang tak dibayar kepada TNB sebab kebetulan TNB dengan air di bawah portfolio yang sama jadi dikutip balik terpaksa dibayar dengan ansuran selama 18 bulan RM600 ribu sebulan untuk menanggung bil lektrik yang tak dibayar sebelum itu. Ini semua tanggungan yang besar namun di hujung tahun 2019 pemulihan telah pun berlaku. Jadi, saya harapkan ini menjadi asas untuk tidak menaikkan tarif air.

YB. Dato' Speaker, dalam bajet ini juga antara faktor yang besar ialah disediakan peruntukan untuk Kerja Raya. Sukacita saya nak ingatkan tentang penggunaan belanja ini saya harap diteruskan konsep jalan selamat itu kerana mengambil iktibar daripada kajian yang dibuat oleh MIROS (Malaysia Institute Of Road Safety Research) yang meletakkan kemalangan jalan raya 80% disebabkan kecuaian pemandu, 13% disebabkan oleh masalah teknikal dan jalan raya, 7% disebabkan oleh masalah kenderaan. Itu antara yang disebut oleh kajian MIROS. Jadi, saya telah bawa isu ini semasa diberikan tanggungjawab kepada saya, berbincang dengan pihak JKR sejak daripada akhir 2018 lagi, kita utamakan projek-projek kecil yang boleh meningkatkan ciri selamatnya jalan ini kerana itu antara 13% yang menjadi tanggungjawab kita, orang yang bertanggungjawab menjaga jalan raya ni. Jadi, dengan itu telah pun dilaksanakan beberapa projek kecil yang nampak macam 'simple', contohnya menyelenggara bahu jalan, memangkas dahan pokok yang melindungi 'signboard', menyediakan 'signboard' yang lebih jelas, memasang 'road start' di jalan-jalan untuk meningkatkan 'disability' pada ketika malam dan juga waktu hujan. Beberapa projek ini kecil, nampak kecil tetapi impaknya besar. Kenapa saya kata impak besar?

Sebab sejak kita laksanakan daripada awal tahun hingga hujung tahun 2019, kita melihat akhirnya rekod 2019 menunjukkan kepada kita kemalangan yang berlaku di Kedah telah berkurangan daripada segi kemalangan maut melibatkan pengurangan 60 mangsa kemalangan maut di Kedah. Itu rekod di hujung 2019. Jadi, saya harap projek ini dalam 2020 dan 2021 saya nampak diteruskan menggunakan dana MARRIS dan pada kali ini saya harap ianya tidak dikesampingkan sebab nampak 'simple' tetapi sebenarnya impak penting untuk 'direct' kepada rakyat tentang penggunaan 'road start' ini.

Yang seterusnya juga saya nak sampaikan sedikit tentang inisiatif kerja undi, juga disebut oleh YB. Jeneri dalam ucapan dasarnya. Ini adalah perkara yang kita mulakan pada 2019 supaya lebih ramai kontraktor G1 mendapat peluang melalui kerja undi ini maka kita tingkatkan amount dari RM50 ribu kepada RM150 ribu dan sekarang ini dah pun menjadi RM200 ribu dan kita berikan peluang yang lebih besar dan lebih banyak kepada mereka bermula dengan dana MARRIS saja kemudian dikembangkan kepada dana-dana yang lain yang diuruskan oleh jabatan-jabatan lain dan perkara ini boleh dijayakan dengan kaedah yang kita perkenalkan ketika 2019 iaitu pendaftaran satu tempat. Pendaftaran setempat boleh mengambil bahagian di semua jabatan-jabatan yang lain, tidak perlu lagi mendaftar di lima enam jabatan untuk mengambil bahagian di lima enam jabatan yang belum tentu akan mendapat projek tapi satu pendaftaran boleh pakai di semua tempat. Alhamdulillah, sekarang ini saya nampak diteruskan 2021 dan nampak ada dalam 2022 juga bajet disediakan untuk meneruskan konsep kerja undi ini, cuma pada kali ini menggunakan kaedah online sebab sesuai dengan keadaan zaman ini. Yang kedua.

Yang ketiganya satu lagi konsep yang saya juga minta diteruskan dalam Bajet 2022 ini adalah tentang inisiatif kerjasama diantara jabatan-jabatan dalam menangani punca banjir ini. Ketika itu kita bekerjasama dengan JPS dan JKR khususnya untuk memastikan sesuatu jabatan itu tidak habis kerja di sesuatu tempat saja dan yang lain dia kata itu jabatan lain punya kerja. Yang ni pada ketika itu YB. Bukit Pinang memang pening dengan jalan Hutan Kampung, kawan ni kata sampai sini, kawan ni kata sampai sini. Sebenarnya bila kita 'koordinate' di antara jabatan ini lebih mudah, maka yang terlibat menggantikan Projek Tebatan Banjir menggantikan Projek Tebatan Banjir, yang terlibat untuk menggantikan 'crossing box culvert' dan jambatan sempit diteruskan. Alhamdulillah, saya tengok dalam Bajet 2022 saya berpuas hati dan melihat senarai jambatan yang disenaraikan itu adalah merupakan senarai 'priority' yang telah pun ditetapkan sebelum ini yang dilaksanakan 2019 sebahagiannya, 2020 sebahagiannya dan 2021 nampak diteruskan dalam 2022.

Alhamdulillah diteruskan konsep itu dan juga konsep satu lagi ialah untuk melengkapkan jalan-jalan kepada prasyarat MARRIS supaya kita boleh dapat terimaan bantuan tahunan daripada MARRIS ini. Telah dimulakan sebelum ini, kita dah bincang kita lengkapkan prasyarat itu supaya dapat masuk dalam senarai MARRIS, maka ketika itu pun kita dah naikkan terimaan MARRIS ini daripada sekitar RM220 juta setahun ketika itu kepada RM258 juta. Sebab itu pelaksanaan dah mula boleh dilakukan seperti yang telah disenaraikan oleh YB. Ayer Hitam kelmarin, senarai itu sebab untuk mendapatkan bantuan perlu prasyarat yang lebih awal. Selesaikan prasyarat akan dapat bantuan dan kita boleh laksanakan. Jadi, janganlah

terberhenti dengan RM258 juta tu, teruskan sebab banyak lagi jalan ban yang perlu diturap yang kena ambil kira daripada segi status dan diwartakan kerana kita tidak mahu implikasi kewangan kepada negeri bila berlaku kemalangan yang akan ada 'claim'. Jalan, konsep jalannya dan penggunaannya harus diselarikan dalam bentuk ini.

Aspek seterusnya YB. Dato' Speaker yang ingin saya sebut ialah tentang pendidikan khususnya pendidikan awal kanak-kanak. Sebab saya lihat dalam bajet disediakan RM5.3 juta, disebut sebelum ini untuk 161 Tadika Islam melibatkan 1,664 murid dengan 124 orang guru. Jumlahnya pun agak mengelirukan dan perlukan penjelasan daripada YAB. Jeneri nanti, kenapa 124 guru untuk 161 tadika. Yang keduanya adakah ini saja tadika yang akan mendapat bantuan pada tahun 2022? Sebab ini hanya melibatkan 1,664 orang pelajar sahaja yang berumur 4 hingga 6 tahun. Jadi, saya mengharapkan Bajet 2022 mengambil kira dan menjelaskan satu memastikan kepada kita sebenarnya RM5.3 juta ini Bajet 2022 ataupun bajet jabatan lain yang tidak ada pun dalam buku ini.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Suka Menanti, 2 minit lagi!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

2 minit ya? Terima kasih. Jadi, saya harap bajet ini diperjelaskan kepada kita sebab bagi saya penting pendidikan awal kepada kanak-kanak 4 hingga 6 tahun ni pengembangan minda mereka, keselamatan kanak-kanak, spek bangunan pusat asuhan atau bimbingan, kebajikan tenaga pengajar dan pengasuh, kesahihan silibus yang menepati pengembangan minda kanak-kanak dan seterusnya harus dipastikan. Sebab tu dalam kes ini saya berharap demi keselamatan semua pihak ini kalau boleh pihak PAS Kedah khususnyalah yang mengendalikan PASTI ini cubalah mendaftar sebab kita nak tengok PASTI ini berada dalam keadaan yang selamat untuk kanak-kanak hadir ke sekolah. Itu aspek pendidikan.

Kemudian sedikit tentang teguran dalam bajet ini YB. Tuan Speaker ialah yang pertamanya tentang peruntukan untuk Anugerah Kelahiran tu, saya tengok jumlahnya tidak selari dengan rekod kelahiran tahunan di Kedah. Rekod kelahiran tahunan di Kedah 33,000, kalau nak bagi RM100 sepatutnya RM3.3 juta. Saya tak tau adakah anak Cik Timah layak dapat ataupun adakah cucu Kak Timah nanti layak dapat dalam kes ini untuk mendapat Anugerah Kelahiran ini.

Begitu juga dengan Tabung Khairat Kematian. Saya melihat ada 14,000 kematian tahunan untuk Kedah. Kalau yang ini nak bagi RM500, kita perlu sediakan RM7 juta. Saya bimbang juga dalam kes ini, apa yang saya bimbangkan ialah nanti suami Tok Timah yang dah meninggal tu tak layak mendapat bantuan, ataupun adakah kematian arwah menantu Kak Timah boleh membuat tuntutan untuk Khairat Kematian. Ini antara yang saya pertimbangkan mengikut jumlah yang perlu diselarikan dengan kematian ini supaya Kak Timah ka, Tok Timah ka, Makcik Timah ka di seluruh Kedah ni dapat menerima bantuan yang disebut dan digembar-gemburkan dalam bajet ini.

Yang ketiga ialah saya mohon penjelasan YAB. Jeneri ialah dalam teks disebut RM50 juta nak 'repair' 'sub marine' tapi dalam buku bajet ini adalah meletakkan RM20 juta. Jadi, hat mana satu yang betul, perlu diperjelaskan.

Yang keempatnya tentang bantuan Veterinar RM6.06 juta itu. Kita nak tau berapakah amount peruntukan yang 'direct' disediakan yang boleh dipohon oleh usahawan ataupun peladang kita Cik Timah yang duduk di Sik ka, atau Maklong Limah yang ada di Jeneri ka.

Yang seterusnya tentang "Beras Sejahtera" yang disebut dalam ni disalurkan kepada 56,000 keluarga. Saya kira, saya hitung, saya bahagi balik ia sama dengan 56,000 bakul. Jadi, kalau 56,000 keluarga mendapat manfaat daripada "Beras Sejahtera 2021", maksudnya seorang dapat sekali lah untuk 12 bulan. Ataupun orang yang sama berulang balik takut sat lagi kita kata 56,000 orang dapat bantuan tapi 50,000 lagi kata tak nampak pun. Ini antara yang perlu saya dapatkan penjelasan.

Yang seterusnya ialah tentang bantuan kepada IKDAR yang disebut ada peruntukan dan ada RM400 ribu untuk baik pulih bangunan IKDAR. Saya minta yang ni disegerakan sebab yang ni memang dalam kariah saya duk tengok, minta disegerakan sebab mereka memang satu kelompok yang perlu diberi keistimewaanlah kepada IKDAR dan juga RM1 juta kos baik pulih asrama di Mesir juga perlukan penjelasan.
Adakah ini RM1 juta yang baru, RM1 juta untuk menyelesaikan isu baru selepas dimulakan beberapa tahun yang lepas ataupun RM1 juta ini juga bukan sebahagian daripada Bajet 2022 yang ada dalam buku ini. Mungkin dilaksanakan oleh jabatan lain.

YB. Tuan Speaker, sebagai yang terakhirnya sebab akan menjadi dokumen penting jawapan bertulis yang diedarkan kepada semua Ahli Dewan, saya mohon disemak dan diperbetulkan jawapan yang diberikan kepada YB. Sungai Limau.

Soalan nombor 1, bila disebut dalam kes ini untuk 2013 hingga 2020 jumlah kawasan hutan simpan kekal yang telah dilesenkan dari 2013 hingga kini adalah seluas 55,146 hektar ataupun 'average'nya 6,893 hektar setahun. Jadi, yang ni saya minta diperbetulkan atau diperjelaskan kepada Dewan ini sebab ini dokumen yang akan dibawa ke mana-mana sebab jumlahnya melebihi apa yang direkodkan sebagai dipanggil Catuan Tebangan Tahunan yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara. RMK-12 nanti pun baru nak jadi 4,200 tapi ini 2 kali ganda jumlahnya. Mohon diperjelaskan sama ada jumlah ini jumlah yang dilesenkan ataupun jumlah yang diluluskan. Kalau diluluskan itu lain cerita tapi dalam teks dokumen ini disebut diluluskan dan ini adalah bersalahan dengan apa yang ada dalam konteks kita ni lah.

YB. Tuan Speaker, saya mohon maaf atas keterlanjuran dan terima kasih atas peluang yang diberikan jadi saya ingin tutup dengan satu peringatan untuk diri saya juga kali ini daripada kalam Ilahi dari Surah Al-Imran Ayat 188. Audzubillahiminasyaitonirrojim,

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِيْنَ يَفْرَحُوْنَ بِمَآ اَتَوْا وَّيُحِبُّوْنَ اَنْ يُّحْمَدُوْا بِمَا لَمْ يَفْعَلُوْا فَلَا تَحْسَبَنَّهُمْ بِمَفَازَةٍ مِّنَ الْعَذَابِۚ وَلَهُمْ عَذَابٌ اَلِيْمٌ

"Jangan sekali-kali engkau menyangka wahai Muhammad bahawa orang-orang yang bergembira dengan apa yang mereka telah lakukan dan mereka pula suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan, jangan sekali-kali engkau menyangka mereka akan terselamat dari siksa dan mereka pula akan beroleh azab yang tidak terperi sakitnya". Surah Al-Imran Ayat 188.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas peluang yang diberikan dan InsyaAllah kita doakan supaya tahun 2022 akan menjadi lebih hebat untuk Negeri Kedah. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Suka Menanti. Seterusnya saya persilakan YB. Kuala Ketil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih kepada YB. Timbalan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahi robbil álamin wassola tuwassala muála asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in.

YB. Timbalan Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, YB. Dato' Pegawai Undang-Undang Negeri seterusnya YB. Exco-Exco, YB. ADUN-ADUN, tuan-tuan dan puan-puan ketua jabatan yang dihormati sekalian. Pertamanya dan selamanya marilah kita panjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t atas limpah kurnia serta perkenannya dapat kita dipertemukan dalam Sidang Dewan pada kali ini.

YB. Timbalan Speaker, saya tak akan mengambil masa yang panjang sebab ramai sahabat-sahabat kita yang telah berbahas tapi lebih kurang 20 minit juga lah. YB. Timbalan Speaker dan sahabat-sahabat yang dirahmati Allah sekalian, tahun 2021 ini adalah tahun yang mencabar kepada kita semua. Kita telah diuji oleh Allah s.w.t dengan pelbagai musibah dan keadaan. Kita diuji dengan 'lockdown' Covid-19 yang mengekang pergerakan dan fungsi kita semua sehinggakan tak boleh nak buat Sidang DUN. Kita diuji dengan banjir kepala air di Jerai yang menyebabkan musibah yang besar kepada infra dan juga rakyat. Kita diuji dengan banjir kilat di Baling, kita diuji dengan banjir di Pokok Sena dan juga Kota Setar. Ini adalah sebahagian daripada ujian-ujian yang berlaku dalam 2021 ini dan covid tetap berjalan walaupun Alhamdulillah, kita memasuki Fasa 4 Pemulihan yang mana kita boleh dibenarkan dengan urusan-urusan harian, urusan-urusan melibatkan ekonomi, urusan-urusan melibatkan perusahaan dan sebagainya yang boleh membawa keluar masyarakat daripada kehidupan yang terkongkong, kehidupan yang hilang sumber mata pencarian. Inilah keadaan-keadaan yang berlaku pada 2021. Keadaan ini juga menyebabkan kita melihat bahawa fungsi dan peranan kerajaan negeri hari ini tidak terbatas walaupun dengan keadaan musibah yang berlaku, dengan kekangan yang berlaku, dengan keadaan yang berlaku, fungsi kerajaan berjalan dengan baik. Malah, sumber pendapatan, sumber pelaburan kerajaan juga bertambah baik. Ini harus kita mengambil pendekatan memuji apa yang telah berlaku. Saya menyatakan begini bahawa dengan keadaan covid pada 2021 ini, kita menyediakan satu peruntukan yang besar oleh kerajaan kepada PKOB-PKOB untuk membantu rakyat yang terkesan bukan saja kepada hilang mata pencarian tetapi kepada orang yang dikuarantin tidak terkena Covid-19, sekurang-kurangnya dia kena kuarantin 14 hari. Inilah fungsi PKOB yang tak boleh kita nafikan, berat tugas ni. Daerah yang besar seperti Baling, sudah tentulah fungsinya lebih besar. DUN saya DUN Kuala Ketil, jauh daripada Pejabat Daerah, 40 kilometer, JPKK nak pi ambik bantuan, cukup jauh.

Walaupun ada APMM, RELA yang menguruskan penghantaran bekalan makanan. Jadi kita ingin memberi penghargaan kepada Pusat Khidmat Wakil Rakyat yang sekurang-kurangnya setiap bulan menyediakan hampir 100 bakul makanan untuk membantu PKOB. PKOB pun PKOB tapi Pusat Khidmat Wakil Rakyat juga membantu kepada menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku kepada rakyat. Kita ucapkan

terima kasih kepada kerajaan negeri khususnya Pegawai Kewangan Negeri yang sentiasa menghulurkan sumbangan kepada Pusat Khidmat untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku. Namun begitu, (bukan saja-saja puji tu) bukan setakat makanan, malah kita juga berjaya menyelesaikan kerja-kerja kecil yang berlaku, pembaikan infra yang menggunakan peruntukan P.04, yang ni kelulusan diuruskan oleh Pejabat Dato' Paduka SUK kita. Saya bagi tahniah sebab pengalaman saya hantar surat tak sampai seminggu balas balik, lulus. Jadi, kita berjaya laksanakan walaupun dengan peruntukan RM200 ribu itu kita banyak membantu Pejabat Daerah menyelesaikan masalah-masalah kecil yang berlaku. Saya harap tahun ni dapat lagi lah untuk tahun 2022, dapat lagi. Dan usaha kita juga dalam peruntukan tersebut membantu pembaikan rumah dan juga untuk tahun 2021 ini kita juga menyelesaikan peruntukan untuk pembaikan rumah walaupun dengan peruntukan RM50 ribu lebih daripada 10 buah rumah kita 'repair'.

Walaupun kita peruntukkan RM5,000 tetapi pembaikan secara gotong-royong, ia menjimatkan kos. Ini juga kita salurkan melalui pejabat Dato' Paduka SUK kita, kelulusannya cepat, BPEN mengeluarkan kelulusan yang cepat untuk kita laksanakan. Ini saya berikan satu gerak kerja yang berlaku dalam keadaan kita tengah covid ni, kita boleh buat, pasal nak dengan tak nak saja bagaimana kita nak menguruskan dengan baik. Dalam keadaan covid ini juga pejabat saya ada satu dewan yang besar, pejabat saya Pusat Khidmat DUN Kuala Ketil ada dewan yang besar kita beri kepada Pejabat Kesihatan Daerah untuk dibuat CAC secara percuma. Berapa bulan mereka duduk kita bagi gunakan dewan untuk dibuat CAC. Pengorbanan, maksudnya pengorbanan untuk kita sama-sama mengembeleng tenaga untuk membantu masyarakat, untuk membantu kerajaan dalam tempoh yang cukup genting ini. Inilah peranan dan fungsi kita dalam hal ini yang saya tak nafikan dan ucapkan ribuan terima kasih, tahniah dan syabas kepada semua 'frontliners' yang bertungkus lumus saban hari sama ada di KKM, PDRM, APM, RELA, Bomba dan sebagainya yang terlibat secara langsung dan tidak langsung termasuk rakan-rakan Yang Berhormat dan rakan-rakan NGO yang membantu sepanjang tempoh yang cukup genting ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Hari ini pun kita dalam Sidang DUN selama 3 hari sidang kita cukup harmoni, aman, tenang. Kalau kita tengok sidang video DUN Melaka, hah! Letih, risau dengan perkara yang berlaku.

Tapi, setakat hari ni Alhamdulillah, tenang, aman, kecuali ada sikit-sikit lah kes judi, dua tiga orang ADUN mencelah, kes judi saja. Saya tak mau berbahas bab judi, saya tak mau bercakap bab judi cuma saya sebagai ADUN Kuala Ketil menghadapi masalah. Saya cuma ingin berkata "mencegah lebih baik daripada merawat". Kencing manis bila dah kena susah nak rawat, habis duit beribu-ribu. Duit banyak pun tak guna, isteri cantik pun tak guna, tak boleh buat apa yang YB. Tuan Speaker, bila

kena kencing manis. Jadi, mencegah sebelum merawat, mana nak tambah 3 pun boleh, nak tambah 4 pun boleh kalau tak kena kencing manis. Boleh teqa tu na? Haa…. Baru masuk bab 2022 ni.

YB. Timbalan Speaker, saya mengucapkan penghargaan kepada kerajaan dengan hasil cukai yang meningkat 2018 RM295 juta, 2019 RM244 juta dan 2020 RM261 juta, tahniah dan syabas. Hasil bukan cukai meningkat daripada RM165 juta 2019 kepada RM213 juta pada 2020. Jadi, ini jugalah peningkatan hasil kepada kerajaan dan kerajaan juga berjaya menguruskan hutang RM3.7 billion itu dengan pembayaran-pembayaran yang telah dilakukan. Saya difahamkan kerajaan membelanjakan hampir RM50 juta setahun untuk membayar hutang. Jadi, tahniah di atas urusan kerajaan. Anggaran hasil pada 2022 pula yang dapat saya catat, hasil tanah RM490 juta, hasil hutan RM27.51 juta, pelbagai jabatan RM193.97 juta dan hasil daripada daerah-daerah RM13.51 juta. Inilah hasil yang kita dapat dari anggaran tahun 2022. Saya nak mencadangkan di sini, untuk tambahan kepada hasil kerajaan. Yang pertama ialah kita dengar YAB. Menteri Besar pernah bercakap dahulu, terokai nadir bumi (REE) ataupun Rare Earth Elements yang dikatakan RM62 billion. Jadi, carilah kaedah sekiranya itu boleh dilaksanakan dengan mematuhi alam sekitar, tebangan pokok dan sebagainya apa salahnya benda itu dijadikan hasil kerajaan.

Yang keduanya ialah gentian RM1 juta untuk kekalkan kawasan hijau, itu juga kena usahakan untuk menambahkan hasil kerajaan. Yang ketiganya ketegasan kerajaan di peringkat daerah-daerah kepada pengusaha-pengusaha kuari, pasir, tanah dan galian yang lain. Malah sebahagian mereka tidak mematuhi garis panduan, tidak membayar hasil dan sebagainya. Ini juga kena tegas supaya mereka dapat membayar hasil kepada kerajaan. Yang keempat, kedudukan rumah-rumah, orang kampung sekarang ni banyak tanah yang telah diusahakan tanah-tanah kerajaan yang tidak dibayar cukai. Kalau kita usahakan untuk mempermudahkan geran tanah, sudah tentulah ia menambahkan hasil kepada kerajaan.

Seterusnya yang kelima, mengoptimumkan penggunaan tenaga solar. Kita di Kedah ini tempat yang subur untuk 'solar fram'. Jadi, 'why not' (minta maaf YB. Tuan Speaker) apa salahnya kita optimumkan penggunaan solar sama ada di pejabat-pejabat kerajaan ataupun rumah-rumah orang miskin yang rumah kadang-kadang kena bagi bantuan, kena bayar bil dan sebagainya guna tenaga solar ni sudah tentulah menguntungkan kerajaan, menjimatkan kos dan secara tidak langsung ia menambahkan hasil kita. Salah satu contoh di Pulau Jeju, Korea telah melaksanakan kaedah begini. Ini pun boleh kita laksanakan. Jadi, itulah cadangan saya untuk kerajaan bagi menambahkan hasil pendapatan kerajaan.

Seterusnya saya masukkan dalam perbahasan saya adalah perkara yang pertama tentang jaminan sumber makanan negara kita, negeri kita dan rakyat kita iaitu padi. Padi ni semua orang tahu adalah satu perkara yang dimasukkan dalam 'security food', jaminan makanan kepada rakyat dalam negeri kita. Ia menyumbang sumber makanan negara dan sumber makanan rakyat negeri ini. Ini perlu diberi perhatian kerana baru-baru ini berlaku kes benih padi sah yang lewat sampai kepada pesawah-pesawah. Saya terlibat terus dengan isu ini bersama dengan Lajnah Asas Tani Alam Sekitar yang turun ke lapangan meninjau dan melihat keadaan petani-petani yang hampir membuat protes secara besar-besaran atas isu kelewatan benih padi.

Walaupun kita kata benih variety yang sah dan popular, MR297, 219, 220 dan CL2, namun kita minta kepada pihak-pihak pembekal yang ada di Kedah hari ni, pembekalnya adalah MADA, OBL Maju, Pertama Padi dan Kilang Beras Sri Merbok yang memagang kuota yang besar kepada penyediaan benih padi sah supaya merangka, mempunyai perancangan strategik untuk tahun hadapan berapa banyak penggunaan mereka sudah merancang, merangka penyimpanan stok benih padi. Selalunya kalau kita lihat jawapannya permintaan melebihi had dan sebagainya.

Jadi, mereka kena merancang, tengok penjadualan untuk menuai, menabur dan sebagainya yang dikeluarkan oleh MADA. Sepatutnya mereka dah faham dan tahu, jangan bila sampai saat-saat akhir barulah benda ini berlaku dan melibatkan kesusahan kepada para petani. Walaupun perkara ini telah diambil tindakan oleh pihak YB. Lunas dan MAFI, saya tahu tapi saya nak tegaskan di sini perkara ini perlu diambil perhatian yang serius kerana inilah satu saja jaminan kepada mereka bermula di lapangan padi ini. Kalau kita biarkan perkara ini berlaku, akhirnya mereka akan hilang sumber pendapatan mereka. Apatah lagi sekarang ini dengan kenaikan harga racun, racun rumpai yang sangat tinggi, melebihi 80%. Ini jua perlu ditangani oleh kerajaan sebab dengan kadar yang mereka dapat tidak mampu untuk menampung.

Saya yakin walaupun saya bagi itu masalah tapi saya yakin dalam RMK-12 nanti pelan tindakan dasar seperti makanan negara 2021 – 2025 dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti mana yang dikeluarkan oleh MAFI iaitu yang pertama ialah kerjasama dengan swasta Smart SBB (Smart Sawah Berskala Besar) sedang dalam proses pelaksanaan.

Lembaga Ruminan Negara usaha penerimaan teknologi moden dan industri 4.0, penyelidikan dan pembangunan berteraskan security makanan, peluang aktiviti pertanian bandar dan tahap sara diri dengan SSL 75% 2025 dan 80% 2030. Inilah pelan tindakan dasar 'security' makanan negara yang sedang diambil tindakan. Kita harap kerajaan hari ni tolong beri perhatian dan pastikan isu-isu ini tidak akan berlaku lagi pada masa-masa hadapan.

Seterusnya kepada Jabatan Veterinar, kita faham Veterinar berkaitan dengan ternakan termasuklah ternakan ruminan tadi, kita faham pada tahun ini ada sedikit masalah dan SOP yang berlaku antara negara kita dengan negara yang mengeksport masuk ternakan, yang terdekat adalah Thailand, Burma, memang kita ada masalah daripada segi itu. Juga masalah penyakit yang paling senang pengalaman kita bela lembu iaitu penyakit kuku dan mulut yang boleh membawa jangkitan kepada ternakan yang lain. Walau bagaimanapun, kita minta bersungguh kepada Jabatan Veterinar mempunyai perancangan khas untuk menghadapi masalah ketika sukar seperti covid ini. Sebab kalau kita tidak mempunyai perancangan, berkemungkinan kita akan terima lagi masalah yang sama pada tahun-tahun hadapan kita akan menghadapi masalah kepada sumber makanan negara kita. Mesti ada perancangan daripada pihak kerajaan untuk menambah pengusaha-pengusaha ternakan atau mengurangkan karenah birokrasi berkaitan ternakan. Kita tau sebahagian pengimport-pengimport kita membawa masuk jalan yang selamat mereka agak susah, agak sukar. Kadang-kadang kena kuarantin ternakan selama 30 hari lebih. Masuknya 200 kilo, bila pi nak ambil tinggal 100 kilo saja. Ini kadang-kadang berlaku, dengan sebab tersebut, kita lihat sebahagian daripadanya rupa-rupanya melalui 'lorong tikus' ataupun seludup masuk. Bila seludup masuk, ia sudah tentunya mengurangkan hasil kepada kerajaan.

Seterusnya saya mencadangkan kepada pihak Veterinar memfokuskan ternakan kepada lembu-lembu 'sado', lembu sado ini dia besar lah, kosnya mahal tapi dagingnya banyak sepertimana yang dibuat di Terengganu, "lembu sado" dan saya pun tengok baru-baru ini Kumpulan Ladang buat MOU dengan Terengganu untuk ternakan lembu sado. Syabas dan tahniah, agar diperbanyakkan, ditambah baik sekurangnya baka 'Charolais' hasil daging tu lebih banyak.

Seterusnya saya nak sentuh tentang JPS dan JKR. Dengan peruntukan yang diberi walaupun tak banyak tetapi sekurang-kurangnya boleh membantu menyelesaikan masalah-masalah infra hari ini dan ke depan apa yang berlaku dalam daerah kita seperti kena bersihkan sungai, mendalamkan sungai, melebarkan sungai yang sempit….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil, ada 2 minit lagi na?

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Berapa minit?

YB. TIMBALAN SPEAKER

2 minit saja la.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

5 minit na?

YB. TIMBALAN SPEAKER

2 minit!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh aaa…Tak sampai 20 minit lagi kan? Yang mungkin menjejaskan isu-isu banjir ini. Yang ni tolong beri perhatian, yang lain tak payah la sebab YB. Tuan Speaker bagi masa. Termasuk infra-infra yang rosak tolong beri perhatian untuk tahun depan.

Saya ingin menyentuh tentang UniSHAMS sebab duduk dalam DUN kita, tak sentuh nanti kata Mejar tak sentuh langsung. UniSHAMS adalah sebahagian daripada pemangkin "Cordoba of Kedah". Walaupun tak pernah pi Cordoba lagi boleh bayangkahlah rupa bentuk Cordoba tu. Kita nak diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Isunya sekarang ni ialah isu asrama, fungsi berjalan dengan RM9.2 juta yang dibekalkan oleh kerajaan untuk belanja mengurus tapi untuk pembangunan asrama kena juga diberi perhatian. Suntikan modal bukan banyak, berkala untuk tiap-tiap tahun, sekurang-kurangnya untuk tahun ini kita buat setakat mana mampu, tahun depan bagi lain kita buat. Saya dah buat kiraan sekurang-kurangnya dengan RM10 juta kita boleh menghasilkan sekitar 200 buah rumah.

Dengan 200 buah rumah taman siswa ini boleh menampung sekurang-kurangnya 1,000 pelajar untuk tahun ni, tahun depan bila diberi peruntukan tambahan lagi kita akan tambah lagi asrama sebab saya tau asrama penting di UniSHAMS sebab rumah

taman yang ada di sekitar ini tak banyak, termasuk juga soal keselamatan dan sebagainya kepada pelajar, jadi asrama tu penting. Jangan curi masa panjang sangat ya, masa tak cukup.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Kuala Ketil dan YB. Speaker. Mengenai asrama UniSHAMS, kita difahamkan sebelum ini ada perancangan untuk menggunakan kuarters guru yang terbengkalai ataupun yang telah tidak diduduki dan proses perbincangan berlaku pada pihak kementerian tetapi tidak dapat untuk diselesaikan. Jadi, kita mengharapkan supaya pihak kerajaan negeri berusaha bersungguh-sungguh kalau perkara ini dapat diatasi khususnya boleh ambil alih kuarters guru tersebut ia mungkin menjadi satu perjalanan bagi memastikan kuarters-kuarters lain yang tidak digunakan sampai hari ini diurus oleh pihak negeri. Jadi, kita harap rundingan itu terus berjalan dan ia merupakan satu solusi yang terbaik supaya tidak berlaku pembaziran rumah-rumah yang terbengkalai kuarters-kuarters ini dapat dimanfaatkan khususnya untuk rakyat di Negeri Kedah ini.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih kepada YB. Sungai Limau. Setuju cadangan itu dijadikan sebahagian daripada ucapan perbahasan saya tapi nak maklumkan bahawa kos membaiki itu lebih tinggi daripada kos nak buat sebab rumah tu dah teruk sangat dah.

Seterusnya YB. Tuan Speaker saya masuk kepada masalah banjir di Baling. Saya ada laporan, ini laporan yang dikeluarkan oleh APM (sambil merujuk buku laporan tersebut) baru 2 siri banjir yang berlaku di Baling, bulan 9 dan bulan 10, selang sebulan, tebal ini APM keluarkan. Jadi, saya ceritakan di sini apa yang telah berlaku 26 haribulan Oktober sehingga 6 haribulan November. Ia melibatkan 2,690 buah rumah yang terlibat, banyak bukan sikit yang melibatkan 16 lokasi PPS. 16 lokasi PPS dibuka untuk penempatan sementara, mangsa banjir pula 741 mangsa yang terlibat. Nak hurai panjang pun masa nak habis. Kerugian pula, kita katakan kerugian yang diambil kira, dihitung oleh Pejabat Daerah RM2.7 juta, tempoh yang singkat, yang dekat tu, 2 kali tu RM2.7 juta kerosakan jalan mini tar, culvert titi kampung, tebing jalan, mendapan jalan utama dan tanah runtuh.

Isu yang berlaku ini kita di tempat lain mungkin sekali dalam setahun YB. Tuan Speaker, Baling ni, setahun 4 kali 5 kali berlaku banjir. Jadi, kita minta perhatian daripada pihak kerajaan. Kalau sekali sekala mungkin orang boleh beri perhatian tapi kalau dah terlampau kerap, orang pun dah trauma dah. Baru sebulan berlaku, beli

perabot baru mai banjir pula, hilang pula. Jadi kita minta perhatian bersungguh terutama daripada segi peruntukan kewangan untuk membaiki infra-infra yang rosak ini. Hari ni dah masuk satu bulan setengah, dari bulan 10 sekarang bulan 11, sebulan setengah dah, titi kampung, 'culvert' masih belum dapat dibaiki lagi, kita kekurangan peruntukan kewangan. Mendapan jalan utama di Parit Panjang, jalan Carok Salang dan jalan Banggol Berangan yang mendap dan runtuh sebelah jalan masih belum dibaiki. Kita faham dengan jawapan oleh pihak JKR tapi sebahagian rakyat di kawasan perlukan jawapan daripada kita, perlukan perhatian kita untuk kita nak buat sesuatu supaya ini adalah untuk kebaikan mereka. Jalan kampung, titi kampung ni mereka nak pi motong, nak pi kebun, tapi kalau dibiar terlampau lama akan mendatangkan masalah kepada mereka. Jadi, Alhamdulillah dengan sedikit peruntukan yang diberi oleh YB. Dato' Pegawai Kewangan itu dapatlah kita baiki sikit-sikit. Tapi yang besar-besar tu kita minta perhatian daripada kerajaan.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil, lajak banyak sangat ni!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Sikit lagi! Sikit nak habis dah. Dan kita minta juga kepada pihak yang bertanggungjawab seperti JPS dan JKR tolong tengok-tengokkan sungai di daerah kita yang perlukan perhatian. Saya difahamkan rancangan pembangunan RTB dalam RMK-11 mohon RM75 juta, lulus RM15 juta sahaja dan dalam RMK-12 kita mohon RM96 juta, benda ni perlu sebab selagi tak buat RTB, selagi itulah masalah banjir tidak dapat diatasi di kawasan yang selalu berlaku contohnya di Sungai Ketil, sebelah darat nu atas dari Baling, Weng dan sebagainya. Ini tempat-tempat yang sering berlaku di Kupang, selalu berlaku, kita dah tau dah tapi kalau kita tak ambil tindakan untuk mengatasi dan sebagainya, kita akan menghadapi setiap tahun dan bila-bila masa. Jadi, saya harap diambil segera oleh pihak-pihak berwajib dan juga kerajaan.

Akhir sekali, saya sentuh tentang perancangan Kedah Tahun 2035 sepertimana buku yang dikeluarkan. Ini cukup cantik, kita telah pun diberikan taklimat program yang menyeluruh sehingga tahun 2035 walaupun tak diperincikan secara 'detail' tapi sekurang-kurangnya kita memahami apa perancangan dan hasrat kerajaan.

Kita nak buku ini dikemaskini dan dijadikan panduan di peringkat daerah, sekolah, agensi dan kerajaan yang ada dalam Negeri Kedah supaya mereka faham apa itu hala tuju Negeri Kedah untuk masa depan. Saya menyokong penuh buku ini untuk diedarkan kepada seluruh rakyat Negeri Kedah. Saya mengambil kesempatan ini

untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Timbalan Speaker yang memberi ruang dan masa dan juga kepada semua Pegawai Tadbir dan juga agensi yang sama-sama membantu kita keluar daripada pandemik sehingga ke Fasa 4 Pemulihan dan membantu kami ADUN-ADUN untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. Saya menyokong penuh ucapan Bajet yang dibentangkan oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar. Sekian, waallahu'alam. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Ketil . Seterusnya saya persilakan YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Salam muhibbah diucapkan kepada YB. Tuan Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai dan kakitangan kerajaan negeri dan persekutuan serta sidang hadirin Dewan yang mulia sekalian.

Terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan sempena persidangan Bajet 2022. YB. Dato' Speaker, kita semua sedar bahawa peralihan daripada pandemik kepada endemik Covid-19 telah memberi kesan yang mendalam dari segi kesihatan, ekonomi, keselamatan sosial dan sebagainya. Dengan keadaan ekonomi dijangka pulih pada tahun 2022, bajet kali ini hendaklah memberi keutamaan dalam membantu keluarga dan peniaga di mana kehidupan mereka terjejas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021. Sesi perbahasan Bajet 2022 saya akan menarik tumpuan kepada 3 teras utama yang perlu diberi perhatian serius iaitu yang pertama pemangkin dan pemulihan aktiviti ekonomi, peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat dan isu-isu tempatan di DUN Kota Darul Aman. Keseluruhan peruntukan perbelanjaan kerajaan negeri melibatkan peruntukan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM1.35 billion dengan anggaran kadar difisit sebanyak 12.44% atau RM90.22 juta. Ini adalah satu kadar difisit yang tinggi jika dibandingkan dengan pertumbuhan KDNK negeri. Anggaran perbelanjaan ini mengembirakan sesetengah pihak tetapi rakyat jelata tidak semestinya gembira khasnya mereka yang ditimpa malapetaka pandemik Covid-19 dan banjir air pasang baru-baru ini.

YB. Dato' Speaker, saya berasa amat sedih dan terkejut apabila melihat rakyat membuat pengeluaran khas KWSP Negeri Kedah berjumlah RM7.1 billion melalui Skim i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra yang berumur 55 tahun ke bawah. Tindakan pengeluaran terdesak Skim Simpanan KWSP yang bernilai 5 kali ganda Bajet 2022 tidak dapat bantu banyak dalam merangsangkan ekonomi kerana sebahagian besar duit ini telah dibelanjakan untuk jelaskan hutang pinjaman dan sara hidup. Dengan pengeluaran skim-skim ini sebanyak 492,019 atau 91.7% bilangan ahli KWSP tiada simpanan asas atau kurang daripada RM10.00. Pada masa ini jumlah simpanan asas yang digariskan oleh KWSP adalah berjumlah RM240 ribu dengan andaian ahli akan menikmati saraan RM1,000 sebulan selama 240 bulan atau 20 tahun selepas bersara pada umur 55. Persoalan saya, kita akan berdepan dengan isu persaraan yang besar dan siapa nak tanggung kehidupan rakyat kita apabila bersara nanti. Adakah kerajaan akan paksa rakyat kerja sampai tua dan tidak dapat bersara. Dengan peluang pekerjaan yang terhad dan gaji bulanan yang rendah, apakah jaminan kerajaan negeri agar akaun simpanan berpuluh tahun mereka dapat dipulihkan semula. Justeru, pemulihan aktiviti ekonomi dan peningkatan pendapatan rakyat Kedah adalah amat penting kerana kadar kemiskinan yang meningkat ini perlu diubati dengan segera. Kalau biar begitu saja, pelbagai impak negatif berlarutan akan berlaku dan kehidupan rakyat akan terjejas dan bertambah teruk apabila moratorium bank tamat akhir tahun ini dan ansuran bulanan bermula tahun depan.

YB. Tuan Speaker, bagi mengurangkan jurang kemiskinan pasca Covid-19, saya sarankan kerajaan wujudkan jawatankuasa khas untuk memantau dan menyelaraskan semua bantuan kerajaan agar rakyat Kedah dapat keluar dari kemiskinan dan menyediakan ruang untuk persaingan antarabangsa yang semakin mencabar. Wang bantuan berjuta-juta yang dicurahkan kerajaan melalui kementerian, jabatan dan agensi perlu digunakan dengan berkesan dan memastikan senarai e-Kasih di setiap daerah dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

YB. Tuan Speaker, Pelan Pembangunan Kedah 2035 harus memberi tumpuan kepada kadar kelahiran anak. Data Jabatan Perangkaan Malaysia dari tahun 2017 sehingga 2020 dalam tempoh 4 tahun ini menunjukkan kadar kelahiran di Negeri Kedah menurun sebanyak 7.912% atau 2,903 orang. Penurunan kadar kelahiran di 9 buah daerah khasnya kawasan bandar iaitu Kota Setar dan Kuala Muda adalah kurang sihat. Peningkatan hanya berlaku di Baling, Padang Terap, 2 kawasan ini sahaja dan wajar dikaji punca-punca penurunan kadar kelahiran tersebut. Negeri Kedah perlu bersiap sedia berdepan dengan cabaran 'aging population' (dengan izin) yang bakal menjelang tahun 2050 di mana 1 daripada 4 orang akan berumur 60 tahun ke atas. Populasi makin tua berusia maka daya saing ekonomi negeri akan makin pudar.

Selain itu, saya ingin cadangkan kepada kerajaan untuk tingkatkan peruntukan program "Anakku Sejahtera" ke RM2 juta dengan bayaran one-off RM200 dan buat pindaan syarat agar program ini dapat dimanfaatkan kepada semua ibu bapa kategori pendapatan melebihi RM3,000. Selagi mereka pengundi dalam Negeri Kedah maka mereka layak diberikan one-off RM200 sebagai pengiktirafan jasa mereka melahirkan "Anak Kedah". YB. Tuan Speaker, melihat demografi Negeri Kedah yang kian berusia dan penyakit berjangkit yang meningkat, saya berharap kerajaan dapat tingkatkan bantuan perubatan RM500 ribu di hospital menjadi RM1 juta selaras dengan kadar kemiskinan negeri dan kos barangan perubatan yang melonjak pada kadar 15% hingga 20% setiap tahun adalah wajar bantuan ini ditambah dan diperluaskan kepada golongan yang memerlukan.

Sepanjang tempoh pandemik Covid-19, saya difahamkan siasatan permohonan Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya dibuat melalui panggilan telefon mengikut borang yang dihantar oleh pemohon. Siasatan kediaman pemohon tidak lagi dibuat kerana borang permohonan berlambak di Pejabat JKM berikutan kadar pengangguran yang tinggi dan kawalan SOP. Ramai yang memerlukan bantuan kewangan pada masa ini tetapi tiada peruntukan tambahan kepada JKM untuk uruskan bantuan pasca Covid-19 dalam Bajet 2022. Sebanyak RM24.8 juta masih kekal seperti dulu untuk bayaran am bulanan, bantuan bencana, bantuan pusat aktiviti warga emas, kanak-kanak dan orang tua. Peruntukan ini perlu diperhalusi dan dipertingkatkan demi kabajikan am rakyat yang terkesan. Dengan tapisan dan rujukan atas talian, ramai pemohon yang perlukan bantuan tercicir dari permohonan dan terpaksa bagi angka pendapatan yang palsu untuk menjadi penerima bantuan. Pengkalan data JKM, Zakat, SOCSO serta pencen perlu dikemas kini dan diselaraskan supaya hanya pemohon yang layak saja menerima bantuan dan tiada yang terpinggir.

YB. Tuan Speaker, bagi meningkatkan hasil untuk pembangunan infrastruktur awam dan perkhidmatan bagi kerajaan negeri, kerajaan negeri harus memohon dengan kerajaan persekutuan untuk meningkatkan geran per kapita penduduk hampir 2.2 juta penduduk dari kadar RM13.75 per kapita ke RM20.00 per kapita. Peningkatan kadar ini bakal menambah lebihan 13.71 juta untuk menampung keperluan pembangunan dan kebajikan am negeri. Alor Setar sebagai ibu negeri akan terus dimajukan sebagai "Bandar Sejahtera" seperti yang dikatakan dalam Bajet 2022. Namun, DUN Kota Darul Aman yang terletak di tengah-tengah pusat bandar berdepan dengan beberapa halangan iaitu dalam tempoh satu bulan ini, pengurusan kutipan sampah kucar-kacir di Alor Setar menyebabkan sampah bertimbun, bertaburan, berbau busuk dan apakah masalah dan penyelesaiannya.

Yang kedua, Projek Rancangan Tebatan Banjir….(YB. Derga minta laluan)

YB. TAN KOK YEW

YB. Speaker, saya ada satu soalan nak masukkan dalam perbahasan YB. Kota Darul Aman. Adakah YB. Kota Darul Aman sedar bahawa PBT banyak berhutang dengan SWCorp. dari dulu yang selalu disebutkan sebab-sebab tersebut. Saya tak pasti adakah hutang itu sudah selesai atau adakah disebabkan hutang SWCorp. ini maka e-idaman punya kerja ataupun kontrak sudah pun ditukar? Minta YB. Kota Darul aman jelaskan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya bersetuju dengan pandangan ataupun penjelasan daripada YB. Derga di mana memang kalau kita lihat hutang-hutang PBT kepada E-Idaman, ia telah mencecah lebih daripada RM300 juta dan ini merupakan suatu yang perlu kerajaan melihat dan untuk menyelesaikannya pada masa akan datang. Banyak aduan diterima berhubung dengan isu sampah ini. Ya…

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Kota Darul Aman, memang kerajaan ni ditubuhkan untuk bayar hutang hat lepas-lepas, InsyaAllah.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok, yang kedua Projek Rancangan Tebatan Banjir tergendala di Lorong Wat Siam belakang Muzium Negeri telah menyebabkan hampir 20 keluarga terjejas dengan banjir air pasang mencecah 3 kaki berlaku 12 kali dalam setiap bulan. Sambungan longkang ke RTB juga penyebab utama banjir air pasang. Apakah penyelesaiannya?

Yang ketiga, TLK Ban Ho yang telah diswastakan oleh pihak MBAS pada 1 haribulan Januari 2020 kepada Parkspots kini beroperasi 24 jam. Ada mana-mana tapak parkir yang beroperasi 24 jam? Kenapa MBAS tidak kaji kesesuai wujudkan parkir terkawal di kawasan tersebut? Dalam tempoh 20 tahun tapak parkir terkawal ini diswastakan, peniaga-peniaga dalam kawasan parkir tersebut terjejas teruk sehingga ada yang gulung tikar, cukai pintu mencecah RM5,000 setahun tapi tak mampu bayar dan terpaksa bayar parkir.

Sekarang tapak tersebut telah dipasang 'Touch & Go'. Canggih memang canggih, kita alu-alukan tetapi tiang kawalan tutup 24 jam tak buka dari PKP sehingga kini. Ada yang kena caj parkir sehingga RM1,500 untuk kadar parkir. Apakah penyelesaian pihak MBAS? Adakah diperuntukkan dalam akta bahawa PBT boleh tutup satu-satunya laluan utama bangunan premis nak kutip caj parkir? Pohon penjelasan.

YB. Tuan Speaker, semalam YAB. Jeneri tanya khabar saya, apakah reaksi masyarakat Cina tentang keputusan kerajaan menamatkan lesen premis bagi judi ekor berlesen di Negeri Kedah. Reaksi itu memang ada, kalau saya cakap tiada semua takkan percaya. Cuba tanya YB. Sidam, selaku satu-satunya Exco Masyarakat Cina. Beliau lebih peka tetapi tidak berada dalam Dewan semalam ketika YB. Sungai Limau berucap. Justeru, saya jemput beliau untuk memberi penjelasan lanjut berhubung perkara ini. Secara jujur dan suara hati rakyat bukan Islam, "amalan judi itu tidak baik dan tidak dipupuk dalam semua agama tetapi ia merupakan sebahagian daripada hiburan biasa bagi masyarakat Cina". Pepatah Cina menyatakan, "xian du yi ching da du sang sheng" (dengan izin) maksudnya, "taruhan kecil gembira, taruhan besar merosakkan diri". Selaku kerajaan, tanggungjawab kita adalah menggubal undang-undang agar semuanya terkawal dan bukannya sehingga pergi menghadkan sepenuhnya hak asasi dan kebebasan kelompok yang lain. Sekadar itu saja dan selesai tanggungjawab sebagai kerajaan. Setahu saya orang beriman sentiasa kawal nafsu dan maksiat lesu maka tutuplah segala pintu ajakan kepada kejahatan. Apabila seseorang berusaha bersungguh-sungguh melawan nafsunya, kebaikan dan keberkatan akan datang kepadanya. Itulah apa yang saya pelajari dari semua agama temasuk Buddha, Taoism, Kristian dan sebagainya selain agama Islam.

YB. Tuan Speaker, kita perlu terima hakikat bahawa kalau premis judi berlesen ditutup….(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Kota Darul Aman….

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Nak 'landing' dah, nak 'landing' dah.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Nak sebut tadi, hat tadi mungkin hat yang YB. Kota Darul Aman belajar.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Boleh kuat sikit tak tak dengar?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Hat tadi hat YB. Kota Darul Aman sebut hat YB. Kota Darul Aman belajar, tapi apa yang kita belajar dari ajaran Islam sadd al- dhara'i' , "*untuk menutup segala pintu-pintu keburukan ia merupakan suatu yang menjadi keutamaan kepada agama dan kehidupan*".

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tadi yang saya baca tu dipetik daripada Al-Quran. Ok. Kerajaan perlu terima hakikat bahawa kalau premis judi berlesen ditutup kerajaan akan hilang sumber cukai, PBT hilang pendapatan lesen premis dan judi haram atau online akan jadi cendawan tumbuh selepas hujan serta hilang kawalan. Tambahan lagi penutupan premis judi berlesen akan menyebabkan ramai hilang pekerjaan pada tempoh pandemik ini. Menilai impak-impak tersebut kepada masyarakat dan ekonomi, adakah ini kehendak pihak kerajaan negeri sekarang, adakah wajar keputusan itu dipertimbang semula demi keharmonian bersama selaras dengan slogan Perdana Menteri "Keluarga Malaysia" dan "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua".

Untuk itu, saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong Bajet 2022. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kota Darul Aman. Setakat sekarang YB. Kota Darul Aman saja yang berucap kurang daripada masa yang diperuntukkan, kurang 2 minit. Terima kasih kepada YB. Kota Darul Aman.

Seterusnya saya persilakan YB. Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HANIF BIN HJ. GHAZALI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, wassola tuwassa mu'ala rasulillah wa'ala alihi wasohbihi waman walah. Terima kasih YB. Speaker, YAB. Menteri Besar Negeri Kedah, barisan Exco, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan rakan-rakan yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, hari ini hari ketiga kita bersidang dan moga-moga apa yang kita lakukan ini dalam rangka untuk menunaikan kewajipan kita kepada tanggungjawab yang dipikulkan oleh rakyat kepada kita InsyaAllah. Sempena tema Bajet 2022, "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua" pakat-pakat merasa. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah atas kejayaan kerajaan mengutip hasil pada tahun ini sebanyak RM631.68 juta iaitu 87.73% berbanding RM560.66 juta pada tahun lalu dan moga-moga apa yang dihasratkan anggaran kutipan cukai ataupun hasil pada 2022 iaitu sebanyak RM725 juta diperkenankan oleh Allah s.w.t.

YB. Speaker, berpandukan Pelan Pembangunan Negeri Kedah 2035 yang ada 3 teras. Antaranya ialah peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat maka saya menyokong penuh keputusan kerajaan negeri di bawah kepimpinan YAB. Jeneri berkaitan perkara berikut iaitu memansuhkan lesen premis judi dan menghadkan penjualan minuman keras di seluruh Negeri Kedah.

YB. Speaker, pertama berkaitan dengan judi. Saya ingin menarik perhatian terutama kepada Ahli Yang Berhormat yang bukan beragama Islam supaya melihat apa yang telah pun dibuat keputusan oleh Kerajaan Republik China yang mengharamkan sejak beberapa tahun yang lalu untuk perjudian ini sejak tahun 1949 di Tanah Besar China dengan alasan perjudian membawa kerosakan kepada masyarakat. China hanya membenarkan 2 wilayahnya sahaja untuk beroperasi tentang perjudian iaitu Macau dan juga Hong Kong. Macau yang terkenal sebagai pusat perjudian yang terbesar di Asia dan juga Casino. Jadi kita harap moga-moga dakwaan yang menyatakan orang Cina menjadikan ini sebagai suatu budaya, ada sesuatu yang perlu dilihat walaupun Republik China membenarkan perjudian ini untuk majlis sepertimana perkahwinan, birthday dan juga majlis-majlis kecil. Bahkan Kerajaan Republik China baru-baru ini pada tahun 2019 telah pun meminta kepada Kerajaan Filipina supaya menghapuskan perjudian online yang menyebab terganggu rakyatnya yang ada di tanah Besar China. Sebagai seorang Islam perlu menyedari kita ada 5 Maqasid Syariah.

Kita dipertanggungjawabkan untuk memastikan menjaga agama, menjaga nyawa, akal, keturunan dan juga harta. Adakah dengan perjudian ini akan terjamin kita boleh menjaga harta kita, boleh menjaga keturunan bahkan nyawa serta agama. Tentunya apa yang boleh kita sebut dengan aktiviti yang tidak baik ini akan menyebabkan berlaku pergoncangan dalam rumah tangga. Melibatkan rumah tangga yang bergoncang bilamana ketua kepala terpaksa mendapatkan duit untuk berjudi dia sanggup untuk dapat melalui 'along'. Boleh bayangkan bagaimana aktiviti ini menyebabkan ada anak, ada isteri yang digadai oleh suami, oleh ayah demi untuk melunaskan hutang akibat daripada aktiviti ini. Saya tidak nafikan bahawa untuk membanteras perjudian haram yang tidak berdaftar ada sesuatu yang susah tetapi

kita berusaha sedaya upaya yang kita boleh terlebih dahulu. Saya ingat ketika saya berada di pihak sana (pembangkang) pada awal tahun 2018 selepas daripada perubahan kerajaan negeri dalam Persidangan Kali Yang Kedua saya telah pun membuat laporan berkaitan dengan aktiviti perjudian online di Semeling dalam DUN Tanjung Dawai dan mengejutkan bagaimana sebelum persidangan hari itu selesai, saya telah pun dimaklumkan oleh pihak di Semeling bahawa polis telah pun turun menggerakkan operasi sepertimana yang saya laporkan dalam Dewan ini. Walaupun pihak polis menyatakan mereka tidak menemui apa yang saya sebut, tetapi masyarakat semua kita mengetahui bahawa aktiviti itu memang ada dan sudah pun menjadi sesuatu yang parah sepertimana yang kita maklumi.

YB. Speaker, yang kedua ialah berkaitan dengan arak yang dicadangkan untuk dihadkan penjualannya. Berdasarkan kepada ayat Al-Quran, Allah s.w.t menyebut dalam Surah Al-Maidah ayat 90 dan 91, Allah Taála menyatakan;

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلْخَمْرُ وَٱلْمَيْسِرُ وَٱلْأَنصَابُ وَٱلْأَزْلَـٰمُ رِجْسٌ مِّنْ
عَمَلِ ٱلشَّيْطَـٰنِ فَٱجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, perjudian, hidang korban untuk berhala, tenung nasib adalah kerja keji daripada kerja-kerja syaitan. Maka hendaklah kamu hindari agar kamu berjaya"

Suatu perkara yang disebut dalam ayat ini berkaitan dengan arak dan juga dengan judi. Suatu perkara yang besar dan Malaysia disenaraikan oleh WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) suatu ketika dulu adalah negara yang ke 11 pengguna terbanyak ke 11 di dunia pengguna alkohol di mana disebutkan bahawa rakyat Malaysia membeli alkohol khususnya arak sebanyak RM1.5 billion setahun dan dibahagikan mengikut perkepala bagaimana setiap rakyat di Malaysia ini kalau dibahagikan dengan pembelian itu seorang rakyat minum 7 liter setahun. Itu arak yang dilaporkan oleh WHO. Dan kesannya kita maklumi sepertimana judi bahkan lebih berat lagi sepertimana yang dibuat kajian oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) bahawa arak adalah punca 13 kali ganda faktor kemalangan di jalan raya dan menyebabkan kematian di jalan raya.

Jadi, khususnya di Langkawi, saya pun duk pi Langkawi tiap-tiap bulan pasal kuliah, selalu dengar cerita eksiden tak kiralah pelancong sama ada orang puteh ka, Arab ka, tapi bila mabuk dia bawa kereta dia tak kira apa, sedaq-sedaq duk dalam kedai saja. Kerana apa? Kerana bebasnya arak yang ada di Langkawi. Maka, hasrat kerajaan untuk menghadkan penjualan dan juga premis jualan arak ini perlulah disokong kerana apa yang berlaku sepertimana Langkawi bebasnya sehinggakan anak-anak remaja, budak-budak sekolah pun boleh dapat, beli dan juga minum dengan bebas minuman yang tak sepatutnya mereka rasa. YB. Speaker, kalau di sana disebutkan tidak dibenarkan minum arak di tempat awam, kenapa kita tidak mengambil contoh apa yang berlaku di Singapore pada tahun 2013. Kejadian rusuhan pekerja asing di 'Little India' yang mengakibatkan Parlimen Singapura membuat satu keputusan bahawa mereka tidak membenarkan lagi dari tahun 2013 untuk dijual arak melebihi dari jam 10.30 malam hingga 7.00 pagi dan bagaimana di 2 kawasan yang dijadikan sebagai kawasan kawalan tidak dibenarkan sama sekali penjualan arak walaupun pada hari cuti, pada hari minggu, cuti am tidak dibenarkan iaitu di kawasan 'Little India' dan juga Geylang kerana kesan daripada rusuhan pekerja asing yang berlaku pada 2013 itu menyebabkan Parlimen Singapura membuat satu keputusan besar di mana kesalahan pertama orang-orang yang melanggar undang-undang ini akan didenda 1,000 dolar Singapura, kesalahan kedua akan didenda sebanyak 2,000 dolar dan 3 bulan penjara dan penjual akan didenda 10,000 dolar akibat daripada pelanggaran tersebut. Dalam agama Islam, arak ini kalau diminum akan mengakibatkan 40 kali sebatan dan ditambah hukumannya oleh Al-Mukminun Saidina Umar dengan alasannya menjadikan 80. Bagaimana 40 sebatan itu dalam hadis ada menyebut, Nabi menyatakan orang yang minum arak 40 hari amalan soleh bahkan sembahyangnya tidak diterima oleh Allah Ta'ala.

Seorang saintis dari Parkistan beberapa puluh tahun yang lalu pernah saya baca bagaimana membuat kajian kenapa Allah mewajibkan hukuman 40 sebatan kepada orang yang minum arak dan kenapa 40 hari tidak diterima amalan kebaikannya termasuk sembahyang. Rupa-rupanya apabila seseorang yang minum arak itu, arak itu akan kekal di dalam badannya selama 40 hari.

YB. Speaker, seterusnya kerajaan negeri memperlihatkan melalui perancangan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan khususnya Lembah Bujang dan pemuliharaan alam. Saya ingin bercakap berkaitan Tapak Tamadun Tertua di Asia Tenggara iaitu di Sungai Batu. Kita maklumi hasil daripada keputusan yang dibuat oleh Tan Sri Almarhum Ustaz Azizan bin Abdul Razak memudah dan juga mempercepatkan proses pemilikan tanah tapak tamadun tersebut untuk Jabatan Warisan Negara. Alhamdulillah, pada bulan Mei 2016 yang lalu satu Festival Kedah

Tua telah dianjurkan dan bagaimana dihadiri oleh 5 orang tokoh Tamadun Utama Dunia, yang tidak hadir hanyalah seorang iaitu Professor Dr. Zawi Hawas yang menjadi pakar berkaitan Arkeologi dan Sejarah berkaitan dengan Firaun. 5 Tokoh Arkeologi Tamadun Dunia telah pun menandatangani Plak dan memperolehi perakuan dan juga mengisytiharkan bahawa Tamadun Sungai Batu itu adalah satu tamadun tertua dan terawal di Asia Tenggara dan perisytiharan itu akan mempermudahkan untuk Pertubuhan Penyelidikan Saintifik Dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) untuk menjadikannya Kompleks Arkeologis Sungai Batu sebagai Tapak Warisan Dunia. Tapi masalah sepertimana yang kita ketahui berdasarkan jawapan YAB. Jeneri kelmarin berlaku beberapa perkara seperti laluan untuk kenderaan masyarakat kampung yang lalu kawasan tapak tamadun itu antara punca yang menyebabkan tidak boleh tercapai untuk diakui sebagai Tapak Warisan Dunia.

YB. Speaker dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, di Merbok ni semua ada YB. Speaker. Kalau nak pi Merbok dari Sungai Petani, dari Sungai Layar Hujung jumpa satey. Satey Mak Siti, 'start' satey dah turun Jambatan Sembeling tu jumpa satey, Satey Art apa semua, kawasan satey dan kawasan Semeling ni boleh diberi nama "Pekan Satey" lah kalau nak buh nama. Kalau petang, Allah! Meqenyut orang sampai tengah malam, bukan biasa-biasa, beratur orang nak makan satey dan Satey Semeling ni bukan dijual di Semeling, Sungai Petani saja, sampai Pulau Pinang, sampai Perlis, rata ceruk dah, satey yang kata satey di pekan Semeling ni. Kalau nak pi ke Tanjung Dawai boleh singgah dulu di Tapak Tamadun Sungai Batu, habis melawat Tapak Tamadun Sungai Batu kut-kut anak ada mengaji MRSM, UiTM, Maktab Mahmud, boleh singgah bagi satey dulu. Kut-kut panaih boleh singgah di Sungai Tupah dulu, bukannya nak tengok kesan kepala air, boleh pi rendam kaki bagi sejuk, kalau tak tahan berendam teruih.

Dari Tupah nak pergi Tanjung Dawai singgah dulu di pecan Merbok, naik tengok Muzium Arkeologi Lembah Bujang, kalau lah rasa Gunung Jerai tu rendah pasal Gunung Jerai duk sebelah Kuala Muda puncak dia, boleh ragaih kut belakang tu YB. Sungai Tiang. Dari Muzium Arkeologi Lembah Bujang turun, sebelum pi Tanjung Dawai pi Sungai Baru dulu pekena Mee Udang Mak Cun. Kalau tak mau pekena Mee Udang Mak Cun boleh pi ke Singkir, DUN Guar Chempedak tapi laluan yang sama Mee Kuah Tulang. Nak pi ke Tanjung Dawai sebelum sampai ada Nira Napiaaahh…Meqenyut orang dari dulu, cuma PKP hari tu tak dak orang. Cantik kawasan tu dengan pokok nipah yang ditanam, ada kolam, orang, ya Allah! Punya ramai. Lepas Nira Napiah, pi Tanjung Dawai, nak beli ikan masin, ikan kering semua boleh. Tengok ramai pulak daaahhh…Rupa-rupanya ada Mee Udang Mambu, nak 'try' boleh masuk. Tapi kalau lebih hebat lagi kalaulah perjalanan pelancong itu boleh

diteruskan ke Pantai Merdeka, kalau ada jambatan yang menyambung ke Pantai Merdeka. Tapi nak buat macam mana, berdasarkan jawapan soalan bertulis saya bahawa tidak ada 'respond' terhadap soalan tersebut daripada Kerajaan Persekutuan.

YB. Speaker, bila sebut Tanjung Dawai ni bab air saya tak boleh lepaih na, mesti sebut bab air. Alhamdulillah, berdasarkan kepada apa yang kita maklumi, 5 projek loji rawatan air telah pun bermula termasuklah Loji Air Bukit Selambau. Baru-baru ni pun saya bawa wakil taman-taman di Lembah Bujang untuk berjumpa dengan piahak SADA Wilayah Kedah Tengah dan bilamana saya dapat satu maklumat berkaitan dengan peratusan pencapaian ataupun kerja-kerja di Loji Rawatan Air Bukit Selambau yang ketika itu tak sampai 3% tapi bila kita viral, kita kongsi, ramai orang yang berterima kasih. Saya mohon kepada YB. Sungai Tiang kalau boleh dapat kongsi tiap-tiap bulan perkembangan pembinaan ataupun 'up grade' loji rawatan air itu supaya kami di Tanjung Dawai kalau boleh kami nak buat 'banner' kut simpang-simpang, nampak kata duk buat kerja dah untuk menyelesaikan masalah yang bertahun-tahun berlaku.

Seterusnya peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Terima kasih kepada pihak kerajaan negeri kerana peruntukan RM50,000 "Desa Sejahtera" untuk program gotong royong membaiki rumah asnaf. Masalahnya kita peruntuk RM50,000 ni untuk 10, 12 buah rumah, bagi sikit-sikit. Tapi bila kita pi tolong pebaik dinding sebelah kanan, elok-elok buka tengok, qeban sebelah kiri, nak cari duit mana pulak sebelah kiri tu. Menyebabkan orang yang nak buat kerja tu kadang-kadang takut (sambil ketawa) sebab peruntukan tu sikit, tapi kalau dia pi sentuh, qeban hat lain sama. Moga-moga ada, InsyaAllah ada pertambahan untuk tahun depan. Terima kasih juga "Beras Sejahtera" yang ditambah lagi, saya ingin untuk berkongsi pada tengahari ini iaitu sebuah Hadis Nabi s.a.w, nabi menyatakan; *Hal Tum Soru Nawatu Zafrun Illa Bi Du'a Faa Ikum*. *"Bukankah kamu ditolong dan diberi rezeki dengan sebab orang-orang susah, orang-orang lemah di kalangan kamu".* Hadis Imam Bukhori. Kita, naik boleh duk dalam Dewan ni kerana orang bawah, rakyat yang bagi peluang kepada kita. Seseorang tu dapat rezeki disebabkan dia menumpang orang lain.

Tak mungkin kalau orang tu dia kaya dia boleh buat semua kerja, kita kena bergantung kepada orang lain. Orang kaya, kalau dia kaya dia tak mau bergantung, dia nak duk rumah besar macam mana kalau tak dak tukang? Dia nak makan macam mana kalau tak dak pesawah? Kira nak jadi bos kalau tak dak kuli, tak mungkin. Semua bergantung kepada antara satu sama lain. Yang saya nak sebut ialah "Beras Sejahtera" ni yang kita dapat salurkan langsung kepada asnaf, kepada orang berhak yang bila walaupun mereka terima dengan beras, dengan barang-barang dapur sikit, tetapi sumbangan itu bermakna bagi mereka. Saya harap moga-moga tidak ada

masalah berkaitan "Beras Sejahtera" ini dan wajar untuk disokong dan digandakan lagi. Juga Khairat Kematian, Alhamdulillah dinaikkan RM500, moga-moga mudah sepertimana cerita P Ramlee sebutlah, "nak mati pun kena ada duit, bukan senang nak mati".

Berkaitan dengan isu agama, saya baru-baru ni ada masa pi berkunjung ke Pusat Dakwah Islam Kedah di tengah Bandar Alor Setar. Saya sedih bila melihat pusat yang boleh kata ramai di kalangan kita ada kenangan yang sudah pun berusia hampir 50 tahun, satu pusat yang telah pun dirasmikan oleh Almarhum Tuanku Sultan Abdul Halim dahulu pada tahun 1976, satu pusat yang begitu berjasa. Bahkan waktu PKP baru-baru ini waktu program tak boleh buat, pengurusan Pusat Dakwah menyatakan bagaimana mereka menganjurkan kursus perkahwinan untuk pelajar Kedah di Mesir. Bahkan selepas itu mereka buat kursus perkahwinan untuk golongan pekak dan bisu. Saya tanya, macam mana buat kursus tu? Terpaksa bayar upah untuk jurucakap hat duk gewang-gewang tu (Jurubahasa Isyarat) sehari RM900 YB. Speaker, haa…RM900. Depa faham ka? Pegawai tu kata, "depa faham pasai nampak depa duk gelak" (sambil ketawa). Saya melihat bahawa Pusat Dakwah walaupun dah lama, walaupun uzur, nampak kusam warnanya, bocor sana sini, Allah! Masuk-masuk tengok, ruang solatnya tak boleh dah, karpet tak dak, telah dibuang kerana apa, kalau bocor teruk. Saya dengar Ketua Polis Negeri Kedah telah pun memberikan jaminan untuk wakaf kain untuk ruang solat di Pusat Dakwah itu.

Saya juga ingin bertanya berkaitan status ruang solat di Pusat Dakwah, Musolla ataupun Masjid Melayu Jamek, tak pasti. Moga-moga ada jawapan InsyaAllah daripada YB. Exco Agama. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah yang diketuai oleh YB. Dato' Paduka SUK dan juga Datuk Syeikh Zakaria atas kejayaan menjadikan Zakat ini satu institusi yang dihormati dan dikenali di dunia. Bagaimana tahun 2019 kutipan zakat RM206 juta, zakat 2020 hampir RM243 juta, zakat 2021 jangkaannya RM255 juta. Bagaimana zakat membantu untuk Kedah dikenali dengan program seperti Kedah International Zakat Academy (KIZA) jemput pakar-pakar dunia mai, Kedah jadi penganjur dan bagaimana Zakat membantu untuk kebajikan rakyat Kedah ni.

Orang Islam yang asnaf sebulan 14,000 orang menerima kebaikan daripada Zakat. 14,000 dengan sebulan sebanyak RM4.5 juta diperuntukkan untuk bantuan tunai kepada penerima itu. Bayangkan kali dengan 12 bulan, RM54 juta setahun diperuntukkan untuk bantuan terus setiap bulan kepada golongan asnaf itu.

578 buah masjid tiap-tiap bulan menerima bantuan ataupun buat 'food bank' (bank makanan). Kerjasama Perumahan dengan Bank Islam untuk orang yang tak cukup syarat tapi dengan bantuan pinjaman daripada pihak Bank Islam, kerjasama itu melayakkan orang-orang yang ada kekurangan dari sudut sumber pendapatannya boleh buat pinjaman dengan Bank Islam untuk dapat kediaman. Zakat bukan tau kutip saja, mereka bagi kepada rakyat balik, bagi kepada orang ramai balik buat pusat hemodialisis di Menara Zakat, InsyaAllah dan saya ingin mencadangkan agar Zakat tengok mana-mana tanah terbiar milik orang Islam supaya dapat diusahakan. Kalau dalam Dewan ini setiap kali Sidang akan sebut tentang estet padi, mungkin pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah juga boleh untuk bersama buat estet padi dan meletakkan petugas ataupun pekerja-pekerja yang mengusahakannya adalah asnaf dan bila mereka keluar daripada kepongpong kemiskinan maka orang lain pula untuk ambil alih tempat mereka supaya berubah.

Terima kasih juga atas bantuan kepada sekolah-sekolah agama sebanyak RM1 juta berbanding RM500 ribu pada tahun lepas. Tapi RM1 juta tu untuk 200 buah sekolah, kalau bahagi tengok satu sekolah dapat RM5,000 saja. Nak banding dengan Sekolah Cina, RM100 ribu sebuah, Sekolah Agama Rakyat dapat RM5,000 saja, sikit.

Saya ingin menarik perhatian Dewan berkaitan keadaan cuaca yang berlaku mutakhir ini bahkan keadaan ini mungkin berlarutan. Kita maklumi bahawa dunia ini semakin tua dan kawasan Greenland dan Antartika semakin mencair. Kajian menyebut, disebutkan bahawa tahun 2050 Alor Setar ni dijangka akan jadi pulau, Yan tu tenggelam, kawasan persisir pantai tenggelam, ada banyak negara yang akan tenggelam. Kerana apa? Kerana paras air laut yang semakin meningkat tiap-tiap tahun. Indonesia telah pun berusaha memulakan projek memindahkan ibukota mereka ke kawasan kepulauan lain untuk meninggalkan Jakarta yang semakin tahun semakin tenggelam yang tak boleh untuk dipertahankan lagi. Jadi, saya ingin untuk kita melihat berkaitan dengan hakisan pantai dan sebagainya. Bahkan kalau dari Merbok ke Singkir nak pi ke Yan, kita akan lalu Tanjung Jaga. Sekarang ni tepi laut di Tanjung Jaga tu selalu tanah runtuh.

Selain daripada faktor hujan kerap, hujan lebat, adakah disebabkan ladang durian yang atas bukit tu, nampak daripada jauh, saya tak boleh nak gambarkan projek tersebut. Yang buat jalan ni bukan dari Singkir Darat saja, Singkir Laut pun ada jalan, kut Ruat pun ada jalan, Tanjung Jaga pun ada jalan yang boleh menyebabkan tanah tak stabil dan tuan-tuan boleh tengok bagaimana kawasan tu sedang dibuat bagi stabilkan tanah akibat daripada keadaan tanah-tanah runtuh yang berlaku sejak daripada keadaan cuaca yang tak elok.

YB. Speaker, saya ingin untuk mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri. Pada bulan 9 yang lalu saya bercakap dalam Dewan ini menyebut berkaitan jalan menuju ke Masjid Haji Zainudin sempena nama ayah mantan Menteri Kewangan kita. Jalan ke masjid itu kurang memuaskan dan Alhamdulillah makluman yang diberitahu kepada saya kelmarin bahawa proses-proses itu oleh pihak yang mendapat kontrak telah pun bermula. Moga-moga apa yang dilakukan itu dibalas oleh Allah untuk kebaikan, InsyaAllah.

Jadi….Ada masa lagi ka?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Masa sebenar habis!

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Saya pun tak dak terima amanah daripada YB. Pantai Merdeka untuk kawasan dia cuma saya mengharapkan moga-moga kami di Tanjung Dawai ni kalau tuan-tuan pi Tanjung Dawai, saya kalau hari Jumaat, Sabtu dan Ahad kalau boleh saya tak mau keluar ke mana, nak pi Sungai Petani pun tak mau tambah pi Tanjung Dawai, jem sungguh-sungguh. 3 hari ni kalau sebelah petang dari Tanjung Dawai nak pi Sembeling saja kadang-kadang ambil masa 1 jam setengah, jem. Haaa…Nak parkir tak dak, pantai walaupun dalam keadaan terhakis orang pi ramai. Jadi, harap moga-moga ada perhatian daripada pihak kerajaan untuk membangunkan Tanjung Dawai dan dalam masa yang sama akan memberi kesan kepada Pantai Merdeka ataupun kami tumpang Pantai Merdeka pun tak pa, sikit-sikit. Tapi, kebaikan-kebaikan itu InsyaAllah dapat dinikmati bersama terutama penduduk di Tanjung Dawai Khususnya. Terima kasih YB. Speaker dan saya menyokong penuh pembentangan bajet YAB. Dato' Seri Menteri Besar. Wallahu'alam, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Tanjung Dawai. Saya sengaja luaskan masa sedikit untuk YB. Tanjung Dawai kerana ingin wujudkan keseimbangan perbahasan di antara elimen-elimen fizikal dan juga spiritual. Moga-moga inilah teras untuk kita membangun negeri kita.

Seterusnya saya persilakan YB. Kubang Rotan.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahi robbil `alamin wassola tuwassala muála asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. `Ammabaq. Allahumma salli `ala sayyidina muhammad wa`ala ali sayyidina Muhammad.

Terima kasih YB. Speaker, Yang Berhormat sekalian, pegawai-pegawai kerajan dan tuan-tuan yang dirahmati oleh Allah s.w.t. Hari ini saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Bajet Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2022 yang mana kita tahu bahawa Negeri Kedah Darul Aman pada hujung tahun akan menyediakan bajet yang telah dibentangkan oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar tentang akaun hasil disatukan. Apabila kita lihat di sini, jumlah hasil RM725 juta dan anggaran perbelanjaan mengurus ialah RM815,222,220 bermaksud kita difisit sekali lagi RM90,222,220. Untuk makluman YB. Speaker dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada 'frontliners' iaitu para doktor, para jururawat, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, RELA dan sebagainya termasuk NGO-NGO dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini yang mengambil bahagian untuk membantu semasa kita dilanda pandemik Covid-19 ini.

Saya ingin terus kepada 'point' iaitu tentang Belanjawan Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2020. Saya memetik dalam Kod 82317 Pemberian Khas Pulau Pinang yang mana terimaan sebenar kita tengok pada bajet yang telah diberikan kepada kita ini. Tahun 2018 tak ada. tahun 2019 tidak ada, tahun 2020 tak ada tapi anggaran pada 2021 dan 2022 adalah RM10 juta dan RM10 juta. Saya rasa dia kosong dekat situ jadi minta pencerahan dan juga pencerahan daripada pihak kerajaan.

Yang keduanya ialah tentang Kod 86101, sumbangan anak syarikat GLC pada tahun 2018 tidak ada, 2019 RM1 juta, 2020 tidak ada. tahun 2021 kita anggarkan RM10 juta dan 2022 RM678 ribu. Bagaimana justifikasi jumlah ini yang telah kita bentangkan di dalam bajet ini.

Yang ketiga tentang justifikasi denda lewat bayar cukai tanah iaitu Kod 76103 pada tahun 2018 kita menerima RM3.5 juta lebih kurang nanti dalam 'figure' saya bagi ringkas saja, bundarkan, 2018 RM3.5 juta, 2019 RM5.9 juta, 2020 RM3.7 juta dan tiba-tiba dalam angggaran kita pada Bajet 2021 dan 2022 iaitu RM20 juta dan RM35 juta. Bagaimana justifikasi jumlah ini daripada RM3.5, RM5.9, mungkin ada alasan-alasan yang boleh kita kongsi bersama.

Yang keempat ialah tentang Kod 82331 pemberian cukai pelancongan yang sebelum ini saya dimaklumkan 'Tourism Tax' ini kita terima tetapi 2018 dalam buku belanjawan kita iaitu 2018 tidak ada, 2019 tidak ada, 2020 tidak ada dan anggaran kita pada 2021 ada RM5 juta dan 2022 ada RM5 juta sedangkan tak salah saya ada di setiap tahun itu ada RM5 juta 'Tourism Tax' daripada Kerajaan Persekutuan terutamanya di Langkawi.

Yang kelima iaitu pemberian caruman lain, saya tak tau mungkin kod ini boleh dibincangkan ataupun boleh dikenal pasti kepada saya, maklumkan balik secara bertulis ataupun maklumkan secara 'verbal' iaitu pemberian dan caruman lain pada tahun 2018 RM24 juta, tiba-tiba 2019 ada RM232 juta dan 2020 ada RM30 juta, anggaran pula pada tahun 2021 hanyalah RM10 dan 2022 RM10. 'Confuse' kat situ, tapi tak pa lah kita boleh berbincang, bukan ada apa untuk berbahas dalam bajet kali ini.

Baik, antara lain ialah penerimaan tentang Pulau Pinang yang mana YAB. Menteri Besar dulu, saya pernah sebut iaitu kita menerima dari sebelum ini ialah RM10,000 daripada Perjanjian Bulan dan Bintang ini dari zaman Francis Light dulu kita terima RM10,000 tetapi pada tahun 2019 kita terima RM10 juta dan YAB. Menteri Besar kita dia 'cengey' elok dah tu, saya pun suka dah tu, 'cengey' elok dia kata boleh dapat RM100 juta. Kita dapat daripada RM10,000 setiap tahun pajakan Pulau Pinang tapi kita dapat RM10 juta. YAB. Jeneri bagitau dia akan dapat kalau boleh RM100 juta, yang tu 'best' saya kata. Tapi kali ni tak taulah dapat ka dak. Haa…tambah satu 0 saja bagi dapat RM100 juta, yang tu buatlah macam mana pun daripada RM10 juta yang kami dapat dulu mungkin kali ini boleh dapat lebih daripada tu ataupun dapat RM100 juta demi untuk Kerajaan Negeri Kedah.

Antara lain yang ingin saya sebut, saya melihat daripada Pelan Pembangunan Kedah 2021-2035, tak salah saya Pelan Pembangunan Kedah ni ia dari 2019 – 2035 tapi kita ambil 2021 – 2035 tak pa. Tapi saya melihat itu adalah pelan jangka masa panjang dan kita tau bahawa kita perlukan pelan jangka masa sederhana dan juga pelan jangka masa pendek yang mana kita terlibat secara langsung. Orang sekarang ni kita tahu bahawa pandemik Covid-19 ini memberi impak kepada kesihatan, kepada peniaga-peniaga kecil, kepada ekonomi Negeri Kedah dan juga Negara Malaysia. Jadi, bagaimana kita nak lihat bahawa kerajaan ya, pelan ini saya tak nafikan ia adalah pelan yang begitu baik tetapi bagaimana kita nak melaksanakan dalam masa sekarang ataupun la ni. Saya duk sebut pelan jangka pendek ini adalah masa la ni. Itu sedikit sebanyak. Kita tau bahawa Kedah masih di tangga tercorot 2019 duk

nombor 2 'last", tercorot daripada segi KDNK dan juga pada tahun 2021 kita nombor 3 last, kita duk main nombor last tercorot. Tapi bola tak palah seri, na YAB. Jeneri, malam tu pun saya pi tapi tak pi duk kat situ.

Yang kedua saya ingin bangkitkan beberapa perkara, banyak yang disebutkan oleh YB. Jitra tentang REE. Saya ingin sebut, saya berminat tentang 'Ship To Ship Transfer (STS) Pulau Bunting, Yan yang telah diwartakan iaitu Pelabuhan Persekutuan berkuat kuasa pada 10 Mei 2021 oleh Menteri Pengangkutan iaitu pemindahan gas dan minyak dari kapal ke kapal. Jadi, pelabuhan ini yang kita diambil maklum bahawa dikawal selia oleh Jabatan Laut Malaysia manakala NCIA sebagai agensi yang bertanggungjawab ke atas merangka strategi perkembangan dan pembangunan sosioekonomi wilayah Ekonomi Koridor Utara. Soalannya ialah atau diminta beri penjelasan tentang GLC Negeri Kedah mana yang terlibat, mungkin syer dan sebagainya sebab ia merupakan satu pulangan yang baik daripada segi sosioekonomi kepada Negeri Kedah dan bagaimana kiraan hasil daripada pewartaan Pelabuhan Persekutuan STS ini? Mungkin boleh diperjelaskan sama ada olehYAB. Menteri Besar ataupun YB. Lunas dalam pengangkutan. Itu yang pertama.

Yang kedua tentang isu semasa. Tadi dibangkitkan oleh rakan saya iaitu YB. Bakar Arang tentang beberapa pulau, disebut Pulau Songsong dalam pelancongan. Tetapi semasa saya di sebelah sana (kerajaan) bukan sahaja Pulau Songsong, Pulau Bidan dan Pulau Telur, saya dapat maklum bahawa permohonan-permohonan kita untuk kelulusan dan mendapatkan peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan itu sepatutnya dah ada dah, 'elocution' kerajaan negeri dapat tapi saya tak tau, adakah dapat atau tidak dan sepatutnya kita minta pada masa itu kita tau kemampuan kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan untuk memberi dana mungkin terhad tetapi kita minta setakat kemampuan iaitu meng'upgrade'kan tandas, surau, buat pelantun dan sebagainya supaya diperjelaskan oleh piahk YB. Kuah. Itu tentang 'tourism' dan pelancongan.

Yang ketiga ialah semasa kami di sebelah sana (kerajaan), kita ada termeterai perjanjian antara International Cooperation Agency (JICA) dan PKNK, Perjanjian Usahasama iaitu Projek Tokachi Food Valley dan Kedah Food Valley. Itu mungkin YB. Kuah boleh tengok balik yang mana agensi yang menguruskan bagi pihak ialah JICA adalah Obihiro Chamber of Commerce and Industry (OCCI) dan juga bagi pihak PKNK ialah Unit Pembangunan Usahawan Negeri Kedah yang telah dilaksanakan dan peruntukan geran oleh kerajaan Jepun kepada Negeri Kedah iaitu RM2 juta oleh JIKA dan hasil usahasama tersebut kita menghantar 20 agensi yang saya 'lead' bersama dengan YB. Lunas semasa pergi ke Jepun dahulu untuk menghantar usahawan-usahawan, saya target 'every quota', setiap tahun kita hantar usahawan-usahawan

kecil kita untuk pergi 'training' dan sebagainya untuk seminar dan semua itu dibiayai oleh pihak JIKA. Saya tak dengar apa dah, senyap dan sunyi, minta diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Antara lain ialah usahawan Pekan Rabu, mungkin kena tengok balik, sunyi dah Pekan Rabu dan kita tidak tahu apakah perkembangan dan perhatian yang telah diambil oleh pihak kerajaan iaitu IKS dan Mikro Kredit ataupun e-dagang untuk membantu perniagaan ayahanda-ayahanda dan bonda-bonda kita yang telah berniaga di Pekan Rabu terlalu lama dan ada yang mengeluh dan memberitahu tidak ada langsung perhatian daripada pihak kerajaan negeri. Saya rasa mungkin kita boleh tengok untuk mempromosikan Pekan Rabu dan juga barangan di Pekan Rabu.

Selain daripada itu, saya ingin sebut dalam bajet ini selalu berlaku bajet ini yang telah disebut oleh rakan saya YB. Bakar Arang kita nampak kat sini memanglah pelancongan RM2.61 juta kita pun tahu siapa agensi yang menguruskan kewangan tersebut. Selalunya 'tourism tax' RM5 juta daripada Kerajaan Federal dan yang lain tu perlu kerja kuat oleh pihak YB. Exco lah pi cari duit di Federal dan sebagainya. Tapi saya tak tahu sama ada, adakah Kedah Tourism yang saya 'set up' dahulu dan ia bergerak seperti biasa sebab kita malu, berbanding dengan negeri-negeri lain dia orang ada Terengganu Tourism, Selangor ada, Perak ada, Melaka pun ada, kita ada kerjasama sebelum-sebelum ini tetapi Kedah tak dak sebab itu kita tubuh Kedah Tourism dan saya mencari dana RM2 juta dan teruskan. Saya tau setakat mana Kedah Tourism bergerak dan selalunya pergerakan itu kita tidak boleh mengharapkan duit daripada Kerajaan Negeri kerana kita tahu yang mana selalu disebut oleh YB. Dato' Kewangan Negeri RM5 juta 'tourism tax' itu digunakan di Langkawi sebab proses untuk pembangunan di Langkawi dan sebaginya. Yang tu kena tengok lah iaitu YB. Exco untuk mencari dana dan juga menggerakkan di peringkat DUN-DUN dan juga di komuniti-komuniti sepertimana yang disebut oleh rakan-rakan, Gua Komunis apa semua tu.

Carikan dana untuk diberikan kepada setiap komuniti untuk membantu mereka terutama sekarang ini dalam tempoh pandemik Covid-19 banyak orang minat 'champing'. Saya selalu pergi 'champing' dan tau, depa tak perlukan banyak, kalau boleh kita bantu mereka dalam RM20, RM30 ribu ataupun RM50 ribu dan boleh menggerakkan kawasan tersebut ia sudah cukup memadai kepada penggiat-penggiat pelancongan di Tanah Besar ini.

Antara lain isu yang ingin saya bangkitkan di sini ialah isu kawasan-kawasan saya iaitu beberapa perkara yang telah disebut sebelum ini saya nak sebut juga lah sebab yang ni telah diminta oleh para petani bukan saja para nelayan. Di Kuala Kedah

bukan hanya ada nelayan tetapi juga petani. Sama juga seperti yang dibangkitkan oleh rakan-rakan sebelum ini, YB. Anak Bukit dan sebagainya, isu padi benih yang sering melanda petani terutama musim kedua penanaman padi, bagaimana usaha kerajaan negeri dalam menangani isu tersebut iaitu kekurangan padi benih, isu kualiti, isu harga mahal di pasaran, isu kelewatan, proses pengagihan padi benih kepada PPK, isu kualiti iaitu keperluan 297 tetapi yang diberi hanyalah variety 219 yang telah dibekalkan telah menyebabkan hasil padi terjejas. Isu sekarang ini 219 tu bila depa bagi menyebabkan hasil tuai mereka kehilangan sebanyak 50%. Bila 50% ni siapa nak tanggung? Yang ni kerajaan negeri kena tengok isu padi benih tersebut. Itu tentang isu padi benih.

Yang kedua ialah tentang banjir kilat yang melanda di kawasan saya di Kuala Kedah ekoran pihak kontraktor dan pemaju yang agak cuai saya bagitau, bersama dengan pegawai JPS. Mereka telah 'forecast' cuaca kita, tapi mereka tak angkat kita punya empangan tebatan banjir di kawasan tu dan orang kampung dan berpesan beberapa kali kepada mereka tetapi tidak dihiraukan, depa kata, "tak pa, tak hujan, lambat lagi". Tiba-tiba hujan turun lebat awal, dua tiga hari saja menyebabkan banjir kilat habis jadi laut di kawasan Kubang Pangas, Kampung Tanjung Besar, Kampung Lemping dan sebagainya jadi laut, habis padi, habis rumah dan sebagainya. Kesilapan sikit dalam dua tiga hari tetapi ia menyebabkan impak yang cukup besar menyebabkan kerugian yang amat besar kepada para petani yang orang kata hasil mereka tak seberapa. Saya pergi lihat kawasan tersebut, bila 'check' mana dia pemaju untuk Rancangan Tebatan Banjir di kawasan itu, hanya tinggal Bangla seorang pegawai JPS department jabatan yang lain yang tolong turun bersama saya. Hat tempat tu tak dak, tak tau hilang pi mana. Tinggal Bangla seorang, kami duk bincang-bincang bagaimana nak selesaikan isu banjir kilat yang berlaku di kawasan tersebut dan diminta oleh pihak orang-orang kampung kadang-kadang 'engineer-engineer' kena dengaq juga lah orang kampung cerita ni. Kadang-kadang depa 'base on' pengalaman, tapi teori kita terlalu banyak menyebabkan kita tak ambil tindakan segera.

Yang menyebabkan kerugian adalah orang kampung itu sendiri. Saya harap tindakan ini perlu diambil supaya tidak berulang kembali dan rumah penduduk tu tak dak apa lah, bantuan pun tak dak apa, banjir kilat tu tak tau lah YB. Exco, kerajaan negeri pun tak boleh bagi, kita pun tau kemampuan kerajaan negeri. Itu yang kedua.

Selain itu ialah isu jalan di Kubang Pangas. Yang ni tadi saya duk 'check' dengan YB. Sungai Tiang berkenaan isu jalan di Kubang Pangas. Ia sama ada di bawah Pejabat Daerah ataupun MADA. Jadi, bila isu tersebut dah mengecil, saya dah maklum tapi apa-apa pun saya ucapkan terima kasih kepada YB. Sungai Tiang yang

banyak membantu apabila saya 'pm' (personal message) sendiri kat dia, apa-apa pm tepi. Tindakan yang diambil tu terbaiklah, saya boleh puji tapi ambil satu lagi lah hat yang duk ada ni, InsyaAllah di Kubang Pangas.

Manakala yang terakhir ialah isu jalan di Kampung Sungai Dua, tentang titi dan 'kok'. Hari tu bila saya pi, oh! Dah ada jalan dan sebagainya MADA dah lulus dah tapi bila kita bincang tanya, depa kata duit tak dak seperti apa yang diceritakan oleh YB. Anak Bukit. Isunya potongan daripada pihak MADA yang terlalu besar, peruntukan kepada MADA menyebabkan 'last' sekali dah lulus apa semua tak boleh laksanakan, orang kampung duk 'nganga' juga, 'last' skali tak boleh. Minta YB. Lunas kut-kut boleh tengok sikit perkara tersebut di Kampung Sungai Dua berkenaan titi dengan 'kok' di kawasan tersebut.

Itu saja ucapan saya. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Kubang Rotan. Seterusnya Saya persilakan YB. Bukit Selambau.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Speaker, salam sejahtera….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Sebelum tu saya beri ruang kepada YAB. Menteri Besar.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Tuan Speaker. YB. Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(1)(a) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2.30 petang selepas ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar tersebut.

Silakan YB. Bukit Selambau.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih. Salam sejahtera, tacha haw, vanakkam, dan sawadhikap. Tema Bajet Tahun 2022 adalah "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua", tema yang baik. Cuma saya ada beberapa usul untuk memastikan perbelanjaan itu merangkumi semua kaum dalam Negeri Kedah. Apa maknanya tema "Keluarga Malaysia" kalau bajet tidak diperuntukkan secara adil untuk semua kaum.

YB. Speaker, saya pohon supaya semua wakil rakyat di Negeri Kedah ini mendapat jumlah peruntukan yang sama rata. Sesetengah keadaan kita dapati Penyelaras DUN mendapat lebih banyak peruntukan daripada DUN yang dipilih oleh rakyat. Wakil Rakyat adalah yang dipilih oleh rakyat sendiri. Cukai dibayar oleh rakyat, pendapatan Negeri Kedah adalah daripada pelbagai bentuk cukai yang kita kutip. Jadi, haruslah kita memperuntukkan satu perundangan, penyelesaian atau wartakan supaya peruntukan yang diberikan kepada setiap ADUN mestilah sama rata untuk semua iaitu peruntukan kepada ADUN pembangkang dan juga ADUN kerajaan. Ini adalah kerana rakyat sebagai contoh di DUN Bukit Selambau selalu datang untuk meminta banyak bantuan dan pertolongan tetapi oleh kerana kekangan peruntukan kami tak dapat memberikan secukup-cukup kepada mereka. Sebagai contoh, untuk menghantar geran Pusat Khidmat mengikut DUN, kami hanya dapat RM2,000 saja padahal Wakil Rakyat kerajaan dapat RM8,000 dan juga lain-lain bantuan.
Saya pohon YAB. Jeneri mengkaji semula peruntukan kepada semua ADUN-ADUN. Ini adalah sangat penting sebab peruntukan yang kita bakal terima akan diberikan kepada rakyat di kawasan kita terutamanya mereka dari golongan asnaf, B40, miskin, ibu tunggal dan sebagainya. Ini adalah sangat penting. Kita mesti mau buat satu usul atau rang undang-undang dan wartakan usul itu supaya ia menjadi satu kebiasaan kepada kerajaan negeri pada masa akan datang supaya tidak ada kekangan kewangan kepada mana-mana ADUN.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, baru-baru ini di kawasan Bukit Selambau, di Kampung Jeram berlakunya satu banjir iaitu pada 18 haribulan sampai 20 haribulan, banjir besar. Semenjak 2018 kawasan itu berlaku banjir. Ini menyebabkan kira-kira 31 orang keluarga harus dipindahkan di Masjid Kampung Jerung dan kami

harus memberikan bantuan kecemasan daripada segi pemindahan mereka walaupun kita ada bantuan daripada pejabat daerah dan sebagainya. Masyarakat di sana meminta banyak peruntukan untuk disalurkan kepada mereka dan juga saya pohon kepada pihak JPS, kalau tuan-tuan tengok kertas ini, B13, Jabatan Pengairan dan Saliran peruntukan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah adalah RM45,972,400.00. Jadi, saya pohon kepada pihak kerajaan negeri supaya memastikan membuat satu kajian yang komprehensif untuk memastikan banjir di kawasan Kampung Jerung tidak terjejas dan mungkin kalau tidak diambil tindakan yang proaktif mungkin menyebabkan kehilangan nyawa dan sebagainya.

Di kawasan DUN Bukit Selambau sekarang adalah satu-satunya lokasi di Negeri Kedah di mana berlakunya pembangunan perindustrian yang sangat pesat. Ini adalah satu sebab krisis air berlaku di sana. Baru-baru ini dari 10 hingga 15 haribulan November, telah putus bekalan air di Taman Bandar Baharu, Taman Lembah Permai di Sungai lalang, Bedong. Ini menyebabkan mereka sengsara dan menderita dan pihak SADA tidak dapat menampung permintaan air yang begitu tinggi kerana rakyat di sana ada lebih kurang 6,000 orang. Jadi, saya pohon pihak SADA dengan bantuan kerajaan negeri memastikan masalah bekalan air yang sering terputus di kawasan Bukit Selambau khasnya di Taman Bandar Baharu diselesaikan dengan segera sebab tiap-tiap hari mereka hantar banyak mesej dan saya telah berjumpa dengan Encik Syukur, Pegawai SADA di sana. Ini adalah satu yang penting.

YB. Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pada 13 haribulan Perdana Menteri telah merasmikan Sambutan Perayaan Deepavali Peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur. Dalam pada itu juga beliau mengumumkan satu peruntukan khas iaitu RM5 juta untuk diberikan kepada rumah-rumah ibadat bukan Islam di mana wang itu disalurkan kepada….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Selambau, kita berhenti sat jam 1.00 nanti kita sambung lagi. Pukul 2.30 kita sambung lagi. Jemput duduk dulu.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Behenti dulu ok boleh, nanti kita sambung kemudian.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Selambau. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari]

[Sidang Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang]

YB. DATO' SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum dan Selamat Petang. Dewan disambung semula. Sambungan perbahasan YB. Bukit Selambau!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Dato' Speaker! Saya sambung sekarang. Pada 13 November 2021 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM5 juta untuk penyelenggaraan rumah-rumah ibadat Bukan Islam iaitu untuk membayar elaun sami faster dan aceger dan saya rasa itu adalah satu 'moved' yang baik dengan tema keluarga Malaysia. Saya pohon Kerajaan Negeri Kedah turut mengikut jejak langkah tersebut dan meluluskan sumbangan sekurang-kurangnya RM1 juta untuk rumah-rumah ibadat bukan Islam iaitu untuk kuil-kuil hindu, kuil cina dan wat siam dan juga sedikit peruntukan untuk aktiviti-aktiviti sekolah SJK Tamil, SJK Cina dan juga Kelas Bahasa Thai di 48 Wat Siam di Negeri Kedah.

Di sini adalah penting kerana dalam bajet kita, tema bajet kita adalah Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua tapi kandungan bajet ini tidak mempamerkan jumlah peruntukan kepada kaum-kaum yang kedua dan ketiga besar di Malaysia. Ini adalah sangat penting kerana sebuah kerajaan mestilah berlaku adil kepada semua rakyat. Kalau kita tengok sejarah di Negeri Arab, masa itu kepentingan dan keutamaan diberikan kepada kaum wanita dan juga kaum minoriti. Semua kaum di Malaysia ini khas di negeri ini membayar cukai. Cukai adalah sumber pendapatan yang utama kepada pentadbiran negeri ini.

Jadi, saluran bajet, peruntukan bajet haruslah mesti memberikan fokus dan mengambil kira kepentingan kebajikan terutamanya kaum-kaum India, Cina dan juga kaum Siam yang menetap di Negeri Kedah ini. Mereka ada lebih kurang 30% daripada jumlah penduduk. Saya pohon Yang Amat Berhormat Jeneri mengkaji semula, perkara ini saya dah lama dah sebut, pada tahun lalu pun saya dah beritahu, menghabiskan kepada kepentingan kaum-kaum lain selain daripada kaum besar iaitu kaum Melayu-Islam.

YB. Dato' Speaker, kita tahu baru-baru ini Kerajaan Negeri Melaka tumbang. Salah satu sebab kenapa Negeri Melaka tumbang adalah kerana pemerintahan sebelum tumbang negeri itu adalah bersikap tidak adil dan racist dan ini adalah kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh 4 orang Ahli Dewan Undangan Negeri yang keluar yang menyatakan sebab mereka tidak senang hati dengan pemerintahan ketika itu, memerintah ketika itu, dan mengapakah mereka keluar?

Salah satu faktor utama adalah Kerajaan Melaka pada ketika itu tidak sensitif kepada kepentingan kaum minoriti dan mereka terus bersikap 'racist'. Jadi, saya pohon itu adalah satu tauladan atau contoh yang ada di sana, kita tidak mahu benda itu berlaku disini! Saya mohon kerajaan negeri ambil kira permintaan dan usul saya supaya kepentingan kaum-kaum lain harus diberi keutamaan!

YB. Dato' Speaker, point saya yang berikutnya adalah 2, 3 bulan yang lalu saya hantar 3 surat kepada Yang Amat Berhormat Jeneri dan sampai hari ni saya tak ada apa-apa jawapan dari YAB. Jeneri.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Bukit Selambau, mohon laluan!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Ya..silakan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Tadi, YB. Bukit Selambau sebut 'racis't dan perkauman, pagi tadi pun kita dengar YB. Guar Chempedak umum syarikat yang nak mulakan projek di KRC itu, nama dia Pea Hong ka YB. Guar Chempedak? Dan rasanya Pea Hong itu bukan melayu maknanya kita meraikan semua kaum untuk berada mencari makan, mencari nafkah, dan mendapat hasil bumi Kedah ini dinikmati bersama. Kita tak racist! Kita meraikan semua!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Sungai Limau! Cuma saya nak bagitau contoh apa yang berlaku di sana dan itu boleh dijadikan sebagai teladan. Saya sambung semula, saya menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Jeneri berkenaan dengan satu permintaan untuk sekolah KAFA di Zon Mawar Ambangan Height.

Pihak KAFA meminta dan hantar surat kepada saya meminta RM18,000.00 untuk kerja-kerja baik-pulih dan pembinaan semula sekolah KAFA di sana. Saya selaku Adun di kawasan tersebut hanya mampu bayar RM1,000.00 dan membelikan pasir dan simen. Selepas itu, satu lagi ada satu surat dari pihak surau di Amanjaya, dekat Taman Kelisa Ria, mereka hantar satu surat.

Saya pun turut memberikan RM1,000.00 sumbangan dari Pejabat Dun untuk kerja-kerja pembinaan surau tersebut dan selepas itu saya menulis satu surat kepada Yang Amat Berhormat Jeneri selaku Menteri Besar kita untuk mendapat sedikit peruntukan untuk memberikan sumbangan barangan dapur, barangan bakul sempena perayaan Deepavali iaitu saya minta RM25,000.00. Setakat ini, sampai hari ni saya tak ada dapat apa-apa balasan, respon dari Yang Amat Berhormat Jeneri. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya adalah seorang Adun tunggal Masyarakat India dan kami meraikan perayaan Deepavali pada 4 hari bulan. Adakah banyak YAB. Jeneri memberikan sedikit sumbangan supaya saya dapat salurkan kepada masyarakat yang memerlukan khasnya Masyarakat India.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Dato' Speaker, YB. Bukit Selambau. Mengenai peruntukan Deepavali itu, rasanya diberikan kepada Exco yang memegang portfolio tersebut! Saya rasa ada! Walaupun tak bagi kepada Yang Berhormat saya rasa ada! Exco tersebut ada! Saya pun dapat, diuruskan oleh Pejabat Menteri Besar, saya rasa ada. Yang Berhormat boleh check dengan Exco yang berkaitan.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Kuala Ketil. Saya tidak bagitau YAB. Jeneri tidak memberikan peruntukan kepada Exco Masyarakat India! Saya cuma minta, saya selaku Adun Bukit Selambau, saya adalah salah seorang wakil tunggal masyarakat india, saya minta peruntukan khas daripada YAB. Jeneri! Itu saja saya minta tapi saya tak ada apa-apa balasan. Saya pohon pada masa akan datang, berilah sedikit penghormatan, sedikit consideration kepada kita kerana saya menganggap beliau adalah Menteri Besar kita, jadi mesti menggunakan budi bicara beliau untuk memberikan sedikit sumbangan! Itu adalah penting untuk memastikan sillaturrahim kita kekal selamanya. Khairat kematian yang baru diluluskan iaitu RM500.00 untuk setiap orang yang meninggal yang kita akan bagikan kepada wakil keluarga atau waris keluarga.

Saya pohon dalam sidang ini supaya dana itu disalurkan kepada setiap akaun dun masing-masing kerana walaupun kita ada Penyelaras Dun, setiap hari ada orang yang meninggal wakil atau waris mereka datang ke pejabat saya meminta duit khairat kematian, wang khairat kematian. Saya tak dapat memberikan dan saya hanya berikan kepada mereka alamat dan nombor handphone Penyelaras Dun berkenaan. Mereka beritahu kebanyakan masa, Pejabat Penyelaras Dun ditutup dan tidak dapat hubungi. Saya adalah seorang wakil rakyat di kawasan berkenaan, saya hanya mampu membayar dalam RM100.00 sahaja! Jadi, pada tahun hadapan saya mohon pihak kerajaan dan pihak Yang Amat Berhormat Jeneri consider cadangan saya rakyat dapat manfaatkan bantuan khairat kematian yang banyak kali ini.

Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang memberikan khairat yang meluluskan khairat kematian sebanyak RM500.00. Itu adalah satu petanda yang baik! (YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Bukit Selambau! Boleh?

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Ya…silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Bukit Selambau, YB. Dato' Speaker, saya juga menghadapi benda yang sama apabila YB. Bukit Selambau memaklumkan penyelaras dun, kebanyakannya dia tutup pejabat. Saya pun beberapa kali pergi, itu supaya kita senangkan, setakat mana kemampuan kita, kita pass kepada penyelaras dun, tapi kebanyakannya yang saya check memang tutup pejabat! Selalu berlaku macam itu. Mungkin kerajaan negeri boleh lihat kembali!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Itu sebab saya berikan satu kaedah di mana dana yang diluluskan macam PH memerintah Negeri Kedah, setiap Adun dimasukkan RM5,000.00 dan selepas membuat pembayaran dan kami akan hantarkan resit dan baucer berkenaan.

Selepas itu, mereka akan 'reimbursed' wang itu. Jadi, cadangan itu bolehlah digunapakai untuk memastikan waris itu dapat duit khairat kematian pada pada masa yang segera, pada hari kematian itu saja sebab mereka menggunakan dana itu! (YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Mungkin pembetulan sikit YB. Bukit Selambau ya, bukan setiap Adun tapi hanya Adun kerajaan sahaja yang dibekalkan dengan kaedah yang disebutkan oleh YB. Bukit Selambau.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Itu, betul! Yang YB. Sungai Limau nyatakan itu betul! Tapi sekarang kita harus memperbaiki, itu cadangan yang diberitahu seperti yang kita cakap, itulah fakta! (YB. Kuala Ketil mencelah)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Bukit Selambau, saya ingat YB. Bukit Selambau mai duk tang ni lah, dapat banyak sikit!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

YB. Bukit Selambau….

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Ya..YB. Belantek!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

YB. Bukit Selambau, saya dengar dari peringkat awal lagi isu yang disebutkan itu, memang kita tak nafikan, saya sudah 3 penggal jadi wakil rakyat, sebelum ini tak dapat apa yang kita dapat sekarang. Wakil rakyat sebelum ini, pembangkang tidak diberi habuan untuk menentukan pusat khidmat dia, tapi diberi RM200,000.00 untuk menentukan maka diberikan setiap bulan dalam bentuk RM2,000.00 maknanya ada perubahan kita buat sekarang dia tidak akan sama dengan bentuk-bentuk yang lalu.

Dia ada perbezaan dan peningkatan, kalau kita sama seperti sebelum ini maknanya satu pentadbiran yang ada keistimewaan tentang kemenangan pentadbiran itu kita dapat duit untuk dalam menentukan kegiatan rakyat dan kepentingan awam. Itu dikeluarkan untuk ini bukan sama. Jadi, saya harap kena faham dalam tulah tak boleh nak bezakan antara kerajaan dan macam ni, kalau berbeza macam tu kita takkan dapat puluhan tahun sudah bermula dengan kerajaan dia memang berbeza dalam keadaan. Kalau gagal itu, kena mai duk belah sini lah pulak kut!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Belantek! Untuk pengetahuan YB. Dato' Speaker, selepas perjanjian MoU ditandatangani di antara PH dan PN, kebanyakan Ahli Parlimen mereka mendapat peruntukan yang lebih kurang serupa macam Ahli Parlimen pemerintah. Saya pohon kita buat kaedah yang serupa supaya kami pun akan dapat sebab dana itu digunakan untuk rakyat saja bukan untuk kita! Kita tidak mahu rakyat sengsara! Di Negeri Johor, setiap Adun dapat RM300,000.00 macam itu juga di Negeri Perak Darul Ridzuan, saya pohon ini menjadikan satu contoh di Negeri Kedah Darul Aman supaya kita masing-masing mendapat dana yang serupa. Jadi, kalau dapat kelulusan macam itu YAB. Jeneri akan jadi hero! Betul akan jadi hero sebab 'first time'! 'first time'! dia akan buat macam itu! Itulah yang kami endahkan dan itulah yang rakyat perlukan!

YB. DATO' SPEAKER

Akan jadi apa?

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Hero!

YB. DATO' SPEAKER

Ohh….hero!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Maksudnya for all time and for all people! Sbab kita ada tanah, bukan tak dak tanah. Kita ada RM660 juta, bagi sikit saja untuk rakyat bukan untuk kita! Silakan YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Dato' Speaker! YB. Bukit Selambau, adakah setuju selalunya begini dalam keadaan kita jadi kerajaan kita lebih suka kepada pihak kita, di pembangkang kita selalu ke belakang. Sebagai contoh apabila kerajaan PH mengambil alih tampuk pemerintahan kita mulakan dengan sedikiy entitled kepada ketua pembangkang, memberi kereta, memberi elaun dan sebagainya dan kemudian bermulanya peruntukan kepada pembangkang. Itu satu step yang kita ambil kepada pembangkang, itu terbaiklah pertama kali diwujudkan. Jadi, apabila kerajaan sekarang ini Kerajaan PN, kalau nak jadi hero pula YAB. Jeneri mungkin ada tambah penambahbaikan sendiri itu yang dimaksudkan oleh YB. Bukit Selambau! Kita mungkin boleh bincang, tetapi yang diberi kepada kita pun sama macam kita bagi dahulu. Betul! Kita ucapkan terima kasih tetapi adakah ia merupakan penambahan lebih baik dan lebih baik sebab negeri dan negara itu mesti berkembang dengan lebih baik!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Ya..untuk kepentingan rakyat sahaja!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Laluan! YB. Dato' Speaker, saya nak tanya YB. Bukit Selambau, semasa YB. Bukit Selambau menjaga Masyarakat India di zaman kerajaan dulu berapakah peruntukan dan berapa bakul makanan yang disediakan untuk Masyarakat India di Bandar Baharu. Saya rasa saya minta tak pernah dapat jugalah untuk lebih 5,000 keluarga Masyarakat India di Bandar Baharu.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Minta maaf YB. Bandar Baharu saya tak dapat ingat, sebab 2, 3 tahun lalu saya tak dapat ingat! Untuk YB. Bandar Baru cuma dekat Kuil di Serdang saya ada bagi RM15 ribu untuk perayaan Maha Shivarathiri yang berlaku di sana dan ada juga sedikit-sedikit NGO dekat sana di Sabah, Parlimen Kulim-Bandar Baharu, saya ada bagi, kerajaan negeri ada bagi untuk pembinaan RM25 ribu. Itu yang saya ingat. Pada keseluruhannya setiap tahun untuk kepentingan Masyarakat India iaitu untuk kuil, untuk NGO dan juga untuk sekolah-sekolah Tamil kalau tak silap saya kita dekat beri sumbangan dekat RM300 ribu YB. Bandar Baharu! Jadi, saya pohon sedikit peruntukan untuk Masyarakat India dimasukkan dalam dalam bajet ini supaya Yang Amat Berhormat Jeneri akan jadi hero orang dia. Terima kasih!

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Bukit Selambau iaitu YB. yang paling favourite lah, semua orang pakat nak tanya dekat Bukit Selambau. Sekarang, saya menjemput YB. Kota Siputeh.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillahi Rabbil A'lamin Wassalatu' Wassalamu' Ala' Asrofil Am'biya Iwalmursalin Wa'ala A'lihi Wasahbihi' Ajma'in. Robbisrohli Sodri Wayar'sirli Amri' Wah'lul Uq'datan Min Li'saani Yaf Qauhu Qaouli'.

Yang dikasihi, YB. Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Adun Adun, Ketua-Ketua Jabatan, Ahli-Ahli Media. Alhamdulillah di kesempatan sidang dun pada kali ini. Kota Siputeh diberikan peluang untuk berbahas pada kali ini untuk Bajet 2022. Saya melihat Bajet 2022 yang dibentangkan! Ada beberapa yang ingin saya bangkitkan berkaitan dengan Bajet ini, tentulah bajet yang dibuat ini adalah sebenarnya untuk membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh rakyat. Saya merasakan perlu lagi banyak peruntukan yang diberikan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat seperti masalah air, saya rasa semua kawasan di Kedah ini semua Dun lah yang menghadapi masalah ini. Kita tahu kata 5 Loji Rawatan Air yang yang tak tahulah, dah dibina ka, sedang dibina ka, belum lagikah? Tetapi dijangkakan kalau di sebelah Kodiang itu, dikatakan Loji Rawatan Air Pelubang itu dijangkakan akan siap pada tahun 2024. Bayangkan masyarakat kita ini setiap hari, selang sehari saya ini dapat aduan daripada penduduk di sekitar Kota Siputeh yang mengadu tentang masalah air. Kalau di rumah kita tiada air kan, jadi kita rasa macam mana? Jadi, begitulah juga dengan masalah rakyat yang kita perlu ambil perhatian! Di rumah saya pun tak ada air juga tapi saya tak apalah, saya buat tangki besar kat luar itu tapi bagaimana dengan rakyat dibawah yang hidup mereka kais pagi, kais petang nak beli tangki besar nak boh pam itu memanglah tak mampu. Jadi, kerajaan perlu peruntukan lebih lagi duit. Saya tengok tak ada pun peruntukan daripada kerajaan untuk bantu selesaikan masalah yang jangka pendek iaitu buat telaga tiub ka, beli tong bagi dekat rakyat ka, ini tengah-tengah malam bangun tadah, basuh kain, basuh pinggan dan sebagainya! Jadi, bajet indah macam mana pun dengan projek besar-besar lah dengan litar lumba ka apa ka? Rakyat tak tengok yang itu, dia tengok masalah kami diselesaikan!

Masalah rakyat apa dia? Ini yang kita kena tengok, ini yang kerajaan kena ambil perhatian! Itu masalah air yang dihadapi oleh rakyat kita dan masalah lain pula ialah saya nak bagi cadangan lah masalah air ini kan banyak juga yang berlaku NRW kan, kebocoran air sebab tu tekanan rendah, dia tak sampai mungkin boleh tukar paip air ka? Ada satu kawasan tu Kampung Pida katanya sebelum pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan dibuat paip baru, selepas sebulan tak boleh guna paip itu, guna balik paip lama lepas itu berlaku kebocoran duk masuk ayaq sungai dalam paip Sada! Betul-betul air sungai ini, bau masam air sungai masuk dalam paip sada! Sampai seminggu bagitau kepada SADA tapi mereka minta penduduk yang cari sendiri dekat mana? Adakah penduduk nak boleh cari kat mana paip itu bocor dan air sungai itu masuk dalam paip itu! Akhirnya, mereka datang, korek sana, korek sini sampai beberapa hari tak tahulah selesai ke tidak dan memang saya berhubunglah dengan YB. Sungai Tiang, Dato' Suraya! Saya tak pasti dah selesai ke belum masalah itu tapi itulah air sungai masuk dalam air paip SADA! Rugilah kerajaan dah belanja buat paip baru tak pastilah masa tu berapa juta tiba-tiba guna paip lama juga, berlaku kebocoran, air sungai masuk. Jadi, salah satu perkara yang berlaku di kawasan sayalah! Mungkin kawasan lain banyak lagi masalah air ini.

Kemudian, masalah jalan berlubang, jalan yang berlopak dan ada accident ada kematian juga! Di sini kerajaan kena ambil berat untuk jangka pendek sebelum buat jalan tar apa yang lebih berjuta-juta tu mungkin boleh bantulah tampung tar reput ka apa ka, batu ka untuk sementara jalan-jalan Pida ini. Memang banyak masalah jalan-jalan berlubang sampai saya pun terpaksa keluar duit sendiri beli batu lori untuk pi tampung jalan-jalan itu sebab kesian kat penduduk! Penduduk pula kutip duit di antara penduduk ini untuk tampung jalan-jalan tu sebab dah tak boleh nak lalu dah kan! Jadi, ini di antara masalah yang dihadapi oleh rakyat. Kemudian, masalah banjir kilat yang sering berlaku, masalah parit tersumbat sebab sampah berlonggok-longgok kan, masalah sampah ini satulah, dengan masalah parit yang tidak dibersihkan, dengan rumput lah, dengan kelapa lah jatuh dalam parit-parit itu tidak diselenggara dengan baik oleh JPS. Jadi, saya mengharapkan peruntukan yang lebihlah kepada JPS untuk cuci parit-parit ini, clear bagi elok supaya laluan air itu elok, tidak berlaku banjir, banjir kilat yang boleh masuk dalam rumah penduduk ini dan merosakkan harta benda mereka.

Kemudian, masalah rakyat hilang pekerjaan dalam ini perlu dibantu dari sudut berikan peralatan, perniagaan memang kerajaan ada buat tapi banyak rakyat kita yang susah ini, banyak rakyat kita terkesan dengan pandemik covid ini, mereka ini perlu dibantu, diberikan peralatan perniagaan supaya apa-apa peralatan lah mesin pemotong rumput, supaya mereka boleh bekerja, mencari pendapatan untuk membangunkan ekonomi mereka semula!

Kemudian, masalah rumah yang tidak ramai rakyat kita yang masih lagi belum ada rumah sendiri, mereka menyewa rumah-rumah dan ada yang setengah itu tak mampu pun kan! Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk membantu rakyat kita yang yang susah ini? yang B40 ini, yang asnaf ini, perlu perbanyakkan lagi PPR iaitu Program Perumahan Rakyat ini untuk bantu rakyat-rakyat kita yang macam ini kan! Memang sebelum ini kita dah ada dah beberapa PPR tetapi kita memerlukan lagi perumahan yang kos rendah ni untuk membantu rakyat kita supaya mereka boleh memiliki rumah. Mungkin kita boleh bagi rumah percuma kepada mereka yang memang tak mampu, nak bayar sewa rumah pun tak mampu, nak beli pun tak mampu, mungkin perlu adakan rumah yang percuma untuk mereka ini ataupun rumah yang kos rendah yang dibeli oleh mereka dengan bayaran bulanan yang sedikit macam PPR sekarang ini lah!

Kemudian, satu lagi perkara tentang petani-petani yang menanam padi ini, baru-baru ini dengan hujan lebat menyebabkan mereka berulang tabur padi benih ini kan. Jadi nak tanyalah adakah peruntukan bantuan kepada petani-petani ini untuk menampung kos pengurusan mereka duk tabur benih padi beberapa kali ini dan sekiranya ada berapakah peruntukan tersebut?

Saya nak masuk bab isu pendidikan saya memetik kata-kata Sheikh Yusuf Al-Qadawi, apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini. Sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dari golongan yang berakhlak dan berhemah tinggi tentunya negara kita akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur tetapi jika keadaan sebaliknya maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku.

Jadi tentunya kita inginkan generasi muda kita adalah daripada kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi yang tentunya yang berkaitan dengan pendidikan, kejayaan yang cemerlang di sudut pendidikan ini akan dapat menghasilkan generasi muda yang sebagaimana yang kita inginkan dan perkara ini perlu dititikberatkan oleh kerajaan. Saya lihat tak da peruntukan yang khusus untuk membangunkan anak-anak kita ini Memanglah dalam ni ada peruntukan RM28 juta untuk Maktab Mahmud, saya tak bagi lagi nah! Peruntukan kepada UNISHAM sebanyak RM9.5 juta, peruntukan kepada IQDAR, biasalah ini peruntukan kepada Maktab Mahmud, IQDAR dan UNISHAM memang setiap tahun, memang setiap tahun dapat peruntukan ini tapi peruntukan untuk…(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Boleh Kota Siputeh ini?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya tak benarkan! YB. Dato' Speaker, saya teruskan, kita perlukan peruntukan untuk mendidik anak-anak kita ini supaya mereka cemerlang. Kita ada 400 ribu pelajar, kita tak boleh fokus kepada sekolah-sekolah agama sahaja! Kita ada 700 buah sekolah di Negeri Kedah ini, 400 ribu pelajar yang perlu kita santuni, yang perlu kita lihat masalah mereka, dengan pandemik, dengan tak datang ke sekolah setelah dua tahun, bagaimana mereka ketinggalan dan tercicir di dalam pelajaran, tidak adakah peruntukan untuk tuisyen kepada pelajar-pelajar kita. Tuisyen percuma kepada pelajar-pelajar SPM, kita sentiasa tercorot di dalam pendidikan dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini. Kita tercorot dari segi pendidikan bagaimana kita nak membangunkan pendidikan kita kalau kita tidak peruntukan sebahagian kewangan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat, minta laluan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Sat lagi saya bagi na saya nak ceramah sat!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Tau dah, memang tak bagi dah! Tau dah!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya mohon supaya ada peruntukan untuk pelajar-pelajar kita ini dapat tuisyen percuma kemudian diberikan peranti, pelajar-pelajar kita tiada perantik pun daripada kerajaan. Kalau Kerajaan Johor ada bagi 8,000 peranti kepada pelajar sekolah di seluruh Johor, Negeri Perak bagi 20,000 telefon pintar kepada pelajar daripada keluarga B40 tapi daripada Negeri Kedah ramai sebenarnya anak-anak kita tak ada peranti, ada anak yang ada keluarga sampai empat orang, berebut handphone mak ayah, berebut handphone adik, kakak, abang untuk nak belajar secara PDPR dan PDPR ini akan diteruskan lagi, sebahagian ke sekolah, sebahagian lagi pergi PDPR di rumah tapi kalau kita tidak ambil berat sangat tentang pendidikan ini bagaimana kita nak melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang yang kita inginkan mereka ini akan mengambil alih tempat kita sebagai pemimpin, mereka inilah yang akan bekerja di industri-industri yang kita nak bangunkan, yang kita banggakan tapi siapa yang sebenarnya yang nak memenuhi industri-industri tersebut sebagai 'engineer' dan sebagainya.

Kalau tidak diberi sekarang, kita membantu mereka sebab kita tahu kita tidak mahu mereka ni terus tercicir, menjadi generasi yang tercicir daripada pembelajaran. Jadi, kita kena bantu mereka, semua agensi perlu bersatu untuk membantu menyelesaikan masalah ini, ibu bapa yang dalam keadaan kesusahan B40 kan, bagaimana JKM kena bantu, Zakat kena bantu supaya mereka keluar daripada kesusahan ini supaya mereka mampu untuk beli data supaya anak-anak ini dapat belajar dan kita pun tahu kebanyakan anak-anak kita ini bukanlah semuanya dapat mengikuti PDPR ini kan, bermasalah kan! Jadi, apakah peranan dan usaha kerajaan untuk memberikan motivasi kepada pelajar-pelajar kita ini supaya berminat untuk belajar? Ada yang dah bekerja pun, ada yang tak minat dah untuk mengikuti PDPR, sanggup kerja sebab keluarga susah, nak bantu ibu dan ayah jadi. Apa peranan kita? Apa peranan NGO untuk mengusahakan supaya pelajar-pelajar kita ini kembali ke sekolah belajar dan meneruskan pembelajaran mereka. Kemudian, masalah internet,

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Boleh kut soalan sikit! Satu soalan saja!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya banyak lagi ni, takut tak dan!

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kota Siputeh, tak apa bagi! Saya bagi 'extra' masa sat lagi.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Baik!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, YB. Kota Siputeh. Jadi, alhamdulillah saya nak tanya soalan kepada Kota Siputeh, berkenaan dengan apa yang dikemukakan tadi seolah-olah kita rasa macam pembangkang ini rasa macam dia nak jadi kerajaanlah, perasan itu! Kita lama dah kita rasa, apa yang dirasai oleh Kota Siputeh itu!

Jadi sebenarnya PDPR ini dah mula berlaku dah di sekolah dan semua pakat pi sekolah dah dan bantuan-bantuan yang diberikan oleh semua agensi pun rasanya telah kita berikan kepada anak-anak pendidikan yang kerajaan berikan. Jadi, saya rasa nak bagi setiap rumah itu, mustahillah! Apa pandangan?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Bukit Lada. YB. Dato' Speaker, memang saya tahu KPM ada bagi bantuan, Zakat pun ada bagi bantuan kan tapi sebenarnya masalah di bawah tu masih ramai lagi yang bermasalah kan, saya rasa di kawasan masing-masing pun ada masalah kan sebab di kawasan saya pun saya bagi kat mereka 100 tablet. Saya bagi duit saya sendiri lah untuk 100 tablet. Saya rasa kawasan lain pun memang ada masalah kan maksudnya rakyat kita di bawah tu ramai yang memerlukan bantuan kan! Tadi, saya sebut tentang Internet! Jadi, masalah Internet ini masalah juga, saya mencadangkan supaya kerajaan selepas ini ambil Sistem Teknologi 5G! Sistem teknologi 5G ini mudah dipasang di tiang-tiang lampu elektrik dan kerajaan pun boleh dapat sewa daripada sistem teknologi 5G ini dan dia berkemampuan yang kelajuan dia lebih baik lah kan berbanding dengan 4G kan dan memang bermasalah sangatlah dengan internet yang slow ini, anak-anak nak mengikuti PDPR, guru-guru nak mengajar kan, jadi kena segerakan yang ini, masalah internet ini!

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kota Siputeh, peminat ramai ni, tak apa bagi sat lagi kita tambah masa!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker! YB. Kota Siputeh, cadangan 5G itu dah kaji betul ke sebab saya nampak macam tak berapa nak bagus dan bukan cadangan yang terbaiklah sebab kalau kita ada untuk 5G itu tetapi peranti kita itu sampai 3G saja boleh terima untuk masuk internet itu! Sat lagi bubuh yang 5G tu kena beli lagi, kerajaan kena bagi lagi peranti baru. Itu kena kaji balik YB. Kota Siputeh.

Seterusnya, yang kedua saya nak tanya tadi YB. Kota Siputeh ini, YB. Kota Siputeh bagitau kata pendidikan Kedah tercorot dalam Malaysia. Saya tak tau penunjuk aras mana YB. Guna! Saya kesianlah yang pencapaian SPM baru ini ramai kita 9A+ yang dapat pelajar-pelajar kita dapat scholarship sampai berapa scholarship daripada kerajaan persekutuan. Tak kan tercorot kut! Terima kasih YB. Kota Siputeh!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Bandar Baharu, YB. Dato' Speaker, tadi tentang masjid 5G itu sebenarnya kita memang kena dah bergerak ke arah itu memang Kerajaan Persekutuan pun lepas ni 3G dah tak ada kan! Kita bergerak ke arah 5G takkanlah kita maksudnya kita kena diberitahu lah kepada rakyat semua bahawa pergerakan kita ke arah kemajuan ini maksudnya rakyat harus mengikuti perkembangan kemajuan akan datang dan ini pun mungkin mengambil masa setahun yang akan datang bukanlah esok lusa kita nak buat terus kan, perlahan-perlahan lah! Kemudian, tentang tercorot itu, keputusan SPM lah kalau dulu masa saya jadi Exco Pendidikan itu, masa itu dalam 12 hingga 13 ke bawah ranking lepas itu keputusan yang baru-baru ini sebenarnya keputusan yang tidak tepat sedangkan dalam pandemik macam mana boleh SPM boleh begitu cemerlang dalam keadaan pendemik. Anak saya pun dapat 12A kan, dia duk main handphone saja kat rumah, dia duk main handphone saja di rumah, saya pun tak tahu macam mana dia boleh dapat 12A!

YB. DATO' SPEAKER

Mak dia pandai tu!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Jadi, peratus itu mereka turunkan sehingga menunjukkan kecemerlangan SPM. Kita pun hairan dalam keadaan pandemik itu boleh cemerlang dalam SPM! Jadi, tidak boleh berlaku penipuan-penipuan macam ini!

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kota Siputeh, masa sebenar sudah habis! Saya bagi 4 minit lagi!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Kemudian, tentang TVET, kerajaan juga kena bantu pelajar-pelajar kita ini terutamanya pelajar-pelajar Tahfiz untuk kita bagi biasiswa percuma supaya mereka boleh masuk ke institusi-insitusi TVET di Negeri Kedah ini. Jadi, kena bantulah! Saya ada buat satu portal TVET tapi saya tak tahulah kenapa tidak digunakan untuk membantu pelajar-pelajar kita ini memilih bidang-bidang mana, kursus-kursus mana yang mereka minati, dan memilih institusi-institusi mana yang mereka ingin ikuti, kursus-kursus kemahiran ini!

Jadi, kerajaan kena tengok juga pelajar-pelajar kita ini yang bersesuaian dengan mereka untuk mereka memasuki kursus-kursus TVET ini mungkin melalui iklan-iklan, kursus-kursus, motivasi kepada mereka kan dan saya masuk kepada sedikit pembangunan insan, kita lihat kes-kes kita tahulah masalah …(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat, minta laluan! Sikit saja!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Minta maaf saya tak dak masa na! Saya teruskan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

4 minit tu! Sikit boleh ka?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya tak benarkan YB. Dato' Speaker. Masalah kes bunuh diri, kes stress, kes yang berlaku baru ni di Bukit Kayu Hitam ya, tiga orang abang merogol adik perempuan yang berusia 13 tahun dan banyak lagi kes-kes yang seperti ini. Kes bunuh diri meningkat hingga 143%, 683 kes daripada Januari hingga Julai 2021, lebih kurang sehari, 2 kes bunuh diri di Malaysia. Ini sangat serius ya!

Jadi, saya mohonlah supaya ada peruntukan untuk pembangunan insan terutama untuk mendidik anak-anak, sekolah telah dibuka, masuklah NGO-NGO di sekolah ini untuk mendidik anak-anak kita supaya mereka tidak terlibat dengan pornografi, tidak terlibat dengan dadah dan tidak terlibat dengan ketum, tidak terlibat dengan judi! Mereka semua ini perlu dididik macam kes judi tapi kita kena didik rakyat kita supaya jangan pi main judi kat situ kan! Jadi, didikan ini perlu dididik daripada peringkat sekolah lagi, peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, didik mereka ini supaya mereka menjadi insan yang yang bertakwa. Sebab itu kita tak boleh fokus kepada Sekolah Agama semata-mata, kita perlu fokus kepada sekolah-sekolah kerajaan juga untuk mendidik pelajar-pelajar kita.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Adakah Yang Berhormat tidak bersetuju dengan sistem pendidikan kita sekarang, yang sedia ada? Tak setujukah dengan Sistem KAFA sekarang yang kita ada, sistem pendidikan agama di sekolah tidak mencukupi. Adakah Yang Berhormat tidak setuju dengan sistem tersebut?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya setuju! Saya setuju! Kena tambahkan lagi sebab…

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Habis tu?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya setuju! Saya setuju! Kena tambahkan lagi lah…

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Jadi, Yang Berhormat setuju lah kedai judi terus dibuka lah! Setuju ka?

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Ini masalah agama, saya rasa agak cermat sikit lah kita bercakap! Kita takut dalam Dewan ini bertengkar lagi, lagi teruk!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Kalau Yang Berhormat setuju, saya nak bagitau kepada rakyat bahawa Yang Berhormat setuju!

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat, nak bercakap kena setuju kepada speaker!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Dato' Speaker, nak tutup kedai judi semua itu ianya perlu melalui kerajaan persekutuan, boleh lah cakap. Saya pun seorang Islam memang tau judi itu haram, semua benda itu haram, kita tahu! Kita hidup dalam satu warganegara yang terdiri daripada pelbagai kaum, hak orang Cina kita kena hormati hak mereka kan! Kita kita kena didik orang kita, rakyat kita, orang Islam kita supaya jangan pi main judi kan! Jadi, didikan ini perlu dari sekolah lagi!

YB. DATO' SPEAKER

Ok, YB. Kota Siputeh boleh buat 'conclusion'!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Ok, baik! Last sekali tentang wanita-wanita, sedikitlah tentang wanita mohonlah supaya para wanita, ibu tunggal di rumah ini diberikan peruntukan untuk mereka di sudut peralatan perniagaan seperti oven mesin jahit, mesin tepung supaya mereka boleh mulakan kehidupan mereka dengan perniagaan untuk mereka keluar daripada kemiskinan, untuk bantu keluarga, kehidupan yang lebih baik! Jadi, itulah diantara yang dapat saya sampaikan. Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana berikan masa yang lebih kepada saya!

Wabillahitaufik Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Sekarang, saya menjemput YB. Bukit Lada!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirahim. Dengan nama Allah saya mulakan! Allahummasolli' A'la saidina' Muhammad Selawat dan Salam atas junjungan juga atas keluarga dan para sahabat yang dimuliakan. Tahniah dan Syabas kepada ketua pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Haji Sanusi atas kurniaan, Yang Berhormat Dato' Speaker pun tidak dilupakan, yang belum dapat saya doakan Insya-Allah tahun depan Insya-Allah!

Berbaju Hijau Segak Menawan,
Berjalan Megah Menuju Ke Dewan
Pembentangan Bajet Sudah Dibentangkan
Teruja Sungguh Ketua Pembangkang
Sehingga tidak ada kritikan!
Masya-Allah pembangkang macam kerajaan,
Inilah dia semangat yang ditunjukkan!
Jitra dan Gurun pun sudah dijinakkan
Tegas tapi lembut berbahasa dalam pandangan!
Alhamdulilah titik hitam sudah ditinggalkan
Putih berseri yang dibahaskan!

Tahniah saya ucapkan perbahasan pada kali ini menampakkan kematangan sama ada daripada kerajaan ataupun pembangkang. Mungkin kerana bajet pada kali ini bajet rakyat, Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua, memahami kepentingan rakyat apabila kerajaan menambahkan lagi beras sejahtera daripada 150 kepada 200 penerima iaitu pada tahun hadapan kita akan mendapat 2,414 pack beras sejahtera dan kalau didarabkan dengan 36 dun kita akan dapat 86,400 pack. Masya-Allah disambungkan lagi dengan apa yang dikeluarkan oleh Pihak Zakat maka Insya-Allah tidak ada lagi orang yang susah, yang tidak ada makan! Itu yang pertama!

Yang keduanya ialah khairat kematian RM300 kepada RM500, saya ingat baru ini ada seorang sahabat Tiong Hua mai ke pejabat, dia tinggal dengan ibu dia dan berhenti kerja kerana nak jaga mak dia, tiba-tiba mak dia meninggal dunia dan dia mai mengadu, dia kata dia ambil pakej yang paling murah, paling murah pun beribu-ribu iaitu mereka ini akan dibakar dan akan diambil abu dia, ini yang paling murah paling murah pun beribu lah!

YB. DATO' SPEAKER

Berapa ribu YB. Bukit Lada, paling murah?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Lebih pada RM5,000.00 maknanya dia tak tak mampu nak bayar dan saya kata, kita kerajaan negeri hanya bagi RM300, dia kata RM300 pun tak pa dah! Saya pun bagi duit saya sikit, tambah lagi! Dia seronok apabila mendapat walaupun kita bagi nilainya tidak banyak tapi sikit saja tapi dia balik dengan keadaan senyum dan pusing belakang tak tau berapa kali kerana dapat RM300 kalau dapat RM500 lagi banyaklah senyum.

Kemudian, yang ketiganya saya simpati dengan Adun Adun Pembangkang lebih-lebih lagi Bukit Selambau, daripada awal lagi cadang macam-macam seolah-olah nak minta ini kalau boleh bagi sama, nak boleh ni kalau boleh bagi sama pertimbangkan, bantuan-bantuan yang diberikan! Kita di peringkat pembangkang ini kita dulu waktu kita jadi pembangkang kita tahu, pejabat kami dalam kereta saja, pi mana pun naik kereta, orang telefon cop, kita cop dalam kereta, nak pi rumah kawan ini kerana nak cop! Pergi ke Pejabat Kebajikan, pergi ke pejabat-pejabat pun, orang tengok kita pun, kita takut, kita tak tahu depa ni nak layan kita ka tidak! Ini ialah perasaan yang dirasai oleh pembangkang.

Jadi, Alhamdulillah kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat apabila memahami perkara ini bagi duit yang sepatutnya boleh daripada pihak kerajaan dapat RM10,000 sepatutnya ni kita rapat tapi tak apalah kita korban RM2,000 sebulan bagi kepada Adun-Adun Pembangkang bukan sikit RM24,000 kalau setahun maknanya keringanan yang boleh dirasai oleh kita! Boleh bayar pejabat pun tak pa dah! Alhamdulillah. Jadi, kalau YAB. nak bagi lagi Insya-Allah! Kita harap apa yang dirasai oleh kawan-kawan kita tidak akan dirasai oleh sesiapa nanti kerana Bukit Selambau waktu dia jadi kerajaan dia terlupa tak dan nak fikir kalau dia bagi haritu, RM5,000 hari ini dia dapat RM5,000 tapi dah tak bagi langsung nak buat macam mana? Jadi, Insya-Allah mungkin YAB. boleh fikir kalau tak bagi banyak pun bagi sikit terpulanglah kepada YAB. kita!

Seterusnya, saya mengucapkan terima kasih juga kepada pihak kerajaan iaitu berkenaan dengan RM7.2 juta di bawah P04 disalurkan kepada setiap daerah untuk longkang dan parit di kampung. Ini adalah kali pertama! Betul no! Kali pertama bantuan RM7.2 juta bila orang duk kata kerajaan ini tak buat apa ke bila jadi banjir dan sebagainya! Insya-Allah bila peruntukan ini ada dapat membantu JPS, MADA dan sebagainya kerana banjir kali ini sangat dahsyat! Kami di Pokok Sena ini taklah berlaku sampai ke tahap itu, hampir 600 buah rumah 27 JPKK dan 40 kampung yang terlibat dengan banjir, yang paling banyak di kawasan sempadan dengan Pendang, itu kampung lah sempadan Pendang iaitu Permatang Limau, Gulau dan sebagainya iaitu 150 buah dan mereka ini boleh kata tiap-tiap tahun dan setahun tak tahu berapa kali duduk dalam air saja! Paling lewat mereka dan paling awal kena dan paling lewat habis!

Jadi, mereka ini rumah rendah duduk dalam kawasan bendang, Tak boleh nak buat apa dah! Kita tak boleh nak buat apa dah, kita pun tak tahulah kecuali mungkin ada harapkan kerajaan dapat menilai ataupun mencari satu inisiatif yang terbaik untuk membantu penduduk-penduduk di sinilah! Seterusnya di Taman Puteri, 114 buah, seminggu tenggelam, 2,3 hari bersih elok, tenggelam pula kali yang kedua.

Kali yang pertama tenggelam 112 buah, kali yang kedua tenggelam 114 buah, Tanya pasal apa 2 buah lagi tak tenggelam, dia kata ini rumah contoh, rupanya rumah contoh dia buat tinggi, baru tahu kata rumah contoh dia buat tinggi, rumah yang lain dia buat rendah! Jadi, kita mengharapkan PBT boleh tengok balik macam mana spec yang diluluskan dan taman-taman ini timbul, banyak keliling tu sedangkan taman ini tak pernah banjir, 9 tahun dah tak pernah banjir, tiba-tiba kali ini banjir tentulah ada sebab dan kita mengharapkan pihak kerajaan dapat melihat.

Kemudiannya, kita mencadangkan kepada pihak MADA ataupun JPS kalau boleh buat perancangan walaupun dikatakan setahun 4 kali sekarang ini 2 kali. Jadi, kalau boleh sebulan ataupun dua bulan sebelum musim banjir ini ambil gambar tunjuk sikit kata kita ni pi korek parit dan sebagainya sebab netizen hari ini dia duk hentam, dia kata sebelum banjir buat apa? Jadi, sebenarnya peruntukan ada dan kita mengharapkan pihak kerajaan boleh mengambil perhatian. Kemudian, saya nak tegur sikit lah Anak Bukit, walaupun dia tak mai hari ini, kerana saya duk tengok Anak Bukit ini dia memang macam tu selalu dia mai sat saja, berbanding dengan Gurun, kadang-kadang Jitra ini dia banyak sikit, tapi kalau Gurun alhamdulillah kerap sangat dia duk luar kut.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Gurun duk mesyuarat online lani. Dia minta kebenaran saya!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Ohh…mesyuarat online! Alhamdulillah saya faham maknanya seolah-olah kita melihat bahawa dia memberi komitmen kepada Kedah kerana bila kita bertanding di dua tempat maka kita kena bagi komitmen lah, kita bukan lama 4 hari atau 5 hari saja! Duduk di Sidang Dun 4 hari atau 5 hari lepas itu pi lah ke Parlimen tapi kita seolah-olah rasa mai hari pembentangan pun tak mai, hari dia nak bercakap saja, petang itu saya tak pasti ada ka tak dak! Petang itu saya tak pasti.

Jadi, dalam ucapan yang dikemukakan oleh YB. Anak Bukit baru ini menyebutkan fakta pada 2021, RM111 juta yang diberikan kepada MADA diturunkan kepada RM91 juta. Jadi, saya mendapat maklumat daripada sahabat-sahabat di Parlimen, depa mai hantar buku kepada kita. Saya nak tanya Gurun tapi Gurun tak dak! Dalam muka surat 203 menyatakan bahawa 2021 dan 2022 adalah sama sahaja iaitu RM91 juta. Jadi, seolah-olah kita nak bawa satu bandingan, kita nak bawa fakta yang tak berapa betul, sebenarnya tahun 2020 barulah RM111 juta berbanding dengan tahun 2021 dan 2022 sama sahaja kekal dia punya bajet.

Kita mengharapkan pihak kerajaan boleh ambil mempertimbangkan bajet tambahan kepada Pihak MADA kerana melibatkan 100,685 hektar padi, dan membekalkan 43% keperluan beras negara.

Keduanya, saya nak sebutkan juga iaitu apabila Anak Bukit menyebutkan timbul persepsi yang tidak baik kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu menyatakan bahawa melantik kroni dia, lantik kroni jadi Pengerusi MADA, kalau begitulah cara pemikirannya Langkawi pun begitu juga lantik kroni dia Bagan dan Anak Bukit sebagai Menteri dan Timbalan Menteri. Kalau kita nak fikir macam itu tentulah ini juga pemikiran-pemikiran yang kita rasa seolah-olah nak bawa persepsi buruk, persepsi buruk kepada kepimpinan.

Saya mengingatkan ayat Al- Quran yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri dalam ucapan bajet ayat yang pertama yang dibaca iaitu dalam surah Surah Ar-Ra'd, ayat ke-11 iaitu :-

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ يَحۡفَظُونَهُۥ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِۗ إِنَّ
ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوۡمٍ
سُوٓءٗا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ١١

Ayat ini dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri dalam ucapan bajet baru ini. Bagi manusia ada malaikat yang selalu mengikutinya bergilir di muka dan di belakangnya, mereka menjaganya atas perintah Allah. Kita mesti ingat kita ada malaikat yang berada di kanan dan kiri dan ada di hadapan dan belakang kita yang sentiasa bersama dengan kita dan akan mencatat segala kebaikan dan kejahatan yang kita lakukan.

Seterusnya, ialah saya balik ke rumah semalam, saya tengok live sekali lagi untuk melihat kepastian apabila Jitra minta sokongan kita semua bangun waktu Jitra minta kita bangun, saya pun bangun dan semua Ahli Dewan Undangan kita semua bangun kerana untuk memerangi rasuah akan tetapi semasa Sungai Limau minta bangun untuk menyatakan sokongan isu judi, saya lihat ada beberapa Adun orang Islam yang tak bangun termasuk Jitra dan Kota Siputeh!

Jadi, tak bangun! Jadi, saya nak tanya ayat yang dibacakan oleh Jitra itu iaitu ayat surah Al-Baqarah 188 muka surat 29 sebelah kanan, muka surat 29 ayat 188, sebelah kanan, lima ayat lepas tu ayat 219, muka surat 34 sebelah kiri, ayat yang sama yang dibacakan oleh Jitra "*Wala'tak kulu' Amwa'lakum Bainakum' Bil'batil".*

Jangan kamu makan harta di kalangan kamu dengan jalan yang batil iaitu ayat tentang rasuah dan ayat 219, muka surat 34.

۞يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ
وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا ۗ وَيَسْـَٔلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلِ ٱلْعَفْوَ ۗ كَذَٰلِكَ
يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْـَٔايَٰتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾

"Yasalu'naka Anil Khomri'wal Mai'sir" apabila ditanyakan kepada kamu tentang khomar dan judi katakanlah pada keduanya itu terdapat dosa yang besar dan beberapa manfaat bagi manusia. Kalaulah kita orang yang beriman *Afatu' Minu'na Biba'dil Kitaab' Wa'takfuru'na Biba'd*. Jadi, kita mengharapkan bahawa kita orang Islam, orang bukan Islam lain! Orang Islam kita ada pendirian ayat Al-Quran kita kata macam itu jadi seperti mana dikemukakan oleh Jitra, ayat Al-Quran dalam surah sama begitu sepatutnya kita menerima di mana pandangan ayat Al-Quran dimana ayat surah yang sama tapi ayat yang lain. Saya juga bertanya kepada sahabat-sahabat saya daripada kaum Siam. Saya nak minta Speaker dengar sedikit [*Rakaman Bahasa Siam].* Tak faham ka? Tak faham tak apa, saya bagi yang boleh faham! "Selamat Pagi dan Salam Sejahtera, YB. Ustaz Salim Mahmud Al Hafiz, nak cakap bab hokum ini Ustaz, kalau ikut hukum ini tak jauh beza dengan hukum agama islam. Jadi, banyak perkara benda yang dilarang..dalam hukum itu banyak!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Speaker, Peraturan Dewan tidak membenarkan menayangkan video atau perbualan…(YB. Bukit Lada mencelah)

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tak apa, dengar sat, sat lagi…..(YB. Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bukit Lada, ok faham dah!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Ok faham dah! Jadi , apa yang saya nak sebutkan di sini Orang Siam ini bukan orang Islam ini orang Siam. JPKK kita saya tanya dia apa pandangan dia kata dalam agama Buddha seperti mana orang Islam mengharamkan judi sama juga dia kata! Jadi dalam agama Buddha menyatakan bahawa seperti mana orang Islam mengharamkan judi begitulah juga di haramkan judi dalam agama mereka. Ada 5 perkara yang disebutkan oleh sahabat kita tadi dan saya dapat merujuk beberapa kitab Buddha antaranya ialah Kitab Sutta Pitaka.

menyatakan bahawa ditulis beberapa perkara yang berkaitan dengan kesan judi di antaranya ialah pemenang memperolehi kebencian dari yang kalah yang kalah bersedih kerana kekalahannya, kehilangan kekayaan dan kata-katanya tidak boleh dipercayai di mahkamah. Ini di dalam Kitab Sutta Pitaka. Di dalam Agama Hindu pun menyebutkan bahawa dalam Selokan 222. Judi menimbulkan kecurian! Dalam seloka 227 menyatakan bahawa judi menimbulkan permusuhan! Seloka 228 judi menimbulkan kejahatan. Ini di dalam kitab-kitab yang saya temui dalam perbahasan berkenaan dengan apa nama hukum judi ini!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Speaker minta laluan!

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bukit Lada, YB. Derga minta laluan!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Ya..ya! Silakan!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Bukit Lada, terima kasih YB. Speaker, tadi pun saya ada habaq dekat YB. Sungai Limau, memang percaya sebab agama ajar kita ke tahap yang baik tapi saya nak pohon tanya YB. Bukit Lada sebab petikan tersebut, adakah hanya

petikan yang sedikit hanya 'intrepret' untuk golongan yang berlainan sebab semua ada mazhab dia. Semua ada semangat. Jadi, saya cadangkan sebab saya bukan dikatakan antara orang yang fasih dalam agama buddhist. Saya bukan among yang fasih dalam Bahasa Buddhist. Saya cadangkan supaya kita adakan satu sesi untuk membawa pengaji ka, kita bawa orang yang betul untuk bincang isu ini sebab kita di dalam negara majmuk ini saling faham memahami antara agama penting dan juga menghormati budaya itu adalah penting dan saya pohon yang ini dicadangkan dan sama-sama bantu!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Cantik! Cadangan yang baik YB. Derga!

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bukit Lada, masa sebenar sudah tamat tapi saya bagi 3 minit lagi!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Ok, baik! Baik! Sikit saja nak habis dah! Seterusnya, saya nak sambung sikit lagi berkenaan dengan yang ini kerana saya takut ini adalah isu politik sahaja waktu-waktu menjadi kerajaan, waktu itu pada 28 Disember 2020 kenyataan daripada Timbalan Menteri Pertahanan iaitu Liew Chi Tong menyatakan bahawa saya mencadangkan agar kerajaan ikut langkah PH. Dia mencadangkan supaya kerajaan mengikut langkah PH iaitu mengurangkan cabutan daripada 22 kepada 11 kali pada 2019 dan 8 kali pada 2020. Jadi kenyataan ini menunjukkan bahawa adakah kerana waktu mereka tidak jadi kerajaan, mereka mencadangkan supaya judi ini dikurangkan tapi bila kita nak laksanakan di Negeri Kedah, tak bagi pula! Ini seolah-olah nampak bukan perjuangan yang sebenar! Bukan perjuangan yang sebenar! Bahkan ada orang yang saman, orang yang nak orang yang nak hapuskan judi, dia boleh dapat duit pula tu, berpuluh ribu oleh kerana orang itu nak hapuskan judi. Ini kesianlah kepada Yang Amat Berhormat kita lah! Yang terakhir sekali, saya minta kepada pihak kerajaan, pihak Exco untuk anak-anak muda ini, tolong perhatikan berkenaan dengan anak-anak muda kita yang terlibat dengan pelbagai bentuk gejala lebih-lebih lagi di Langkawi dengan araknya dan sebagainya dan cuba fikirkan suatu inisiatif yang terbaik untuk kita bantu kepada anak-anak kita dan last yang terakhir saya nak sebut berkenaan komen sikit berkenaan bola iaitu saya mengharapkan dan mendoakan semoga Kedah akan menang pada hari khamis ini walaupun kita seri di sini dan anak-anak kena faham, kita orang susah! Bila kita orang susah, ayah ni pi sekolah, pi sekolah pi bayar yuran hari ini, esok pi bayar yuran lagi tiba-tiba dua

bulan tak boleh nak bayar yuran, anak kena faham ayah ni susah. Jadi, kadang-kadang bawa plastik, bawa plastik, duit ringgit dalam poket dibagi yuran di sekolah! Jadi, kita mengharapkan yuran yang diberikan oleh ayah kita ini tiap-tiap bulan, RM24 juta, bukan sikit! Setahun RM20 juta lebih Insya-Allah kita akan tunjukkan yang terbaik di dalam persembahan pada hari Khamis ini Insya-Allah dan saya akhirkan dengan *"bunga dedap di atas para, anak dusun pasang pelita, kalau tersilap tutur bicara, jemari disusun maaf dipinta, buah cempedak enak rasanya, buat tatapan di waktu senja, sekian saja ucapan saya, diharap dapat manfaat semua".* Saya menyokong penuh ucapan Bajet 2022. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Lada. Saya jemput YB. Pengkalan Kundor! Silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Jeneri, Rakan-Rakan Exco, Pegawai-Pegawai Kerajaan dan semua ahli mesyuarat yang dirahmati Allah sekalian. Saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana saya diberi juga keizinan walaupun di hujung-hujung ini nak cakap di hujung ini dah modal pun tak ada dah! Depa ambil semua dah! Terima kasih kerana memberi masa dan kalau boleh macam YB. Dr. Salmee tadi diberi tambah 4 minit!

YB. DATO' SPEAKER

5 minit saya bagi tambah dekat Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Dengar dak? Janji! Janji! Saya mulakan dengan format teks ucapan pembentangan YAB. Dato' Seri Menteri Besar iaitu beliau memulakan dengan Pandemik Covid-19. Saya nak sentuh itu dulu sebelum saya pergi kepada beberapa teras-teras yang disebutkan juga. Saya mulakan dengan muka surat 2, para 4 itu ada sedikit pembetulan. YAB. Dato' Seri Menteri Besar, gelombang ketiga Covid-19 pada bulan Jun tahun 2021.

Gelombang yang ketiga adalah 20 September 2020 iaitu selepas daripada pilihanraya sabah dan 20 September 2020 itu diisytiharkan gelombang ketiga sampai sekarang. Pada Sidang Dewan yang lalu kita dimaklumkan bahawa proses vaksinasi yang menjadi antara senjata utama kita untuk menangani masalah ini dalam konteks di Negeri Kedah dia lewat! Satunya kita dimaklumkan haritu ini disebabkan oleh vaksin yang dibekalkan kepada Kedah terpaksa diagihkan ke Lembah Klang. Tapi pada masa sama dari segi pendaftaran yang sebenarnya kita juga terkebawah masih pada masa itu yang kedua ke bawah di bawah Sabah, Sabah nombor satu bawah dan seterusnya selepas itu kita!

Pada bulan 6 kami mengambil inisiatif, Pakatan Harapan mengambil inisiatif menggerakkan satu taskforce yang saya sendiri ketuai untuk melantik ahli sukarelawan di setiap dun dan juga parlimen untuk melakukan pendaftaran vaksinasi dan bukan setakat itu saja kita juga meminta supaya mereka-mereka yang mampu berdaftar dengan mana-mana NGO, MYVAC, MERCY dan lain-lain untuk memastikan bahawa mereka juga berada di lapangan untuk membantu kerajaan untuk melonjakkan angka vaksinasi di Kedah pada masa itu dan Alhamdulillah usaha yang sedikit ini akhirnya membantu juga kerajaan pada keseluruhannya untuk melonjakkan vaksinasi kita yang hari ini sudah sampai ke angka hampir 90 peratus. 1.3 juta lebih orang dewasa, saya sendiri lebih di 20 lokasi yang bertindak sebagai 'frontliners' berada di lapangan untuk memberi vaksinasi di beberapa lokasi dan Datuk Seri MB sendiri pernah berjumpa dengan saya di UUM dan saya kira di beberapa daerah saya telah bertindak sebagai volunteers sendiri di Baling, di Yan, di Padang Terap dan sudah tentu banyak kali di daerah Kota Setar termasuk empat kali di kawasan PKPD Kuala Kedah tetapi saya nak lahirkan perasaan sedih saya apabila di dun saya sendiri bertindak sebagai vaksin, Jangan lupa saya adalah volunteers daripada MYVAC dan saya juga adalah voluteers daripada MERCY, saya ucapkan tahniah kepada MERCY yang membantu banyak dalam usaha untuk meningkatkan vaksinasi dalam semua negeri dalam negara kita termasuk di Kedah. Pada 29.9 , setelah pada 8.9 saya telah menjadi volunteers di dun saya sendiri di Pusat Latihan Mada Alor Serdang tapi 3 minggu selepad itu saya telah dihalang! Saya telah dihalang oleh Penyelaras DUN Pengkalan kundur, hantar mesej kepada saya bukan daripada beliau tapi daripada JPKK yang juga saya kenal tapi arahan itu adalah arahan daripada Penyelaras Dun. Saya sebagai seorang profesional Doctors without borders melampaui sempadan tapi saya pelik lah saya tak faham dengan saya sedikit pun tidak ada perasaan politik ini malah saya pergi ke PAS kawasan Alor Setar, Di Teluk Sibir, saya duduk dalam tu menjadi volunteers, saya tidak kisah! Sebab pada saya bersama-sama dengan pasukan perubatan itu untuk membantu, itu adalah prioriti saya dengan saya tidak mengira di mana tempat itu tapi di sini saya melahirkan lagi sekali, dukacita saya….(YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

YB. Dato' Speaker, berhubung dengan kes berkenaan arahan daripada Penyelaras Dun, Yang Amat Berhormat Jeneri perlu buat satu penjelasan adakah Penyelaras Dun ini diberi satu kuasa eksekutif untuk mengarah jabatan dalam senarai tugas mereka kerana setahu saya Adun pun tiada tugas eksekutif dia sebenarnya. Adun pun tak dak tugas eksekutif sebenarnya. Adun pun bukan boleh mengarah DO pun, tak boleh! Adun tiada kuasa eksekutif. Tiba-tiba penyelaras ada kuasa eksekutif. Ini perlu YAB. beri penjelasan supaya mereka faham tugas merekalah. Macam mana setuju?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ok, terima kasih. Saya masukkan ke dalam ucapan saya. Saya menghormati sebagai seorang kawan seorang PHD holders, pemegang PHD, doktor falsafah jadi di atas sifat kawan dan juga dulu masa dia PRU dulu, dia lawan sayalah. Jadi, saya hormat, tapi saya kesallah, sebab saya saya hadir di semua pusat di atas dasar saya seorang volunteers frontliners untuk bantu! Dan itulah priority saya! Jadi, saya

YB. DATO' SPEAKER

Doktor bantu itu apa? Doktor cucuk sama ka?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya sebahagian daripada team itu, cucuk tu nurse, saya tak cucuk! Saya duk depan sikit daripada hat cucuk tu. Yang ketiganya, yang ini mungkin YB. Tokai boleh ambil perhatian iaitu system my sejahtera itu, masih lagi banyak kelemahan. Anak saya setelah 3 minggu dapat dos yang kedua tapi belum dapat sijil sehingga saya buat aduan di PKD akhirnya mereka melihat itu semua dan rasa mungkin dalam masa yang terdekat ini akan adalah! Saya hadir tadi dengan kebenaran daripada Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar, semua pergerakan saya depa maklum dan depa maklumkan kepada saya. Jadi, saya kira apa yang saya buat tidak melampaui apa-apa sama ada dari segi perubatan ataupun juga dari segi apa ini seorang wakil rakyat lah. Yang kedua saya juga ingin melihat kepada teras-teras yang YAB. sebut iaitu teras kedua dan teras ketiga, saya ingin memberi fokus kepada beberapa isu yang berlaku sekarang ini iaitu teras pertama adalah pemangkin dan pemulihan aktiviti ekonomi dan yang ketiga peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Saya ingin membawa tuan-tuan untuk sama-sama melihat kesan daripada covid-19 hari ini telah melebihi 150 ribu di Kedah dan angka kematian lebih daripada 2,000. Daripada 2,000 kematian itu berapa ramai anak anak yang kehilangan ayah, berapa ramai anak-anak yang kehilangan mak, berapa ramai anak-anak yang kehilangan ayah dan ibu! Dua tiga minggu lepas saya pergi ke Dun saya, saya tidak tahu pun bahawa mereka kehilangan kedua-duanya sekali di Taman Bersatu, Kuala Kedah. Apabila saya hadir di situ, saya nampak ada 4 orang kanak-kanak, dua orang telah sekolah dan dua lagi belum sekolah, duduk berkeliaran disitu dan dijaga oleh pak menakan dia! Saya tanya mana mak ayah dia? Laa..doktor, mati dua-dua sebab covid. Berapa ramai yang sebegini yang patut dibantu sebelum diambil alih oleh JKM untuk memberi bantuan yang sewajarnya. Jadi, ini perlu kepada belanjawan khusus yang tidak disebut dalam bajet ini untuk memastikan bahawa ini adalah golongan yang benar-benar yang patut dibantu. Saya yakin daripada 2,000 yang kematian itu, ramai yang macam saya sebutkan tadi, kita perlukan data, Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Kedah ada data-data ini dan pohon sebahagian daripada bajet kita itu walaupun tidak ada dalam ini peruntukan khusus boleh dibuat untuk memastikan bahawa golongan ini diberi juga kebajikan dan kesejahteraan mereka diberi jaminan.

Yang kedua, golongan yang hilang pekerjaan yang telah disebut oleh Derga kelmarin. Mereka yang asalnya ada pekerjaan tetapi disebabkan oleh PKP covid ini dan jumlah ramai. Jumlahnya mengikut perangkaan yang saya kira-kira semalam ialah sekitar 50 ribu orang di Kedah yang sebelum Covid, sebelum PKP dia ada pekerjaan selepas daripada itu hilang pekerjaan disebabkan oleh PKP. Dan daripada data juga kita melihat daripada bajet ini seramai 640 orang telah dibantu dari RM2.85 juta daripada UPUK pada 2021.

640 orang daripada 50 ribu sudah tentu terlalu sedikit, masih ramai lagi di luar sana yang perlu dibantu dan bantuan mereka sudah tentu tidak sama. Ada yang mungkin perlu RM1,000 sahaja untuk membeli peralatan khemah dan seumpamanya walaupun telah diberi oleh kerajaan negeri tetapi masih ramai yang perlu dibantu. Jadi, saya yakin RM1 juta yang diperuntukkan pada tahun hadapan melalui skim mikro kredit sejahtera itu boleh ditambah lagi dan ini lagi sekali perlu kepada pendaftaran supaya data itu ada daripada 50 ribu itu contohnya mungkin sebahagian besar kita boleh ada data dan bantuan itu boleh diberikan melalui bentuk-bentuk tadi mungkin mikrokredit mengikut keperluan untuk memastikan bahawa mereka mampu berada pada pekerjaan mereka sebelum itu. Kalau tak boleh kerja bagaimana dia nak sejahtera walhal kerja pun dia hilang, kehilangan pekerjaan disebabkan oleh covid.

Yang ketiga masa saya tadi 5 minit tau lebih, Dato' Speaker duk tengok kat saya dari tadi!

YB. DATO' SPEAKER

Tengok pun takut!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tulis point nah! Walaupun ada peruntukan sebanyak saya kira RM1 juta kepada 200 Sekolah Agama Rakyat, saya kira-kira tadi ada 204 kut saya campur semua Sekolah Agama Rakyat, campur dengan Pondok campur dengan Tahfiz yang berdaftar. Jumlah yang mereka perolehi saya ingat disebut juga oleh pembahas tadi 5,000 sekolah mereka ini adalah golongan yang sebahagiannya telah menutup sekolah, sebahagiannya akan tutup sekolah disebabkan oleh PKP, tidak dapat melakukan aktiviti sekolah akhirnya terpaksa tutup. Dan saya kira jumlah ini signifikan untuk kita bantu, saya rasa mungkin RM5,000 ini tidak cukup untuk sebahagiannya maka lagi sekali oleh kerana mereka ini berdaftar dan kita ada data dan beri bantuan kepada mereka mengikut keperluan untuk mereka mampu buka semula untuk melaksanakan semula sekolah-sekolah mereka sebagaimana tadika yang diberi mengikut pengiraan saya 23,000 saya kira-kira jadi jumlah mereka mungkin tidak sebanyak itu tapi memadai untuk mereka boleh buka semula, melaksanakan semula sekolah tahfiz mereka. Yang seterusnya adalah penyakit tidak berjangkit, Tokai mungkin boleh beri perhatian. Ini focus group yang perlu diberi perhatian. Dalam masa PKP ini ramai… (YB. Sungai Limau minta laluan)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang tadi ini! Terima kasih YB. Pengkalan Kundor kerana bangkitkan isu peruntukan sekolah -sekolah agama ini dan kita pun ucap terima kasih kepada pihak kerajaan kerana tahun lepas RM500 ribu dan tahun ini dipertingkatkan lagi RM500 ribu, suatu yang perlu dan kita harap ke depan untuk pertingkat. Adakah Pengkalan Kundor bersetuju untuk bukan sahaja melihat kepada jumlah peruntukan kerajaan negeri yang salurkan tapi diselaraskan dengan peruntukan daripada zakat yang juga disalurkan kepada Sekolah-Sekolah Agama ni supaya dapat diselaraskan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ya..maksud saya untuk mereka beroperasi semula, daripada mana sumber? Tapi sudah tentu bila kita bincang bajet ini, bajet daripada kerajaan negeri lah! Kalau sumbangan lain sudah ada, ataupun kalau JAKIM telah bagi dan seumpamanya maka itu memadai. Saya baru sahaja berjumpa di bawah tadi kawan lama saya, kawan baik saya yang duduk di Unit Penerangan baru buat 'bypass' 3 saluran dan saya baru

sahaja kehilangan rakan umur 40-an mati sebab jantung, saya juga ada di Dun saya beberapa orang umur 40-an yang kena pakai 'stand', YB. Tokai mereka sihat, PKP duk kerja makan saja tak buat 'excersice' apa, gemuk, akhirnya selepas dua tahun jantung! Jadi, mungkin kempen di pihak Jabatan Kesihatan Negeri, kempen-kempen untuk cara hidup sihat ini semula, cara makan, cara exercise, bersenam, cara ini perlu, rokok pun sama. Saya rasa ini perlu sebab dalam tempoh 2 tahun ini seolah-olah mereka apabila duduk tak buat kerja apa ini, duk makan banyak ini tapinya saya tak cerita lain lah, saya tak cerita yang cerai apa ini, yang itu stress cerita lain, ini cerita yang saya jumpa di Dun saya ini umur saya 40-an yang kalau saya sebut tuan-tuan di depan saya kenal sebab dia daripada parti tuan-tuan. Dia stress, dia terus terang dengan saya. Dia kata, "Dr. saya stress bila duduk rumah ini, dia kata, tengok anak-anak tengok keluarga ini dia kata ada satu benda yang merisaukan dia", dia kata. Dia stress. Apabila dia stress, dia makan! Ada setengah orang bila stress dia makan! Makan! Makan! Makan! Akhirnya, dia mula rasa ketat dada, sampai satu hari itu, dia buat kerja sikit, dia mesin rumput, dia ketat dada! Dia tanya kawan dia dan terus pergi, dan terus buat 'stand' Jadi, 4 perkara fokus tadi iaitu kesejahteraan lah, ini kesejahteraan fizikal, sekolah, hilang pekerjaan, dan juga golongan yang yatim piatu tadi. Saya kira daripada yang reserve setengah bilion yang kerajaan negeri ada lebih daripada RM500 juta mungkin sedikit boleh diambil untuk memastikan bahawa selain daripada yang telah dibajetkan tadi, golongan ini juga perlu diberi fokus.

Seterusnya, adalah untuk memantapkan apa juga yang dirancang tadi akhirnya dia kena sampai ke bawah, ini sangat penting dan sampai ke bawah itu dalam sebolehnya dalam masa cepat, dalam masa yang segera untuk memastikan bahawa segala perancangan itu dapat dinikmati, kesejahteraan itu dapat dinikmati segera. Apa yang saya maksudkan adalah 'delivery system' itu perlu cekap. Lagi sekali, teras yang ketiga adalah IT, digital supaya semua data tadi dapat diselaraskan lagi sekali! YB. Sungai Limau sebut dalam Dun dia, dalam sidang yang lalu di Dun dia, penerima-penerima bantuan tadi ada data oleh pihak Pejabat Daerah, PKOB untuk memastikan bahawa mereka yang terlibat ini semuanya dapat disalur.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, masa sebenar telah tamat tapi yang saya janji tadi 5 minit, saya bagi 5 minit lagi!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih. Lepas ini boleh pi Langkawi! Delivery System ini penjelasan saya kira penambahbaikan daripada sistem dan juga termasuk yang bekerja di bawah adalah JPKK. Merbau Pulas saya kira JPKK ini memang berada pada tahap dia tapi saya rasa boleh lagi diberi penambahbaikan dan saya nampak dalam konteks Dun saya, dari segi knowledge itu dia ada tapi dari segi sikap. Ini sekali saya bawa dengan isu Dun saya. Saya ada sekitar 10 buah rumah yang dilanda ribut di sekitar bulan puasa yang lalu sampai hari ini rumah tu macam tu lagi! saya dah melawat, saya dah pergi, penyelaras pun dah melawat dah pergi, jadi kita pun bagilah apa yang mampu selebihnya kita mesti ada followup daripada JPKK dan juga Penyelaras dan juga Penghulu Pejabat Daerah untuk memastikan bahawa rumah-rumah ini setelah ribut tadi, mampu dibaiki untuk diduduki! Tapi sampai hari ini, tidak disempurnakan.

Jadi, maksud saya penyelarasan tadi bukan sahaja dari segi sistem tapi juga dari segi yang melaksanakan di bawah sana, pastikan bahawa selepas ini mungkin akan ada kursus-kursus untuk mereka bagi memastikan bahawa bantuan segera, jadi sebahagian daripada 50 ribu yang telah diperuntukan tadi sedikit sebanyak mampu untuk memastikan bahawa kes-kes sebegini dapat ditangani tapi kalau sikapnya saya tunjuk contoh lain ada rumah-rumah lain yang apabila Penghulu proaktif dan juga JPKK proaktif dapat dibuat. Jadi, maknanya penyelarasan itu perlu juga kepada sikap begitu juga apabila kerajaan negeri. Kampung ada dua, satu di Permatang ibus, satu lagi di Kg. Buluh 5. Ada data-data dia di pejabat daerah saya rasa! Apa yang hasrat kerajaan negeri menaikkan khairat kematian itu sangat baik, RM500 tapi lagi sekali kita nak supaya cepat dapat! Dari segi bajet itu dengan jumlah kematian itu dia tak telly dah. Kalau nak ikut jumlah yang sebenar yang perangkaan mati, jauh lebih tinggi sepatutnya perangkaan itu. Jadi, maknanya di situ mungkin pihak kerajaan negeri telah menganggarkan yang pohon itu sebahagiannya. Jadi, kita tak mau macam itu, kita mau mereka yang meninggal tadi, yang sepatutnya dapat tadi, dapat! Jangan kita gunakan kelemahan sistem ini tadi, ohh kita kata yang pohon tadi depa tak tau, separuhnya, kita tak mau macam tu.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Pengkalan Kundor, rasanya pelaksanaan kita lani pun yang mana untuk khairat kematian pun bukan untuk permohonan maknanya kalau kita tau JPKK kita maklum ada saja kematian, proses itu kita akan berikan dan hantar bantuan dan kalau kita tak sempat, mereka boleh untuk hadir ke pejabat ataupun JPKK akan mohon. Itu yang diamalkan sekarang!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Okey kalau itu bentuknya saya rasa peruntukan itu tak cukuplah supaya pastikan semua yang perlu tadi dapat dibantu. 2,3 minit yang terakhir ini saya nak sebut bajet kitalah, sikit saja saya nak sebut yang lain-lain tu kawan-kawan dah sebut dah! Defisit 12% itu pada saya banyaklah gap-gap, gap pendapatan kita dengan yang kita nak belanja itu terlalu tinggi. Saya rasa pendapat saya, saya bukan pandai tapi saya rasa bajet yang baik ini mungkin Kubang Rotan lebih pandai lah! Gap dia tidak terlalu jauh, tujuan defisit ini pada sayalah adalah untuk memberi motivasi kepada kita untuk memastikan bahawa pendapatan itu akhirnya pada akhir tahun dapat 'match' dengan jumlah perbelanjaan kita. Pada pandangan sayalah tujuan defisit itu sebab bukan kita nak buat loan, macam kerajaan pusat memang defisitnya banyak dan apabila tidak cukup dia telah bajetkan benda itu maka dia buat pinjaman.

Jadi, saya kira di situ 12% itu terlalu tinggi pada saya, hampir RM100 juta kut yang lain-lain saya nak sebut tapi mungkin masa tak ada! Pelancongan saya nak sebut, sukan saya nak sebut tetapi saya ucap terima kasih. Saya menghormati masa, YB. Dato' Speaker dah bagi masa lebih dah kepada saya dan apa yang saya sebut terkasar bahasa semua, minta maaf. Sekian YB. Dato' Speaker, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam! Terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Tinggal lagi satu yang terakhir iaitu YB. Kuala Nerang. YB. Kuala Nerang sekarang 4.05 minit kena habiskan masa 4.30 petang. Extra 5 minit juga tu, sat lagi kata di sini tak bagi, di sana bagi. Kita bagi dua-dua! Silakan YB. Kuala Nerang.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillahi Rabb'il A'lamin Wassalatu Wassalamu A'la Asrofil Am'biya Iwal Mursalin Sayidina' Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in. Robbisrohli' Sodri Wayasirli Amri Wahlul Uqdatan Min Lisani Yafqahu Qauli. Amma' Baq.

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Barisan Exco, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan seterusnya para pemerhati yang dihormati sekalian.

Saya di tugaskan dan diberi kepercayaan untuk berbahas sebagai pembahas terakhir mewakili rakan-rakan backventures penyokong kerajaan jadi kalau ada mungkin sebahagian yang saya ulang itu sebenarnya sebagai rumusan ataupun penegasan kesimpulan kepada apa yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan sebelum ini.

YB. Dato' Speaker, Alhamdulillah setinggi-tinggi syukur kepada Allah swt. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri menteri besar di atas pembentangan bajet bertemakan Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua yang bakal memacu ekonomi Negeri Kedah dan semua pihak pakat-pakat meghasa Insya-Allah. Alhamdulillah, negeri kita telah beralih ke Fasa 4, Pelan Pemulihan Negara, PPN. Tahniah dan terima kasih kepada YAB. Dato' Seri Menteri Besar, Ketua-Ketua Jabatan, Frontliners dan seluruh rakyat yang bekerja keras berganding bahu sehingga kita mampu beralih daripada pandemik kepada endemik. Saya juga mengucapkan takziah kepada sebahagian kalangan rakan-rakan kita yang kehilangan anggota keluarga akibat covid.

Di peringkat awal, bukan sahaja pemimpin-pemimpin negeri yang risau, bimbang dan bersedih, Ketua-Ketua Jabatan turut risau dan bimbang malah seluruh rakyat merasa tertekan apabila negeri kita Kedah antara yang paling kemudian beralih fasa 1, 2 dan 3 dan Alhamdulillah kini fasa 4. Marilah kita sama-sama berusaha dengan mematuhi SOP dan kita berdoa mudah-mudahan covid ini berlalu pergi. Alhamdulillah terima kasih yang tidak terucap kepada kerajaan negeri yang dipimpin oleh YAB. Dato' Seri Hj. Sanusi Md Nor yang begitu prihatin menyalurkan peruntukan dan menggunakan peruntukan luar jangka. Peruntukan yang berjumlah agak besar iaitu RM32 juta bagi membantu rakyat yang terkesan akibat covid. Walaupun dalam sesi yang lepas YB. Jitra sebut peruntukan yang kecil tetapi kelmarin alhamdulillah Alor Mengkudu bersetuju bahawa peruntukan ini agak besar.

Terima kasih kepada Ketua Pembangkang. Apa pun, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tahniah diucapkan kepada rakan-rakan pembangkang yang semakin lunak dan saya percaya Insya-Allah akan turut menyokong bajet pada tahun 2022 nanti.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, pelbagai pakej bantuan rangsangan ekonomi telah disalurkan dan disampaikan kepada seluruh rakyat sepanjang tempoh covid ini. 100,000 bakul makanan telah diedarkan tanpa memilih samada ia warna biru, hijau, kuning dan seumpamanya. RM750 ribu untuk lampin dan susu, RM1.2 juta untuk 3,600 buah khemah dan meja kepada peniaga-peniaga kecil. RM2.85 juta pinjaman mudah mikro kredit kepada 640 usahawan bukan setakat RM1 juta tapi RM2.85 juta. Kemudian, lagi kemudahan membantu rakyat Zon Bebas Niaga yang sampai hari ini dinikmati oleh para peniaga sebab itu kita tengok sepanjang jalan terutamanya saya duk lalu kut jalan langgar ramai peniaga-

peniaga kecil sepanjang jalan. Walaupun mungkin mereka terpaksa diberhentikan kerja oleh pihak tertentu samada kilang disebabkan oleh pandemik covid tetapi ada rezeki lain yang Allah berikan kepada mereka dan kita tidak pernah dengar lagi satu kes yang rakyat kedah mati kelaparan, kebuluran kerana diberhentikan kerja dan seumpamanya.

Jadi, Sidang Dewan Negeri yang dihormati sekalian, kalau pun ada tindakan-tindakan kerajaan yang mungkin memberikan dan menjejaskan sedikit pendapatan kerajaan negeri akibat mematuhi perintah Allah swt. Seperti yang disebut dan dibahaskan oleh perwakilan tadi, banyak pembahas-pembahas tentang tidak diperbaharui lesen judi, menghadkan arak yang dikatakan oleh sebahagian rakan-rakan kita akan mengurangkan pendapatan, menghilangkan sumber pendapatan pekerjaan sebaliknya percayalah kita orang Islam mencari redha Allah swt. dan kita meyakini bahawa sumber rezeki yang lain, Allah akan berikan dan Allah akan gantikn dengan keberkatan tindakan yang dibuat.

Saya juga mengambil kesempatan turut sama menghargai mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah yang turut memainkan peranan dan menyumbangkan wang yang tidak kecil RM50 juta disalurkan bagi membantu mereka yang terkesan akibat covid berupa bekalan makanan, peralatan perubatan, wang tunai, elaun sukarelawan dan peranti pembelajaran. Tahniah dan terima kasih kepada Dato' CEO Zakat Kedah dan untuk Zakat Kedah ini juga saya mengharapkan mudah-mudahan isu rakyat yang tidak mempunyai tapak untuk buat rumah, dia asnaf yang layak mungkin masuk dalam kalangan fuqara' orang yang sangat miskin, miskin tegar nak buat rumah tak dak tapak rumah, kita harap supaya zakat dapat memainkan peranan yang aktif menggunakan tanah-tanah kerajaan di Padang Terap sudah ada tersedia paling tidak 5 relung. Kita mengalu-alukan Lembaga Zakat Negeri Kedah membina rumah bagi diberikan kepada golongan fuqara' ini.

YB. Dato' Speaker, perkara kedua walaupun dalam situasi pandemik ekonomi merudum, pejabat-pejabat kerajaan tak operasi sepenuh namun Alhamdulillah prestasi terimaan hasil 2021 lebih baik daripada prestasi 2020. Sehingga 11.11.2021 kutipan hasil lebih kurang RM632 juta tahun 2021, tahun 2020 RM561 juta. Jadi, tahniah kepada kerajaan negeri yang berjaya menambahkan hasil kutipan sebanyak RM71 juta. Ini adalah salah satu daripada bukti hasil kecekapan tadbir urus kerajaan yang berintegriti serta kesungguhan iltizam yang tinggi di kalangan pemimpin dan pentadbir bermula dari YAB. Menteri Besar, YB. Exco, YB. Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato' Pegawai Kewangan dan ramai lagi ketua-ketua jabatan yang berganding bahu untuk memastikan Kedah dapat mengumpulkan hasil yang banyak yang manfaatnya kembali kepada rakyat.

Kemudian, kakitangan kerajaan juga memainkan peranan yang penting sebab itu amat wajar dan kita menyokong dan berterima kasih kepada kerajaan negeri yang memberikan imbuhan, bonus, saguhati sebanyak RM1,000 lebih RM300 daripada kerajaan pusat. Ini manfaat yang diperolehi hasil daripada simpanan lebihan yang lebih dalam bentuk kutipan hasil dan juga rizab simpanan yang akan saya sebut nanti. Jadi, kita berharap ini memberikan motivasi kepada mereka untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik yang cemerlang kepada negeri ini. YB. Dato' Speaker, Alhamdulillah bajet yang disebut oleh beberapa rakan-rakan kita deifisit RM90 juta lebih kurang, 12% lebih kurang. Namun demikian, dalam masa 17 bulan kerajaan pada hari ini berjaya mengumpul simpanan tetap sehingga 2.11.2021, RM660 juta pencapaian yang terbaik dalam sejarah Negeri Kedah. Alhamdulillah. Saya ingin kongsikan mohon izin YB. Dato' Speaker, perangkaan dari 2017 hingga 2021, yang sebelum itu kalau baca sampai maghrib pa! Tahun 2017, rizab simpanan tetap Negeri Kedah – RM89 juta. Tahun 2018 – RM43.305 juta. Tahun 2019 – RM295.305 juta. Tahun 2020, naik sikit RM324.305 juta dan terkini sehingga hari ini tahun 2021 RM654.305 juta. Alhamdulillah. Ia merupakan hasil kerja keras pemimpin-pemimpin negeri, ketua-ketua jabatan dan kakitangan kerajaan yang bertunjangkan kepada sifat amanah dan takwa pada diri masing-masing.

Seiring dengan itu, satu lagi nikmat kurniaan tuhan, Rabbul A'lamin yang menjadi kebanggaan, kesyukuran kita rakyat Kedah ialah seperti yang kita selalu disebut pelaburan bernilai RM44 billion pada suku pertama 2021 yang bakal membawa peluang pekerjaan kepada 4,400 orang lebih rakyat Kedah. Semua ini antara lain adalah hasil daripada tidak ada ketirisan dalam urus tadbir kewangan yang sebenarnya menjadi salah satu faktor yang menyebabkan pelabur meletakkan keyakinan melabur di Negeri Kedah pada ketika negeri-negeri lain sedang menerima pelaburan dalam jumlah yang kecil.
Kita berharap dan kita berdoa mudah-mudahan sifat-sifat yang sangat baik ini selari dengan yang digariskan oleh Islam terus kekal ada istiqamah dalam jiwa dalam diri pemimpin-pemimpin kita, pemimpin-pemimpin negeri kita.

YB. Dato' Speaker, yang keempat 1,598 projek dibuat secara undian bernilai RM145 juta telah berjaya meningkatkan ketelusan dan keadilan kepada kontraktor G1 dan G2. Mereka menyambut baik dan amat teruja apabila YAB. Menteri Besar menyebut dalam ucapan bajet bahawa prestasi baucer jabatan telah mencapai 93.27% dalam tempoh 7 hari. 6.55% bayaran dalam tempoh 14 hari dan 0.18% dalam tempoh lebih 14 hari. Lebih membanggakan kita ialah komitmen kerajaan negeri untuk mencapai sifar bayaran melebihi 14 hari maknanya proses baucer bayar tak lebih daripada 14 hari cuma YB. Dato' Speaker, kita harap duit khairat kematian yang ada

kita hantar 20.9.2021 sampai ke hari ini tak dapat lagi. Ada yang hantar pada 17.10.2021 sampai ke hari ini tak dapat lagi. Betul kita kata betul! Mungkin baucer terselit dibawah, wallahualam masalah teknikal. Apa pun kita harap barangkali dibuat secara pendigitilan zaman IT sekarang ini ataupun mungkin ada satu mekanisma yang lebih baik untuk mempermudahkan dan mempercepatkan bayaran. Lepas ini bayaran naik RM500, YB-YB ini kena advanced dulu RM500 kan! Dan kita bersyukur Alhamdulillah dan terima kasih kepada YAB. Dato' Seri Menteri Besar kerana penaik dari RM300 kepada RM500. Jadi, kalau lambat dapat yang kita claim itu, berat juga nah YB. Kuala Ketil!

Yang kelima YB. Dato' Speaker, Alhamdulillah dan terima kasih tak terhingga kepada kerajaan negeri di atas keprihatinan yang memperuntukan sebanyak pertama RM446 juta, 33% untuk bajet 2022. Untuk memulihkan ekonomi melalui projek infrastruktur dan utility dan ini merupakan jumlah yang sangat besar menunjukkan komitmen kerajaan untuk memacu ekonomi pasca pandemik.

Kemudian, tadi muka surat 14 kalau rujuk dalam teks ucapan bajet YAB. Dato' Seri Menteri Besar. Pada muka surat 21, RM39.8 juta ini juga jumlah yang besar, kalau tadi RM32 juta pun kita kata agak besar, yang ini RM39.8 juta disediakan oleh kerajaan dalam Bajet 2022 bagi meneruskan bantuan projek kepada rakyat yang terkesan akibat sebahagian besarnya adalah covid.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keenam Alhamdulillah dan terima kasih sekali lagi kepada YAB. Dato' Seri Menteri Besar di atas pelancaran Pelan Pembangunan Kedah 2035, kita amat menyokong penuh bukan sahaja 'backventures' tetapi YB. Gurun pun sokong. Saya yakin kita semua pun menyokong, kita semua berpadu tenaga, yang menjadikan Pelan Pembangunan Kedah 2035 ini sebagai panduan kita untuk masa depan.

Cuma sayang sikit pada muka surat 11 tercatat salah satu potensi pembangunan Negeri Kedah ini ialah kerana kita bersempadan dengan durian burung. Maaf kita sempadan dengan Thailand, Pekan Durian Burung atau Kota Putra mungkin tercicir atau tersilap. Sebelum ini difahamkan bahawa Syarikat KP Border City Sdn. Bhd. akan membangunkan kawasan ini dan kawasan yang seluas 2,500 ekar lebih kurang yang akan membuka peluang kepada lebih kurang 50,000 peluang pekerjaan pada tahun 2035 tapi dalam buku ini tidak tercatat dan kita mohon penjelasan dan kita harap dibuat sesuatu untuk membangunkan Pekan Durian Burung atau Kota Putra ini yang sangat hampir dengan KRC. KRC saya mengucapkan tahniah syukur kepada Allah atas kejayaan-kejayaan yang telah dicapai menampakkan sinar yang semakin hampir untuk dia beroperasi**.**

YB. Dato' Speaker, yang ketujuh. Alhamdulillah dan terima kasih sekali lagi di atas keprihatinan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah banjir yang setiap kali saya sebut dalam Dewan ini dan kali ini kerajaan memperuntukan sebanyak RM4.5 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir termasuk salah satunya ialah di Sungai Perit. Terima kasih kepada kerajaan negeri dan saya juga memohon supaya pihak kerajaan negeri dapat memanjangkan permohonan kepada kerajaan pusat agar dapat ditambahkan peruntukan bagi melaksanakan rancangan-rancangan tebatan banjir bagi kawasan Kg. Sena, Pokok Macang dan seumpamanya yang sedang dihadapi oleh mereka mutakhir ini lebih-lebih lagi bila mana hujan lebat dan banjir.

YB. Dato' Speaker, yang kelapan. Saya juga mohon supaya isu permohonan hak milik dan permohonan tanah antara pengusaha tanah orang kampung dan juga Syarikat Tradewinds yang belum selesai walaupun telah memakan masa puluhan tahun dan walaupun kertas laporan telah pun mengangkat nama-nama 275 orang pengusaha ini tetapi setakat ini tidak dapat dipanjangkan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kerana belum menerima serahan yang sempurna daripada tuan tanah PKNK dalam bentuk borang, 12 A dan 12 B. Jadi, saya harap perkara ini dapat diambil tindakan yang segera untuk diberikan hak kepada mereka yang berhak. Demikian juga, tanah Felcra Belimbing juga sekian lama dari tahun 1974 sampai hari ini tak boleh geran lagi. Tinggal sikit lagi kita harap dapat disegerakan mohon Felcra bertindak segera untuk menyediakan dan melengkapkan dokumen bagi membolehkan pengeluaran hak milik oleh Pejabat Tanah.

YB. Dato' Speaker, yang kesembilan saya mohon penjelasan setelah bulan Oktober 2021 berlalu pergi, perumahan rakyat di Kuala Nerang dan Perumahan KEDA di Kubang Kenying, yang dijanjikan, yang dicadangkan dan yang akan dijadualkan akan diisi pada bulan Oktober baru-baru ini masih tidak boleh diisi.

Jadi, saya masih tertanya-tanya dan mohon penjelasan apakah masalah sebenar yang berlaku dan apakah usaha kerajaan untuk tidak menangguhkannya lagi. Kesian kepada rakyat yang sedang menunggu dan rumah yang ada itu pun makin hari makin uzur dan akan rosak.

YB. Dato' Speaker, yang kesepuluh dan yang terakhir. Saya bagi pihak seluruh rakyat Dun Kuala Nerang, menyokong penuh tindakan berani dan tegas YAB. Dato' Seri Menteri Besar untuk tidak mengeluarkan lesen premis judi dan menghadkan pengeluaran arak mulai 1 Januari 2022. Saya penuh yakin bahawa ia dibuat dengan penuh kesedaran bahawa menjadi kewajipan bagi pemerintah yang diberikan kuasa kepadanya untuk melaksanakan perintah Allah swt. Al'amru'bil Ma'aruf Walnahyu' Wanil'mungkar. Tindakan ini juga merupakan satu usaha besar dalam

menyelesaikan kemelut, menyelesaikan masalah penyakit-penyakit sosial yang berpunca daripada judi dan arak dan juga pelbagai lagi masalah lain yang berkaitan. Sesungguhnya, judi ia membawa kerosakan yang besar kepada masyarakat bukan sahaja memudaratkan kepada pemainnya tetapi juga kepada keluarga masyarakat dan negara seluruhnya. Kalau ada manfaat yang kecil hakikatnya mudaratnya adalah jauh lebih besar dan menolak mudarat-mudarat itu adalah lebih-lebih perlu kita utamakan.

YB. Dato' Speaker, yang bertambah kaya, yang bertambah senang bukan pemain tetapi ialah tauke-taukenya. Yang menjadi rosak, yang menjadi masalah ialah kepada pemain-pemainnya, keluarga mereka dan barangkali orang lain juga tentunya. Isu yang timbul berkaitan dengan judi yang saya bangkitkan pada sidang dewan yang lepas dan saya berterima kasih atas tindakan tegas dan berani cumanya yang menjdi kebimbangan kita sekarang ini ialah judi online. Judi online ini merupakan satu masalah besar yang berlaku hari ini bukan sahaja dikota tetapi di merata kampong lani. Kita bersembang bincang dengan Pihak Berkuasa Polis. Mereka menyebut mengalami sedikit kesukaran kerana benda ini dia buat dalam telefon saja dan ianya tiada satu premis yang tetap. Apa pun saya berharap, saya berdoa mudah-mudahan ada jalan keluar, mudah-mudahan kerajaan dan pihak berkuasa mencari satu jalan yang berkesan untuk sama-sama kita berganding bahu bagaimana untuk menangani masalah judi online ini.

Akhirnya, saya menasihatkan mengingatkan diri saya dan kita semua terutamanya pihak kerajaan negeri tetap teguh dengan keputusan ini dan tidak sama sekali akan menarik keputusan yang telah dibuat. *Walau' Anna Ahlal-Qurā Āmanụ Wattaqau Lafataḥnā 'Alaihim Barakātim Minas-Samā`I Wal-Arḍ'.*

Yakinlah sekiranya kita bertakwa kepada Allah swt. Allah akan membuka memberikan pintu rezeki yang amat luas kepada kita dan keberkatan inilah, nilai keberkatan, pertolongan bantuan Allah ini lah yang menjadi keistimewaan yang ada dalam agama islam yang memberikan rahmat sebab kita meyakini bahawa kita bukanlah hanya bertugas, bukan hanya hidup di dunia dan aka nada lagi satu lagi kehidupan yang kekal abadi selepas ini di akhirat sana.

Jadi, kita berharap Kota Darulaman dan rakan-rakan yang lain yang kurang bersetuju dengan tindakan kerajaan negeri ini dapat memahami keadaan ini dan inilah antara lain, antara sebab kita mahu dan kita nak kepada kuasa dan bagi melaksanakan kuasa untuk mendaulatkan syariat Allah swt. Semoga Allah merahmati dan mengurniakan rezeki yang melimpah ruah kepada Negeri Kedah yang bertuah kerana pemimpin-pemimpinnya yang bertakwa dan istiqamah. "Siiru Ala Barakatillah" Saya menyokong Bajet 2022.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Nerang. Maka selesailah perbahasan bajet, setiap Ahli-Ahli Dewan dah dapat meluahkan pandangan-pandangan masing-masing. Jadi, esok kita akan masuk ke sesi penggulungan. Setiap Exco diberi 20 minit dan tambah 5 minit. Jadi, jangan duk tambah lagi dah. Kalau kita patuh semua, esok kita akan tamat penggulungan. Kalau kita tak patuh dia lari. Dengan ini Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan pada jam 9.00 pagi esok!

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang]

[Sidang Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]

YB. DATO' SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi. Dewan disambung semula.

I. BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Bacaan Doa!

YB. DATO' SPEAKER

Untuk makluman Dewan, saya mendapat permohonan daripada YB. Belantek untuk tidak hadir pada hari ini kerana beliau mempunyai satu urusan yang amat penting. Yang lainnya kecuali Kulim, saya nampak kerusi kosong tetapi mereka tidak memaklumkan apa-apa kepada saya. Jadi, sepatutnya sebagai menghormati Dewan, mereka hendaklah menyatakan secara bertulis ataupun sekurang-kurangnya whatsApps lah kepada Speaker untuk tidak hadir. Ini sebagai menghormati Dewan, bukan menghormati Speaker.

Urusan seterusnya!

II. SESI PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi pertanyaan – pertanyaan mulut!

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 14. Soalan ini dari YB. Jitra, patut dijawab oleh YAB. Jeneri. Oleh kerana kedua-dua tidak hadir, kita pindah ke soalan nombor 15. Siapa? Oh! YB. Belantek.

Oleh kerana YB. Belantek pun tak hadir, pindah nombor 16.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. YB. Dato' Speaker, pohon jawapan soalan nombor 16.

16. YB. DR. SALMEE BINTI SAID
[ADUN KOTA SIPUTEH]

Pohon dinyatakan:-

a) Status pembinaan asrama Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

b) Bilangan pelajar UniSHAMS setakat ini mengikut kursus yang ditawarkan.

c) Berapakah sumbangan Lembaga Zakat Negeri Kedah kepada UniSHAMS?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang dirahmati Allah sekalian. Soalan mengenai status pembinaan asrama Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS). Bagi pihak kerajaan, telah pun mengambil serius mengenai keperluan pembinaan asrama di dalam kampus UniSHAMS. Kerajaan berhasrat untuk menjalankan pembinaan secara Build Operate Transfer (BOT) melalui Private Fund Initiative (PFI) yang boleh menempatkan 2000 orang pelajar. Pada masa ini, perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan telah dijalankan dan sedang dalam proses untuk melantik perunding dan pemaju dalam masa terdekat, InsyaAllah.

Bagi keperluan semasa yang ada sekarang ini, UniSHAMS mempunyai asrama yang boleh menempatkan 800 orang pelajar di dalam kampus dan dalam perancangan untuk menyewa kemudahan di Kuarters Institusi Pendidikan SMK Batu Pekaka, Kuala Ketil yang disediakan oleh pihak swasta dengan penempatan 640 orang yang dijangka siap baik pulih pada Jun 2022. Namun demikian, rundingan akan diteruskan sekiranya harga berpatutan ataupun bersesuaian maka kita akan buat perjanjian dengan pihak yang berkenaan dan UniSHAMS baru memulakan perbincangan mewujudkan Taman Siswa di taman perumahan berhampiran yang boleh menempatkan kira-kira 600 - 800 orang pelajar.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia bahawa saya telah merancang untuk menggunakan kemudahan pondok-pondok yang berada di persekitaran dengan UniSHAMS di mana para pelajar boleh berada di pondok-pondok itu dan pada waktu malam mereka boleh mengikuti pengajian yang dilaksanakan oleh pondok-pondok itu dan waktu siang mereka akan belajar di UniSHAMS. Saya sedang berbincang dengan pemilik-pemilik pondok yang berkenaan. Kalau sekiranya perkara ini boleh dipersetujui oleh pihak pengurusan UniSHAMS maka kita akan teruskan, InsyaAllah.

Mengenai dengan soalan (b) Bilangan pelajar UniSHAMS setakat ini mengikut kursus yang ditawarkan. Setakat Oktober 2021, UniSHAMS mempunyai seramai 4,399 orang pelajar yang mengikuti pengajian di UniSHAMS. Secara terperincinya mengenai dengan kursus-kursus yang ditawarkan saya rasa panjang untuk dibentangkan di sini, jadi saya akan beri jawapan secara bertulis, InsyaAllah.

Bagi soalan seterusnya, berapakah sumbangan Lembaga Zakat Negeri Kedah kepada UniSHAMS? Bagi tahun 2021, Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menyumbang dari segi penajaan pendidikan kepada UniSHAMS sebanyak RM2,486,070.00. Manakala bagi dana agihan Wakalah Zakat Pendapatan kakitangan UniSHAMS adalah sebanyak RM84,868.59. Bagi dana agihan Wakalah Zakat dari agensi luar berjumlah RM814,642.00 menjadikan jumlah keseluruhan RM3,385,580.59. Sekian.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Soalan tambahan. Apakah pelan tindakan yang telah diambil berkaitan dengan "Cordoba of Kedah" yang dibincangkan baru-baru ini dan apa peranan UniSHAMS?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Mengenai dengan "Cordoba of Kedah", satu gagasan baru yang telah pun kita rancangkan di mana ekoran daripada ucapan YAAB. Dato' Seri Menteri Besar dalam Pembentangan Bajet 2021. Jadi, gagasan ini telah pun bermula di mana setakat ini ada 5 langkah-langkah telah kita ambil daripada kita buat perbincangan dan juga akhirnya kita telah adakan satu bengkel pada awal bulan ini (bulan November) di Raýa Hotel dan rumusannya akan terus dibincangkan dan saya bercadang supaya pelancaran kepada "Cordoba of Kedah" ini akan dilancarkan pada 2022. Di mana di sini kita telah meletakkan UniSHAMS sebagai pengkalan kepada "Cordoba of Kedah" dengan rangkaian pusat-pusat pengajian yang ada termasuklah UUM dan juga dengan pusat-pusat pengajian yang ada dalam Negeri Kedah.

Dan kita melihat bahawa kewujudan dan juga kekuatan yang ada di Negeri Kedah iaitu pusat-pusat pengajian, pondok-pondok, sekolah-sekolah agama rakyat perlu digabungkan supaya pengurusan dan juga pengajian dijadikan sebagai satu aliran dan di sana akan kita wujudkan rangkaian-rangkaian ini sehingga ke peringkat Tenggara Asia, InsyaAllah dan kita akan gabungkan dengan jalinan Brunei Darussalam di Indonesia dan juga di Selatan Thailand, InsyaAllah. Ini antara perkara-perkara yang telah kita rangkakan. Dalam bengkel yang lepas, kita telah meletakkan satu garis panduan bahawa gagasan "Cordoba of Kedah" ini kita teraskan kepada menjadikan Kedah sebagai satu daripada pusat kecemerlangan pendidikan khususnya pendidikan Islam dan kita akan mencadangkan supaya "Cordoba of Kedah" ini dimasukkan salah satu daripada komponen Pembangunan Kedah 2035. Jadi, setakat ini langkah-langkah seterusnya akan diambil dan diperkemaskan dari semasa ke semasa. InsyaAllah.

YB. DATO' SPEAKER

Kita bagi YB. Kuala Ketil dulu.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker dan YB. Kupang. Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang perancangan untuk menempatkan pelajar-pelajar menggunakan konsep "Taman Siswa". UniSHAMS ni adalah satu mercu tanda untuk Kedah dan juga satu mercu tanda dalam DUN Kuala Ketil. Saya amat maklum kalau wujudkan Taman Siswa di luar tu agak nampak sedikit kepayahan dan kesulitan kepada pelajar-pelajar kerana sebelum ini pun kes-kes yang berkaitan dengan masalah keselamatan pelajar. Jadi, saya berpendapat dalam kawasan UniSHAMS itu sendiri pun luas yang ditumbuhi dengan pokok kelapa sawit, itu pun masih bersesuaian kalau kita bangunkan Taman Siswa dalam tu sebab ia lebih selamat untuk pelajar dan memudahkan pergerakan pelajar daripada dalam ke kampus. Apa pandangan YB. Kupang?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Terima kasih YB. Speaker dan YB. Kuala Ketil. Perancangan jangka panjang untuk mengemaskinikan pembangunan di UniSHAMS memang dalam perancangan. Cuma, apa yang disebutkan sebagai Taman Siswa dalam kaitan kegunaan pondok-pondok di persekitaran ini, ini adalah suatu perancangan yang bukan daripada pengurusan UniSHAMS sendiri tapi ini adalah daripada NGO yang cuba membantu di mana ada di antara NGO yang telah pun bersetuju untuk mewakafkan bangunan pondok-pondok untuk didirikan dekat dengan Pondok Kejai, dekat dengan UniSHAMS juga.

Jadi, ini saya rasakan bahawa satu konsep yang baik di mana ia boleh jadi sebagai 'two in one', 2 pengajian boleh dijalankan dalam satu masa iaitu pengajian sebelah malam yang disediakan oleh pondok-pondok ini dan yang keduanya pengajian sebelah siang secara formalnya di universiti. Jadi, ini adalah memberi sokongan kepada pengurusan UniSHAMS itu sendiri. Walau bagaimanapun, ini adalah peringkat perancangan sekiranya cadangan ini dipersetujui oleh pihak pengurusan UniSHAMS barulah kita laksanakan, sekarang ini hanya ada perbincangan awal sahaja di antara NGO dan juga dengan pihak saya. Sekian.

YB. DATO' SPEAKER

Ringkas!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

UniSHAMS masih lagi bergantung kepada suntikan kerajaan dengan pelajar 4,369, sekitar RM9, RM10 juta setahun. Unjuran bilakah UniSHAMS mampu untuk berdiri sendiri dan unjuran berapakah pelajar yang sampai kepada 'break even' itu dan mengapa ini terjadi? Padahal UniSHAMS telah sampai ke peringkat dulu sebelum nama UniSHAMS lagi sekitar 10,000 pelajar saya kira, tapi sekarang dia tak naik. Apakah faktor yang menjadikan perkara itu dan apakah unjuran ke depan daripada segi pelajar, berapa pelajar untuk memastikan bahawa akhirnya UniSHAMS mampu berdiri dengan sendiri, tidak perlu kepada suntikan daripada kerajaan negeri? Terima kasih.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Terima kasih kepda YB. Pengkalan Kundor. Unjuran yang boleh meletakkan UniSHAMS berdiri dengna sendiri ialah pada 2025, InsyaAllah di mana unjuran kita akan meningkatkan pencapaian 6,000 pelajar. Jadi, kalau dalam lingkungan 6,000 pelajar bererti UniSHAMS boleh berdikari dan waktu itu barangkali bantuan geran tahunan kepada UniSHAMS boleh dikurangkan lagi dan sekarang ini pun langkah-langkah telah diambil. Sebelum ini UniSHAMS menerima daripada kerajaan negeri sebanyak RM10 juta setahun dan mulai pada tahun lepas, kita telah kurangkan RM500 ribu dan tahun ini ada juga pengurangan. Ini ialah untuk memberi suatu kemudahan ataupun suatu tanggapan kepada UniSHAMS supaya mereka bersedia untuk mencapai 6,000 pelajar dalam tempoh 2025 dan waktu itu mereka boleh berdiri dengan sendiri, InsyaAllah.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 17!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sidang Dewan jangan malas, pohon jawapan soalan 17.

17. YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD
[ADUN BUKIT LADA]

Pohon dinyatakan bagaimanakah Program Anakku Sejahtera boleh membantu menangani kemiskinan dalam kalangan rakyat Negeri Kedah?

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI GHAZALI

YB. Dato' Speaker, ini adalah jawapan untuk soalan nombor 17 iaitu pihak kerajaan negeri berhasrat untuk membasmi kemiskinan secara holistik dengan memastikan kemiskinan itu tidak diwarisi kepada anak-anak. Selain pelbagai bantuan sedia ada yang telah diberi kepada ketua keluarga, kerajaan berpandangan generasi anak-anak boleh mengubah nasib keluarga melalui pendidikan yang komprehensif. Bagi menjamin kelangsungan pendidikan generasi kedua, wujud keperluan untuk mendidik ketua keluarga mula menyimpan bagi tujuan simpanan pendidikan.

Adalah menjadi hasrat kerajaan negeri supaya generasi kedua iaitu anak-anak menerima jaminan kewangan supaya akses mereka kepada pendidikan terjamin. Justeru, dalam jangka masa panjang, generasi kedua dapat membawa keluarga mereka untuk bersama-sama keluar dari kepompong kemiskinan.

Akhir sekali, kerjasama kerajaan negeri bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk bantuan simpanan RM100 ini juga dapat memberikan manfaat tambahan kepada bakal penerima. Hal ini kerana, bakal penerima akan menerima semua manfaat dan kelebihan yang telah disediakan oleh PTPTN. Sekian, terima kasih.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Soalan tambahan saya ialah, apakah manfaat-manfaat lain yang akan diperolehi kepada program "Anakku Sejahtera" ini dengan kerjasama PTPTN?

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Untuk soalan tambahan ini, apabila kita menabung dengan PTPTN, kerajaan negeri bekerjasama dengan PTPTN kerana PTPTN memberi pelbagai manfaat tambahan berbanding dengan agensi simpanan yang lain. Pertama sekali produk SSPN Prime, ini adalah produk patuh syariah yang menggunakan konsep "Wakalah Bi al-Istismar" di mana pendeposit melantik PTPTN untuk mengurus deposit mereka bagi tujuan pelaburan. SSPN Prime ini adalah dia tidak perlu menyimpan setiap bulan, dia menyimpan ketika kita ada duit. Jadi, kalau ibu bapa yang bertanggungjawab untuk memastikan anak-anaknya dijamin ada simpanan, apabila anak-anak ini ada duit, duit raya contohnya, duit sumbangan-sumbangan orang maka boleh terus masukkan ke dalam simpanan SSPN Prime ini, tak perlu kepada SSPN yang disimpan setiap bulan.

Yang kedua, penyimpan juga bakal menerima manfaat pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih tahunan semasa sehingga RM8,000, kalau ada dilepaskan dengan cukai pendapatan.

Yang ketiga, perlindungan takaful percuma bagi simpanan RM1,000 dan ke atas. Cukup RM1,000 dia akan dapat pula perlindungan takaful kematian, jika berlaku kemalangan, apa semua lah.

Keempat, pemberian geran sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak. Selain itu, simpanan ini juga turut dilindungi oleh kerajaan dan juga kadar dividen yang kompotetif. Mulai 1 Januari 2021, para pelajar yang ingin memohon pinjaman pendidikan bagi membiayai pengajian mereka di politeknik, IPTA dan IPTS adalah diwajibkan mempunyai akaun SSPNI dengan simpanan minimum seperti ditetapkan oleh PTPTN. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Suka Menanti!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya mohon sedikit lagi penjelasan, dalam konsep menabung ni ia akan berjaya jika ada kerjasama tadi. Maknanya pihak kerajaan memulakan program "Anakku Sejahtera" kemudian ibu bapa 'top up' ke situ. Jadi, saya mohon penjelasan ataupun penerangan daripada pihak kerajaan. Dalam kes ini berapakah bilangan penerima program "Anakku Sejahtera" sepanjang 2021 ini yang

dilancarkan? Juga berapa bilangan ibu bapa yang sahut seruan tu supaya juga 'top up' ke dalam tabung anak dia supaya kita tahu dalam simpanan itu dan kalau boleh ada amountnya sekali lah.

Yang keduanya saya ingin tahu juga program "Anakku Sejahtera" ni dalam Buku Bajet 2022 ni di bahagian mana diletakkan bajet untuk peruntukan bagi "Anakku Sejahtera" ni sebab melihatkan kepada perbandingan kelahiran sekitar 33,000 setahun di Kedah. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Saya bagi juga YB. Pengkalan Kundor tanya sekali, dua-dua jawab nanti.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Dalam usaha untuk tangani kemiskinan, soalan dasar adalah tangani kemiskinan. Selain daripada tabungan, adakah ibu bapa bersetuju untuk adakan juga program-program yang berupa minda, berupa motivasi dan mengubah minda anak-anak tadi untuk memastikan selari, tabungan dan juga perubahan minda yang akhirnya ini yang mampu untuk mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan? Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Disebut oleh YB. Suka Menanti tadi iaitu kalau nak dapatkan jumlah kena minta notis lah, kita akan bagi notis lah jumlahnya. Untuk 'top up' awal daripada para waris ialah sebanyak RM20 satu waris. Kenapa kita meletakkan pembayaran deposit ini? Kerana kita nak bagi satu kesedaran kepada waris, kita nak 'top up' RM100, tapi kesedaran kepada waris sekurang-kurangnya RM20. Itu pun ada juga, ADUN-ADUN kalau sekiranya waris tidak mampu, ADUN-ADUN kita sudah mula membantu waris ini untuk cuba depositkan dengan RM20 itu. Jadi, inilah program yang kita rasa untuk jangka panjang lah.

Seterusnya oleh YB. Pengkalan Kundor. Memang kita sudah ada dalam Unit Pembangunan Insan dengan pelbagai modul untuk kita memberi kesedaran kepada masyarakat daripada umur bahawahan kepada umur atasan (dewasa) supaya mereka dapat dibimbing untuk memberi kesedaran supaya mereka dapat selari dengan apa tindakan kita supaya kemiskinan ini dikeluarkan daripada keluarga mereka dikeluarkan daripada kemiskinan ini. Kerajaan sentiasa melihat kemiskinan merupakan suatu keutamaan kita lah dalam Negeri Kedah ini dan Kedah juga masih lagi dikategorikan negeri yang miskin. Kita sedaya upaya nak mengeluarkan keluarga yang miskin dan negeri yang miskin ini. Wallahua'alam, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 18!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Dato' Speaker, saya mohon penjelasan bagi soalan nombor 18.

18. YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF
[ADUN SUKA MENANTI]

Status pinjaman dari *Federal* untuk 5 LRA.

Pohon dinyatakan:-

a) Berapakah jumlah yang diluluskan?

b) Berapakah jumlah yang telah diterima oleh negeri?

c) Berapakah jumlah yang telah dibayar kepada konsultan, surveyer dan kontraktor?

d) Berapakah jumlah yang dibenarkan untuk bayaran pengambilan tanah?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Dato' Speaker di atas peluang untuk menjawab soalan daripada YB. ADUN Suka Menanti. Jawapannya adalah untuk (a) Susulan daripada Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Kedah, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pembiayaan empat (4) projek menaik taraf loji rawatan air secara geran seperti berikut; Projek Menaik Taraf LRA Jenun Baru RM161,985,000.00, kedua Projek Menaik Taraf LRA Bukit Selambau RM147,785,000.00, ketiga Projek Menaik Taraf LRA Sungai Limau RM108,405,732.00 dan keempat Projek Menaik Taraf LRA Lubuk Buntar RM57,420,000.00 dan keseluruhannya adalah RM475,595,732.00.

Bagi Projek Menaik Taraf LRA Pelubang, pinjaman yang akan diluluskan adalah berdasarkan kos siling projek sebanyak RM455,985,000.00.

Untuk (b) & (c) Jumlah yang peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan jumlah tuntutan bagi pelaksanaan projek yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi tujuan pembayaran adalah seperti berikut; Bagi Projek Menaik Taraf LRA Pelubang RM10,740,639.32, untuk Projek Menaik Taraf LRA Jenun Baru RM4,567,215.39, ketiga Projek Menaik Taraf LRA Bukit Selambau RM3,919,649.75, keempat Projek Menaik Taraf LRA Sungai Limau RM3,497,960.00 dan kelima Projek Menaik Taraf LRA Lubuk Buntar RM1,971,191.39. Keseluruhannya adalah RM24,696,655.85.

Bagi (d) Jumlah peruntukan bagi tujuan pengambilan balik tanah adalah seperti berikut; Projek Menaik Taraf LRA Pelubang RM8,083,000.00, Projek Menaik Taraf LRA Jenun Baru RM15,711,000.00, Projek Menaik Taraf LRA Bukit Selambau RM20,610,000.00, Projek Menaik Taraf LRA Sungai Limau RM3,026,000.00, Projek Menaik Taraf LRA Lubuk Buntar RM1,394,000.00. Keseluruhannya adalah RM48,824,000.00.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan tadi. Saya mohon sedikit lagi penjelasan tentang peminaan ini sebab kita faham daripada segi pembinaan ini 5% daripada kos projek itu adalah 'preliminary'. Jadi, kita melihat kemajuan sebelum ini ialah seperti Pelubang tu telah mencapai 3.11%, Bukit Selambau 2.68%, Sungai Limau 3.03%, masih lagi di bawah daripada kos 'preliminary'. Jadi, yang ingin saya tahu YB. Dato' Speaker, nampaknya kos pengambilan tanah tadi sangat besar, disebut RM48 juta dan apakah kos ini telah pun mendapat pembiayaan, pinjaman ataupun geran, mungkin perlu penjelasan sebab saya juga tak nampak dalam Buku Bajet 2022 disediakan kos pengambilan untuk RM48 juta. Saya mohon penjelasan dari mana jumlah pembayaran bagi pengambilan balik tanah ini dan juga status prosesnya sampai borang yang mana dah sebab kontraktor perlukan tapak untuk memulakan pembinaan secara fizikal tadi. Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih di atas soalan tambahan. Kos pengambilan ada daripada kos projek dan status tanah ini saya tak berapa pasti, saya akan beritahu di luar Dewan lah sekejap lagi. Lain-lain kita agak lewat 'on prilimenary' disebabkan oleh arahan PKP dan pastinya saya rasa bermula bulan ini semuanya berjalan dengan lebih cepat dan lebih lancar lagi. Itu saja.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Tanjung Dawai!

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Soalan tambahan saya, projek-projek ini sepatutnya siap tahun depan tapi dibatalkan oleh kerajaan yang terdahulu. Soalan saya ialah, bagaimana nak pastikan projek yang telah pun dimulakan boleh siap sepertimana yang telah pun dirancang dan adakah kerja-kerja yang berkaitan seperti penukaran paip, adakah nak tunggu siap loji rawatan air dulu ataupun boleh dilaksanakan dalam tempoh itu? Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih kepada YB. ADUN Tanjung Dawai di atas soalan tambahan. Pertamanya, untuk memastikan projek ini dapat dijalankan dengan lebih lancar, satu 'team' projek khas telah dilantik oleh kerajaan negeri bersama dengan JKR untuk memantau dan memastikan semua 5 projek ini berjalan dengan baik.

Keduanya mengenai apakah langkah-langkah yang boleh dibuat supaya projek ini dapat dinikmati sedikit awal daripada masa yang diberikan, contohnya seperti Projek LRA Pelubang sebab ia boleh memberi nikmat seperti kawasan-kawasan Kuala Kedah dan juga Jerlun, kawasan Pida. Disebabkan itu, pemegang taruh yang paling penting SADA telah menulis kepada JKR memohon beberapa skop didahulukan untuk semua projek-projek ini dan pihak kontraktor perlu meneliti kembali untuk mendahulukan skop-skop seperti yang dipohon oleh pihak SADA.

Saya beranggapan inilah langkah paling proaktif yang dilakukan oleh kerajaan negeri bersama dengan 'team' pemegang taruh seperti SADA dan juga mereka yang melihat projek tersebut. Saya ucapkan terima kasih kepada YB. ADUN Tanjung Dawai kerana bertanya, kalau tidak projek ini telah dapat kita 'hand over' pun pada tahun ini. Disebabkan birokrasi yang dilakukan oleh kerajaan yang mengambil alih pada tahun 2018 menyebabkan kelewatan dan terpaksa ditanggung oleh rakyat pada hari ini. Ini perlu diberitahu, perlu diambil tahu juga oleh ADUN-ADUN. YB. ADUN Kota Seputih bercakap mengenai mengapa projek lambat! Mengapa projek lambat! Sedangkan masa tu dia kerajaan pun yang telah melewatkan projek, malah membatalkan pun projek. Kerajaan Negeri pada hari ini di bawah pimpinan YAB. Jeneri telah berusaha sebaik mungkin untuk memastikan, sanggup kata, "tak pa, pinjaman pun pinjaman lah, kita mula dulu!" Proses pinjaman itu bermula pada Jun 2021 ini baru ditukar

sebagai geran. Kita berani kerana kita nak buat untuk rakyat, jadi kita berharap semua Ahli-Ahli Yang Berhormat wakil rakyat, pemimpin di bawah sana faham bahawa kita ingin laksanakan dan memberikan benda yang terbaik untuk rakyat. Bukan nak susahkan dan bukan nak cari salah. Itu saja.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 19!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya pohon jawapan bagi soalan nombor 19. Terima kasih.

19. YB. ENCIK TEH SWEE LEONG
[ADUN KOTA DARUL AMAN]

Pohon dinyatakan:-

a) Berapakah jumlah pelajar yang menyertai program TVET di Negeri Kedah mengikut jurusan?

b) Apakah dasar kerajaan negeri dalam menyediakan graduan yang mencukupi untuk menampung keperluan pasaran industri dan mengurangkan kebergantungan tenaga kerja asing?

c) Berapakah anggaran gaji permulaan bagi graduan TVET mengikut sektor?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, jawapan kepada soalan nombor 19 terbahagi kepada 3. Pertamanya berapakah jumlah pelajar yang menyertai program TVET di Negeri Kedah mengikut jurusan? Jumlah semuanya, ni mengikut program bagi 2021 ya, 8,822 orang dan kalau mengikut jurusan dan juga mengikut kolej serta tempat latihan politeknik yang paling ramai, kita ada Politeknik Sultan Abdul Halim dan Politeknik Sultanah Bahiyah di Kulim iaitu 6,124 orang. Bagi Kursus Engineering, Manufacturing and Civil Engineering ni peringkat diploma semuanya, 5,667 orang. Jadi, politeknik mengambil peranan yang amat penting. Seterusnya politeknik ini juga ada kursus Science, Mathematics and Computing, so dia memang 'matching' dengan kehendak industri kita.

Kolej Komuniti di Kedah, pelajar yang masuk adalah 1,553 orang, 584 orang ialah Engineering Manufacturing dan bidang engineering yang lain. Kemudian, Science, Mathematics and Computing 144 orang. Bagi KISMEC, Engineering, Manufacturing ramai juga 274 orang, Science, Mathematics and Computing 42, seterusnya yang lain-lain lah. Kemudian kita ada Kulim Technologies (KTechno) yang ni semuanya Engineering, Computer Science dan sebagainya. Boleh saya baca sikit dia punya kursus yang diberikan iaitu Program Skills CAD CAM, Programmes Skills System Intergracy, Programmes Technology Data Scientist, Programmes Basic Skills Engineering CAD CAM, Programmes C&C, KTechno ni semua kursus-kursus dia ialah kursus Science dan Engineering yang memang sesuai untuk industri. Kita juga ada Kolej KEDA. Kolej KEDA ni dia bermacam-macam dan jumlah pelajar yang masuk ke Kolej KEDA ialah 276. Di situ dia ada teknologi lektrik ACM 1, 2, 3, 4. Itu tidak melibatkan industri. Itu jawapan kepada soalan nombor 19 yang pertama iaitu (a).

Soalan (b) Apakah dasar kerajaan negeri dalam menyediakan graduan yang mencukupi untuk menampung keperluan pasaran industri dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing? Saya nak tambah di situ juga, malahan kita hendak lebih ramai rakyat Kedah yang bekerja, bukannya tenaga asing. Kita hendak kalau boleh 80% kilang-kilang yang kita bawa pelaburan ini rakyat Kedah yang mendapat nikmatnya. Menjawab kepada soalan (b) itu, penentuan hala tuju dan dasar pembangunan sosial ekonomi negeri termasuk penyediaan tenaga buruh adalah berpandukan kepada Pelan Pembangunan Kedah 2035, asas sepertimana kita bercakap dua tiga hari lepas.

Kedah 2035 melalui Teras 4; Keseimbangan Modal Insan dan sebagainya, tetapi saya nak khususkan kepada Teras 1 iaitu Kemakmuran Ekonomi, yang tu yang kita berikan keutamaan, di situ disebut, Teras Kemakmuran Ekonomi Teras 1, nombor 2 menarik masuk pelaburan dalam industri teknologi tinggi, ekonomi digital, pendidikan R&D dan memacu Revolusi 4.0, melaksanakan projek berimpak tinggi serta memperkasakan infrastruktur sokongan projek berimpak tinggi. Jadi, semua ini perlu diterjemahkan kepada dasar dan pelan tindakan pada masa akan datang. Ini tidak boleh duduk di situ saja, ia perlu diterjemahkan. Itu yang kita akan laksanakan. Tanggungjawab untuk melaksanakan dasar ini diletakkan di bawah Jawatankuasa Tetap Industri dan kini sedang dalam tindakan merangka pelan pelaksanaan untuk merealisasikan sasaran yang telah ditetapkan dan antara pelan tindakan yang telah kita laksanakan ialah MOC, Memorandum Kerjasama di antara KTPC dan UniKL baru-baru ini iaitu pada 8 November yang lalu. Kedua, Upskilling Reskilling graduan ijazah dan diploma dalam bidang teknikal KISMEC dan KTechno sedang dilaksanakan. Ketiga peningkatan kapasiti pusat-pusat latihan teknikal seperti untuk TVET yang sedia ada supaya lebih ramai pelatih dapat diterima masuk.

Seterusnya IPTA, Politeknik di Kedah dan Kolej Komuniti mempertingkatkan bilangan pelajar dalam bidang teknikal, korikulum dan kursus latihan Kolej KEDA akan dikaji semula supaya pelatih-pelatih memperolehi sijil, diploma dengan kemahiran yang dikehendaki dalam industri pembuatan di Negeri Kedah. Seterusnya kita akan adakan 'road show' InsyaAllah kalau tidak tahun ini tahun depan untuk bertemu siswa siswi dari Kedah yang mengambil ijazah, diploma dalam bidang-bidang teknikal seperti di UniMAP, USM dan sebagainya. Kita hendak rakyat Kedah yang belajar di luar, mereka balik nanti bekerja di Kedah. Saya ingat yang tu selesai untuk soalan (b).

Seterusnya berapakah anggaran gaji permulaan bagi graduan TVET mengikut sektor? Gaji permulaan latihan TVET yang kita buat di KTechno dia keluar kadang-kadang 3 bulan, 6 bulan, bukan 1 tahun na, gaji dia kalau juruteknik E&E (Electrikal & Electronic) ialah RM1,700 – RM1,800 sebulan. Kedua E&E Jurutera, ni peringkat jurutera, gajinya dia boleh sampai RM2,800 – RM3,200. Gaji ni semestinya lebih tinggi daripada gaji yang diberikan oleh pihak kerajaan. Kemudian, M&E (Mechanical & Electrical) juruteknik RM1,400 – RM1,600 dan seterusnya bermacam-macam lagi. Bagi gaji permulaan Latihan TVET KTechno, yang tadi KISMEC, ialah lepasan SPM ada yang lepasan SPM pi belajar TVET di KTechno iaitu lepasan SPM RM1,300 sebulan, lepasan diploma RM1,500 sebulan, lepasan ijazah RM1,800 sebulan. Gaji permulaan selepas menamatkan pengajian di Kolej KEDA ialah bagi Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) RM1,800 –RM2,000, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) RM1,300 –RM1,500.

Jadi, semua ini menepati apa yang kita perlukan, apa yang kita kehendaki mengikut apa yang kita rancangkan supaya mereka ini mendapat pendapatan yang tinggi bila mereka mendapat latihan kemahiran dan bila bekerja dengan industri mereka akan mendapat gaji yang lumayan berbanding dengan mereka yang tidak mendapat kemahiran ini. Itu saja jawapan saya YB. Dato' Speaker.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Soalan tambahan saya, jika dibandingkan 10 tahun yang lalu semasa saya mula bekerja gaji RM1,500 dan sekarang lebih 10 tahun dah gaji permulaan masih RM1,200 – RM1,500. Apakah rancangan kerajaan untuk meningkatkan kadar gaji untuk permulaan dan dengan angka 8,822 yang dalam latihan sekarang, apakah sasaran kerajaan dengan peluang pekerjaan 15,000 tu bagaimana kita nak tambahkan pelatih kita supaya dapat dimuatkan dengan peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan? Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Terima kasih YB. Kota Darul Aman untuk soalan tambahan. Saya bersetuju kita dulu semasa mula bekerja, mungkin YB. mula bekerja RM1,500. Saya mula bekerja di Rubber Research Institute Malaysia tahun 1976, Ijazah Polymer Science and Technology, gaji saya RM850. Kalau nak kira dengan peningkatan kos sara hidup, sepatutnya sekarang ini gaji mereka dah RM5,000 ke atas tapi negara kita tidak mampu untuk membayar gaji yang mahal itu. Tapi dalam masa yang sama kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju seperti Eropah, mereka gaji tinggi tapi 'cost of living' mereka tinggi, gaji kita rendah tapi 'cost of living' kita tak lah setinggi seperti mereka.

Apakah usaha kerajaan untuk mereka-mereka yang mendapat kursus Latihan TVET kemahiran teknikal ini mendapat gaji yang lebih baik? Pertama, sekarang ini 'trend' satu aliran peningkatan gaji di kalangan operator, juruteknik dan engineers di kilang-kilang khususnya Kilang Kulim Hi-Tech Park kerana permintaan yang tinggi. Jadi, kilang-kilang ini mereka bersaing di antara mereka dan memberikan gaji yang lebih tinggi.

Keduanya, saya juga bertemu dengan 2 orang bekas pelatih di KTechno dan seorang lagi di KISMEC di sebuah kilang di Kulim. Saya bertanya seorang tu, saya kata, "gaji sekarang berapa, berapa lama dah bekerja"? Dia kata, "gaji saya adalah RM5,000" sebulan. Berapa lama dah bekerja? "Dalam 5 tahun".

Seorang lagi dia ni engineer, dia buat Engineering Electrical di UniKL, dia bekerja 7 tahun dan sekarang dia jadi manager di kilang itu di Kulim, sebuah kilang dari Amerika. Saya tanya gaji dia berapa? "Ada lah Dato' dalam RM8,000 sebulan. 'So, is not bad'. Ertinya, "what we doing now if we doing the right thing". Sebenarnya kita tarik pelabur yang berteknologi tinggi ini dari negara-negara yang maju dan mereka tahu gaji yang mereka bayar selama ini bukan tinggi lebih rendah berbanding dengan tempat mereka dan InsyaAllah 'trend' ini akan berterusan dan InsyaAllah pelatih-pelatih ini akan mendapat gaji yang lebih baik pada masa-masa yang akan datang. Itu saja jawapan kepada soalan tambahan.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan YB. Guar Chempedak. Memang TVET ini telah dijenamakan semula pada tahun 2017 dan menjadi graduan yang terlaris di pasaran sehingga sekarang ini yang membantu ramai remaja dan juga anak muda yang tak berjaya dalam akademik, minat kemahiran mendapat gaji yang lebih baik. Tetapi saya kuatir dan bertanya kepada kerajaan bagaimana graduan di era pandemik dan endamik ini? Setahun lebih graduan TVET ini saya rasa banyak tertinggal dalam bidang praktikal, kemahiran kerana 'online study' tidak boleh bersemuka dan sebagainya. Jadi, bagaimana kita menghadapi cabaran ini? Terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sekali, boleh jawab sekali soalan tambahan YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Ya, padat!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ringkas dan padat. Iaitu Program TVET di tahfiz. Saya kira telah bermula sedikit masa dahulu. Saya nak tahu status, apa status sekarang dan apa hala tuju program-program TVET ini di pusat tahfiz seluruh Negeri Kedah? Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ok, saya cuba jawab soalan tambahan daripada YB. Bandar Baharu dulu. Memang dalam musim pandemik ini mereka tak dapat pergi ke kolej KTechno, KISMEC dan sebagainya tapi mereka belajar secara online. Selepas mereka belajar secara online bila kolej buka balik, mereka buat praktikal dan mereka tidak terjejas sangat lah. Ada latihan macam Data Scientist umpamanya buat dengan USM memang 'directly' online dan setakat ini apa yang saya faham, 100% pelajar atau pelatih di KISMEC, pelatih di KTechno dan pelatih di Kolej KEDA dan dapat kerja.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Program TVEt telah bermula sedikit masa dahulu di tahfiz-tahfiz di seluruh Negeri Kedah. Jadi, saya nak tanya apa status sekarang dan hala tuju tahfiz dengan TVET ni. Macam mana hala tuju?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Saya tak dapat data yang lengkap tetapi yang saya tahu dan maklum kita dah mulakan program kemahiran teknikal ini di Kolej KEDA melibatkan beberapa pelajar tahfiz, itu sudah bermula dan InsyaAllah saya akan dapatkan maklumat yang lebih terperinci berhubung dengan ini dan saya kan masukkan dalam jawapan bertulis. Sekian, YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat mungkin nampak kelam kabut bergerak ke sana ke sini. Pihak KKM mendapati YB. Sidam macam ada gejala. Jadi, kita minta dia keluar dan kita tidak membenarkan dia masuk lagi. Jadi, macam mana pun penting kita buat 'test' untuk kita nak 'trace tu. Jadi, kita minta maaf lah YB. Sidam, kita tak benarkan masuk.

Soalan nombor 20!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Salam sejahtera, salam reformasi, vanakkam, da jia hao. Saya pohon jawapan untuk soalan nombor 20 YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Sorry YB. Bukit Selambau, YB. Sidam tak dapat masuk jadi, kita pindah ke soalan nombor 21.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YAB. Jeneri nak jawab soalan tu. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Haaaa…Sorry. YAB. Jeneri bermurah hati nak jawab soalan YB. Bukit Selambau.

20. YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY
[ADUN BUKIT SELAMBAU]

Pohon dinyatakan sejauh manakah keberkesanan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) atau Jabatan Perpaduan Negara (JPN) di kawasan taman-taman dalam usaha mengawal dan menangani penularan Pandemik Covid-19 pada fasa pertama dan kedua di Negeri Kedah Darul Aman?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Bukit Selambau. Pohon dinyatakan sejauh manakah keberkesanan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) atau Jabatan Perpaduan Negara (JPN) di kawasan taman-taman dalam usaha mengawal dan menangani penularan Pandemik Covid-19 pada fasa pertama dan kedua di Negeri Kedah Darul Aman. Jawapannya ialah antara Objektif Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) iaitu yang pertama sebagai mekanisme menyatukan masyarakat setempat serta menyalurkan maklumat dasar-dasar kerajaan kepada masyarakat di peringkat akar umbi, yang kedua memelihara kebajikan, kesejahteraan, keharmonian dan keselamatan penduduk dan ketiga mempertingkatkan aktiviti kejiranan dan pembangunan komuniti

Antara usaha-usaha Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Kedah dengan sokongan padu seluruh KRT dalam usaha menangani wabak COVID-19 ialah yang pertama Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) terpilih telah menjalankan kawalan keselamatan di kawasan-kawasan kejiranan dan perumahan dengan kepatuhan SOP yang ketat, yang kedua KRT menjalankan kempen-kempen kesedaran menjauhi COVID-19 melalui pembesar suara dan edaran pamplet di kawasan-kawasan kejiranan, yang ketiga menyebarluas maklumat-maklumat tepat status semasa COVID-19 menggunakan pelbagai medium misalnya aplikasi whatsapp, telegram, facebook komuniti dan sebagainya, yang keempat Jawatankuasa KRT menyebarluas maklumat kepentingan mendaftar untuk pengambilan vaksin dalam komuniti masing-masing.

Hasil daripada usaha-usaha tersebut, kesedaran menjaga keselamatan diri dan keluarga telah dapat dipertingkatkan. Daripada sekurang-kurangnya 500,000 orang warga dalam kawasan rukun tetangga di seluruh Negeri Kedah sejak awal penularan

COVID-19 hingga akhir bulan Oktober 2021 (fasa 3 Pelan Pemulihan Negara) hanya 11 orang sahaja iaitu 0.0022% yang dilaporkan meninggal dunia akibat COVID-19 dalam kawasan KRT. Peratusan yang sangat kecil ini menggambarkan betapa berkesannya peranan yang telah dimainkan oleh JPNIN Negeri Kedah dengan sokongan padu 500 KRT yang telah menjadi barisan hadapan di kawasan KRT masing-masing pada masa kini sebagai mekanisme dalam komuniti setempat. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada MKK dan pemimpin setempat, Ahli Jawatankuasa Masjid, Jawatankuasa Surau yang telah berperanan sepertimana KRT berperanan di kawasan kejiranan untuk menjalankan kempen pendaftaran vaksinasi yang telah disebutkan oleh YB. Pengkalan Kundor semalam di Kedah ini kita telah menggerakkan semua pimpinan tempatan untuk membantu menyebarluaskan kempen pendaftaran dan Alhamdulillah, di kawasan luar bandar JKK , Tok-Tok Imam ini lah yang kutip nama, himpun orang untuk buat vaksinasi. Saya ucapkan terima kasih di atas semua usaha yang telah dibuat oleh rukun tetangga KRT dan juga barisan hadapan di luar bandar khususnya. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Soalan tambahan saya adalah, apakah program atau aktiviti yang bakal dijalankan mulai 1hb. Disember iaitu ketika ini fasa keempat, untuk mengeratkan silaturrahim perpaduan kaum di Negeri Kedah Darul Aman?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Saya kurang tangkap lah soalan Yang Berhormat ni.

YB. DATO' SPEAKER

Tanggalkan 'mask'!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Soalan saya adalah, apakah program atau aktiviti-aktiviti yang bakal dianjurkan mulai bulan Disember untuk mengeratkan silaturrahim perpaduan kaum di Negeri Kedah Darul Aman? Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Oh! Perkara tak berlaku lagi. InsyaAllah saya akan dapatkan jawapan daripada jabatan lah, JPNIN apakah program-program yang akan dijalankan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sedikit, soalan tambahan. Sebab YAB. MB jawab jadi saya tanya lah. Boleh YB. Dato' Speaker, soalan tambahan? Boleh?

YB. DATO' SPEAKER

Boleh! Boleh!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya cadang supaya peranan KRT ini sebab KRT ini banyaknya di kawasan taman, di kampung pun ada tapi tak banyak. Peranan di taman-taman ini yang dimainkan oleh JPKK tidak dimainkan oleh KRT, ada Ahli-Ahli Majlis tapi peranannya tak sama. Mungkin YAB. boleh cadangkan supaya peranan itu diperluaskan sedikit untuk memastikan bahawa 'service' kepada masyarakat taman itu lebih kurang sama seperti yang dibuat oleh JPKK. Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya akan pastikan perkara ini berlaku kerana KRT ni pun dia ada akta dia, ada undang-undang, ada 'certain-certain' kerja yang dia boleh buat, ada perkara-perkara yang dia tak boleh buat. Saya akan pastikan perkara itu berlaku lah, terima kasih di atas cadangan YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 21!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Dato' Speaker, mohon jawapan untuk soalan nombor 21.

21. YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM
[ADUN AYER HITAM]

Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) memerlukan perhatian dan pembelaan semua pihak.

Pohon dinyatakan:-

a) Stastistik OKU mengikut kategori.

b) Stastistik OKU mengikut daerah.

c) Kebajikan yang diberikan kepada golongan OKU.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bukit Kayu Hitam!

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Dato' Speaker dan terima kasih YB. ADUN Ayer Hitam di atas soalan. Soalan yang pertama Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) memerlukan perhatian dan pembelaan semua pihak. Pohon dinyatakan stastistik OKU mengikut kategori. Statistik OKU mengikut kategori Penglihatan sebanyak 5,695, untuk OKU Pendengaran sebanyak 3,511, Pertuturan 339, Fizikal 21,147, Pembelajaran 15,877, Mental 4,410, Pelbagai 2,521. Jumlah keseluruhan 53,500.

Untuk jawapan (b) Statistik OKU mengikut daerah, untuk Daerah Baling seramai 4,107, Bandar Baharu 1,727, Kota Setar 9,250, Kuala Muda 13,243, Kubang Pasu 6,098, Kulim 6,978, Padang Terap 1,934, Pendang 2,741, Pokok Sena 1,380, Langkawi 1,972, Sik 2,122, Yan 1,948. Jumlah keseluruhan OKU di Negeri Kedah seramai 53,500 orang.

Untuk jawapan (c) Kebajikan yang diberikan kepada golongan OKU. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah melalui Peruntukan Persekutuan telah mengadakan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) kepada golongan OKU yang kebanyakannya adalah OKU daripada kategori pembelajaran yang tidak dapat menjalani persekolahan di arus pendidikan perdana di bawah Jabatan Pendidikan.

PDK di Negeri Kedah mempunyai 43 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dengan jumlah pelatih OKU adalah seramai 1,499 orang pelatih OKU. Bilangan pekerja PDK adalah seramai 43 orang penyelia dan 235 petugas. Peruntukan yang diluluskan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM75,126.70 setahun. Pelatih PDK menerima elaun khas OKU sebanyak RM 150.00 sebulan.

Selain itu, terdapat institusi di bawah Kerajaan Persekutuan yang telah menyediakan Bengkel Terlindung iaitu di Bengkel Daya Sungai Petani. Bengkel ini adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran luar. Di samping itu, bengkel ini juga ditubuhkan untuk melatih mereka supaya berdikari dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu seperti pertanian, dobi, peruncitan, kebersihan, bakeri, perusahaan santan, pemakanan dan jahitan agar mereka mendapat lebih banyak peluang bekerja di pasaran yang lebih terbuka. Bengkel Daya diurus dan beroperasi mengikut Kaedah-Kaedah Worksyop Terlindung 1979. Sehingga kini, terdapat 32 orang Pekerja Kurang Upaya yang berada di situ. Peruntukan belanja mengurus di bengkel ini adalah sebanyak RM1,240,876.00 setahun.

Selain itu, program Perkhidmatan Job Coach merupakan satu inisiatif untuk memberi sokongan pekerjaan kepada OKU di mana seramai 41 orang OKU yang menerima perkhidmatan Job Coach dan kekal bekerja pada tahun 2020. Bagi pertengahan Tahun 2021, tiada bilangan OKU yang menerima Program Perkhidmatan Job Coach berikutan Pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pusat Khidmat Setempat (PKS) OKU terletak di Bedong. PKS ini adalah bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan kepada OKU di dalam satu tempat secara bersepadu. Ia berfungsi sebagai Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Pusat Rujukan OKU, Pusat Sumber Maklumat, Pusat Pengesanan Awal Kecacatan, Pusat Khidmat Nasihat dan Pusat Pendaftaran OKU.

Manakala, Taman Sinar Harapan Jitra (TSHJ) adalah institusi perlindungan dan jagaan kepada OKU yang berumur 0 hingga 14 tahun, yang mengalami kecacatan yang teruk dan tidak boleh dilatih atau terlantar. Sehingga kini, terdapat seramai 59 orang OKU yang berada di institusi ini dengan pecahan jantina iaitu sebanyak 35 orang lelaki dan 24 orang perempuan. Jumlah peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM3,148,468.00.

Antara Program Kebajikan di bawah Kerajaan Persekutuan bagi membantu golongan OKU adalah Bantuan Kewangan Khas OKU (Pakej Pemulih) sebanyak RM 1,500.00 diberikan pada Julai tahun 2021. Bantuan ini adalah merupakan bantuan kewangan yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu individu OKU (Bukan penerima Bantuan Bulanan JKM). Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan tambahan!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam di atas penjelasan yang panjang lebar tentang statistik dan juga kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada golongan OKU. Soalan tambahan saya ialah, apakah faedah-faedah yang boleh didapati oleh pemegang Kad OKU yang kita sentiasa kempen supaya mereka yang ada anak ataupun keluarga yang OKU mendaftar untuk mendapatkan Kad OKU? Faedah-faedah tambahan yang ada kepada pemegang Kad OKU. Terima kasih.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Ayer Hitam. Untuk kelebihan-kelebihan yang ada kepada pemegang Kad OKU yang mana ibu-ibu ataupun waris-waris yang mendaftar anak-anak mereka mendapatkan Kad OKU, Kerajaan Negeri Kedah telah memperuntukkan di bawah JKM sebanyak RM100 kepada mana-mana ahli keluarga yang berdaftar untuk mendapatkan Kad OKU.

Yang keduanya kita ada pengecualian bayaran rawatan perubatan. Seterusnya kita beri juga elaun sebanyak RM150 sebulan kepada pelajar OKU ini. Seterusnya bantuan kewangan pelajar OKU di IPT ataupun politeknik, kolej komuniti daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya kita ada diskaun ataupun potongan 40% yuran pengajian di Open Universiti Malaysia. Pemegang Kad OKU ini juga kalau kita dah mendaftar kita ada Skim Galakan Perniagaan dari Kementerian Sumber Manusia.

Seterusnya kerajaan juga menawarkan kemudahan dan galakan pelepasan cukai pendapatan daripada LHDN. Kita juga ada pengecualian cukai jalan daripada JPJ. Kerajaan juga memberi kelebihan kepada pendaftar Kad OKU dengan pengecualian duti eksais kenderaan OKU buatan Malaysia. Diberikan juga diskaun tambang pengangkutan awam, seterusnya pengecualian bayaran dokumen perjalanan

ataupun 'passport' dan juga diberi potongan harga 20% pembelian rumah daripada Syarikat Perumahan Negara dan juga kemudahan perkhidmatan daripada Telekom Malaysia, diberikan juga bantuan daripada JKM kepada yang layak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Pertamanya kita beri daripada JKM, Elaun Pekerja Cacat yang lebih dikenali dengan EPC, Elaun Pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang RM150 tu, diberikan juga bantuan OKU Tidak Berupaya, Bantuan Untuk Penjaga OKU Sakit Terlantar yang lebih dikenali sebagai BPT, kita ada Geran Peancaran, Bantuan Alat Sokongan dan Tiruan.

Seterusnya kelebihan yang ada pada waris-waris atau ibu-ibu yang mempunyai anak OKU ini adalah mereka telah pun mengiktiraf anak-anak mereka daripada pemegang Kad OKU ini ada kelebihan dalam keluarga kita yang mana ianya merupakan saham akhirat kepada waris-waris ini. Jadi, itu kelebihan yang paling banyak, paling besar sekali kerana mereka ini adalah anak-anak syurga. Yang ni tak dak pada orang lain, ini saham yang ada kepada ibu-ibu atau waris-waris yang mempunyai nak OKU ini. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Sat gi bagi YB. Tanjung Dawai, sikit saja, pendek. Terima kasih YB. Dato' Speaker dan YB. Bukit Kayu Hitam. Kerajaan ada OKU yang bekerja dan yang tidak bekerja, dia punya bantuan tu berlainan, bagi yang tak bekerja RM200 sebulan, yang mampu untuk bekerja dan berinteraksi dengan masyarakat ditambah lagi RM150 menjadikan RM350. Kalau nak bersaing dengn pasaran terbuka mungkin agak sukar. Kalau kita boleh cadangkan kepada JKM ada OKU yang kita istilahkan sebagai 'lembam pembelajaran' dan dia nak bekerja secara biasa tu agak sukar, supaya JKM boleh 'matching'kan khususnya di masjid-masjid, kita ada lebih kurang 576 buah masjid seluruh Kedah mungkin seminggu sekali ataupun seminggu 2 kali dia bekerja di masjid bahagian cuci ataupun sebagainya lah membantu masjid dikira sebagai bekerja dan boleh ditingkatkan bantuan itu kepada RM150 dan ia boleh diperluaskan kepada agensi-agensi yang lain. Itu cadangan, terima kasih Bukit Kayu Hitam.

YB. DATO' SPEAKER

Penting ka tu YB. Tanjung Dawai?

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Ya!

YB. DATO' SPEAKER

Yaa…Silakan!

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ni ada anak OKU, tu yang saya nak tanya. Terima kasih kepada YB. Bukit Kayu Hitam, rupanya banyak kelebihan yang diberikan kepada anak-anak OKU ini. Baru-baru ni saya pi Pusat Dakwah di Alor Setar dan Pengurus bagitau macam yang saya kongsi kelmarin, mereka buat Kursus Perkahwinan Untuk Golongan Pekak dan Bisu. Persatuan Pekan dan Bisu ni buat kursus perkahwinan pasal pasangan yang berkahwin ini di kalangan mereka itu banyak berlaku perceraian. Kalau orang biasa ni kut dia dengaq lebih, bercakap lebih boleh jadi punca bercerai, hat ni tak dengaq, tak bercakap tapi bercerai juga. Kut-kut ada maklumat.

YB. DATO' SPEAKER

Haa…YB. Bukit Kayu Hitam, jawab hat tak bertengkaq pun bercerai jugak.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Sungai Limau dan YB. Tanjung Dawai. Saya ambil maklum mengenai elaun daripada pekerja cacat iaitu kalau anak-anak kita pemegang Kad OKU jadi majikan yang menawarkan pekerjaan contohnya dia bekerja di worksyop atau kedai motor. Kedai motor tu bayar kat dia RM1,000 sebulan dan JKM akar bayar lagi RM400 sebagai Elaun Pekerja Cacat kepada mereka. Jadi, dia dapatlah RM1,400 sebulan dan kepada mereka yang terlantar ini contohnya dia tak dak lah elaun pekerja cacat tu, dia cuma dapat elaun OKU sahaja. InsyaAllah kita akan panjangkan apa yang telah disuarakan oleh YB. Sungai Limau mengenai institusi masjid ini sebab apa, peruntukan-peruntukan atau elaun-elaun ini ditentukan oleh Kerajaan Pusat, InsyaAllah kita akan panjangkan di dalam mesyuarat untuk kita majukan, kalau boleh kita buka kepada institusi masjid. Memang betul, kanak-kanak lembam ni macam saya katakan tadi merupakan ahli-ahli syurga. Kalau YB. Tanjug Dawai ada anak OKU, saya pun ada cucu OKU. Alhamdulillah, ia merupakan satu perkara yang perlu kita beri perhatian kepada golongan-golongan ini dan di dalam Dewan yang mulia ini saya ucapkan tahniah juga kepada ibu-ibu di luar sana yang sekarang ini tidak malu untuk mendaftar anak-anak mereka sebagai OKU. Jadi, dah ramai dah orang keluar ke depan, tampil ke hadapan. Jadi, di dalam Dewan yang mulia ini juga ada di kalangan kita pegawai kerajaan yang peringkat atasan anak dia OKU, dia selalu 'joint' dengan saya, Alhamdulillah. InsyaAllah, penambahbaikan ini akan kita bawa ke depan untuk kita beri perhatian kepada golongan OKU ini. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Selesai sesi pertanyaan mulut. Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

III. PENGGULUNGAN DI ATAS UCAPAN BAJET 2022

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Penggulungan Ucapan Bajet 2022 oleh pihak kerajaan.

YB. DATO' SPEAKER

Sekarang kita masuk ke sesi penggulungan. Masa yang kita berikan kepada Exco ialah 20 + 5. 20 minit masa rasmi dan 5 minit itu masa tambahan. Jadi, jangan ambil tambahan lagi dah. Silakan YB. Kuah.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Sepanjang tempoh perbahasan bajet dijalankan, portfolio pelancongan, belia dan sukan serta usahawan antara yang paling banyak di sentuh dan antara yang paling terkesan sepanjang tempoh kita jalani Pendemik Covid-19 Ini.

Saya berterima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam melontarkan pandangan serta berkongsi idea untuk pembangunan pelancongan, belia dan sukan serta usahawan dalam Negeri Kedah dan masa 25 minit yang telah diperuntukan oleh YB. Dato' Speaker kepada saya, maka saya rangkumkan semua "touch point" ahli yang berhormat dalam ucapan penggulungan saya untuk sidang kali ini.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat sekalian, industri pelancongan bagi Negeri Kedah dibuka semula pada 16 September 2021 yang lalu di Pulau Langkawi, rentetan daripada kejayaan semua pihak dalam memastikan pengunjung mengikuti SOP yang telah ditetapkan serta keberkesananya telah menjadikan Pulau Langkawi sebagai projek rintis gelembung pelancongan untuk diterapkan di kawasan-kawasan pelancongan yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila Negeri Kedah diumumkan telah beralih ke Fasa 4, barulah perancangan demi perancangan yang selama ini tertunda dek kerana perintah kawalan pergerakkan (PKP) dapat dibincangkan dan diteliti semula selari

dengan keadaan semasa ini. Antara perancangan untuk menambah bilangan pelancong hadir ke negeri Kedah yang turut disentuh oleh YB. Sungai Limau dan YB. Bayu mengenai kemasukan pelancong, menarik lebih ramai kemasukan pelancong, beberapa pelan telah di angkat diperingkat jawatankuasa. Antaranya adalah perbincangan bersama Pengerusi-Pengerusi Permotoran Negeri Kedah bagi menjayakan pelan Jom Ride Ke Kedah. kerana kita tahu bahawa penggemar-penggemar motor berkuasa tinggi ini mempunyai kemampuan untuk berbelanja dan mereka berada dalam satu kumpulan yang besar. Ini akan menjadikan Kedah sebagai satu destinasi baharu selari dengan program-program yang dilakukan seperti Karnival Bike Week di Sadao, Thailand.

Selain daripada itu, kita juga telah membuat beberapa perubahan dalam aspek penumpuan yang lebih terus kepada beberapa Kluster dalam Tourism seperti contoh 'backpackers travellers' (dengan izin) di mana 'backpackers travellers' ini, mereka gemar kepada eko-pelancongan dan suka kepada kesederhanaan dalam melancong.

Yang keduanya, 'family travellers' di mana mereka gemar kepada kawasan yang mempunyai kemudahan serta kepelbagaian seperti contoh kawasan untuk membeli-belah dan juga kawasan yang unik seperti muzium dan tempat-tempat yang bersejarah untuk mereka lawati.

Kluster yang ketiga ialah 'honeymoon travellers' di mana mereka ini gemar kepada tempat-tempat yang tenang seperti pergi ke pulau-pulau dan tempat makan serta tempat yang mereka boleh rakamkan kenangan terindah disaat mereka berbulan madu.

Antara beberapa kluster baru yang saya tumpukan adalah kluster pemancing-pemancing tegar dan profesional, ini kerana Negeri Kedah mempunyai laut yang hasilnya boleh dimanfaat oleh para nelayan kita dalam menjana pendapatan dengan membawa pelancong yang minat memancing ini dalam pakej 'fun fishing' atau 'extrem fishing trip' (dengan izin).

Disamping itu juga, mereka boleh merasai pengalaman menyuluh sotong atau mencandat sotong untung mencari umpan hidup serta mereka boleh juga merasai pengalaman memasak dan makan di atas bot nelayan bersama rakan-rakan mereka.

Turut dicadangkan oleh YB. Bayu untuk menjadikan Terowong Komunis sebagai kawasan pelancongan. Untuk makluman Sidang Dewan, ini antara cadangan yang cukup baik bagi sektor pelancongan dan sememangnya tempat-tempat bersejarah ini

mempunyai kluster travellernya yang tersendiri. Saya mengambil pandangan dan idea ini untuk diperhalusi diperingkat Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) di mana tanah Terowong Komunis ini ianya berada di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah. Oleh yang demikian, Majlis Daerah Baling telah menghantar surat kepada Jabatan Hutan untuk mereka masuk ke kawasan tanah tersebut untuk melihat apa yang perlu diambil tindakan kerana pada tahun 2016 Majlis Daerah Baling pernah mengeluarkan kos lebih kurang RM700,000 untuk kerja-kerja baik pulih serta menaiktaraf fasiliti di kawasan tersebut. Untuk cadangan kita adakan tempat bela gajah, dia kata ada mimpi berkenaan gajah itu. Sebenarnya cadangan tersebut bukanlah satu cadangan yang lawak atau cadangan yang bersahaja, namun ia turut memberi impak yang besar kepada pembanggunan pelancongan dikawasan tersebut. Jika kita melihat jiran kita di Thailand, mereka mempunyai kepelbagaian dalam tarikan pelancong, dimana mereka juga turut menggunakan gajah, dan ramai pelancong-pelancong yang hadir untuk melihat show gajah duduk, gajah berdiri, gajah menari dan sebagainya.

Oleh itu, cadangan tersebut mungkin boleh diambil oleh kerajaan negeri dan kita mungkin boleh melihat dengan lebih teliti berkenaan cadangan kita bela gajah di kawasan tersebut. Turut dicadangkan juga produk berasakan buah-buahan seperti durian oleh YB .Bandar baharu, saya mengambil maklum atas cadangan tersebut dan sebenarnya telah ada dalam Pelan Eko-Tourism yang dibincangkan bersama-sama pemain industri pelancongan dan Insya-Allah, pada tahun hadapan melalui Pejabat Exco Pelancongan kita akan keluarkan 'travel book' yang mana kita dapat mengaitkan dengan perjalanan pemula pelancong yang turun di airport atau melalui jalan darat, ke mana mereka nak pergi kalau mereka duduk di Kedah 3 hari 2 malam, ataupun seminggu, apa aktiviti yang mereka perlu lakukan di mana dalam buku itu juga kita ada kluster – kluster mereka ini macam mana? Family Travellers ka? Single Travellers ka? Ataupun kluster-kluster yang ada. Jadi, dalam buku itu dah ada dah, jadi mereka boleh pilih ke mana mereka nak pergi.

Berkenaan dengan Islamic Tourism, YB. Belantek sebut kluster, itu adalah kluster kedua yang terbaru yakni pelancong berkumpulan dari serata negeri mahupun negara akan hadir ke Negeri Kedah untuk mereka belajar kitab-kitab lama ataupun berguru dengan ulama-ulama hebat dalam Negeri Kedah. Beberapa daerah telah pun kita kenalpasti dan kita pilih untuk dijadikan projek rintis dan ini juga akan memberi peluang kepada penduduk di daerah tersebut dan mereka dapat menikmati dalam limpahan daripada kedatangan pelancong kekawasan mereka.

Konsep melancong yang bersederhana juga antara yang menjadi pilihan bagi kluster ini di mana homestay dan bilik-bilik sewa yang murah akan menjadi pilihan kerana mereka berada dalam kuantiti yang ramai dan berkumpulan.

Kluster Islamic Traveller ini juga boleh melawat di kawasan-kawasan tumpuan pelancong seperti Empangan Muda, Sri Lovely Padi Organic, Bendang Man dan beberapa produk pelancongan yang lain yang berada dikawasan Daerah Sik ataupun daerah-daerah yang kita pilih. Itu adalah beberapa penambah baik bagi kita menarik lebih ramai pelancong-pelancong untuk hadir ke Negeri Kedah. Bagi memastikan Negeri Kedah kita ini, Covid-19 dapat dikawal dengan baik. Beberapa inisiatif turut diambil dalam usaha kita menarik lebih ramai pelancong untuk hadir ke Negeri Kedah dimana ini juga turut disentuh oleh YB. Bakar Arang di mana Penerapan SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta penjagaan kendiri turut dipertingkatkan, penggunaan hand sanitaizer (dengan izin) serta mewajibkan pemakaian face mask dan penjarakan sosial (social distancing) sememangnya sentiasa diperingatkan oleh semua pemain-pemain industri pelancongan, peniaga dan juga agensi kepada pelancong-pelancong yang hadir ke Negeri Kedah.
Yang Berhormat Dato Speaker, Kedah mempunyai beberapa pulau yang cantik dan indah, bak kata-kata dan ucapan YB. Gurun di mana Kedah ini seperti dara sunti yang belum disentuh orang, dimana kita mempunyai Pulau Songsong, Pulau Bidan dan Pulau Telur,

Perkara ini turut juga disentuh oleh YB**.** Bakar Arang dan YB. Kubang Rotan berkenaan penambah baik fasiliti seperti tandas, surau, dan telaga air di kawasan Pulau Songsong. Menurut pemakluman, pelan pembanggunan telah pun berada dalam perancangan Majlis Daerah Yan. Semua pelan-pelan perancangan yang telah pun kita rangka dan yang telah pun kita bincangkan diperingkat Jawatankuasa Pelancongan Negeri Kedah dimana dalam Jawatankuasa ini terdiri daripada semua Pegawai-Pegawai Daerah dan YDP Majlis serta agensi pelancongan dan pemain – pemain industri pelancongan yang mana YB. Gurun menyebut bahawa bahagian pelancongan Negeri Kedah perlu lebih agresif dan berfikiran di luar kotak dengan memikirkan sesuatu yang mempunyai kelainan untuk dilakukan di Kedah dalam usaha kita menarik lebih ramai pelancong-pelancong yang hadir ke Negeri Kedah di mana YB. Gurun juga kata dalam sektor pelancongna ini kita perlu libatkan player-player industri dimana saya juga bersetuju dan bersependapat dengan YB. Gurun dimana sudah sampai masa landskap pelancongan negeri kita ini dapat diselaraskan dan direncanakan bersama-sama 'tourism industri player'. Silakan! (YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Kuah sebab YB. lompat satu point satu point sangat cepat so tadi dinyatakan kemudahan Pulau Songsong kan, boleh tak bagi satu respond yang akan buat atau tak akan buat maksudnya untuk tandas ataupun bilik mandi dan infrastruktur itu.

Yang keduanya ialah saya ingat lagi dulu, 2 atau 3 tahun lagi kita ada mengatakan untuk mengenakan caj kemasukan ke pulau untuk mendapatkan sedikit pendapatan Majlis Daerah Yan untuk mantainance pulau itu termasuk sebab ada juga yang mungkin dari Penang yang terus ambil bot turun dan kita juga nak kawal untuk kemasukan itu. Kenapa sampai sekarang tidak mula untuk mengenakan caj itu.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Sekali nah! Sikit saja! Terima kasih YB. Dato' Speaker, satu saya bersetuju dengan YB. Bakar Arang. Sememangnya kalau perancangan kita duk covid hampir 2 tahun kita boleh katakan dalam perancangan. Saya tahu the best lah tetapi terus YB. Exco sendiri kena turun minta buat dan laksanakan dengan segera.

Saya rasa yang itu terlalu lama pasal kadang-kadang ini ada birokrasi, kekangan dan sebagainya. Tadi, saya bersetuju dengan YB. Belantek, mungkin YB. Kuah boleh lihat bahawa tengok tentang Wisata Agama di Indonesia yang telah berlaku dan memang saya sendiri ke Masjid Demak, dia ada Sunan Kalijaga, Sunan Ampel, Sunan Bonang dan kalau boleh tengok boleh laksanakan. Kedah memang sesuai untuk Wisata Agama maksudnya travel dalam Tourism Agama. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Bakar Arang dan YB. Kubang Rotan. Berkenaan dengan Pulau Songsong, itu yang dimaklumkan di mana pelan perancangan itu memang dah ada dan mereka memang akan laksanakan seperti saranan daripada YB. Kubang Rotan memang kita berbincang dengan Majlis Daerah untuk mempercepatkan proses tersebut. Berkenaan dengan caj kutipan, ianya belum lagi diputuskan di peringkat kerajaan negeri dan itu adalah perbincangan saja. Daripada Penang ke Pulau Songsong tersebut, ini mungkin dah dinyatakan di dalam Mesyuarat Exco di mana kita bersetuju untuk tidak membenarkan lagi apa pelancong daripada Penang untuk terus ke Pulau Songsong, ianya perlulah ke pulau tersebut melalui Kedah kerana kita nak dapatkan limpahan ekonomi daripada Penang kita tak dapat apa? Depa duduk dua malam, tiga malam di Penang, mereka mai Pulau Songsong, depa bawa balik, depa tinggal sampah kat kita! Jadi, daripada Kedah depa duduk di Kedah 2,3 malam di Pulau Songsong dan dia balik pun masih lagi duduk di Kedah, orang setempat di kawasan tersebut akan menerima limpahan ekonomi hasil daripada Pulau Songsong.

YB. Dato' Speaker, saya teruskan dengan point-point ucapan penggulungan di mana dalam aspek kebersihan di mana YB. Kota Siputih telah pun menyentuh berkenaan dengan terdapat kawasan pelancongan yang dipenuhi dengan sampah dan juga agak kotor. Untuk makluman Yang Berhormat, pekerja pembersihan Majlis Pembandaran atau Bandaraya serta swasta sentiasa menjalankan tugas harian mereka dan ianya juga lebih kepada sikap pelancong, sikap orang kita sendiri yang tidak cakna dengan membuang atau meninggalkan sampah pada tempat yang bukan tempat sepatutnya atau yang disediakan. Contohnya yang diviralkan baru-baru ini di satu tempat peranginan iaitu Air Terjun Perangin, dimana para pengunjung yang hadir, mereka bawa barang, mereka tinggal sampah, mereka tak bawa keluar pun sampah-sampah itu di mana pengunjung bila dah balik, jarak tempat Air Terjun Perangin itu, 10km masuk ke dalam hutan, dan ini mungkin agak membataskan pekerja-pekerja pembersihan untuk masuk ke situ setiap hari. Lepas itu, mai NGO-NGO tolong bersih diviralkan dan dibagitau tempat ini kotor! Tolong itu tolong bagus tapi tolong viralkan untuk jadikan isu ini memang tak bagus! Kita tolong dengan ikhlas jangan ada perkara-perkara di sebaliknya.

Oleh itu, Yang Berhormat Dato Speaker pelancongan Negeri Kedah melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah melaksanakan kutipan cukai, seperti yang dibangkitkan oleh YB. Kubang Rotan, berkenaan cukai pelancongan. Untuk makluman Yang Berhormat, bermula pada 1 Ogos 2017, kadar RM10 semalam dikenakan kepada pelancong asing untuk satu bilik, untuk semua jenis hotel dan juga penginapan. Namun pengagihan 50% cukai pelancongan kepada kerajaan negeri bermula pada tahun 2019 dan pada tahun 2019 Kerajaan Negeri Kedah telah meneriman agihan sebanyak RM5.08 juta dan digunakan untuk tujuan pembanggunan infra.

Untuk tujuan promosi, ianya diuruskan sepenuhnya oleh Kedah Torism iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri Kedah dan dana sebanyak RM2 juta telah pun diberikan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 melalui Kementerian Pelancongan (MOTAC) dan 2 juta ini disalurkan kepada akaun Kerajaan Negeri Kedah dibawah kawal selia Pejabat Kewangan.

Sebanyak RM1.73 juta telah pun dibelanjakan bagi tujuan promosi serta melakukan aktiviti pelancongan kepada Negeri Kedah dan Insya-Allah pada tahun hadapan, kita dalam usaha untuk memohon penambahan peruntukan kepada Kedah Tourism daripada pihak Kementerian Pelancongan. Apabila pelancongan kita kembali pulih, ekonomi usahawan kita pun turut akan pulih, namun Kerajaan Negeri Kedah melalui pemacu Pembangunan Usahawan Negeri Kedah atau lebih dikenali sebagai UPUK, telah bertungkus lumus dalam membantu usahawan-usahawan kita yang terjejas. (YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Kuah! Terima kasih YB. Dato' Speaker, sebab sudah pergi kepada usahawan kan. Saya cuma nak tanya sedikit sahaja, tentang pelancongan sebab tadi pun ada nyata angka-angka kan! Dalam Bajet 2022, ada menyatakan dua part lah. Part yang pertama ialah bagi sektor pelancongan domestik ke seluruh Negeri Kedah, kerajaan akan memperluaskan kemudahan prasarana, pelancongan dan pemulihan bangunan, warisan dengan peruntukan sebanyak RM3 juta tapi tak nyatakan detail nak buat di mana. Minta YB. Kuah nyatakan nak buat di mana? Yang kedua, peruntukan kepada Eko-Pelancongan dan juga hutan simpan sebanyak RM3.2 juta, yang ni juga minta jelaskan di mana dan projek apa?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Bakar Arang, untuk saya detailkan peruntukan RM3 juta dalam bajet, buat masa la saya tiada detail berkenaan dengan peruntukan tersebut. Jadi, saya mungkin boleh hantar jawapan bertulis kepada Yang Berhormat selepas saya dapatkan detail daripada kerajaaan negeri. Untuk soalan kedua, saya akan sampai ke penggulungan saya.

Oleh itu YB. Dato' Speaker, YB. Bandar Baharu, ada menyentuh berkenaan dengan usahawan untuk kita mudahkan proses-proses permohonan pinjaman daripada usahawan kita kepada UPUK.

Untuk makluman Yang Berhormat, proses yang diperlukan untuk memohon pinjaman atau mendapatkan bantuan di UPUK adalah antara yang paling mudah di antara mana-mana agensi kerajaan yang menawarkan pinjaman perniagaan. Antara keperluan adalah sijil daftar niaga, yang kedua gambar tempat perniagaan dan yang ketiga adalah laporan kewangan syarikat. (financial statement)

Antara penyebab beberapa permohonan yang gagal adalah tiada laporan kewangan dan juga antaranya ialah tiada sijil perniagaan walaupun mereka dah berniaga bertahun-tahun tapi mereka tak buat sijil perniagaan. Bila nak mohon pinjaman baru buat pendaftaran, jadi pendaftaran itu jadi baru dan tak melayakkan mereka untuk buat pinjaman.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kuah, 2 minit lagi!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

2 minit lagi! Banyak point lagi! Oleh itu, saya menyarankan kepada usahawan-usahawan kita agar setiap keuntungan perniagaan perlulah dimasukkan ke dalam akaun supaya kita ada laporan kewangan yang baik, dan di sini juga mereka bukan sahaja boleh buat pinjaman kewangan tetapi mereka juga boleh buat pinjaman ataupun pembelian rumah melalui financial yang baik ini dan juga pembelian-pembelian aset untuk perniagaan mereka. Oleh itu, saya terpaksa skip beberapa isu ataupun point-point supaya landing dengan baik. Berkenaan dengan litar lumba, YB. Jitra tak dak! Saya boleh teruskan dengan isu yang berlegar-legar di media sosial sekarang ini iaitu isu ikan siakap ianya dalam konteks usahawan juga.
Baru-baru ini kita dikejutkan juga dengan viral ikan siakap berharga RM1,000 lebih sampai ke Mydin sampai ke semua orang lah buat video, bawa keluar ikan mata merah, buat apa pi Langkawi di Mydin pun ada, tapi ikan mata merah lah bukan ikan fresh. Oleh itu, YB. Dato' Speaker ingin saya jelaskan ataupun memberi penerangan bagi pihak Pejabat Exco Usahawan, kita tak melihat mana salah mana yang betul tetapi mana-mana orang yang pi makan, dia punya range harga macam tu dengan keadaan ikan yang besar, ikan dia boleh muat 5 pinggan, kalau tak habis boleh bawa balik lagi! Jadi, ada 2,3 orang ada yang memuatnaik dalam internet bil-bil yang mereka di kedai tersebut. Dia punya range harganya lebih kurang RM1,000 ke RM1,700 cuma bila saya berjumpa dan bersembang dengan pemilik restoran, ikan yang di viral itu adalah ikan di kolam depan, ikan di kolam depan itu adalah ikan untuk show, dia bukan boh dalam akuarium. Dia bubuh dalam kolam depan itu, ikan dalam kolam itu berat dia lebih kurang 5kg ke atas, ikan yang mereka jual adalah di kolam kedua, ikan di kolam kecil sikit. Mana-mana orang yang hadir ke kedai tersebut dia akan bawa tunjuk show dulu lepas itu baru dia bawa untuk pilih ikan mana yang mereka nak. Mungkin ada kesilapan…(YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Boleh minta sikit tak?

YB. DATO' SPEAKER

Masa habis dah, jadi tak bagi dah!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Ya.. nak landing dah!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Nak cakap ikan siakap Langkawi ni!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Tak apa lah! Tak habis terang lagi. Mungkin ada salah faham diantara orang yang nak mai makan dengan orang yang nak mai beli! Pengurus itu! Jadi, pada saya satu saja, sebelum kita makan ataupun order makanan kita perlu memastikan, harga dia berapa, total dia berapa? Berat ikan macam mana? Besar ikan macam mana?
Barulah kita boleh makan janganlah sampai tinggal pinggan saja, baru minta bil baru kata mahal. Oleh itu, saya harap supaya isu ini tak lagi ditimbulkan, kerana tiada apa-apa yang besar pun kerana isu itu adalah isu agak terpencil bagi makanan-makanan di Pulau Langkawi.

Oleh itu, YB. Dato' Speaker, saya nak tamatkan ucapan penggulungan yang mana saya tak sempat gulung saya akan hantar jawapan secara bertulis. Di akhir penggulungan saya ini, saya menyokong penuh pembentangan Bajet 2022 pada Sidang Dewan kali ini dan saya akhiri dengan dua rangkap pantun. Ada pantun juga YB. Dato' Speaker!

Dari Jeneri ke pekan kuah,
Singgah sebentar di makam mahsuri,
Bersama-sama kita menumpang tuah,
Dibawah pimpinan Yang Amat Berhormat Jeneri.

Di bawah pimpinan YAB Jeneri,
Negeri makmur cukup terkenal,
Bukan meraih untuk diundi,
Inilah Kerajaan Perikatan Nasional.

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam. Tadi, YB. Kubang Rotan nak habaq dia pun terkena juga di restoran yang sama 2, 3 hari selepas itu. Jadi, tak apa lah! Kena berhati-hati lah no! Seterusnya, saya jemput YB. Kupang!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Hadirin yang dirahmati Allah sekalian Alhamdulillah saya dengan sukacitanya mengambil bahagian untuk membuat penggulungan kepada perbahasan-perbahasan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat terutama berkenaan dengan portfolio sayalah! Kalau kita lihat daripada pembentangan yang lepas yang menjadi mukadimah kepada teks ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam Pembentangan Bajet 2022, beliau telah memulakan dengan firman Allah Ayat 11 Surah Ar-Ra'd.

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ يَحۡفَظُونَهُۥ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِۗ إِنَّ
ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوۡمٖ
سُوٓءٗا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٖ ١١

Alhamdulillah saya dapat mendengar perbahasan terhadap ucapan bajet 2022 yang telah dibentangkan dan turut dibahas oleh pihak pembangkang dan juga backventures Di sini saya mengambil kesempatan untuk menjelaskan beberapa isu yang dibangkitkan yang ada kaitan dengan sayalah Insya-Allah. Pertama, sama ada langsung atau tidak langsung mengenai dengan isu judi yang kini telah pun meledak bukan sahaja dari kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat tetapi juga ialah dalam medsource yang banyak dibincang dan sebagainya. Jadi isu judi dan arak yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga daripada pihak pembangkang dan kerajaan maka saya dengan ini mencadangkan satu sesi dialog dia di antara agama diadakan khas bagi isu ini dan portfolio agama akan menjadi sekteriat kepada program ini. Saya harap dapat dipersetujui dan Yang Berhormat Tuan Speaker, isu perpindahan Sekolah Kebangsaan Bukit Meriam yang dibangkitkan oleh Alor Mengkudu di mana saya ingin menjelaskan bahawa isu ini bermula daripada satu punca kuasa bukan..(YB. Derga mencelah)

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Minta laluan! Sekejap saja!

YB. DATO' SPEAKER

Nak bagi tak YB. Kupang!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Ya..silakan!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih atas ruang yang diberikan! Terima kasih atas cadangan Kupang untuk adakan dialog dan saya rasa bukan saja judi dan saya cadangkan supaya kita bincang juga termasuk isu-isu rumah ibadat dan sebagainya supaya kita dapat membentuk satu negeri yang harmoni dan muhibbah untuk semua. Terima kasih.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Akan dipertimbangkan! YB. Dato' Speaker, mengenai dengan perpindahan Sekolah Kebangsaan Bukit Meriam yang dibangkitkan oleh Alor Mengkudu, saya ingin menjelaskan bahawa isu ini bermula dari 1 punca kuasa bertarikh 12 March 2020 yang memberi laporan kawasan itu adalah kawasan yang berisiko tinggi untuk kejadian kegelongsoran dan kejatuhan batu akan berulang. Ini amat merbahayakan dan tidak selamat kepada pelajar-pelajar dan juga kakitangan sekolah. Jadi, pihak JKR Cawangan Kejuruteraan Cerun telah mencadangkan supaya sekolah berpindah ke kawasan-kawasan yang selamat dan berikutan itu pada 20 Oktober keruntuhan tanah pun berlaku lagi dengan batu besar terus berlaku di kawasan itu. Jadi, hasil daripada kejadian itu maka tindakan-tindakan yang lanjut telah pun diambil oleh pihak-pihak yang berwajib. Jadi, oleh itu kerja-kerja pemerhatian di tapak terus diadakan oleh JKR Cawangan Kejuruteraan Cerun dan mendapati terdapat batu tergantung pada permukaan cerun di mana sudut kecerunan ataupun sudut kecuraman cerun berkenaan dianggarkan sekitar 70 darjah dan dikategorikan sebagai kawasan yang berisiko tinggi. Jadi sekaligus mengikut laporan itu, tempat itu adalah tidak sesuai untuk dibangunkan sebagai struktur binaan di kawasan kaki bukit itu dan kalau sekiranya nak dibangunkan sesuatu bangunan kita kena buat, melakukan pengukuhan kena adakan satu proses pengukuhan terhadap cerun itu

sendiri dan kos untuk melakukan pengukuhan cerun itu dianggarkan RM9.04 juta. Ini tak termasuk lagi pengambilan tanah dan kos perataan bukit dan juga bayaran pampasan yang dianggarkan kira-kira antara keseluruhannya ialah RM20 juta hingga RM 30 juta.

YB. Dato' Speaker, jadi apabila pihak berkuasa telah mengambil keputusan untuk memindahkan sekolah itu ke Sekolah Seri Kuala jaraknya lebih kurang 5 km maka terdapat bantahan-bantahan daripada pihak ibu bapa yang berkeras tidak mahu berpindah. Jadi, timbullah isu ini dan akhirnya menjadi isu yang dibangkitkan di dalam medsource juga dan akhirnya suatu tuntutan daripada pihak ibu bapa supaya kita tidak pindahkan sekolah itu.

Jadi, di dalam keadaan yang sedemikian kita mesti membuat dua pertimbangan sama ada hendak mengikuti ataupun mematuhi apa yang dikehendaki oleh pihak ibu bapa ataupun dari segi keselamatan. Jadi, selepas kita membuat pertimbangan itu pihak Jabatan Pendidikan telah membuat keputusan supaya dipindahkan juga dan peruntukan telah pun diluluskan untuk menambah prasarana di sekolah yang akan dipindahkan. Semua dah disiapkan! Namun demikian keadaan itu telah menjadi panas apabila sebahagian daripada penduduk telah pun membuat tunjuk perasaan sedangkan kita telah melakukan banyak tindakan-tindakan dan kalau ikut urutan ni saya nak baca memang panjang sangatlah, dia punya kronologi kes ini cumanya sekarang ini kita ada dua pilihan. Pilihan yang pertama ialah terus berada di situ dengan kita menambah pembaikan dan juga melakukan pengukuhan cerun di mana kosnya ialah RM30 hingga RM40 juta.

Yang keduanya ialah dicadangkan buat bangunan baru di tapak yang dicadangkan di mana kos pembinaan sekolah baru ini yang dicadangkan ialah 12 bilik darjah, 2 blok tingkat dan kosnya di antara RM25 juta hingga RM30 juta termasuk pengambilan tanah. Keluasan sekolah di antara 4 hingga 6 ekar, kemudahan sekolah dengan infrastruktur yang baru, canggih, moden dan mempunyai padang berbanding dengan premis sekolah yang ada sekarang ini tidak mempunyai padang. Namun demikian, pihak penduduk masih lagi tidak bersetuju dengan apa yang dicadangkan maka pihak saya dan juga termasuklah dengan Yang Berhormat Pantai Merdeka telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak sekolah dan mereka tetap juga tidak mahu pindah sedangkan untuk sementara ini pihak kita telah 'offer' supaya kemudahan pengangkutan daripada rumah ke sekolah baru yang hendak dijadikan pilihan ini dengan menyediakan kenderaan. Namun demikian, pihak penduduk masih lagi berkeras, tidak mahu menerima cadangan kita itu! Jadi, sekarang ni ada dua alternative. Yang pertama sama ada kita nak buat cerun itu, memperkukuhkan cerun. Yang keduanya ialah dengan cadangan sekolah baru, pihak JKR lebih

cenderung untuk mengadakan sekolah baru kerana inilah perkara yang peluang untuk dapat pembangunan baru dimana dari segi pembangunan pembelajaran dan juga pendidikan kita perlu rancang lebih jauh dengan tidak terikat dengan perasaan nak jaga nostalgia dan sebagainya tapi kita lebih merancang kepada pembangunan pendidikan negeri sendiri. Sebab itu perlulah ada satu perubahan taklah semata-mata untuk mempertahankan perasaan masing-masing. Jadi, dalam banyak perbincangan (YB.Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Dato' Speaker, cadangan untuk buat sekolah baru tu mengambil masa berapa lama berapa tahun itu soalan saya?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Satu-satu pembangunan itu kalau nak buat bukan boleh sebulan, dua walaupun kita telah jelaskan bahawa perpindahan itu adalah sementara. Proses-proses telah pun bermula dan tapak sudah pun dikenal pasti dan cadangan itu pun telah pun dikemukakan kepada pihak yang berwajib. Jadi, saya kira perkataan sementara itu janganlah dipendekkan sampai tak boleh nak buat apa, biarlah munasabah!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Ada sikit! Ada surat daripada tahun 2017 kelulusan untuk buat Benteng dekat cerun situlah tapi tak diambil tindakan?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Barangkali kita kena lihat kepada kos itu, sepertimana yang saya sebutkan tadi bahawa kos itu untuk memperkukuhkan bahagian cerun itu mengambil apa nama ni kos yang tinggi RM30 hingga RM40 juta nak bandingkan dengan sekolah yang baru akan dibuat! Jadi, lebih baik, adalah lebih bijak sekiranya kita membuat keputusan yang lebih menguntungkan semua pihak sama ada kerajaan dan juga kepada pihak ibu bapa yang akan menerima manfaat daripada apa yang kita akan buat. Itu yang sebenarnya!

YB. Tuan Speaker, saya rasa perkara ini pun masih dalam tindakan dan perundingan- perundingan masih lagi berjalan maknanya kita masih lagi belum lagi membuat suatu keputusan yang tuntas kerana masih lagi berjalan sama ada nak pilih alternatif (a) ataupun alternative (b). Saya harap penduduk dapat faham keadaan yang sebenarnya.

Kemudian, isu yang seterusnya ialah isu Pendidikan Islam mengenai dengan Tadika Islam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Derga. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa selaras dengan usaha kerajaan memartabatkan Pendidikan Islam maka Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5.3 juta bagi membiayai kos operasi 140 buah tadika yang melibatkan 1,664 murid dan 124 orang guru. Peruntukan ini merupakan peruntukan pengurusan tahunan bagi membayar gaji guru, pembantu dan tukang masak Tadika Islam di seluruh negeri dan seterusnya yang keempat ialah bantuan…(YB. Derga minta laluan)

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Dato' Speaker, persoalan saya itu bukan sebab sekolah itu 141 tetapi guru hanya 126, jadi adakah seorang guru jaga 2 tadika. Saya takut bila tengok balik di mana Sekolah Agama Rakyat itu, dia dapat hanya, dia ada 200 sekolah jugalah tak salah saya, dia hanya dapat RM1 juta. Jadi, maksud itu, satu Sekolah Agama Rakyat dapat RM5,000 sahaja berbanding dengan tadika lebih kurang RM37,000 jika kita bahagi dengan 141. Adakah salah pengiraan tersebut sebab tadika hanya 141 tapi guru hanya 126. Itu saja, saya nak minta penjelasan adakah betul? Dan adakah semua sekolah tadika ini didaftar 141 sebab saya difahamkan tadika yang berdaftar hanya 50 hingga 60 macam itu sajalah! Terima kasih.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh tambah?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Silakan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Dato' Speaker, kita ada lebih daripada 1,500 tadika di Negeri Kedah ini dan boleh dikatakan semua tadika ini menghadapi masalah pengurusan dan sebagainya sebab pandemik tak kan lah nak bantu 142 tadika itu sahaja. Tadika lain perlu juga! Apa special nya tadika ini yang sampai RM5 juta nak dibelanjakan kepada tadika tersebut?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Mohon tambah sikit Kupang no!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Ya..silakan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Kota Siputeh ini kita nak tanya dia sebelum ini tak bagi, mai sini dia tanya banyak! YB. Dato' Speaker, saya merujuk kepada apa yang telah membentangkan dan jumlah yang disebut oleh Kota Siputeh 1,000 lebih tadika dan kita pun mengharapkan supaya kerajaan ada insentif untuk bantu tadika-tadika. Dan kita pun sedar ada tadika swasta itu pihak Kementerian Pendidikan, ada geran dan sebagainya kepada tadika-tadika swasta dan saya tak pastilah sama ada Kota Siputeh sedar 146 tadika taska. Masa Kota Siputeh pun jumlah yang sama dan RM5.3 juta itu kos pengurusan yang sudah sedia ada sebelum ini. Tak tahulah Kota Siputeh sedar ataupun dak semasa memegang Exco. Jadi, mungkin pihak kerajaan juga boleh memikirkan insentif dan bantuan-bantuan lain. Ini kos pengurusan daripada taska dan kembangkan kepada taska-taska lain. Terima kasih.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Sebenarnya tadika ini ada tadika persendirian, ada dibawah Tadika Kemas, dan ada Tadika dibawah Jabatan Agama dan sebagainya. Jadi, keseluruhannya yang berdaftar ialah 141, yang tak daftar tu memang barangkali ada lagilah yang tidak didaftarkan. Walau apa pun pengurusan ini ialah pengurusan yang sedia ada dan kita harapkan bahawa penambahbaikan dari segi-segi bantuan-bantuan dan sebagainya akan dilihat pada masa-masa yang akan datang. Insya-Allah, kemudian apa yang dibangkitkan oleh YB. Kota Siputeh mengenai dengan bantuan gajet yang dibangkitkan oleh Kota Siputeh mengenai bantuan peralatan PDPR sebanyak 9,923 unit telah diagihkan di Negeri Kedah dan ini tidak termasuk bantuan yang disumbangkan oleh NGO dan syarikat-syarikat korporat.

Di samping itu di bawah Lembaga Zakat juga beberapa projek berhubung dengan perkara ini turut dilaksanakan. Jadi, kalau kita lihat projek-projek yang dibawah zakat sendiri, 51 ialah projek telefon pintar melalui Jabatan Pendidikan Negeri, jumlah penerima ialah 692 buah sekolah dan selain daripada itu bantuan set PDPR Sekolah Rendah Agama, Sekolah Menengah Agama, Maahad Tahfiz dan pondok yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan juga bantuan telefon pintar dan data Internet di mana pelajar Asnaf di sekolah Lembaga Zakat Negeri Kedah, bantuan telefon pintar bersama TNB Kedah kepada pelajar miskin dan juga miskin terpilih di Lima buah daerah iaitu Baling, Sik, Pendang, Padang Terap dan Langkawi. Jadi, jumlah keseluruhannya ialah lebih RM22,449,276.

Jadi, itulah diantara bantuan-bantuan yang telah diberi seperti mana yang dibangkitkan dan juga di sini saya mengambil kesempatan juga untuk menjelaskan kedudukan Pusat Dakwah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Dawai Pusat Dakwah ini ialah sebenarnya di bawah kawalan Yayasan Islam…

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Boleh bagi laluan sikit kut no! Nak ubah topik dah kan! Sekolah habis dah! Berkait dengan tahfiz dalam ucapan saya kelmarin bantuan pada 2022 dengan jumlah yang diberi iaitu dengan angkat jumlah yang diberi tu dengan angka jumlah sekolah itu sekitar 5,000 Tahfiz dan Sekolah Agama Rakyat. Jadi, semalam saya sebut bahawa ada di antara tahfiz-tahfiz yang akan tutup pada bila-bila masa, yang telah tutup pun ada jadi sudah tentu saya rasa bantuan yang perlu diberi keperluan kepada tahfiz-tahfiz ini tidak sama jumlahnya dengan tahfiz-tahfiz yang mampu lagi beroperasi. Jadi, soalan saya adakah Kupang berhasrat untuk melihat secara keseluruhan untuk memastikan bahawa tahfiz yang berdaftar ini mampu untuk bergerak semula memulakan depa punya pengajian semula dan seterusnya mampu untuk survive di masa-masa akan datang. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kupang, ada 4 minit lagi!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Tambah 5 minit lagi!

YB. DATO' SPEAKER

Tambah 2 minit saja!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

Tambah 2 sahaja! Sebenarnya, tindakan untuk tidak berlakunya penutupan Pihak Penguasa Tahfiz-Tahfiz ada berjumpa dengan saya dan saya jelaskan bahawa cuma kita boleh memanjangkan kepada pihak majlis untuk memberi kelonggaran supaya dapat beroperasi walaupun dalam keadaan pendemik covid19 dengan kelonggaran- kelonggaran yang tertentu dan pada peringkat permulaan itu memang diluluskan dengan syarat-syarat yang ketat dan apabila gelombang kedua maka perkara itu tak dapat diteruskan. Jadi, apa pun perkara ini telah pun sampai ke

pengetahuan kita dan kita bincang bagaimana nak selesaikan dan saya rasa dalam keadaan yang sedemikian tiba-tiba kita dah berubah sekarang inilah kepada fasa 4. Jadi, soal itu tak berlaku lagi dan semua Insya-Allah akan berjalan seperti biasa selepas daripada ini.

Alhamdulillah maknanya dengan doa kita maka edaran masa yang berlaku ini dapat menyelamatkan keadaan tadika ini. Jadi, Alhamdulillah! Selain daripada itu, saya suka nak menyebut bahawa apa yang dibangkitkan oleh Tanjung Dawai di mana kedudukan pusat dakwah, di mana pusat dakwah ini ialah di bawah kawalan Yayasan Islam, jadi kerajaan tidak memberi sebarang bantuanlah itu kerana mereka yang telah mengendalikan cumanya IQDAR sahaja yang kerajaan bagi peruntukan tahunan itu untuk pengurusan walaupun IQDAR itu dibawah Yayasan Islam. Jadi, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker,…(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Ada 3 minit lagi!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD

3 minit lagi, tak apa lah saya sedekah dekat orang lah 3 minit ini, moga-moga dapat diselesaikan. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Kupang! Sekarang kita jemput YB. Bukit Pinang! Nak buka mask pun tak apa YB. Bukit Pinang!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, Washolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah Waman Tabi'ahum Bi'ihsan Ila'yaumiddin. Qhola' Robbishrohli Sodri Wa'yassirli Amri. Wahlul' Uqdatan Min Lisaani Yaf Qouhu Qouli. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman, Yang Berhormat Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli - Ahli Yang Berhormat, YBHg. Ketua-Ketua Jabatan Negeri Dan Persekutuan seterusnya Pegawai-Pegawai Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama kali saya mengucapkan penghargaan dan rakaman terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan soalan samada soalan lisan dan bertulis. Penghargaan juga diucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam mengemukakan saranan yang bernas untuk dijadikan penambah baik dan dasar-dasar negeri jangka panjang terutamanya yang melibatkan sektor penerangan, komunikasi dan multimedia dan perdagangan dalam negeri dan juga hal ehwal pengguna.

YB. Dato' Speaker, terdapat Kg. Nauk, kampung namanya Kg. Lawa dalam Dun Bukit Lada. YB. Dato' Speaker, walaupun tak lawa tapi manis orangnya! Sektor komunikasi dan multimedia iaitu ICT, kemudahan akses internet kini menjadi satu utiliti asas yang sangat diperlukan dalam kalangan masyarakat dalam menjalani rutin harian baik di rumah, pejabat, sekolah atau di tempat umum. Tambahan pula dengan situasi Pandemik Covid-19 menyebabkan semua golongan perlu mengadapatasi kepada transformasi digital bagi meningkatkan produktiviti. Bagi yang tiada pendapatan dan yang ingin meningkatkan pendapatan, kebergantungan kepada ekonomi digital adalah salah satu penyelesaian digital atau '*digital solutions*'.

Untuk tujuan berkenaan di peringkat Kerajaan Negeri, selaku Exco yang bertanggungjawab, saya akan memastikan prasarana pembangunan fizikal digital menerusi rantaian jaringan dan akses kepada capaian internet dilengkapi di seluruh daerah dan kawasan supaya '*digital gap*' antara kelompok dalam masyarakat, demografi dan geopolitik dapat diminimakan, dengan kerjasama dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Pendigitalan Perkhidmatan Awam yang dibangkitkan oleh Adun Derga dan Adun Alor Mengkudu Pelan Pembangunan Kedah 2035 (KEDAH2035) telah menggariskan Teras 5: Kompetensi Tadbir Urus melalui Strategi "Memperluaskan capaian perkhidmatan awam secara digital dengan mudah, menyeluruh dan seragam".

Sehubungan dengan itu, adaptasi norma baharu dalam pentabiran dan pengurusan perkhidmatan jabatan dan agensi kerajaan ke arah pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatan sedang dilaksanakan secara berperingkat.

Melalui Bajet 2022, diperuntukan RM9.6 juta telah disediakan bagi memangkin usaha ke arah pendigitalan perkhidmatan kerajaan. Seperti yang telah dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar pada 14 November yang lalu berhubung Bajet 2022, pembangunan aplikasi secara '*in-house*' disediakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dengan kerjasama Jabatan Pengguna.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pihak BTMK atas kejayaan membangunkan pelbagai sistem atas talian seperti iDaftar, iUJKT, iPerolehan, iBayaq, iJanji, iPendaftaran dan iSara bagi meningkatkan efisiensi jabatan. Pembangunan sistem atas talian ini secara tidak langsung dapat meningkatkan hasil kepada Kerajaan Negeri, mengurangkan kos pengurusan dan akhirnya akan memudahkan rakyat menggunakan perkhidmatan jabatan dan juga agensi negeri.

Berhubung dengan pertanyaan dari YB Derga, sama ada urusan carian hakmilik boleh dibuat secara atas talian, terdapat tindakan ke arah tersebut oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah. Penambahbaikan dalam urusan di bahagian pendaftaran melalui pengenalan sistem iPendaftaran yang akan bermula iaitu pada 1/12/2021.

Melalui iPendaftaran, orang ramai boleh memohon carian persendirian, carian rasmi, urusan pertukaran maklumat hakmilik secara atas talian, tanpa perlu hadir secara fizikal ataupun ke kaunter di Pejabat Tanah kecuali dalam situasi tertentu yang tidak dapat dielakkan. Ke hadapan, ada lagi modul carian online melalui SPTB Web dan eTanah. Semua dalam perancangan pentadbiran tanah negeri untuk menambahbaik sistem penyampaian kerajaan.

Di samping itu, sistem kutipan hasil secara bersepadu yang dapat dikenali sebagai iHasil dijangka akan mula dilaksana pada April 2022 yang melibatkan terimaan hasil di peringkat Pentadbiran Tanah dan seterusnya akan diperluaskan ke Pentadbiran Daerah dan pelbagai jabatan. Peruntukan sebanyak RM3.5 juta diperuntukkan bagi pembangunan sistem ini. 'Dedicated Line' Kepada Jabatan Negeri Bagi Tujuan Video Conferencing yang dibangkitkan oleh YB Bandar Baharu pula membangkitkan keperluan untuk menyediakan '*dedicated line'* kepada Pejabat-Pejabat Daerah agar mempunyai akses internet yang lebih stabil dan berkualiti bagi melaksana mesyuarat secara atas talian.

Bagi tujuan ini, pihak BTMK telah mengambil tindakan dengan membekalkan secara berfasa kesemua Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Negeri Kedah supaya akses internet secara langsung untuk penggunaan 'Video Conferencing' iaitu 800mbps bagi termasuk di Wisma Darul Aman. Tidak kalau tidak ada 800mbps, saya yakin tak clear lah iaitu buat fasa pertama, 4 daerah akan terlibat iaitu di Kuala Muda, Langkawi, Pokok Sena dan Padang Terap serta Kota Setar. 4 kawasan ini dah clear dah tahun depan, sambung utk fasa kedua dan bergantung dengan ketersediaan fiber oleh pihak TM tapi saya berkeyakinan apabila kita bincang dengan TM buat masa sekarang mereka tidak bersedia menyediakan fiber optic kepada daerah-daerah yang tiada lagi sebab kos dia terlalu tinggi cuma ada stremix saja buat masa

sekarang di pejabat daerah tersebut. Insya-Allah selepas ini saya akan berjumpa dengan bos TM sendiri kerana champion fiber optic hanya TM sahaja yang dapat menyelesaikan masalah ini.

Maklumat Tambahan iaitu Projek Pemasangan Rangkaian Internet Berkelajuan Tinggi (Metro-E) Untuk Kegunaan Pejabat-Pejabat Cawangan Jabatan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Ya..silakan YB. Alor Mengkudu! (YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

YB. Dato' Speaker, pasal dah masuk tajuk lain, mengenai pendigitalan tadi ini, pentadbiran kerajaan, adakah YB. Bukit Pinang sebagai Exco terlibat dengan IT sedar bahawa di Bahagian MMK yang menjaga Adun-Adun dan urusan Exco masih lagi ketinggalan dalam pendigitalan yang perlu dibuat satu upgrading. Contohnya begini, yang di upgrade kan baru ini ialah hanya satu saja iaitu cara mengemukakan soalan yang sudah dikemukakan secara online tetapi ada banyak kesukaran bagi Adun-Adun sepatutnya semua soalan-soalan hendaklah ada satu library digital yang boleh access ertinya bila kita nak rujuk, tajuk sekian-sekian sebenarnya sudah ada dah soalan itu ataupun maklumat-maklumat dah ada dah tak payah dah, setiap kali duk buat soalan duk fikir apadia soalan nak buat. Itu salah satu.

Yang keduanya ialah setiap Adun hendaklah ada access kepada Pejabat MMK terutamanya tentang diri dia sendiri, elaun dan apa-apa elaun, tuntutan, status dia macam mana, dia punya. Sekarang ini terima elaun tidak ada slip, slip saya ingat tak dah sekarang ini. Kita pun tak tau dia bayar apa sekarang ini. Jadi, di MMK sendiri banyak benda yang perlu digunakan peruntukan itu iaitu RM9.2 juta untuk upgrade di MMK supaya dapat membantu tugas-tugas kita lah, selain daripada tugas MMK sendiri. Adakah YB. Bukit Pinang boleh bersetuju dengan cadangan. Terima kasih.

YB. DR. SALMEE BT SAID

Boleh tambah sikit?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Silakan YB. Siputeh. Siputeh punya pasal tak apa!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Tentang sistem 5G itu boleh tak katanya nak habiskan seluruh Kedah ini dengan sistem 4G, kalau kita tak ambil sistem 4G dan kita direct terus ke sistem 5G boleh tak?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Bukit Pinang, YB. Dato' Speaker, sebenarnya jawapan tadi bila dibentangkan oleh MB ternyata, saya hanya nak cadangkan supaya kita perlukan satu big data. Soalan saya ialah adakah kerajaan bersedia untuk pastikan kita adakan big data untuk pastikan tiada pertindihan dengan kerja-kerja dan untuk mengecilkan proses supaya Negeri Kedah dapat masuk ke pendigitalan lebih cepat lagi. Adakah tambahan peruntukan untuk buat begitu? Itu sahaja. Terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih kepada YB. Alor Mengkudu, YB. Kota Siputeh dan YB. Derga. Insya-Allah saya berkeyakinan apabila saya sebut tadi ini mungkin awal 2022 saya ambil maklum semua, yang YB. Alor Mengkudu itu, kita akan upgrade semua pendigitalan dan aplikasi duk ada ini, buat masa sekarang ini, sebelum ini memang nampak kelemahan sungguh tapi sekarang kita telah upgrade 800mbps.

Jadi, Insya-Allah di Wisma Darul Aman system-sistem ini akan kita upgrade tengok sebaik mungkin. Buat masa sekarang YB. Kota Siputeh, 5G seluruh Malaysia hanya ada di Putrajaya, Cyberjaya. Buat masa sekarang di Kedah ini tak bersedia keseluruhannya tapi ada pi ke tempat-tempat contohnya macam di Kulim Hi-Tech sebab 5G ini kita kena faham semua kena ada fiber optic kalau taka da fiber optic memang tak boleh. Kalau contoh di Pejabat Daerah kita nak buat video conferencing di Pejabat Daerah tak boleh cuma melalui cellular dia tak boleh video conferencing Cuma setakat nak mesyuarat online biasa itu boleh! Sebab dia akan 'sloop' sana 'sloop' sini kecuali fiber optic saja yang menyelesaikan semua masalah sebab itu buat masa sekarang di semua daerah yang saya sebut, 4 daerah di Kedah ini ada fiber optic. Insya-Allah selepas ini, kos dia tinggi, saya dah bincang dengan TM, mereka tak mampu. Contohnya di kampung-kampung kalau kita nak minta, kita nak minta Unifi di rumah kita, sekurang-kurangnya kena ada 10 orang yang tandatangan barulah TM boleh cuba sebab dia ada satu equipment di pesawat dan fiber optic tarik, kos dia tinggi. Tapi, Insya-Allah selepas ini saya akan bersama BTMK akan turun jumpa CEO TM untuk memastikan apa yang kita nak, 70 tempat, 70 lokasi, seluruh pejabat, Pejabat Daerah, Pejabat Tanah, Pejabat Agama di seluruh daerah di Kedah ini mesti guna fiber optic.

YB. Derga tadi, untuk kita upgradekan semua selepas ini iDaftar, bila kita sent semua itu automatik kita boleh cari apa pun lebih memudahkan dan kita tak perlu pi ke Pejabat Tanah. Insya-Allah! Dan semua ini akan bermula pada 27 Oktober 2021 sehingga 23 Disember 2021. Insya-Allah upgrade ini akan dipercepatkan. Dan untuk melibatkan 71 lokasi yang saya sebutkan tadi di seluruh daerah, Pejabat Daerah, Pejabat Agama, memang ada kekangan. Sebelum ini, bila saya pegang Exco ini saya telah dapat mengesan betapa perlunya untuk adakan sistem-sistem I ini, kalau tiada di seluruh daerah cuma kita ada di BTMK ini, dia ada satu equipment yang terbaik, iaitu sebagai pusat keselamatan tahap 1 mesti dijaga sebaik mungkin. Macam di Pejabat Daerah Kota Setar, tiada fiber optic tapi di pasang dan ditembak dari Wisma Darul Aman yang ada 800mbps.

YB. Dato' Speaker, purata kelajuan internet sedia ada di semua jabatan adalah antara 2Mbps - 6Mbps. Kelajuannya amat sedikit tapi Insya-Allah menerusi Bajet 2022, peruntukan secara keseluruhan berjumlah RM6juta diperuntukkan bagi menaiktaraf prasarana KedahNet, langganan talian, bayaran lesen, pengurusan portal atas talian dan bekalan ICT bagi semua jabatan Negeri Kedah. Saya yakin inisiatif ini dapat memanfaatkan jabatan-jabatan Negeri dan seterusnya meningkatkan produktiviti jabatan.

Langkah ke arah penggunaan aplikasi tanpa tunai dibangkitkan oleh YB Alor Mengkudu melalui sesi perbahasan. YB. ada membangkitkan cadangan untuk menggunakan aplikasi bagi kemudahan parking dan sebagainya. Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi berkaitan mempunyai perancangan untuk memperluas penggunaan aplikasi tanpa tunai dalam semua aspek harian masyarakat dengan menggunakan pelbagai medium seperti TnG e-Wallet, Boost Pay dan sebagainya. Perkara ini sangat penting dalam usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat tanpa tunai atau 'Cashless Society'. Bermula dari jabatan dan agensi kerajaan, kemudiannya kepada penjaja dan peniaga dan seterusnya kepada pengguna secara umum.

Isu Inisiatif Bagi Membantu Proses PDPR (Pengajaran & Pembelajaran Di Rumah dibangkitkan Oleh Adun Kulim melalui Pertanyaan Lisan, Adun Jitra, Adun Suka Menanti, Adun Kota Siputeh melalui Perbahasan.

Selain daripada inisiatif yang telah diambil dan dilaksanakan di bawah Kementerian Pendidikan, pihak SKMM bersama-sama dengan syarikat telekomunikasi turut melaksanakan pelbagai program dan inisiatif supaya para pelajar terus berpeluang menikmati perkhidmatan internet seperti berikut:

Pemberian perkhidmatan mudah alih utama menawarkan internet secara percuma sebanyak 1GB setiap hari iaitu bersamaan 30GB data percuma setiap bulan. Pelajar dapat secara percuma iaitu bermula dari 1 April 2020 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), yang kini dilanjutkan sehingga akhir tahun 2021 di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

Penggunaan data percuma 1GB ini terhad kepada aktiviti produktiviti dan khusus untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran atas talian. Pelaksanaan program dan inisiatif seperti ini membolehkan semua rakyat terus berpeluang menikmati perkhidmatan internet yang merupakan keperluan asas bagi hampir semua aktiviti harian.

Sebagai pelengkap untuk pembelajaran atas talian, sebanyak 71 buah Pusat Internet Komuniti (PIK) yang diselia oleh SKMM di seluruh Negeri Kedah boleh dimanfaatkan oleh orang ramai terutamanya para pelajar dalam memastikan proses PdPR berjalan lancer termasuklah usahawan-usahawan di kampung.

Saya nak sebut, apabila saya pi satu tempat di Kupang, Pusat Internet dikenali sebagai Pusat Internet Komuniti Keluarga Malaysia. Di situ tempatnya baik, di Kupang ini seorang janda anak 4, suami mati, dia pi di situ bawa Hilux, kita tengok hebatlah bila saya tanya dia pendapatan dia iaitu RM15 ribu hingga RM18 ribu sebulan. Dia jual hanya kulat sahaja, kulat dan pekasam kulat. Pekasam kulat ini pertama kali dalam hidup saya pernah makan pekasam kulat, bukan pekasam berkulat, tapi kulat pekasam la dia buat pekasam la kulat itu. Tapi pendapatan dia RM15 hingga RM18 ribu sebulan. Yang pentingnya dia tanam bongkah untuk tanam kulat itu. Last sekali saya tanya dia macam mana? Macam mana? Last sekali dia bagitau suami dia mati dan mulai daripada situlah dia bangkit, dia mai idea dia sendiri tanam kulat, di kampung di sebelah Kupang. Nama apa dia Dato'? Pusat Internet di sebelah masjid itu. Kg. Sadek. Tempat dia cantik. Dan satu lagi photographer, pendapatan RM20 hingga RM30 ribu sebulan, suami isteri. Bagi saya tidak ada alasan oleh kerana covid, kita tak boleh mencari alasan asalkan kita ada kreatif, ada usaha tak sepatutnya berlakulah pendapatan RM15 – RM18 ribu sebulan. Dia janda anak 4, tapi bila saya risik-risik dan tanya tapi bila saya bagitau Dato' Najmi, dia pun bulan depan nak kahwin dah! Walaupun sikit, bulan depan dia nak kahwin sebab orangnya comel sebab bila kita tengok comel itu, anak 4, pendapatan dia RM15 – RM18 ribu, cerita dia nak kahwin bulan 4, tak kata apa lah! Bukan kata rekaan cerita sungguh ni.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Pinang, sungguh-sungguh juga! Ada 3 minit lagi ni!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Allah! Saya nak kena langkau ni! Banyak lagi saya nak sebut. Satu lagi walaupun masa dah suntuk, ekonomi GIG tak dan! Satu lagi saya nak sebut walaupun masa suntuk kita buat masa sekarang ini, di Kedah ini. Kita adalah pertama kali di Kedah ini bersama dengan MDEC. Program pertama kali bersama MDEC di Kedah iaitu Prgram MYDIGITALMAKER VIRTUAL FAIR NEGERI KEDAH "MAIREKA" 2021. Iaitu kita melibatkan semua segmen, 30 segmen seperti Robotik, Digital Marketing, Asas Rekabentuk 3D, Pengaturcaraan, Asas Drone dan Animasi & Multimedia yang melibatkan 7 kolaborasi termsuklah Kedah Digital Centre, MDEC, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, BTMK, UUM, Unishams, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Polimas, Kolej Poly-Tech Mara Alor Setar yang melibatkan semua kolaborasi ini pelajar-pelajar melalui online, 30 modul ini 7,200 orang. Sejarah dalam Negeri Kedah melalui online, melalui 30 modul yang saya sebutkan tadi, mungkinlah kehadiran itu, penyertaan daripada pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah mungkinlah dalam suasana sekarang ini berminat orangnya, tambah-tambah anak muda dengan tiktoknya, dengan drone mungkin luar jangkaanlah melibatkan 7,695 orang yang dirasmikan oleh YAB. Menteri Besar iaitu pada 24 Oktober 2021 sehingga 30 Oktober 2021 secara atas talian.

Oleh kerana masa suntuk, kalau ikutkan banyak lagi. Yang lain saya dah jelaskan untuk memastikan Kedah ini dengan menaranya akan diupgrade keseluruhannya, 1,626 menara akan diupraged kepada 4G dan semua fiber optic yang ada di Negeri Kedah ini kita pastikan upgrade supaya yang perlu upgrade yang saya sebut sikit, kelmarin saya sebut sikit masa jawapan lisan iaitu 76,474 fiber optic yang perlu diupgradekan dan sekarang kita dah buat hamper 50 ribu premis yang sudah diupgradekan fiber optic. Insya-Allah saya berkeyakinan, kalau keseluruhan menara kita daripada menara 1,626 menara itu apabila diupgradekan kepada fiber optic dan semua premis kita upgradekan kepada fiber optic, saya berkeyakinan Kedah ini akan menjadi sebuah negeri yang terbaik. Nak kata terbaik dalam Malaysia ini tak berani yakin tapi Insya-Allah dalam keadaan pandemic covid ini atas kehendak dan keperluan asas utility di Kedah ini akan tercapai di mana keperluan asas sekarang ini sepertimana air dan api, kita nak juga pencapaian jalur lebar di Kedah ini mencapai di tahap yang terbaik. Setakat itu sajalah saya dapat sampaikan. Sekian, terima kasih! Wallahualam. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dengan itu, saya menyokong penuh bajet yang dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar Kedah Bajet 2022. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Pinang, Seterusnya saya persilakan YB. Bukit Kayu Hitam.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Auzubillahimialimi'alim Minshaitanirajim. Bismillahirramanirrahim. Alhamdulillahi Robbil A'lamin Wassolati Wassala' Muala' Asyrofil Ambiya' Iwal Mursalin Saiyidina Muhammadin Wa'ala Alihi' Wasohbihi' Ajmain' Subhanakala'Ilmalana Illa'maalam'tana Inna'kaan Tal Alimul' Hakim. Robbishrohli Sodri Wa'yassirli Amri. Wahlul' Uqdatan Min Lisaani Yaf Qouhu Qouli. Robbiyasirli Wala'tuassir Robbil'Tammil Bil'Qhoir. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Ahli - Ahli Yang Berhormat Dan seterusnya kepada Ketua- Ketua Jabatan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah sekalian. Pertamanya, saya ingin mengambil peluang disini untuk memberikan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, diatas pengurniaan Darjah Seri Paduka Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati (S.P.M.K), yang membawa Gelaran Dato' Seri dan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker atas penganugerahan darjah Dato' Setia Sultan Sallehuddin Kedah (D.S.S.S), yang membawa gelaran Dato'.

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada adik Muhammad Hadif Bin Syazwan Anas ang berumur 11 Tahun dari Sekolah Agama Integrasi Faizin, Guar chempedak byang telah menerima Anugerah Pingat Hang Tuah sempena Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 pada bulan Oktober lalu. Seperti yang kita sedia maklum pada tanggal 18 Ogos 2021, telah berlakunya satu bencana kepala air yang telah menyebabkan runtuhan besar di daerah yan di mana keluarga adik Muhammad Hadif adalah antara salah satu keluarga mangsa bencana tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker,Ahli Yang Berhormat,Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian, adik Muhammad Hadif telah menjadi wira kecil kepada keluarganya apabila beliau telah menyelamatkan neneknya dari dibawa arus deras. Ini menunjukkan sifat keberanian dan tanggungjawab dalam melindungi keluarga semasa berada di dalam situasi yang mencemaskan dan membuktikan semangat keperwiraannya.

Sukacita saya maklumkan juga kepada Yang Berhormat Dato' Speaker Ahli Yang Berhormat,Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian bahawa peruntukan Tabung Sejahtera Wanita Negeri Kedah (TSW) bagi tahun 2021 akan dibayar pada 28 november 2021 ini. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah, kerana meluluskan pembayaran Tabung Sejahtera Wanita Negeri Kedah bagi tahun 2021 iaitu sebanyak RM467,000, yang melibatkan seramai 934 orang penerima bantuan dari seluruh Negeri Kedah. Bantuan ini juga diberikan kepada penerima kategori usahawan wanita yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan secara one-off sebanyak RM500 tunai. Berdasarkan soalan yang dilontarkan oleh Adun Kota Siputeh, tujuan bantuan Tabung Sejahtera Wanita ini diberikan adalah sebagai nilai tambah kepada usahawan wanita untuk lebih maju dan meningkatkan pendapatan mereka di mana para usahawan wanita ini dapat menggunakan sumbangan ini untuk membeli dan menambahbaik peralatan perniagaan serta meningkatkan kualiti produk mereka.

Justeru, seiring dengan Pembentangan Bajet 2022 oleh YAB. Menteri Besar Kedah yang berpaksikan Pelan Pembangunan Kedah 2035, beberapa inisiatif pelan ini akan dimulakan pelaksanaannya pada tahun 2022 yang memenuhi tema ekonomi, rakyat dan alam. Berdasarkan teras 2 bagi peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat, kerajaan negeri telah mengumumkan sejumlah RM39.8 juta bagi meneruskan program-program bantuan kepada golongan yang terjejas pendapatan bagi memastikan kelangsungan hidup mereka terutamanya kepada pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat serta kebajikan rakyat di Negeri Kedah.

Bagi memperkasa agenda membantu golongan rentan, kerajaan akan meningkatkan bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat berjumlah RM24.82 juta disediakan untuk bayaran bantuan am bulanan, bantuan bencana, bantuan pusat aktiviti warga emas, bantuan aktiviti kanak-kanak dan rumah orang-orang tua.

Selain itu, kerajaan negeri tidak alpa dalam aspek kebajikan kepada keluarga yang menguruskan dan menjaga pesakit terlantar di mana Bantuan Keperluan Khas Pesakit Terlantar Negeri Kedah (BKPT) yang bermanfaat ini telah diteruskan dan diperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi tahun 2022 oleh kerajaan negeri. Tujuan utama Bantuan Keperluan Khas Pesakit Terlantar Negeri Kedah (BKPT) ini diberikan adalah untuk mengurangkan bebanan keluarga ataupun penjaga, menggalakkan keluarga ataupun penjaga untuk menjaga ahli keluarga yang sakit terlantar ataupun OKU terlantar, menggalakkan OKU atau pesakit kronik untuk terus tinggal bersama keluarga dan seterusnya dapat membantu memelihara dan memperkukuhkan institusi kekeluargaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat,Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian, berdasarkan soalan yang dilontarkan oleh Adun Kota Darul Aman, bermula daripada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan pada Mac 2020, semua Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri diarahkan untuk mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka bagi mengelakkan penularan wabak Pandemik Covid-19.

Sehubungan dengan itu, ibu pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya telah memutuskan agar semua permohonan perkhidmatan bantuan JKM dibuat secara atas talian. Walaubagaimanapun, semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah tetap melaksanakan siasatan bagi semua permohonan bantuan yang baru bagi mengelakkan penipuan atau pemalsuan maklumat dengan kerjasama Penghulu Daerah dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

Selain itu, terdapat pertanyaan soalan oleh Adun Pengkalan Kundor berkenaan data dan kebajikan anak-anak yang kehilangan ibu bapa disebabkan oleh Covid-19. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat,Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian, data bagi kanak-kanak yang kehilangan ibu atau bapa atau penjaga disebabkan oleh Covid-19 bermula Januari 2021 hingga Oktober 2021 di seluruh Negeri Kedah adalah sebanyak 23 kes.

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil tindakan dengan memberi bantuan bagi kesemua 23 kes kanak-kanak tersebut iaitu merangkumi bantuan kewangan segera dan bakul makanan bagi memastikan kebajikan mereka terjaga. JKM juga memberi perkhidmatan kaunseling dan konsultasi kepada kanak-kanak bagi pengurusan emosi dan mental mereka serta khidmat nasihat iaitu proses pengangkatan. Selain itu, JKM bertanggungjawab memberi penempatan kepada kanak-kanak dengan orang yang layak dan sesuai, serta menempatkan kanak-kanak tersebut di institusi dan pusat jagaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti di Taman Sinar Harapan, Jitra dan Rumah Anak Yatim di Sungai Petani.

Rakaman terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan soalan lisan dan bertulis. Saranan bernas dan pandangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dijadikan penambah nilai bagi dasar-dasar negeri jangka panjang terutamanya yang melibatkan kepada Sektor Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat dan Kebajikan Negeri Kedah.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Kayu Hitam, YB. Kota Siputeh minta laluan!

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Silakan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Speaker dan YB. Bukit Kayu Hitam. Soalan saya berkenaan dengan rumah transit. Dulu ada disebutkan 6 buah transit dibayar sewa RM1,000 sebuah, adakah rumah transit itu masih ada sebab ada kes-kes yang keluarga, ibu tunggal dengan anak yang terpaksa keluar rumah, tiada tempat tinggal mereka nak duduk. Masih adakah rumah transit itu? Bagaimana cara nak tinggal di situ?

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Untuk makluman semua, rumah transit yang berada di Taman Pulasan sebanyak 6unit masih beroperasi dan untuk memasuki rumah tersebut perlulah mendapat kelulusan. Segala kes-kes yang telah pun dipanjangkan mestilah mendapat kelulusan dari Jabatan Kebajikan setiap daerah. Jadi, kita tak boleh suka-suka kata laki saya tinggal hari ini, saya nak duduk di situ! Tidak! Ianya kena dapat kelulusan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bawa kes itu ke rumah transit tersebut. Untuk makluman YB. Kota Siputeh. Di situ nama pun rumah transit ianya hanya ditempatkan 1 – 14 hari sahaja. Selepasnya kalau kes-kes itu kita akan tempatkan ke institusi penjagaan seterusnya kalaulah kata dia kanak-kanak kita bawa ke institusi kanak-kanak. Kalaulah OKU kita bawa ke institusi OKU. Dulu kita ada di RSK Bedong, oleh kerana penambahbaikan di RSK Bedong telah pun dibuat kita akan hantar ke Perlis ataupun ke Taiping tetapi kes-kes ini mestilah dapat kelulusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat di setiap daerah dulu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian yang dirahmati Allah sekalian, kita berharap pada tahun hadapan, segala perancangan dan program bagi kesejahteraan rakyat akan dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna, setelah setahun lebih kita cuma dapat melakukan semua aktiviti hanya melalui alam maya. Insya-Allah dengan Belanjawan Kedah 2022, kebajikan rakyat akan terus dijaga. Wanita, keluarga dan masyarakat akan terus di perkasakan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada barisan hadapan kita didalam menangani pandemik Covid-19 di Negeri Kedah ini terutamanya Jabatan Kesihatan dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana boleh dikatakan selepas kita dengan pandemik Covid-19, negeri kita diuji juga dengan bencana alam. Jadi, kadang-kadang Jabatan Kebajikan Masyarakat, pekerja-pekerja, staf terpaksa meninggalkan anak, suami dan isteri untuk menjaga di pusat penempatan sementara. (YB. Kuala Ketil mencelah)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh Yang Berhormat?

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ya..silakan!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Timbalan Speaker, bila sebut isu banjir kilat dan sebagainya kita dapati sebahagian daripada rakyat yang terkesan dengan banjir tersebut terpaksa dipindahkan ke kawasan penempatan sementara. Sekarang ini, PPS memang digunakan di sekolah-sekolah yang tidak digunakan lagi. Kemungkinan akan datang bila sekolah beroperasi, PPS akan menjadi satu masalah, ada tak cadangan kerajaan untuk membina rumah transit di daerah-daerah yang selalu terlibat dengan bencana banjir?

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kuala Ketil, atas usaha itu kita kena maklumkan dan kita kena ada satu jawatankuasa khas…(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Kayu Hitam, ada celahan daripada YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Boleh sekali tak YB. Bukit Kayu Htiam!

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Silakan YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam dan YB. Speaker. Saya ingin bangkitkan satu isu di kawasan saya, isu di Kuala Kedah memang banyak masalah sosial iaitu dari segi dadah, bersekedudukan dan sebagainya. Itu ada realiti di bawah sana. Apa yang kerajaan buat, kita tak nafikan semua agensi-agensi ini, JKM dan Zakat dah buat, dah ok! Tetapi kadang-kadang mereka tak boleh keluar dari garisan kemiskinan itu. Jadi, saya nak minta supaya YB. Bukit Kayu Hitam, satu hari kita turun di Kuala Kedah sebabnya ialah contohnya, saya pi selesai. Saya pi selesai setakat kewangan, dan juga bakul makanan, ada juga peruntukan daripada pihak JKM dan sebagainya tapi ianya tidak menyelesaikan juga di bawah sana, rumah mereka pun kalau kata saya tengok pun dengan anak OKU, dengan dia kaki potong. Kalau kita tengok ada alternatif lain, berkenaan dengan kita tak dapat sediakan rumah, rumah transit ni pun tak banyak macam saya dulu sempat buat 30 buah rumah, rumah daif, masa sebagai kerajaan. Masih banyak lagi, ratus-ratus lagi, jadi kita minta Bukit Kayu Hitam tolong sekali! Terima kasih.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Untuk YB. Kuala Ketil sebenarnya pengurusan banjir ini akan diketuai oleh Tuan Daerah oleh Pegawai Daerah. Jadi, untuk nak buka pusat penempatan sementara pun, JKM kena berhubung dengan tuan pegawai daerah di setiap daerah untuk memaklumkan bila berlakunya banjir kilat ataupun bencana-bencana lain. Di sini Insya-Allah, di dalam Mesyuarat Focus Group ataupun Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri kita akan membincangkan mengenai kaedah ataupun mekanisme yang kita ambil kalau setiap pusat sementara banjir itu sekolah di buka. Jadi, untuk makluman semua, orang yang boleh memberikan hak untuk dibuka satu-satu penempatan itu ialah Tuan DO di setiap daerah.

Insya-Allah kita akan panjangkan kepada pihak berkenaan supaya masalah ini dapat ditangani dengan segera. Untuk YB. Kubang Rotan Insya-Allah kita tau dalam pandemik covid-19 ini yang melanda, banyak kes-kes penceraian, kes-kes macam katakana tadi, JKM tidak dapat turun untuk melihat kes itu sendiri disebabkan ada masalah penularan ini. Tapi Insya-Allah kita akan memperkasakan lagi JKM dan kita akan turun ke setiap daerah-daerah untuk mengambil maklumat dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk setempat itu. Untuk makluman YB. juga oleh kerana kes penceraian berlaku, satu program Raikan Cinta

yang akan diadakan esok di Hotel Park Avenue yang mana kita ambil pasangan-pasangan yang rujuk kembali, siapa yang duk rasa, nak bercerai tak bercerai itu, Pejabat Agama dah kemukakan nama-nama pasangan dengan bajet di hujung tahun ini, saya hanya mampu buat untuk 50 pasangan sahaja. Ianya bertempat di Park Avenue esok dan Insya-Allah program ini akan dipanjangkan selepas ini dan kita harap ianya menyeluruh kepada satu daerah. Kalau 50 pasangan memadai, oleh kerana kekangan bajet di hujung tahun ini. Bajet ini tahulah bila bakul makanan ini kita kena fokus kepada satu perbelanjaan yang besar. Ada lagi YB?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Sikit saja! Saya akan menyokong kalau bajet ini ditambah kepada kebajikan sebab dibawah sana teramat masalah terlalu besar selepas Pandemik Covid-19 ini, kalau bincang dengan YAB. Jeneri dan sebagainya dengan Kewangan Negeri. Betullah kita ada fix deposit banyak tapi kita tidak turun ke bawah. Kalau boleh belanjalah untuk rakyat. Terima kasih.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih. Saya harap Pegawai Kewangan Negeri dapat memberi satu peruntukan lebih besar dibawah Portfolio Pembangunan, Wanita dan Masyarakat di masa akan datang sebab kita tau masalah di JKM ini meliputi semua golongan yang ada di Negeri Kedah. YB. Kota Darul Aman berminat juga ka?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Yaa. YB. Speaker. Soalan saya kepada YB. Bukti Kayu Hitam. Untuk banjir kilat yang berlaku baru-baru ini pada 1 November 2021. Banyak rakyat yang tanya samada ada peruntukan NADMA sebab kali ini banjir luar biasa dan kerosakan harta benda disebabkan selepas pasca pandemik covid. Jadi, ramai yang tak mampu untuk beli balik apa kerosakan harta benda yang banyak dan perlu beli baru. Terima kasih.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kota Darulaman. Insya-Allah, kita pun dalam Mesyuarat Exco baru-baru ini, kita ada juga membincangkan dan kita pun dah minta nama mangsa-mangsa banjir tersebut bersama dengan report polis untuk diserahkan kepada Pejabat Dato' Setiausaha Kerajaan untuk memohon bajet kepada NADMA. Yang ini Kak Ton tak janjilah nak dapat ataupun tak dapat tapi setiap daerah sudah pun mengemukakan senarai nama untuk dipanjangkan ke Pihak NADMA dan Insya-Allah

kita doa-doakan supaya peruntukan daripada NADMA ini diberikan untuk kesejahteraan dan keselesaan mangsa-mangsa banjir untuk beli barangan dan keperluan yang rosak akibat banjir ini. Insya-Allah nanti nak habaq berapa jumlah itu, nak dapat bila itu minta maaf sebab kita dalam permohonan, belum lagi dapat keputusan dan lulus bila sepertimana bencana yang berlaku di kepala air. Alhamdulillah semua masyarakat di sana yang terkesan akibat bencana kepala air ini mendapat RM500 daripada NADMA ini. Yang itu yang kepala air yang ini nak janji berapa itu, kita tengah memohon. Insya-Allah kalau ada rezeki orang Kedah, kita pakat-pakat doa Insya-Allah kita akan dapat manfaat daripada itu.

Jadi, YB. Dato' Speaker, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah sekalian. Usaha-usaha barisan hadapan ini merupakan satu usaha yang murni. Jadi, mereka tahun ini bertungkus lumus untuk membantu kita dan kita sudah nampak kejayaan walaupun kita masih lagi belum menang sepenuhnya. Sehingga hari ini mereka masih menjalankan tugas menjaga kita walaupun Kedah sudah berada di fasa ke-4. Marilah kita berdoa kepada Allah swt. semoga Negeri Kedah bebas sepenuhnya daripada wabak ini dan rakyat dapat kembali hidup seperti sedia kala. Jadi, saya juga mengambil kesempatan ini menyokon Bajet yang dibentangkan oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah pada kali ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam. Seterusnya saya persilakan YB. Merbau Pulas.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillahirobbil 'Alamin, Wabihi Nasta'in W'ala Udwa'nailla, A'lazolimin. Subhanakala I'lmalana I'lla' Ma'allamtana Inna'kaan Tala'limul'hakim.Qhola' Robbisrohlisodri, Wayassrili Amri, Wahlul Uqdatan' Milisani Yafqohu Qouli, Amma Ba'du. Wa-Ta'āwanū 'Alal-Birri Wat-Taqwā, Wa-Lā Ta'āwanū 'Alal-Ithmi Wal-'Udwāni. Sadakallahula'zim. Surah Al-Maidah Ayat 2.

Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa dan jangan tolong-menolong dalam membuat dosa dan permusuhan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli - Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah sekalian.

Syukur kehadrat illahi dengan limpah kurniaNya kita dapat bersidang dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-14 sempena Persidangan Bajet 2022 bagi mencergaskan semula ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat negeri kedah terutamanya dalam norma baharu berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara kita.
Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Menteri Besar kerana telah di anugerahkan pingat Darjah Seri Paduka Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati Membawa Gelaran Dato' Seri sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan KDYMM Tuanku Sultan Kedah yang ke-79.

Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan soalan lisan dan bertulis terutamanya yang melibatkan seksyen pembangunan luar bandar, pembasmian kemiskinan, pembangunan insan dan kesejahteraan masyarakat. Saya amat menghargai dan mengambil serius setiap pandangan dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat demi penambahbaikan dalam pentadbiran kerajaan negeri pada masa akan datang.

Selain itu juga, saya ingin memberi penghargaan kepada pegawai-pegawai kerajaan negeri yang banyak membantu dan bertungkus lumus menyediakan Bajet 2022 demi kesejahteraan rakyat di Negeri Kedah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk memberi ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan yang banyak berkorban bagi menangani penularan wabak covid 19 di Negeri Kedah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Saya akan masuk ke Seksyen Pembangunan Luar Bandar. Saya ingin memberi maklumbalas kepada Yb Adun Bayu berkenaan projek-projek infra yang perlu diberi perhatian di daerah Baling yang telah rosak akibat bencana banjir pada tahun ini.

Seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada bulan oktober 2021 yang lalu, bebrapa kejadian banjir kilat dan banjir telah berlaku di beberapa daerah iaitu di Pokok Sena, Pendang, Sik dan Baling.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, lanjutan daripada kejadian tersebut, jabatan teknikal negeri telah mengadakan siasatan bagi mengenalpasti kerosakan infra di daerah yang terlibat.

Dapatan dari siasatan tersebut, punca kejadian banjir adalah daripada sistem peparitan yang sedia ada tidak dapat menampung aliran air di permukaan jalan apabila berlaku hujan lebat dalam tempoh yang panjang dan mengakibatkan berlaku banjir di beberapa tempat.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri telah berbincang dan menyediakan peruntukan kecemasan bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf jalan atau infra lain seperti jalan kampung dan jalan raya negeri, sistem saliran, titi, tebing sungai dan pembentung yang rosak akibat banjir.

Setakat 3 November 2021, kerajaan negeri telah menerima senarai permohonan dari daerah terlibat dengan jumlah peruntukan untuk kerja-kerja kecemasan sebanyak RM2,078,200.00 termasuk daerah Baling. Ini adalah peruntukan kecemasan yang diluluskan untuk tahun ini.

Seterusnya, saya akan masuk bahagian pembangunan luar bandar juga iaitu apa yang disebut oleh YB. Pengkalan Kundor iaitu mengenai dakwaan Pengerusi JPKK, sikap macam seolah-olah tidak mengambil cakna kepada rakyat. Jadi, saya terus berhubung dengan Pengerusi JPKK berkenaan iaitu Kampung Permatang Ibus dan juga JPKK Buluh Lima. Sebenarnya telah diambil tindakan, pihak JPKK telah melihat kejadian ribut itu dan telah lapor kepada Pihak Zakat dan Pihak Zakat telah membaikpulih rumah-rumah berkenaan. Saya kira walaupun YB. Pengkalan Kundor adalah Yang Berhormat di situ, berilah kerjasama dengan Pihak JPKK. Pihak JPKK apabila melihat satu bencana itu, mereka akan memaklumkan kepada penghulu mukim, maklumkan kepada agensi-agensi yang boleh membantu untuk menyelesaikan permasalahan itu.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Yang Berhormat Dato' Speaker, sikit saja!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Bagilah habis dulu!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Dia masih banyak lagi yang tidak ditangani.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Kadang macam ini, kejadian itu berskala besar, ada peruntukan yang mengikut SOP kita kena bantu, kalau sekadar yang boleh bantu kita akan bantu dengan kadar segera atau ada yang akan dibantu dengan melihat kemampuan pihak agensi untuk membantu. Seterusnya disebut bagaimana Pengkalan Kundor dihalang program vaksinasi yang diadakan di Pusat Latihan MADA Alor Serdang dan telah menyebut Penyelaras Dun mengarahkan. Saya rasa Pengkalan Kundor kena tarik balik kut. Saya telefon Penyelaras Dun kelmarin dia kata tak memberi arahan apa-apa kepada JPKK. Jadi, kita nampak ianya satu tuduhan yang tidak betullah Pengkalan Kundor?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Boleh saya baca whatsapp dia ka? Nak saya baca whatsapp dia ka?

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Ini yang saya dapat maklumat daripada sini. Saya tanya dia kelmarin lepas itu program itu disebut dan dibuat oleh JPKK, 3 JPKK iaitu JPKK Kg. Raja dan Kg. Kuala Kangkung dan apabila menghalang dia tidak membenarkan, JPKK itu sendiri yang tidak membenarkan Pengkalan Kundor hadir kerana menimbulkan persepsi yang tidak berapa cantik kepada masyarakat kerana program itu dianjurkan oleh Pejabat Daerah dan JPKK. Walaupun Pengkalan Kundor boleh hadir sebagai sukarelawan tetapi hakikat sebenarnya pakaian sukarelawan itu adalah pakaian sukarelawan tetapi hakikatnya Pengkalan Kundor, Adun Pembangkang di situ. Jadi, mungkin tidak keselesaan itu berlaku di kalangan masyarakat. Jadi, saya nak memperbetulkanlah sikit yang diberi maklumat kepada saya!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

YB. Speaker!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Jadi, saya tak beri laluan!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Tak bagi dah!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Saya tak bagi laluan dah!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Kalau tak bagi, jumpa di luar!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Jumpa di luar tak apa lah! Itulah Pengkalan Kundor na!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Boleh saya baca whatsapp tak?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Merbau Pulas bagi ka tak bagi?

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Saya tidak mengizinkan!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ok, YB. Merbau Pulas teruskan dengan penggulungan. Ok, Pengkalan Kundor duduk dulu!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Seterusnya Adun Kuala Nerang, sebab masa saya pun singkat!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Disebut tadi, saya seolah-olah menyeleweng tapi keadaan bukan yang sebenar. Jadi, saya sekarang nak baca whatsapp.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Merbau Pulas, sila teruskan penggulungan!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Seterusnya, saya akan menjawab YB. Adun Kuala Nerang iaitu Rumah Kedah PPK Kubang Kenyeng, Padang Terap. Untuk makluman YB. Kuala Nerang, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) sedang melaksanakan Projek Pemajuan Kawasan (PPK) di Kubang Kenyeng, Padang Terap. Projek ini bakal memberi manfaat kepada Golongan B40 yang berkelayakan untuk mendiami rumah yang lebih selesa lengkap dengan prasarana kemudahan awam. Status semasa sekarang adalah dalam tindakan untuk sokongan oleh agensi teknikal dan pihak berkuasa tempatan sebelum sijil layak menduduki boleh dikeluarkan.

Yang kedua, FELCRA Belimbing. Geran hak milik peserta FELCRA Belimbing, permohonan hak milik peserta dan tindakan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah. Itu jawapan yang saya sediakan!

Seterusnya, saya masuk kepada bahagian pembasmian kemiskinan. Bagaimana saranan Adun Belantik untuk memastikan kemiskinan ini ditangani dan kita menerima cadangan-cadangan yang dikemukakan kepada kita Insya-Allah.

Seterusnya YB. Adun Suka Menanti iaitu mengenai bantuan khairat kematian, pertama sekali saya ingin menzahirkan kesyukuran di atas cadangan peruntukan tambahan bagi sumbangan bantuan khairat kematian dalam pembentangan Bajet 2022 yang disampaikan oleh YAB. Menteri Besar merupakan keperihatinan kerajaan negeri dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Bagi menjawab persoalan dalam perbahasan bajet oleh Yang Berhormat Suka Menanti yang mengatakan kematian itu kalau ikut dengan jumlah bajet yang diberikan melebihi daripada bajet yang disediakan. Untuk makluman YB. Suka Menanti dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tahun 2020 kerajaan memperuntukan jumlah RM2 juta, pemohon hanya 5,225 orang sahaja dengan jumlah peruntukan RM1,567,300, itu peruntukan tahun 2020. Untuk tahun 2021,

RM2 juta juga iaitu sehingga Oktober, pemohon 4,772 orang dengan jumlah RM1,431,600. Jadi, kita tertakluk kepada pemohon untuk mendapat khairat kematian yang telah diperuntukan oleh kerajaan sebanyak RM3 juta itu walaupun tahun-tahun sebelum ini tidak pun kita kata melebihi daripada bajet yang disediakan dan kita kira pada tahun hadapan Insya-Allah sebab kadang-kadang pemberian khairat kematian ini tertakluk kepada JPKK yang membuat permohonan kepada pihak Adun.

Seterusnya mengenai Bantuan Beras Sejahtera. Bantuan Beras Sejahtera Negeri Kedah bermula pada bulan Oktober 2020 dan diteruskan lagi pada tahun 2021 dan kita teruskan juga pada tahun 2022. Sebelum ini kita bagi pada tahun 2021, 100 kampit setiap bulan dengan beratnya 10kg tapi 10kg itu orang kita ini tak larat bawa. Jadi, kita jadikan 5kg, 5kg lah dimana setiap Adun itu akan dapat 200 kampit lah setiap bulan sebab 10kg ini memang kita rasa berat kalau kita kata nak edar 10 buah rumah pun, dah tak boleh dah tapi kalau 5 kg itu boleh! Tapi tambahan pula pada tahun hadapan 150 kampit dengan nilai 10 kg juga dimasukkan sekali dengan bakul makanan dan inilah bantuan kerajaan.

Pada dasarnya, bantuan ini adalah untuk Golongan B40 dan terpulanglah kepada budi bicara YB ADUN masing – masing. Tak adalah minah ini terima, limah sini tak terima. Tak adalah macam tu Suka Menanti. Tak ada diskriminasi pun yang mana miskin berkelayakan kita tak mahu menzalimi orang lain. Sebab tujuan kita mengadakan Bantuan Beras Sejahtera ini, kita nak supaya tidak ada rakyat kedah ini diviralkan, tak ada nasi nak makan. Tak ada benda lain tak apa! Tapi tak ada nasi nak makan. Jadi, kita berusaha untuk mengekang supaya perkara-perkara ini tidak berlaku. Jadi, yang disebut kelmarin kata Haji Halimah tak dapat, orang itu tak dapat, itu tak betul!

YB. DATO' HJ. ZAMRI BIN YUSUF

Bukan yang tak dapat itu, saya cuma tanya yang 56,000 keluarga disebut itu adakah 56,000 keluarga ataupun 56,000 kampit berulang sebulan macam tu la kan! Setahun sekali atau macam mana?

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Jadi, kita bukan bagi pada orang yang sama, kita tahu orang miskin di peringkat Dun-Dun ini, ada senarai pada kita. Kita akan rotate, kita akan mengikut keperluanlah sebab kita banyak bantuan yang diberikan daripada Pihak Zakat, NGO-NGO. Kita tak mau kita kata bagi sumbangan nampak rumah ni miskin tapi beras

dalam rumah dia dah macam mini market. Kita tak nak macam itu. Jadi, kita nak pastikan yang benar-benar layak menerima sumbangan ini. Jadi, bantuan kepada penerima tidak tertumpu kepada pemohon yang sama setiap bulan, tetapi Pejabat ADUN boleh memberi bantuan secara pengiliran untuk rakyat di kawasan masing-masing supaya semua pihak "PAKAT-PAKAT MEGHASA".

Seterusnya, Program Anakku Sejahtera. Saya nak menyeru kepada Adun-Adun, disebabkan pandemik covid ini yang lama berlaku. Program ini tidak sampai lagi 20%, tak sampai sebab apabila berlaku kelahiran, dia nak kena daftar. Bila daftar itu, untuk JKN nak bawa keluar kit itu lambat, sampai 3, 4 bulan, ianya lambat. Lambat lah pendaftaran itu berlaku. Jadi, kita masih lagi ada peluang dalam sebulan masa sekarang ini, dan lahir bulan 1 sehingga bulan ini, ada peluan untuk daftar, saya harap kepada semua Adun yang ada di sini, boleh mengemukakan kepada seluruh kepimpinan masyarakat untuk kita mengambil peluang anakku sejahtera ini.

Seterusnya, untuk pembangunan insan dan kesejahteraan masyarakat ini. YB Adun Kota Siputeh mencadangkan mengenai peruntukan pembangunan insan terutama sekali untuk pelajar-pelajar sekolah. Saya fokus kepada seluruhlah bukan pelajar sekolah, bila sebut pembangunan insan ini sepertimana yang disebut oleh Bukit Kayu Hitam, walaupun dah berkahwin, terpaksa pula kita buat pula, merai cinta kedua pula kan! Yang pertama dah kahwin, jadi serba tak kena lepas itu nak kena masuk fasa kedua pula. Jadi, bila saya pegang pembangunan insan ini, kita kena ada jawatankuasa pemikir itu sendiri telah ada dan kita telah wujudkan dan kita pun telah ada beberapa modul iaitu Rentas Jiwa Rakyat Sejahtera. Kita juga mengadakan program secara fizikal sekarang ini sebab kita sudah masuk ke fasa pemulihan ini, boleh ada secara fizikal dengan mengikut keluasan tempat dan kita akan cuba laksanakan program ini.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh nak cadang sikit? YB. Dato' Speaker, nak bagi cadanganlah untuk program-program dekat pelajar-pelajar sekolah terutamanya pelajar tingkatan 5 dan tingkatan 6 yang nak keluar, mungkin boleh buat modul tentang perkahwinan supaya taklah berlaku penceraian kan banyak kes penceraian. Itulah cadangan!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Ok, terima kasih. Insya-Allah kita akan berjumpa dengan pelajar-pelajar ini. Kita ada Program Rentas Qayulmul Amin. Ini adalah salah satu modul yang dirangkakan untuk kita adakan di peringkat yang berumur 19 – 25 tahun. Ini adalah program-

program yang akan kita adakan di peringkat pembangunan insan. Saya pun tidak mengambil masa yang panjang sebab saya pun tidak ada banyak persoalan yang ditimbulkan. Jadi, saya nak serah masa saya ini kepada YB. Sungai Tiang sebab YB. Sungai Tiang menjadi popular dan sentiasa diajukan tentang persoalan masyarakatlah.

Akhirnya, pihak kerajaan negeri sentiasa bersedia dalam memberi dan menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dalam isu-isu yang melibatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat negeri kedah khususnya. Berhubung perkara-perkara yang dibangkitkan dan cadangan yang di utarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat saya akan mengambil sepenuh perhatian bagi menangani setiap permasalahan dan mengambil langkah yang terbaik untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negeri Kedah di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar.

Oleh itu, saya dengan ini menyokong penuh Ucapan Bajet 2022 yang telah dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Kedah Yang ke 14.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Merbau Pulas. Seterusnya saya persilakan YB. Sungai Tiang. Silakan!
(YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Speaker, saya minta masa sikit! Saya minta masa sikit seolah-olah saya berbohong dalam Dewan ini. Dalam Dewan yang mulia ini Merbau Pulas seolah-olah menuduh saya berbohong dan saya tidak diberi peluang untuk….(YB. Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, dengan penuh hormatnya duduk sat! Saya jemput YB. Sungai Tiang untuk memulakan penggulungan. Silakan! (YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Point of Oder. Sekejap ya! Dalam peraturan berbahas, perkara 6 – seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada sesiapa ahli lain. Jadi, saya rasa artikel ini ada kaitan, saya mohon Merbau Pulas tarik balik kenyataan bahawa Pengkalan Kundor sudah buat tuduhan sebagai berbohong. Saya harap kalau boleh! Ini terpulang kepada Speakerlah nak buat rulling.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Alor Mengkudu, saya tak nampak …(YB. Alor Mengkudu mencelah).

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Ini sangkaan jahat ni! Ini bukan urusan Adun, ini urusan Speaker!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya tak nampak dengan jelas ada sangkaan jahat terhadap YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Speaker, benarkan saya baca whatsapp ini!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Speaker, tadi YB. Merbau Pulas tak tuduh pun kata bohong…

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, pohon kebenaran Speaker dulu!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya kira Dewan memahami…

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor….

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya kira Dewan memahami bahawa apabila itu bentuk bahasanya sayalah berbohong! Jadi, sekarang beri kebenaran kepada Dewan ini untuk say abaca whatsapp itu.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Tak, Merbau Pulas tak sebut bohong dan kalau baca pun orang yang tak dak di sini untuk pembelaan, jadi benda ini tak perlu kita panjangkan.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, sila duduk sat!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Mohon laluan!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, sila duduk sat! Ya..Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Speaker, saya melihat YB. Merbau Pulas menunjukkan dan melaporkan laporan yang rasmi daripada JPKK dan tidak ada berniat jahat dan saya nampak di sini yang berniat jahat adalah di pihak Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya minta YB. Bandar Baharu tarik balik kata saya berniat jahat! Saya akan baca whatsapp ini sekarang! Saya akan baca whatsapp ini sekarang! YB. Bandar Baharu tarik balik!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya belum sempat dengar Bandar Baharu mengeluarkan kenyataan bahawa Pengkalan Kundor berniat jahat!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

YB. Speaker untuk buat satu rulling.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, YB. Alor Mengkudu, saya rasa cukup setakat itu, silakan YB. Sungai Tiang.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Speaker, saya rasa Dewan ini patut memberi ruang untuk penjelasan, untuk menunjukkan kebenaran bukan hanya untuk satu pihak cakap yang menyangkalkan sesuatu, ini point of oder tadi.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga, saya dah sebutkan tadi, saya tidak nampak ada satu perkataan yang jelas, sangkaan jahat terhadap YB. Pengkalan Kundor.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tapi, sekarang ini fakta yang dikenakan tidak sama dengan apa yang dikatakan oleh YB. Pengkalan Kundor. Jadi, biar bagi terang untuk Pengkalan Kundor cakap yang itu supaya kita jelas dalam Dewan yang mulia ini. Itu yang penting dan demokrasi. Kalau tak dak itu tak guna.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Ya..betul! YB. Speaker, mesti perlu adil dalam kes ini berdasarkan situasi YB. Speaker!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya minta Bandar Baharu tarik balik bahawa saya bersangka jahat, yang kata saya berniat jahat. Tarik balik!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Speaker, saya merujuk kepada peraturan 6 yang kata sangkaan jahat itu, saya cuma katakan bahawa YB. Merbau Pulas hanya melaporkan Laporan Rasmi daripada JPKK. Jangan jadikan whatsapp sebagai rujukan!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tapi YB. Speaker, yang ini bila ada fakta yang berlainan, saya rasa dalam Dewan yang mulia ini kena ada satu fakta yang lain untuk ditunjukkan.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga, YB. Pengkalan Kundor, YB. Bukit Selambau, YB. Sungai Limau saya harap dapat duduk dan kita minta supaya YB. Sungai Tiang untuk teruskan penggulungan!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Speaker, ini bukan cara yang kita kena uruskan..

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga, sebab saya tidak dengar dengan jelas, kenyataan-kenyataan jahat yang dikeluarkan oleh YB. Merbau Pulas.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Jawapan itu diberikan dengan jelas.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Derga , sila duduk!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Duduklah Derga! YB. Speaker minta duduk tu!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Silakan YB. Sungai Tiang!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Ok, terima kasih YB. Speaker….

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Bagi penjelasan saja, lepas itu settle, dan perbetulkan balik keadaan di bawah itu simple sahaja benda itu diselesaikan dengan baik.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kubang Rotan sila duduk! Saya rasa tidak ada sebarang kenyataan jahat…

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Dengar kedua-dua pihak sebab benda ini kita rakam!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Whatsapp tak boleh jadi hujah!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Masalahnya ini whatsapp dari personal, individu tersebut!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Teruskan YB. Sungai Tiang!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

YB. Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Syukur Alhamdulillah, terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberikan ruang untuk saya melakukan penggulungan di sidang Dun hari ini. Terdahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada YAB. Menteri Besar, Datuk Seri Haji Muhammad Sanusi Mohd Nor, atas pembentangan Belanjawan Kedah 2022 di dewan yang mulia ini bertemakan "Kedah Sejahterah Nikmat Untuk Semua".

Atas kekangan masa yang agak terhad, saya akan berikan tumpuan kepada portfolio yang diamanahkan dan menjawab soalan-soalan yang telah diajukan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian sebaik mungkin. Namun jika tidak sempat menjawab, saya akan jawab secara bertulis nanti, insya Allah.

YB. Dato' Speaker, alhamdulillah, Kedah kini berada di Fasa 4 PPN. Pandemik yang kini menjadi endemik secara tidak langsung mengajar kita mengurus secara atas talian, sekaligus menginjak negara ke arah kepentingan penggunaan internet sebagai medium pengurusan yang efektif. Tanpa disedari, dunia juga kini berdepan dengan Climate Change, termasuk di negeri Kedah. Ianya secara tidak langsung memaksa kita berubah untuk bertindak lebih kreatif dan berinovasi membangunkan negeri yang tercinta. Banjir, peningkatan aras laut dan purata hujan yang tidak menentu misalnya, adalah antara masalah-masalah yang sering berlaku dan menyebabkan bencana hadir, sekaligus menjejaskan rakyat dan merugikan negeri. Memburukkan keadaan, bukan sahaja melibatkan kawasan yang biasa banjir setiap tahun, malah turut melibatkan kawasan baru, yang tidak pernah dinaiki air.

YB. Dato' Speaker, menjawab soalan daripada Pedu, Suka Menanti, Kuala Ketil, Bandar Baharu, Bayu dan Derga mengenai banjir di kawasan masing-masing.

Antara projek tebatan banjir yang telah siap dibina, projek-projek besar seperti RancanganTebatan Banjir Sungai Muda yang siap tahun 2015. Kawasan yang tidak lagi mengalami banjir akibat limpahan air Sungai Muda di kawasan Pekan Kota Kuala Muda, Tikam Batu, Pekan Baling, Pekan Kuala Ketil, semuanya telah selesai walaupun tahun 2003 dan 2010 paling buruk dalam sejarah Negeri Kedah.

Projek Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit, pakej 1 dan 3 sudah siap! Pakej 2 dalam pelaksanaan. Walaupun projek pakej 2 masih dalam pelaksanaan, kawasan sekitar yang terlibat dengan banjir sebelum ini telah berjaya dikurangkan dan dijangkakan setelah siap sepenuhnya banyak kawasan akan menerima faedah daripada projek ini. Antara Projek RTB yang telah selesai seperti RTB Sungai Keladi Kulim, RTB Bukit Kayu Hitam-Kubang Pasu, RTB Sungai Gurun.

Selain itu, antara projek Rancangan Tebatan Banjir yang dalam pelaksanaan di bawah RMK 12 adalah RTB Sungai Kedah/Anak Bukit (Pakej 2), RTB Sungai Pendang Pakej 1, RTB Sungai Pendang Pakej 2, RTB Bandar Jitra Selatan dan RTB Lembangan Sungai Bongkok dan antara senarai projek tebatan banjir yang telah dipohon dan akan dilaksanakan adalah seperti RTB Bandar Baharu, RTB Baling Fasa 2, RTB Sungai Bata, Kubang Pasu, RTB Mergong, Alor Setar malah RTB Sungai Kedah/Anak Bukit Pakej 4.

Bagi persediaan JPS menghadapi bencana, JPS telah melaksanakan kajian-kajian secara menyeluruh dan komprehensif bagi menyelesaikan masalah banjir kilat. Antara kajian yang telah dilaksanakan adalah seperti Kajian Pelan Induk dan Rekabentuk Terperinci Sistem Saliran Bandar Kuala Nerang, Daerah Padang Terap, Kajian dan rekabentuk terperinci kerja-kerja tebatan banjir dan menaiktaraf sistem saliran di kawasan bermasalah Rancangan Tebatan Banjir Bandaraya Alor Setar, Kajian Pelan Induk Saliran Untuk Bandar Kulim dan Sekitar, Kedah, Kajian Pelan Induk Saliran dan Kerja Tebatan Banjir bagi Bandar Pokok Sena Kedah dan juga Kajian dan Rekabentuk Terperinci Kerja-kerja tebatan banjir dan menaiktaraf sistem saliran di Langkawi, Baling dan Kulim, Kedah.

Kajian yang sedang dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti Kajian Pelan Induk Bandar Jitra Utara, Kajian Pelan Induk tebatan Banjir Lembangan Sungai Karangan, Kulim dan Kajian Pelan Induk Saliran Hutan Kampung, Kota Setar.

Kajian yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 adalah seperti Kajian Pelan Induk Saliran dan Tebatan Banjir Sungai Perik, Mukim Kurong Hitam dan Pelan Induk Tebatan Banjir Sungai Petani. JPS juga telah membangunkan sistem bersepadu dalam pengurusan sumber air negeri iaitu National Water Balance System (NAWABS) for Sg Muda & Sg Kedah. Sistem bersepadu ini membantu pengurusan sumber air negeri merancang dan bertindak mengikut kedapatan sumber air semasa.

Program Ramalan Dan Amaran Banjir Negara juga merupakan inisiatif JPS dalam memberi ramalan awal banjir. Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) boleh meramalkan kejadian banjir berdasarkan hujan dan aliran sungai dengan ramalan itu boleh dihasilkan dalam tempoh tujuh hari sebelum suatu kejadian banjir berlaku. Di Negeri Kedah projek ini akan dilaksanakan pada tahun 2022 dan dijangka siap pada tahun 2024.

JPS juga melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan dan pemuliharaan sungai berdasarkan peruntukan yang diterima melalui Kerajaan Negeri. Penyelenggaraan secara berkala perlu dilaksanakan bagi mengurangkan kejadian berlaku banjir dan meningkatkan kapasiti aliran sungai. Selain dari peruntukan Kerajaan Negeri, JPS juga menerima peruntukan dari Kerajaan Persekutuan yang mana pada tahun 2021 JPS telah menerima peruntukan sebanyak RM5.4 juta untuk penyelenggaraan kolam takungan dan RM 7.0 juta untuk pemuliharaan sungai.

Selain itu, untuk meningkatkan hasil padi dan pertanian yang lain, JPS akan meningkat kecekapan kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran. Antara projek persekutuan, pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah memperuntukan projek-projek

seperti menaiktaraf sistem pengairan Kg. Jeragan, Skim Pengairan Lembah Bata, Kubang Pasu, menaiktaraf system pengairan di ibu bekalan Kg. Dalam, Skim pengairan Kurong Hitam, Padang Terap, menaiktaraf tali air dan lain kerja-kerja yang berkaitan di Kg. Binu, skim pengairan Sidam Kanan, Faerah Kulim dan juga menaiktaraf rumah pam Skim Pengairan Sungai Taka, Daerah Bandar Baharu.

Selain itu, saya juga mendengar ramai Yang Berhormat yang sebut mengenai pelancongan dan tempat menarik. Oleh itu, bagi merangsang sektor pelancongan dan mengembalikan kegemilangan Pantai Merdeka, Kerajaan negeri berterima kasih kepada pihak Kementerian Alam Sekitar & Air (KASA) yang telah meluluskan projek pemuliharaan hakisan pantai di Pantai Merdeka yang dipanggil *Beach Nourishment* untuk Pantai Merdeka mengembalikan kegemilangan Pantai Merdeka dan tempat peranginan baru sejumlah RM12 juta diperuntukan projek Pengawalan Hakisan Pantai Pasir Hitam di Langkawi, 14 juta dan Projek Fenomena Air Pasang Besar di Kuala Muda berjumlah RM 20 juta

Seterusnya, JPS Malaysia telah menjalankan program Denai Sungai Kebangsaan. Program pembangunan Denai Sungai Kebangsaan (DSK) atau National River Trails merupakan salah satu pendekatan Nature-Based-Solutions (NBS) bagi menangani cabaran sosio-alam sekitar melalui pengurusan dan penggunaan alam yang lestari. Program Denai Sungai ini juga berperanan sebagai mekanisme kawalan pencemaran sungai di punca (control at source) dan juga mengurangkan risiko kejadian banjir.

Di Negeri Kedah terdapat 2 lokasi telah dicadangkan untuk projek perintis seperti di RTC Sungai Petani dan Sungai Chenang di Langkawi. Sehingga kini sepanjang 312 km denai sungai sediada telah dikenalpasti di seluruh Negeri Kedah.

Kesimpulannya, untuk jangka panjang JPS bercadang untuk mengintegrasikan projek-projek….(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Sungai Tiang!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Ya..silakan YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bab sungai, Sungai Tiang. YB. Speaker, sungai bawah JPS ataupun diuruskan oleh bawah MADA ini. Kita nampak antara yang menyebabkan aliran sungai tak cantik dan boleh menyebabkan banjir apabila berlaku tersumbat dengan kayu-kayu yang lama ataupun sampah-sampah. Selepas hujan, kita akan nampak di pintu-pintu tandop, khususnya banyaklah sampah-sampah, plastik dan sebagainya. Jadi, adakah usaha untuk menyediakan perangkap sampah di setiap pintu-pintu tandop dan supaya bila berlakunya hujan sahaja, tempat inilah akan berlakunya keutamaan kepada JPS ataupun mana-mana agensi untuk mengeluarkan sampah itu supaya tak berlaku limpahan air, jadi tersumbat di pintu-pintu tandop tersebut. Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih YB. Sungai Limau, saya faham maksud YB. Sungai Limau, tapi macam yang diperkatakan oleh Anak Bukit, kos operasi Mada sendiri telah dikurangkan hampir separuh dan kemudiannya kita akan cuba melihat cara paling efektif yang dilakukan oleh MADA dan JPS.

Seterusnya, untuk jangka panjang JPS bercadang untuk mengintegrasikan projek-projek tebatan banjir, dibawah satu pengurusan, sebagai satu pusat kawalan yang beroperasi menyelaras secara automasi dan bersepadu.

Selain itu, JPS bercadang untuk menaiktaraf jalan pantai sebagai ban-ban pantai sebagai laluan operasi penyelenggaran. Penyelarasan antara pihak JPS dan MADA, LSAN malah PLSM perlu dibuat untuk mengintegrasikan operasi semua pintu air dan pintu kawalan pasang surut untuk mengelakkan kejadian banjir pantai terutama ketika fenomena air pasang besar.

YB. Dato' Speaker, selain menyatukan hal ehwal pengurusan air ini, Kerajaan juga melihat terhadap wujudnya keperluan mewujudkan sebuah pengkalan data yang lengkap bagi jaringan jalanraya di Negeri Kedah.

Pada sidang dewan undangan sebelum ini, saya membicarakan tentang jaringan jalanraya utama HNDP, rangkaian jalan raya utama yang menyokong pelan ekonomi dan Pembangunan Wilayah Negeri Kedah. HNDP akan menghubungkan lingkaran perhubungan ke konurbasi, zon promosi pembangunan dan pusat-pusat katalis ekonomi di negeri kita dengan lebih menyeluruh.

Dalam perjalanan menjayakan Pelan Pembangunan Kedah 2035, kita amat memerlukan pengkalan data dan pemetaan bersepadu yang lengkap untuk kegunaan semasa dan akan datang. Jalan-jalan persekutuan, jalan-jalan negeri, jalan-jalan MARIS, jalan MADA,PBT, jalan-jalan ladang perlu disatukan di bawah satu pengkalan data dan pemetaan yang lengkap. Dashboard Lengkap dapat digunakan untuk memastikan, mengklasifikasikan, memantau, merancang, menyelaras jaringan jalan raya di seluruh Negeri Kedah malah proses pendaftaran dan menyelenggara dan menaiktaraf dapat dilakukan dengan lebih efisyen lagi.

Menjawab Anak Bukit, Sungai Limau dan juga Air Hitam…(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Tiang, ada celahan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Boleh celah sikit!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Ya..silakan, YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Sungai Tiang. Berkenaan tadi YB. Sungai Tiang ada sebut mengenai air pasang besar, fenomena alam. Kebelakangan ini berlaku climate change yang berlaku, kepala air berlaku dalam negeri kita, fenomena alam, air pasang besar pun berlaku dalam negeri kita kali ini. Bagi pihak kementerian dan juga pihak kerajaan negeri, adakah ia telah dibincangkan secara detail dengan perkembangan-perkembangan terbaru ini yang meletakkan peruntukan-peruntukan terbaru dengan keadaan kita semasa ini dah lain dah compare dari dulu. Adakah perkara ini dibincangkan di peringkat kementerian dan juga pihak kerajaan negeri. Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Ya..selepas bencana kepala air di Yan, perkara ini dilihat sebagai sesuatu yang sangat serius dan boleh berlaku di mana-mana tempat di Malaysia ini. Cumanya ia berlaku di Kedah dulu dengan keadaan yang agak dasyat dan akhirnya semua kementerian bersama untuk memikirkan bagaimana mengatasi ataupun mengelakkan climate change ini terjadi dengan lebih teruk lagi di Malaysia terutamanya di Kedah kerana kawasan tanah pamah yang kita ada terutamanya di Alor Setar ini.

Saya jawab Anak Bukit, Sungai Limau dan Ayer Hitam mengenai jalan-jalan MADA yang perlu dinaiktaraf. Panjang keseluruhan jalan ladang MADA adalah 2,964 km daripada jumlah tersebut 744 km, 25% telah pun disenaraikan di bawah sistem maklumat rekod jalan raya MARRIS. Kedah lebih kurang 479 daripada 744 tersebut. Penyenaraian jalan ladang di bawah Sistem MARRIS, akan membolehkan peruntukan penyelenggaraan diselaraskan oleh agensi yang bertanggungjawab seperti Jabatan Pengairan dan sebagainya. Dalam tempoh semasa ke semasa, senarai pendaftaran Jalan MARRIS akan dipertingkatkan tertakluk kepada penyelarasan secara bersama.

Selain daripada itu, untuk menjawab mengenai kawasan Jentayu oleh Gurun, saya faham kawasan ini agak gelap dan JKR telah memohon peruntukan daripada kerajaan persekutuan sebab jalan ini adalah jalan persekutuan. Pada tahun ini tidak diluluskan dan kita akan berusaha untuk memohon kembali pada tahun 2022 ini.

Selain daripada itu….(YB. Kuala Ketil mencelah)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat, boleh?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Ya..silakan!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Timbalan Speaker, YB. Sungai Tiang. Saya setuju dengan saranan Gurun di kawasan Jentayu itu gelap, bila berlaku hujan lebat, saya ada pengalaman lalu jalan itu, dia bukan sahaja gelap, line putih pun dah tak dak, kemudian divider tengah itu pun, cat pun tak dak dah! Jadi, amat bahaya kalau waktu musim hujan lebat, jadi itu pun perlu diambil untuk dipertimbangkan, Yang Berhormat!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Saya rasa amat sesuai untuk Gurun bawa perkara ini kepada Menteri sendiri di Parlimen sebab ia merupakan jalan persekutuan. Negeri boleh buat tapi nanti bila datang audit kita akan ada masalah besar untuk berhadapan dengan audit, kenapa duit negeri digunakan untuk jalan persekutuan.

Selain daripada itu, kita teruskan kepada bekalan air. Suka Menanti bertanya mengenai pembaikan sub marin, peruntukan tersebut adalah pinjaman dibayar tanpa faedah daripada kerajaan persekutuan. Suka Menanti tak dak! Tak apa lah! Lainnya adalah ….(YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Boleh?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Ok, silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Sekali lagi terima kasih YB. Sungai Tiang dan YB. Speaker. Berkenaan dengan air tadi telah disebut, dah Suka Menanti tak ada ini, dan saya ingin bertanya kita tahu bahawa Projek Pelubang mungkin mengambil masa yang begitu lama, adakah YB. Sungai Tiang berbincang dengan Pihak SADA, kita akan projek jangka sederhana ini sepertimana yang sepertimana saya sebut sebelum ini, iaitu kita ada piping.

Contoh di Kuala Kedah ini memang isu yang terlalu lama, terlalu ramai dan kalau kita pi di kampung tepi laut iaitu Kg. Laksamana itu, tong sepanjang jalan kampung itu semua tong hitam. Jadi, kalau ada sebarang peruntukan, dulu saya pernah minta kepada Kementerian Luar Bandar dan juga beberapa kementerian untuk buat sedikit piping daripada Simpang Kuala sampai ke Kuala Kedah sebab satu piping kecil dah berpuluh tahun tak ditukar dan sebagainya mungkin YB. Sungai Tiang boleh tengok isu ini.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih di atas cadangan Kubang Rotan, Insya-Allah kita lihat kembali tetapi seperti yang dijawab pagi tadi, beberapa skop kerja akan didahulukan terutamanya yang melibatkan LRA Pelubang, antara skop kerja tersebut adalah membuat beberapa bypass paip daripada yang utama ini yang menuju ke Masjid Aman itu yang akan dilakukan bermula pada Mac 2022. Insya-Allah. Ada skop kerja yang telah dimohon oleh SADA.

Ada satu lagi mengenai isu YB. Bukit Lada, isu saluran perparitan yang menyebabkan banjir kilat khusus di Kg. Q yang dimaklumkan oleh pihak MBAS akan memohon peruntukan kepada kerajaan persekutuan dan projek adalah RM500 ribu dan ringkasan dan sudah ada lah speknya yang telah diletakkan tarikh mula, dan tarikh siap. Ringkasan projek mula 1.12.2021 tarikh siap 15.12.2021.

YB. Dato' Speaker, dalam menjayakan Belanjawan Kedah 2022 iaitu Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua, kita di Barisan Kerajaan Negeri tetap konsisten dan komited memastikan pelaksanaan hala tuju negeri bagi menjamin kesejahteraan rakyat secara telus dan berintegriti. Dalam agenda memastikan kesejahteraan bumi Kedah yang berdaya maju dan kompetitif sejajar dengan visi Plan Pembangunan Kedah 2035 yang mensasarkan pembangunan sosio ekonomi yang holistik adalah penting untuk kita bersama berganding bahu, bersama kita memastikan ianya mencapai matlamat yang dicita. Dengan kedudukan lokaliti yang strategik, seharusnya kita menggarap potensi bumi Kedah ini sebijaksana yang mungkin dengan menjayakan pembangunan yang berimpak tinggi sebagaimana direncanakan kerajaan negeri yang terkandung di dalam perancangan pembangunan holistik menuju 2035. Meskipun, kita dibatasi dengan cabaran kawasan pembangunan yang terhad dan mengharungi era pasca covid 19, kita yakin Kedah Science Technology Park, Kota Perdana, Special Border Economic Zone, Kedah Rubber City, Skim Jeniang Transfer dan Kedah Aerotropolis dapat direalisasikan mengikut plan.

Saya yakin bagi memastikan impian dasar itu tercapai, pembangunan infrastruktur asas yang lancar mengikut jadual dan penyediaan kemudahan utiliti yang strategik adalah sangat penting untuk menyokong Pembangunan Lestari tersebut. Bertunjangkan kepada Islam sebagai panduan sejagat, berpasakkan bumi bertuah Kedah yang bergelar Darul Aman ini, saya yakin kita berada di landasan yang tepat untuk menjayakannya. Insya-Allah dengan niat yang ikhlas dan murni ke arah kebaikan, Negeri Kedah akan sentiasa dipayungi Rahmat dan redha Allah swt.

Justeru itu, Yang Berhormat Tuan Speaker saya menyokong penuh Belanjawan Kedah 2022 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Sekian, terima kash.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih. 20 minit masa yang diambil oleh YB. Sungai Tiang. Terim kasih. Seterusnya saya persilakan YB. Lunas.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Bismillahirrahmanirrahim Auzubillahimialimi'alim Minshaitanirajim. Alhamdulillahi Robbil A'lamin Wassolati Wassala' Muala' Asyrofil Ambiya' Iwal Mursalin Saiyidina Muhammadin Wa'ala Alihi' Wasohbihi' Ajmain' Robbishrohli Sodri Wa'yassirli Amri. Wahlul' Uqdatan Min Lisaani Yaf Qouhu Qouli.

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat rakan-rakan Exco, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan dan Sidang Dewan yang dihormati sekalian. Alhamdulillah saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah kurnia dan keizinannya dapat kita bersama-sama berkumpul di Dewan yang mulia ini untuk Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri ke-14 bagi Mesyuarat Bajet 2022. Alhamdulillah saya dapat masuk pada hari ketiga, hari pertama dengan hari kedua contact rapat, dikatakan contact rapat tapi kena kuarantin di rumah, tapi negative bukan positif pun.

Jadi, YB. Speaker saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Jeneri atas pembentangan bajet Negeri Kedah untuk tahun 2022. Bagi saya pembentangan bajet ini merupakan suatu belanjawan yang komprehensif dan terbaik Insya-Allah kita berharap agar ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Negeri Kedah selaras dengan tema Bajet 2022, Kedah sejahtera Nikmat Untuk Semua Pakat Pakat Meghasa.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Kapten Muhammad Affendi Bustami yang disahkan meninggal dunia dalam nahas pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia TUDM semalam yang terhempas dalam sesi latihan di TUDM Butterworth. Yang Berhormat Speaker, banyak perkara yang disentuh dalam ucapan perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat, berkenaan portfolio yang saya jaga Insya-Allah saya akan kupas satu-satu, banyak benda yang disebutkan. Antara

soalan yang ditanya dalam soalan lisan, soalan bertulis, perbahasan adalah berkenaan dengan isu padi benih, isu untuk racun dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Dewan, benih padi menjadi masalah bila lambat sampai dan sebagainya. Saya faham! Yang menjadi dia kalut sikit itu bila semua nak 297, bila dia viral mulut ke mulut 297 bagus, 297 bagu! Lepas tu semua nak order 297! Walaupun diterangkan dalam jawapan kelmarin, MB sebut monovarieti itu itu tidak baik dalam sistem amalan pertanian. Namun begitu, YB. Speaker, yang menjadi masalah dia bila datang musim kedua ini, dia memang masalah! Setiap tahun daripada saya mula jadi Exco itu 2019, dia dah jadi mula panas dah! Tahun lepas musim dua pun panas. Jadi, antara sebabnya apabila minta 297 ini antara musim 1 dengan musim 2,dia pendek! dia dekat! dia 'harvest' bulan 8, dia kena kalau 297 ni dia kena cooling period dia 30 hari untuk diproses. Jadi, dia ambil masa kemudian, Jabatan Pertanian nak buat pengesahan, percambahan dan sebagainya dia akan ambil masa dan akhirnya macam disebut kelmarin. Saya ingat Alor Mengkudu sebut atau Anak Bukit, akhirnya 297 ada banyak di pasaran! Jadi, itu antara sebabnya jadi untuk benih ini, seperti disebut Anak Bukit kelmarin, 219 ditawarkan bila 297 tak ada.

Jadi, Insya-Allah MARDI pun telah mengeluarkan kenyataan, benih 219 akan dihentikan dan digantikan dengan 315 yang lebih baik dan hasilnya lebih tinggi. Untuk isu benih padi ini memang, untuk makluman Dewan lah saya sebagai Exco Pertanian ini bila mai musim benih untuk pembekalan benih musim 2 ini, semua jabatan-jabatan yang ada di negeri dan Persekutuan ini menjadi sasaran saya la untuk bertanya. Tak berhenti-henti, telefon pun tak berhenti, dengan PPN pun, Pertubuhan Peladang Negeri, PPK dan sebagainya lagi. Saya tengok benda ni kalau tak diselesaikan dia akan berlarutan jadi apa dia punya kaedah penyelesaian. Saya maklum kepada IPB di MAFI, Kedah adalah pengeluar padi terbesar negara, jelapang padi! 43%, kita keluarkan untuk bekalan padi negara. Jadi, saya minta sebarang perundingan, perbincangan tentang pembekalan, nak menetapkan ladang benih dan sebagainya mesti melibatkan stake holder,pemain-pemain daripada Kedah.

Akhir sekali, dengan cadangan, saranan daripada saya akhirnya IPB cadang kepada MAFI, kepada Menteri supaya Exco Pertanian akan mengetuai task force ini untuk memastikan perkara ini tak berlaku lagi. Masalah dia kita musim 1 dengan musim 2 itu pendek. Jad,i kalau kita nak guna benih 297 daripada Kedah untuk Kedah dia tak sempat! Jadi kita kena ada penyelarasan jadual benih di tempat lain dan sebagainya. Jadi, itu yang kita akan bincangkan Insya-Allah mesyuarat untuk task force tentang isu benih akan kita adakan di MAFI dan saya akan chair mesyuarat ini dan kita akan pastikan perkara ini tak akan berulang.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

YB. Speaker, boleh tumpang sikit!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Boleh! Boleh! Silakan!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Sebenarnya saya setuju dengan cadangan YAB. Jeneri benih padi banyak diserah kepada MADA yang akan menjadi player penting kerana MADA sebenarnya lebih mengetahui daripada memberi kontrak kepada kilang-kilang yang kadangkala duduk di luar daripada Kedah, kilang-kilang itu ada di Kedah dan ada di luar kontrak itu. Adakah YB. Lunas sedar, kita setuju bagi kat MADA tapi MADA kena perbetul dia punya organisasi dia. Saya dapat maklumat, agensi MADA CORP ini diberi orang ramai kepada saya memang dia ada kuota tapi tak banyak kuota yang MADA ini. Tapi kuota yang tak banyak itu pun dia mengeluarkan kualiti yang tak standard juga. Itu masalah nak kena perbetul.

Yang kedua, dia tak buat dia bagi outsource kepada kilang-kilang lain, YB-YB fahamlah, dah bagi kat dia, dia tak buat, kut dia agih kepada petani tapi tidak. Dia pi bagi kepada satu pihak lain, tapi dia duk saja ja! Jadi, yang ini perlu diperbetulkan. Saya setuju dah dengan kes MADA ini. Terima kasih.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor, saya faham! Saya faham tentang cadangan MB itu memang saya pegang. Sekarang MADA bagi 7,000 metrik tan setahun. Kita di Kedah ini, hampir 14,000 metrik tan untuk 2 musim tapi ada masalah di peringkat pengurusan MADA CORP khususnya.

Saya pun telah berbincang dengan Pengerusi MADA, kita kena tengok balik, kena struktur balik, kena buat rasionalisasi balik supaya MADA lebih competent dan lebih mampu membekalkan benih. Itu memang masalah. Saya bincang dengan Pengarah IPB MAFI, mereka sanggup bagi sampai 20,000 metrik tan tapi kemampuannya Insya-Allah kita perlu susun balik dan struktur balik. Masalah ini kita sedang atasi. Untuk makluman semua, selepas masalah benih, masalah racun pula, bila benih lambat tak cukup dan sebagainya, mai racun pula. Racun naik!

Jadi, peningkatan harga input pertanian khususnya racun dan baca dalam tempoh semasa adalah disebabkan oleh perubahan polisi negara pengimport. Kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik, serta spekulasi pasaran. Pandemik Covid 19 turut menjadi penyumbang kepada situasi ini. Langkah berikut telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi membantu meminimumkan kesan pesawah kepada pengguna. Penubuhan Jawatankuasa Bersama berkenaan isu kenaikan harga baja dan racun diantara MAFI dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, KDNHEP untuk membincangkan solusi terbaik untuk menangani isu tersebut. Mesyuarat tersebut turut melibatkan agensi lain, Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Perusahaan Perdagangan dan Komoditi, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan wakil pemain industri yang lain.

Skim Insentif Penanaman Padi (SIPP) dilaksanakan oleh kerajaan melibatkan komponen bantuan racun bernilai RM200 bagi setiap hektar tanah yang diusahakan. Jadi, itu memang di luar kawalan kita! Tapi di pihak kementerian tapi kalau di peringkat negeri ini lagi lah kita tak boleh nak buat apa! Saya sendiri turun memantau harga racun di kedai-kedai input pertanian ini, 2 hari lepas dan itulah alasan yang diberikan oleh peruncit-peruncit ini. Walaupun begitu, di peringkat kementerian, mereka menyedari hal ini, isu ini juga isu panas, Insya-Allah kita akan mengatasi dan kerajaan di peringkat persekutuan akan mengatasi dan kita di peringkat negeri, harap perkara ini dapat diselesaikan. Itu berkenaan dengan input racun dan sebagainya.

Kemudian harga jualan padi RM1,200 yang dilaksanakan dalam tempoh semasa merupakan harga minima terjamin GMP yang telah diselaraskan semula pada tahun 2014 yang dinaikkan daripada RM1,050 pada tempoh sebelum berdasarkan GMP harga jualan padi boleh ditawarkan oleh pengilang kepada pesawah melebihi kadar RM1,200 yang ditetapkan. Pada tempoh semasa kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan harga jualan padi kerana peningkatan harga ini akan turut memberikan kesan peningkatan langsung pada peringkat rantaian pengeluaran yang lain sehinggalah kepada peruncitan beras yang akan memberi kesan kepada pengguna.

Kemudian, disebutkan kelmarin ditanya oleh Kubang Rotan tentang JICA. Untuk makluman YB. Kubang Rotan Japan International Cooperation Agency (JICA), puhak agensi Jepun memang tahun ini kita ada tiga kali training online disebabkan oleh PKP ada tiga kali training online yang diuruskan oleh UPUK dan juga PKNK dan sekarang ni minggu depan ada satu lagi akan dijalankan training online kepada pegawai-pegawai muda yang terlibat dengan pertanian.

Kemudian, untuk Kedah Food Valley yang diinspirasikan oleh Sungai Tiang dulu. Saya juga takecharge benda ini, di peringkat kerajaan negeri kita melalui PKNK sedang menyediakan bajet untuk 2022 supaya Kedah Food Valley ini boleh beroperasi dan kita boleh meningkatkan peningkatan usahawan-usahawan makanan ini di Negeri Kedah dan boleh meningkatkan pengeluaran dan sebagainya. Insya-Allah kita doakan semoga ia berjaya dan saya dah berbincang dengan MB, MB kata PKNK. Sekarang ini saya dah tanya PKNK, bajet itu sedang dibuat.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Minta laluan sat na!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ya..silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Kedah Food Valley itu dah ada syarikat setup semua itu! Cuma mungkin bajet. Dah ada syarikat, tunggu bajet jalan saja lah!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ya.. tunggu bajet, jalan lah! Kemudian, perkara yang dibangkitkan oleh YB. Bandar Baharu kelmarin, tentang durian lah, Biasalah Bandar Baharu durianlah! Ada 6 pelabur durian di Bandar Baharu merangkumi 400 hektar, apakah perancangan kerajaan berkenaan industri durian di Kedah terutamanya di Bandar Baharu. Kerajaan Negeri sedang memfokuskan untuk memajukan industri tanaman durian di Negeri Kedah. Sebagai contoh, kerajaan negeri telah mengklusterkan daerah-daerah di Kedah dengan kluster tanaman buah-buahan. Tujuan kluster tanaman diwujdukan adalah bagi memberi perhatian yang lebih pada daerah yang di klusterkan dengan tanaman tertentu. Sebagai contoh Daerah Bandar Baru ada daerah yang telah diklusterkan sebagai daerah durian.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, kerajaan telah merancang beberapa agenda bagi memajukan industri tanaman durian ini. Antaranya adalah menjalankan kerjasama strategik dengan syarikat permit industri durian seperti Nictron Agriculture Sdn. Bhd. CKE Tropical Fruit Plantation Sdn. Bhd. Serene Orchard Sdn. Bhd. dalam kepakaran teknikal dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil. Kerajaan pusat melalui Jabatan Pertanian Malaysia berusaha untuk memperluaskan lagi pasaran eksport tanaman durian. Kerajaan negeri telah mewujudkan program khas durian iaitu

Program Durian Kampung Premium dengan tujuan utama bagi mengenalpasti klon-klon durian kampung yang berkualiti dan berusaha untuk menaikkan Harga durian kampung di kategori Premium.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

YB. Lunas, ada usul!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Speaker, saya pohon mencadangkan dibawah Peraturan 12(1) A – Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2.30 petang selepas disambung pada jam 1.00 tengahari. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar tersebut. Silakan YB. Lunas sampai jam 1.00 tengahari.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ok, saya sambung sikit lagi, kemudian saya sambung selepas rehat.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Lunas, ada masa tambahan selepas kita sambung nanti.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ok, Ok! Sikit lagi saya nak perhabis tajuk yang ini saja!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ok, kalau boleh ngam-ngam jam 1.00 tengahari nah!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Untuk Daerah Bandar Baharu khasnya, kerajaan melalui Jabatan Pertanian telah merancang beberapa perkara bagi memajukan industri buah-buahan seperti menyediakan peruntukan sebanyak RM140 ribu, bagi meningkatkan lagi industri tanaman buah-buahan terutamanya durian, bekerjasama dengan pemain industri untuk membantu penanam kecil durian, memilih beberapa dusun kecil durian kampung yang mempunyai klon-klon premium untuk dimasukkan ke dalam Program Durian Kampung.

Kemudian, perancangan Kerajaan Negeri berkenaan industri durian di Kedah terutamanya di Bandar Baharu. Program NAEZ, Transkrian Smart Agri-Hub melibatkan 3 daerah iaitu satu Bandar Baharu, Kedah, keduanya Seberang Prai Selatan, Pulau Pinag dan ketiganya Krian, Perak. NCIA melalui perancangan Program NAEZ, Transkrian Smart Agri-Hub yang akan bermula pada tahun hadapan. Durian merupakan antara tanaman yang dikenalpasti daripada komponen utama seperti padi, kelapa dan aquaculture. Bagi memastikan industri tanaman durian kekal mampan, pihak NCIA boleh menawarkan inisiatif dibawah Program Investment dan Human Capital yang sedia ada untuk Wilayah NCER.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Nak celah sikit

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ya..YB. Bukit Selambau!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Speaker, pohon penjelasan dan jawapan dari YB. Lunas, berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan pada tahun ini untuk rumah-rumah ibadat, kuil-kuil hindu di kawasan Dun Lunas dan Parlimen Padang Serai, untuk SRK Tamil di Dun Lunas dan kawasan Padang Serai dan NGO-NGO India di Dun Lunas, Parlimen Padang Serai dan seluruh Negeri Kedah. Pohon jawapan daripada YB. Exco Masyarakat India dan juga apakah prestasi-prestasi ladang kelapa sawit PKNK dari segi hasil perhektar dan keuntungan perhektar. Terima kasih.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Bukit Selambau, tajuk masyarakat India last sekali, tak sampai lagi! Saya akan kemukakan sebentar lagi!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Bandar Baharu ada celahan!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ya..silakan!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Speaker, terima kasih. YB. Lunas, itu lah saya tengok tajuk durian tiba-tiba pi dekat India pula. Nak tanya tentang durian itu, terima kasih dan tahniah lah kepada YB. Lunas bersama kerjasama NCIA dan Transkrian Smart Agri-Hub itu yang mana saya tak nampak lagi lah dia punya perancangan itu, tempat jual durian, tempat pemulihan dusun-dusun. Sebab nak dapatkan durian kampung yang premium. Dulu, duri hitam pun daripada durian kampung dijadikan premium. Jadi, apakah kerajaan nak bantu penggiat ekonomi durian yang besar ini, pelabur yang dah besar ini dan juga orang kampung yang duk ada berapa pokok, dusun yang kecil-kecil itu nak dapatkan durian yang premium. Saya tak nampak juga satu promosi besar-besaran untuk durian untuk bantu Bandar Baharu ini selain daripada Pelan Pembangunan Kerajaan 2035 cuma tulis durian sahaja di Daerah Bandar Baharu dan juga penduduk Bandar Baharu itu sendiri.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Lunas, saya rasa tak sempat dah untuk Yang Berhormat Lunas jawab persoalan-persoalan yang dikemukakan. YB. Lunas ada lagi masa tambahan 5 minit selepas Dewan disambung semula.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya sambung lepas rehat! Ok, Bandar Baharu na!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan yang telah terlibat dalam perbahasan sesi pagi ini dan Dewan akan disambung semula pada jam 2.30 petang nanti. Dengan itu, Dewan ditangguhkan. Terima kasih.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari]

[Sidang Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang]

YB. DATO' SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Dewan disambung semula. Lunas ada 10 minit lagi. Tadi ada 5 sahaja ni extra lagi 5 minit lagi.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Dato' Speaker, Sidang Dewan yang saya hormati sekalian. Saya sambung penggulungan saya pada petang ini. Saya nak menyambung apa yang disebut oleh YB. Bandar Baharu tadi. Memang Bandar Baharu ini menjadi tumpuanlah ataupun kluster durian dan antara perancangan yang dibuat oleh NCER ialah perancangan pembangunan NEZ adalah pembangunan Donwstream Hub yang berfungsi sebagai fasiliti keperluan supply chain untuk industri pertanian. Bandar Baharu Innovation Hub merupakan cadangan 'one stop centere' yang bakal menyokong industri pertanian termasuklah tanaman durian. Antara kriteria pembangunan Bandar Baharu Innovation Hub adalah agriculture test plot dan green house plot innovation hub for R&D and start up, terraced factory for SMEs, detech industrial plot for warehousing logistic and large industrial plot. InsyaAllah Bandar Baharu, kita akan berikan tumpuan kepada pembangunan industri durian di Daerah Bandar Baharu.

Saya ingin beralih kepada apa yang dibangkitkan oleh YB. Kota Siputeh tentang padi benih yang tenggelam. InsyaAllah memang ada bantuan, petani-petani boleh buat laporan, PPK akan buat laporan ikut SOP. Pastikan laporan yang dibuat itu ikut SOP seperti yang dikehendaki oleh jabatan supaya tidak tergantung ataupun tidak ditolak sebab ada kes-kes yang dibuat laporan kerana tak ikut SOP walaupun telah diberikan taklimat berkali-kali dan saya minta PPK yang berkenaan membuat laporan mengikut SOP ataupun standart yang telah ditetapkan, InsyaAllah RM876 perhektar. Sekali saja tenggelam, kalau kali kedua tenggelam, tak dak, sekali saja. Jadi, biar dia tenggelam 2 kali untuk buat laporan.

Kemudian, apa yang dibangkitkan oleh YB. Belantek dan YB. Pedu berkenaan dengan lambakan. Alhamdulillah, tahun ini lambakan buah-buahan tempatan ni memang ada, yang paling saya nampak sekali ialah buah rambutan lah, meqenyut atas pokok warna merah sampai hitam. Jadi, masalah kita di kampung ni yang ada mak bapa yang dah uzur, anak-anak semua duk bandar, jadi tak dak sapa nak kait.

Tapi Alhamdulillah di kampung orang tua saya di kampung walaupun umur 81 tahun tapi dia kait sendiri lagi dan dia boleh pasarkan juga sendiri. Saya puji lah usaha YB. Pedu yang berusaha mengumpul dan jual. Jual ka bagi sumbangan saja? Sedekah saja! Alhamdulillah, sedekah lagi bagus, banyak pahala. Di peringkat kerajaan negeri, saya telah pun berbincang dengan GLC supaya diwujudkan balik seperti disebut, "Puncak Selera" dulu memproses buah rambutan dalam tin. Kita akan kaji balik dan saya dah minta pihak GLC ataupun PKNK untuk mengkaji kemampuan bisnesnya bagaimana ia boleh bertahan, kita tak mau jadi seperti Puncak Selera tu 3 tahun dia mati. InsyaAllah kita akan tengok balik supaya benda ini dapat dilaksanakan.

YB. Gurun membangkitkan tentang penanaman buah nangka secara besar-besaran. Memang di Kedah ni ada pengusaha-pengusaha yang menjalankan penanaman buah nangka secara besar-besaran. Nama peserta Heng Kim Tip, keluasan 70.8 hektar, Wan Azlina binti Wan Musa 5 hektar, Ku Mahadzir bin Ku Jalil 5 hektar, jumlah nilai pengeluarannya hampir RM400 ke RM500 ribu setahun.

Saya juga ingin menyebut, selain daripada buah nangka seperti disebut tadi, kita di Kedah ini telah mencapai satu kejayaan dalam pengeluaran buah melon. Kita ada ladang pengeluaran buah melon di Kolej Pertanian Bukit Tangga yang mana jumlah lubang yang ditanam secara 'vertical farming' itu sudah pun mencapai 30,000 lubang. Hasil daripada jualan buah melon ini kita telah melahirkan 4 orang usahawan muda yang menggunakan 'Internet of Things' (IoT) sebab ladang ini ia menggunakan 'Internet of Things', kemudahan kepada golongan muda dan pengeluarannya sedang ditanam untuk kali kelima tahun 2021 ni lah. Kita sedang target untuk capai jualan RM1 juta satu tahun untuk tahun depan. Tahun ni kita dah capai lebih kurang 250 ke 300 ribu lah buah. Jadi, 4 orang usahawan tu YB. Bandar Baharu berada di Bandar Baharu, 4,000 lubang, Alhamdulilah.

Berkenaan YB. Alor Mengkudu ada bangkitkan tentang tubuh Jawatankuasa Pelan Pemulihan peringkat negeri untuk menasihati kerajaan dari sektor pertanian dan ekonomi. Sat YB. Alor Mengkudu na? Oh! Pengkalan Kundor, sorry. Telah wujud Jawatankuasa MAFI Incorporation di Negeri Kedah yang mana telah dianggotai oleh jabatan dan agensi di bawah MAFI sebagai ahli tetap dan beberapa jabatan dan agensi lain yang terlibat secara langsung dengan MAFI sebagai ahli jemputan. Di dalam platform ini semua ahli akan mengembelengkan usaha untuk membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup petani serta menyelesaikan masalah yang melanda petani.

Jawatankuasa ini juga telah bertindak dalam menasihati kerajaan negeri dan mencadangkan usaha-usaha bagi merancakkan ekonomi terutamanya dalam sektor pertanian. Pihak MAFI juga, saya baru bermesyuarat kelmarin dulu dengan MAFI, Mesyuarat Exco, Menteri dan juga Exco Pertanian, MAFI juga akan menubuhkan Jawatankuasa Dasar Sekuriti Makanan Negara di peringkat negeri di mana platform ini boleh digunakan untuk membincangkan isu berkaitan pemulihan sektor pertanian negeri. Untuk makluman, cadangan penubuhan jawatankuasa ini telah dibincangkan dalam mesyuarat yang lalu dan penubuhan jawatankuasa ini adalah berkonsepkan kepada 'whole of government dan whole of society' yang akan menjadi pemangkin pengurusan sumber dengan lebih mampan dan cekap. Silakan YB. Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Perkara 65 dalam ucapan bajet, YB. Lunas tadi telah bercerita sedikit sebanyak tentang melon di Kedah, di Bukit Tangga. Ada data tak tentang pembangunan kopi, durian kampung, harum manis dan juga MD2, di mana tempat dan berapa banyak keluasan? Kalau ada data sila, kalau tak dak data, kemudian.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Baik, InsyaAllah saya akan bagi data dalam bentuk bertulis nanti. Ada, memang ada pembangunan kopi semua ada, InsyaAllah cuma saya tak sempat nak rangkumkan semua sekali. Ada data dan saya akan bagi dalam bentuk jawapan bertulis. Silakan YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Lunas dan YB. Dato' Speaker. Golden melon yang maklumkan di Kolej Pertanian tu dapat permintaan yang begitu baik saya rasa dengan harga yang begitu mahal. Adakah peranan kerajaan untuk mengembangkan dan melahirkan usahawan-usahawan tani belia, menggunakan teknologi yang kita tau dah terbukti 'provent' golden melon di Bukit Tangga atau Kolej Pertanian untuk para belia.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ok, terima kasih YB. Kubang Rotan. Memang itulah menjadi hasrat kita. Peruntukan untuk tanaman melon di Kolej Pertanian Bukit Tangga itu separuhnya kita dapatkan peruntukan daripada Jabatan Pertanian Persekutuan sebanyak RM800 ribu dan lebih kurang 100% lagi dikeluarkan oleh SPV dan jualan hasil itu kita bekalkan peralatan kepada usahawan-usahawan secara percuma, 780 lubang.

Sekarang ni dah ada 4 orang usahawan yang telah kita lahirkan. InsyaAllah kita memberikan penekanan sebab harganya bagus, kita jual di Lembah Klang dan kita dalam usaha supaya buah-buah ini dapat dieksport ke luar negara, InsyaAllah.

Yang terakhir yang saya nak gulung pada petang ini berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh YB. Bukit Selambau tentang hal ehwal masyarakat India. Untuk makluman YB. Bukit Selambau, bagi sumbangan Deepavali tahun ini walaupun tidak disalurkan melalui YB. Bukit Selambau tetapi melalui Pejabat Menteri Besar kita keluarkan RM134 ribu yang mana meliputi 1,300 penerima B40 melalui Pejabat Menteri Besar yang nilainya RM100 seorang dalam bentuk barang RM50 dan wang tunai RM50.

Saya sendiri Exco Portfolio Masyarakat India keluarkan lagi RM50 ribu portfolio saya sendiri, kita bagi kepada kawasan Kedah Selatan sebab dia ramai, yang Pejabat MB tadi kita aturkan kepada semua Pejabat DUN dan Penyelaras DUN di seluruh Kedah mengikut kapasiti jumlah penduduk India dan RM50 ribu lagi kita tumpu di kawasan Kedah Selatan, Kulim, Sungai Petani, Padang Serai dan juga di Jerai. Saya ingat ada lagi kalau Deepavali ni ADUN-ADUN sendiri yang mengeluarkan sumbangan kepada penduduk-penduduk kaum India di kawasan masing-masing. Untuk berapa peruntukan sumbangan yang diberikan melalui Portfolio Masyarakat India ini saya akan beri jawapan secara bertulis sebab belum 'update' lagi jumlah sumbangan yang kita berikan sepanjang tahun 2021 ini.

InsyaAllah untuk bajet B.06 Perhubungan Masyarakat, tahun lepas RM300 ribu, kita tambah lagi RM150 ribu jadi RM450 ribu untuk kaum India, Cina dan juga masyarakat Siam. InsyaAllah kita boleh tambahkan lagi. Jadi, semua permohonan-pernohonan yang dihantar terus ke pejabat saya InsyaAllah saya luluskan mengikut jumlah kita ada, semampu yang kita mungkin. Seperti yang disebut oleh YB. Bukit Selambau tadi, Perdana Menteri Umum RM5 juta, jadi kita di Kedah pun kita boleh mohon daripada Kerajaan Persekutuan kalau ada bajet yang kita nak mohon untuk membaiki kuil dan sebagainya, InsyaAllah.

YB. Dato' Paduka Speaker….Dato' Speaker, Dato' Paduka dak lagi na?

YB. DATO' SPEAKER

Orang bagi Dato' depa tambah pulak nak penaik lagi…

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Doa! Doa!

YB. DATO' SPEAKER

Ka nak ambik masa lebih?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Saya ucapkan terima kasih banyak kepada semua ADUN-ADUN yang membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio saya. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Exco-Exco, kepada Menteri Besar yang telah membentangkan bajet yang cukup komprehensif bagi Tahun 2022. Kita doa moga-moga dengan tindakan-tindakan yang kerajaan negeri buat seperti tidak mengeluarkan lesen judi ini akan menambahkan keberkatan kepada negeri kita dengan doa-doa yang dilakukan oleh umat Negeri Kedah ini, InsyaAllah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Saya menjemput YB. Tokai! Tokai nak cakap berapa minit ni?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

25 muka surat!

YB. DATO' SPEAKER

Ha, 25 minit. Silakan!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, sahabat-sahabat Exco, sahabat-sahabat ADUN yang dihormati dan dirahmati Allah sekalian. Alhamdulillahi robbil 'alamin, wabihi nasta'in, wassola tuwassala mu'ala asyrofil anbiya iwal mursalin saidina muhammadin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul uddatan millisani yafkhohu khauli. Saya memulakan dengan firman Allah s.w.t;

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ
ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

"Dan tidaklah harus bagi orang yang beriman lelaki dan perempuan apabila Allah dan Rasulnya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara tidaklah harus mereka mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka dan siapa yang tidak taat hukum Allah dan Rasulnya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas dan nyata".

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada sahabat-sahabat ADUN semua yang telah, boleh dikatakan semua lah na, membicarakan tentang masalah kesihatan Covid-19 dan juga saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kesihatan terutamanya Tuan Pengarah, Dr. Othman yang hadir pada hari ini dan 'team' mereka yang telah memberikan satu komitmen yang cukup tinggi untuk mengendalikan Covid-19 di Negeri Kedah ini sehingga kita boleh mencapai atau memasuki Fasa 4.

Alhamdulillah, kita juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua 'frontliners', PDRM, RELA, APM, Lembaga Zakat Negeri Kedah yang telah banyak memberi bantuan kepada sama ada mangsa-mangsa covid ataupun mereka-mereka yang terkurung di sebabkan oleh kuarantin semasa Covid-19 melanda Negeri Kedah ini. Terima kasih kepada semua dan kita berikan tepukan yang gemuruh kepada mereka ini semua.

YB. Dato' Speaker,

Dari Melaka balik ke Kedah, (isteri saya orang Melaka)
Singgah sebentar membeli buah-buahan,
Isu judi ni janganlah gelabah,
Moga Kedah diberkati tuhan.

Sikit saja, bukan 25 muka surat, sikit saja. Berhubung dengan isu Portfolio Kesihatan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor yang telah banyak memberi input-input. Ya, InsyaAllah akan kita gunakan untuk menambahbaikkan lagi 'service' kesihatan di Negeri Kedah ini. Berhubung dengan apa yang dikeluhkesahkan oleh YB. Pengkalan Kundor kerana anak dia tidak mendapat 'update' yang cepat berkenaan dengan 'digital certificate vaccine' yang telah diberikan oleh KKM ni. Ingin saya djelaskan di sini bahawasanya sistem

MySejahtera ini tidak dikawal selia secara langsung oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kedah (JKN) ini. Kalau YB. Pengkalan Kundor ada sebarang masalah bolehlah berhubung dengan 'helpdesk' yang ada dalam MySejahtera tu.

Isu yang dibangkitkan ini memang diakui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ada kelemahnnya dan menteri baru-baru ni pun semasa berkunjung ke Kedah dia kata, "ada lebih kurang 300 ribu senarai yang mereka terpaksa 'update' balik berhubung dengan kelambatan ini mereka memohon berbanyak-banyak maaf dan mereka sedang berusaha untuk menambah baik sistem MySejahtera ini dan bila kita lihat yang 'latest' ni memang ada banyak penambahbaikan lah cuma penambahbaikan satu lagi kelmarin dulu, saya masuk Dewan ni sampai ke pagi besok. Maknanya bila kita 'check in' terlupa nak 'check out', itu salah satu daripada kelemahan. Kita pun telah beritahu kepada Kementerian Kesihatan dan sampai sekarang nampaknya mereka tidak mengambil tindakan lagi lah dan Kementerian Kesihatan juga membenarkan kad yang diberikan kepada kita tu digunakan sebagai satu passport untuk kita masuk ke premis-premis yang memerlukan 2 dos vaksinasi.

Seterusnya….(YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya balik Dewan kelmarin, anak saya kedua-duanya dah dapat sijil.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Owh! Terima kasih KKM. YB. Pengkalan Kundor juga menyebut tentang gaya hidup sihat. Memang, kalau kita lihat kepada data daripada 'National Health Institute' 2019, ini yang 'latest' lah. Diabetes Prevalence dalam negara kita ni 18.3%, ni untuk negara lah, hat Kedah kalau ada di Kedah mungkin saya boleh dapatkan maklumat daripada Jabatan Kesihatan Negeri. Darah tinggi 30%, mungkin antara kita dalam ni ada, ada yang darah tinggi, hiperkolesterol yang mana kolestol yang tinggi 38.1%, kalau pi 'check' darah, kolestrol yang tinggi.

Kemudian, status pemakanan kita, obesiti 50.1%, mungkin tak ramai kut dalam ni ya, 29.8% kanak-kanak, ini yang kita risau, kanak-kanak yang obes, badan besaq, kadang-kadang kita tengok kecik montel elok, tapi jangan sangka yang kita nampak elok tu bagus, kemungkinan mereka akan menghidapi darah tinggi dan juga kencing manis di usia yang muda. Kemudian, 25.1% risiko untuk kita mendapat Non-Communicable Diseases (NCDs) penyakit-penyakit yang tidak berjangkit ini, kita takut tidak melakukan 'exercise', 25.1% bermakna 1 di dalam 4 tidak melaksanakan 'exercise'.

Ini apa yang disuarakan oleh YB. Pengkalan Kundor ini kita harap kita dapat memberi perhatian lah. Pada 11 November 2021, baru lagi, Perdana Menteri telah melancarkan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang mengguna pakai 'whole of nation, whole of society' dengan melibatkan semua jabatan kerajaan, agensi swasta, NGO dan semua lapisan masyarakat. Agenda Nasional Malaysia Sihat ini adalah pakej promosi sihat sepanjang hayat bagi manfaat rakyat melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang sihat. ANMS akan dilaksanakan dalam 4 fasa selama 10 tahun dari 2021 sehigga 2030 dan mempunyai 4 teras, promosi pembudayaan hidup sihat, perkhidmatan kesejahteraan kesihatan, kawalan kesihatan kendiri dan kebersihan persekitaran. Dalam teras promosi pembudayaan hidup sihat atau dulunya kempen cara hidup sihat, kesedaran berkaitan kesihatan akan dipertingkatkan dengan lebih meluas melalui kempen-kempen secara fizikal contohnya melalui Wellness on Wheels atau 'road show' oleh 'wellness truck dan 'wellness hub' serta media arus perdana dan juga media sosial. Elemen utama pembudayaan hidup sihat yang menjadi fokus adalah pemakanan yang sihat. Sekarang ni kita sebut sebagai "Piramid Makanan", "suku-suku setengah", suku karbohidrat, suku protin, setengah lagi tu sayur-sayuran dan buah-buahan. Mengadakan senaman dan aktiviti fizikal dan tidak merokok dan minda yang sihat.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Tokai beralih buat apa sebelah ni?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Haa?

YB. DATO' SPEAKER

Beralih buat apa kut belah YAB. Jeneri masa kata tak merokok tu?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Lenguh-lenguh sini nak beralih belah tu la. Tak menjadi kesalahan. Kesedaran sihat ini seterusnya diterjemahkan melalui amalan atau pembudayaan hidup sihat dalam kalangan masyarakat yang secara tidak langsung dapat mengurangkan kejadian penyakit-penyakit berjangkit dan tidak berjangkit.

YB. ADUN Suka Menanti membangkitkan isu berkaitan vaksin perlu ditingkatkan. Saya ingin menjelaskan di sini lah na, bahawasanya kita boleh beralih ke Fasa yang ke 4 ini adalah antara kriterianya adalah vaksinasi yang dapat kita laksanakan di dalam masyarakat ataupun rakyat dalam Negeri Kedah kita ini. Terima kasih sekali lagi lah kepada semua pihak termasuk YB. Pengkalan Kundor yang menjadi sukarelawan MYVAC dan juga belia-belia yang telah menceburkan diri dalam memberi khidmat sukarelawan dalam banyak PPV yang telah kita ambil mereka sebagai pembantu untuk kita memberi vaksin kepada rakyat di Negeri Kedah ini.

Alhamdulillah 80% lebih dah dan kita harap ini akan ditambahkan lagi dengan kesedaran-kesedaran yang dilakukan kempen oleh sama ada masyarakat luar ataupun di pihak JKN itu sendiri. YB. ADUN Suka Menanti juga menyoal bagaimana kita nak menghadapi 180,000 orang lagi ini yang masih belum mendapat vaksin. Antara tindakan yang akan diambil adalah promosi yang telah dibuat dan akan dibuat melalui media sosial dan juga media biasa ini akan ditingkatkan. Kerjasama dengan JKKP, penghulu dan juga imam-imam di kampung-kampung dan juga pemimpin masyarakat juga akan kita war-warkan, akan kita hebahkan, akan kita perkasakan. Mendapat kerjasama dan bantuan dengan pejabat-pejabat lain seperti Jabatan Pendidikan, Jabatan Agama Islam, Jabatan Perpaduan, KEMAS dan sebagainya untuk kita mempromosikan masyarakat kita untuk mendapatkan vaksinasi. Suntikan di luar jangka atau 'outreach' yang sedang dilaksanakan akan diteruskan terutama sekali bagi mereka-mereka yang 'bedridden' ataupun tertidur di rumah dan juga mereka-mereka yang tidak mendapat fasiliti kenderaan yang susah nak keluar. Cerita anak saya di Sarawak, hari-hari naik helikopter pi bagi vaksinasi di kawasan-kawasan yang 'very remote area' lah. Kita tak dak sampai naik helikopter lah na, 'for wheel drive' itu biasa saja.

Kemudian, untuk makluman semua jumlah yang belum mendaftar ini dengan MySejahtera sehingga 16 November di kalangan populasi dewasa adalah 'one seven nine four zero four' (dengan izin).

YB. DATO' SPEAKER

Berapa?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

179,404. Ini maklumat daripada Jabatan Kesihatan. YB. Adun Suka Menanti juga menanyakan berhubung dengan 'booster' ni, nak capai 100% memakan masa 20 hari.

Macam yang kita buat vaksin biasa lah, promosi mereka-mereka yang nak pergi ke luar negara yang tidak mendapat vaksin Pfizer, maknanya kalau mereka dapat Sinovac, untuk third dose ini dia mesti Pfizer. Antara promosi-promosi yang akan dibuat dan mereka ini boleh pergi ke pusat-pusat kesihatan kerajaan ataupun dimasukkan dan ada yang masukkan dalam MySejahtera tu dia letakkan klinik-klinik swasta untuk memberikan apa yang disebutkan vaksin yang ketiga sebagai 'booster dose". Yaa….YB. Suka Menanti.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tokai, terima kasih YB. Dato' Speaker. Yang 'booster' tadi kita tak risau sangatlah tadi pun saya sebut sikit saja. Yang baki belum mendapat vaksin 1 dos tu, satu saya nak tanya pasal kempen kita, Alhamdulillah kita akan terus kempen. Tapi nombor tu seolah-olah bila saya 'close check' dengan negeri-negeri lain macam nombor 180,000 tu tak berapa tepat, mungkin daripada segi data, 'transfering' data MySejahtera yang YB. Tokai sebutkan tadi saya rasa masih perlu ada 'coordination' ataupun semak imbang dengan negeri-negeri lain mungkin adakah kemungkinan dia adalah orang sini tapi sebenarnya dia telah ambil vaksin di tempat lain. Sebab 180,000 ni sangat banyak dan kita tak jumpa dah, tak ramai sangat dah la yang masih belum menerima sebarang vaksin tu, rasanya lah.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Suka Menanti. Saya akan semak balik, betullah macam menteri sebut hari tu dia kata tak dak 'bahu' dah nak cucuk. Apabila kita cari dalam masyarakat, kebanyakannya kita turun tidak ramai dah yang tidak mendapat vaksin. Untuk makluman kita semua juga, pemberian dos penggalak ini kita berikan keutamaannya kepada petugas barisan hadapan kesihatan, keselamatan dan juga pertahanan serta mereka yang berusia 40 tahun ke atas, invidu berusia 18 tahun ke atas yang mempunyai komobiliti dan penghuni dan petugas di pusat jagaan kesihatan jangka panjang, ibu-ibu yang mengandung dan mereka yang perlu ke luar negara.

YB. Bakar Arang ada bertanya berhubung dengan adakah 'booster' ini….. Ya…YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Speaker, soalan saya adakah 'booster dose' ini juga diberi kepada 'frontliners' seperti ADUN-ADUN dan juga Exco-Exco? Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Boleh Yang Berhormat, saya pun dapat 'booster' dah tapi tak "galak" pun. YB. Bakar Arang bertanya berhubung dengan 'booster dose', adakah perlu diberi 6 bulan sekali? Daripada jawapan yang diberikan oleh pihak kesihatan, mereka mengatakan sekarang Kementerian Kesihatan masih belum lagi menetapkan. Kemungkinan-kemungkinan kita pun tak tau sebab penyakit ini penyakit baru. Bila penyakit baru datang kepada kita, kita pun tak tau prospek dia nak jadi macam mana. Sekarang yang berlaku adalah kajian-kajian yang telah dijalanakan di negara luar mendapati 'booster dose' ini satu keperluan kepada mereka yang terdedah ataupun 'frontliners'. Jadi, kita berharaplah untuk kedepan-kedepan ini kemungkinan kalau Allah Ta'ala angkat cepat Covid-19 ini mungkin tak perlu lagi dah. YB. Dato' Speaker dah dapat 'booster'?

YB. DATO' SPEAKER

Tak mau kut!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Kota Darul Aman tutur mencadangkan Tabung Bantuan Perubatan daripada RM500 ribu ditambah menjadi RM1 juta. Saya pun minta juga kepada SFO, malangnya bila kita semak yang tahun lepas, penggunaannya biarlah kita sebut, tidak dapat digunakan sepenuhnya disebabkan oleh kesan daripada Covid-19 pesakit-pesakit tidak dapat melakukan 'operation' yang memerlukan bantuan daripda tabung ini. Jadi, kita guna tak banyak, maka tahun ini kita tetapkan RM500 ribu dulu, InsyaAllah kalau sekiranya tak cukup saya boleh pi 'urut-urut' SFO lah kemungkinan kita boleh tambah, InsyaAllah kalau sekiranya dia bersetuju lah. Kalau dia tak bersetuju kita gunakan RM500 ribu ini untuk kita beri bantuan. Sebenarnya bantuan ini bukan setakat peralatan perubatan saja, masa awal tahun 2021 dan akhir tahun 2020 banyak mereka-mereka yang datang dengan keluhan tidak mendapat bekalan susu-susu yang mahal, mereka yang 'bedridden', strok atau penyakit-penyakit kronik yang memerlukan bantuan pemakanan kos yang tinggi juga kita beri bantuan kepada mereka selain daripada peralatan perubatan yang biasa lah. Ada yang tidak sanggup membeli lampin pakai buang, ada juga kita beri bantuan begitu, ini bergantung kepada syor daripada Pegawai Kerja Sosial di hospital. Tapi ada hospital yang masih belum lagi mendapat sedikit pun bantuan daripada tabung ini kerana mereka tak dapat nak buka akaun. Saya pun tak tau, YB. Dato' Speaker balik tanya Langkawi tengoklah, Langkawi belum dapat lagi pasal dia tak boleh nak buka akaun. Apa punca masalah dia, wallahu'alam. Balik tanya mereka na?

YB. DATO' SPEAKER

Boleh! Boleh!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Itu daripada segi kesihatan. Kemudian dari segi Kerajaan Tempatan. YB. ADUN Jitra bertanya tentang tapak-tapak perniagaan di Kubang Pasu dan juga di Jitra. Untuk makluman YB. ADUN Jitra, bilangan tapak perniagaan penjaja di Jitra untuk seluruh Kubang Pasu, jawapan yang diberikan adalah 1,096 unit ruang niaga di Kubang Pasu, untuk Jitra saja 222 unit. Kemudahan-kemudahan di tempat berniaga, ruang-ruang lot niaga, medan selera, pasar awam disediakan kemudahan utiliti air dan juga elektrik seperti yang ditanya oleh YB. Jitra. Kemudah sampai maknanya jalan-jalan, lorong-lorong disediakan oleh MPKP (Majlis Perbandaran Kubang Pasu). Untuk rancangan masa hadapan, tambahan kawasan ruang niaga kepada peniaga dan juga penjaja terutamanya gerai di Taman Suria akan diperkemaskan lagi dari segi keceriaan dan struktur bangunan sedia ada akan dinaikkan taraf. Kemudian juga di….(YB. Sg. Limau minta laluan)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Di belakang….. Baik, terima kasih YB. Dato' Speaker. Tentang ruang niaga, kerana covid ni pihak kerajaan negeri mengarahkan kepada pihak PBT untuk sediakan tempat untuk bebas niaga dan tanpa 'charge'. Kita harap perkara itu dapat diteruskan pada tahun 2022 sebagai rangsangan ataupun untuk pemulihan khususnya kepada anak-anak muda dan peniaga kita yang terkesan. Yang keduanya, bila banyak bertebaran ni maknanya ia tidak berlaku satu tempat saja yang menjadi tumpuan, itu juga dapat mencegah covid. Jadi, mohon penjelasan daripada YB. Tokai.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Sungai Limau. Memang semasa kita merancang untuk memberikan kawasan bebas niaga dulu, mula kita rancang sampai bulan 9, tapi kita tengok covid ini masih berterusan sebab itu kita teruskan sampai hujung tahun, Disember 2021. Nanti kita tengoklah macam mana kalau masalah covid ni masih lagi menjadi masalah kepada rakyat kita untuk mencari rezeki, kemungkinan tempoh ini akan kita lanjutkan. Untuk pengetahuan juga, kita telah memberikan diskaun-diskaun tertentu kepada mereka-mereka yang tidak dapat menjalankan perniagaan pada masa Covid-19 ini.

Ada yang kedai yang langsung tak dapat dibuka, mereka diberikan diskaun, untuk pengetahuan kita dan PBT-PBT kita sudah arahkan tentang arahan-arahan pemberian diskaun ini.

YB. Kota Darul Aman menyebut tentang hutang PBT kepada SWCorp. Untuk makluman, hutang PBT Kedah kepada SWCorp terkini adalah RM104 juta bukan RM300 juta, YB. Kota Darul Aman. Berkaitan dengan prestasi 'environment' idaman ataupun E-Idaman yang dikatakan terjejas akibat hutang adalah tidak tepat lah na. Pihak SWCorp. Sentiasa menjelaskan bayaran kepada E-Idaman setiap bulan tanpa gagal. Hutang yang dimaksudkan ini adalah hutang pihak PBT kepada SWCorp. dan sekarang ini pihak Kerajaan Negeri Kedah melalui Pejabat SUK sedang berusaha untuk memohon hutang tersebut dihapus kira dengan pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memandangkan 'charge' dan hutang tersebut perlu ditanggung oleh JPSPN seperti yang dinyatakan dalam perjanjian persefahaman sebelum menandatangani Akta 672 dahulu.

Tentang isu sampah yang dikatakan oleh YB. Kota Darul Aman bertimbun tu kita minta 'detail' lah di mana sebab kita nak beri maklum kepada E-Idaman kemungkinan terlepas pandang ka ataupun apa-apa masalah yang lain.

YB. ADUN Derga membangkitkan persoalan pemutihan menara telekomunikasi di PBT. Ya…YB. Kota Siputeh.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih. YB. Dato' Speaker, berkenaan dengan E-Idaman tadi, masih ada lagikah kita boleh jual sampah kepada E-Idaman sebab saya di Pusat Wakil Rakyat kita ada 'sangkar' untuk kita masukkan sampah seperti kotak, botol dan sebagainya lah. Tapi dah berbulan-bulan kita telefon suruh mai beli lah kan, sebelum-sebelum ni semasa Kerajaan Pakatan Harapan dulu memang kita selalu jual, lepas tu tak datang-datang, tak tau kenapa.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Tak pa, nanti saya tarik telinga depa sikit lah na? Memang ada, masih ada, kotak, kertas, botol, minyak masak pun boleh. Haa…Ada orang yang bawa minyak masak pi jual dapat beras balik. Memang kita nak menggalakkan 'recycle, reuse' dan satu lagi apa, tak ingat dah.

Kemudian YB. ADUN Derga tentang pemutihan menara telekomunikasi di PBT. MOU (Memorandum Of Understanding) CIPM adalah bertujuan untuk memudahkan urusan permohonan dan kelulusan pembaharuan permit prasarana telekomunikasi oleh PBT dan pemilik prasarana telekomunikasi. MOU ini melibatkan 2 pihak iaitu PBT dan SKMM. Draf MOU masih lagi belum dimeterai dan masih lagi dalam semakan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri dan juga BPEN. Sekiranya MOU ini ditandatangani dan dimeterai oleh kedua-dua pihak, tempoh pemutihan adalah selama 6 bulan akan diberikan kepada pemilik struktur telekomunikasi sekiranya mereka mengemukakan permohonan pelan bagi struktur sedia ada kepada PBT untuk kelulusan PBT.

YB. DATO' SPEAKER

Ada berapa lai lagi tu YB. Tokai?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

25 tolak 10, 15 lagi.

YB. DATO' SPEAKER

Masa ada seminit lagi!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tak pa lah! Kemudian tentang masalah penarikan balik lesen judi na. Ini melibatkan portfolio saya di PBT. Untuk makluman kita na, premis judi ataupun agensi nombor ramalan di Kedah ni, MBAS ada 26, MPSPK Sungai Petani ada 14, Langkawi ada 1, Majlis Perbandaran Kulim ada 4, Majlis Perbandaran Baling ada 2, mana orang Kuala Ketil? Haa…Ada 2, kita pun hairan. Apa yang diumumkan oleh YAB. Menteri Besar Negeri Kedah ini kita tidak akan memberi lesen baru dan memperbaharui lesen yang akan mati. Bahagian Kerajaan Tempatan akan menyelaras perkara ini bersama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) memandangkan MOF merupakan agensi yang meluluskan lesen judi tersebut. Bagi minuman keras, kerajaan negeri juga mengambil keputusan untuk menghadkan, hat minuman keras ini kita tak tarik lesen tapi kita menghadkan lah. Kawasan yang tak dak minum tu kita tidak akan mengeluarkan lesen dan yang ada minum tu juga kita akan hadkan.

Tentang YB. ADUN Gurun, lalat saya dah jawab dah, soalan nombor 9 yang lepas. Jadi, 15 muka surat saya dah selesai YB. Dato' Speaker dan saya mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dan mengambil bahagian dalam….Ada lagi? Nak habis dah ni.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tak habis lagi, ada satu…

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tak habis lagi ha, apadia?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Yang tak jawab tentang tempat parkir TLK Ban Hoo.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Saya rasa depa tak bagi jawapan. Nanti saya bagi jawapan secara bertulis na? Tak ada jawapan yang diberikan kepada saya hari ni.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua sahabat-sahabat ADUN yang telah mengambil bahagian membicarakan berhubung dengan portfolio ini dan juga saya mengucapkan tahniah kepada YAB. Menteri Besar yang telah membentangkan Belanjawan 2022 dan saya juga mengambil kesempatan untuk turut menyokong Belanjawan 2022. Sekian YB. Dato' Speaker, terima kasih banyak-banyak.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Tokai. Saya jemput YB. Guar Chempedak.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, setinggi-tinggi tahniah dapat Dato' Seri, kami tumpang gembira. Rakan-rakan Exco, ADUN-ADUN kerajaan dan juga pembangkang, YB. Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri, YB. Dato' SFO, ketua-ketua jabatan dan wakil negeri dan Persekutuan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Sebelum saya nak memulakan ucapan penangguhan ini saya nak mendapat kesefahaman dengan YB. Dato' Speaker. Kesefahaman itu ialah, kalau ada ADUN yang minta laluan dan saya dengan senang hati memberi laluan, masa itu hendaklah ditolak dan dicampur balik. Kalau 5 minit campur balik 5 minit, barulah adil kepada kedua-dua pihak. Setuju dak? Exco lain terlambat dah, (seluruh Exco ketawa) boleh dak YB. Dato' Speaker?

YB. DATO' SPEAKER

Depa tak setuju lah tu, sengap dah.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Depa tak setuju sebab depa dah cakap dah.

YB. DATO' SPEAKER

Tak pa, cakap dulu.. Cakap dulu..

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Kita tengok macam mana. YB. Dato' Speaker, saya membuat ucapan penangguhan ini sebagai Exco yang bertanggungjawab bagi Portfolis Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi, Sains Teknologi dan Inovasi. Ketiga-tiga portfolio ini memang berkait rapat antara satu sama lain, memang ada sinerginya. Saya ucap berbanyak terima kasih kepada YAB. Menteri Besar kerana bagi saya pegang ketiga-tiga portfolio ini sebab ia berkait rapat antara satu sama lain. Jadi, saya tidaklah perlu merujuk dengan Exco yang lain ya untuk perkara-perkara yang bersangkutan.

Portfolio Industri dan Pelaburan dan Pengajian Tinggi terutamanya memang 2 portfolio yang 'complement' antara satu sama lain terutamanya sekarang ini kita memerlukan banyak tenaga kerja teknikal yang berkemahiran, yakni pengajian tinggi boleh membantu industri dan pelaburan. Sebelum saya pergi lebih lanjut, terlebih dahulu ingin memberi respond kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh beberapa orang rakan ADUN dalam sesi perbahasan. Pertama Jitra, sungguhpun YB. Jitra tidak bersama tetapi eloklah saya sebutkan di sini. YB. Jitra menyentuh tentang kelebihan Kulim Hi-Tech Park lebih-lebih lagi pada masa kini katanya. Sebenarnya, sesungguhnya, Taman Teknologi Tinggi Kulim ini ialah satu-satunya taman teknologi tinggi yang ada di Malaysia. Tak dak dah taman teknologi tinggi yang lain dalam Malaysia, mungkin KHTP dalam 'Top Five' di Asia.

Tempat itu amat istimewa, Negeri Perak cuba nak buat, tak jadi, Johor cuba nak buat, tak jadi, tapi kita berjaya dan akan terus berjaya, InsyaAllah. Memandangkan ketika ini akibat Pandemik Covid-19, seluruh dunia menghadapi masalah kekurangan ataupun 'shortage of semiconductor'. Kaedah meajukan lokasi utama syarikat pembuatan semiconductor dan wafer fabrication. Syarikat-syarikat yang beroperasi di Kedah, seperti Silterra, Infineon, Osram, Intel, semuanya meningkatkan dan juga membesarkan kapasiti kilang masing-masing. Umpamanya, sebuah syarikat, saya diberitahu mereka akan melabur lebih RM10 billion untuk pembesaran dan lain-lain pun ada, saya tak sebut nama sebab depa kata tak boleh habaq sebab benda ni rahsia ya sebab ia ada persaingan dalam perniagaan.

Chips ini lagi banyak diperlukan di seluruh dunia. Semasa pandemik mereka tak boleh keluarkan tapi Kulim Hi-Tech Park kita keluarkan, kita tak tutup ya, seminggu saja kita tutup, selepas tu kita benarkan ia beroperasi dan mereka menjaga SOP dengan baik. Sebenarnya Malaysia menjadi salah sebuah negara yang terbesar mengeluarkan chips ini. Pada tahun sudah, dalam RM345 billion nilai eksport kita ke luar negara adalah dalam bentuk electrical electronic termasuk chips ini. Ini adalah satu industri yang amat besar.

YB. Bandar Baharu, beliau menyebut tentang gig ekonomi. Gig ekonomi ni orang duk tanya gig apa ni? Saya pun ada sedikit penjelasan di sini. Gig ekonomi ini ialah satu 'trend' sistem pasaran memberi kebebasan kepada organisasi atau kerja suka sama suka tanpa perlu meggaji pekerja sepenuh masa. Betoi YB. Bandar Baharu ya? 'Freelance' yang berkemampuan untuk bekerja secara fleksibel tanpa kerja secara rutin 9.00 hingga 5.00 pagi. Gig ekonomi ini wujud sebenarnya semasa kegawatan ekonomi 2008 dan ia wujud satu platform perantara seperti Uber, AB&B, orang pi 'holiday' yang menjadi benih perkembangan gig ekonomi seperti kata YB. Bandar Baharu. Sudah 4 juta rakyat Malaysia yang terlibat terutamanya anak-anak muda di Malaysia, pesara dan 'house wife'. Jadi, kerajaan kita, Kerajaan Negeri Kedah saya yakin kita akan melihat tentang pekembangan ini dengan menentukan keperluan gig ekonomi ini supaya ia dapat berkembang dan memberikan pendapatan kepada penduduk di Negeri Kedah.

YB. Kuala Nerang menyebut tentang pelaburan yang begitu tinggi bagi 6 bulan pertama 2021 RM43 billion. Saya dah sebut faktor-faktor yang menyebabkan Kedah memperolehi pelaburan yang tertinggi itu. Satu lagi yang saya nak sebut ialah kerja berpasukan dan sedikit tuah (luck), dia. Kadang-kadang kita main bola, main bola pun pandai tapi sepak gol tak masuk, sepak gol tak masuk, dia kena tiang, naik atas palang dia tak mau masuk.

Jadi, 'at the end of the day' (dengan izin) YB. Dato' Speaker, yang pentingnya bukan siapa yang pertahankan jangan masuk gol, yang pentingnya siapa skor gol, yang skor gol hari ni adalah kerajaan kita hari ni yang dipimpin oleh YAB. Jeneri. Haa…Dapatlah RM42.2 billion, sebuah Syarikat Risen namanya melabur di Kulim Hi-Tech Park RM42.2 billion. Jadi, pada ketika ini RM43 billion yang kita dapat 6 bulan ini ia adalah 60% daripada jumlah seluruh negara kita Malaysia. Pencapaian ini tak pernah dicapai oleh mana-mana negeri, sungguh pun Malaysia, tak pernah mencapai banyak ni. Tapi janganlah kita sama-sama duk pikiaq tahun ni RM43 billion, tahun depan RM45 billion kut, teruk lah kita, YAB. Jeneri, kalut lah kita, jenuh kita duk pi cari. InsyaAllah, tahun ni pun kita dijangka akan mendapat pelaburan daripada segi unjuran RM53 billion lagi, RM10 billion lagi campur dengan RM43 billion jadi RM53 billion, yang RM10 billion ni bukan cerita nak melabur, bukan cerita baru nak tengok tanah, tapi yang RM10 billion ni dia dah beli tanah, dia dah bayar duit dan dah dalam pembinaan.

Jadi, RM53 billion ni saya yakin tak dak negeri boleh 'challenge' kita sampai bila-bila, ini satu sejarah yang kita cipta bagi Negeri Kedah, InsyaAllah. Tapi 5G pun penting jugak YB., tak dak 5G kita pening, semua nak 5G. Depa kata, "5G apa, 2G pun tak mau lagi". Di Yan apa G pun tak dak! Saya tiap tiap hari jalan dari Yan masuk jalan dalam lalu Sungai Limau, lalu Sungai Limau saja setengah kilometer tu, bukan takat G, bukan takat wifi, telefon pun 'dropped call', hilang, tau-tau hilang! Selepas tu depa telefon balik, "pasai apa Dato'? Haa…Lalu Sungai Limau! YB. Sungai Limau kena lah 'fight' benda ni, janganlah duk biaq, malu kat oqang aih! Kita duk cerita RM43 billion, tau-tau sampai Sungai Limau tak dak apa. Ok, 'moving forward', melihat ke hadapan dan perancangan masa depan, banyak perkara lagi yang dilihat untuk mengekalkan kedudukan Kedah sebagai destinasi utama pelabur sama ada DBI ataupun FDI. Bagi menarik pelabur, kita perlu infrastruktur bukan sahaja jalan raya tetapi juga komponen-komponen lain, ini semua satu pakej. Pertama utiliti, air, elektrik, gas, telekomunikasi perlu dibuat perancangan berdasarkan kepada keperluan kilang-kilang, taman industri yang sedia ada, pelabur-pelabur baru yang akan membina kilang dan juga projection unjuran pelabur-pelabur yang akan datang. Keperluan ini perlu dirancang secara 'advance' bagi semua kawasan industri. KHTP yang paling kritikal Fasa 4A, Fasa 5, kita perlu pastikan ini semua campur-campur jadi 695 ekar, ini fasa yang baru ya. Betapa hebatnya Kulim Hi-Tech Park ini jual sampai tanah tak dak dah, jual macam orang puteh kata "hot cake", semua orang nak mai beli, sampai kita kena buat fasa baru 4A guna duit kita sendiri, 'internal fund' dan ia berjumlah RM250 juta ya.

Untuk Fasa 5A, RM445 juta kita dah dapat pinjaman daripada kerajaan melalui RMK-12. KRC pun sama, tengah buat, Bukit Selambau pun sama, kita nak majukan Bukit Selambau, kita nak pindahkan kilang-kilang, nak buat kilang-kilang baru dan utiliti ini perlu diambil kira dengan serius dan juga Bukit Kayu Hitam yang akan menjadi hub logistik bukan sahaja Negeri Kedah tetapi juga seluruh negara kita Malaysia. Kita bangga dengan pencapaian ini. Di samping itu, persekitaran, 'landscaping', kebersihan, nampak menarik juga penting dan kita perlu membaik pulih, menambah baik, menaik taraf supaya setanding dengan kawasan-kawasan industri negara maju seperti Jepun, German dan sebagainya.

Seterusnya tenaga kerja 'talent pool', dalam masa 3 tahun ini kita memerlukan 15,000 orang tenaga mahir di Kulim Hi-Tech Park saja. Kalau campur seluruh Kedah mungkin dia akan meningkat sehingga 30,000 orang. Sebuah syarikat yang bernama ATNS ia akan memerlukan 7,000 hingga 8,000 tenaga kerja dan daripada jumlah tersebut 600 tenaga kerjanya ialah jurutera, (bukan diploma level ya, digree level) dalam Kejuruteaan ENE, mechanical dan juga jurusan sains, kimia, fizik, mikrobiologi dan sebagainya. Ini semua saya dah sebut dengan 'detail' dalam jawapan saya kepada soalan lisan. Yaa.. YB. Bandar Baharu, saya tau dah YB. Bandar Baharu mesti tanya saya. Nak minta laluan ka?

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Minta laluan! Minta laluan YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Saya tak bagi lagi. La kita tengok berapa minit, kita tolak.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, YB. Guar Chempedak, terima kasih. Sebut saja 'talent pool' saya nak tanya lah, apakah persediaan kerajaan negeri kerana kita tau 15,600 jurutera diperlukan dalam kawasan-kawasan industri kita, tapi kita dalam Negeri Kedah ni tak dak lagi universiti teknikal. Kita ada UUM, UiTM, itu saja yang 'management' dan juga banyak pentadbiran. Jadi, universiti teknikal tu macam mana? Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Bandar Baharu ni macam dia tau, benda tu saya masuk dalam ni nak bercakap sat lagi. Ni nak masuk dah ni, memang yang itulah 'point' dia tapi YB. Bandar Baharu boleh baca pemikiran saya. Usaha yang bersungguh-sungguh sedang dan akan dilaksanakan bagi memenuhi agenda ini. Usaha-usaha juga sedang diambil untuk menjadikan sebuah unversiti yang ada di Negeri Kedah ini sebagai universiti teknikal Kedah. Nama dia tak boleh umum lagi cerita dia ni banyak peringkat yang perlu kita lalui ya. Itu InsyaAllah akan berlaku dan kita dah dapat sokongan daripada pihak-pihak yang tertentu sehingga pihak atas dan kita minta YAB. sendiri pun tolong lobi kuat-kuat sikit Perdana Menteri apa semua….(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Guar Chempedak, YB. Bandar Baharu ambil masa 30 saat saja tadi bertanyakan soalan.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Eh! Mana 30 saat, tadi 2 minit. Saya dah 'respond' ya. Saya juga nak mencadangkan agar Zakat Kedah, ini 'talent pool' ya, 'sponsor' ataupun membiayai pelatih bidang teknikal di pusat-pusat latihan di Kedah seperti KTechno dan KISMEC. Saya melawat KTechno dan KISMEC banyak kali, tiap-tiap kali saya pi melawat saya akan bertanya, ni daripada mana? Depa kata, "semua dari Perlis". Pasaipa pulak Perlis dekat 15, 20 orang. Depa kata, "ni Zakat Perlis sponsor". Depa balik kerja di Perlis. Jadi, apa salahnya kalau kita guna duit Zakat kita untuk perkara-perkara yang baik seperti ini ya, InsyaAllah kita minta Zakat lah untuk ambil perhatian tentang perkara ini.

Tadi YB. Pengkalan Kundor ada bertanya tentang tahfiz untuk TVET. Saya dapat jawapan yang tepat di sini, Kolej KEDA tahun ini 2021 ambil 20 orang tahfiz untuk bidang automotif, semua orang Sik. Bukan dia pilih sebab orang Sik kawasan Menteri Besar sebab keperluan, tahfiz duk kat situ dan dekat. Pasukan pelaburan Kedah dan semua pemegang taruh akan diperkemas dan dipertingkatkan keupayaan mereka melalui 'education and training' sepanjang masa bagi mempersiapkan diri untuk berdepan dengan cabaran-cabaran baru dan persaingan yang semakin sengit daripada dalam dan luar negara. 'We cannot continue doing what you doing today', kalau kita hendak satu benda yang baru kita kena buat cara yang baru. Maka kita akan mempertingkatkan prestasi kita ini dari semasa ke semasa.

Di samping itu, kita juga nak mengucapkan terima kasih, ini semua termasuk dalam komponen-komponen yang penting untuk pelaburan ya, jabatan-jabatan kerajaan yang penting seperti PTG, Pejabat-pejabat Tanah Daerah, Majlis-majlis Tempatan, JAS, Bomba dan semua ini pemegang taruh. Kalau satu sangkut, kita tak dapat menarik pelaburan.

Seterusnya saya nak sebut sedikit di sini tentang 'supply chain realization' bagi industri solar (dengan izin) sebab kita nak jaringan bekalan ini dibuat di negara Malaysia, tempatan bukan dari luar negara. Atas inisiatif kerajaan negeri, saya sebagai promoter dengan First Solar, satu sidang meja bulat dipengerusikan oleh YB. Menteri Ekonomi telah diadakan baru-baru ini dengan sokongan YB. Menteri EPU, MITI dan MIDA, program ini akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Saya nak bagi contoh ya, solar industri ini terbahagi dua, satunya dipanggil BOS Installation untuk solar farm, yang ni kita target 2 gigawatt ya, setakat ini kita target 2 gigawatt. 2 gigawatt ini kalau semua lah komponen ini dibuat dalam negara, apa perkara-perkara yang buat boleh dibuat, bateri, controle unit, inverter, charge regulator, medical sapport semua ni. Kita boleh dapat nilai ekonomi sampai RM8 billion.

Lagi satu, untuk solar panel juga kalau kita buat di dalam negara ia akan memberikan impak ekonomi kepada kita. Dalam 'round table" tersebut, semua ketua-ketua eksekutif syarikat solar di seluruh negara Malaysia bersetuju supaya ini dibuat 'locally' sebab ia mengurangkan kos pengangkutan dan mengurangkan kos secara keseluruhan. Kita akan mengambil step ini, satu step ke satu step dan dalam 'round table' itu saya diberi ruang untuk membuat ucapan aluan.

Dalam ucapan aluan saya minta supaya Negeri Kedah diberikan keutamaan untuk buat benda-benda ini. Kerana apa? Kerana kita Malaysia ni nombor 3 dalam dunia buat solar panel dan Kedah nombor 1 dalam Malaysia. Kita ni banyak nombor satu, solar panel ni nombor 1 dalam Malaysia. Dalam Malaysia ni dia punya jumlah energi gigawatt yang dibuat solar panel di Malaysia ni ialah 13 gigawatt, Kedah saja 6 gigawatt, lebih daripada 40% YB. Dato' Speaker dibuat di Kedah sebab itu saya minta benda ni dibuat di Kedah, InsyaAllah akan diberi perkembangan, kita pun minta First Solar untuk menyokong kita. Di dunia ni permintaan solar ialah 154 gigawatt, Malaysia hanya mengerluarkan 13 gigawatt itupun nombor 3 dalam dunia, kita memang ada ruang untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran solar panel, Kedah sekarang mengeluarkan 6 gigawatt.

Pelaburan Negeri Kedah, unjuran untuk 2021 saya dah sebut tadi RM53 billion, PKNK saja RM8.5 billion campur satu dua lagi syarikat yang sedang membina kilang, InsyaAllah tahun ini kita boleh mencapai RM53 billion.

Cabaran terbesar kita ialah apabila kita mencapai pelaburan yang begitu tinggi, cabarannya ialah bagaimana kita nak mengekalkan kedudukan yang macam tu. Ini satu cabaran yang besar sungguh pun kalau kita tak boleh capai macam tahun ini saya rasa InsyaAllah tahun hadapan pun kita akan menduduki tempat yang baik dalam persaingan di antara negeri-negeri dan Malaysia. InsyaAllah 'top 3' tu 'will be there' lah. YAB. pun pernah sebut dalam RM20 billion kita dapat pun InsyaAllah. Kita tak pernah capai pun RM20 billion pun sebelum ini ya, kita pernah capai sebelum ini RM13 billion, itupun projek tak dilaksanakan tapi pada tahun 2019 kita capai RM11 billion. Inilah pencapaian terbesar yang telah kita dapat.

Bajet 2022 pelaburan industri kita tak minta daripada kerajaan negeri ya, banyak mai daripada Pusat, kita tak mau kacau kerajaan negeri, sikit-sikit tu adalah. Minta laluan ka? Ok, tolak masa.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Tolak seminit sudah la. Terima kasih YB. Guar Chempedak dan YB. Dato' Speaker. Saya ada kenalan selalu buat CSR bersama dengan Syarikat Kilang Nichias, Jepun iaitu Nichias di Jitra. Saya pernah ada buat soalan bertulis kebetulan Managing Director tu pernah buat beberapa kali CSR di tempat saya. Dia ada bertanya, tentang dia orang nak 'expend' untuk pelaburan syarikat yang sedia ada tetapi isunya ialah kekangan daripada status tanah, mungkin tanah pertanian dan sebagainya. Tak salah saya beberapa pelaburannya ratusan juta tetapi untuk memberi manfaat kepada peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak muda kita lah. Dia dah ada pekerja pun dekat 1,000 orang dan dia kata….(YB. Guar Chempedak mencelah)

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Apadia? Kekakangan dia sekali lagi, apadia?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Kekakangan semasa status tanah pertanian dan sebagainya lah. Memang dia dah ada kilang tu, pekerja hampir 1,000 orang dekat Jitra. Mungkin YB. Guar Chempedak lebih maklum, mungkin boleh tengok benda tu lah. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Saya maklum sebab saya 'hands on' selalu jumpa depa, saya jumpa depa 4 kali dah. Masalah utama dia kilang tu, kilang Jepun na? Dia buat banyak produk rubber product, polymer product untuk automatif industri. Masalahnya, semasa dia beli tanah tu dan kilang sedia ada, dibeli daripad Bina Darul Aman ya, tanah pertanian. Tapi pada ketika itu, tanah pertanian boleh dibuat kilang, boleh dapat kebenaran merancang, sama juga kilang di Kuala Ketil YB., yang dia beli dari PKNK dulu boleh dapat kebenaran merancang untuk buat kilang 'sterilization' tapi bila dia buat kilang pula dia kena tukar tanah tu kepada industri, itu isu yang sama. Tapi masalah dia lagi satu kilang tu, status 'Malay Reserve'. 'So how do change the name or Japanese to Malay name'? Dia masuk Islam pun tak boleh lagi. I kata kat dia, andai "you buat proxy". Dia kata, "proxy, cannot! Cannot! Sat lagi kawan tu cabut 'mampuih' saya! Sampai sekarang tak dapat diselesaikan.

Jadi, minta supaya BDB dapat membantu. Saya kata, "why not" BDB beli tanah tu, ambil tanah tu tukar kepada industri, kita boleh 'declare' dia "Melayu" tak dak masalah BDB ni, macam Tenaga Nasional, 'declare' "Melayu" dia beli tanah tu kemudian dia tukar (swapping) kemudian tukar kepada industri, jual kepada kilang tu dapat harga yang lebih tinggi. Betul tak? Tapi sampai sekarang belum dapat diselesaikan. Terima kasihlah kerana mengingatkan saya.

Sikit saja lagi YB. Dato' Speaker, saya tengok muka pun lain macam muka pun, macam tak berapa nak seronok dah. Ni tinggal 15 lai lagi…

YB. DATO' SPEAKER

Ni YB. Guar Chempedak, kita tambah lagi 10 minit!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Aih! Baik sampai teqa mana, tak pernah lagi. Ok, sebab panggil Dato' Paduka kut no? Tak lama dah kut? Sedikit saya nak sentuh di sini tentang Bajet 2022 daripada Kerajaan Persektuan. Kerajaan Persekutuan dia banyak buat benda-benda ni untuk pelaburan dan industri. Untuk 2022, RM2 billion telah diperuntukkan untuk pelabur-pelabur daripada syarikat-syarikat multinasional, FDI masuk ke Malaysia ini terutamanya yang 'complement' rangkain pembekalan mewujudkan pekerjaan yang berdasarkan kepada ilmu pengetahuan melalui 'knowledge based job' dan memberi peluang pembangunan IKS tempatan. Dia akan dapat insentif daripada Kerajaan Persekutuan.

Lagi satu RM80 juta untuk melatih 20,000 orang pekerja untuk menyokong kluster industri seperti MRO Subang, (ini kena dengar) EME Kulim, jadi kita nak kena pi qagaih depa, jangan lupa Kulim ni, yang tu pun boleh dapat dan lagi satu RM6.8 billion diperuntukkan untuk sektor TVET bagi memenuhi keperluan semasa industri. Yang ni pun kita nak kerja keras untuk minta kepada Kerajaan Persekutuan dan RM100 juta untuk peningkatan produktiviti melalui automasi dan juga geran untuk 'smart automation matching' kepada 20 buah syarikat pembuatan dan perkhidmatan.

Akhir sekali YB. Dato' Speaker, Pelan Pembangunan Negeri Kedah 2035, Teras 1; Kemakmuran Ekonomi Strategi 1 dan 2, ini akan kita bincangkan dalam bengkel-bengkel kemudian. 1 dan 2 apa dia kata, "melaksanakan projek berimpak tinggi serta memperkasakan infrastruktur sokongan projek berimpak tinggi" macam KXP, Kedah Aerotropolis dan sebagainya. Kemudian "menarik masuk pelaburan dalam industri teknologi tinggi, ekonomi digital, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta memacu revolusi industri 4.0".

Yang ini InsyaAllah YB. Dato' Speaker, kita akan membuat perbincangan melalui bengkel-bengkel InsyaAllah kita akan diadakan dalam masa terdekat dengan semua pemegang taruh BPEN, Invest Kedah, PTG, Pejabat-pejabat Tanah, Majlis-Majlis Tempatan, Syarikat-syarikat Utiliti dan lain-lain temasuk juga Kolej TVET, politeknik, universiti dan sebagainya supaya kita dapat mencari satu pendekatan strategi yang terbaik untuk kita menjayakan agenda ini. Marilah sama-sama kita bekerja keras sebagai satu pasukan serta berdoa ke hadrat Allah s.w.t agar pelaburan Negeri Kedah akan terus berjaya dan cemerlang, InsyaAllah. Saya dengan ini menyokong Bajet 2022 yang cukup baik

YB. DATO' SPEAKER

YB. Guar Chempedak, depa tak bagi 'landing' tu.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Saya dah 'landing' ni. Tak pa lah, bagi 'chance', kawan…

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Bagi lah 'chance'…. Terima kasih YB. Guar Chempedak, terima kasih YB. Dato' Speaker. Yang ni dia ada 'relate' dengan sukan. Saya melihat bahawa kadang-kadang 'investment' kita besar tapi kalau kita tengok beberapa sukan selain daripada bola, skuasy, bandminton, kalau boleh lah YB. Guar Chempedak boleh bantu sukan.

Kadang-kadang saya ambil jadi presiden hat baru-baru ni hoki, jersi pun tak dak, nak kena pinjam kat orang, kat sekolah, peringkat Negeri Kedah. Jadi, saya rasa daif berbanding kita dengan negeri-negei lain. Kalau boleh ada sedikit 'sponsorship' oleh pelabur-pelabur atau syarikat-syarikat besar untuk sikit kepada sukan-sukan yang mungkin seperti olahraga yang tak berapa nak popular, takraw pun dah tak masuk ACL sepertimana disebut oleh YB. Belantek, zaman Adnan Saidin, depa legen-legen mai berjumpa saya juga minta bantu, tak dak langsung, daripada pihak kerajaan untuk SUKMA sahaja. Maksudnya, sukan untuk semua memang dibantu oleh kerajaan negeri, itu tak dinafikan tapi untuk mereka main di luar sana Kedah memang amat daif. Mungkin YB. Guar Chempedak boleh minta tolong.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Eh! Dua sekali? Tadi dah habis dah!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, terima kasih di atas tambahan masa kepada YB. Guar Chempedak. Kita memang dapat laporan yang sangat hebat tentang pelaburan daripada hari awal lagi kita memang berbangga untuk Kedah menjadi tempat pilihan pelabur. Tapi banyaknya tadi YB. Guar Chempedak sebut pelabur ENE, pelabur semiconductor, solar panel dan sebagainya. Bagaimanakah usaha kita untuk pelabur-pelabur pertanian macam yang saya sebut dekat Bandar Baharu RM7.9 juta pelabur-pelabur durian mai. Jadi, macam mana tarikan kita pula portfolio pelaburan ini untuk pertanian, pelancongan khususnya, kita ada permata di Tanjung Dawai, di Lembah Bujang. Bagaimanakah tarikan pelabur-pelabur tu mai ke Kedah? Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ok, 'respond' kepada YB. Kubang Rotan. Saya tak berani janji tapi mungkinlah saya boleh bisik-bisik ya kalau depa kata 'willing to do it' lah ya. Berhubung dengan pelaburan pertanian, pelancongan, saya Exco Pelaburan, YB. Lunas, Exco Pertanian, YB. Kuah Exco Pelancongan. Jadi, kita boleh duk 3 orang kita ataupun 2 orang kita bincang macam mana nak buat. Boleh dak? InsyaAllah. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tengok, bila saya bagi 10 minit depa tak mau, nak berhenti pulak. Ini cara dia, kita tau dah taktik Ahli-Ahli yang Berhormat, kalau kita bagi dia tak mau, kalau kita tak bagi dia mau. Terima kasih. Tak pa, kita ada masa 50 minit YAB. Jeneri, terpulanglah. Silakan!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Kebanyakan isu-isu yang disentuh dalam Dewan ini telah dijawab oleh Ahli-Ahli YB. Exco. Saya ingin menyentuh sedikit lagi tentang beberapa aspek yang belum lagi disentuh oleh rakan-rakan saya terutama sekali tentang rizab-rizab kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat membangkitkan mengenai rizab kerajaan yang berjumlah RM660 juta sehingga 11 November 2021. Bagi menjelaskan isu ini saya ingin memaklumkan bahawa jumlah rizab ini adalah yang tertinggi dalam tempoh 10 tahun. Sebagai contoh, tahun 2016 rizab kerajaan berjumlah RM27.3 juta, jumlah ini telah meningkat kepada RM43 juta pada tahun 2018, RM295 juta pada tahun 2019 dan RM324 juta pada tahun 2020 dan pada tahun 2021, RM660 juta. Saya ingin memaklumkan bahawa pencapaian disebabkan oleh amalan pengurusan kewangan yang baik dan betul oleh kerajaan sejak tahun 2020. Peningkatan yang ketara dalam kutipan hasil, kawalan perbelanjaan yang berhemah dan mengurangkan ketirisan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pejabat SUK dan Pejabat Kewangan Negeri dan pasukan mereka yang telah melaksanakan program pengawalan dan pengurusan kewangan yang berhemah sehingga kita berada pada tahap ini. Ini jelas dapat dilihat apabila akaun hasil disatukan mencatatkan lebihan sebanyak RM170 juta.

Walaupun dalam tempoh PKP kerajaan menyediakan kemudahan kepada orang ramai untuk menjalankan urusan dan membuat bayaran atas talian. Dalam masa yang sama kerajaan memastikan bayaran bil kepada semua pembekal, kontraktor, agensi dibuat tepat pada masanya. Pemendekan masa pembayaran ini akan menjimatkan kos kewangan pihak syarikat seterusnya juga menjimatkan kos kewangan kerajaan. Kerajaan negeri tidak mengabaikan tanggungjawab untuk membayar hutang. Kerajaan menanggung beban hutang yang diwarisi turun temurun.

Bayaran hutang dibuat mengikut jadual. Tahun 2020, bayaran hutang telah kita laksanakan sebanyak RM39.5 juta, tahun 2021 sebanyak RM43.6 juta. Terdapat 10 projek pinjaman perumahan awam kos rendah dengan baki pinjaman setakat 30 September berjumlah RM168.41 juta manakala baki 12 projek adalah berjumlah, projek PKN berjumlah RM223.81 juta, bagi pinjaman pelbagai pula terdapat 5 projek yang dibiayai oleh pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan termasuk pinjaman untuk pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim berbelas-belas tahun yang lalu, membiayai baki pinjaman tetangguh projek pembinaan Kampus UniSHAMS dan projek-projek lain berjumlah RM401 juta sehingga 30 September 2021. Pada tahun 2022, kita telah menetapkan sasaran untuk membayar pinjaman sebanyak RM53 juta kepada Kerajaan Persekutuan.

Yang kedua ialah tentang aduan kerosakan akibat daripada banjir. Kerajaan sedar dan sangat memahami bahawa akibat daripada bencana alam, fenomena banjir yang telah melanda beberapa daerah di Negeri Kedah, hampir seluruh negeri terlibat dengan banjir, ada yang diistilahkan sebagai banjir temenung, banjir tu tak tau nak pi mana, dia duk temenung tang tu, macam di Pendang. Ada lagi tu, duk termenung lagi? Dia tak tau nak pi mana ayaq tu. Saya pun tak tau nak jawab, saya kata, "kita usahakan supaya temenung tu jadi tamban". Depa pun tak tanya dah la, setakat tu saja la. Bermula bulan Oktober lalu, Kedah dikejutkan dengan bencana banjir di beberapa daerah dan berlaku keraosakan infrastruktur yang banyak. Titi runtuh, tiang dia hanyut, culvert putus, jalan runtuh tinggal sebelah, kerosakan tebing sungai, pembetung dan sistem saliran. Semua maklumat sedang dikumpulkan untuk disediakan peruntukan. Kerajaan akan melaksanakan kerja-kerja kecemasan yang dapat disiapkan pada tahun ini. Manakala bagi lain-lain projek, peruntukan akan disediakan mulai Januari tahun 2022, peruntukan yang terlibat pada tahun depan itu kita sasarkan RM5 juta.

Bantuan SAR, ada ramai juga ADUN yang prihatin kepada isu-isu yang dihadapi oleh Sekolah Agama Rakyat, YB. Pengkalan Kundor pun ada sebut… Nak tanya dah? Saya baru sebut.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Nak tanya yang tadi, yang 'reserve' tadi. Sebab masuk dah jauh tu. YB. Dato' Speaker, soalan saya adalah, 'reserve' yang RM660 juta tadi, adakah YAB. bersetuju bahawa sebahagiannya adalah dari 2019 yang telah dibawa ke 2020 dan sebahagian lagi adalah apabila covid berlaku maka sebahagiann daripada perbelanjaan yang tidak berlaku itu. Akhirnya jumlah terkumpul itu menjadikan jumlah yang….(YAB. Dato' Seri Menteri Besar mencelah)

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Saya bersetuju semua YB. Pengkalan Kundor. Apa saja semua saya bersetuju, janji duit banyak. Tak kira hat sapa himpun lah, dia dah terhimpun di situ yang kita bawa daripada belakang dan kita himpunkan. Masalah dia macam ni, dulu-dulu ni, bukan tak dak duit, kutipan hasil ada, tapi masa tu belanja ikut IT, ikut terlintas. Jadi, hat tak dak dalam perancangan kerajaan pun, tak dak dalam bajet, dibelanja juga. Sebab tu biasa sampai RM43 juta, RM23 juta 'reserve', pasal IT. Sapa yang mai minta masa mana pun, SFO urut-urut misai, boleh! Semua boleh, tak ikut bajet. Jadi, apa yang sedang kita laksanakan sejak tahun 2020 ini ialah ikut bajet. Kalau dalam bajet ada peruntukan dan dibelanjakan, kalau tak dak, kita tunggu sehingga ada. Jadi, duit tu dah tak ikut IT, duk ada situ lah, kita himpun lah. Sebahagian daripada 'reserve' yang kita ada ini adalah untuk menampung defisit bajet yang kita jangka RM90 juta lebih kurang untuk tahun depan.

Untuk SAR juga dibangkitkan oleh sahabat-sahabat di sebelah sini dan sebelah sana. Ada 200 buah SAR dan kita peruntukkan RM1 juta dan kita juga akan bantu dengan peruntukan yang lain untuk mempersiapkan mereka supaya mereka dapat mendaftar. Sekarang ni ada banyak SAR yang tidak dapat mendaftar, bukan depa tak mau, tapi tak cukup syarat. Ada syarat bomba yang tak dapat diikuti, tangga ada 1, tangga kena ada 2 untuk kecemasan, ada 'reserve' tempat berhimpun tak cukup luas.

Jadi, perkara-perkara itu akan kerajaan bantu supaya mereka dapat mendaftar. Bila mereka mendaftar, mereka turut akan menerima bantuan-bantuan lain daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Sekolah-sekolah SAR ini juga kita alu-alukan untuk memohon bantuan operasi daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah, Zakat pun belanja banyak ke atas SAR dan akan diteruskan lagi pada tahun depan. Ada sahabat-sahabat saya membangkitkan tentang kelewatan bayaran Khairat Kematian RM350. Semua ni diproses di Pejabat Menteri Besar, kadang-kadang hantaq mai borang tebai-tebai ni (sambil menunjukkan timbunan buku) satu 'bundle' mai, nak 'claim', lepas tu nak bayaq esok. Kata tak boleh la kut no benda tu nak kena 'check' dulu, nak 'confirm' nak tengok permit kubur apa semua baru kita boleh buat pembayaran. Saya cadangkan pada tahun depan, tuntutan itu dibuat secara atas talian oleh ADUN. ADUN 'key in' di pejabat dia terus ke Pejabat MB, kita akan bangunkan satu sistem, sistem itu akan dikendalikan oleh Pejabat Kewangan dan pembayaran secara EFT kepada Pejabat Pusat Khidmat ADUN, ADUN 'draw' duit pi bagi ataupun ADUN dah dahulukan duit dia, macam YB. Alor Mengkudu dia duit banyak, orang mati dia pi bagi dulu, dia 'advance', jadi EFT tu akan masuk ke Pusat Khidmat dia boleh ambik balik daripada situ lah. Saya harap program ini akan dapat dilaksanakan mulai tahun 2022 untuk mempercepatkan bayaran Khairat Kematian.

Prestasi hasil kutipan tanah 2021 yang melebihi kutipan 2022. YB. Anak Bukit ada membangkitkan, kawan saya ni saya tau lah pesen dia, dia nak cakap lepas tu dia tak mau dengar orang, sebab tu dia tak mai. Dia mai dia nak cakap saja lah lepas tu dia tak mai, mungkin adalah terdesak tang-tang mana tapi dia lepas-lepas peluru dia belah lah. Saya pun kenai lama dah, tahun 1999 lagi, dia ni untung sedia, dia tak pernah rugi, dia pi duk tang mana pun dia kira untung, dia pi duduk pokok yang teduh sahaja.

Berikut adalah penjelasan mengenai prestasi kutipan hasil tanah tahun 2021 oleh YB. Anak Bukit, sehingga 16 November 2021 terimaan hasil tanah berjumlah RM454 juta, peningkatan sebanyak RM131.94 juta berbanding terimaan tahun 2020. Peningkatan terimaan ini disebabkan terdapat bayaran hasil one-off bagi premium dan levi 'swapping' tanah. Terimaan premium tanah adalah daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan berjumlah RM69.76 juta dan KEDA, (Chairman KEDA ada di sini), berjumlah RM21.65 juta. Kerajaan juga menerima bayaran levi 'swapping' tanah daripada NCIA untuk KRC berjumlah RM40.78 juta. Pelan-pelan tak pa na, masa panjang kan na?

YB. DATO' SPEAKER

Ya.. Ya..

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Tak dak nak kalut apa. YB. Anak Bukit juga bertanya tentang cadangan "saya", dikatakan "saya" lah, sewaktu saya jadi Ketua Pembangkang dia kata Jeneri ada cadang nak ambik bayaran kepada tiang elektrik na. Adakah kerajaan negeri akan menguatkuasakan semua tiang-tiang elektrik TNB yang dipasang di ats rizab-rizab jalan raya yang dikenakan cukai? Untuk perkara ini, pentadbiran tanah negeri akan meneliti perkara tersebut. Kalau boleh dilaksanakan Alhamdulillah, kalau tak boleh pun tak pa la. Adakah lot tanah yang terlibat dengan jajaran Lebuhraya Utara Selatan bermula dari Bukit Kayu Hitam ke Bandar Baharu telah dikeluarkan hak milik dan dikenakan cukai tanah? Sebahagian daripada tapak-tapak yang terlibat dengan jajaran Lebuhraya Utara Selatan telah dikeluarkan hak milik terutamanya Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan telah pun dikenakan cukai tanah manakala sebahagian lagi dalam proses untuk dikeluarkan hak milik. Bila ada hak milik dia kena bayar cukai lah, dalam proses, InsyaAllah.

Mohon semak status tanah di Kampung Baru Wang Tepus, Kubang Pasu, dikatakan telah lulus dalam MMK pada 1985 sehingga kini masih belum diberi hak milik. Ini jawapan daripada Pejabat Tanah dan Galian, tanah yang dipohon ini merupakan sijil simpanan RC269, Lot 813, Mukim Wang Tepus dengan keluasan 60.558 hektar bagi maksud Tapak Padang Ragut Kerbau Lembu.

Tapak ini telah dipohon sebahagian tanah seluas 18.4 hektar oleh KEDA bagi maksud Projek Perumahan PPRT Kampung Wang Tepus yang kini dalam tindakan Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu. Kampung Bukit Pulau Kerengga yang dikatakan ada masalah dengan proses pembatalan RC padang ragut. Tanah yang dipohon merupakan Sijil Simpanan RC319 Lot 1300, lot lama 193, Mukim Gunung bagi maksud Tapak Padang Ragut Kerbau Lembu. Proses pewartaan di bawah Seksyen 64 Kanun Tanah Negara Negara telah dilaksanakan menurut warta kerajaan nombor 2 tambahan jilid 58 nombor 8 kenyataan nombor 351 dan siasatan untuk pembatalan Sijil Simpanan RC telah diadakan pada April 2015.

Permohonan ini diangkat kepada Majlis Mesyuarat pada 28 Januari 2016 dan memutuskan penolakan permohonan ini dan meminta Pejabat Tanah Daerah Kota Setar memproses keseluruhan lot tanah berkenaan untuk dibuat pelupusan tanah secara berkelompok bagi menyelesaikan isu setinggan di kawasan berkenaan menurut MMK Kertas Nombor 8D174 2016 bertarikh 30 Ogos. PTG telah meanjangkan surat penolakan tersebut kepada Pentadbir Tanah Kota Setar bertarikh 16 November 2016 untuk tindakan.

YB. Bayu membangkitkan tentang tanah-tanah yang telah didiami, tanah Jabatan Hutan didiami oleh penduduk lebih daripada 15 tahun untuk dicabut keluar. Beliau telah memaklumkan kepada Dewan ini ada beberapa perkampungan yang didiami antara 25 hingga 30 tahun. Kerajaan telah meneliti untuk dicabut keluar dan diganti kepada Jabatan Perhutanan di tapak yang lain dan permohonan-permohonan seperti ini akan dibuat secara 'case by case' termasuklah di kawasan yang dibangkitkan oleh YB. Bayu. Tanah TOL, tanah-tanah kerajaan dan hutan simpan dicadangkan supaya diberi permit atau TOL oleh YB. Bayu. Bagi peneroka-peneroka tanah kerajaan dalam hutan simpan sememangnya diterima dari semasa ke semasa permohonan permit penggunaan dan juga TOL dan diproses berlandaskan undang-undang yang berkuat kuasa ketika ini. Bagi peneroka tanah dalam kawasan hutan simpan perlu memohon dan merujuk kepada Pejabat Hutan Daerah berkaitan untuk permohonan permit penggunaan.

Kadar premium tanah semasa yang dikatakan sangat tinggi. Kadar premium tanah yang sedang diguna pakai di Kedah ketika ini adalah berdasarkan Kaedah-Kaedah Tanah Kedah Darul Aman Pindaan 2018 dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2019. Kadar premium semasa bagi pelupusan tanah ada jadualnya sendiri, kena rujuk PTG.

YB. ADUN Jitra, kerajaan disyorkan memberi perhatian kepada perlombongan REE dengan teknologi mesra alam iaitu 'In Situ Leaching' untuk membantu negeri menjana sumber pendapatan yang baru. Setakat September 2021, terdapat satu saja kelulusan lesen penjelajahan (prospecting lessen) yang telah dikeluarkan kepada pihak MBI dengan usahasama Syarikat Prospect Suria Sdn. Bhd. bagi projek perintis di Kedah. Lesen ini hanya membolehkan pemohon menjalankan kerja-kerja penilaian potensi perlombongan mineral REE di tanah seluas 1,228 hektar di Sik. Jauh dari kampung saya tu, sat gi orang kata saya punya projek REE pulak. Dulu ada orang pi buat Projek Ikan Keli di kampung saya tu, jauh dari kampung saya juga tapi dalam Daerah Sik juga lah. Saya pun tak tau apa projek keli tu, 'last-last sekali naik nama saya, depa kata, "Projek Keli Sanusi punya". Adoiiii…Sakit boleh! Apa pun tak tau pun (sambil ketawa). Sampai ke la ni orang duk kata Projek Keli tu Sanusi punya, saya haram tak tau apa pun. Haa…Sampai bertanduk dah keli tu. Permohonan ini telah dipermasuk pada 21 Mei 2020 dan dibentang serta disokong dalam beberapa jawatankuasa teknikal termasuk Jawatankuasa OSC, bahan batu dan mineral di peringkat PTG dan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri Kedah yang melibatkan agensi JNG, JAS, JPS, Jabatan Perhutanan, Lembaga Sumber Air, SADA dan lain-lain. Di peringkat nasional telah ditubuhkan di bawah KeTSA satu majlis baru dipanggil Majlis Mineral Negara. Majlis Mineral Negara ini telah membuat satu perjumpaan untuk menentukan SOP dan juga TOR majlis ini, apakah bidang kuasa kerana mineral dan galian ni kuasa negeri. Apabila nak di standartkan satu standart mineral di peringkat nasional di bawah KeTSA dijemputlah wakil-wakil negeri.

Saya memberi pandangan bahawa kita bersetuju dengan penubuhan Majlis Mineral Negara tetapi tidak boleh mengganggu gugat kuasa-kuasa kerajaan negeri ataupun kedaulatan negeri dan kenyataan saya ini turut disokong oleh negeri-negeri yang lain tetapi kerajaan negeri memberi jaminan kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi kerjasama penuh sekiranya terdapat dasar-dasar peringkat nasional yang boleh menjamin kebaikan kepada negeri-negeri di seluruh semenanjung ini kerana kebanyakan mineral yang ditemui sekarang ini bernilai tinggi. REE ini saya dimaklumkan lebih mahal daripada emas kerana penggunaannya terlalu banyak dan negara-negara yang maju dia tak mau saintis dia mai di sini, dia nak bawa balik dalam bentuk bar proses di tempat dia. Ia merugikan kita, dia bawa balik dalam bentuk tanah yang di'compress' dia bawa balik dalam bentuk tu.

Saya kata, "pasai apa tak asingkan tanah dengan REE tu di sini"? Dia kata, "saintis tidak dibenarkan meninggalkan negara". Ada 7 orang saya yang "alim" bab REE ni, dikenakan tahanan, tak boleh keluar. Jadi, yang boleh keluar tu 'technician' yang nak ekstrak sahaja, yang nak proses tak boleh. Saya kata, "hat ni perlu diputuskan di peringkat Majlis Mineral Negara, perkara dasar negara sebab nak eksport esok ni dia pergi kepada Imegresen, Kastam apa semua, itu kuasa Kerajaan Persekutuan. Saya rasa akan ada satu dasar yang sama di semua negeri berkaitan dengan REE. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri memberi keizinan untuk buat 'prospecting lessen' ini supaya kita nak tentukan adakah di Kedah ini berapa banyak ada REE dan jenis-jenis daripada 17 REE yang disenaraikan tu hat ada di Kedah ni jenis apa.

KXP, tuan-tuan sekalian, saya ingin memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini KXP kita akan kenali sebagai Kedah Aerotropolis. Sejak sekian lama 6 tahun kita duk panggil KXP, KXP, sehingga pada tanggapan orang seolah-olah yang kita nak buat di Sidam tu hanyalah lapangan terbang. Jadi, orang banyak 'trigger' pasai kita nak buat airport, dia akan 'trigger' MOT, dia akan 'trigger' negeri-negeri yang ada airport dan dia akan 'trigger' syarikat-syarikat kapal terbang, sapa nak pi 'landing', sapa nak pi 'take off' di 'runway' tu. Yang dirancang dan yang nak dibangunkan ialah Aerotropolis. Aerotropolis ni ikut 'term' Aerotropolis tu ialah "Bandaraya di sekitar Lapangan Terbang". Yang kita nak bangunkan ialah bandaraya di sekitar lapangan terbang.

Jadi, bila kita bangunkan bandaraya tu, lapangan terbang tu akan jadi dengan sendirinya. Bukan kita nak buat airport saja, airport kita ni mungkin akan mengambil keluasan 4,000 ekar, tetapi kawasan yang telah kita gazetkan di bawah Seksyen 4 Kanun Tanah Negara dalam proses untuk di gazet dalam Seksyen 8, berjumlah 9,841 ekar. Syok ooo..tajuk ni, takdan habis lagi…duk rancak-rancak…(sambil ketawa)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Bukan pasai apa, pasai duk tengok masing-masing nak lena, lama-lama YAB. Jeneri bercakap orang tak dengar. Apabila disebut tentang nak bangun bandar di keliling lapangan terbang. Sebenarnya apabila kita buat satu lapangan terbang, dia ada 'constraints'. Sebab tu kita tengok Lapangan Terbang KLIA di Sepang dia akan gazet di keliling tu tak boleh ada pembangunan dalam satu 'radius'. Jadi, bila buat lapangan terbang, kalau kita tengok lapangan terbang di Bangkok ka, di mana ka, yang lama tu dia dah penuh dah dengan satu 'development'.

Mungkin kadang-kadang mereka terpaksa pindah, pertama mungkin daripada segi keselamatan pun ada juga, kapal terbang ni tak selamanya…Ambil masa tak pa na YAB. sebab masa pun banyak, kita 'relax' sikit (sambil ketawa). Jadi, sebenarnya di tepi lapangan terbang ni dia ada bahaya sikit YB. Dato' Speaker, dengan sebab itu lapangan terbang tu dia memang lapangan terbang, yang lain tu dia akan ada juga, jauh. Jadi, bila saya nak bayangkan YAB. sebut kata nak bangunkan "Bandar Lapangan Terbang", kita tak boleh bayangkan bangunkan Bandar Universiti, universiti tak pa memang sebelah universiti tu akan jadi bandar. Saya pun sekadar 'brainstorming' lah, tengok betulkah kita akan bangunkan satu bandar lapangan terbang. Bila kata bandar ada penduduk, tetapi hanya sekadar industri, industri yang ada kaitan dengan lapangan terbang. Adakah sekadar itu yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Saya baru pi melawat satu pusat MRO, MRO ni MAS Engineering yang buat kerja 'repair', maintenance, repair, overhaul kapal terbang. MAS ni dia ada banyak 'branch', salah satu 'branch'nya ialah MRO, semua kapal luar negeri, kapal syarikat penerbangan lain pun dia 'repair'. Dia 'repair', dia cat balik, dia jual. Ada banyak di MAS Engineering ni, tempatnya sangat terhad lah dan sangat 'restricted', tak boleh melawat tapi dia benarkan kita buat lawatan. MRO ni adalah satu bidang yang akan dibangunkan di Kedah Aerotropolis. Dia ada di KLIA, kita jarang pi tengok.

Yang kedua 'Pos Aviation', 'Pos Aviation' ini yang mengnedalikan 'ground' di airport', seperti kargo, apa-apa lah. Saya pi tengok sehari-sehari tu depa duk urus kargo dengan barang-barang beribu-ribu tan, diuruskan oleh 'Pos Aviation' satu anak syarikat Pos Malaysia di bawah Tan Sri Syed Mokhtar. Ini pun satu industri yang sangat besar yang sekarang ini ada di KLIA, ini pun kita akan minta Pos Aviation untuk mula beroperasi di Kedah Aerotropolis pada masa akan datang.

Yang saya faham daripada YB. Alor Mengkudu ni mungkin bandar tu kita buat hotel tinggi-tinggi apa semua tu memang tak boleh. Dia ada 9 'level', 9 tingkat yang dibenarkan di sekitar airport dan pembangunan Kedah Aerotropolis ini akan mematuhi semua syarat-syarat yang ditentukan sekurang-kurangnya ada 6 komponen dalam Kedah Aerotropolis termasuk kita bangunkan Kompleks Sejuk Beku. Konsultan nasihatkan kita supaya berubah kepada strategi Kedah Aerotropolis ini kerana di ASEAN, negara-negara Asia belum ada satu hub kargo yang diangkut menggunakan pesawat seperti di Memphis, USA. Kalau di USA ni pusat kargo (cargo hub) ialah di Memphis, sehingga di Zhenshing di China tu dikenali sebagai "Memphis of China". Kalau Central Europe ada Memphis of Europe di Bandar Luxembourg.

Jadi, Kedah Aerotropolis ini akan dibangunkan sebagai "Memphis of ASEAN". Haa…itu besaq kita punya rancangan. Jadi, model pembangunan yang ada di Memphis, ada di Zhenshing, ada di Luxembourg itu akan dibawa ke Kedah Aerotropolis mengambil kira peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di sekitar lapangan terbang. Kita boleh pi KLIA, KLIA1, KLIA2, selain daripada di 'runway' dan taxiway, kita akan nampak banyak bangunan-bangunan lain, yang tu tak lah tinggi sangat dan bangunan-bangunan tu lah dijalankan operasi aktiviti MRO, sejuk beku, kargo dan sebagainya. Inilah yang akan dibina dan dilaksanakan di Kedah Aerotropolis.

Soalan yang dibangkitkan oleh YB. ADUN Jitra ialah sejauh mana proses ini sedang berjalan? Warta Seksyen 4 telah disambung setahun dan akan tamat pada Januari, kita sedang proses Seksyen 8, kita minta pelabur ni depositkan 125% duit 'cash' berdasarkan nilaian tanah. Masalah bila orang nak deposit billion ni dia akan ada perundingan daripada segi nilai sebenar. Bila JPPH buat penilain, RM2.1 billion, penilaian syarikat ni, dia pun lantik penilai juga sebab dia nak bawa keluaq duit, takkan hang habaq aku nak pakai semua kan, pasai banyak. Kalau setakat pengambilan puluh-puluh juta ni mungkin orang dengan mudahnya akan deposit. Tapi melibatkan billion dengan institusi kewangan, dengan bank, dengan macam-macam syarat, dia pun lantik 'valour' dia, sekarang ni 'valour' 'invester' dengan JPPH sedang berunding.

Sebenarnya berapa nilai sebenar yang munasabah, YB. Derga ni Jurunilai, dia pun biasa mungkin pernah buat penilain untuk syarikat swasta, yang nak invest besar-besar dia akan lantik seorang 'valour'. Kerajaan akan pakai JPPH walaupun kaedah mengatakan kena pakai nilai JPPH tetapi kita tetap memberi ruang kepada syarikat ini untuk kemukakan 'valour' dia dengan syarat nilai yang dipersetujui nanti ialah nilai yang dipersetujuai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta untuk didepositkan.

Saya secara personal menganggarkan valuenya mungkin mencecah RM1.7 billion kerana sebahagian daripada tanah tu akan diambil oleh SLAM, SLAM ni akan dibangunkan oleh NCIA. Ini pun di'estimate' nilai pengambilan tanah oleh SLAM ni RM700 juta. Ini akan dibangunkan oleh NCIA di dalam komponen Kedah Aerotropolis juga untuk depa buat barang-barang aerospace, ni pun teknologi aerospace dan InsyaAllah semua kerja-kerja ini akan berjalan mengikut jadual. Sekiranya pihak syarikat ini tidak dapat depositkan 125% dalam tempoh masa yang kita benarkan, kita lanjutkan sikit lagi supaya beri ruang untuk rundingan ini dapat diselesaikan. Kalau dia lajak lama sangat, perjanjian itu akan terbatal dengan sendirinya. Bila kita mengubah KXP kepada Kedah Aerotropolis, ramai orang berminat, baru orang nampak inilah sebenarnya industri sebenar yang boleh dibangunkan di sebalik cakap-cakap tentang lapangan terbang saja.

Sebenarnya industri cargo hub dan MRO itu adalah industri baru dan kita sedang 'lead' pembangunan model ini kerana selain daripada Kedah Aerotropolis ada 4 lagi Aerotropolis sedang dirancang di Malaysia iaitu di Negeri Sembilan, Kuantan dan di Selangor, tak silap saya ada satu di Johor. Jadi, kita yang keempat, tetapi kita sedang 'lead' mereka dengan jarak yang sangat jauh dan kalau kita tak cepat, 3 lagi tu akan ligan kita, mungkin dia mai dulu, dia sampai dulu, rugi lah kan? Jadi, kita sedang usahakan supaya berlaku cepat. Sebab itulah dalam keadaan ekonomi sekarang ini, "siapa cepat, dia dapat", siapa tembak dulu dia dapat pelanduk besaq lah. Lebih kurang lagu tu lah. Jadi, kita tak mau tembak lambat ni, kita nak tembak cepat-cepat.

Yang berikutnya ialah tentang zakat. Alhamdulillah tuan-tuan sekalian, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, semua rakyat Kedah, ahli-ahli perniagaan yang telah membuat kewajipana berzakat kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah. Tapi orang selalu bertanya juga pasai apa banyak orang bayar zakat tapi orang Kedah miskin? Ada juga soalan itu. Tapi orang jarang bertanya bila ada orang miskin, bermakna masih lagi ada orang kaya yang belum menunaikan zakat dan hak mereka kepada orang miskin. Dalam hal ini saya telah melihat sendiri Lembaga Zakat Negeri Kedah meneroka begitu banyak projek-projek ekonomi daripada pembayaran zakat ini, yang terbaru sedang mengusahakan estet padi di Daerah Yan. Semua peserta dan pekerjanya di kalangan asnaf dan saya harap kita dapat menyokong usaha-usaha pengembangan projek-projek ekonomi yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dan tidak lupa, kita menggalakkan rakan-rakan kita, ahli-ahli perniagaan membayar zakat perniagaan dan zakat pendapatan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Saya menjunjung tinggi dan berterima kasih menyokong penuh titah Kebawah Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan supaya seluruh rakyat Kedah termasuk GLC, anak-anak syarikat dan institusi lain termasuk pegawai-pegawai kerajaan dan swasta yang cukup syarat untuk menunaikan zakat kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah. 2 hari lepas saya terima daripada Kumpulan PKNK RM1.78 juta, Alhamdulillah. Saya yakin dan percaya bila semua rakyat Kedah yang kaya dan sedar untuk menunaikan kewajipan rukun Islam ini, maka semua perjalanan dan operasi negeri pasti akan diberkati sesuai dengan hasrat kita untuk menjadikan Kedah sebagai "Negeri Tempat Orang Kaya Berbakti dan Tempat Orang Miskin Berteduh". Ada juga dibangkitkan usaha-usaha supaya kita terus membuat tuntutan kepada Kerajaan Persekutuan. Saya beberapa kali, yang terakhir sekali….(YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Dato' Speaker, zakat tadi walaupun jumlahnya tidak banyak iaitu zakat pendapatan di kalangan pegawai-pegawai kita, di kalangan yang bekerja dengan kerajaan dan sebagainya. Berapa peratus, kalau ada data lah, berapa ramai kerana ini menunjukkan komitmen kita kepada kerajaan dan juga Zakat. Berapa peratus yang telah dipotong gaji ataupun memberi zakat pendapatan?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ada banyak pasai diberi wakalah balik tu banyak. Jadi, 'percentage' angka sebenar saya nak kena mintak dekat Pak Sheikh juga lah, tak dak hari ni YB. Pengkalan Kundor. Saya akan bekalkan kepada YB. Pengkalan Kundor bila dah dapat nanti. Hari ni saya dapat satu surat, kerja kita mintak ni tak penah berhenti-henti, muka pun tak tebai, kita pi, sampailah depa cemuih. Mungkinlah depa cemuih tengok depa bagi kut. Hari ni permohonan insentif fiskal bagi mengekalkan tanaman padi Kedah dijawab oleh Kementerian Kewangan bertarikh 3 November, sampai pejabat saya hari ni, "TIDAK DAPAT DIPERTIMBANGKAN" (sambil ketawa). Dah dua kali dah jawab tidak dapat dipertimbangkan, ini jawapan kepada surat saya bertarikh 18 Mac, saya tak berhenti, 1 Oktober saya pi lagi, saya bawa surat yang hampir sama, tapi jumlah dia sikit-sikit lah. Hat tu tak jawab lagi, saya harap mereka akan mempertimbangkan dalam kunjungan kita ke MOF dan juga kepada EPU kita sentiasa membangkitkan perkara-perkara yang saya selalu bangkitkan sehingga saya dituduh suka cari gaduh dengan Pulau Pinang, macam-macam lah. Saya kalau kira hak saya, saya tuntut, nyawa pun saya korbankan, kalau kira hak kita. Tak kiqa lah, cengey tak cengey, tak kiqa lah, hat tu hampa punya pasai lah nak menilai pun, saya punya cara, caqa saya lah. Tuhan bagi jadi kita ni tak semacam, YB. Guar Chempedak macam lain, saya macam lain kan na? Tapi perjuangan kita, kita himpun-himpun ni kita satukan InsyaAllah akan menjadi satu kekuatan.

Kita mintak untuk tanah-tanah sawah yang kita simpan untuk tanaman padi tu RM111 juta, kita mintak untuk mengekalkan kawasan hutan RM100 juta, kita mintak untuk kita dapat bayaran daripada Pulau Pinang untuk air mentah RM50 juta, hat tu yang Pulau Pinang duk maqah kat saya tu. Saya pun tak akan berhenti mintak walaupun depa maqah lagu mana pun, sampai suatu hari nanti depa akan bayaq. Itulah usaha positif saya, kadang-kadang tu ada la usik mengusik sikit, bagi panaih, "panaih line" orang kata. Kemudian, kita minta pajakan Pulau Pinang. Pajakan Pulau Pinang dulu depa bayar RM10,000, 2018 YAB. Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir tambah RM10 juta. Hal ini dibangkitkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di Mesyuarat Raja-Raja, "bila nak bagi balik pulau Pinang kat Kedah?" Itu Tun

tak jawab apa, senyap saja, tu dia bagi tambah RM10 juta. Jadi, kita terima RM10,010,000.00 dan kita minta untuk diberi bayaran ini sesuai dengan kadar nilaian semasa RM100 juta. Jadi, tuntutan ini saya ulang bukan bagi pihak saya, bukan, semua yang saya duk mintak dekat Persekutuan, dekat Pulau Pinang, dekat siapa ni semua untuk rakyat Negeri Kedah. Bukan saya suka cari gaduh, tapi jika perlu bergaduh untuk dapat hak saya, saya berani, saya akan pulun, bertumbuk pun mau, tapi tak lah sampai peringkat tu kan? Tapi nak habaq kata bersungguhnya saya nak 'gomoi' pun boleh. Hat tu bahasa orang Kedah, sat gi pi tulis, "Sanusi sedia bertumbuk". Hah, jahanam! Tu bahasa orang Kedah, bahasa ucapan kita saja lah, bukan yang betul-betul. Haa…Bahasa Sik! Depa ni nak kiga bahasa Kuala Lumpur saja depa geti, bahasa Kedah depa tak mau ambik tau! Haa…Ni masalah!

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada sikit lagi berkenaan dengan usaha-usaha oleh agensi-agensi Persekutuan, kita ada NCIA di bawah NCER yang sedang mengusahakan bermacam-macam program di Negeri Kedah. Saya ucapkan terima kasih kepada NCIA di bawah NCER ni mereka telah menyambung Projek Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) di bawah NCIA bagi RM250 kepada lebih kurang 5,000 ibu-ibu tunggal dan diangkat juga peserta-peserta KIDA ini di bawah NCIA 'Entrepreneur' untuk menceburkan diri dalam perniagaan dan mereka akhirnya keluar daripada kelompok B40. Ini saya patut puji usaha-usaha yang telah dibuat oleh NCIA.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Sikit lagi nak tanya mengenai NCIA ni, kita di Kulim Hi-Tech…(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Tuan Speaker, 'adress' kat Speaker dulu.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Minta maaf YB. Dato' Speaker. Kita mempunyai Kulim Hi-Tech Park dan ini satu-satunya yang dilihat pengurusan yang berjaya diuruskan oleh PKNK, makna kata agensi kerajaan negeri. Tapi bila mari KRC, dia duduk di bawah NCIA, itu di antara kekangan juga seperti YB. Guar Chempedak sebut kita duk kena jawab NCIA yang jadi. Adakah ada cadangan daripada Kerajaan Kedah apabila dah selesai dah semua ni, akan diurus oleh satu agensi saja kan, bila dah nak menguruskan tu. Adakah ada dalam pemikiran Kerajaan Kedah supaya KRC ini sebenarnya diurus oleh satu agensi di bawah Kerajaan Kedah. Jadi, terus 'direct' di bawah kerajaan negeri lah.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Saya difahamkan semasa berlaku proses pengambilan balik tanah untuk Projek KRC, dulu Kerajaan Persekutuan kata nak bagi duit, RM360 juta kut kos pengambilan, depa bagi bajet RM360 juta. Tetapi oleh kerana pada masa tu duk ding dong-ding dong akhirnya bajet tu pergi kepada NCIA. NCIA yang buat pengambilan jadi tanah tu dapat dekat NCIA maka yang membangunkan projek itu adalah NCIA. Tak pa lah, saya rasa faedah yang besar ini dapat juga kepada negeri daripada segi 'quit rent' dan juga 'spillover' ekonomi yang dibangunkan melalui KRC. Kita juga ada model-model pembangunan yang sama di SBEZ, sebahagian daripada itu telah dibangunkan oleh NGSB (Northern Gateway Sdn. Bhd.) juga anak syarikat Kementerian Kewangan Diperbadankan, kita juga bagi peluang yang sama. Satu lagi Kedah Science Technology Park juga akan dibangunkan oleh NCIA. Mana-mana ada bajet kita pakai sajalah dulu sementara ni asalkan jadi projek-projek yang kita hajatkan.

Untuk penutup ini saya nak buat satu cerita yang saya baca dua tiga hari lepas lah. Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban dalam Kitab As-Siqat. Kisah diriwayatkan oleh Abdullah bin Muhammad. Satu hari aku berada di daerah pedalaman di Daerah 'Arish di Mesir. Aku telah berjumpa dengan sebuah khemah yang kecil. Di dalam khemah itu ada seorang tua yang sedang sakit terbaring, matanya buta, badannya kurus, kaki dan tangannya bengkak, hanya lidahnya yang boleh berbicara. Aku menghampirinya dan mula berbicara. Kata orang dalam khemah tu, "ya Allah, berilah ehsan untuk aku terus mensyukuri nikmatmu kepada ku dan engkau telah memuliakan aku dari ciptaanmu yang lain".

Jadi, orang yang menghampiri khemah ini, Abdullah bin Muhammad bertanya, "saudaraku, nikmat apakah yang sedang kau syukuri" dengan keadaan tak boleh berjalan, terbaring, 'bedridden' lah, mata buta, badan kurus, mulut saja boleh bercakap. Hang nak bersyukur apa lagi? Jawab penghuni khemah itu, "demi Allah, jika ketika ini Allah datangkan lautannya ke sini aku pasti tenggelam, atau Allah jatuhkan gunung api, aku pasti terbakar dan jika Allah jatuhkan langit ke atas ku nescaya akan meremukkan aku. Sekarang ini aku tidak akan menyatakan apa-apa pun melainkan rasa syukur". Bersyukur atas apa? Jawab orang dalam khemah tu, "tidakkah engkau melihat dia telah berikan aku lisan yang sentiasa berzikir dan bersyukur. Di samping itu, aku dberikan seorang anak lelaki yang menuntun ku ke masjid untuk solat dan menyuapkan aku makanan, namun telah 3 hari dia tidak datang menemuiku. Bolehkah engkau bantu aku mencari anak aku"? Abdullah bin Muhammad pun menyatakan, "aku menyanggupinya dan aku mula mencari anak lelaki itu".

Sehingga Abdullah Muhammad ini bertemu dengan sekumpulan singa dan didapati singa itu sedang mengerumuni satu mayat yang telah diratah. Ternyata, mayat yang sedang dikerumuni oleh singa itu adalah anak lelaki tadi. Aku berfikir bagaimanakah sanggup aku memaklumkan kepada lelaki itu bahawa anaknya telah dibaham singa. Bagaimanakah aku harus memberitahunya. Lalu beliau pun balik ke khemah. Dia bertanya lelaki tadi, "wahai lelaki, kamu tahu tak kisah Nabi Ayub"? Lelaki itu jawab, "ya, aku tahu kisahnya". Kemudian aku bertanya lagi, "sesungguhnya Allah telah memberinya cobaan dalam urusan hartanya, bagaimana keadaannya menghadapi musibah itu"? Seterusnya dia menjawab, "ia menghadapinya dengan sabar". Wahai saudaraku, Allah telah menguji Ayub dengan kefakiran, bagaimana keadaannya?. Dia menjawab, "ia bersabar". Aku kembali bertanya, Ayub pun diuji dengan tewas semua anak-anaknya, bagaimana keadaannya? Dia menjawab, "ia tetap bersabar". Aku kembali bertanya, ia juga diuji dengan penyakit di badannya, bagaimana keadaannya? Dia menjawab dan balik bertanya ia tetap bersabar. Sekarang katakan kepadaku, "di mana anak aku"? Kemudian aku berkata, "sesungguhnya puteramu aku temukan di antara longgokan pasir dan keadaannya telah diterkam dan dimakan oleh binatang buas. Semoga Allah melipatgandakan pahala untukmu". Lelaki lemah itu mengatakan, "Alhamdulillah yang dia tidak meninggalkan keturunan bagiku yang bermaksiat kepada Allah sehigga diazab di neraka. Kemudian dia menarik nafas panjang lalu meninggal dunia. Aku pun membaringkkannya di tangannya dan berfikir apa yang harus aku lakukan. Mai lah 4 orang lelaki tolong kebumikan lelaki tadi. Mereka bertanya kepada aku, "adakah kamu kenal lelaki ini"? Aku menjawab, "tidak"! Salah seorang daripada mereka membuka kain yang menutup wajahnya lalu menangis dan menciumnya. Kata mereka, "SubhanAllah! Wajah yang sentiasa bersujud, mata yang selalu menunduk atas apa yang diharamkan, tubuhnya selalu sujud, takkala orang-orang sedang tidur. Kenalkah kalian kali-laki ini? Mereka bertanya, "tidakkah engkau mengenalnya"? Mereka memaklumkan memeritahu kepada ku, "ini adalah Abu Qilabah sahabat daripada Ibnu Abbas dan diriwayatkan juga Abu Qilabah adalah sahabat nabi yang terakhir sekali wafat pada tahun 104 Hijrah.

Tuan-tuan sekalian, saya bawa cerita tentang syukur dan sabar ini ialah bapabila saya dapati bukanlah saja di dalam Dewan ini tetapi direaliti masyarakat kita. Kita jarang bersyukur apa yang kita ada, tapi kita selalu menuntut barang yang tak mungkin. Saya dengar YB. Kota Siputeh bawa cerita buah 'nyoq' masuk paqit, pelepah nyoq masuk paqit, paqit tersumbat minta JPS pi tolong cuci. Sebenarnya tuan-tuan, orang kampung tu boleh angkat buah nyoq tu, pelepah nyoq tu boleh angkat sendiri, boleh cuci, boleh tebas. Ada mini tar di kampung-kampung sampai rumput masuk tengah mini tar, dia lalu kut celah-celah, lenggang, jangan bagi kena rumput, dia tak tebas jalan tu. Dia kata, "pasai kerajaan akan tebas".

Saya susah hati dengan realiti rakyat kita yang terlalu manja, tak bersyukur dengan apa yang ada tetapi sentiasa berteriak tentang apa yang dia tak dak. Tuan-tuan sekalian, Allah kata, "kalau kamu bersyukur aku akan tambahkan nikmat". Tapi jarang kita mengambil pendekatan bersyukur tentang apa yang ada. sehingga kita menuntut-menuntut, qeyau-qeyau, sehingga benda yang tak dak untuk diada-adakan di luar kemampuan kerajaan. Kita pun tau, ADUN-ADUN saya tau, yakin sangat tau untuk adakan apa-apa yang kita ucapkan dalam Dewan ini, sangat mustahil untuk ditambah perbelanjaan puluh-puluh juta untuk adakan apa yang tak dak. Tetapi kita tak suruh pun rakyat bersyukur dengan apa yang ada, kita nak gunakan kesempatan ini untuk tekan kerajaan semahu-mahunya supaya kerajaan gelabah tak boleh nak adakan apakah yang sedang dituntut oleh rakyat. Tapi kita tak habaq kat depa, syukurlah, bersifat fana'ah lah. Fana'ah ni rasa cukup dengan apa yang ada, Allah akan tambahkan nikmat, benda-benda ni orang tak dak nilai dalam dunia ni, kita nak benda fizikal sahaja.

Sebab tu bila saya jadi kerajaan, saya duk nampak nikmat duk mai banyak, pelaburan YB. Guar Chempedak habaq RM53 billion, tiap-tiap rumah kita ni telah dimasuki oleh bantuan bakul makanan. Saya tak yakin ada rumah yang tak dapat bakul makanan kalau mereka layak. Semua dapat, ada yang himpun, ada 10 beg beras dalam rumah pun tak cukup lagi hendak lagi, qeyau kat wakil rakyat, tak bersyukur, tapi nak tekan supaya dapat lagi, dapat lagi. Nilai syukur tak dak. Dengan banyaknya nikmat yang Allah telah kurniakan kepada kita, kita tidak ajak rakyat untuk bersyukur dengan apa yang ada sebaliknya kita lawan saja apa yang tuhan suruh. Saya cari apa lagi kerja-kerja yang kalau boleh masuk dalam kategori kita sedang bersyukur dengan apa yang Allah telah kurniakan kepada kita. Dengan begitu banyak rizab yang kita ada, paling tinggi dalam sejarah, dengan amannya kerajaan kita, amannya Exco-Exco buat kerja, amannya pegawai-pegawai turut apa dasar-dasar yang kerajaan perintahkan, satu langkah yang patut diambil kira untuk dilaksanakan ialah taat saja perintah Allah, Allah akan tambahkan lagi nikmat kepada kita. Maka saya haramkan, bukan saya haramkan, saya buat keputusan untuk tidak lagi menyambung lesen premis perjudian sebagai salah satu daripada cara saya bersyukur di atas banyaknya nikmat yang Allah kurniakan kepada negeri ini. Tapi ada orang bantah, guna alasan hak asasi, guna alasan 'racism', nak menghalang orang bukan Islam. Sebenarnya tak betul itu semua, tak dak satu kajian pun yang kata perjudian itu akan menguntungkan, malahan Kerajaan China, bukan ramai orang Islam di China, rakyatnya 1.4 billion, orang Islam mungkin ada 20, 30 juta saja. Kerajaan China mengharamkan perjudian sejak tahun 1949 bagi. Judi, dalam China tak boleh, orang China pi berjudi di luar pun tak boleh. Ada 117,000 tangkapan dibuat oleh Kerajaan China rakyat yang berjudi di sempadan. Tangkap, itu di China.

Kita negara yang ramainya umat Islam, Islam mengharamkan perkara ini, kita ambil atas dasar untuk menjaga keharmonian masyarakat atas rasa kita bersyukur dengan nikmat Allah yang banyak, pun ada orang mainkan juga sentiment-sentimen yang di luar hakikat yang sebenarnya. Saya harap, langkah-langkah yang baik lagi, banyak boleh dibuat, saya mengalu-alukan cadangan yang baik daripada pembangkang untuk kita laksanakan. Saya alu-alukan juga semua idea-idea yang dikemukakan oleh Exco dan pegawai-pegawai dan saya bersyukur dengan sokongan dan dokongan yang tidak berbelah bagi jentera kerajaan yang diketuai oleh YB. Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri dan seluruh jentera kerajaan untuk memacu Kedah pergi kepada tahap yang lebih tinggi dalam tempoh 15 tahun untuk mengikuti, melaksanakan Pelan Kedah 2035 saya perlukan sokongan daripada tuan-tuan, daripada sebelah sana dan sebelah sini. Semua yang kita lakukan ini tidak lain dan tidak bukan untuk rakyat Negeri Kedah demi Allah s.w.t., InsyaAllah. Saya ucapkan terima kasih kepada semua, terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih pegawai kerajaan, kita bincang lagi dalam sesi esok, InsyaAllah. Peluang yang diberikan kepada saya ini saya ucapkan terima kasih, saya harap tuan-tuan terus menyokong saya. Hari Khamis ni kita lawan bola dengan Johor, teruskan menyokong Kedah Darul Aman, InsyaAllah.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YAB. Jeneri yang telah membelanjakan 55 minit dalam ucapan penggulungan YAB. tadi. Terima kasih kepada semua Exco-Exco yang telah membuat penggulungan pada hari ini. Terima kasih semua, ini bukan penutup, esok ada lagi. Tak sat ni dengar-dengar tak mai pulak sesok Esok ada lagi na?

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 9.00 pagi besok.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang]

[Sidang Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]

YB. DATO' SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi.

Burung kenari di pohon dedalu,
Terletak di atas pohon mengkula,
Empat hari sudah berlalu.
Kini Sidang bersambung semula.

Kita mulakan dengan bacaan doa.

I. BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Bacaan Doa!

YB. DATO' SPEAKER

Pagi ini YB. Sidam ada telefon saya, boleh ka dia masuk. Saya kata kena tunggu test dia dulu. PCR test dia, kalau dia negatif baru dia dibenarkan masuk jadi dia kata pukul 11 satgi baru nak dapat result tu.

Yang kedua, saya nak ingatkan lah kita di dalam Dewan ni pakaian kita yang lelaki hendaklah 'long suit' atau baju melayu. 'Long suit' tu pulak warna gelap. Jadi, tafsir sendiri lah gelap dengan cerah tu, yang cerah tu tak boleh dan tak boleh pakai 'blazzer'. 'Blazzer' warna lain seluar dia lari warna lain. Kena pakai hampir-hampir sama baju 'long suit' kita tu.

Setiausaha, urusan seterusnya.

II. SESI PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi pertanyaan – pertanyaan mulut

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 22, YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Pohon jawapan soalan nombor 22.

22. YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS
[ADUN KUBANG ROTAN]

Apakah Kerajaan Negeri Kedah tidak berhasrat untuk membatalkan atau mengharamkan pemberian premis perniagaan, perjudian atau minuman keras kepada penjual?

YB. DATO' SPEAKER

Silakan YB. Tokai!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BINTI OTHMAN

Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Kubang Rotan. Dato' Speaker, minta maaf. Di dalam Parlimen saya tengok Tengku *Tengku Razaleigh* Hamzah dia pakai capal dengan baju melayu, tengkolok. Itu pakaian tradisional Melayu.

YB. DATO' SPEAKER

Maksud YB. Tokai nak habaq tu, apa tu?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Maknanya pakai tengkolok, baju melayu, samping, capal, boleh dibenarkan di dalam Parlimen.

YB. DATO' SPEAKER

Nanti saya 'check' dengan LA kita boleh dak pakai capal masuk dalam Dewan ni.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih kepada YB. Kubang Rotan. Saya nak tanya YB. Kubang Rotan nak jawapan pendek ka jawapan panjang?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ikut suka.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BINTI OTHMAN

Untuk jawapan pendek pada persoalan yang ditimbulkan apakah Kerajaan Negeri Kedah tidak berhasrat untuk membatalkan atau mengharamkan pemberian premis perniagaan, perjudian atau minuman keras kepada penjual. Jawapan pendek dia macam ni lah, soalan dia kata tidak berhasrat jadi satu lagi pemberian premis. Memang kerajaan tidak bagi premis, kita bagi lesen saja. Untuk premis perniagaan memang kita soalan tidak berhasrat maknanya kata tidak lah maknanya premis perniagaan memang tidak ada masalah, mereka boleh berniaga. Kemudian perjudian, yes! Ini kita tidak berhasrat untuk memberi lesen kepada premis perjudian untuk minuman keras juga jawapannya tidak. Maknanya kita tidak menghalang untuk mereka mendapat lesen cuma kita nak 'regulate' semula untuk menghadkan kedai – kedai runcit, kedai – kedai yang ada di kampung – kampung kita tidak akan mengeluarkan lesen untuk mereka menjalankan pernigaan minuman keras di kawasan – kawasan yang ramai penempatan orang Islam.

Kemudian untuk jawapan panjangnya beginilah, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengambil tindakan dengan membatalkan kelulusan lesen premis perniagaan yang telah dikeluarkan/diluluskan sekiranya penjual didapati menjalankan operasi perjudian dan penjualan minuman keras secara tidak sah ataupun di kawasan – kawasan yang kita tidak benarkan.

Kerajaan Negeri juga pada masa yang sama berhasrat untuk mewujudkan dasar untuk menghadkan bilangan premis-premis perjudian dan minuman keras di setiap daerah di Negeri Kedah yang melibatkan penghuni – penghuni muslim yang majoriti dan seterusnya jawapan yang lebih panjang lagi rujuk kepada jawapan pergulungan saya kelmarin dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian terima kasih Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Tokai dan YB. Dato' Speaker. Soalan tambahan saya ialah kita tahu bahawa judi online sekarang ini di mana – mana negeri dan juga dalam negara kita ini berleluasa. Sebagai contoh, data tidak rasmi yang saya dapat saya tanya setiap daerah. Di setiap daerah sekurang – kurang, paling kurang 10, 10 pusat judi online. Yang ni yang melibatkan masalah sosial yang teramat sangat dalam masyarakat kita pada hari ini. Saya tanya Kuala Kedah, saya kata ada 20, 30. Dia kata, "lebih darpada tu". Cuma penguatkuasaan kita terhadap judi online yang mana kebanyakan melibatkan muslim, bukan melibatkan non–muslim. Mungkin tokey dan sebagainya, itu lain cerita. Tapi kebanyakan masalah sosialnya ialah masalah muslim yang bekerja.

Sebagai contoh satu benda yang saya boleh kongsi dekat sini ibu tunggal, ibu tunggal yang bekerja. Dia tanya, "YB. gaji kerja kilang RM1,200, bila jaga judi online RM100 satu hari". Dia kata, "RM1,200 saya nak pi Sungai Petani pi balik pi balik habis RM600, anak 6 orang nak makan apa, YB. boleh tolong saya"? Contoh dia bagi. Jadi dia kata, "kalau sini RM1,000 duk Kuala Kedah saya dapat RM2,000 lebih lepas tu kalau saya kena tangkap keluar dari lokap tu balik, depa pi bayar". Ini realiti dalam keadaan masyarakat kita pada hari ini. Jadi, mohon pihak kerajaan untuk memberi penjelasan bagaimana penguatkuasaan judi online ni dan keduanya ialah bagaimana di peringkat Persekutuan dan juga negeri yang kita tahu bahawa kerajaan negeri yang menjadi liputan pada kebelakangan ini. Tentang Kerajaan Persekutuan dan pengeluar arak timah. Kita tahu dan sebelah sana jugak merupakan Kerajaan Persekutuan di sana. Itu sahaja, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Satu hari nanti saya akan buat bengkel cara bertanya soalan dan tanya soalan tambahan. Dia ada skill dia sebenarnya. Bukan piiii panjang – panjaaaang tu. Silakan YB. Tokai.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BINTI OTHMAN

Dia kena 'related' dengan soalan asal lah na, untuk soalan tambahan. Terima kasih YB. Kubang Rotan. Berhubung dengan penguatkuasaan, saya rasa Timbalan CPO kot na, Dato' CPO kita, Ketua Polis dan juga pasukan PDRM di negara kita ni satu pasukan yang cukup hebatlah dalam membanteras jenayah, tak kira jenayah apa pun. Jadi, dari segi penguatkuasaan, kita ada penguatkuasa di PBT pun kita ada. Ini akan kita laksanakan InsyaAllah, bila kita ada peraturan, bila kita ada undang – undang. Pasai timah tu saya rasa di peringkat Pusat pun mereka dah berbincang perkara tersebut. Jadi, kita serahkan kepada 'members of parliament' kita untuk berbincang hal – hal yang demikian lah. Jadi, itu dari segi jawapan untuk soalan yang ditambah tadi. Sekian, YB. Dato Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Kita bagi sana dulu. YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik, terima kasih kepada YB. Dato' Speaker. Merujuk kepada soalan ini dan keputusan kerajaan negeri pun telah dibuat. Pertamanya saya rasa kecewa sebab ada semasa saya berbahas dan memohon untuk ADUN – ADUN yang sokong langkah kerajaan negeri ini yang menganggap tindakan itu sebagai satu perangkap. Dan saya menzahirkan niat murni ikhlas YB. Kubang Rotan apabila bertanyakan soalan berkaitan dengan judi dan arak ini kepada kerajaan negeri. Ia bukan merupakan perangkap tetapi sebagai niat murni ikhlas sama seperti yang kami laksanakan pada hari berbahas. Di luar sana, kita nak tanya YB. Tokai, orang yang tak faham tentang peraturan ini adakah boleh laksanakan oleh peringkat negeri sedangkan lesen dikeluarkan oleh Persekutuan. Jadi, apa bidang kuasa negeri dan juga bidang kuasa Persekutuan dalam untuk kerajaan membatalkan ataupun tak memperbaharui lesen judi dan juga untuk menghadkan premis arak pada tahun hadapan. Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Sungai Limau. Berhubung dengan lesen dan juga hubungan dengan MOF, memang lesen judi diberikan oleh MOF tetapi kita di peringkat negeri hanya mengeluarkan lesen premis. Sebab tu kita sebutkan tadi lesen premis perjudian ataupun perniagaan – pernigaan yang lain. Maknanya kita boleh bertindak di atas lesen premis itu. Sebab itu dalam jawapan saya semalam, saya menyatakan kita akan berbincang dengan pihak MOF. Kemudian kita akan hantar pegawai ke MOF untuk berbincang berhubung dengan lesen – lesen yang telah diberi dan diluluskan. Hari ini akan ada tindakan lanjut daripada pegawai – pegawai kita lah. Itu jawapan kepada soalan yang diajukan oleh YB. Sungai Limau. Terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Boleh saya tambah untuk satu soalan?

YB. DATO' SPEAKER

Tak boleh. Pasai saya nak bagi dekat YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih. Soalan saya juga ada berkaitan dengan apa yang ditanya tadi iaitu antara Pusat dan juga negeri la sebab Kerajaan Pusat memberikan lesen daripada MOF dan kerajaan negeri hanya tidak memberi lesen premis dan ini macam satu negara dua sistem la. Dari segi penguatkuasaan juga dia akan muncul problem sebab kita pun dulu nak ambil tindakan terhadap kilang haram pun bila tak dak lesen premis PBT, kita hanya boleh denda RM300 sahaja. Sebab kita tahu di Malaysia ini judi yang berlesen yang sah, kita ada beberapa kategori. Yang pertama seperti Genting Highland di panggil Casino, di China pun ada di Macau. Yang kedua ialah nombor ekor, ia macam 'lucky draw' lah, Magnum, Toto dan sebagainya. Yang ketiga ialah seperti yang dikatakan iaitu lesen yang dikeluarkan oleh MOF kepada kelab – kelab tertentu yang ada mesin slot punya. SP Club ada, Kedah Royal Club ada dan CRC (Chinese RecreationClub) ada. So itu pun berlesen dan kita pun tau ada juga di Sungai Petani, ada juga satu judi yang berlesen. Dia ada lesen MOF tapi I think sudah beberapa tahun dia pun tidak ada lesen premis daripada MPSP tetapi masih lagi boleh beroperasi. Saya rasa ini….(YB. Kuala Ketil mencelah)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Dato' Speaker, soalan apa tu, panjang sangat?

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Takpa, saya pendekkan ok saya teruskan. Sedarkah YB. Tokai bahawa di Kelantan dan Terengganu tidak ada nombor ekor berlesen tetapi nombor ekor yang haram masih berleluasa di sana dan juga sedarkah di negara Arab, negara Islam seperti di UAE juga mempunyai yang berlesen, loteri diadakan di negara-negara seperti ini. Itu sahaja soalan saya, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Sebab itu lah saya nak buat kursus buat soalan tu. Bukan saya seorang saja yang rimas, ada orang lain pun dia tak selesa bila soalan tu tak kemas, tak padat. Silakan YB. Tokai.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Speaker, tambah sekali la bagi jawab sekali. Boleh? Sat saja. Ringkas. Betui – betui ringkas. Ok, jawapan soalan bertulis muka surat 97 saya telah bertanya tentang satu statistik masalah sosial Ops Dadu judi online bagi Kontijen Kedah dari tahun 2010 hingga 2021 dan angka itu menunjukkan 15,368 kes yang dilaporkan dan ditangkap sejak 2010 – 2021 di semua daerah. Jadi, apakah implikasi apabila kerajaan tutup dan haramkan kedai judi dan apakah implikasi? Adakah ini akan meningkat dan apakah penyelesaian pihak kerajaan? Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Bakar Arang terima kasih YB. Kota Darul Aman. Itu yang saya kata tadi kecekapan PDRM kita apabila berlaku kesalahan, penguatkuasaaan, mereka boleh menjalankan tindakan. Dari segi mereka – mereka yang melaksanakan amalan-amalan yang tidak sihat ini dengan tidak berlesen, ni maknanya tindakan daripada penguatkuasaan pegawai – pegawai penguatkuasaan sama ada PBT atau PDRM lah. Jadi mereka – mereka yang masih lagi ingin menjalankan kerja – kerja yang tidak baik boleh merosakkan keluarga, masyarakat ini kita nasihatkan lah supaya tinggalkanlah pekerjaan tersebut.

Kelmarin ataupun semalam kelmarin YB. Lim Kit Siang pun mengatakan dia tidak pernah bermain judi, nombor ekor ka judi ka dia tidak pernah. Maknanya amalan – amalan yang tidak baik yang dilaksanakan oleh kepimpinan kita ini perlu kah kita ikuti. Jadi, jawapan saya kepada YB. Darul Aman dan YB. Bakar Arang supaya apa yang kita buat ini kita teliti, kita tengok keputusan dia dan InsyaAllah kita berdoa lah semoga masyarakat kita ini menjadi masyarakat yang baik. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan 23!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Dato' Speaker, mohon jawapan kepada soalan nombor 23.

23. YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA
[ADUN KUALA KETIL]

Kenaikan harga bahan binaan seperti besi dan kayu dalam pasaran tidak terkawal sehingga mendatangkan rungutan rakyat. Pohon penjelasan pihak kerajaan.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada YB. Kuala Ketil.

Tumbuk padi guna lesung,
Dalam filem Ahmad Albab,
Walaupun KPDNHEP tak terlibat secara langsung,
InsyaAllah saya cuba menjawab.

Sebab barang – barang yang disytiharkan sebagai barang kawalan di bawah Seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dinyatakan dalam jadual Peraturan – Peraturan Bekalan 1974 adalah seperti berikut iaitu 10 item. Ini lah barang – barang termasuk gula, tepung, minyak masak dan lain – lain. 10 item yang dikawal oleh Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna. Kenaikan harga barang bahan-bahan binaan terutamanya iaitu besi merupakan isu global yang dialami seluruh dunia.

Tambahan lagi, dengan pelaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara, pengoperasian kilang, pengeluar bahan-bahan binaan dan nilai rantaian bekalan binaan yang terhad seterusnya menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek pembinaan. Umumnya seperti kita sedia maklum, harga bahan binaan sememangnya mengalami kenaikan harga terutama harga besi meningkat sehingga 48% pada Jun 2021 berbanding Oktober 2020 iaitu daripada RM2,417.00 kepada RM3,590.00, berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan *Malaysia* (CIDB). Harga purata bahan besi seluruh Malaysia pada Oktober 2021 adalah sekitar RM3,200.00 hingga RM3,300.00 bagi satu tan.

Antara faktor kenaikan harga besi yang dikenal pasti InsyaAllah Kementerian Perdagangan Hal Ehwal Pengguna akan ada sesi libat urus dengan Kementerian Kerja Raya. Kenaikan harga bahan ini disebabkan kekurangan bijih besi di seluruh dunia kerana kebanyakan lombong bijih besi tidak dapat beroperasi dengan kapasiti penuh kesan daripada bencana alam dan isu pandemik. Bijih besi dan bijih skrap merupakan bahan mentah utama untuk pengeluaran produk besi. Malaysia tidak terkecuali daripada impak kenaikan harga bahan mentah utama ini yang kebanyakan diimport dari luar negara dan saya dapat maklumat menunjukkan krisis global di antara negara – negara besar, mungkin satu negara besar tidak menjual kepada negara yang memerlukan besi. Itulah sebab – sebab senario yang berlaku kenaikan harga besi. Sekian, terima kasih.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Dato' Speaker, terima kasih kepada YB. Bukit Pinang atas penjelasan tersebut. Kita tau dengan kenaikan yang mendadak ini telah menjejaskan sedikit pengoperasian pembinaan di negara kita termasuklah projek – projek Kelas G1. Jadi soalan saya, kita juga ada industri besi di negara kita, kita juga ada industri kayu di negara kita dan juga ada industri simen di negara kita. Adakah kerajaan berhasrat untuk menjadikan bekalan ini ataupun barang ini termasuk dalam harga kawalan?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan YB. Kuala Ketil. Buat masa sekarang untuk mengenal pasti bekalan kurang, permintaan tinggi, itu salah satu faktor. Tapi walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Hal Ehwal Pengguna InsyaAllah bekerjasama dengan pihak Kementerian Kerja Raya dan juga Kementerian Pertanian iaitu melibatkan baja kita akan duduk 'sit down' dalam bulan Disember ini untuk memastikan apabila pihak Kerja Raya menetapkan harga, pihak Kementerian akan 'impose' untuk memastikan tidak boleh menaikkan harga apabila ditetapkan.

Ini yang sedang dilakukan oleh pihak 3 Kementerian yang saya sebutkan. InsyaAllah pada bulan Disember 2021.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Soalan tambahan.

YB. DATO' SPEAKER

Sapa dulu taktau. YB. Derga!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Dato' Speaker. YB. Bukit Pinang, mohon tanya soalan. Apakah punca masalah kenaikan harga ini, adakah disebabkan MCO yang kurangkan pengeluaran ataupun ada masalah atau punca – punca yang lain yang patut kita tangani supaya harga terkawal pada masa hadapan?

Yang kedua, ini berlaku impak kepada kontraktor kecil. Ke atas kontraktor kecil yang dah ditetapkan harga. Bagaimana kerajaan boleh bantu mereka supaya mengatasi masalah – masalah ini supaya projek – projek kontraktor tidak sangkut atau terbengkalai?

Yang ketiga, kos bila meningkat akan menyebabkan kos pembangunan perumahan juga meningkat. Apakah usaha kerajaan untuk memastikan harga perumahan ini dapat dikawal supaya mampu dibeli oleh rakyat Kedah yang masih lagi mengikut laporan yang masih lagi rendah dari segi pembandingan dengan negeri – negeri yang lain. Terima kasih YB. Dato' Speaker

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Boleh sekali? Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya nak tanya soalan kepada YB. Bukit Pinang. Soalan tambahannya ialah kita tahu bahawa Majlis Pemulihan Negara yang dipengerusikan oleh YB. Tan Sri Muhyiddin Yassin. Katakan kita kena berbelanja ataupun bank kena fokuskan untuk keluarkan pinjaman – pinjaman, kerajaan bagi geran dan sebagainya untuk 'stimulated economy'. Maksudnya bila Pandemic Covid-19 menyebabkan harga barang akan naik. tak nafikan yang tu. Dari 2 tahun yang lalu memang ke arah itu semasa YB. Tan Sri Muhyiddin Yassin, dia jadi Perdana Menteri dalam 2 tahun dia nak memulih, tetapi kalau tidak 'spare' tidak berbelanja.

Sebagai contoh saya lihat bajet kita, saya nak tanya kepada soalan. Bajet kita pengurusan, pengurusan tu takpa dah, fee tetap tetapi kalau kita tidak berbelanja dalam pembangunan kepada rakyat, ia tidak akan menyebabkan ekonomi kita berputar dalam negeri ataupun dalam negara. Ini menyebabkan kekusutan kepada rakyat. Sepatutnya jangan kita syok RM660,000,000 deposit kena bagi kepada rakyat yang miskin tu akan berbelanja, kalau yang kaya tu dia simpan duit. Kita nak 'stimulated economy' maksudnya 'demand and supply' tu menyebabkan rakyat berbelanja maka kita boleh memulihkan sikit ekonomi kita.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan terima kasih YB. Derga serta YB. Kubang Rotan. Saya merangkumi lah sebab kita lihat apabila permintaan tinggi, bekalan kurang, ini salah satu faktor kenaikan harga barang. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan bersidang pada Disember ini 3 Kementerian oleh kerana kekangan – kekangan yang telah berlaku sekarang, permintaan begitu tinggi dan 'supply' kurang dan juga kita lihat apabila kementerian duduk 'sit down', besar kemungkinan kerajaan boleh bagi 'subsidised' sebab kita lihat *Kementerian Perdagangan Dalam Negeri*, *Dan Hal Ehwal Pengguna* dia ada barang – barang dalam 10 item itu termasuk barang yang tak 'subsidised' iaitu yang diberi subsidi oleh kerajaan seperti tepung, gula, tepung gandum dan minyak masak serta cecair petroleum.

InsyaAllah saya berkeyakinan apabila keadaan ini akan berlaku besar kemungkinan dengan kerajaan akan menetapkan mungkin dia bagi subsidi. Kita lihat dari segi global yang sekarang memang permintaan begitu tinggi tetapi oleh kerana kekangan – kekangan percaturan di peringkat antarabangsa, di antara negeri saya tak mau sebut negara – negara mana tapi salah satu faktornya harga besi tinggi sebab besi dikeluarkan salah satu negara yang terbesar di dunia ni tapi negara satu – satu dia cuba beli tapi dikawal oleh negara – negara tertentu. Ini sebabnya menjadi kekangan– kekangan besi ini melambung. Di negara kita dulu ni, kita lihat contohnya dulu besi masih ada seperti di Gurun, PERWAJA Steel tapi sekarang dah tak dak, Terengganu dulu pun ada juga PERWAJA Steel, jadi ini salah satu faktor. InsyaAllah saya berkeyakinan apabila disebut oleh YB. Kubang Rotan ni memerlukan pembinaan perumahan dan binaan – binaan memerlukan besi dan simen. Tetapi saya berkeyakinan lah kerajaan akan melihat keseluruhannya apabila kerajaan meletak kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan peribadi. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Soalan nombor 24!

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Dato' Speaker.

Laki jangan berangan nak kawin empat,
Kalau kain pun tak reti nak lipat.
Saya mohon jawapan tepat,
Bagi soalan nombor dua puluh empat.

24. YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI
[ADUN TANJUNG DAWAI]

Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) berperanan dan bertanggungjawab sebagai pembantu kepada kerajaan negeri untuk menjana ekonomi.

Pohon dinyatakan :-

Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri terhadap GLC dan pengurusannya yang ternyata gagal berperanan sehingga menyebabkan kerugian?

YAB DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Speaker, saya takdan nak karang pantun. Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berperanan dan bertanggungjawab sebagai pembantu kepada kerajaan untuk menjana pendapatan. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri terhadap GLC dan pengurusannya yang ternyata gagal berperanan sehingga menyebabkan kerugian?

YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah mengamalkan dasar pelantikan secara kontrak berasaskan merit bagi pengurusan dan eksekutif tertinggi GLC. Sehubungan dengan itu, penilaian kepada penyambungan kontrak lantikan ke jawatan utama GLC adalah berasaskan kebolehan dan kemahiran bagi memastikan tampuk pimpinan GLC sentiasa dalam keadaan terbaik dan kompeten untuk menerajui GLC. Kalau mereka tidak berperanan dengan baik menyebabkan kerugian, kontrak mereka tidak akan disambung. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan tambahan!

YB. USTAZ HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih YAB. Jeneri. Mohon jawapan, adakah GLC yang ada, ada yang mencatatkan kerugian dan apakah tindakan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan terhadap pengurusan? Saya mendapat maklum bahawa ada GLC yang dipimpin dengan tidak memberikan keuntungan kepada kerajaan negeri dan yang dilantik itu berdasarkan kepada politik. Elaunnya pun mengatasi elaun Menteri Besar kalau tak silap, sedangkan GLC ni entitinya adalah untuk menjana pendapatan negeri. Jadi, saya mohon penjelasan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Speaker, setakat yang saya tau GLC yang macam tu dia berhenti sendiri dah. Tak dak dah sini, hari pertama saya masuk dia pun ''chau", (dengan izin) dia pun ''chau".

YB. DATO' SPEAKER

"Chau" tu apadia?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

"Chau" tu blah la (sambil ketawa). Setakat yang ada sekarang ni Alhamdulillah, ada GLC kita yang setelah saya mengambil alih kerajaan kita tukar pengurusan tertinggi, sudah mula mencatatkan keuntungan dan mula membayar hutang-hutang lama contohnya SADA, hutang ada RM148 juta dah bayar habis Alhadmulillah. Walaupun ada masalah bekalan air di sana sini tetapi operasi SADA sebagai operator tahun lepas untung sejuta, untung! Walaupun dah rugi RM36 juta, tahun lepas dah mula mencatat keuntungan sejuta. Tahun ni saya difahamkan akan tutup akaun untuk beberapa hari lagi saya harap mereka juga mencatatkan keuntungan. Dari segi operasi, dari segi prestasi infrastruktur tu cerita lain, tapi dari segi operasi sebagai operator, SADA mula mencatatkan keuntungan, bila kita tukar pengurusan tertinggi. Dah bayar hutang boleh dah untung pulak. Ada GLC yang di bawah dagu saya, saya sebutkan dalam Sidang yang lepas ada hutang yang, banyak bertambun – tambun, hat tu yang saya kata ''chau" tadi tu, dia ''chau" awai dah.

Jadi, kita dah tukar InsyaAllah kita akan mulakan penyusunan semula untuk membayar hutang – hutang lapuk, hutang Jabatan Hutan saja ada RM38 juta, hutang premium tanah RM120 juta, hutang – hutang dengan syarikat – syarikat yang depa buat JV, (Joint Venture). Ada satu tanah di Bukit Tangga tanah tu JV ataupun nak dijual kepada NCIA untuk projek 'hemp' lah, 'pilot project hemp' dia pi ikat JV dengan syarikat apa tah dari Pulau Pinang, syarikat tu 'caveat' akhirnya 'pilot project hemp' itu tak dapat dilaksanakan kerana *Kementerian* Tenaga dan Sumber Asli (*KeTSA*), nak order benih tu dia kena 'make sure' tanah tu 'clear' dari sebarang sekatan termasuk 'caveat'. Sekarang ni kes dah masuk ke mahkamah, dulu depa mintak RM1.5 juta, sekarang ni bila dah nampak kita terdesak untuk mempercepatkan projek itu, dia mintak pulak RM15 juta. Kita nak ambik duit mana nak bayar RM15 juta, hutang lain pun berlambak. Inilah prestasi – prestasi GLC zaman dulu yang sedang kita pulihkan, InsyaAllah sedikit masa lagi kita akan cuba sedaya upaya lah untuk mengatasi masalah ini. GLC – GLC yang elaun dan gajinya besar, saya pun susah hati juga lah. Ada GLC yang kita bagi projek 'maintenance' jalan RM70 juta, hanya bagi dividen kepada pemegang saham utama PKNK RM1.5 juta sahaja. Saya rasa kalau bagi kontrak RM70 juta kepada syarikat swasta, saya rasa dividen dia banyak sangat na kalau 'maintenance' jalan. YB. Alor Mengkudu dia faham la sebab 'engineer', lama. Kerja paling cepat lah jalan ni, bukan kena buat 'constraction' beli besi tetulang ka apa ka, pi turap ja.. pi tampung. Tentu untung dia lebih banyak, margin dia besar, tapi dia hanya boleh menyumbang RM1.5 juta kepada pemegang 'share' PKNK. Tu yang YB. Anak Bukit tanya tu pasai apa pakat letak jawatan? Saya jerkah lah! Ada ka patut bagi RM70 juta bagi dividen RM1.5, buat apa situ, beli mahal-mahal mahai. Saya jerkah-jerkah lari lah. Tu lah jawapan mudah, tapi saya tak lah jerkah macam tu, saya tanya saja…. Pasal apa sikit? Takkan macamni kut, berapa tahun dah dapat tu RM70 juta setahun, takkan macam ni prestasi?

YB. DATO' SPEAKER

Kalau bagi dekat Speaker RM7 juta Speaker boleh bagi.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

(Sambil ketawa) Itulah saya kata, tu simple – simple matematik kan na, kerja – kerja macam tu. Jadi, kalau tak kompeten tak payahlah kita pi pecat dan saya tak adalah sampai pecat orang. Kalau tak kompeten, tak boleh buat kerja, berhenti lah dan dalam Titah Ucapan Tuanku sewaktu merasmikan Sidang Dewan sesi yang lepas pun Tuanku ada sebut, GLC-GLC yang tak kompeten, tak boleh nak perform elok berhenti, bagi peluang kat orang lain, jangan la duk tunggu di situ makan gaji banyak – banyak, kerja tak jalan. Ni kerajaan rakyat, bukan hak kita, bukan Syarikat Sdn Bhd.

Hak kita tak pa lah, tunggu sampai kiamat pun, ni hak orang ramai, dia kena ambik tanggungjawab tu dan mesej ini saya sampaikan jugak lah kepada semua pimpinan GLC yang ada di Kedah pada hari ini. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Gurun!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Seperti yang YAB. Menteri Besar sebut tadi ya, sekali lalu saya juga faham bahawa sebenarnya peranan kerajaan adalah membuat 'policies', mentadbir. Saya jangka peranan kerajaan untuk berniaga ini amat minima. Jadi, tidak ada sebab sepatutnya kerajaan menubuhkan syarikat – syarikat untuk berniaga dan 'combite' pulak dengan 'entrepreneurs' yang juga kita minta diorang berniaga. Jadi saya lihat, dalam banyak kesukaran khususnya Kedah ni, kita buat GLC kemudian kita 'combite' dengan kawan – kawan yang 'private entrepreneurs'. Seperti YAB. MB kata tadi, kalau kita buat GLC kita bagi projek, dia untung, dia tak bagi balik dividen kita, dia bagi dalam keadaan minima tetapi kalau kita bagi projek ni open tender dan sebagainya, 'the best builder' akan buat duit dan dia bayar sama ada dividen ataupun dia bayar tax kepada kerajaan. So ada paradoks di situ YB. pradoks, is very paradox. Satu hal kita nak galakkan entrepreneurs, satu hal kita nak 'combite' dengan diorang dalam keadaan kita ada semua 'advantages'. Jadi saya melihat YB., adakah YAB. Menteri Besar akan fikir balik sepatutnya ada yang 'non performing', GLC ni harus kita lihat balik dan tutuplah sebab kalau kita nak maintain diorang pun kita akan terpaksa keluarkan duit kerajaan untuk maintain bukan sahaja gaji depa tetapi juga benda – benda lain yang saya rasa tidak memberikan faedah kepada kerajaan negeri. Sekian, terima kasih YB. Dato' Speaker.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Gurun. YB. Dato' Speaker, ni YB. Suka Menanti nak tanya, YB. Dato' Speaker tak bagi kan na?.

YB. DATO' SPEAKER

Bagi!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Bagi?

YB. DATO' SPEAKER

Ya, YB. Suka Menanti. Ringkas dan padat!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan terima kasih YAB. Jeneri. Ringkas saja. Saya ingin tahu sikit lagi sambung daripada soalan YB. Gurun tadi, ada lagikah Syarikat Sdn. Bhd. ni yang juga di kalangan anak syarikat GLC yang boleh melaksanakan projek guna pakai duit kantung negeri ni dia lantik konsultan, dia lantik kontraktor tetapi kita kerajaan negeri yang bayar. Kalau sebelum ni adalah satu syarikat iaitu SADA, sebelum 2018 dia boleh lantik konsultan dan kontraktor, dia buat projek, negeri yang bayar. Tapi tu sehingga 2018 lah dah ditegur oleh Ketua Audit Negara. Tapi saya nak tau, ada lagi dak kut-kut ada Syarikat Sdn. Bhd. lain yang sewenang – wenang boleh melaksanakan projek sebegitu meggunakan kantung negeri?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Jawapan kepada YB. Suka Menanti tu tak dak lah. Kepada YB. Gurun, ada ditubuhkan GLC-GLC ini untuk diberi projek – projek kerajaan supaya dia bantu membangunkan kontraktor – kontraktor kecil di bawah konsep payung. Ni dasar kerajaan dulu – dulu lah, sejak zaman YB. Dato' Seri Anwar menjadi TPM (Timbalan Perdana Menteri) lagi. Konsep itu berterusan tetapi dengan perubahan pola ekonomi sekarang ni, saya fikir perkara – perkara ini pun patut diberi pertimbangan semula, saya setuju dengan YB. Gurun. InsyaAllah perkara – perkara ini akan diberi pertimbangan supaya kalau GLC sendiri tidak mampu lagi melaksanakan konsep payung membangunkan kontraktor – kontrakotr kecil yang kita nak 'develop' ni cukup setakat tu sudah la na. InsyaAllah perkara – perkara ni akan diberi perhatian oleh pihak kerajaan dan saya harap lah sahabat – sahabat saya di GLC juga turut mengamalkan konsep syukur dan bersabar. Saya nak terus terang lah, di GLC ni ada dah jadi kartel, kalau 10 sebut harga masuk, 9 kartel dia punya. Saya rasa bukan GLC di 'state' saja, di Federal pun berlaku macam tu, di semua tempat dah ada kartel-kartel yang begitu mencengkam di agensi – agensi tempat di mana ekonomi atau duit dijana.

YB. DATO' SPEAKER

Oh! YAB. Jeneri tau na?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Eh! Taauu..(sambil ketawa). Saya mengesan semua perkara ini, sedang meniliti lah bagaimana untuk mengatasi isu membesarnya kartel-kartel yang dikuasi oleh tokey – tokey besar satu – satu projek, mai lah 10 projek pun semua dia lengkong pi, 10 sebut harga 9 dia punya. 'At least' dapat kat dia satu. Ini berlaku di semua sistem ekonomi kita ni, bukan sahaja di Kedah ni, di Kuala Lumpur pun terjadi. Saya harap di Kedah ni kita akan dapat atasi dan kita akan perangi semua kartel yang ada di Kedah ni, InsyaAllah.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Soalan nombor 25!

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

YB. Dato' Speaker, pohon jawapan soalan nombor 25. Terima kasih.

25. YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA
[ADUN KUALA NERANG]

Pohon dinyatakan:-

a) Masalah sosial meliputi penyalahgunaan dadah, ketum, judi, judi online, rogol, sumbang mahram dan pelbagai lagi. Apakah usaha-usaha proaktif kerajaan mengatasi masalah ini?

b) Dapatan kajian Dr. Fadzilah Kamsah menunjukkan lebih 80% orang Islam tidak solat. Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilakukan kerajaan bagi menangani masalah ini?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Awat banyak tak tau pagi ini? Terima kasih YB. Kuala Nerang, terima kasih YB. Dato' Speaker. YB. Kuala Nerang bertanya berhubung dengan dadah, ketum, judi online, rogol, sumbang mahram…..(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Tokai, buang 'mask'!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Oh! Lupa, saya suruh orang buang, saya terlupa nak buang. Kemudian 80% orang Islam tak solat. Untuk jawapan kepada YB. Kuala Nerang, Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara Negeri Kedah (LPPKN) melalui Unit Remaja Kafe@TEEN telah menjalankan program pendidikan dan advokasi berhubung Pendidikan Kesihatan Reproduktif Remaja seperti Modul Cakna Diri Remaja dan Modul SRH For Boys (Khas Untuk Remaja Lelaki) bagi memberi maklumak berhubung risiko hubungan seks sebelum perkahwinan kepada remaja, ini berhubung dengan sumbang mahram ni. Program ini dapat mengelakkan daripada berlakunya kes sumbang mahram, rogol dan perhubungan seks sebelum perkahwinan (zina) dalam kalangan remaja. LPPKN ini mereka menubuhkan Teen Educator yang terdiri daripada pakar – pakar yang datang daripada kumpulan LPPKN dan juga pakar-pakar kesihatan. Pada tahun 2021, seramai 7,500 orang remaja telah mendapat manfaat daripada program ini melalui aplikasi My Kafe@TEEN ini. 80 siri Program Pendidikan Kemahiran yang dianjurkan adalah meliputi maklumat pendidikan kesihatan seperti yang saya sebutkan tadi iaitu kesihatan reproduktif dan juga pengurusan psikososial remaja.

Sehingga kini, terdapat seramai 455 remaja telah berdaftar dengan Kafe@TEEN ini dan mereka menjanakan aktiviti Teen Chat yang dikendalikan oleh Teen Educator dan juga Teen Talk yang dikendalikan oleh pegawai dalam bidang kepakaran seperti Doktor, Pakar Pemakanan, Pegawai Psikologi dan Jurulatih Utama daripada LPPKN dan juga Kementerian Kesihatan. Dan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam juga mereka mengadakan program EJAS (Elak Jenayah Syariah) yang telah dijalankan sejak 5 tahun yang lalu, dimana taklimat dan ceramah berkaitan pencegahan kesalahan jenayah syariah disampaikan kepada pelajar sekolah, kolej dan institut pengajian tinggi. Setiap tahun lebih kurang 15 pusat pengajian dipilih untuk melaksanakan program ini dan menjalankan Program Penguatkuasaan Bersama Masyarakat. Ini saya rasa biasa lah, Pegawai – pegawai agama daerah turun kepada masyarakat mengedarkan risalah, mengadakan ceramah dan juga mana – mana yang perlu di bawa ke mahkamah akan di bawa ke mahkamah. Begitu juga, program yang dijalankan oleh PDRM dalam usaha untuk mencegah jenayah. Jenayah yang saya sebut tadi lah daripada judi, judi online ka cyber café yang menjalankan kegiatan perjudian ini.

Begitu juga dengan jenayah – jenayah yang lain. Cawangan D11 PDRM juga kerap turut menyediakan perkhidmatan kaunseling, psikologi dan intervensi krisis serta CIC (Child Interview Center) bagi membantu dan memberi sokongan emosi terhadap mangsa-mangsa jenayah agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik. Saya mengucapkan tahniahlah kepada JSJN (Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik) yang telah sentiasa tidak henti – henti melakukan program pencegahan jenayah terutamanya dadah dalam negara kita ini. PEMADAM (Persatuan Mencegah Dadah Malaysia) juga telah menjalankan program RINTIS final projek di Kuala Kedah, Taman Kota Nelayan, Kuala Kedah. Kita mendekati keluarga penagih dan kita akan buat susulan keluarga penagih ini kita berharap sehingga berjaya lah mereka elak daripada penagihan dadah ini. Juga mendekati wanita ibu tunggal. Kita telah masuk ke FELDA, FELCRA dan kita InsyaAllah bulan 12 ni kami telah berbincang dengan Menteri Luar Bandar iaitu Dato' Seri Mahathir Khalid kita akan masuk ke perkampungan KEDA, Felda di Lubuk Merbau, Felda Sungai Tiang dan juga akan mengadakan program dengan kumpulan wanita di Kulim. Kita telah letak jadual dah. Kemudian kita juga mempunyai hasrat untuk menzerokan penagih baru dan juga mengurangkan penagih lama. Ini program – program yang diatur oleh RINTIS.

Untuk ketum pulak, melalui Akta Kanun Tanah Negara 1965, memang ada Akta ini kita berhak merampas tanah, tapi tak tau lah 'political will' kita boleh sampai ke situ ataupun tidak sebab melanggar syarat pertanian, dalam syarat tu dikatakan tidak boleh menanam pokok ketum. Tapi kalau kita pi kut Pendang ni, tempat saya banyak penanaman ketum dijalankan. Bagi kesalahan ini dia boleh didenda sampai RM 10,000 atau penjara 4 tahun atau pun kedua-duanya sekali. Ini kesalahan ketum. Untuk menghadapi masalah ketum ini memang kita perlu nasihat daripada pelbagai pihak, di masjid – masjid juga perlu memainkan peranan. Sebab tu saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang sentiasa memberi nasihat melalui khutbah – khutbah Jumaat berhubung dengan penyalahgunaan ini.

Dari segi penguatkuasaan dan keselamatan pula, jumlah aduan yang diterima oleh PDRM 1,645 bagi Negeri Kedah ini dan mereka telah menjalankan 47 Ops dan tangkapan 2,888 orang dan 88.75% didapati positif terhadap dadah ini. Mereka – mereka ini ada yang dihantar ke pusat penagihan dan ada yang dihantar ke penjara disebabkan oleh kesalahan tersebut.

Berhubung dengan tak solat ini, kita tahu sebagai seorang Islam Hadis Nabi pun menyebut, *"Sembahyang itu adalah tiang agama, siapa yang mendirikannya ia mendirikan agama, siapa yang meninggalkannya maknanya dia meruntuhkan agama".* Sebab itu penekanan terhadap solat ini ditekankan dalam kursus-kursus pra perkahwinan yang dijalankan pada setiap minggu sepanjang tahun. Menerusi ceramah – ceramah dan kuliah – kuliah Takmir dan Guru – guru Takmir di masjid dan juga penerbitan buku – buku risalah – risalah berhubung dengan khusyuk dalam sembahyang dan juga kita telah mengambil inisiatif untuk menaikkan billboard – billboard di banyak tempat berhubung dengan kepentingan solat ini. Gambar YAB. Menteri Besar pun ada, di Pendang gambar YB. Merbau Pulas pun ada, kepentingan kita menjaga solat ini dan juga saya berhasrat untuk mereka yang berada di pasar-pasar malam, kemungkinan kita menyediakan sedikit bajet untuk menyediakan tempat solat di pasar – pasar malam yang jauh dari surau ataupun masjid. Ini inisiatif yang InsyaAllah akan kita buat untuk masa yang akan datang. Saya rasa itu lah sedikit sebanyak jawapan kepada soalan YB. Kuala Nerang ini. Terima kasih YB. Dato' Speaker

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Soalan tambahan YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan!

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih. Alhamdulillah terima kasih kepada YB. Tokai di atas penjelasan. Sebelum tu jutaan terima kasih juga kepada LPPKN, JAIS, Jabatan Agama Islam, PDRM, PEMADAM dan semua agensi – agensi yang bertungkus lumus untuk menangani masalah ini. Saya melihat ini masalah yang menjadi tanggungjawab kita bersama yang saya kira perlu diambil tindakan yang bersepadu semua pihak di peringkat daerah. Soalan saya adakah pihak kerajaan bercadang untuk menjadikan satu agenda tetap yang dibincangkan secara serius di dalam mesyuarat mungkin Mesyuarat Tindakan Pembangunan Daerah dan seumpamanya kerana isu kemiskinan ada satu mesyuarat khas berkenaan dengan 'focus group' umpamanya. Tetapi isu ini isu yang saya kira tidak boleh dipandang ringan kerana contohnya dadah yang dianggap sebagai musuh negara yang kalau kita serahkan semata – mata hanya kepada pihak tertentu, PEMADAM, AADK dan sebagainya, pihak PDRM dan lain – lain, tanpa kita melihat secara menyeluruh dan bersama menganggap serius perkara

ni, jadi saya rasa pada pandangan saya, memang sangat perlu dan kalau pihak kerajaan bercadang Alhamdulillah, kalau belum mudah-mudahan dapat dimasukkan sebagai satu agenda khas tentang isu-isu sosial ini dalam mesyuarat di peringkat daerah.

Yang kedua soalan tambahan saya iaitu terima kasih atas usaha yang dibuat dan cadangan untuk mewujudkan surau di pasar – pasar malam bagi menggalakkan dan memudahkan orang Islam sembahyang.

Yang ketiga ialah dari sudut ketum tadi yang jadi masalah besar di kebanyakan kawasan termasuk di Padang Terap yang menjadi antara pengeluar utama ketum ini, yang di salahgunakan, itu isunya. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk bertindak lebih tegas untuk melarang terus daripada ditanam ketum. Sebagai contoh tempat yang tanah tu belum dapat geran, dia mintak geran kalau tengok, tak dikeluarkan geran, tak dibenarkan. Kemudian yang dah ada ketum, diambil tindakan sepertimana yang disebut oleh YB. Tokai tadi denda sampai RM10,000 mungkin ditingkatkan lagi dengan bidang kuasa yang ada pada kerajaan negeri. Jadi, saya pohon penjelasan. Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB Dato' Speaker, YB. Tokai, sikit saja saya nak tanya. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mendesak supaya ketum ini diletakkan di bawah Akta Dadah bukan di bawah Akta Racun? Terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tambahan sikit sekali, boleh YB. Dato' Speaker?

YB. DATO' SPEAKER

Ha.. Silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan 25 tu keseluruhan ini adalah refleks kepada masalah gejala sosial dalam masyarakat kita. Jadi, saya kira sudah tentu ia mesti bermula dengan pendedahan pendidikan di peringkat keluarga itu sendiri. Jadi, apakah langkah-langkah yang telah dan akan dibuat untuk memastikan bahawa pembinaan institusi keluarga itu cantik, masyarakat itu cantik, negeri itu cantik yang akhirnya inilah punca utama yang mengawal kepada segala gejala tadi. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Haa…3 soalan tu.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Rangkum sekali lah na. Terima kasih kepada YB. Kuala Nerang, YB. Bandar Baharu dan sahabat saya YB. Pengkalan Kundor. Saya nak jawab macam ni lah, di peringkat daerah memang kita melantik DO menjadi Pengerusi PEMADAM yang di bawahnya ada Polis, ada AADK, ada JKM, maknanya secara bersepadu dah ada, mereka hanya menjalankan tugas – tugas untuk mengawal, membanteras dan juga menasihat kepada penyalahgunaan dadah ini. Jadi, kita berharap lah supaya mesyuarat-mesyuarat yang diadakan itu kita boleh menyepadukan kerja–kerja ini termasuklah kerja–kerja untuk menasihatkan masyarakat berhubung dengan gejala-gejala sosial yang berlaku dalam negara kita, negeri kita dan juga di daerah kita ini. Berhubung dengan tindakan tegas terhadap ketum ini memang dah ada peraturan, dah ada undang–undang cuma dari segi 'political will' kita, sama ada boleh laksanakan ataupun tidak. Dalam setiap urusan pemberian tanah, kita dah ada syarat mereka di situ, mereka tidak dibenarkan menanam ketum. Seandainya berlaku boleh ambil tindakan. Jadi, kalau dah tukarkan daripada pihak negeri dan juga dan pihak semua lah kalau kita ambil tindakan pun tidak ada 'feedback' yang buruk mungkin kita akan boleh buat final tindakan terhadap masalah ketum ini, nak meletakkan ketum sebagai dadah.

Saya dah bawa isu ini yang ditanya oleh sahabat saya YB. Pengkalan Kundor, dulu masa saya duk di Parlimen. Kita pernah berbahas berhubung dengan nak bawa ketum daripada Akta Racun kepada Akta Dadah, banyak isu-isu yang terpaksa difikirkan. Kemungkinan ada satu pendapat mengatakan kalau kita nak halang daripada ketum ni dari jadi masalah dia kata, "kita halalkan terus, biar depa guna". Maknanya kalau benda tu tak menjadi kesalahan orang takkan cari, takkan ambik.

Tapi ada pendapat macam tu tapi kita tak maulah sampai ke tahap itu kerana nak menjadikan daripada racun kepada dadah ni dia ada kaedah-kaedah dia. Di German telah memberi insentif kepada Profesor Dr. Zurina kalau tak silap untuk menjalankan kajian berhubung dengan kebaikan ketum di German, dia bagi 249,000 ringgit duit Malaysia untuk dia jalankan satu kajian terhadap kebaikan ketum. Ketum ni ada mikro yang baik ada banyak yang tak baik. Jadi German kata kita nak ambik yang baik – baik tu untuk dibuat kajian dan dijadikan mungkin sebagaimana yang dijalankan kepada morfin yang dijadikan ubat kepada untuk menghilangkan kesakitan semasa 'operation'. Jadi, kepada soalan YB. Pengkalan Kundor, saya akui memang gejala-gejala ini semua disebabkan oleh apa yang berlaku dalam keluarga, bermula dari keluarga. Sebab itu Rasulullah berkata, nak kahwin ni kerana 4, yang pertamanya kita kena pilih yang beragama dulu, bila pegang agama dia menjadi masyarakat yang takut kepada Allah, InsyaAllah dia tidak akan melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Itulah jawapan daripada saya. Sekian YB. Dato' Speaker, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan 26!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Dato' Speaker, pagi ni takdan sarapan, soalan 26 perlu jawapan.

26. YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH
[ADUN PENGKALAN KUNDOR]

Pohon dinyatakan:-

a) Apakah kesan PKP Covid-19 kepada kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Negeri Kedah?

b) Berapakah jumlah kes keseluruhan tertunggak kerana PKP?

c) Apakah jenis-jenis kes tersebut, berapakah jumlah dan peratusan mengikut kes?

d) Apakah tindakan yang telah dan bakal di ambil untuk menyelesaikan kes-kes ini?

YB. BRIGEDIER (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Ahli-Ahli Exco, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan yang dirahmati Allah sekalian. Ada permohonan daripada YB. Pengkalan Kundor untuk menyatakan pertama, apakah kesan PKP Covid-19 kepada kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Yang kedua, berapakah jumlah kes keseluruhan tertunggak kerana PKP dan ketiga apakah jenis–jenis kes tersebut, berapakah jumlah dan peratusan mengikut kes. Seterusnya apakah tindakan yang telah dan bakal diambil untuk menyelesaikan kes-kes itu. Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Negeri Kedah adalah seperti berikut. Pertama berlakunya perubahan penjadualan semula kes – kes yang berjalan dan juga yang sedia dikemukakan untuk mematuhi Majlis Keselamatan Negara (MKN) jadi, semua penjadualan terpaksa dibuat semula. Jadi, apabila berlakunya penjadualan semula maka sudah tentu lah akan ada yang dilambatkan dan juga yang diletakkan mengikut priority yang sepatutnya.

Yang kedua ialah pendengaran kes dihadkan mengikut penyusunan semula itu, terpaksa dihadkan. Tak boleh nak layan semua sekali dan ini adalah tindakan mengikut apa yang perlu dibuat sesuai dengan kehendak MKN. Dan yang ketiga ialah penetapan pendengaran kes terpaksa dipilih untuk diberi keutamaan. Antara perkara–perkara yang diberi keutamaan ialah permohonan pernikahan wali hakim, yang ni diberi dalam senarai keutamaan. Yang keduanya ialah pengesahan penceraian talak tiga juga diberi keutamaan. Jadi, jika ada kes-kes lain terpaksa dikemudiankan untuk diberi keutamaan kepada kes–kes ini. Yang ketiganya ex-parte hadhanah iaitu hak penjagaan anak juga dikategorikan sebagai kes yang perlu diutamakan.

Jawapan (b) Bagi kes dalam dalam prociding berakhir 30 September 2021 adalah seperti berikut. Pertama Kes Mal ialah berjumlah 2,736 kes dan yang kedua kes jenayah. Kes jenayah ialah 168 kes. Baki kes adalah merujuk kepada baki kes yang dibawa dari tahun 2020 sehingga 30 September 2021. Jadi, maklumat–maklumat yang selanjutnya ialah seperti berikut. Pertama ialah kes faraid (pembahagian harta pusaka) berjumlah 226 kes iaitu 8.3%, yang kedua kes penceraian iaitu 1,229 kes 44.9% maknanya penceraian ini agak tinggi kesnya lebih–lebih lagi mungkin dalam PKP ni ada yang bercerai tapi ada yang nak kahwin tak boleh pun ada.

Yang ketiganya ialah kes nafkah, ada 177 kes 6.5% dan yang keempat hadhanah ataupun penjagaan anak, 246 kes iaitu 9% kemudian kes poligami dan pengesahan poligami ada 210, ini tinggi jugak ni maknanya dalam keadaan PKP ni barangkali ada orang curi pi nikah di Siam, dan kes ini ialah 7.7%, kemudian kes harta sepencarian ada 95 kes 3.5% kemudian permohonan wali hakim, dia ada 89 kes iaitu 3.2% dan seterusnya ialah interlokutori iaitu 165. Kes ini ialah kes di mana permohonan untuk tuntutan oleh plantif untuk mengakis tanpa tertuduh. Kes ini ialah 165 iaitu 6% dan lain – lain ialah 299 kes iaitu 10.9%.

Jadi, jumlah keseluruhan kes ialah 2,736. Selain itu bagi jawapan (b) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah telah mengambil tindakan–tindakan berikut bagi mempercepatkan ataupun menyelesaikan kes–kes itu ialah antara lain bagi peringkat Mahkamah Tinggi Syariah dua (2) Hakim Bantu telah dilantik bagi membantu dua (2) Hakim Mahkamah Tinggi Syariah sedia ada. Kelulusan pelantikan tersebut telah diperolehi dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Ini jelas bahawa bilangan hakim Mahkamah Tinggi adalah amat sedikit lah sebab ada 2. Kemudian yang kedua, bagi peringkat Mahkamah Rendah Syariah Hakim Bantu telah dilantik bagi membantu kes Mahkamah Rendah Syariah yang mempunyai jumlah kes yang tinggi. Dua (2) Hakim Bantu telah diarahkan mendengar dan menyelesaikan kes di Mahkamah Rendah Syariah Sik dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Yan. Itulah diantara langkah–langkah yang diambil bagi mempercepatkan kes ini. Bagi Mahkamah Rendah Syariah Kota Setar, seorang hakim bantu juga telah diarahkan mendengar dan menyelesaikan kes di Mahkamah Rendah Syariah Alor Setar.

Jadi, hakim bantu tersebut adalah hakim Mahkamah Rendah Syariah Pokok Sena. Maknanya hakim bantu ini boleh hakim–hakim daripada mahkamah-mahkamah rendah di daerah dilantik untuk membantu hakim di Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Rendah Syariah yang lain. Tindakan yang bakal diambil adalah seperti berikut iaitu yang pertama kita cadangkan supaya meminda peruntukan undang-undang sedia ada bagi membolehkan perbicaraan dalam talian dilaksanakan dan yang keduanya ialah melengkapkan prasarana dan keperluan perbicaraan dalam talian. Ini diantara langkah–langkah yang sedang diambil bagi mempercepatkan kes–kes itu. Jadi, itu sahaja yang dapat disenaraikan. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Dato' Speaker, soalan tambahan saya adalah berkait dengan norma baharu PKP. Saya kira norma baru ini telah dilaksanakan di banyak pihak termasuk di mahkamah.

Jadi, adakah daripada jawapan tadi bermasud Mahkamah Syariah belum lagi melaksanakan norma baharu iaitu mengadili terutamanya yang priority tadi tu walaupun 3.2% wali hakim. Nak kahwin, YB. Kupang duk sebut tadi mana boleh tahan–tahan kan? Maksudnya, apakah norma baharu dalam talian tadi ni belum digunakan di peringkat Mahkamah Syariah? Itu soalan saya.

YB. BRIGEDIER (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih. Norma baharu yang digunakan secara umumnya memang digunakan dalam perbicaraan–perbicaraan yang dijalankan. Cumanya dalam kes talian ini belum lagi dilaksanakan dan ini mungkin kena ada penilitian, tambahan pula baru–baru ni ada pula yang mengatakan nikah dalam talian tak sah dan sebagainya, ini perlu juga perhatian dan sebagainya. Kita perlu perjelas sebab perkara ini ialah perkara yang melibatkan satu perbincangan secara ilmiah berdasarkan daripada hukum dan sebagainya dan saya rasa kita lebih teliti adalah lebih baik untuk pelaksanaan perkara–perkara baru terutamanya dalam norma baru ni. Walau bagaimanapun, keadaan ini agak sudah pun boleh diatasi kerana kita sudah pun melangkau ke tahap 4 sekarang ini, saya rasa kiranya dalam sebulan dua lagi kalau semua masyarakat menyahut seruan kerajaan supaya mengamalkan norma baru dan semua rakyat menyambut supaya kita menerima vaskin, tidak lagi menjadi isu saya rasa perkara ini dapat kita atasi dengan lebih cepat. InsyaAllah.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Assalamualaikum, terima kasih YB. Dato' Speaker dan YB. Kupang. Tentang hakim Mahkamah Syariah kita dapati bila PKP banyak kes–kes yang tertangguh dan sebelum–sebelum ni pun sebelum PKP pun banyak kes-kes yang dihadapi dan mengambil masa yang panjang dan pernah dicadangkan untuk pertambahan hakim–hakim khususnya sama ada yang dia boleh pi merata ka sebab duk tengok yang disebut oleh YB. Kupang tadi hakim bantu dari daerah yang lain. Jadi, adakah pihak kehakiman ada cadangan untuk penambahan hakim–hakim Syariah di Negeri Kedah ini dan juga pernah dulu dicadangkan untuk di Jabatan Agama dia ada peguam, seorang ataupun dua orang peguam yang akan membantu bagi orang nak mengadu ni dia nak bagi nasihat yang percuma untuk mereka yang susah ini. Jadi, itu soalan dia. Dua berkaitan dengan hakim dan juga penasihat undang–undang di Jabatan Agama untuk orang nak mendapat khidmat guman percuma. Terima kasih.

YB. BRIGEDIER (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Dato' Speaker, sebenarnya kelambatan kes ataupun penangguhan kes ini memang kita akuilah bahawa bilangan hakim di Negeri Kedah ini perlu penambahan dan proses itu dah pun dikaji dan saya sekarang sedang membuat satu cadangan lah supaya jawatan hakim ini ditambah. Yang keduanya penyelesaian secara jangka pendek dengan pelantikan hakim-hakim bantu, ini satu proses yang memang ada kesannya dari segi pengurangan kes. Yang keduanya kita kena lihat juga bahawa penangguhan kes ini bukan sahaja disebabkan oleh pihak pentadbiran mahkamah tetapi ialah berpunca juga daripada kerjasama orang–orang yang terlibat. Umpamanya kes penceraian, kadang–kadang kita panggil untuk perbicaraan tetapi satu pihak tak dating, jadi tak boleh nak meneruskan kes itu. Jadi, ini adalah satu di antara daripada perkara–perkara yang sedang berlaku lah. Dan seterusnya kekurangan kakitangan, umpamanya kes-kes yang dirujuk kepada Jabatan Agama Islam untuk dikaunseling dan sebagainya. Ini juga antara perkara yang menjadi halangan kerana kes yang berlaku itu selalunya pihak yang terlibat terutamanya suami–suami tidak boleh dihubungi satu hal, yang keduanya kedegilan untuk menghadir dalam kes–kes kaunseling tu satu hal yang lain pula. Jadi, perkara–perkara ini ialah antara lainnya kita perlu mempertingkatkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang betapa perlunya ataupun mesti memberi perhatian bagi membantu kes-kes ini terutama sekali ialah yang ada kaitan dengan pemeliharaan anak dan sebagainya. Jadi kadang–kadang tu kesian la jugak orang yang terlibat ini terpaksa berulang alik di mahkamah. Walaupun begitu, pihak mahkamah telah menyediakan tabung khas bagi membantu golongan–golongan ini. Ada yang dipanggil dari Baling terutamanya nak datang ke mari kena sewa kereta dan sebagainya dan di sana ada tabung khas bagaimana nak membantu mereka ini apabila kes itu dipanggil untuk disebut. Itu di antara perkara–perkara yang sedang berlaku dan kita perlu kepada perubahan–perubahan, InsyaAllah kita akan bersama dalam berganding bahu untuk melaksanakan kes –kes penyelesaian terutamanya kes keluarga yang memang banyak berlaku sekarang ni dan fenomena baru pula berlaku ialah apabila PKP ini banyak kes–kes baru yang berlaku terutamanya ialah tentang masalah pendidikan dan sebagainya. Jadi, anak–anak ada satu kejutan budaya baru dengan games dan sebagainya. Ini akan menimbulkan kes keluarga yang agak serius. Maknanya, walaupun kita ada pilihan di dalam menghadapi PKP ini untuk menyelesaikan kes–kes ini tetapi ada kesan sampingan daripada teknologi baharu yang menjadi satu punca kepada perbalahan dalam masyarakat ini. Sekian.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Sekarang kita tamat sesi pertanyaan mulut. Urusan seterusnya, Setiausaha.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Sekarang tamat sesi pertanyaan-pertanyaan mulut.

Urusan seterusnya, Setiausaha.

III. RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN NEGERI TAHUN 2022 DI PERINGKAT JAWATANKUASA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Meluluskan Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri Tahun 2022 diperingkat Jawatankuasa.

YB. DATO' SPEAKER

Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri Tahun 2022.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan yang perlu diputuskan sekarang ialah suatu cadangan supaya rang undang-undang yang berbunyi "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan bagi tahun 2022 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu". Ini dibacakan bagi kali yang kedua.

Sekarang Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 1

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

YB. DATO' PENGERUSI

Fasal 1 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 2

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

YB. DATO' PENGERUSI

Fasal 2 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - JADUAL

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM14,524,300.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Dato' Speaker, sebelum Dato' pergi ke B.01, boleh saya buat pertanyaan mengenai hasil?

YB. DATO' PENGERUSI

Mengenai, hasil?

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Sepertimana yang lepas saya ada dua tiga perkara mengenai hasil untuk mendapat penjelasan.

YB. DATO' PENGERUSI

Oh! Nak undur balik ka ni?

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Hat hasil, tadi nak masuk celah takdan. Nak minta penjelasan mengenai hasil. Dah keputusan dibuat setuju, ini sekadar penjelasan saja bukan di bawah Rang Undang-Undang tetapi hasil tu hendaklah dibentangkan di sini untuk mendapatkan sedikit maklumat mengenai hasil.

YB. DATO' PENGERUSI

Tapi…dia ada slot lain dak boleh dimasukkan?

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Itulah, kut ada slot lain untuk bertanya. Kalau bajet yang lepas dibenarkan untuk bertanya sebelum masuk 'detail' perbelanjaan.

YB. DATO' PENGERUSI

Perlu kah YB. Mengkudu ni?

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Sekali tanya saja bukan banyak kali.

YB. DATO' PENGERUSI

Ok! Ok! Dibenarkan.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Dalam cukai parit dan tali air, muka surat 2, dulu ni ada bangkit mengenai tanah-tanah yang telah pun ditukar syarat. Tukar syarat kepada perumahan dan komersial tetapi di dalam cukai tu masih lagi terdapat nak kena bayar dia punya cukai tali air sedangkan dia dah tak pakai hat tali air tu. Cuma saya nak tau, adakah masih lagi dikutip atau tidak? Itu soalan pertama.

Yang kedua adalah muka surat 9, terimaan daripada anak syarikat berkaitan kerajaan. Anggarannya adalah RM50 juta. Adakah ini maksudnya PKNK ataupun ada agensi lain. Itu soalan yang kedua, 'simple' saja nak tanya tu.

Yang ketiga, deposit-deposit kerajaan selalunya deposit bekalan air masuk dalam Kerajaan Negeri. Berapa banyak deposit-deposit yang ada, adakah wang deposit ini dimasuk dalam pendapatan yang disatukan ataupun tidak, ataupun diasingkan sebagai pemegang amanah? Kalau boleh dapat lebih kurang berapa jumlah deposit kepada kerajaan? Itu saja YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' PENGERUSI

Dia tak dak dalam ruangan ni. Saya nampak ada di depan sana sat lagi.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Macam ni YB. Dato' Speaker, saya pun ada beberapa soalan dalam perbahasan itu. Saya nak dapatkan beberapa penjelasan….

YB. DATO' PENGERUSI

Dak! Dak! Ada ruangan yang boleh…

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ada?

YB. DATO' PENGERUSI

Ada! Saya undur balik ke belakang.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM14,524,300.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM14,524,300.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.01 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.02 - Pejabat Dewan Undangan Negeri Dan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Wang sejumlah **RM30,082,800.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ini ada ruang boleh tanya, boleh bahas. Silakan!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Nak tanya beberapa dasar baru khususnya yang one-off untuk pemberian dan….(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' PENGERUSI

Buka you punya mask!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Pemberian dan bayaran tetap RM1.2 juta dan untuk tahun depan dasar baru. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Boleh ulang sekali lagi? Saya pun…

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Boleh. Untuk pemberian dan kenaan bayaran ketap one-off RM1.2 juta pada tahun 2022, perkhidmatan dan bekalan ada dasar baru. Tolong perjelaskan 'detailnya'. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

YB. Kubang Rotan nak tanya apa?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Dato' Speaker, tadi bahas kita ni dah pergi ke perbelanjaan. Tadi YB. Alor Mengkudu maklumkan tadi kita nak….(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' PENGERUSI

Sat lagi ada saya rasa ruangan…

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Itu adalah hasil, ini semua perbelanjaan**.** Hat ni semua perbelanjaan ni. Tapi hat depan tu adalah hasil, hat hasil tu lah kita nak tanya. Tapi kalau dah lepas kita nak patah balik ke depan, saya rasa mungkin YB. Dato' Speaker boleh tengok.

YB. DATO' PENGERUSI

YAB. Jeneri boleh terang tentang hasil dulu yang ditanya oleh YB. Alor Mengkudu tu.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Alor Mengkudu, jadi ya? Saya duk ingat tak mau jawab sebab bukan 'flow' untuk soalan macam ni kan na? Tapi dah nak bagi puas hati jawab juga lah.

Cukai parit dan tali air bagi tanah-tanah yang telah ditukar syarat. Yang pertama sekali kekal, perlu dibayar selagi tidak dipinda dalam Undang-Undang Tanah (KTN) dia perlu bayar, masih bayar.

Yang kedua, sumbangan anak-anak syarikat daripada PKNK ada, PKB, MBI, SSK dan Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK).

Yang ketiga, deposit diperakaunkan ke dalam Akaun Amanah Deposit, dia tak kira hasil disatukan lagi, dia masuk ke dalam akaun deposit dulu. Dia bayar cukup-cukup baru kita masukkan dalam hasil. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Muka surat 4 YB. Dato' Speaker, anggaran hasil tahunan 2022 di bawah terimaan sebenar nombor 12, iaitu royalti Pulau Pinang. Di bawah tahun 2018, terimaan sebenarnya adalah RM10 ribu, tahun 2019 juga RM10 ribu dan tahun 2020 juga RM10 ribu. Saya cuma bertanya dalam perbahasan yang lalu, dekat mana RM10 juta yang diterima sebelum ini dalam terimaan sebenar.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, saya tengok dalam kita punya jadual ni YB. Dato' Speaker kita sekarang ini sedang membincangkan Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri Tahun 2022. Saya rasa untuk yang terimaan ataupun hasil kita dah dapat Buku Bajet, sepatutnya kita bahaskan dan tanya soalan dalam perbahasan dan sekarang ni dah masuk dalam Mesyuarat Jawatankuasa kita sepatutnya terus pergi kepada agenda-agenda RUU, saya rasa. Sekarang ni B.02, saya nak bertanyakan berkenaan B.02 yang mana ada one-off dan dasar baru sebab saya dapat 'complaint' daripada YB. Sungai Limau kata dia duduk makin 'keqaih' pinggang, YB. Kuala Ketil duduk sedap saja sebab bangku berbeza dalam Dewan Undang Negeri ni. Jadi, kut lah dalam B.02 ini ada kut nak tukaq bangku ka apa ka. Jadi, itu dasar baru dengan one-off kut. Itu saja YB. Dato' Speaker, terima kasih. Jadi, saya rasa teruslah kita bincang RUU perbelanjaan.

YB. DATO' PENGERUSI

Bukan, dalam ruangan ni boleh diperuntukkan untuk bertanya. Jadi, boleh dijawab maka saya membuka lah kepada perbahasan, ini dipanggil ruangan perbahasan. Kita tak boleh pi room! Room! Room! Macam tu sekali. Jadi, betullah hat kita duk buat ni kita benarkan siapa yang nak bertanya tu dan siapa yang perlukan penjelasan, silakanlah. YAB. Jeneri beri penjelasan kepada YB. Bakar Arang dan YB. Kubang Rotan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Nak jawab hat YB. Kubang Rotan dulu, pasal hasil kita sembang bab belanja dan hasil pun jawab juga pasal "anak jantan". Royalti Pulau Pinang 2018 RM10 ribu, 2019 RM10 ribu, 2020 RM10 ribu, 2021 RM20. RM10 juta duk tang mana YB. Kubang Rotan? YB. Kubang Rotan RM10 juta duk tang…muka surat 13 buku saya, dia duk di Pemberian Khas Pulau Pinang, Kod dia H0182317 perihal i-spek Pemberian Khas Pulau Pinang Tahun 2021 RM10 juta, 2022 ni kita akan terima lagi RM10 juta. Ada! Muka surat buku saya 13 la, buku lain tak tau.

YB. DATO' PENGERUSI

YAB. Jeneri boleh buka boleh 'mask'. Nak bagi nampak garang lagi.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Jumpa ka tak jumpa?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Tak pa. Bila diberi peluang oleh YB. Dato' Speaker, apakah justifikasi yang disebut sebelum ini dalam perbahasan muka surat 8 dan juga muka surat 9, pemberian dan caruman yang lain daripada..ok, kita tengok muka surat 8 dulu ya, denda lewat bayar cukai tanah tahun 2018 RM3.5 juta, tahun 2019 RM5.9 juta, 2020 RM3.7 juta dan tahun 2021 jadi RM20 juta dan anggaran 2022 adalah RM35 juta. Apakah justifikasi bajet itu dibuat?

Yang keduanya ialah pemberian muka surat 9, pemberian dan caruman yang lain iaitu RM24,850,000 kemudian jadi RM232,000,000. Dalam RM232 juta itu apakah perinciannya item-item di bawah tersebut dan 2020 berjumlah RM30 juta, di muka surat 9. Jadi, minta penjelasan. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' PENGERUSI

Muka suarat 8 dengan muka surat 9.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Nampak macam payah soalan tu, jawapan dia pendek saja (sambil ketawa). RM24 juta yang YB. Kubang Rotan tanya tu adalah caruman bayaran balik hutang PKNK. PKNK carum masuk ke akaun tu barulah kita bayar kat Federal RM24 juta tu.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Tak menjawab soalan kut. Saya tanya, dia ada 2 soalan, satu muka surat 8, satu muka surat 9. Bajet yang dibuat itu pada tahun 2….(YB. Dato' Pengerusi mencelah)

YB. DATO' PENGERUSI

Kod berapa?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ok, tengok muka surat 8 dulu, denda lewat bayar cukai tanah, Kod 76103 yang RM3 juta, RM5 juta, RM3 juta lebih anggaran untuk RM20 juta dan RM35 juta tu justifikasi, yang tu nak tau. Ok, yang tu yang pertama.

Yang kedua, untuk muka surat 9 iaitu pemberian dan caruman yang lain. Pada tahun 2018 RM24 juta, 2019 RM232 juta, 2020 RM30 juta dan bajet untuk 2021 adalah RM10 dan 2022 RM10. Kita nak tengok justifikasi tu lah, nak tau saja lah, penjelasan, tak dak masalah apa, perinci sikit lah. Kalau bajet tak betul tak boleh….

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Buka 'mask' ya?

YB. DATO' PENGERUSI

Haa….buka, bagi nampak garang sikit!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Buka nampak lawak saja lah. Denda lewat bayar cukai Kod 76103, ialah jumlah yang sepatutnya dikutip dimasukkan ke dalam bajet ni.

Yang kedua, pasai apa pemberian dan caruman yang lain tu 2018 RM24 juta, hat saya jawab tadi PKNK bayar kepada kerajaan, kerajaan pi bayar kat Federal hutang-hutang Kulim Hi-Tech apa semua tu. RM232 tu yang 2019 Federal bagi bayaran khas RM200 juta, sebab tu jadi tinggi RM232 selain daripada RM200 yang Federal bagi tu adalah caruman-caruman yang PKNK bagi kat kita untuk kita bayar kat Federal. Panaih no, akauntan ni. Hat tu saja la. (audio kurang memuaskan, perbahasan tidak dapat direkod)

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Nak tanya soalan dan penjelasan sikit. YB. Dato' Speaker, muka surat 4 hasil dia, cukai tiket taman tema Kod 62802 ada peningkatan hasil daripada RM261 hingga RM3 juta. Dapat?

Yang kedua, saya tanya untuk semua lah. Muka surat 7 tu jumlah premium tanah nombor 94 ada penurunan. Apa justifikasi dia, Kod 73699, salah satu lah. Ok, terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Premium tanah tu YB. tanya pasal apa?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Anggaran penurunan, justifikasi tu lah. Dari RM139 hingga tahun ke 7. Sorry, satu lagi muka surat 6 bilangan 67, ini pun satu anggaran yang menurun iaitu daripada RM3 juta hingga RM424 ribu saja pelbagai bayaran, Kod 71999 muka surat 6, bilangan 67.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB., untuk jawapan YB. tanya tadi, 62802 Cukai Taman Tema, YB. kata pasal apa, ada peningkatan?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Peningkatan dari anggaran tahun 2021 hanya RM261 ribu…

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ok, selepas tu rendah pasal kita bagi diskaun PKP. Tahun depan ni tak dak dah diskaun tu, dia naik balik lah. Yang kedua pasal premium tanah, pasai apa sikit kan YB. tanya. Pasai pa turun kan? Premium tanah yang kita masukkan dalam jadual ini adalah berdasarkan Borang 5A yang telah dikeluarkan. Nanti kalau ada keluar lagi Borang 5A kita akan buat kutipan dan pendapatannya akan dinyatakan dalam bajet pendapatan tahun depan. Premium tanah yang lain, taman tema lagi satu?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Pengurangan yang amat tinggi.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Kod 71999. Pelbagai bayaran ni termasuk dalam tu ialah levi cukai tanah, permohonan isytihar Melayu dan lain-lain bayaran yang kita tak tau lagi tahun depan ni ada berapa permohonan. Kalau ada permohonan yang masuk lagi banyak, lagi banyak hasil lah. Terima kasih. Jadi lah, toksah tanya, pi tang belanja pulak la.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Sikit saja, last dah. Untuk terimaan sebenar dah cantik dah dari 2018, 2019 dan 2020. Yang ni pasal apa, kita bincang tadi pasal GLC, kita cerita tentang RM43 billion. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada YAB. Jeneri, terimaan sebenar untuk tahun 2021 kalau boleh kita masukkan 'management account', maksudnya kita ada terimaan sebenar pada tahun 2018, 2019, 2020. 2021 ni kita buat terimaan sebenar juga kalau ada, satu lagi kolum tambah untuk penambahbaikan kepada kerajaan yang nak ke arah yang lebih baik lah.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ok, terima kasih YB. Kubang Rotan. Cadangan dipertimbangkan.

YB. DATO' PENGERUSI

Oh! Ada lagi?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya ada pertanyaan untuk Kod 71214 dan Kod 71253 di mana lesen kedai minuman keras dengan lesen minuman keras. Apakah perbezaannya dan kenapa peningkatan kepada lesen kedai minuman keras berbanding dengan lesen minuman keras tiada sejak tahun 2019 sehingga tahun 2022? Mohon penjelasan. Terima kasih. Kod 72714 dan Kod 72153 lesen kedai minuman keras dengan lesen minuman keras. Apakah perbezaannya dan kenapa tiada hasil dari tahun 2019 bagi lesen minuman keras? Adakah ini telah ditamatkan sejak tahun 2019? Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Susah rupanya YB. pasal minuman keras ni, serabut. Bukan pasal ia memabukkan tetapi menyerabutkan juga. Untuk Kod 71214, bayaran-bayaran yang dinyatakan dalan Kod 71214 adalah dipindahkan Kod 71253 tu ke situ sebab itu Kod 71253 tu tahun 2019 dah tak dak, dipindah ke Kod 71214 berdasarkan undang-undang kategori premis dan juga lesen minuman-minuman itu lah, ada peruncit, ada pemborong, ada pembekal ada peminum. Kod ni terlalu banyak jadi, Kod 71253 dipindah ke Kod 71214. Pening tak? Tak pening? Ha.. belum cukup mabuk lagi.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Sebab saya tak minum arak! (seluruh hadirin ketawa)

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Gurau, gurau, jangan marah ya?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok YB. Tuan Speaker, 'last' sekali. Yang ni untuk permit pasir, setahu saya Negeri Kedah mempunyai banyak hasil pasir. Jadi, kita tengok dari tahun 2019 untuk Kod 71270 tak ada hasil sejak tahun 2019 hingga tahun 2022. Adakah ini juga disebabkan pindaan kod? Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Jawapannya ya, pindah kod.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Yang ni kita masuk agenda, tajuk perbelanjaan bekalan. Haa..Baru nak mula, hat tadi tak mula. B.02 ni yang saya nampak daripada tercatat di sini dasar baru RM50 ribu memang disediakan, itu 'direct' kepada Speaker lah kan. Tapi yang disebut tentang RM50 ribu tambahan untuk 'repair' rumah di seluruh Kedah itu, saya tak nampak dalam dasar baru dan one-off tu saya nak bahagi tak boleh RM1.2 juta di mana dasar baru yang membolehkan RM50 ribu tambahan disediakan kepada ADUN untuk bantuan 'repair' rumah tu, ini di bawah B.02.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Peruntukan itu dipindahkan ke B.06.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM30,082,800.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.02 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.03 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM832,700.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM832,700.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.03 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.04 - Pejabat Menteri Besar Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM43,875,400.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Saya ingin bertanya sebab dalam carian saya tak jumpa tempat letak duduknya 3 perkara yang keutamaan saya. Pertamanya peruntukan untuk IKDAR tu RM3.5 juta kemudian juga ditambah dengan RM400 ribu untuk pembangunan segera untuk IKDAR. Perkara ini memang kepentingan saya yang selalu ditanya semasa duk jumpa di masjid tu lah. Yang kedua tentang pembaikan asrama di Mesir yang bernilai RM1 juta sama ada ia juga, mungkin betul B.04 atau yang lain perlu diperjelaskan saya takut nanti terlepas dikatakan B.04. Yang ketiganya tentang peruntukan kepada Tadika Islam yang 141 tadika tu dengan RM5.3 juta. Apakah ia juga sebahagian daripadanya sebab di sinilah nampak ada besar sikit jumlahnya, tetapi pembahagian saya tak jumpa juga di mana letak duduknya 3 perkara ini, IKDAR, pembaikan asrama di Mesir dan Tadika Islam yang menjadi tajuk utama dalam ucapan bajet YAB. Jeneri.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Pengerusi, jawapan untuk YB. Suka Menanti. IKDAR dimasukkan ke dalam B.05 dan pembaikan asrama di Mesir B.06.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Tadika Islam, tapi yang penting yang 2 tadi lah, surat sokongan tu.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

B.16, Pejabat Agama Islam. Terima kasih lah, prihatin, bagus.

YB. DATO' PENGERUSI

Ya..YB. Derga, buka 'mask'.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Dato' Pengerusi, minta penjelasan ataupun butiran dasar baru untuk tahun 2022 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang RM250 ribu, untuk Pejabat PSUK RM1,130,000.00 dan PSUK (Pembangunan) RM1,074,000.00 serta one-off PSUK RM1,610,000.00 dan juga RM704,400.00. Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Derga. YB. Dato' Pengerusi, bagi 2022 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri RM250 ribu adalah tambahan Kod Emolumen dan Elaun Tidak Berpencen JUSA. Bagi RM1,130,000.00 Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) Tambahan Kontrak Mencuci serta Kontrak Elektrikal dan Mekanikal Wisma Darul Aman RM1 juta, Bahagian Perkhidmatan Pengurusan Tambahan pelbagai Kod 20000 RM80,000. Pejabat Menteri Besar, tambahan pelbagai Kod 20000 sebanyak RM50,000. Untuk Pejabat Timbalan SUK juga RM20,000 yang ditanyakan tadi untuk Bahagian Perkhidmatan Pengurusan bil rawatan pesakit. Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) RM1,074,000.00 untuk BPEN tambahan Kod Penyelenggaraan sebanyak RM20,000, Bahagian Perumahan tambahan bagi penyelenggaraan, yang pertama Rancangan Perumahan Awam (RPA) RM1 juta, yang kedua 4 unit kenderaan dan peralatan pejabat RM50,000, ketiga kos pengiklanan rumah kosong (RPA) RM4,000. Terima kasih.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Dato' Pengerusi, yang tu untuk dasar baru, tadi yang one-off untuk PSUK (Pengurusan) dan one-off PSUK (Pembangunan).

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

One-off PSUK (Pengurusan) RM1,610,000 kan? Bahagian Khidmat Pengurusan RM1.56 juta, Bahagian Teknologi Maklumat RM50,000. Untuk perincian dia, Bahagian Khidmat Pengurusan morganization lift di Blok A, Blok B dan Blok C di Kompleks Wisma Darul Aman sebanyak RM1,050,000, pemasangan 'alarm' dan alat komunikasi dalam lif Blok A, B, C, D dan E ke Pondok Pengawal Utama, Wisma Darul Aman RM340 ribu, penggantian 'wire rod' bagi lif 1, 3, 4, 5 dan 7 bagi Blok E, Wisma Darul Aman RM170 ribu, menjadikan jumlahnya RM1,560,000. Lagi RM50,000 ialah Bahagian Teknologi Maklumat, sewaan 'smart office packej' untuk pegawai BTMK, langganan system real time business intelligence dashboard, langganan perisian berlesen PHP checker, repeat PHP 2020 time users, langganan perisian berlesen adopt all APPS, pengauditan dalam dan pengauditan SIRIM, bengkel dokumentasi ISO ISC 27001 RM50,000 menjadikan jumlahnya RM1,610,000. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Silakan YB. Gurun!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Saya nak tanya, walaupun MBI ini bukan dalam struktur kerajaan, adakah Pejabat Menteri Besar ataupun SUK ini peruntukan untuk 'running of MBI'? Adakah ianya melibatkan duit kerajaan ataupun kalau ada, di manakah….(YAB. Menteri Besar mencelah)

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Tidak ada peruntukan YB. Gurun, tidak diperuntukkan.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Dato' Pengerusi, hanya cadangan untuk perumahan sebab kita dapat rungutan Perumahan Awam kita banyak yang sudah rosak. Bila kita tanya YB. Sidam pun dia kata tak dak peruntukan. Saya nak cadangkan dan minta YAB. Jeneri bolehkah tambahkan peruntukan kepada perumahan, untuk maintenance dan sebagainya sebab kita nampak ada keretakan berlaku dan dalam Sidang Dewan sebelum ini saya ada cadangkan supaya adakan satu sub-engineering, sub untuk rumah-rumah yang diduduki oleh rakyat kita, takut nanti rosak dan runtuh.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ada di B.04 RM1 juta dan P.04 RM2 juta. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM43,875,400.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.04 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.05 - Pelbagai Perkhidmatan. Wang sejumlah **RM134,460,100.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Kalau tidak panjang sangat soalan, kalau dapat dibuat pecahan dasar baru daripada RM1 juta…..(YB. Dato' Pengerusi mencelah)

YB. DATO' PENGERUSI

YB. Alor Mengkudu buka 'mask'.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Dasar baru dari 2021 baru RM1.16 juta, tapi bila 2022 tu sudah meningkat banyak sampai RM11.5 juta. Tapi bagi one-off pula 2021 RM18.9 juta tapi bila mari 2022 dia jadi kurang. Jadi, kalau boleh beri sedikit pecahan item-item yang meningkat dengan begitu besar, dekat RM10 juta bagi dasar baru dan one-off tu dia kurang pulak.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Pasal ada imbuhan tahunan tu, dulu kita masuk ke one-off RM10 juta, kita pindahkan dari one-off ke dasar baru, RM10 juta, tu yang nampak mencanak tu. Pindah.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM134,460,100.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.05 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.06 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM61,458,000.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Tanya pi lah… Sat gi habis awal pulak (sambil ketawa).

YB. DATO' PENGERUSI

Silakan YB. Alor Mengkudu!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Ada pertambahan tu dari RM34 juta jadi RM42 juta. Ya lah, bila ada pertambahan ni kita tanya lah. Memang kita ada jawapan dah cuma untuk pemakluman kita lah. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang ni saya boleh tolong jawab na. Dia naik tu oleh beberapa sebab, ini di bawah one-off ya. YB. Dato' Pengerusi, one-off yang naik dekat RM8 juta tu ialah kerana pelbagai perkara lah umpamanya kita belanja untuk khidmat pengurusan pentadbiran am, yang tu RM98 ribu. Kemudian kita belanja untuk.. ni luar jangka ya 'combine' bayaran gaji pelbagai jabatan negeri, yang tu RM3.3 juta. Kemudian pelbagai kod perkhidmatan bekalan termasuklah perkhidmatan gerbang portal, pembayaran online kerajaan dan sebagainya, yang tu RM2.65 juta. Seterusnya RM2.5 juta kenderaan diraja, kemudian RM31.008 juta pelbagai pemberian luar jangka termasuk saman membantu kadar hartanah negeri, bantuan kemudahan peniaga kecil, penjaja dan sebagainya. Seterusnya RM3 juta pelbagai perbelanjaan. Yang tu lah semua YB. Alor Mengkudu. Tanya pasal masa banyak saja.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Masa banyak… Disebut tadi hat 33, 04, 05, 06 tu. Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Hat luar jangka ni dia duk hat mana tak tau, tak berapa nak jelas tadi. Adakah dia duduk dalam pelbagai dan berapa jumlah?

YB. DATO' WIRA KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Di duk dalam luar jangka RM33 juta.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

RM33 juta tu dia duk tang mana?

YB. DATO' WIRA KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Di hujung tu lah, luar jangka, pembayaran gaji pelbagai jabatan kerajaan, RM3 juta. Dulu RM1 juta la naik kepada RM3 juta.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Semua sekali berapa, luar jangka?

YB. DATO' WIRA KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Luar jangka ni RM3 juta lah.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

RM3 juta saja luar jangka? Pasai pa hari tu YAB Jeneri sebut belanja 2021 sampai RM39 juta untuk covid, gunakan peruntukan luar jangka. Tu luar jangka hat mana? La ni baru sebut RM3 juta saja. Adakah luar jangka ni dia duduk 'posting' di banyak tempat ka dalam konteks perbelanjaan? Jadi, jumlah kali ni agak-agak berapa? Tanya saja lah untuk semua sekali.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Alor Mengkudu, jumlahnya semua RM10 juta tapi di pelbagai kod. Duk merata tapi jumlah semua RM10 juta lah, sana sikit, sini sikit.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM61,458,000.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.06 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.07 - Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun. Wang sejumlah **RM103,042,150.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM103,042,150.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.07 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.09 - Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM57,306,800.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Pengerusi, saya nak melihat kepada perkara 10930 JKR Kulim/Bandar Baharu. Saya melihat bilangan jawatan semakin menurun dengan kekangan untuk memantau banjir, kerosakan infrastruktur dan sebagainya untuk JKR ni nak jaga Kulim/Bandar Baharu ni sangat besar, perjawatan pula makin kurang. Jadi, apakah perancangan kerajaan sekiranya pecahkan JKR Kulim dan juga JKR Daerah Bandar Baharu dan tambahkan perjawatan JKR ini. Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Pengerusi, bersabit dengan soalan daripada YB. Bandar Baharu, perkara itu memang telah dibincangkan untuk dibuat 'react off' di peringkat JKR dan dalam tindakan pihak kerajaan. Terima kasih.

YB. MEJAR (B) MASOR BIN ZAKARIA

YB. Dato' Pengerusi.

YB. DATO' PENGERUSI

Duduk jauh sangat. YB. Kuala Ketil!

YB. MEJAR (B) MASOR BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Saya rujuk kepada JKR Baling. JKR Baling juga menghadapi kekakangan besar semasa berlaku bencana dan sebagainya. Di sini tak nampak pertambahan perbelanjaan untuk menghadapi. Alasan yang diberi tak cukup peruntukan. Jadi dengan pertambahan peralatan aset dan sebagainya nampak ada sedikit kekangan. Mohon penjelasan.

YB. DATO' PENGERUSI

YB. Gurun nak tanya apa?

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Dato' Pengerusi, saya nak tanya, adakah duit MARRIS ini 'selection' untuk baiki jalan adakah ditentukan oleh JKR Negeri ataupun oleh JKR Federal? Sebab saya tengok di Sungai Petani dan Merbok, saya tengok ada satu jalan yang tiap-tiap tahun dia 'repair', walaupun kadang-kadang tak dak rosak apa pun. Saya tengok seolah-olah macam nak perabis duit kena 'repair' juga. Sedangkan kawasan-kawasan lain tu banyak yang perlukan jalan 'repair'. Jadi, saya nak tanya, apakah kaedah penetapan mengenai satu-satu jalan itu? Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Untuk YB. Kuala Ketil dulu YB. Dato' Pengerusi, yang dinyatakan di dalam jadual ini adalah belanja mengurus bagi kerja-kerja pembaikan kerosakan di Daerah Baling tu diletakkan di bawah P.09.

YB. Dato' Pengerusi, untuk soalan daripada YB. Gurun, ada garis panduan yang telah ditetapkan berkaitan dengan perbelanjaan peruntukan bagi MARRIS. Jalan-jalan yang telah disenggara itu mengikut 'cycle' 3 tahun sekali, 3 tahun dia 'repair' lah dia disenggara balik supaya dia tak rosak baru kita pi senggara.

Kemudian, pemilihan lokasi ini dibuat oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian pihak JKR. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM57,306,800.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.09 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.11 - Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM14,833,500.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM14,833,500.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.11 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.12 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM8,295,200.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Pengerusi, berkenaan dengan Veterinar ini pun menjadi kegusaran lah di peringkat daerah. Kebanyakan daerah-daerah tiada doktor Veterinar contohnya di Bandar Baharu. Kami tak dak doktor dan kami melihat tiada keseimbangan…. (YB. Dato' pengerusi mencelah)

YB. DATO' PENGERUSI

Langkawi pun tak dak doktor!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Ya, banyak daerah tak dak doktor Veterinar. Jadi, tiada keseimbangan untuk kita membangunkan industri veterinar di daerah-daerah sekiranya kita tidak ada perjawatan-perjawatan pakar seperti ini. Dan saya pun dapat makluman bahawa setiap 6 bulan sepatutnya jabatan-jabatan boleh memohon perjawatan ke negeri dan juga Federal tetapi mengapakah masih lagi tidak selesai dan kita mohon ketua-ketua jabatan juga membuat permohonan perjawatan itu untuk menyelesaikan masalah-masalah walaupun ia tak dak dalam bajet dan tak dak diperuntukan dalam perjawatan ini mungkin 6 bulan ke depan ni boleh memohon secara kontrak untuk membantu masalah kami di daerah-daerah. Terima kasih YB. Dato' Pengerusi.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Saya ada jawapan dah YB. Dato' Pengerusi. Untuk doktor-doktor ni Federal akan lantik, bukan post daripada negeri. Cadangan-cadangan YB. Bandar Baharu itu kita akan ambil perhatian lah.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM8,295,200.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.12 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.13 - Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM45,972,400.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. MEJAR (B) MASOR BIN ZAKARIA

YB. Dato' Pengerusi, saya nak minta untuk perjawatan Kuala Muda, Sik dan Baling itu kalau boleh dipecahkanlah sebab nak bagi efisien lagi perjawatan sebab di Baling ni daerah besar supaya ada satu perjawatan di Baling.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Sedang dalam tindakan pihak kerajaan YB. Dato' Pengerusi, sedang dibuat proses 'react off' untuk JPS. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

YB. Bukit Selambau!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMI

YB. Dato' Pengerusi, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah dapat peruntukan sebanyak RM45,972,400.00. Saya pohon di sini untuk membuat satu kajian terperinci di Kampung Jerung di kawasan saya di mana banjir berlaku setiap tahun dua tiga kali bila hujan lebat turun. Baru-baru ini pada 18, 19 dan 20 bulan lalu hujan lebat kami harus menempatkan lebih kurang 35 keluarga di Masjid Kampung Jerung dan juga maahad tahfiz di sana pun turut mengalami banjir.

Jadi, saya pohon JPS membuat kajian menyeluruh mendalamkan sungai, mencuci, membersih, melebarkan dan juga membuat ban jika perlu. Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ya, akan diambil maklum cadangan daripada YB. Bukit Selambau. Terima kasih.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Bila waktu banjir ni lazimnya ada 2 jabatan yang akan terlibat. Yang pertama ialah JPS itu sendiri, tapi yang keduanya ialah PBT. Kadang-kadang banjir kilat yang berlaku di persekitaran bandar-bandar ini adalah disebabkan oleh sampah sarap yang tersumbat dan tersekat dalam longkang-longkang kita di PBT. Saya mohonlah supaya pihak, kadang-kadang 'problem conflict' ni PBT kata JPS, JPS kata PBT. Tapi kalau musim-musim kering, musim kemarau, kalau sekiranya JPS dan PBT boleh selesaikan masalah mereka, saya ingat sampah-sampah ataupun apa-apa juga 'realignment' ataupun nak buat apa-apa pada waktu kering ini rasanya waktu ini lah yang baik. Sebab kalau musim hujan baru nak buat itu 'problem' yang kita ada dan ianya melibatkan kewangan yang lebih tinggi. Saya mencadangkan supaya ada penyelarasan daripada pihak PBT dan juga JPS. Terima kasih YB. Dato' Pengerusi.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Dato' Pengerusi, memang masalah banjir ini di negara kita, saya ingat semalam pun kawasan saya banjir kilat, masuk rumah. Hari tu pun ada banjir air pasang di Teluk Wanjah. Saya nak ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Datuk Bandar yang bertindak dengan cepat. Hari Deepavali dalam pukul 12.00 saya mesej Datuk Bandar, pukul 5.30 mereka pergi buang air, tarik air tu dari sebelah jalan ke longkang sebab di situ longkang tak bergerak langsung, air bergerak. Sebenarnya di bawah tu ada parit tapi air tu tidak bergerak ke dalam parit. Ingat ok dah, Datuk Bandar kata sudah selesai, tapi pada hari Jumaat, sama juga air naik, penjaja tak boleh menjaja, masalahnya longkang di situ tersumbat seperti yang dikatakan oleh YB. Gurun, banyak yang tersumbat, penyelenggaraan tak dak. Jadi, minta tambahan peruntukan untuk buat penyelenggaraan di longkang-longkang dan parit-parit yang tersumbat ini kerana ada banyak tanah, daun, sampah di dalamnya. Saya ingat ini salah satu masalah yang telah diutarakan banyak kali dah. Itu cadangan saya.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Berkenaan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran di kawasan saya seperti saya sebutkan sebelum ini soalan berkenaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) kalau boleh pegawai-pegawai di JPS tu kalau kami turun untuk menyelesaikan masalah rakyat di bawah kena ada lah. Saya terpaksa pi panggil JPS di kawasan lain, yang berlaku baru-baru ini orang kat situ lari dah dengan kontraktor semua lari. Tak boleh lah, kita belajar menerima kenyataan untuk berbincang masalah rakyat, jangan kita lari daripada masalah kita 'sattle problem'. Tapi ada juga pegawai JPS yang begitu baik sekali yang saya tak nafikan yang membantu tapi bukan bidang kuasa mereka. Saya harap diambil perhatian. Terima kasih.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Sikit lagi. YB. Dato' Pengerusi. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih banyak-banyak pihak kerajaan kerajaan kerana menambah bajet JPS pada tahun ini dan saya rasa jarang-jarang lah dapat sebab JPS ni sangat penting dan saya nampak di Daerah Bandar Baharu sendiri, JPS, JKR dan juga PBT memang 'very efficient' lah buat kerja dan saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada JPS berkenaan perkhidmatan mekanikal dan kejuruteraan. Bahagian kejuruteraan ini walaupun perjawatannya hanya 6, bahagian mekanikal 41 tetapi mereka banyak menyelesaikan masalah. Dan saya mohon kepada kerajaan kalau tahun-tahun yang akan datang boleh tambah lagi bukan setakat RM2 juta, RM20 juta pun tak pa kepada JPS untuk menyelesaikan masalah di daerah-daerah kami. Terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Pengerusi.

YB. DATO' PENGERUSI

Ini untuk bajet tau, jangan parit tersumbat pun masuk tang ni juga. Silakan YB. Kota Darul Aman!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Ini berkaitan dengan perbahasan saya iaitu Lorong Wat Siam, belakang Muzium Negeri Kedah di mana RTB tu cuma siap sebahagian saja, sebahagiannya masih belum siap. Jadi, bila banjir, air melimpah semua masuk ke kediaman penduduk, setiap bulan 12 kali, pagi sekali, malam sekali. Jadi, saya minta JPS untuk kaji dan kalau ada peruntukan siapkan RTB tu supaya banjir kilat tidak berlaku lagi. Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Pengerusi. Terima kepada kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat yang banyak memberikan pandangan dalam peringkat ini. Sekarang saya faham lah kenapa JPS memerlukan caruman kepada projek-projek baru yang dimohon dalam KM, ada caruman untuk JPS, baru saya faham. Daripada parit-parit longkang di bawah PBT ni dia akan pi 'attach' dengan JPS. Bila JPS kekurangan dana, banyak pemaju yang bantah tau caruman kepada JPS ni, depa nak bayar PBT tak mau bayar JPS. Hari ni saya faham dah, kalau kita ada belanja sekerat, dia punya 'service' pun sekerat. JPS dia kena ada peruntukan yang khusus juga untuk memastikan kerana pembangunan kita dah banyak sekarang ini, perbandaran dah menjadi besar, sistem perparitan dan saliran pun 'sophisticated', JPS pun dia kena 'mantaint' sungai dia, PBT 'maintait' parit dan longkang dia. Semua pandangan-pandangan tadi adalah baik untuk diberi perhatian oleh kerajaan, InsyaAllah akan diambil perhatian lah benda-benda yang disebutkan tadi. Kita akan pastikan ada penyelarasan antara JPS dan juga PBT. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM45,972,400.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.13 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.14 - Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM4,069,000.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM4,069,000.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.14 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.15 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM31,461,200.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM31,461,200.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.15 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.16 - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM65,352,900.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM65,352,900.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.16 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.17 - Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM2,542,450.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM2,542,450.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.17 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.18 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM8,932,700.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM8,932,700.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.18 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.23 Jabatan Perhutanan Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM18,911,000.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM18,911,000.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.23 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.25 - Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM11,840,400.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM11,840,400.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.25 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.26 - Pejabat Daerah Dan Tanah Bandar Baharu. Wang sejumlah **RM3,655,000.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM3,655,000.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.26 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.27 - Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi. Wang sejumlah **RM5,908,800.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM5,908,800.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.27 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.28 - Pejabat Daerah Dan Tanah Yan. Wang sejumlah **RM4,286,500.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

YB. Sidam dah dapat keputusan negatif. Orang kalau tak bagi masuk dia teringin nak masuk. Jadi, kita jemput dia masuk lah. Tuan-tuan bagi tepukan untuk YB. Sidam. YB. Sidam, 'welcome'!

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM4,286,500.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.28 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.29 - Pejabat Daerah Dan Tanah Padang Terap. Wang sejumlah **RM5,685,900.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM5,685,900.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.29 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.30 - Pejabat Daerah Dan Tanah Sik. Wang sejumlah **RM4,771,900.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM4,771,900.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.30 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.31 - Pejabat Daerah Dan Tanah Pendang. Wang sejumlah **RM5,365,700.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM5,365,700.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.31 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.32 - Pejabat Daerah Dan Tanah Pokok Sena. Wang sejumlah **RM4,680,500.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM4,680,500.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.32 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.37 - Pejabat Daerah Dan Tanah Kota Setar. Wang sejumlah **RM9,536,000.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM9,536,000.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.37 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.38 - Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Muda. Wang sejumlah **RM8,158,700.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Saya melihat untuk perbelanjaan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Muda anggaran tahun 2022 dikurangkan. Saya rasa tentu YAB. Jeneri faham yang Kuala Muda ni jaga 3 Parlimen dan 6 DUN iaitu satu daerah yang besar. Seharusnya bukan dikurangkan tapi ditambah kerana Sungai Petani bandar yang berada dalam Kuala Muda dan Gurun bandar yang sedang pesat membangun. Jadi, masalah-masalah yang kami hadapi cukup besar, saya kira harus dipertimbangkan supaya ada peningkatan bukan pengurangan untuk tahun 2022 apatah lagi dengan kemasukan pelaburan-pelaburan yang dibawa oleh YB. Guar Chempedak kita kata cukup hebatlah. Untuk itu, harus ditambah peruntukan untuk Kuala Muda. Terima kasih YB. Dato' Pengerusi.

YB. DATO' PENGERUSI

Daerah lain semua tak mintak tambah, Daerah Kuala Muda/Yan saja mintak.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Pengerusi, untuk makluman YB. Gurun peruntukan ini menjadi kurang sikit sebab peruntukan untuk aset telah dikurangkan kerana telah dibeli pada tahun ni, jadi tahun depan tak payah beli dah. Aset pejabat tu dah beli tahun ni, memang tahun ni banyak lah tahun depan tak payah beli dah.

Jadi, peruntukan untuk aset tu telah dikurangkan, kurangkan pembelian aset. Nampak macam kurang lah tapi dasar sedia ada berlaku peningkatan. Dasar sedia ada 2021 RM75.65 juta, dasar sedia ada untuk 2022 RM8.95 juta, ada peningkatan cuma aset kurang. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Puas hati dah YB. Gurun?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Pengerusi, soalan saya cuma nak tanya sebab tahun lepas dengan tahun ni kita dilanda covid. Semasa tu semua pejabat daerah diuruskan PTG dan dibuka. Di manakah perbelanjaan itu pada tahun 2021?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

PTG akaun lain ia di bawah CITF YB., bukan pejabat daerah.

YB. DATO' PENGERUSI

Ni orang bincang pasal Kuala Muda/Yan, you tanya pasal Alor Setar. Kuala Muda jugak?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Dato' Pengerusi, bila tadi YB. Gurun sebut tentang pertambahan ni saya pernah bangkitkan dulu untuk masukkan Gurun dalam Daerah Yan. Dimaklumkan ada dari sudut perundanganlah sebab kita nak mengimbangi supaya Yan tu yang setiap tahun defisit. Bila ada Gurun ni sebagai satu bandar perindustrian, jadi kita harap perkara itu boleh masuk dalam Derah Yan supaya boleh berdiri sama tinggi dengan daerah-daerah lain.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Sungai Limau, kalau saya, saya tak mau sebab lalat tu akan pi di Yan (seluruh hadirin ketawa), Gurun lalat banyak. Jadi, biarlah lalat tu duduk di Daerah Kuala Muda. Proses dia YB. Sungai Limau susah, nak 'register' balik semua geran-geran tanah, nak kena tukar mukim apa, Daerah Yan. Nak kena proses geran tanah, bayangkan lah, susah lah tapi boleh diusahakan berperingkat-peringkat. Biar lalat duk Kuala Muda. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM8,158,700.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.38 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.39 - Pejabat Daerah Dan Tanah Kulim. Wang sejumlah **RM6,621,800.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM6,621,800.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.39 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.40 - Pejabat Daerah Dan Tanah Kubang Pasu. Wang sejumlah **RM8,667,600.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM8,667,600.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.40 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.41 - Pejabat Daerah Dan Tanah Baling. Wang sejumlah **RM5,412,700.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM5,412,700.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.41 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.50 - Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Kedah Darul Aman. Wang sejumlah **RM253,500.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM253,500.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.50 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.51 - Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan. Wang sejumlah **RM10.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM10.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.51 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud perbelanjaan B.52 - Badan Berkanun Negeri. Wang sejumlah **RM10.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak, kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. DATO' PENGERUSI

Wang sejumlah **RM10.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.52 ditetap menjadi sebahagian daripada Jadual.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.

YB. DATO' PENGERUSI

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan disetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO' SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbelanjaan Negeri 2022 dan hendaklah mula berkuatkuasa mulai daripada 1 Januari 2022. Maka inilah dibenar mengeluarkan wang tidak lebih daripada **Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Tiga Puluh Juta Tujuh Ratus Sembilan Puluh Tujuh Ribu dan Enam Ratus Dua Puluh Sahaja (RM730,797,620.00)** daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi pelbagai perkhidmatan bagi tahun 2022.

Wang yang tersebut itu diuntukkan bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalam Jadual Rang Undang-Undang ini.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. **Bacaan Kali Ketiga.**

IV. ANGGARAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN NEGERI BAGI TAHUN 2022

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2022.

YB. DATO' SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, saya pohon mencadangkan Usul mengenai Anggaran Kumpulan wang Pembangunan Negeri Tahun 2022 seperti berikut:-

> "Bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 4 Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2021 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (3) Seksyen 4 Akta tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus Lapan Belas Juta Tiga Ratus Dua Belas Ribu Dan Seratus Lima Puluh sahaja (RM218,312,150.00)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya".

Sekian, Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. DATO' SPEAKER

Sekarang Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya pohon mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.04 sebanyak **RM40,600,020.00** itu patut dibenarkan.

YB. DATO' PENGERUSI

Saya buka untuk perbahasan! Tak dak tak pa.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.04 berjumlah sebanyak **RM40,600,020.00** dibenarkan kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud Perbelanjaan P.04 berjumlah sebanyak **RM40,600,020.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.06 berjumlah sebanyak **RM74,800,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. DATO' PENGERUSI

Saya buka untuk perbahasan!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Bagi P.06 di bawah Pegawai Kewangan Negeri ni, saya dapat jawapan dalam soalan saya tentang perbelanjaan 2021, mungkin dengan kekangan covid dan sebagainya dah dibelanjakan sekitar separuh lah daripada apa yang telah dibajetkan pada 2021. Jadi, banyak perkara-perkara pembangunan ini yang tertangguh. Saya mohon supaya tahun 2022 ini rancangan itu telah dibuat lebih awal dan jabatan pun beri 'detail' kerjasama lebih awal sebab kita harap pembangunan ini tidak lagi tertangguh.

Yang keduanya saya juga ingin mohon supaya dipercepatkan lagi atau dimanfaat sepenuhnya peruntukan di bawah tahap tu, yang 2021 saya tengok baru belanja RM500 ribu saja, di bawah tahap sebab sefaham saya yang ini memanglah perlu belanja negeri tapi kita dah ada peruntukan di sini RM8.5 juta dan kemungkinan besar memang boleh tuntutan balik sebab isu yang selalu YAB. Jeneri laungkan tentang sumber air tu, sebenarnya Kementerian ni kalau kita bincang dulu beberapa projek dimasukkan di bawah tahap ini dia tak bagi duit secara langsung tapi kita buat projek tahap dan maklumkan kepada dia, kita 'claim' dipertimbanglah dia tak boleh bagi 'cash'. Dia bagi lah dalam projek tahap. Dicadangkan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Kita mengmbil maklum cadangan daripada YB. Suka Menanti. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Ada lagi? Tak dak.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.06 berjumlah sebanyak **RM74,800,000.00** itu dibenarkan kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud Perbelanjaan P.06 berjumlah **RM74,800,000.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN KERJA RAYA

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.09 berjumlah sebanyak **RM64,610,130.00** itu patut dibenarkan.

YB. DATO' PENGERUSI

Saya buka untuk perbahasan!

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.09 berjumlah sebanyak **RM64,610,130.00** itu dibenarkan kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud Perbelanjaan P.09 berjumlah **RM64,610,130.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN PERTANIAN

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.11 berjumlah sebanyak **RM6,860,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. DATO' PENGERUSI

Saya buka untuk perbahasan!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Dato' Pengerusi, kajian ada menunjukkan di Jabatan Pertanian ini, kalau kita terus menerus menjadi petani-petani yang mempunyai jumlah petak-petak yang kecil, tidak mungkin petani-petani kita dapat melepasi taraf kemiskinan. Jadi, saya mencadangkan, saya tengok di sini anggaran yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk RMK-12 dari tahun 2021 hingga 2025 sekitar RM34 juta dan cadangan untuk perbelanjaan 2022 RM6.8 juta.

Saya mencadangkan kerajaan juga melihat kembali jenis-jenis tanaman lain selain kita bergantung kepada padi. Diantaranya ialah macam di Gurun, di Jeniang, jagung tumbuh cukup cantik malah di Gurun menjadi tempat ikon di mana orang nak makan jagung, depa akan pi beli di Gurun. Maknanya tanah di Gurun tu subur untuk tanam jagung. Kalau dikomersialkan jagung ini secara satu jumlah yang besar di seluruh Kedah, saya rasa…(audio kurang memuaskan, perbahasan tidak dapat direkod). Sejak padi organik yang telah disebut-sebut banyak sekarang ini. Jadi, saya mencadangkan kerajaan memberikan perhatian di samping amat bergantung kepada durian yang akan laku di Bandar Baharu, tetapi juga tanaman-tanaman ini diperkenalkan secara komersial dan luas di Kedah.

Yang keduanya YB. Dato' Pengerusi, saya juga nak mencadangkan tanah-tanah terbiar sama ada milik kerajaan negeri mahupun Federal dibenarkan untuk ditanam dengan tanaman-tanaman ini oleh penduduk-penduduk tempatan sebab di Jeniang tu satu tanah yang luas milik KPTG. Kita nak tanam jagung, dia nak sewa, 1 tahun satu jumlah yang luar biasa mahalnya. Jadi, saya telah pun berbincang dengan KPTG tapi diaorang tak nak undur, depa kata, "biar hutan hau tak pa asalkan tak bagi dekat orang kampung dengan harga yang murah, depa tak bagi". Saya mintak RM200 seekar depa tak mau, depa mintak RM1,000 lebih. Ini sesuatu yang sayang, terbiar, akhirnya tanah itu dicerobohi dan sekarang ni di tempat tu ada satu kawasan kolam yang depa curi pasir tu saya ingat sebesar tasik dah. Ini masalah yang kita ada. Jadi, saya mencadangkan kerajaan negeri, tanah-tanah milik kerajaan negeri atau Federal yang tidak akan dibangunkan mungkin untuk 5 atau 10 tahun yang akan datang, dibenarkan orang kampung menanam tanaman kontan seperti ini sama ada jagung, nanas ataupun nangka, saya cadangkan. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Pengerusi, terima kasih lah kerana Pertanian masih lagi memberi bajet yang besar kepada pembangunan industri padi. Anak saya dia pernah jumpa kawan-kawan sekolah YB. Dato' Pengerusi, kawan dia tanya, "awak orang mana"? Dia kata, "saya oqang Kedah". Dia cakap, "tak nampak macam Kedah pun". "Takkan saya nak junjung sawah padi atas kepala kut". Itu sinonim oqang Kedah lah. Tapi saya nak tanya soalan sebenarnya pasal pembangunan Pusat-pusat Kecemerlangan Pertanian, ada diperuntukan RM400 ribu.

Jadi, apakah perincian RM400 ribu ni dan apakah Pusat Kecemerlangan Pertanian yang ingin ditubuhkan? Adakah yang sedia ada ataupun yang baru dan adakah berpotensi untuk wujudkan Pusat Kecemerlangan Pertanian Durian di Daerah Bandar Baharu?

Yang kedua, untuk perkhidmatan sokongan teknikal dan pengembangan pertanian RM100 ribu sahaja. Saya rasa memang tak cukup kalau ikutkan tu sebab ia perlukan sokongan teknikal yang lebih besar untuk memastikan semua pertanian kita berkualiti baik dan saya juga cadangkan kalau peruntukan tak banyak, apalah salahnya kalau kita buat kerjasama dengan makmal sokongan teknikal yang kita sedia ada iaitu Kedah Bioresources Corporation di Kulim Hi-Tech Park. Itu saja YB. Dato' Pengerusi, terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

YAB. Jeneri nak dengar lagi soalan ka nak jawab dulu? Haaa….Jawab dulu!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Banyak soalan. Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Berikutan saranan daripada YB. Gurun tadi kita ambil perhatian. Ada pembangunan industri tanaman jagung "sweet corn" ada bajet untuk itu RM80 ribu, jumlah keseluruhan untuk pembangunan industri sayuran dan tanaman ladang ni RM460 ribu. InsyaAllah perkara-perkara yang dalam jangkauan Jabatan Pertanian Negeri akan kita usahakan ataupun yang lain-lain daripada tu yang perlu belanja lebih besar kita harap MARDI akan memainkan peranan.

Untuk Pusat Kecemerlangan Pertanian, Batu Seketul dibuat durian. Kalau orang Bandar Baharu kena letak buah durian atas kepala, orang Kedah letak bendang ka no. Di Sala kita buat mangga, Kedah panggil pelam na, di Merbok, nyoq (kelape). Pusat Kecemerlangan di Merbok kita buat kajian tentang "kelape" (kelapa). Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Berkenaan yang disebut oleh YB. Lunas tentang 'golden melon'. Saya tengok dia punya pasaran besar, harga baik dan sebagainya, teknologi tu dah ada di Negeri Kedah, pakar-pakar, ada beberapa orang anak muda yang memang hebat, nanti kita sebut tentang penternakan pun sama.

Kerajaan negeri kena mengambil peluang ini sebab negeri-negeri lain seperti Selangor, Sabah, cuba mengambil kepakaran anak-anak muda dari Kedah. Jadi, rugi lah kalau Kedah tidak memanfaatkannya, kita tau ada harum manis Kedah cuba di'explore', kalau 'golden melon' juga di'explore' ataupun melon Kedah dan sebagainya perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan negeri. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Sekali, YB. Dato' Pengerusi. Tentang pertanian terutamanya pembangunan industri padi untuk Jabatan Pertanian RM2 juta lebih dan juga gandingan antara Jabatan Pertanian dengan MADA untuk memperkasa industri padi ni kita tak nampak dia punya 'match' dia, kadang-kadang kawasan MADA Jabatan Pertanian nak bantu agak tak rasi lah sama ada dia punya persefahaman supaya Jabatan Pertanian jaga hat lain, MADA ni khusus untuk padi tapi pembangunan industri padi masih lagi di Jabatan Pertanian ada bajet.

Yang keduanya tadi pun YAB. sebut untuk Pusat Kecemerlangan Pertanian di Sala. Saya rasa hat tu Muzium Mempelam tu lah, yang tepi jalan tu kan? Cuma kita nampak nama muzium tapi dia lebih kepada tidak dimanfaatkan untuk menjadi tarikan orang mai, mai belajar ataupun mai tengok. Mungkin ada cadangan dan kami pun pernah hantar di peringkat daerah untuk kita nak bangunkan sekitar Muzium Pelam tu dan juga persisir di Pulau Nyoq tu dengan sungai yang menarik di kota tu mungkin boleh dibangunkan secara bersama sebagai pusat rekreasi dan juga pelancongan khususnya di Muzium Mempelam. Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Kobang Rotan dan juga Sungai Limau. Tentang melon ni YB. Exco dari Lunas telah jawab kelmarin dan cadangan-cadangan YB. Kubang Rotan akan diberi perhatian.

Tentang YB. Sungai Limau, ada cadangan untuk membangunkan "floating market", joi rojak atas perahu, di Muzium Mempelam tu lah boleh dibawa ke peringkat yang lebih tinggi untuk dipertimbangkan. Saya rasa usaha yang baiklah untuk adakan ''floating market" Muzium Mempelam. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.11 berjumlah sebanyak **RM6,860,000.00** itu dibenarkan kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud Perbelanjaan P.11 berjumlah **RM6,860,000.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.12 berjumlah sebanyak **RM6,060,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.12 berjumlah sebanyak **RM6,060,000.00** itu dibenarkan kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud Perbelanjaan P.12 berjumlah **RM6,060,000.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.13 berjumlah sebanyak **RM14,607,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Dato' Pengerusi, perbahasan dulu.

YB. DATO' PENGERUSI

Lain kali ketuk bagi deqaih sikit, baru Pengerusi dengaq.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Untuk P.13 JPS, saya minta kepastian untuk program Tebatan Banjir sebab mengikut kos ni baru RM4.4 juta. Adakah jumlah yang lain tu datangnya daripada RMK-12 kerana permintaannya tinggi jadi kos yang diperlukan tinggi lah untuk tebatan banjir.

Yang keduanya untuk program peningkatan sistem pengairan dan saliran luar skim. Kalau dalam skim ok, tapi luar skim ni selalunya banyak bergantung kepada keperluan. Kita mendapati keperluan dia banyak, boleh dimasukkan dalam perancangan tahunan, jadi perlukan pertambahan. Juga pendalaman muara sungai juga tengok bajetnya tak berapa tinggi sebab ia salah satu punca banjir. Kalau kami di Baling ni selalunya ia sebahagian daripada punca banjir, inilah kesan-kesannya.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Dato' Pengerusi, tentang program Tebatan Banjir ini memang mini tebatan banjir lah peringkat negeri. Mungkin sekitar 8 atau 9 tempat yang akan disentuh dalam 2022 ini. Jadi, mohon sedikit penjelasan ataupun disenaraikanlah tempat-tempat yang akan diberikan keutamaan untuk program Tebatan Banjir 2022. Satu dua tempat disentuh semasa ucapan dasar.

Yang keduanya tentang Kod 10000 tentang program pemodenan peralatan mekanikal, yang tahun lepas diperuntukkan RM970 ribu, sama ada ia telah dibelanjakan atau tidak untuk 2021 sebab 2022 diperuntukkan RM1.2 juta. Bagi saya, ini keperluan yang sangat mendesak tentang peralatan mekanikal seperti yang disebut oleh YB. Bandar Baharu tadi untuk tujuan membantu kita mencegah kesan banjir. Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi, YB. Suka Menanti dan YB. Kuala Ketil. Untuk projek-projek yang disebutkan oleh YB. Suka Menanti tadi belanja daripada kerajaan negeri, nanti dia faham lah dia besa jadi Exco. Ada belanja yang besar daripada Kerajaan Persekutuan contohnya untuk Yan lah, belanja keseluruhannya dekat RM180 juta, itu semua daripada Federal, state tak dak hat tu. Banyak perbelanjaan program-program besar ni daripada Kerajaan Persekutuan.

Untuk RM4.497 juta ni antara projeknya yang saya sebutkan semalam antaranya ialah Rancangan Tebatan Banjir Pengkalan Lebai Man, hat tu saya sebut dalam bajet. Antara yang tidak disebutkan ialah Kerja-kerja Pengukuran dan Penyiasatan di Sungai Pendang, Kerja-kerja Pengukuran dan Penyiasatan di Padang Kerasak, Naka, Kerja-kerja Pengukuran dan Penyiasatan di Sungai Perik, Mukim Kurung Hitam, Kerja Ukur bagi Tebatan Banjir Lembangan Sungai Tereb, Kerja-kerja Tebatan Banjir dan Naik Taraf Sistem Saliran Taman Seri Negeri, Taman Golf, Kelab Golf Diraja serta kerja-kerja berkaitan di Daerah Kota Setar, Kerja-Kerja Tebatan Banjir di Sungai Pendang, Kerja-kerja Tebatan Banjir di Sungai Kok, Kerja-kerja Tebatan Banjir di Kampung Teloi Tua, Sungai Teloi, Daerah Sik, Kerja-kerja Tebatan Banjir di Teluk Yu, Daerah Langkawi. Kemudian, Kerja-kerja awalan program Tebatan Banjir di Alor Semeliang, Kerja-kerja Saliran di Alor Semeliang, Mukim Belimbing Kanan, Daerah Padang Terap, ini pun RM500 ribu. Itulah antara projek-projek yang menelan belanja RM4.497 juta tu. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.13 berjumlah sebanyak **RM14,607,000.00** itu dibenarkan kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud Perbelanjaan P.13 berjumlah **RM14,607,000.00** diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.14 berjumlah sebanyak **RM975,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.14 berjumlah sebanyak **RM975,000.00** itu dibenarkan kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud Perbelanjaan P.14 berjumlah **RM975,000.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.16 berjumlah sebanyak **RM6,500,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.16 berjumlah sebanyak **RM6,500,000.00** itu dibenarkan kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud Perbelanjaan P.16 berjumlah **RM6,500,000.00** itu diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.25 berjumlah sebanyak **RM3,300,000.00** itu patut dibenarkan.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Pengerusi, saya ingin bertanya berkenaan dengan penandaan dan pengukuran 02000 sebanyak RM300 ribu ni saya jangkakan untuk pembelian alat-alat seperti GNSS, yang mana menjadi kesukaran dan masalah pejabat-pejabat tanah termasuklah Bandar Baharu dan kalau ada 'equipment' tu memang banyak cukai masalah tanah di daerah-daerah kita. Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Pengerusi, penandaan dan pengukuran belanja RM300 ribu tu untuk pengukuran dan penandaan sempadan negeri. Terima kasih.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan supaya perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan P.25 berjumlah sebanyak **RM3,300,000.00** itu dibenarkan kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Maksud Perbelanjaan P.25 berjumlah **RM3,300,000.00** itu diluluskan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya pohon mencadangkan bahawa ketetapan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa ini patutlah dinyatakan dengan serta merta kepada Dewan.

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini pinta kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon menyatakan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah menimbang dan membuat ketetapan iaitu cadangan-cadangan yang terkandung di dalamnya patut dibenarkan tanpa apa-apa pindaan.
Oleh itu sekarang saya mencadangkan:-

> "Bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 4 Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2021 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (3) Seksyen 4 Akta tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus Lapan Belas Juta Tiga Ratus Dua Belas Ribu Dan Seratus Lima Puluh sahaja (RM218,312,150.00)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya".

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Usul yang berbunyi :-

> "Bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 4 Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2021 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (3) Seksyen 4 Akta tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus Lapan Belas Juta Tiga Ratus Dua Belas Ribu Dan Seratus Lima Puluh sahaja (RM218,312,150.00)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya".

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini pinta kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' SPEAKER

Usul ini diluluskan.

V. ANGGARAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN TAHUN 2022

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Bagi Tahun 2022

YB. DATO' SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan Usul yang Kedua (b) mengenai Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Hutan seperti berikut:-

"Bahawa menurut Sekyen Kecil (1) Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2021 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 57 Akta tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **RM8,962,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Dua Ribu Sahaja)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya".

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDDIN

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan
sekarang ialah satu Usul yang berbunyi :-

"Bahawa menurut Sekyen Kecil (1) Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2021 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (1) Seksyen 57 Akta tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **RM8,962,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Dua Ribu Sahaja)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya".

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini minta kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya.

VI. ANGGARAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR NEGERI BAGI TAHUN 2022

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Anggaran Kumpulan Wang Bekalan Air Bagi Tahun 2022.

YB. DATO' SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan Usul mengenai Anggaran Kumpulan wang Bekalan Air Negeri Bagi Tahun 2022 seperti berikut:-

> "Bahawa menurut Sekyen Kecil (1) Seksyen 4 Enakmen Kumpulan wang Bekalan Air Negeri Kedah Darul Aman 1971, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 12 Tahun 2021 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (2) Seksyen (4) Enakmen tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lapan Juta, Seratus Empat Puluh Tiga Ribu Dan Empat Ratus Sepuluh Sahaja (RM308,143,410.00)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya".

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu

YB. DATO' SPEAKER

Perbahasan secara dasar mengenai Usul ini juga telah pun disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ketika membahaskan Enakmen Perbelanjaan Negeri Tahun 2022. Oleh itu, sekarang saya akan teruskan kepada **ATURCARA PEMBENTANGAN** usul ini seterusnya.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

YB. Dato' Speaker, sebelum kita beralih daripada agenda bajet ni, ada sedikit saya nak ambil kesempatan nak sebut sebab masa pun ada, iaitu kenyataan daripada Yang Amat Berhormat semasa mengulung kelmarin, pertama bajet ini adalah merupakan satu Rang Undang-undang, apabila lulus menjadi undang-undang dan segala perbelanjaan adalah mengikut yang diluluskan. Pertama tak boleh lebih, yang kedua tidak boleh melangkaui 'head' dia tu, kalau bahagian tu, bahagian tu saja, dia tak boleh lebih daripada situ. Ini perlu diambil perhatian sebab ini undang-undang. Bila Yang Amat Berhormat menyebut pada masa yang lepas, SFO-SFO yang lepas ni dia belanja tak ikut bajet. Ini suatu perkara yang saya fikir serius, SFO yang sebelum ni tak ikut bajet, jadi ini satu Rang Undang-Undang dan saya berpendapat mesti ada fakta, kalau tidak disebut oleh Yang Amat Berhormat kan, ada fakta menyebabkan simpanan tak cukup dan sebagainya. Saya menggesa supaya Bahagian Audit membuat siasatan, apakah berlaku pelanggaran undang-undang dari segi perbelanjaan bajet yang dibuat oleh SFO-SFO yang lepas kerana saya mahu tolak apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat, mesti ada sebab. Itu saja sebagai satu catatan untuk kita punya bajet terutamanya untuk pada masa akan datang. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Kita ambil sebagai makluman.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Dato' Speaker, saya mohon penjelasan bila kita bincang tentang peruntukan ni, ada 2 saja yang nak diperjelaskan. Pertamanya mungkin kali pertama lah dibincangkan di sini nampak ada kolum Persekutuan mengganti balik…..(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Buka 'mask'!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Pertama tentang kolum Persekutuan mengganti balik tu telah mula diadakan pada kali ini, sebab memang itu lah hasil rundingan kan antara negeri dan Persekutuan yang akan memberikan komitmen sebagai geran tetapi kemudian. Kita ada 4 kolum tapi saya ingin bertanya tentang pembaikan paip dasar laut 'submarine pipe' yang diletakkan 'totally' di bawah RM20 juta tu sebagai pinjaman. Dalam surat yang diberikan jawapan tak disebut sebagai salah satu komitmen, sebab pernah disebut di Parlimen, mungkin YB. Gurun boleh 'check' balik. Tentang pembaikan 'submarine pipe' ini juga telah pun persetujui untuk diberikan satu sumbangan kepada Kedah untuk 'repair' balik 'submarine pipe' selepas konsesi lah.

Yang keduanya tak nampak peruntukan untuk pengambilan tanah. Semalam dijawab ada RM48 juta lebih kurang diperlukan pengambilan tanah untuk 5 loji ni. Mungkin diletakkan di bawah bidang yang lain bukan di bawah tajuk bekalan air. Jadi, mohon sedikit penjelasan YB. Dato' Speaker.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih. Saya ada jumpa cikgu saya, cikgu saya ada di belakang, cikgu-cikgu ramai tak pa. Persekutuan ganti balik tu asalnya 'loan' jadi geran, dia punya 'term' macam tu, saya pun tak tau. Memang 'term' untuk 'loan' jadi geran dipanggil Persekutuan ganti balik. Untuk perbelanjaan membaiki paip sesalur tu memang 'loan', termasuk dalam amaun yang telah dimigrasikan dah termasuk di bawah PAAB. Memang 'loan', bukan geran, tidak termasuk Persekutuan ganti balik. Apa lagi soalan tadi? Pengambilan tanah dimasukkan ke dalam kos siap projek. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah Usul yang berbunyi :-

> "Bahawa menurut Sekyen Kecil (1) Seksyen 4 Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Kedah Darul Aman 1971, inilah dibentangkan kenyataan cadangan perbelanjaan seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 12 Tahun 2021 dan bahawa menurut Seksyen Kecil (2) Seksyen (4) Enakmen tersebut, inilah dengan ketetapan dibenarkan perbelanjaan sebanyak **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lapan Juta, Seratus Empat Puluh Tiga Ribu Dan Empat Ratus Sepuluh Sahaja (RM308,143,410.00)** yang ditunjukkan dalam kenyataan itu, dan inilah diuntukkan wang yang ditunjukkan bertentang dengan perkara-perkara itu bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalamnya".

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini minta kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' SPEAKER

Usul ini diluluskan.

VII. RANG UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI KEDAH [PINDAAN] 2021

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah (Pindaan) 2021.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah (Pindaan) 2021 dibacakan bagi kali yang pertama.

YB. DATO' SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR
Bacaan Kali Pertama

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut, sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 28 Oktober 2021 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah".

YB. DATO' SURAYA BT YAACOB

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

Bacaan Kali Kedua.

YB. DATO' SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menerangkan Rang Undang-Undang tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Kedua di dalam Persidangan Dewan ini juga.

YB. DATO' SPEAKER - SILAKAN

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR
Bacaan Kali Kedua

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Kedua dan dengan ini sukacita saya memberi sedikit penjelasan mengenai Rang Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah (Pindaan) 2021 seperti berikut.

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Perkara 46 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

Kerajaan Persekutuan telah membuat pindaan kepada umur calon Ahli Dewan Rakyat daripada dua puluh satu tahun kepada lapan belas tahun melalui pindaan Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan. Dalam masa yang sama, pindaan juga telah dibuat pada Seksyen 5 Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan yang telah pun berkuat kuasa pada 2019. Melalui pindaan tersebut, umur seseorang warganegara yang layak untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri ("ADUN") telah diturunkan daripada dua puluh satu tahun kepada lapan belas tahun.

Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan merupakan peruntukan-peruntukan penting *(essential provisions*) yang perlu dimasukkan ke dalam Perlembagaan oleh mana-mana Negeri. Kerajaan Negeri turut mengambil langkah untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah bagi menurunkan umur untuk menjadi calon ADUN di Negeri ini daripada dua puluh satu tahun kepada lapan belas tahun. Pindaan ini akan memberi ruang kepada anak-anak muda untuk turut serta dalam proses demokrasi dalam negara kita.

Perkara 46 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah adalah berkenaan kelayakan ahli yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih layak untuk menjadi Ahli Dewan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker,
Rang Undang-undang ini mengandungi 2 fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Perkara 46 untuk menurunkan umur seseorang warganegara yang layak untuk menjadi Ahli Dewan Negeri daripada dua puluh satu tahun kepada lapan belas tahun

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya mohon mencadangkan agar Rang Undang-Undang ini diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BT YAACOB

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. DATO' SPEAKER

Cadang sudah, sokong pun sudah.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Boleh bahas YB. Dato' Speaker?

YB. DATO' SPEAKER

Boooleeehhh!!! Ni baru nak habaq ni, boleh bahas.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI MOHD ZAWAWI

Oh! Boleh bahas. Ingatkan dah sokong tak boleh berbahas dah. Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kaSih kepada YAB. Jeneri kerana bentang usul pindaan ini. Sebenarnya usul ini usul yang boleh dikatakan tak dak pilihan untuk kita menolak pun kerana usul untuk menurunkan umur mengundi hari tu 21 kepada 18 telah pun diluluskan oleh Parlimen. Jadi, diperingkat Parlimen bukan saja menurunkan umur pengundi bahkan juga calon Parlimen. Calon Parlimen juga turut turun, jadi 18. Jadi, kalau pilihanraya tu kita kata nak tolak, keadaannya tak boleh nak tolak, dia berbeza lah, macam mana pula di Parlimen nanti ada calon Ahli Parlimen umur 18 tahun, 19, mai calon negeri kita tak benarkan, mesti umur 21. Itu daripada satu sudut, ertinya ini lebih kepada satu penyelarasan antara undang-undang negeri dengan undang-undang di peringkat Persekutuan. Jadi, diturunkan umur, dia boleh mengundi dan dia juga boleh menjadi calon. Itu satu perkara yang kita sokonglah.

Cuma sekarang ni, yang perlu ditarik perhatian adalah kesedaran mengenai demokrasi berperlembagaan. Mereka yang akan mengundi 18 tahun ke atas ni adalah mereka yang baru keluar daripada sekolah, itu saja isu dia. 17 tahun dia SPM, lepas tu tahun berikut dia boleh mengundi dan dia boleh menjadi calon, dia sudah terlibat dalam sistem demokrasi. Pada ketika itu mungkin dia pelajar tingkatan 6, mungkin dia pelajar universiti, metrik. Jadi, dalam masa belajar pun dia sudah boleh masuk politik. Ertinya kelonggaran kepada politik mesti dibuka. Kalau institusi di bawah kerajaan negeri tak boleh kata yang di sekolah ni jangan campur politik, tak boleh sebab undang-undang sudah membolehkan. Itu satu benda kalau di peringkat Persekutuan juga betullah di universiti sudah boleh berpolitik, dibuka forum-forum, diperbetulkan semua sekatan-sekatan.

Saya berharap dalam konteks Jabatan Pendidikan, oleh kerana mereka baru nak mula masuk dan mereka nak mula menggunakan hak sebagai demokrasi, mesti ada satu kesedaran demokrasi ini mesti ada satu subjek ataupun satu tajuk dalam mana-mana subjek tatanegara yang akan menerangkan demokrasi berperlembagaan kepada pelajar semasa dia tingkatan 4 ataupun tingkatan 5 sebelum dia meninggalkan alam persekolahan. Kalau tidak, dia akan jadi warganegara yang ikut suka, dia pun tak faham apadia, akhirnya dia boleh mengundi. Jadi, kita tak dapat manfaat daripada sistem demokrasi. Jadi, hendaklah mereka faham apadia yang dikatakan parti politik ni apa? Yang kata Dewan Undangan Negeri dan Parlimen ni apa? Penerangan di mana kedudukan dalam susunan demokrasi.

Jadi, bahagian pendidikan hendaklah menganggap ini sebagai salah satu subjek dan jangan lihat politik ini satu benda yang tak betul, tak baik sebabnya perlembagaannya begitu. Yang tak betul tu orang yang berpolitik tu, politik sebenarnya ok, sebab itu kita menerima sistem demokrasi berperlembagaan, demokrasi berparlimen dan juga kena faham demokrasi berparlimen dia adalah berkembar dengan raja berperlembagaan. Tang mana kuasa raja dalam sistem demokrasi kita mana-mana kuasa Dewan-dewan Undangan Negeri juga Dewan Parlimen. Kuasa raja bukan sahaja sebagai penaung tetapi adalah kuasa. Tentunya dalam isu pelantikan Menteri Besar, itu kuasa raja, dalam pelantikan dia ada hak. Jadi, dalam nak menurunkan pula Menteri Besar, tak boleh, LA ada lah dia boleh bagi nasihat kalau saya kata tak betul. Jadi, sekarang saya masih lagi nak menyuarakan harapan supaya mana-mana institusi pendidikan di bawah negeri dan juga mana-mana kursus pelajar dan sebagainya kalau boleh dimasukkan kerana kita sudah mula meluluskan supaya mereka faham bagaimana mereka nak 'exercise' mereka sebagai warganegara yang telah pun diberi peluang untuk menyertai sistem demokrasi. Itu saja pandangan saya YB. Dato' Speaker dalam menyokong usul ini. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang ini. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan bahawa saya menyokong penuh lah RUU Pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah Bahagian 3 Perkara 46 di bawah tajuk "Kelayakan Ahli Majlis Undangan supaya tiap-tiap rakyat berumur 18 tahun atau lebih yang tinggal dalam negeri ini layak menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri". YB. Dato' Speaker, antara yang menjadi teras kepada sokongan penuh saya ini adalah kerana akhir-akhir ini kerap dan banyak terdapat urusan negeri dan juga negara yang melibatkan secara langsung kepentingan anak-anak belia kita yang berusia 18, 19 dan 20 tahun ini. Bagi saya kelayakan kepada kelompok 18, 19 dan 20 ini mesti disegerakan supaya keadilan itu diberikan kepada mereka kerana keadilan yang tertangguh itu adalah keadilan yang dinafikan, itu dari segi konsepnya. Jadi, saya berharap supaya pindaan ini dapat diluluskan dan diwartakan sebelum PRU 15 dipanggil.

Yang keduanya saya ingin juga sebut tentang alasan bagi kelompok yang selalu meremehkan kemampuan generasi 18, hingga 20 ini adalah kononnya generasi ini kurang ilmu dan kurang pengalaman. Dalam pergaulan saya, saya dapat lihat kurang pelaman dan kurang ilmu ni kadang-kadang bukan sekadar kepada golongan belia 18 hingga 20 saja, 40-an, 50-an pun kalau tak baca, dia kurang sikit ilmu, dia tak tahu juga apa sebenar kuasa dan hak yang ada pada mereka. Jadi, bagi saya itu tidak menjadi satu halangan untuk kita dedahkan golongan ini kepada konsep pentadbiran baru bukan sekadar mereka terlibat secara langsung sebagai pengundi malah mereka boleh juga terlibat jika ada yang layak menjadi calon. Oleh itu YB. Dato' Speaker, saya sokong 100 peratus supaya disegerakan memandangkan situasi semasa lebih terdedah dengan maklumat dan anak-anak belia ini boleh mendapat pelbagai maklumat. Parti Keadilan telah memberikan sepenuh kepercayaan juga meletakkan di Melaka dan mengiktiraf calon yang berumur 21 tahun sebagai wakil yang diketengahkan dalam pilihanraya. Terima kasih.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Gurun nampak takut-takuuuut… tengok Speaker.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Hari ni pakai YB. Speaker tegur 'psychologically' dia punya 'effect'. Walaupun saya pakai jeket ni di Parlimen tak kena tegur, mai-mai Dewan Undangan Negeri kena tegur, terkejut pagi tadi, masuk-masuk kena. Tapi saya minta maaf YB. Dato' Speaker, lain kali saya tak pakai jeket ni dah. Pasal amalan di Parlimen tu agak 'relax'.

YB. Dato' Speaker, saya amat menyokong pindaan ini atas beberapa sebab. Yang pertama, sudah tentu kita tidak boleh memperbudakkan mereka yang berumur 18 tahun ni kerana dalam polis dan tentera pun kita mula mengambil anak-anak muda yang berumur 18 tahun untuk menganggotai sama ada tentera atau polis sementara kita memberikan senjata kepada mereka untuk mempertahankan diri ataupun menyerang musuh dan memberi nyawa mereka kepada Negara, tiba-tiba mai pilihanraya kita kata, "oh! Hampa budak-budak lagi, tak boleh mengundi". Jadi pelik lah, waktu perang kita suruh depa pi perang, waktu mengundi kita tak bagi depa. Jadi, sudah tentu benda yang sama juga kita sebut dalam Parlimen supaya anak-anak muda ni kita tak boleh 'underestimate' sebab maklumat di hujung jari. Itu yang pertama YB. Dato' Speaker.

Yang keduanya saya kira zaman telah berubah. Jadi, teknologi canggih, jadi maklumat-maklumat yang sampai kepada anak muda kita jauh lebih pantas berbanding zaman YB. Dato' Speaker dan saya dahulu. Semasa tingkatan 6 kita bawa buku tebal-tebal nak baca buku, sekarang ni budak-budak tak bawa buku dah, semuanya berada di sini (sambil menunjukkan handphone). Ini sudah tentu taraf 'futurity' mereka lebih pantas daripada sekarang.

Cumanya YB. Dato' Speaker, masalah yang kita bincang sekarang adalah pendedahan, sejauh mana seperti yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi sejauh mana kita mendedahkan anak-anak muda kita ini kepada aliran politik. Sebab itu saya ingin mencadangkan khususnya kerajaan negeri, perbanyakkan sokongan kita terhadap NGO-NGO. Kita mempunyai banyak universiti-universiti yang handal di Kedah kita dan harus saya kira kerajaan negeri mengambil inisiatif di bawah Exco Pendidikan khususnya memberikan peluang kepada persatuan-persatuan universiti bergabung dengan NGO-NGO kita.

Saya terlibat dalam STROP, saya turun, saya sekarang ni pakai STROP, YAB. Jeneri bantuan pun saya akan bagi STROP, sebab saya nak katakan bahawa inilah peluang terbaik untuk kita lupakan warna parti tetapi kita bergabung di bawah satu NGO dan memberikan kesedaran kepada rakyat kita bahawa di samping parti, kita juga ada ilmu-ilmu lain yang boleh kita bersama dan mencambah fikiran.

Saya rasa banyak NGO-NGO yang boleh kita tubuhkan terutamanya YB. Kupang menjaga pendidikan, buka ruang, jangan kita rijitkan sebab orang kita ni YB. Dato' Speaker, pergilah di mana pun, pergi Johor ka, pergi Kelantan ka di mana, orang cukup ramai dan ramai orang Kedah yang berjaya, dalam korporat pun berjaya, politik pun kita berjaya. Kita ada berapa Perdana Menteri dah dari Kedah? Jadi, ini adalah satu rekod yang menunjukkan bahawa kita boleh menjadi 'a bridging state' 'young bride', 'young leaders, 'good leaders', 'competent leaders', sama ada dalam politik ataupun dalam pentadbiran. 'This are good people' yang kita kena buka ruang seluas-luasnya. Jadi, saya memohonlah kalau boleh YAB. Jeneri 'spend time' dengan kawan-kawan dalam Exco untuk memberikan sedikit ruang supaya NGO-NGO yang ada ni kita cambahkan dan memberikan peluang kepada mereka dan memberikan sedikit peruntukan supaya kita 'target' dalam satu tahun berapa orang. Sekarang Parlimen Muda akan mengadakan pilihanraya mereka, saya ingat YB. Kuah dan kawan-kawan yang lain harus semarakkan supaya orang-orang Kedah ni boleh, kalau boleh lah mendominasikan Parlimen Belia di Kuala Lumpur nanti. Ini akan memberikan mereka pendedahan awal dan kita InsyaAllah boleh 'produce'kan 'good political leaders' dari Kedah yang boleh kita banggakan dalam masa 10 hingga 15 tahun yang akan datang. Saya dengan penuh hati menyokong pindaan ini. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Ada lagi? Kita dekat dah pukul 1.00 tu. Cuma saya duk pikiaq la ni wakil rakyat boleh umur 18. Speaker boleh umur 18 tak tau nak mai duduk tang ni? Dia ada 'silence' sikit kut dalam undang-undang ni dia tak sebut Speaker ni umur 18 dak ka.

Haa… Silakan YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas tentang Pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri pada kali ini untuk kita menurunkan had umur mengundi dan juga had umur menjadi calon sepertimana yang telah disebut oleh YB. Alor Mengkudu. Ini merupakan suatu perkara yang kita panggil tak dak pilihan dan telah pun dibuat di peringkat Persekutuan tentang had umur untuk mengundi dan menjadi calon dan kita di Negeri Kedah untuk turut serta dalam apa yang telah pun diputuskan. Sepertimana yang telah pun diperjelaskan sebentar tadi, bila perkara ini telah pun dipersetujui dan diputuskan dalam kerajaan sebelum dan kajian-kajian yang dibuat untuk menurunkan had umur ini tak

dibentangkan secara langsung kepada Ahli Parlimen dan ADUN-ADUN dan apabila ia telah diluluskan maka kita mesti mengadakan pelan tindakan untuk kita memastikan anak-anak kita ini benar-benar bersedia dalam apa yang telah pun disebut oleh YB. Alor Mengkudu daripada sudut pendidikannya, system pendidikan mata pelajaran yang kita nak ajar kepada anak-anak kita. Kalau saya tak silap, semasa kita belajar dulu lah kita jumpa mata pelajaran ini saya jumpa lebih khusus semasa tingkatan 6 dalam mata pelajaran Pengajian Am. Ia diajar tentang sistem Parlimen, demokrasi, Dewan Undangan Negeri, Dewan Negara, Dewan Rakyat dan sebagainya. Jadi, mungkin di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menurunkan mata pelajaran yang dipelajari Pengajian Am ini di peringkat yang lebih bawah supaya anak-anak kita dari tingkatan 3, tingkatan 4, telah pun didedahkan kepentingan pilihan yang mereka buat itu, memilih pemimpin itu yang akan menentukan masa depan besar bukan hanya kepada sistem pendidikan tetapi juga kepada negara secara umumnya.

Yang keduanya, kita pun berbahasdari sudut keluarga yang menjadi institusi utama dalam mendidik anak-anak. Hari ni apabila kita menyebut tentang masalah sosial dikaitkan kepada remaja, kepada anak-anak muda dan ia akan memberi kesan yang besar kepada mereka sama ada nak ambil tau ataupun tak ambil tau urusan politik negara. Sedangkan kita bagi umat Islam kita menyebut politik ini sebahagian daripada agama, tuntutan agama. Kenapa? Nak memilih pemimpin. Nabi s.a.w dalam memberikan suatu pengiktirafan kepada 7 golongan Assafa'tun muzilluhumulla hufi zhulihi yaumala khilla illa khulluh. Ada 7 golongan yang akan mendapat naungan daripada Allah di hari akhirat nanti di mana tak dak naungan lain dan Nabi meletakkan golongan yang pertama "imamun 'aadil" (pemimpin yang adil) yang akan dipilih merupakan pemimpin-pemimpin masyarakat. Jadi, ia merupakan suatu pengiktirafan dalam Islam, tugas pemimpin ini dan sudah pasti mereka yang nak memilih ini juga ia merupakan suatu yang perlu kita sebut sebagai dididik, diasuh, diberikan suasana yang baik. Jadi, kita mengharapkan agensi-agensi kerajaan mesti berusaha untuk perbaiki kekeluargaan kita supaya masalah-masalah social yang berlaku kepada anak-anak muda, kepada remaja kita ini dapat kita minimumkan dan dapat kita membentuk suasan yang baik dalam masyarakat kita. Saya rasa YB. Dato' Speaker pun duk tengok saya, duk tengok jam. Jadi, InsyaAllah saya ambil masa yang pendek mungkin ada rakan-rakan yang lain yang akan memberikan hujah. Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberikan ruang dan peluang untuk berbahas.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Ada lagi?

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Wakil! Wakil! YB. Dato' Speaker, terima kasih. Kita tau umur 18 ni dia da banyak rasional dan ada banyak cabaran dia. Bila kita turunkan had umur nak jadi pengundi, paling penting nak jadi wakil rakyat.

Tapi kita tak boleh ambil 'estimate' (dengan izin) belia-belia ini kerana mereka dalam dunia globalisasi, transformasi, automasi, digitalisi malah mereka matang bukan seperti kita sekarang lah walaupun saya dulu matang awal jugak lah. Rasionalnya juga bila kita melihat warga belia ni dia boleh memberi satu landskap pembangunan negara yang berbeza kerana belia yang berumur 18 ini dia mewujudkan satu ruang 'diversity' di mana golongan ini dia melihat idea dan juga dia melihat suatu benda tu perspektif dia berbeza daripada kita sekarang. Dan ada juga yang mengatakan cabaran bahawa "depa ni matang ka dalam politik"? Tetapi kalau depa ni tidak dimasukkan dalam sistem politik itu sendiri depa pun memang tak akan faham apakah itu politik. Macam saya dulu pun saya masuk politik awal juga, umur 18 saya dah ekspres masuk 'first digree',

Alhamdulillah dan masa itu, ketika itu institusi pengajian tinggi masih membenarkan parti politik untuk masuk sebelum ada akta-akta dan mungkin kerajaan perlu melihat balik akta-akta ini supaya bagaimana parti politik boleh terlibat untuk memberi pendedahan kepada belia-belia, kepada warga umur 18 ini untuk memahami system-sistem politik itu sendiri. Dan kita tau Akta Umur Dewasa 1971 Akta 21 yang mana umur 18 tahun dah boleh kahwin, umur 18 tahun dah boleh kerja, dah boleh ada lesen, dah boleh masuk polis, bomba dan sebagainya. Jadi, dah memang kira betullah kita membawa RUU ini untuk membenarkan umur diturunkan dan saya tau 7 negeri dah selesai, Pulau Pinang, Sabah, Kelantan, Ternggganu, Perlis, Sarawak dan juga Perak dan saya mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah lah kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana membawa usul ini untuk kita sama-sama terima dan memberikan ruang kepada warga belia yang berumur 18 tahun untuk memilih dan juga menjadi wakil rakyat dan ini kerajaan perlu melihat bagaimana untuk 'educate' (dengan izin) umur 18 ini kepada belia-belia ini di mana bukan saja di institusi, bukan saja di kolej, di kampung-kampung, di taman-taman dan juga semua komuniti perlu melibatkan diri supaya mereka jelas, mereka faham apakah itu politik, apakah system politik demokrasi berparlimen untuk kita menjadi wakil dan juga memilih kerajaan nanti, InsyaAllah. Terima kasih, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ada penggulungan.

YB. DATO' SPEAKER

Oh! Silakan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Speaker, saya menerima pakai ucapan perbahasan daripada YB. Alor Mengkudu, YB. Gurun, YB. Suka Menanti, YB. Sungai Limau dan YB. Bandar Baharu dimasukkan dalam ucapan penggulungan saya. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi "Suatu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah**.**

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipertsetujui)

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

YB. DATO' SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 1

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak'

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Fasal 1 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 2

YB. DATO' PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak'

(Dipersetujui)

YB. DATO' PENGERUSI

Fasal 2 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.

YB. DATO' PENGERUSI

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbangkan oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO' SURAYA BT YAACOB

Yang Berhormat Dato' Speaker, Saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. DATO' SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Ketiga dan sekarang diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2021".

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. Bacaan Kali yang Ketiga.

VIII. USUL PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI KEDAH TAHUN 2019 DAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1 AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI KEDAH KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI KEDAH

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2019 dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah.

YB. DATO' SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk mencadangkan usul tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan suatu Usul yang berbunyi:-

> "Bahawa Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2019 dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 13 Tahun 2021 itu diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri untuk memeriksa dan menyampaikan penyata dan cadangan-cadangan berkenaan dengan kira-kira itu kepada Dewan ini".

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan ini.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah satu usul yang berbunyi :-

> "Bahawa Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2019 dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 13 Tahun 2021 itu diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri untuk memeriksa dan menyampaikan penyata dan cadangan-cadangan berkenaan dengan kira-kira itu kepada Dewan ini".

YB. DATO' SPEAKER

Tuan-Tuan yang bersetuju dengan cadangan ini pinta kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. DATO' SPEAKER

Usul ini diluluskan.

IX. TANGGUHAN SIDANG DEWAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tangguhan Sidang Dewan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana perkara-perkara di dalam Agenda Persidangan Dewan pada kali ini telah pun selesai dibincangkan, maka saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 16(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya persidangan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga perjalanan urusan mesyuarat dapat berjalan dengan sempurna dan teratur. Kerjasama yang begini diharap dapat diteruskan dengan baik lagi di masa-masa yang akan datang.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang Dewan kali ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan diberitahu kelak.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 1.45 tengahari]